



HUBUNGAN IBU BAPA & ANAK

PANDUAN PENGASUHAN




HISHAM ALTALIB • ABDULHAMID ABUSULAYMAN • OMAR ALTALIB

HUBUNGAN IBU BAPA & ANAK:
PANDUAN PENGASUHAN

HUBUNGAN IBU BAPA & ANAK

PANDUAN PENGASUHAN

Hisham Altalib
AbdulHamid AbuSulayman
Omar Altalib



International Institute of Islamic Thought - IIIT East and Southeast Asia
Kuala Lumpur, Malaysia

Hubungan Ibu Bapa & Anak: Panduan Pengasuhan diterbitkan oleh International Institute of Islamic Thought East and SouthEast Asian (IIIT ESEA 2022). Ia adalah terjemahan buku Parent-Child Relations: A Guide to Raising Children (Revised 2022) terbitan IIIT. Buku asal telah diterbitkan oleh IIIT pada tahun 2013.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data-Pekatalogan-dalam-Penerbitan

Hubungan Ibu Bapa & Anak: Panduan Pengasuhan
Penulis: Hisham Yahya AlTalib, Abdul Hamid Ahmad Abu Sulayman, Omar Hisham AlTalib.

ISBN 979-967-388-222-9

HUBUNGAN IBU BAPA & ANAK: PANDUAN PENGASUHAN

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan foto dalam apa-apa juga bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan, elektronik atau cara-cara lain tanpa mendapat izin bertulis dari IIT terlebih dahulu

Typesetting dan rekaan kulit hadapan	: Hulaym
Reka letak dan gambar tambahan	: Hulaym
Ketua Editor	: Prof. Dr. Md. Sidin Ahmad Ishak
Sub Editor	: Latifah Ulfa Ismail, Maria Kamel
Penterjemah	: Grup Penterjemah Abim

Gambar © freepik.com

Gambar © shutterstock

Dicetak Oleh:

ABIM PRESS

Taman Cemerlang, 53100 Kuala Lumpur

Emel: abimpressmy@gmail.com

PENULIS



Hisham Yahya Altalib

Dr. Hisham Yahya Altalib dilahirkan di Mosul, Nineva, Iraq pada tahun 1940. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan elektrikal dari Universiti Liverpool (1962) dan Ijazah Doktor Falsafah juga di dalam bidang kejuruteraan elektrikal dari Universiti Purdue di Lafayette, Indiana, Amerika Syarikat (1974)

Semasa beliau bekerja sebagai jurutera elektrikal, Dr. Hisham bergiat aktif dalam kerja-kerja dakwah Islam di Amerika Utara yang masih dilakukannya sehingga kini. Beliau memegang beberapa jawatan dalam pelbagai organisasi Islam termasuk Pengarah sepenuh masa di Jabatan Latihan Kepimpinan Kesatuan Pelajar-Pelajar Islam Amerika Syarikat dan Kanada (MSA) (1975-1977) dan Setiausaha Agung Persatuan Gabungan Pelajar-Pelajar Islam Antarabangsa (IIFSO) pada tahun 1976. Beliau mengendalikan banyak kursus latihan dan seminar di Amerika dan di luar negara.

Sebagai ahli kumpulan pengasas dan Pengarah Yayasan SAAR (1983-1995) serta ahli kumpulan perintis Institut Pemikiran Ilmu-Ilmu Islam Antarabangsa (IIIT) pada tahun 1981, beliau juga adalah penulis *Mithaq al-Sharaf al-Da'awy* (dalam bahasa Arab) dan sebuah buku yang terkenal, *A Training Guide for Islamic Workers* yang sehingga ke hari ini diterjemahkan ke dalam lebih daripada 20 bahasa. Beliau kini adalah Pengarah Kewangan IIIT.

Beliau adalah seorang ayah dan datuk.



AbdulHamid Ahmad Abu Sulayman

Dr. AbdulHamid Ahmad Abu Sulayman dilahirkan di Makkah pada tahun 1936. Beliau menghabiskan zaman persekolahan sehingga ke sekolah tinggi, juga di Makkah. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perniagaan dari Universiti Kaherah (1959) dan Ijazah Sarjana di dalam Sains Politik dari Universiti Kaherah (1963) serta Ijazah Doktor Falsafah dalam Perhubungan Antarabangsa dari Universiti Pennsylvania (1973).

Beliau menyandang pelbagai jawatan di sepanjang kerjaya termasuk setiausaha kepada Jawatankuasa Perancang Negeri, Arab Saudi (1963-1964); pengasas Kesatuan Ahli Sains Sosial Muslim (AMSS) (1972); Setiausaha Agung Kesatuan Pemuda Muslim Dunia (WAMY) (1973-1979); Pengurus, Jabatan Sains Politik di Universiti King Saud, Riyadh, Arab Saudi (1982-1984); dan Rektor Universiti Islam Antarabangsa (IIU) Malaysia (1988-1998).

Beliau yang terlibat dalam menguruskan banyak konferens dan seminar akademik antarabangsa kini adalah Presiden Insititut Pemikiran Ilmu-Ilmu Islam Antarabangsa (IIIT) dan penulis bagi banyak artikel dan buku mengenai reformasi masyarakat Islam termasuk Teori Islam Mengenai Perhubungan Antarabangsa: Hala Tuju Baru kepada Pemikiran dan Metodologi Islam (*The Islamic Theory of International Relations: New Directions for Islamic Methodology and*

Thought); Krisis Minda Muslim (Crisis in the Muslim Mind); Perselisihan Perkahwinan: Menawan Kembali Semangat Islam Sepenuhnya Terhadap Maruah Kemanusiaan (Marital Discord: Recapturing the Full Islamic Spiritual of Human Dignity); Penyegaran Semula Pendidikan Tinggi di Dunia Islam (Revitalizing Higher Education in the Muslim World) dan Sarwa Pandang Al-Qur'an: Batu Loncatan untuk Pengisian Budaya (The Qur'anic Worldview: A Springboard for Cultural Reform).

Beliau adalah seorang ayah dan datuk.



Omar Hisham Altalib

Dr. Omar Hisham Altalib dilahirkan di Kirkuk, Iraq pada tahun 1967. Namun beliau bersama ibu bapanya berhijrah ke Amerika Syarikat pada tahun 1968. Beliau menamatkan pendidikan formalnya di Universiti George Mason pada tahun 1989 dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Sosiologi dan memperoleh Ijazah Sarjana (1993) dan Ijazah Doktor Falsafah (2004) pada tahun 2004 dalam bidang Sosiologi dari Universiti Chicago. Beliau dianugerahi Biasiswa Pendidikan Tinggi dari Yayasan Sains Kebangsaan (National Science Foundation) (1989-1992) dan menjadi Profesor Adjung di Kolej Daley, Chicago (1998) dan di Universiti Indiana Northwest, Gary, Indiana (1999).

Beliau merupakan Pembantu Profesor di Jabatan Sosiologi dan Kriminologi di Universiti Ashland, Ohio (2000-2003) dan berkhidmat sebagai Jurutera Ilmu Kanan di Science Application International Corporation di Alexandria, Virginia (2005-2006). Beliau juga pernah menjadi Pembantu Profesor di Jabatan Sosiologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (2009-2011). Dr. Hisham banyak menulis artikel mengenai keluarga, pendidikan, wakaf, organisasi amal dan kerja-kerja sosial. Beliau kerap menghadiri pelbagai seminar akademik dan gemar mengembara ke serata dunia.

PENGHARGAAN

Kepada Dr. Ahmad Totonji, Dr. Fathi Malkawi, Dr. Jamal Barzinji dan Dr. Yaqub Mirza, kami ingin menyampaikan penghargaan yang sesungguhnya kerana memastikan kelancaran perjalanan Institut Antarabangsa Pemikiran Ilmu-Ilmu Islam (International Institute of Islamic Thought (IIIT)) semasa kami bekerja keras menyiapkan karya ini.

Kami juga mengucapkan terima kasih kami kepada para pengulas yang memberikan pelbagai cadangan berguna untuk memperbaiki teks khasnya Batoul Tu'mah, Zainab Alawi, Michele Messaoudi, Wanda Krause, Maida Malik, Sara Mirza dan Gasser Auda. Terima kasih kepada Dr. Iqbal Unus yang mengulas jadual kandungan yang pertama dan kepada Lina Malkawi serta Zeena Altalib yang menyediakan dan memformatkan karya seni awal buku ini dan memberi sumbangan yang berharga kepada manuskrip.

Penghargaan kami juga untuk:

Almarhum Akbar Ali Mir, Ashraf Sabrin, Saif Altalib, Zaid Altalib, Noha Altalib, dan

Mahmoud Sherif yang menaip dan membuat beberapa salinan deraf buku ini.

Dr. Tanveer Mirza dan Salma Ashmawi yang telah memberikan contoh sebenar melalui bengkel-bengkel keibubapaan yang dianjurkan di ADAM (All Dulles Area Muslim Society) di Herndon, Virginia, Amerika Syarikat.

Junaina Abdullah yang membantu melihat semula video keibubapaan dan kepada Layla Sein atas ulasan beliau yang berwawasan.

Hasan Altalib yang menyediakan banyak rujukan berharga dan komen-komen yang berguna untuk persembahan, kandungan dan format teks buku ini.

Kami sangat bertuah kerana mempunyai Salwa Medani di pejabat kami yang bekerja dengan tekun memeriksa dan memperbaiki manuskrip ini setiap hari. Rahmat yang besar diturunkan kepada kami dengan kehadiran Shiraz Khan di pejabat kami di London. Beliau editor yang istimewa dan luar biasa, penuh dengan kreativiti dan maklum balas yang kritikal, malah sumber galakan yang hebat. Kami juga berterima kasih kepada Salma Mirza atas kerja-kerja suntingan beliau untuk edisi baharu ini yang memberi perhatian penuh kepada kelancaran dan struktur manuskrip ini.

Seterusnya kami sangat terhutang budi kepada Dr. Imad-ad-Deen Ahmad, presiden Yayasan Kebebasan Menara (Minaret Freedom of Foundation) atas kerja-kerja penyuntingan yang sangat teliti, penambahan-penambahan yang penting dan cadangan-cadangan yang sangat membina.

Kami sangat berterima kasih kepada Sylvia Hunt atas penyuntingan salinannya yang bersungguh-sungguh, Salma Mirza atas pembacaan prufnya yang sangat hebat dan kepada Abdallateef Whiteman atas reka bentuk dan susun atur yang mengagumkan. Terima kasih yang teristimewa juga untuk Hanna, anak perempuan Abdallateef atas ilustrasi lukisan tangannya yang indah. Penghargaan kami yang mendalam dipanjangkan kepada kakitangan IIIT di pejabat kami di London atas kualiti kerja mereka dan pengawasan ke atas produksi versi akhir buku ini.

Cadangan yang tidak ternilai dan pandangan profesional daripada pakar pendidikan dan psikologi, Almarhum Dr. Ishaq Farhan, Dr. Abdul Latif Arabiyyat, Almarhum Dr. Mahmoud Rashdan, Dr. Fathi Malkawi dan Dr. Abdul Rahman al-Naqeeb yang menyumbang secara signifikan kepada kualiti buku ini.

Kami berterima kasih kepada keluarga kami kerana menyediakan suasana yang selesa dan menggalakkan untuk mengurangkan tekanan di sekeliling kami semasa kami mengerjakan manuskrip ini. Penghargaan istimewa kepada Dr. Ilham Altalib, pasangan hidup Dr. Hisham selama 46 tahun, yang tanpa galakan dan pengorbanan beliau yang tiada batas, manuskrip ini tidak mungkin mampu menemui pembaca semua. Pandangan dan komen beliau yang sangat diperlukan mengenai keibubapaan adalah sumber inspirasi yang berterusan dalam penghasilan karya ini. Sejumlah masa yang dihabiskan untuk karya ini adalah ‘dipinjam’ daripada masa bersama keluarga dan khasnya cucunda kami Yusif dan Ameen yang berusia 7 dan 5 tahun.

Segala puji akhirnya kembali kepada Yang Maha Mengetahui dan Yang Maha Kuasa, yang memberikan kami kekuatan untuk menyempurnakan tugas ini.

DEDIKASI

KEPADA IBU DAN AYAH KESAYANGAN yang telah melimpahkan kami dengan cinta, pengorbanan dan belas kasihan di sepanjang kehidupan kami; yang menghargai setiap perkembangan kami, membesarlu dan mendidik kami dengan sebaik-baik yang termampu oleh mereka. Walaupun mereka kekurangan latihan dan pendidikan formal, mereka berusaha meneladani amalan-amalan ibu bapa mereka dahulu menggunakan kebijaksanaan, logik akal dan pengalaman generasi serta tamadun terdahulu yang telah terbukti berkesan dalam mendidik kami mengenal erti kebenaran, keimanan dan kemandirian. Semoga Allah melimpahkan rahmat-Nya ke atas roh-roh mereka.

Kepada semua ibu bapa di jagat kita hari ini yang bekerja keras membesarkan anak-anak yang berjaya. Meski pun mereka ini mempunyai niat yang baik, mereka masih memerlukan ilmu dan kemahiran yang penting untuk berkomunikasi dengan anak mereka secara bijaksana serta membina hubungan kekeluargaan dan persekitaran rumah tangga yang bahagia dan penyayang, yang sangat kita semua inginkan.

Kepada semua keluarga yang berhasrat membesarkan anak-anak mereka menjadi lelaki dan wanita yang berkaliber, mempunyai nilai dan kualiti yang berkaitan dengan kebenaran, kejujuran, keberanian, kasihan belas, kreativiti dan keimanan serta kekuatan minda dan sikap berdikari yang penuh tanggungjawab.

Kepada isteri-isteri dan anak-anak yang telah menanggung kesukaran dan tekanan bertahun-tahun lamanya, tidak termasuk kesabaran yang tidak berkesudahan serta galakan yang tidak putus-putus semasa kami menjalankan penyelidikan dan penulisan buku ini.

Kepada mereka semua yang disebutkan di atas, kami persembahkan usaha kecil ini.

Semoga Allah Yang Maha Berkuasa dan Yang Maha Esa menerima usaha kami yang tulus ini dalam membawa keharmonian, keamanan dan pengislahan kepada umat manusia.

KATA PENGANTAR

International Institute of Islamic Thought East and SouthEast Asia (IIIT ESEA) telah memulakan siri terjemahan buku-buku terpilih ke Bahasa Melayu pada tahun 2020. Tujuan utama siri terjemahan IIIT ESEA adalah untuk membolehkan pemikiran Islam semasa yang di pelopori oleh IIIT sejak 1981 lebih mudah tersebar di Malaysia serta di alam Melayu Nusantara. IIIT adalah sebuah organisasi bukan kerajaan antarabangsa yang berpengkalan di Herndon, Virginia, Amerika Syarikat.

Secara khusus, IIIT memajukan agenda Integrasi Ilmu. Proses ini mempunyai beberapa langkah termasuk proses mengkaji ilmu dan disiplin moden serta ilmu dari turath al-Islami secara kritis. Ini akan di ikuti dengan ‘creative synthesis’ yang berupaya untuk menyelesaikan masalah umat dan juga manusia sejagat dengan pendekatan-pendekatan yang berteraskan perspektif Islam. Melalui siri terjemahan ini, IIIT ESEA berhasrat memberikan sumbangan kecil kepada pembaca dan penyelidik di rantau ini untuk mengenali dengan lebih mendalam karya-karya pemikiran Islam semasa.

Buku terjemahan *Parent-Child Relations- A Guide to Raising Children (2nd Edition)* di harap dapat memberikan pengajaran kepada semua ibubapa bagaimana membesarkan anak-anak secara holistik. Unit keluarga merupakan unit asas dalam sesuatu tamaddun. Nilai-nilai hidup asas dan pembentukan keperibadian manusia di pupuk dan di bentuk dalam institusi keluarga yang sihat. Buku ini menggariskan kaedah untuk membina dan membesarkan manusia yang baik, memiliki kemampuan moral dan kepimpinan berkualiti. Semoga buku ini dapat memberikan manfaat kepada semua ibubapa dan bakal ibubapa.

Pihak IIIT ESEA merakamkan penghargaan kepada kumpulan penterjemah dari ABIM yang terdiri daripada Latifah Ulfa Ismail, Maria Kamel, Dr. Mohd Faridh Omar, Nor Azura Kamarudin Sohaimi, Hawa Mas Azwar Ahmad, Hawa Mas Azmar Ahmad, Fatin Nur Majdina Nordin, Dr. Asma Hakimah Abdul Halim dan Affaf Abdul Halim di atas usaha mereka menyokong agenda ilmiah ini.

Semoga usaha memperbanyakkan buku-buku ilmiah yang berkualiti dalam Bahasa Melayu akan meningkatkan taraf perbincangan dan perdebatan intelektual di kalangan masyarakat Malaysia di masa depan.

IIIT East and SouthEast Asia
Kuala Lumpur, MALAYSIA
Dhul Hijjah 1443/Julai 2022

ISI KANDUNGAN

PENULIS	V
PENGHARGAAN	VI
DEDIKASI	VIII
KATA PENGANTAR	IX
ISI KANDUNGAN	X
SEJARAH	XXIV
MATLAMAT DAN OBJEKTIF	XXVI
PENGENALAN	XXIX

BAHAGIAN SATU BAB 1-BAB 7 1

KEIBUBAPAAN: MENETAPKAN ASAS

BAB 1	3
-------------	---------

Keibubapaan yang Baik: Apa dan Bagaimana Kita Bermula?

- Pengenalan **4**
- Fasa Pertumbuhan Anak **6**
- Cara Kita Membesarkan Anak: Pelbagai Gaya Keibubapaan **6**
- Apa Yang Boleh Meramalkan Gaya Keibubapaan? **10**
- Memulakan Keibubapaan Yang Baik: Sekilas Pandang tentang Tugas Mendatang **11**
- Mengguna Pakai Sumber Informasi Tentang Keibubapaan **16**
- Patutkah Subjek Keibubapaan Diajar di Sekolah Menengah? **19**
- Garis Panduan Subjek Keibubapaan di Sekolah Menengah Britain **20**
- Kesimpulan **22**
- Aktiviti 1-7 **23**

BAB 2	27
-------------	----------

Unit Keluarga: Mengapa Penting? Apa Fungsinya?

- Pengenalan **28**
- Peralihan ke Dunia Keibubapaan **29**
 - *Kesan Kestabilan Perkahwinan terhadap Anak*
- Saiz Keluarga di Amerika Syarikat Kini dan Dahulu **34**
- Unit Keluarga Ibu Bapa Tunggal **35**

- *Prinsip-prinsip yang Boleh Digunakan untuk Menjadi Ibu Bapa Tunggal yang Berjaya*
- *Kesan Ibu Tunggal dalam Kehidupan Para Nabi: Musa, Isa dan Muhammad ﷺ*
- Bolehkah Salah Seorang Ibu atau Bapa Menggantikan yang Lain? **40**
 - *Nota Tentang Islam dan Perceraian*
- Kepentingan Unit Keluarga dalam Islam **44**
 - *Objektif Keluarga Menurut al-Qur'an*
 - *Apakah yang Tidak Kena dengan Kehidupan Keluarga Muslim*
 - *Perkembangan Anak dan Sistem Pendidikan yang Baik*
 - *Pemerhatian Mendalam Terhadap Keperluan Sistem Pendidikan yang Baik*
- Unit Keluarga di Amerika **53**
 - *Mitos Umum Keibubapaan di Amerika Syarikat*
 - *Pelajaran Daripada Pembunuhan Beramai-ramai di Sekolah Tinggi Columbine*
 - *Mendidik Nilai kepada Anak: Perdebatan Pihak Konservatif- Liberal*
- Keluarga di Negara Islam Berbanding dengan di Amerika Syarikat **61**
 - *Pengaruh Barat ke atas Keibubapaan Islam*
- Kebebasan atau Kebenaran? **65**
- Di Mana untuk Membesarkan Anak: **69**
 - *Kajian Kes Tentang Kejutan Budaya Akibat Perpindahan antara Timur dan Barat*
- Dua Konsep yang Hilang dalam Pemikiran Barat **70**
- Nilai Kepercayaan Berbanding dengan Nilai Kefungsian **71**
- Model Keluarga Pertanian: Anak-anak sebagai Tanaman, Ibu Bapa sebagai Petani **73**
- Aktiviti 8-15 **75**

BAB 3**79****Keibubapaan yang Baik: Menetapkan Matlamat yang Betul**

- Pengenalan **80**
- Menetapkan Matlamat yang Betul: **80**
- Melihat Matlamat dengan Lebih Dekat **82**
 - *Matlamat Berdasarkan al-Quran: Doa Orang Beriman*
 - *Matlamat Berdasarkan Hadis Nabi ﷺ*

- Kopi dan Keutamaan Keluarga **86**
- Kesimpulan **86**
- Aktiviti 16-20 **88**

BAB 4**91****Matlamat yang Paling Penting: Membesarkan Anak-Anak yang Mengasihi Tuhan**

- Pengenalan **92**
- Pendekatan Sekarang untuk Memupuk Keimanan Anak-anak **93**
- Budaya Mementingkan Diri: Kurangnya Penyertaan dalam Hal Ehwal Awam **94**
- Kurangnya Tanggungjawab Diri **97**
- Budaya Menyimpang: Kemunduran dan Cerita Takyul **99**
- Jalan Seimbang: Pendekatan Bijak **100**
- Didik Anak Mencintai al-Qur'an **102**
- Didik Anak Bersolat: Ingatan Berterusan kepada Tuhan **105**
- Didik Anak Tentang Taubat **105**
- Didik Anak Mengenal Nabi Muhammad ﷺ and Nabi-Nabi Lain **105**
- Didik Anak Tentang Adab **107**
- Apakah yang Wajar Diberitahu kepada Anak Lebih Dahulu: Mereka Mencintai Allah ﷺ atau Allah ﷺ Mencintai Mereka? **107**
- Aktiviti 21-25 **109**

BAB 5**111****Menangani Cabaran dan Jebakan Umum**

- Pengenalan **114**
- Cabaran Utama Ibu Bapa **114**
 - *Kurang Pengalaman*
 - *Tekanan Dari Hari ke Hari*
 - *Kitaran Harian: Menerima Hakikat bahawa Tanggungjawab Keibubapaan Adalah 24/7*
 - *Keibubapaan Adalah Tugas yang Tidak Fleksibel*
 - *Keibubapaan Adalah 'Pelaburan' Jangka Panjang bagi Masa, Usaha, dan Wang*

- *Ibu Bapa Hanyalah Satu daripada Banyak Pengaruh ke atas Anak-anak*
- *Bayi Tidak Mampu Bercakap*
- *Keibubapaan adalah Interdisiplinari*
- *Ibu dan Bapa Perlu Bertindak sebagai Satu Pasukan*
- *Keibubapaan Adalah Kemahiran Yang Memerlukan Pengurusan Sumber yang Baik*
- *Persepsi Anak Terhadap Ibu Bapa Mungkin Bercanggah dengan Hasrat Ibu Bapa*
- *Tahu Apa Yang Perlu Diberitahu kepada Anak dan Bila*
- *Memupuk Konsep yang Salah kepada Anak Tanpa Sengaja*
- *Cabarani Mewujudkan Imej Diri yang Positif*
- Pelajaran Keibubapaan daripada Nabi Musa Dalam Kitab Injil: Apa Yang Diungkapkan Nabi Musa **120**
- Kesimpulan **121**
- Aktiviti 26 **122**

BAB 6**123****Salah Tanggapan, Jebakan dan Mitos yang Perlu Dielakkan**

- Pengenalan **124**
- Menyanggah Salah Tanggapan dan Jebakan Umum **124**
 - *Menggunakan Kaedah Turun-temurun Secara Membuta Tuli*
 - *Meniru dengan Membuta Tuli*
 - *Memenuhi Impian yang Tidak Tercapai Melalui Anak-anak*
 - *Membahagikan Tugas Ibu Bapa*
 - *Andaikan Logik Sudah Memadai untuk Anak-anak*
 - *Andaikan Ibu bapa Boleh Memenangi Pertempuran Terhadap Anak-Anak 123*
 - *Ibu bapa Bergantung pada Hakikat Bahawa Mereka Lebih Besar dan Lebih Berkuasa*
 - *Ibu Bapa Menganggap Mereka Boleh Melayan Semua Anak dengan Cara yang Sama*
 - *Melayan Anak Seperti Orang Dewasa Kecil*
 - *Membelikan Anak-anak Apa Sahaja yang Mereka Mahu*
- Sebahagian Mitos Keibubapaan Disanggah **127**
- Aktiviti 27-28 **131**

BAB 7**133****Apabila Kesilapan Berlaku**

- Pengenalan **134**
- Kemarahan, Pemberontakan, Tantrum dan Tangisan **135**
 - Beberapa Kaedah Mendisiplinkan Anak Degil
- Buli: Anda dan Anak Anda **136**
- Apa yang Perlu Dilakukan Sekiranya Anak Anda Dibuli? **137**
- Remaja: Kritikan Tentang Gagasan Keremajaan **138**
- Kemarahan dalam Diri Remaja dan Diri Kita **139**
- Menjadi Ibu Bapa kepada Remaja Pemarah Membangkitkan Kemarahan dalam Diri Sendiri **141**
- Apakah yang Boleh Kita Lakukan untuk Anak-Anak Remaja dan Diri Kita? **141**
- Beberapa Prinsip Komunikasi yang Baik **142**
- Aktiviti 29-30 **144**

BAHAGIAN DUA BAB 8-BAB 13**2****PERKEMBANGAN ANAK****BAB 8****149****Penyusuan Susu Ibu**

- Pengenalan **150**
- Penyusuan Susu Ibu dalam al-Qur'an **151**
- Kelebihan Penyusuan Susu Ibu dari Sudut Perubatan dan Psikologi **153**
- Perniagaan Amerika dan Penyusuan Susu Ibu **155**
- Dunia Islam dan Penyusuan Susu Ibu **156**
- Pandangan Imam Ali dan Ibn Hazm tentang Penyusuan Susu Ibu **157**
- Jangka Masa Penyusuan Susu Ibu **157**
- Panduan Berguna untuk Para Ibu yang Menyusu **158**
- Diet Harian Ibu: Satu Sampel **159**
- Bangsa yang Kuat dari Segi Fizikal **160**
- Aktiviti 31 **163**

Otak Anak: Gunakan atau Biarkan Hilang!

- Pengenalan **166**
- Jendela Peluang **166**
- Perkembangan Neuron dan Jaringan Otak **167**
- Penglihatan **169**
- Pendengaran **169**
- Muzik **169**
- Emosi **170**
- Tekanan Boleh Merosakkan Rangkaian Sel Emosi **171**
- Pergerakan **171**
- Kosa Kata dan Penghafalan Semasa Kanak-kanak **172**
- Bagaimana Otak Berubah **172**
- Ibu bapa Hendaklah Bercakap dengan Bayi Secara Positif **172**
- Program Prasekolah *Head Start* di Amerika Syarikat **173**
- Apa yang boleh dilakukan oleh Ibu Bapa? **174**
 - *Otak Logik*
 - *Otak Muzik*
 - *Otak Bahasa*
- Islam, Nyanyian dan Muzik **175**
- Gambar dan Patung Menurut Perspektif Islam **177**
- Perkembangan Otak Anak Tatih **177**
 - *Ambil Perhatian pada Corak-Corak Penting dalam Persekutuan*
 - *Menggalakkan Penyertaan Fizikal Kanak-kanak dalam Pelbagai Aktiviti*
 - *Berbual dengan Anak dan Huraikan Apa yang Dikatakan kepada Mereka*
 - *Menjaga Suasana Positif, Boleh Ramal dan Bermanfaat*
 - *Mendorong Latihan dan Menggalakkan Pengulangan*
- Adakah Kejayaan Manusia Ditentukan Sebelum Umur Lima Tahun? **179**
- Aktiviti 32 **180**

BAB 10**Perkembangan Anak dan Memaksimumkan Fasa Berbeza**

- Fasa Perkembangan **184**
 - Sejauh Mana Psikologi Pop Boleh Dipercayai **184**
 - Fasa Perkembangan Manusia dalam al-Qur'an **186**
 - Keajaiban Persenyawaan, Kehamilan dan Kelahiran **188**
 - Pelbagai Tahap Pertumbuhan: Dari Kelahiran ke Usia Emas **189**
 - *Kelahiran – 4 bulan*
 - *5–18 Bulan*
 - *18–36 Bulan*
 - *4–7 Tahun*
 - *7–14 Tahun*
 - *11–13 Tahun: Haid bagi Anak Perempuan*
 - *13–15 Tahun: Menjadi Lelaki Dewasa*
 - *14–21 Tahun*
 - *Memahami Remaja*
 - *21–40 Tahun: Menuju Kedewasaan*
 - *40–65: Usia Pertengahan*
 - *65 Tahun dan ke atas: Usia Emas*
 - Memanfaatkan Fasa Perkembangan **201**
 - *Menyusu Dalam Tempoh Dua Tahun Pertama*
 - *Cinta dan Takut Kepada Tuhan*
 - *Penghafalan*
 - *Aspek-aspek Dakwah*
 - *Sensitiviti Terhadap Kritikan Semasa Remaja*
 - *Pembinaan Identiti Seharusnya Diperkuat*
 - *Mempelajari Bahasa Kedua*
 - Hafazan Antara Timur dan Barat **204**
 - Aktiviti 33 **205**

Jalan Menuju Anak yang Sihat: Kebersihan, Nutrisi, Latihan Fizikal.

- Pengenalan **208**
- Waktu Kehamilan **208**
- Selepas Kelahiran: Kontroversi tentang Vaksinasi **209**
 - *Kes Menentang Vaksinasi*
- Kebersihan dan Kesihatan Diri **212**
- Kesihatan: Beberapa Amalan Anjuran Islam **213**
 - *Kebersihan Tandas*
 - *Rambut dan Kuku*
- Nutrisi **216**
 - *Makan Berlebihan*
 - *Pandangan Imam al-Ghazali tentang Budaya Makan*
- Fakta Tentang Kanak-Kanak dan Nutrisi **219**
 - *Waktu Kehamilan*
 - *Antara Kelahiran dan Praremaja*
 - *Praremaja dan Remaja*
 - *Contoh Diet bagi Umur 2–10 tahun*
 - *Soalan-Soalan yang Lazim Ditanya*
- Panduan al-Quran Tentang Makanan **224**
- Kanak-kanak dan Senaman Fizikal **226**
 - *Kanak-Kanak dan Kasut*
 - *Cara Menggalakkan Aktiviti kepada Kanak-Kanak*
 - *Cadangan Jadual Senaman*
- Tidur **229**
 - *Kesan Perubatan bagi Kekurangan Tidur*
- Perkara-Perkara yang Memabukkan: Pencegahan Terhadap Arak dan Dadah **232**
 - *Anak-anak dan Godaan Luar*
 - *Tanda-Tanda Awal Pengambilan Dadah: Apakah yang Boleh Dilakukan Ibu Bapa?*
 - *Ketagihan lwn Hubungan Rumah Tangga yang Sihat*

- *Program Penjagaan Susulan: Agama Sebagai Langkah Pencegahan*
- *Kanak-Kanak dan Kasut*
- *Cara Menggalakkan Aktiviti kepada Kanak-Kanak*
- *Cadangan Jadual Senaman*
- Pelanggaran Undang-undang **238**
- Aktiviti 34–37 **240**

BAB 12 **229**

Mengasuh Anak Lelaki dan Perempuan: Adakah Mereka Berbeza?

- Pengenalan **242**
- Perbezaan khusus: Logik lwn Emosi **242**
- Hubungan Emosi **245**
- Deria **246**
- Status **246**
- Ekspresi Wajah **247**
- Anggapan Stereotaip tentang Anak Lelaki dan Perempuan **247**
- Kesedihan **248**
- Perbezaan Seksual **248**
- Hikmah Perbezaan Gender: Peranan, Bukan Kecenderungan **249**
- Kajian tentang Keutamaan Lelaki dan Wanita di Amerika Syarikat **251**
- Bilakah Jurang Gender Bermula? **252**
 - *Wanita Maskulin dan Lelaki Lembut*
- Status Keibubapaan: Sudut Pandang Gender **255**
- Mengapa Tidak Seimbang **256**
- Mitos dan Realiti tentang Bapa Sebagai Penjaga **257**
- Kesan Ketidaaan Bapa Terhadap Anak-anak **258**
- Keperluan Berbeza antara Anak Lelaki dengan Anak Perempuan **258**
 - *Apa yang diperlukan Anak Perempuan*
 - *Apa yang diperlukan Anak Lelaki*
- Reaksi Rasional Terhadap Perbezaan Gender **262**

- Salah Faham tentang Gender dan Tingkah Laku **262**
- Kanak-Kanak Lelaki dan Perempuan Belajar dengan Cara Berbeza **264**
- Pemisahan Pelajar Lelaki dan Perempuan dalam Kelas dan Sekolah **266**
- Keibubapaan dan Gender: Pandangan Islam **268**
- Jalan Tuhan Adalah yang Terbaik: Contoh dari China, Jerman dan India **270**
- Aktiviti 38-40 **273**

BAB 13**275****Seks dan Pendidikan Seks: Apa yang Patut Kita Beritahu Anak-anak Kita?**

- Pengenalan **276**
- Apakah Pendidikan Seksual? **276**
- Situasi di Amerika Syarikat **277**
- Persepsi Ibu dan Anak Perempuan di Barat **280**
- Nilai dan Seks: Hari ini dan Semalam **281**
- Mengapa Pendidikan Seks? Patutkah Kita Mengajarnya? **282**
- Apa yang Perlu Diajar kepada Anak? **284**
- Penderaan Seksual! Adakah Begitu Serius? **285**
- Tradisi Nabi Ibrahim Menentang Zina **287**
- Rasional di Sebalik Hukuman Berzina **288**
- Penyakit Jangkitan Seksual **289**
- Hubungan Teman Lelaki-Teman Wanita **290**
- Kanak-kanak Hamil: Pengguguran dan Anak Angkat dalam Islam **293**
 - *Pengguguran*
 - *Anak Angkat dalam Islam*
- Homoseksual dan Ibu bapa **297**
- Pendidikan Seksualiti dalam Islam **301**
- Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak **303**
- Seks dan Kebersihan: Haid, Bulu Kemaluan, Berkhitian dan Air Mani **304**
- Remaja dan Kawalan Diri **305**
- Penyelesaian Islam Terhadap Dilema Seksual: Pendekatan Pencegahan **307**
 - *Kesopanan*
 - *Etika Pemakaian*

- *Tiada Percampuran Terbuka dan Tiada Khalwat*
- *Tekanan Rakan Sebaya dan Faktor-faktor Lain*
- *Apa yang Perlu Dilakukan*
- *Berkahwin Awal*
- Dilema Sistem Pendidikan lwn Perkahwinan Awal **318**
- Melindungi Kanak-kanak daripada Penderaan Seksual oleh Orang Dewasa **321**
 - *Umur yang Sesuai untuk Didedahkan tentang Bahaya Pelacuran*
 - *Apabila Kanak-kanak Menjadi Mangsa Sumbang Mahram atau Rogol*
- Kurikulum Pendidikan Seks Islam **324**
- Aktiviti 41-42 **326**

BAHAGIAN TIGA BAB14-BAB 116 **3**

PEMBINAAN KARAKTER DAN PERSONALITI

BAB 14 **329**

Pembinaan Karakter dan Personaliti: Mendidik Sifat-sifat Positif

- Pengenalan **332**
- Apakah yang Dimaksudkan dengan Karakter? **334**
- Pembentukan Karakter **335**
- Karakter Bukan di Kulit tetapi di Akar yang Dalam **337**
- Apakah Personaliti? **337**

Mengajarkan Cinta

- Asas Pemberdayaan Emosi **339**
- Cinta: Konsep Kecerdasan Kreatif dan al-Qur'an **340**
- Petua Penting untuk Ibu Bapa **341**
- Bagaimana Sekiranya Anak Anda Mengatakan: "Saya Benci Pada Ibu/Ayah!" **342**
- Anak Pertama **343**
- Mengapa Ibu Bapa Menyayangi Anak-anak? **344**
- Cinta dan Keyakinan Diri Ibu Bapa **345**
- Cara-cara Praktis Mewujudkan Rasa Belas Kasihan **346**
- Kaji Selidik: Pelbagai Cara Menjadikan Anak-anak Anda Merasa Disayangi **348**

- Patutkah Ibu Bapa Mengajar Kebencian? Kadangkala! **349**

Membina Harga Diri

- Bagaimana Mengelak daripada Menjadikan Anak ‘Mua’ **351**
- Tantrum: Jangan Biarkan Tangisan Dijadikan Senjata **352**

Mengajarkan Kejujuran dan Sifat Amanah

- Ibu Bapa Perlu Mempercayai Anak-anak Tetapi Pastikan Keberadaan Mereka! **354**
- Prinsip-Prinsip Umum **354**
- Mengintegrasikan Karakter dengan Pandangan Umum Sarwajagat **356**
- Mengapa Anak Berbohong: Bagaimana Merawat Pembohongan **357**
- Cara Nabi Menangani Pembohongan **360**

Memupuk Keberanian

- Prinsip-prinsip Asas Keberanian dan Ketakutan **362**
- Memahami Perkembangan Ketakutan Anak **365**
- Anak-anak Perlu Belajar Tentang Emosi dan Keberanian Fizikal **366**
- Antara Keberanian dengan Kepatuhan **366**
- Ibu bapa, Keberanian dan Amalan Budaya **367**
- Tekanan Rakan Sebaya **368**

Memilih Rakan yang Betul

- Rakan Anak Anda **370**
- Beberapa Masalah dengan Rakan yang Tidak Baik **371**
- Tekanan Harian Rakan Sebaya di Sekolah **372**
- Memilih Rakan yang Baik **372**
- Bagaimana Jika Anak Anda Memilih Rakan yang Tidak Anda Sukai ? **373**
- Mengapa Wujud Tarikan Kuat dalam Kalangan Remaja? **374**
- Keluarga di lokasi yang Tidak Diingini **375**
- Aktiviti 43 – 50 **376**

BAB 15

383

Sifat-sifat Positif Seterusnya: Mengasuh Anak yang Berdikari, Bertanggungjawab dan Kreatif

Mengajar Berdikari

- Pengenalan **385**

- Membesar di Amerika Syarikat dengan “Bergantung pada Orang Lain” **386**
- Suatu Mitos **388**
- Pencapaian Khusus Mengikut Umur **389**
- Biar Anak Tatih Melakukannya Sendiri **390**
- Kegelisahan Terhadap Perpisahan: Menangani Sikap Suka Melekap **391**
- Remaja – Realitinya **392**
- Impak Gaya Keibubapaan: Berasaskan Autoriti lwn Berasaskan Kuasa **394**
- Kemahiran Membina Autonomi dalam Diri Anak-anak **396**
- Petua untuk Ibu Bapa **400**
- Nasihat lwn Autonomi: Anak Perempuan dan Ibunya **402**
- Sekiranya Ibu Bapa Tidak Menyukai Rakan-rakan Anak **405**
- Membantu Anak-anak Membuat Keputusan Mengukuhkan Autonomi **405**
- Langkah Membuat Keputusan **406**

Mengajar Tanggungjawab

- Meletakkan Asas: Sikap dan Pandangan Sarwajagat **408**
- Peluang di Setiap Peringkat Perkembangan **409**
- Prinsip-prinsip untuk Dibangunkan **411**
- Cadangan Praktikal **414**
- Kaitkan Keistimewaan dengan Tanggungjawab: Contoh-contoh **416**

Memupuk Kreativiti

- Konsep Umum Kreativiti **419**
- Penemuan Bersejarah yang Nyata **420**
- Menyekat Kreativiti Anak-anak **421**
- Sikap Negatif yang Menghalang Kreativiti **422**
- Cara Mengembangkan Kreativiti **424**
 - *Pertanyaan Kreatif*
 - *Aktiviti-aktiviti Fizikal*
 - *Pengalaman yang Pelbagai*
 - *Aktiviti Sumbang Saran*

- *Permainan Kreatif*
- *Penulisan Anak-anak*
- *Karya Seni Anak-anak*
- Salah Faham: Idea-Idea “Pelik” atau “Tidak Produktif” **426**
- Apa yang Boleh Diakukan Ibu Bapa? **427**
- Nota tentang Permainan **428**
- Aktiviti 60–68 **429**

BAB 16 **435**

Impak Destruktif Televisyen, Telefon Pintar, Permainan Video dan Komputer

- Pengenalan **436**
- Soal Selidik untuk Ibu Bapa **436**
- Kesan Negatif TV **437**
- Fakta Ringkas TV **443**
- Orang Asing **443**
- Senarai Alternatif Keluarga Selain Menonton TV **445**
- Pilihan yang Lebih Serius **448**
- Keburukan Penggunaan Internet yang Berlebihan **450**
- Permainan Komputer **450**
- Permainan Video dan Kanak-kanak **451**
- Kesimpulan **452**
- Ringkasan **453**
- Aktiviti 69–73 **454**

KESIMPULAN **457**

INDEKS **461**

SEJARAH

Ini adalah edisi kedua kemaskini buku *Parent-Child Relations: A Guide to Raising Children* selepas kejayaan penerbitan pertamanya pada tahun 2013. Kandungan teras buku asal kebanyakannya dikekalkan dengan beberapa bahagian ditiadakan atau dikemaskini untuk mencerminkan situasi semasa. Terdapat bab-bab tertentu yang digabungkan dalam konteksnya untuk pendekatan yang lebih kemas dan pembacaan yang lebih mudah. Seperti yang terkandung dalam edisi asalnya, buku ini ditulis untuk semua ibu bapa, tidak kira siapa pun mereka dan di mana mereka berada. Bagaimanapun, konsep buku ini telah membentuk sebahagian daripada visi jangka panjang IIIT untuk membangkitkan dunia Islam daripada kebekuan dan kereputan intelektual yang telah berlaku sekian lama dan untuk mengembalikan semula dinamisme intelektual yang pernah menjadi simbol sebuah tamadun yang hebat. Untuk memperkenalkan visi mereka mengenai keibubapaan, buku ini berfokus kepada regenerasi intelektual dan moral bagi minda dan jiwa orang Islam melalui wadah pendidikan. Walaupun penelitian tentang metodologi di sebalik kematian intelektual dunia Islam tidak dibincangkan di sini, hal tentang Pendidikan Lanjutan dalam Masyarakat orang Islam adalah tema utama yang digalakkan dalam penerbitan IIIT dan seminar-seminar untuk membantu menghidupkan semua intelektualisme orang Islam.

Scara praktikalnya, adalah mustahak untuk ibu bapa mengetahui bagaimana

membesarkan anak-anak yang baik kerana asas psikologi nilai dan personaliti kebanyakannya dibangunkan di rumah pada awal zaman kanak-kanak. Jadi, kami akan memberi fokus terutamanya tentang bagaimana budaya, pendidikan dan latihan kemahiran sosial di rumah adalah asas kepada perkembangan intelektual, psikologi dan emosi yang sewajarnya bagi seseorang anak. Walaupun rumah adalah sumber corak tingkah laku yang mempengaruhi proses pemikiran anak dalam menentukan betul dan salah, tidaklah cukup sekadar mengetahui apa yang betul dan secara mekanikal melakukannya. Kehendak dan emosi manusia harus menerima dan menginginkan apa yang dianggap oleh minda sebagai betul dan bertindak dengan sewajarnya; di sinilah peranan ibu bapa menjadi sangat penting. Sekolah dan institusi pendidikan mengajar tentang data sejarah, fakta, kemahiran fizikal dan teknikal serta menyediakan informasi yang akan dilengkapkan oleh rumah dan kehidupan berkeluarga seseorang anak tersebut. Ini kerana kehidupan berkeluarga membangunkan karakter, kemahiran sosial dan kekuatan emosi.

Karya ini bermaksud untuk menyumbang kepada perkembangan anak dan pembesarannya serta bentuk-bentuk berbeza dalam perkembangan kepimpinan manusia. IIIT telah menganjurkan banyak seminar dan karya besar untuk menjalankan tujuan ini termasuklah A Training Guide for Islamic Workers yang telah diterjemahkan ke dalam lebih daripada 20 bahasa, Dalil Maktabat al-Usrah al-Muslimah (Panduan

kepada Perpustakaan Keluarga Muslim) dan Azmat al-Iradah wa al-Wujdan al-Muslim (Krisis dalam Kehendak dan Jiwa Muslim).

Idea untuk menulis sebuah buku mengenai perhubungan ibu bapa dan anak dicadangkan semasa mesyuarat ahli lembaga Pemegang Amanah IIIT pada bulan Ogos 1994 yang bertempat di Pulau Tioman, Malaysia. Ia sepatutnya menjadi buku ketiga di dalam siri buku yang diterbitkan mengenai perkembangan manusia dan komunikasi interpersonal oleh IIIT. Lama sebelum itu, sebagai respons kepada satu permintaan oleh IIIT, Dr. Ismail al-Faruqi telah menulis pada tahun 1982 sebuah buku bertajuk *Tawhīd: Its Implications for Thought and Life* (sebuah manual latihan bagi orang Islam tentang isu kepercayaan dan aqidah). Pada tahun 1991, IIIT dan International Islamic Federation of Student Organizations (IIFSO) bersama-sama menerbitkan *A Training Guide for Islamic Workers* yang mendapat sambutan amat menggalakkan iaitu buku kedua dalam siri ini yang diharapkan dapat mendidik orang Islam mengenai kemahiran peribadi, kumpulan dan kepimpinan yang berkesan. Buku ini dianggap sebagai buku ketiga dalam siri ini.

Kerana menyedari kepentingan unit keluarga, Dr. AbdulHamid AbuSulayman, mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1988-1998) mewujudkan kursus wajib (apabila tamat, peserta akan mendapat diploma) tentang Keluarga dan Keibubapaan yang bertujuan untuk menyebarkan rasional dan nilai moral keibubapaan yang

baik kepada para mahasiswa selain untuk menghasilkan guru-guru yang mencukupi untuk mengajar kursus tersebut.

Sebagai tambahan, pengasas-pengasas IIIT telah memulakan siri seminar tentang latihan kepimpinan yang dianjurkan dalam tiga fasa. Idea untuk menghasilkan buku mengenai keibubapaan telah diilhamkan semasa fasa 3:

Fasa 1 (1975-1990) mengandungi definisi, penyediaan, penyebaran dan mobilisasi. Fasa ini menangani aspek tentang kemahiran dan alat-alat aktivisme yang diperlukan untuk memperbaiki keberkesanan dan prestasi kerja. Kemuncak fasa ini ialah penerbitan buku *A Training Guide for Islamic Workers* (1991) iaitu buku kedua dalam siri ini seperti yang disebut di atas.

Fasa 2 (1991-2000) menginstitusikan latihan dengan kerjasama jurulatih-jurulatih yang mahir termasuk Dr. Omar Kasule di Kuala Lumpur, Dr. Iqbal Unus di Washington, Dr. Anas al-Shaikh-Ali di London dan Dr. Manzoor Alam di New Delhi. Mereka telah mengendalikan banyak program latihan di seluruh dunia.

Fasa 3 adalah untuk memberi fokus kepada aspek keibubapaan pada abad 21. Sementara fasa 1 dan 2 mensasarkan aktivis-aktivis muda, semakin jelas kelihatan bahawa pembinaan karakter adalah komponen yang sama pentingnya, yang bermula semasa kelahiran. Oleh itu, IIIT memutuskan untuk menekankan peranan signifikan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa. Ibu bapa boleh

menggunakan kemahiran keibubapaan yang baik untuk membesarkan warga yang soleh dan pemimpin-pemimpin masa hadapan yang terinspirasi dengan ciri-ciri kepimpinan yang berprinsip dalam suasana rumah tangga yang sihat dan kondusif untuk anak-anak membesar. Justeru itu, lahirlah buku ini.

Keibubapaan tidak sewajarnya dipandang rendah atau diambil mudah. Ia mempunyai kesan yang besar ke atas jenis anak-anak yang kita besarkan, jenis masyarakat yang kita hidup di dalamnya dan akhirnya jenis ketamadunan yang kita tinggalkan kepada generasi akan datang.

Oleh itu, ia harus diberikan pertimbangan yang paling besar dan dijadikan keutamaan yang tertinggi. Kami meraikan kepercayaan

ini dengan sesungguhnya dan sangat menggalakkan serta menjemput para penulis lain untuk mengembangkan setiap topik yang dibincangkan di dalam buku ini dengan penyelidikan tambahan dan bahan-bahan pengajaran yang berguna. IIIT telah pun menubuhkan beberapa kumpulan akademik untuk mengembangkan penyelidikan lanjutan tersebut dan menterjemah buku ini ke dalam beberapa bahasa utama dunia. Buku ini adalah langkah pertama dalam menggalakkan keibubapaan yang betul secara praktikal.

Menurut banyak pakar, "tugas terpenting, tugas terbesar, dan pelaburan terbaik manusia adalah menghargai dan membesarkan anak-anak."

MATLAMAT DAN OJEKTIF

BUKU YANG MUDAH DIBACA INI ditujukan kepada satu bilion ibu bapa di dunia kita hari ini sama ada yang Muslim atau beragama lain. Buku ini juga ditujukan kepada yang bukan ibu bapa, datuk dan nenek dan sanak saudara yang mahu mendapat manfaat daripada nasihat-nasihatnya. Buku ini bukan untuk para cendekiawan dan para pakar terutamanya. Fokus khususnya adalah mengenai matlamat keibubapaan dengan mengetengahkan masalah dan menawarkan solusi. Di samping itu, buku ini menggariskan kaedah untuk membina dan membesarkan orang-orang yang baik, memiliki kaliber moral dan yang

menunjukkan kualiti kepimpinan.

Objektif utama karya ini adalah:

- Menekankan kepentingan keibubapaan yang baik dalam membesarkan anak-anak dan keluarga dengan menjadikan tanggungjawab keibubapaan sebagai suatu tugas dan keutamaan tertinggi, bukan hanya dari segi teori tetapi juga dari segi praktikal.
- Menunjukkan kepada ibu bapa 'bagaimana' untuk mendapatkan pendidikan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan teknik-

teknik keibubapaan yang betul dalam usaha melahirkan warga yang baik, berwatak tegas dan bermoral tinggi, serta mempunyai kualiti yang diperlukan untuk menjadi asas pembinaan masyarakat dan tamadun kemanusiaan pada masa hadapan.

- Akhirnya, untuk membantu ibu bapa mencipta suasana rumah tangga yang bahagia, harmoni dan keluarga yang berfungsi yang memiliki hubungan yang membina antara kesemua ahli keluarga.

Dalam Bahagian Satu, kami akan membincangkan rasional di sebalik keibubapaan yang baik, mendefinisikan apakah ia dan bagaimana untuk melaksanakannya dalam membentuk jalan sebenar ke arah regenerasi dunia Islam dan masyarakat secara keseluruhannya. Kami juga menggariskan status keibubapaan seperti yang diamalkan hari ini termasuk meneliti semula semua sumber maklumat yang ada tentang keibubapaan. Kami berusaha meneliti bagaimana untuk membesarkan anak-anak yang memiliki karakter moral yang tinggi dan mempunyai kualiti bagi membolehkan perubahan sosial yang aktif. Kaedah dan perkara-perkara yang diperlukan untuk menggalakkan kekuatan fizikal dan emosi diketengahkan dalam Bahagian Dua buku ini. Bahagian Tiga memberi fokus kepada pembinaan karakter dan membincangkan impak daripada penggunaan televisyen yang terlalu banyak dan juga penggunaan komputer dan permainan video yang berlebihan ke atas anak-anak dan kehidupan keluarga. Kami juga

menyediakan alternatif praktikal terhadap penggunaan yang melampau bagi alat-alat tersebut.

Pada setiap pengakhiran bab, kami telah memasukkan latihan-latihan yang mesra-pengguna untuk dibuat oleh ibu bapa dan anak-anak mereka. Tujuan utamanya adalah untuk menggalakkan dialog dan komunikasi yang berterusan dalam kalangan ahli keluarga supaya mereka boleh mengenali satu sama lain dengan baik, menikmati waktu mereka bersama-sama, turut serta dalam membuat keputusan dan bertukar-tukar kemahiran. Ini dapat membantu membina perhubungan keluarga yang baik dan dinamik serta suasana rumah tangga yang gembira. Hanya ada sedikit aktiviti yang memerlukan sumber-sumber luar seperti penggunaan perpustakaan, perbincangan dengan ibu bapa lain atau mendapatkan nasihat profesional. Kami dengan kuat mencadangkan supaya keluarga melakukan aktiviti-aktiviti ini di rumah atau di meja makan di luar rumah. Diharapkan supaya aktiviti atau diskusi turut serta dan interaktif tentang keibubapaan ini dapat mengisi ruang kosong yang penting tetapi tidak dilaksanakan. Selain itu, diharapkan aktiviti ini dapat memudahkan perbincangan mengenai isu dalam keluarga yang jarang ditangani dan selalu dipinggirkan. Perbincangan ini dan refleksi keluarga itu sendiri merupakan matlamat yang bernilai.

Akhirnya, buku ini dan isu-isu yang ditanganinya akan diikuti dengan penerbitan karya-karya tambahan mengenai subjek ini yang dikategorikan di bawah dua tema besar iaitu:

(a) Memahami Peranan Ibu Bapa Dalam Pendidikan, Keimanan dan Latihan Kemahiran; (b) Keluarga Bahagia: Inkubator Penting untuk Melahirkan Pemimpin Berpotensi Pada Masa Hadapan. Dari segi 1(a), ideanya adalah membantu ibu bapa untuk memahami dan menerima peranan mereka dalam membangunkan konsep keimanan dan kemahiran kepimpinan. Dari segi 1(b), fokus adalah kepada membina suasana rumah keluarga yang selesa dan menyenangkan untuk menjadi inkubator bagi mengasuh orang-orang warak yang berpotensi menjadi pemimpin yang memiliki rasa tanggungjawab sivik. Isu-isu mengenai komunikasi, pujian, kritikan, kemarahan dan masa yang dihabiskan bersama keluarga mewakili langkah-langkah praktikal yang diperlukan untuk membina dan menyediakan persekitaran yang betul. Selain itu, idea bahawa ‘anak-anak adalah pemerhati yang baik tetapi penganalisis yang teruk’ akan digambarkan. Ujian praktikal akan diberikan kepada ibu bapa untuk melihat bagaimana anak-anak menangani kehidupan sebenar dengan orang lain, termasuk sesama mereka, bersama datuk dan nenek, jiran tetangga, orang miskin, masyarakat, haiwan, tumbuh-tumbuhan, alam sekitar dan dunia secara amnya.

Model Ikutan bagi aktiviti Keibubapaan Yang Baik Adalah Suatu Kemestian: Ibu bapa – Para Nabi

Ibu bapa akan diberi kesedaran mengenai kepentingan tingkah laku mereka

yang berkaitan dengan perkembangan anak-anak. Memandangkan anak-anak adalah peniru, ibu bapa mesti menjadi model ikutan yang terbaik sedaya upaya mereka supaya dengan mencontohi mereka, anak-anak juga boleh menjadi yang terbaik yang mereka mampu.

Kehidupan Nabi Muhammad SAW memberikan teladan terbaik bagaimana untuk mereka mencontohi baginda sebagai seorang ayah, datuk, sahabat anak-anak dan pemimpin yang hebat. Malah, dalam mengkaji tingkah laku Rasulullah dan menggunakan akhlaknya sebagai rangka tindakan, kita mampu menetapkan standard di mana nasihat-nasihat yang diberikan oleh keseluruhan karya ini dapat diaplikasikan.

Akhirnya, sekiranya ibu bapa melakukan yang terbaik dan berjaya melaksanakan cadangan-cadangan kami ini, kami berharap dapat menggerakkan suatu rantaian positif iaitu membesarkan anak-anak yang sihat dan gembira yang dapat berpartisipasi dengan aktif dalam masyarakat dan kemudian menjadi ibu bapa contoh.

Sekiranya, di suatu peringkat di kehidupan ini, ibu dan ayah semua ditanya satu soalan: “Apakah yang telah anda lakukan untuk menjadikan kehidupan anda ini sangat berharga?” Anda boleh menjawab dengan yakin, “Saya adalah ibu bapa yang hebat.” Mungkin datuk nenek yang bahagia juga!

PENGENALAN

MANUSIA DICIPTAKAN sebagai sebaik-sebaik kejadian dan mampu menjadi makhluk yang paling sofistikated. Oleh itu, membesarkan anak menuntut ilmu teori dan praktikal tentang perkembangan bayi dan anak-anak. Memandangkan ibu bapa baharu tidak memiliki banyak pengalaman sebagai ibu bapa, mereka perlu belajar bagaimana untuk mengendalikan anak-anak malah sebelum waktu kehamilan lagi.

Malangnya, walaupun kita berusaha dengan keras mengumpul kekayaan untuk mempunyai rumah, kereta dan perabot yang baik, kita gagal meletakkan usaha yang sama dalam hal pembesaran anak-anak. Kita hanya mengharapkan atau menganggap semua perkara akan menjadi yang terbaik tanpa persediaan yang betul. Menjadi ibu bapa bukan suatu kebetulan kerana perjudiannya sangat besar dan pertaruhannya sangat tinggi.

Ibu bapa biasanya memperoleh ilmu melalui pengalaman sendiri dan menjadi lebih efektif dengan anak-anak yang kemudian berbanding anak sulung mereka, selepas belajar daripada pengalaman awal. Walau bagaimanapun, masalahnya sebaik sahaja pengalaman ini menjadi ibrah bernilai, ia selalunya sudah terlambat. Anak-anak yang awal telah pun membesar dan menjadi dewasa sehingga hampir mustahil untuk menjadikan ibrah tersebut sebagai pelajaran yang berkesan.

Keibubapaan yang baik sememangnya penting dan tidak boleh dibiarkan selesai dengan sendiri. Tugas mencabar ini memerlukan perhatian berterusan. Gambaran

keseluruhan mengenai tugas tersebut bagaimanapun perlu dihargai dan komitmen yang jujur perlu diberikan kepada diri sendiri, pasangan dan keluarga kita.

Aspek terpenting dalam pembesaran anak yang kita tekankan di sepanjang buku ini adalah komunikasi. Komunikasi yang berkesan dengan anak-anak akan membantu mereka membesar menjadi orang dewasa yang bahagia dan bertanggungjawab. Sangat penting untuk kita mengetahui bagaimana dan bila untuk bercakap dengan anak-anak dan yang paling penting adalah bagaimana untuk mendengar isi hati mereka dengan penuh sabar dan penh pemahaman. Walaupun ibu bapa mencintai anak-anak tanpa syarat, mereka perlu mula memperbaiki kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mendengar anak-anak. Komunikasi adalah tindakan dua hala dan tidak boleh terhenti begitu sahaja. Ibu bapa hendaklah membantu anak-anak membina potensi mereka sepenuhnya tanpa menggunakan kekerasan. Mendedahkan diri ibu bapa kepada situasi kehidupan sebenar ibu bapa yang lain akan membantu mereka mengaplikasikan kemahiran dan teknik baharu dalam menangani situasi yang sukar.

Ibu bapa juga perlu menilai semula sebahagian amalan lama kerana bukan semua amalan lama itu berharga. Seiring dengan perubahan masa, perkara-perkara baharu muncul, dan ini memerlukan cara menangani dan tindak balas yang baharu serta kreatif. Secara semulajadinya, semua ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka untuk menjadi yang terbaik. Kami akan

mengetengahkan kesilapan-kesilapan biasa yang tidak sengaja dibuat oleh ibu bapa masalah-masalah lain yang banyak dihadapi.

Bidang lain yang kita terokai dalam karya ini adalah membina sifat-sifat kepemimpinan dalam diri anak-anak. Ini kelihatan seperti perkara yang pelik untuk diberi perhatian. Dalam hal ini, bagaimanapun, kami ingin menekankan bahawa apabila merujuk kepada kepimpinan, kami tidak bermaksud keghairahan untuk mendapatkan kuasa tetapi membina manusia yang memiliki fizikal yang kuat, moral yang tinggi, kaliber, etika dan kualiti-kualiti lain yang perlu untuk menjadi ahli masyarakat yang aktif yang mempunyai rasa tanggungjawab sivik.

Bagi ramai remaja hari ini, rumah telah merosot kepada tahap seperti hotel dan restoran. Mencipta persekitaran rumah yang bahagia dan lebih mendamaikan untuk ibu bapa dan anak-anak adalah suatu keperluan. Rumah bukan hanya sebuah tempat, ia juga adalah inkubator, platform dan pentas di mana ahli keluarga merupakan para pelakonnya dan komunikasi adalah skripnya. Setiap orang mesti belajar bagaimana ‘melakonkan’ watak mereka. Menyediakan apabila melihat ramai ibu bapa dan anak-anak hari ini tidak boleh menyesuaikan diri antara satu sama lain sehingga rumah tangga tidak boleh berfungsi dengan sewajarnya. Sebahagian ibu bapa dan anak-anak takut atau mempunyai syak wasangka antara mereka dan banyak yang tidak tahu bagaimana untuk memperbaiki perhubungan mereka. Malah, mereka mungkin sudah berputus untuk mencuba

memahami satu sama lain lantas kecewa dan marah sehingga mereka menyisihkan diri secara emosi dan akhirnya mengabaikan perhubungan tersebut sepenuhnya.

Keibubapaan adalah tanggungjawab yang sangat besar dan tidak boleh ditinggalkan dalam keadaan putus asa. Tidak pernah terlewat untuk kita mengatasi cabaran dan kita tetap masih boleh memperbaiki perhubungan kita sekiranya kita mengelak daripada menyalahkan diri sendiri atas kesilapan lalu. Tiada gunanya bagi kita untuk mengatakan “kalaulah kita lakukan perkara ini atau tidak melakukan perkara itu.” Penyesalan dan sering memikirkan senario ‘kalaulah’ boleh merosakkan diri dan tidak membawa apa-apa tujuan selain lebih melukakan kita. Mungkin kita telah membuat pilihan yang salah yang menyakitkan hati keluarga kita, namun kita mesti sentiasa ingat bahawa niat kita sebenarnya adalah untuk kebaikan. Kurangkan masa melihat ke belakang dan pandanglah terus ke hadapan. Daripada mengisi fikiran kita dengan apa yang sepatutnya kita lakukan, lebih baik kita memfokuskan kepada apa yang boleh kita lakukan sekarang demi hari esok yang lebih ceria. Kita juga boleh berjanji kepada anak-anak untuk memperbaiki diri kita dengan menjadi ibu bapa yang lebih baik. Ambil masa lalu sebagai sempadan dan masa hadapan sebagai peluang untuk perubahan. Bayangkan masa lalu seperti arca marmar atau konkrit yang keras dan masa hadapan seperti tanah liat lentur yang masih boleh dibentuk.

Banyak ibu bapa hari ini (termasuk

diri kita) berharap bahawa mereka mengetahui seni dan sains keibubapaan yang baik sebelum mereka memiliki anak. Sekiranya begitu keadaannya, tentu akan berlaku penambahbaikan drastik dalam usaha membesarakan anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa merasakan bahawa masa yang lebih banyak sepatutnya dihabiskan untuk memelihara perhubungan. Jika kita melihat semula kehidupan masa lalu kita sendiri, ternyata ada banyak pengalaman yang terlepas dan detik-detik berharga yang memperkaya yang boleh dikongsi bersama. Kita berharap anak-anak dapat memaafkan kesilapan kita dan agar ibu bapa baharu mampu mengelakkan kesilapan-kesilapan ini. Semoga Tuhan Yang Maha Berkuasa melindungi setiap ibu bapa daripada belajar melalui jalan yang sukar iaitu melalui pengalaman sendiri!

Pendekatan kami dalam buku ini adalah memberi bimbingan dengan memberi fokus pada pencegahan bukannya rawatan. Kami tidak mendakwa bahawa kami boleh merawat masalah-masalah seperti ketagihan dadah, arak, kemurungan, jenayah dan penyakit jangkitan seksual. Walau bagaimanapun, kami boleh menyediakan langkah-langkah "pencegahan", iaitu panduan keluarga untuk meminimumkan jebakan-jebakan ini melalui kesedaran.

Keibubapaan yang betul memerlukan kemahiran dan persediaan supaya anak-anak boleh berjaya dan membuatkan ibu bapa bangga terhadap mereka. Mujurlah, kini terdapat lebih banyak maklumat dan

teknik mengenai keibubapaan berbanding dengan zaman sebelumnya. Walaupun tidak ada jalan pintas kepada keibubapaan sebagaimana tiada jalan pintas untuk perkara-perkara yang penting, tiada istilah 'terlalu lewat' untuk mula menjadi ibu bapa yang lebih baik kerana anda adalah ibu bapa sekarang dan untuk selamanya, sama ada anak anda berusia 4 atau 40 tahun.

Membesarkan anak menjadi orang dewasa yang gembira dan seimbang adalah harapan semua ibu bapa. Buku ini akan menggandakan peluang anda untuk mencapai perkara tersebut dan merealisasikan impian anda untuk mewujudkan perhubungan yang berjaya dan sempurna bersama anak anda. Seorang bijak pandai pernah berkata, "Yang penting bukan ke mana impian membawa anda tetapi ke mana anda membawa impian anda itu." Walaupun masa terbaik untuk membesarakan remaja anda adalah sedekad yang lalu, masa kedua terbaik adalah hari ini. Jadi, gunakanlah masa tersebut. Tuhan yang Maha Esa akan memberkati niat dan usaha anda yang ikhlas.

Kami telah memasukkan data statistik daripada pelbagai sumber untuk memberi para pembaca arah dan harapan. Statistik sentiasa berubah dan hanya perlu diambil sebagai panduan, bukan sebagai suatu realiti yang tetap.

Banyak pakar telah memberi ulasan tentang format dan penghasilan siri ini. Sebahagian pengulas mencadangkan karya ini diterbitkan dalam bentuk buku-buku kecil. Ada yang mencadangkan pemisahan

antara teori dan aplikasi praktikal, sementara yang lain berpendapat bahawa lebih baik untuk menghasilkan buku panduan “DIY” (Do It Yourself) atau “Lakukan Sendiri” dengan teori dan aplikasinya digabungkan sekali. Kami menyedari semua kekuatan dalam cadang-cadangan tersebut. Namun begitu, untuk masa ini, kami mempersesembahkan edisi pertama ini sebagai formatnya. Maklum balas dan komen membina daripada para pembaca yang budiman amat kami alu-alukan supaya dapat dimasukkan ke dalam edisi akan datang yang akan diterbitkan dalam saiz dan format yang berbeza.

Secara manusiawinya kami tidak mungkin mampu untuk menangani banyak budaya etnik dalam satu buku; namun begitu, diharap agar edisi terjemahan dalam pelbagai bahasa dapat disesuaikan dengan keperluan pembaca yang khusus oleh guru-guru dan para pemimpin tempatan.

Terjemahan bahasa Inggeris bagi ayat-ayat al-Qur'an telah diambil daripada Tafsir Yusuf Ali dan Muhammad Asad dengan beberapa modifikasi dianggap perlu oleh para penulis.

Buku ini adalah kemuncak pengalaman para penulis di dunia Islam dan Barat. Ini merupakan suatu usaha untuk menyatukan hikmah wahyu Ilahi, panduan Nabi dan pencapaian manusia daripada warisan Islam dan budaya Barat. Buku ini juga merupakan usaha untuk menunjukkan bagaimana hikmah besar ini dapat melengkapi satu sama lain apabila dianalisis dan dinilai dengan betul. Dengan demikian, buku ini memberi suatu sumbangan yang unik dan bermakna dalam bidang Perhubungan Antara Ibu Bapa dengan Anak.

PARA PENULIS

Januari 2013, Washington, D.C., Amerika Syarikat

BAHAGIAN SATU

KEIBUBAPAAN: MENETAPKAN ASAS

BAB 1: Keibubapaan yang Baik: Apa dan Bagaimana Kita Bermula?

BAB 2: Unit Keluarga: Mengapa Penting? Apa Fungsinya?

BAB 3: Keibubapaan yang Baik: Menetapkan Matlamat yang Betul

BAB 4: Matlamat yang Paling Penting: Membesarkan Anak-anak yang Mengasihi Tuhan

BAB 5: Menangani Cabaran dan Jebakan Umum

BAB 6: Salah Tanggapan, Jebakan dan Mitos yang Perlu Dielakkan

BAB 7: Apabila Kesilapan Berlaku



BAB 1

Keibubapaan yang baik: Apa dan Bagaimana Kita Bermula

- Pengenalan **4**
- Fasa Pertumbuhan Anak **6**
- Cara Kita Membesarkan Anak: Pelbagai Gaya Keibubapaan **6**
- Apa yang Boleh Meramalkan Gaya Keibubapaan? **10**
- Memulakan Keibubapaan yang Baik: Sekilas Pandang tentang Tugas Mendarat **11**
- Mengguna Pakai Sumber Informasi tentang Keibubapaan **16**
- Patutkah Subjek Keibubapaan Diajar di Sekolah Menengah? **19**
- Garis Panduan Subjek Keibubapaan di Sekolah Menengah Britain **20**
- Kesimpulan **22**
- Aktiviti 1-7 **23**

Pengenalan

APABILA KITA MELIHAT sebuah keluarga yang bahagia, tinggal dalam suasana rumah tangga yang tenang dan harmoni dan (yang penting sekali) memiliki anak-anak yang soleh dan boleh menyesuaikan diri, ini semua bukanlah suatu kebetulan. Ia adalah hasil kerja keras dan usaha yang dilakukan dalam membina hubungan ibu bapa dan anak yang baik. Keibubapaan yang baik adalah pelaburan jangka panjang dan kunci kepada kejayaan yang besar dari segi pembangunan emosi, psikologi dan fizikal anak-anak.

Pada asasnya, keibubapaan yang baik dapat menyediakan suasana yang mesra dan penuh kasih sayang bagi membolehkan anak-anak berkembang. Persekutuan seperti ini penting untuk menjalin hubungan bagi meningkatkan komunikasi dan merapatkan ikatan antara anak-anak dan ibu bapa. Komunikasi yang berjaya memerlukan sikap yang positif, bukan sikap kasar atau mencari kesilapan orang, demi menggalakkan anak-anak supaya berusaha untuk meraih kecemerlangan.

Keibubapaan Islam hari ini kelihatannya agak bermasalah. Ramai ibu bapa tidak pernah mengambil kursus keibubapaan. Mereka kekurangan ilmu, pengalaman dan kemahiran keibubapaan. Mereka hanya bergantung kepada naluri dan logik akal yang selalunya sudah ketinggalan zaman dan diwarisi daripada nenek moyang yang sama ada tidak berilmu atau mempunyai latar belakang keibubapaan yang berlainan budaya. Terdapat ibu bapa yang berpendidikan tetapi mereka meniru budaya barat dengan membuta tuli. Ada juga ibu bapa yang mengikut ibu bapa dan jiran mereka yang kurang berpengetahuan. Sebahagian ibu bapa

cuba memenuhi impian mereka yang tidak tertunai dahulu melalui anak-anak mereka. Terdapat juga yang mengabaikan atau menangguhkan tugas-tugas keibubapaan.

Disebabkan kurang pemahaman atau kekangan masa, mereka menyerahkan tugas keibubapaan ini kepada pengasuh, guru sekolah, saudara muda, televisyen dan permainan komputer.

Ini banyak berlaku di negara-negara yang kaya dengan minyak. Negara-negara ini mengimport pengasuh-pengasuh yang menggunakan ‘amalan salah’ sehingga memberi kesan negatif kepada karakter anak-anak.

Kami berhasrat membantu ibu bapa untuk membetulkan kesemua yang disebut di atas. Kami juga ingin ibu bapa menghapuskan atau mengurangkan kesalahan-kesalahan yang tidak disengajakan. Dari suatu segi, kami menawarkan ‘polisi insurans’ yang terbaik kepada ibu bapa dalam menghadapi kelemahan-kelemahan umum yang mungkin akan ditemui mereka.

Malang sekali, kebanyakan orang hari ini tidak begitu mengambil berat tentang keibubapaan. Hanya sedikit sahaja penekanan diberikan kepada peranan penting yang mampu dibawa oleh tugas ini. Sebenarnya, berapa ramai daripada kita, sebagai ibu bapa, pernah berfikir secara serius tentang tugas yang diamanahkan kepada kita ini? Amat bermanfaat sekiranya kita memikirkan persoalan ini supaya kita sedar bahawa keibubapaan memerlukan satu bentuk kemahiran, strategi dan perancangan yang tersendiri.

PERHATIKAN SOALAN-SOALAN BERIKUT:

Soalan 1: Apakah tugas yang memerlukan ilmu pengurusan, psikologi, sosiologi, antropologi, kejururawatan, seni masakan dan komunikasi?

Soalan 2: Apakah tugas yang tidak memerlukan ijazah, sijil atau lesen untuk mengamalkannya?

Soalan 3: Apakah tugas yang paling banyak disalahfahami dan diabaikan?

Soalan 4: Apakah tugas yang paling kuat bertahan terhadap salah guna dan keganasan?

Soalan 5: Apakah tugas yang sangat penting yang memberi kesan kepada kehidupan seseorang termasuk orang dewasa?

Soalan 6: Apakah tugas yang merupakan guru paling penting kepada seorang anak?

Jawapan: Keibubapaan.

Fikirkan: kita tidak akan mengupah mekanik, tutang paip, juruteknik atau doktor kecuali mereka berkelayakan dalam menjalankan tugas mereka. Namun, kebanyakan kita menjadi ibu bapa tanpa apa-apa latihan. Kita belajar selama bertahun-tahun untuk mendapatkan ijazah pertama. Namun, kita dengan mudah menjadi ibu bapa pada usia remaja tanpa menyediakan diri kita untuk suatu tanggungjawab yang besar di hadapan kita. Kita akan berusaha mendapatkan lesen untuk memandu kereta, memburu rusa atau menerbangkan pesawat. Tetapi kita tidak merasa adanya keperluan untuk melatih sepasang ibu bapa dengan baik sebelum mereka memasuki alam keibubapaan.

Jadi, apakah yang kebanyakan kita (sudah pastinya kami bermaksud yang baik-baik sahaja) lakukan ketika membesarakan anak? Walaupun banyak teori keibubapaan dan nasihat yang baik untuk ibu bapa, nasihat-nasihat itu biasanya dipandang sepi oleh ibu bapa sambil terus berharap semuanya akan menjadi baik-baik belaka. Mereka mungkin berusaha sedikit seperti menghadiri mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah, mengawasi ‘semua perkara’ secara am, risau tentang markah peperiksaan, menghadiri perjumpaan keluarga semata-mata untuk hadir dan melakukan usaha-usaha yang lain yang tidak seberapa. Selain daripada ini semua, tidak banyak pun yang dilakukan oleh ibu bapa.

Walaupun tidak ada model trek pantas yang lengkap yang boleh kita gunakan, terdapat pelbagai prosedur yang boleh dilaksanakan bagi membantu kita mencapai matlamat ini. Di sepanjang perjalanan kita menjadi ibu bapa, kita akan menyedari bahawa jalan menuju keibubapaan yang baik tidak selalunya sempurna. Walaupun kita sentiasa memperbaiki diri dan gaya keibubapaan, kita tidak mampu mempercepat proses ini. Usah mencari jalan singkat ke arah keibubapaan yang berjaya kerana sememangnya jalan pintas itu tidak wujud.

ENAM TEORI, TANPA ANAK; ENAM ANAK TIADA TEORI



“Sebelum berkahwin, saya mempunyai enam teori tentang bagaimana membesarkan anak. Sekarang, saya mempunyai enam orang anak tetapi tidak ada teori.”

John Wilmot, Earl Of Rochester
(Brown 1994)

Fasa Pertumbuhan Anak

Mari kita bermula dengan memahami bahawa anak-anak melalui fasa perkembangan yang berbeza. Memahami proses perkembangan anak-anak memberi manfaat kepada ibu bapa kerana dalam setiap peringkat perkembangan, keperluan dan permintaan kepada dunia keibubapaan berubah. Fasa-fasa perkembangan anak boleh dibahagikan seperti berikut: Bayi, anak tatih dan prasekolah (0-7 tahun); praremaja (8-11 tahun); awal remaja (12-14 tahun) dan remaja (15-22 tahun). Pada setiap peringkat, anak-anak memerlukan bantuan yang berbeza dari segi fizikal, emosi, sosial dan psikologi daripada ibu bapa. Akhirnya, seorang anak membesar daripada keadaan pergantungan penuh kepada kemandirian penuh.

Penting untuk ibu bapa dan anak-anak menangani transisi ini dengan jayanya. Ahli teori konflik mencatatkan bagaimana ibu bapa dan remaja berebut kuasa dan sumber antara mereka. Ibu bapa dan anak, masing-masing mengawal satu sama lain. Mereka selalu mempunyai idea yang berlainan tentang cara bagaimana sumber (wang, ruang dan masa) perlu diperuntukkan. Apabila anak-anak meningkat remaja dan menuju alam dewasa, ibu bapa perlu mengalihkan tenaga mereka jauh daripada kehidupan anak-anak dan memberi fokus pada kehidupan mereka sendiri. Keadaan ini kemudian akan berubah apabila ibu bapa semakin tua dan berkemungkinan akan bergantung pula kepada anak-anak mereka. Kemandirian akan bertukar kepada keadaan saling bergantungan di mana akan sentiasa berlaku nasihat-menasihati, konsultasi dan perkongsian serta sikap ambil berat antara anak-anak dengan ibu bapa.

Cara Kita Membesarkan Anak: Pelbagai Gaya Keibubapaan

Kita juga memperakukan bahawa terdapat empat gaya umum keibubapaan yang banyak diamalkan oleh ibu bapa (sudah pasti tidak semua gaya keibubapaan termasuk dalam kategori-kategori ini).

1) Autoritarian/Diktator

Ibu bapa menuntut kepatuhan dan menghukum ketidakpatuhan dengan keras.

2) Autoritatif

Ibu bapa mengharapkan anak-anak bersifat responsif kepada tuntutan mereka dan dalam masa yang sama ibu bapa juga responsif terhadap tuntutan anak-anak. Ibu bapa menerangkan peraturan-peraturan mereka dengan jelas dan memberi pelbagai alasan yang munasabah untuk semua peraturan yang ditetapkan supaya anak-anak menyedari bahawa permintaan ibu bapa bukanlah sembarang, sewenang-wenang atau tidak bererti.



3) Permisif

Ibu bapa membenarkan anak-anak melakukan apa sahaja yang disukai. Hanya sedikit konflik berlaku kerana ibu bapa permisif mengalah kepada keinginan anak-anak.

4) Demokratik

Ibu bapa Demokratik cuba berunding dengan anak-anak dan mengambil kira pandangan mereka ketika membuat keputusan.

Secara amnya, ahli-ahli sosiologi lebih menyukai keibubapaan autoritatif. Cuba teliti gaya keibubapaan anda dan tentukan pada kategori manakah gaya keibubapaan anda berdasarkan empat kategori ini. Tanyakan kepada diri sendiri mengapa anda memilih gaya tertentu atau mengapa anda termasuk ke dalam ‘sesuatu gaya tertentu’. Penilaian peribadi ini akan membuatkan anda berfikir semula tentang kaedah anda dengan memfokuskan bidang-bidang yang positif dan memperbaiki kaedah yang diperlukan.

Nota tentang Keibubapaan Autoritarian/Diktatorial: Budaya Paksaan Dan Ketakutan

Terdapat suatu kepercayaan yang lazim, terutama dalam kalangan ibu bapa Muslim dan golongan minoriti bahawa gaya keibubapaan autoritarian adalah cara paling efektif untuk mencegah perilaku yang menyimpang bagi anak-anak mereka. Menariknya, kepercayaan ini berasaskan suatu pemikiran yang berfokus pada pencegahan tingkah laku buruk berbanding dengan galakan terhadap sikap mental yang positif dan perilaku yang baik. Kawalan dan rasa takut melebihi hubungan kekeluargaan yang harmoni sehingga menyebabkan anak-anak tidak boleh menyesuaikan diri dan memberi kesan buruk kepada seluruh masyarakat. Atas alasan ini dan kerana popularnya gaya ini, kami mengambil keputusan untuk memfokuskan isu ini dengan lebih mendalam.

Perilaku yang lazim bagi ibu bapa Muslim adalah penguatkuasaan peraturan yang ketat dan dominasi serta kurang dialog, penyertaan dan konsultasi dalam keluarga. Benih amalan

authoritarian ditanam di dalam keluarga sejak bayi yang kemudian menembusi persekitaran luar rumah dan seterusnya berjaya menakluki sekolah, institusi sosial dan akhirnya kerajaan dan sistem politik.

Dalam kalangan keluarga, bapa mempunyai kuasa yang kuat terhadap anak-anak; abang terhadap adik-adik dan lelaki terhadap perempuan. Kaum lelaki secara amnya adalah “ketua” yang dominan dan di seluruh persekitaran tidak terdapat konsep perkongsian dan kebertanggungjawaban. Ini bertentangan dengan galakan Nabi Muhammad ﷺ supaya mengamalkan konsep kebertanggungjawaban dan menyatakan:

“Kamu semua adalah pemimpin dan kamu bertanggungjawab terhadap apa yang kamu dipertanggungjawabkan.”

(Al-Bukhari)

Kebiasaan yang berlaku dalam keluarga adalah ibu bapa memberi arahan tanpa penjelasan kepada anak-anak dengan mengeluarkan senarai umum perkara-perkara yang boleh dibuat dan tidak boleh buat. Apabila anak-anak meminta penjelasan, jawapan biasa adalah “buat seperti yang kamu diberitahu,” “memang sudah caranya begitu,” “buat seperti yang saya suruh, bukan seperti yang saya buat” atau “jangan banyak soal.” Adakalanya, anak-anak yang mempunyai sikap ingin tahu akan didenda dan dituduh sebagai tidak hormat,m tidak bersopan atau tidak patuh. Untuk menutup mulut anak yang ingin tahu, sebahagian ibu bapa memberi respons yang tidak tepat kepada persoalan mereka, dan bukan mengaku bahawa mereka sebenarnya tidak tahu akan jawapannya.

Ini bukan bermaksud bahawa ibu bapa seperti ini tidak mengambil berat pada anak-anak mereka. Mereka sebenarnya menyayangi dan mengambil berat tentang keluarga mereka. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk bersifat tegas dan mengawal keadaan, mereka malah menjadi seseorang yang suka mendominasi orang lain. Sikap mendominasi tidak sama dengan usaha melatih anak, namun kadangkala kedua-dua konsep ini tidak difahami. Amalan mendominasi tidak membantu usaha membesarkan anak-anak yang tidak mempunyai masalah dari segi emosi, psikologi dan mental. Untuk membesarkan anak-anak yang mantap, ibu bapa perlu melibatkan mereka dalam perbincangan yang membabitkan partisipasi mereka. Al Qur'an menyebut:

Yang memutuskan urusan mereka dengan bermusyawarah antara mereka.

(Surah asy-Syura: ayat 38)

“Kerana rahmat Allah ﷺ, kamu (Muhammad ﷺ) berlaku lemah lembut terhadap mereka. Seandainya kamu bersikap keras dan berhati kasar, tentu mereka menjauahkan diri darimu. Kerana itu, maafkan mereka, mohonkan ampun untuk mereka dalam urusan itu. Kemudian, apabila kamu telah membulatkan tekad, bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Alah mencintai orang yang bertawakal.

(Surah Ali 'Imran: ayat 159)

Walaupun pendekatan paksaan mungkin mengakibatkan anak-anak memberi penghormatan yang jelas kepada ibu bapa, ia sebenarnya sebuah penghormatan kosong yang berlandaskan ketakutan, bukan atas dasar keyakinan dan kasih sayang. Perasaan takut, sama ada dipelajari atau semula jadi, dibincangkan secara terperinci dalam Bab 14. Pendekatan autoritarian ini dilanjutkan ke dalam sistem pendidikan apabila penghormatan anak-anak terhadap guru tidak terbina atas dasar cinta kepada pelajaran tetapi lebih kepada rasa takut akan kemarahan guru atau hukuman. Akibatnya, kemungkinan prestasi akademik anak-anak tidak dapat dicapai sebagaimana yang diharapkan. Pendekatan paksaan ini diperkuuh oleh sistem pendidikan di sesetengah negara dengan pengajaran berdasarkan pembelajaran secara hafalan berbanding dengan kaedah pemahaman dan partisipasi. Berdasarkan sistem ini, ibu bapa dan sekolah sebenarnya tidak wajar berasa bangga dengan apa yang dilakukan. Apa yang mereka lakukan hanyalah menyumbang kepada ‘penghasilan’ individu-individu yang mempunyai perilaku sosial yang menyamai institusi diktator dan authoritarian. Ini adalah sikap sepertihamba

abdi yang kita temui dalam pentadbiran kerajaan, parti politik, gerakan sosial, jabatan polis, angkatan tentera, syarikat dan kilang. Sebilangan kecil individu yang melepaskan diri daripada sistem pendidikan ini dan tidak menyerah kepada kezaliman yang berlaku dalam masyarakat tidak mampu berbuat banyak perkara. Mereka bersikap hipokrit dan hanya mengikut khalayak atau mereka berkelakuan menyimpang serta menjadi seseorang yang bermasalah dalam sistem yang sudah sedia rosak teruk. Ini mengakibatkan penderitaan dan kekecewaan yang berpanjangan.

Terdapat krisis dalam minda orang Islam dan juga dalam pembangunan psikologi dan emosi anak-anak orang Islam. Kurangnya pendekatan metodologi yang bersepada dan wujudnya ilmu yang terpisah-pisah dan terbahagi kepada kategori tertentu menjadi penyebab kepada pemesongan budaya dan pemikiran orang Islam. Kurang perhatian kepada kemahiran keibubapaan menjadi penyebab kepada kekacauan serius dalam hal emosi dan psikologi anak-anak kecil. Pendekatan terkini yang diambil oleh kebanyakan orang Islam terhadap keibubapaan tidak memasukkan visi al-Quran iaitu ‘imran (mencipta dan membangunkan tamadun), itqan (kesempurnaan) dan tafakkur (eksplorasi). Pendekatan mereka lebih kepada pendekatan yang bersifat literal, mengikut dan meniru. Daripada bersifat saintifik, objektif dan metodologikal, orang-orang Islam lebih suka mempercayai tahuyl. Mereka sangat teruja dengan idea tentang jin dan magis dan mereka ketinggalan dalam hasil-hasil daripada mentaliti saintifik.

Umum sudah menerima bahawa tanggungjawab menyelesaikan kelembapan intelektual dan krisis minda yang hampir

melumpuhkan Ummah ini, secara langsung terletak di atas bahu para pemikir dan pendidik. Walaupun mereka ini mempunyai peranan besar untuk menyelesaikan krisis minda umat Islam hari ini, namun akhirnya, jalan penyelesaian terletak di tangan ibu bapa. Ibu bapa yang yakin dengan peranan mereka pasti melakukan usaha terbaik untuk membesarkan anak-anak yang sihat, bebas dan boleh menyesuaikan diri dalam masyarakat. Anak-anak inilah yang mampu mendukung tanggungjawab kepimpinan dan membawa perubahan positif ke dalam masyarakat yang akhirnya mampu mengubah kelumpuhan Ummah ini.

Situasi keibubapaan hari ini yang menyediakan boleh dikategorikan seperti berikut:

- Keadaan buta huruf yang keterlaluan dalam kalangan ibu bapa yang menjadi halangan untuk mereka mencari ilmu dan mempelajari kemahiran;
- Budaya takut yang menghasilkan ‘mentaliti hamba’ yang menghalang kreativiti dan inisiatif;
- Mengikut secara buta-tuli dan kepatuhan kepada pihak lain ('mentaliti ikut-ikutan') tanpa analisis kritikal; dan
- Pendekatan mendominasi dan paksaan di rumah dan di tempat-tempat awam.

Keibubapaan boleh menyatukan atau memecahbelahkan sebuah keluarga, masyarakat dan tamadun. Pembinaan tamadun tidak pernah ada titik noktahnya dan ia bukan suatu kerja untuk satu tempoh masa tertentu. Namun, ia adalah cara hidup dan proses dinamik yang berterusan. Ada permulaan namun tiada pengakhiran. Tamadun terus berkembang,

menjadi lebih baik dan membangun. Ia adalah suatu eksplorasi, penemuan dan pemberian (ihsan) yang berterusan. Kami menggalakkan ibu bapa supaya mempunyai impian yang besar di samping memikirkan juga akibat daripada amalan keibubapaan mereka kepada masyarakat umumnya.

Apabila anak-anak dibesarkan dalam situasi ketakutan dan penindasan, mereka menjadi takut untuk mengambil risiko dan membuat keputusan. Akhirnya mereka membesar dengan sikap kurang rasa bertanggungjawab dan tidak mampu membuat keputusan. Anak-anak yang takut juga suka mengambil sikap mementingkan diri sendiri yang akan membawa kepada kurang partisipasi dalam hal ehwal masyarakat sekeliling. Ini menghalang mereka daripada mempersoalkan kekuasaan pemimpin sehingga menyebabkan regim autoritarian dan diktator berkembang. Anak-anak yang dibesarkan dalam situasi ini akan bertolak ansur dengan korupsi dan enggan menjalankan peranan mereka dalam masyarakat. Semangat berpasukan hilang dalam proses dan ini menghalang pembentukan institusi-institusi yang penting dalam pembinaan masyarakat.

Sikap menoleh ke belakang dan budaya tahuju yang kuat serta sikap tidak rasional ditanam ke dalam minda anak-anak yang masih muda menyebabkan masyarakat ketinggalan dari segi pembangunan dalam bidang sains dan teknologi.

Erakegemilangan tamadun Islam berkembang kerana kesemua faktor ini sentiasa diambil berat semasa anak-anak dibesarkan. Contohnya, amalan menyusu badan dilihat sebagai aspek yang penting dalam pembesaran anak dengan memberi perhatian kepada keperluan emosi dan psikologi seorang anak. Sungguh, jawapan kepada persoalan ‘mengapa tamadun yang sangat hebat

akhirnya menjadi tamadun paling teruk di antara yang teruk?’ terletak pada satu aspek penting ini: cara kita membesarkan anak-anak kita semenjak kelahiran mereka. Kurang fokus kepada keibubapaan yang baik adalah dimensi utama yang hilang dalam pelbagai usaha pengislahan yang hebat dalam sejarah umat Islam.



Apa yang Boleh Meramalkan Gaya Keibubapaan?

Apakah terdapat perkaitan antara interaksi kita dengan ibu bapa dan cara kita berinteraksi dengan anak kita? Ibu bapa yang mendera anak mereka sendiri selalu mengatakan mereka sendiri didera semasa kecil. Bolehkah pengalaman positif semasa kecil seseorang bersama ibu bapanya membentuk perkembangan gaya keibubapaan yang mesra, sensitif dan memberangsangkan? Bolehkah gaya keibubapaan diperturunkan di antara generasi?

Cara ibu bapa dibesarkan dahulu memberi sumbangan kumulatif kepada gaya keibubapaan mereka akan datang. Secara amnya, ibu bapa yang mempunyai pengalaman membesar dalam asuhan yang sihat semasa proses pembesarannya akan menjadi ibu bapa yang lebih mesra, sensitif dan pandai merangsang anak mereka

sendiri. Keibubapaan yang baik dikaitkan dengan perkembangan kognatif yang baik sejak usia tiga tahun. (Baumrind 2008)

Bapa cenderung berinteraksi dengan bayi dan balita dengan cara yang berbeza daripada ibu.

Walaupun kebanyakannya ibu dan bapa mempunyai pendekatan yang sama dari segi tindakan responsif, memberi rangsangan, kasih sayang dan didikan kepada anak-anak, bapa lebih cenderung kepada aktiviti fizikal berbanding ibu. Ibu dan bapa walau bagaimanapun, lebih cenderung melakukan aktiviti fizikal dengan anak lelaki berbanding dengan anak perempuan. Tahap pendidikan ibu dan bapa juga dikaitkan dengan prestasi yang mungkin dicapai anak-anak di sekolah dan dalam bidang-bidang lain. Apa yang menarik, lebih tinggi tahap pendidikan bapa, lebih banyak sokongan yang cenderung diberikan oleh ibu kepada anak mereka. (Ricks 1985)

Selain meniru gaya ibu bapa kita membesarkan anak, ada kalanya kita mengambil sikap yang berbeza daripada gaya ibu bapa kita membesarkan anak. Mungkin terdapat beberapa perbezaan cara

membesarkan anak dari generasi ke generasi. Hampir separuh daripada datuk dan nenek berpendapat cucu-cucu mereka dibesarkan dengan cara yang berbeza daripada cara mereka membesarkan anak mereka. Sebahagian mereka menyatakan bahawa anak-anak mereka lebih berlembut dengan cucu-cucu mereka berbanding ketika mereka menjadi ibu bapa dahulu. Kurang daripada separuh menyatakan anak-anak mereka memberikan tanggungjawab kerja rumah yang kurang berbanding dengan apa yang anak-anak mereka alami dan cucu-cucu mereka mendapat lebih banyak peluang berbanding dengan apa yang diberikan oleh mereka kepada anak mereka. (Zogby International 2006)

Tidak kira bagaimana keadaan masa kecil ibu bapa, ‘asal-usul keluarga’, pendidikan atau pendapatan, ibu bapa yang sihat mendapat bahawa mempunyai anak sendiri memberi peluang kepada mereka berfikir semula cara mereka dibesarkan. Mereka mungkin mengulangi atau memperbaiki kaedah ibu bapa mereka semasa membesarkan anak-anak mereka sendiri.



“Bagaimanapun akhirnya, tidak kira berapa banyak yang dilakukan ibu bapa, anak-anak mereka adalah individu yang mandiri dan mereka sendiri bertanggungjawab terhadap tindakan mereka. Apa yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah sokongan dan panduan. Suatu hari nanti, mereka dengan gembira dan bangga akan menyatakan: “Kami adalah ibu bapa yang baik.”

Memulakan Keibubapaan yang Baik: Sekilas Pandang Tentang Tugas Mendatang

Keibubapaan yang baik bermula sebelum seorang anak dilahirkan. Sebelum berkahwin, seseorang perlu memilih pasangan yang baik. Selepas berkahwin, ibu yang hamil perlulah menjaga kesihatan

dan pemakanannya serta mengelakkan bahan-bahan yang berbahaya masuk ke dalam tubuhnya. Bapa pula harus mengambil berat terhadap ibu dengan sebaik-baik mungkin, meringankan sebanyak mungkin tugas dan kerja-kerja ibu serta memberinya rehat, tidur dan ketenangan yang cukup. Di sini kami menawarkan kepada para

ibu bapa sekilas pandang tentang tugas-tugas mendatang dan pengetahuan serta kemahiran yang perlu bagi melaksanakan keibubapaan yang baik. Pengetahuan tentang skop sebenar cabaran yang akan dihadapi oleh ibu bapa dapat membantu mereka supaya tidak terlebih anggar atau meremehkan cabaran-cabaran yang akan dihadapi. Sekiranya mereka merasakan proses keibubapaan ini terlalu mudah, mereka akan merasa tidak perlu membuat persediaan. Jika mereka merasakannya terlalu sukar, mereka mungkin akan kecewa dan berputus asa.

Walaupun tugas keibubapaan mungkin memberikan pengalaman yang paling berharga, memberangsangkan dan memberi kebahagiaan kepada orang yang melaluinya, ia juga boleh menjadi sesuatu perkara yang paling mencabar. Seluruh kehidupan seseorang meliputi siri ujian dan membesar anak adalah salah satu ujian yang paling mencabar. Idea romantik bagaimanapun, perlu diletakkan di tepi dan beberapa realiti perlu dilalui. Keibubapaan yang baik bukanlah sesuatu yang mudah dan tidak berlaku tanpa kesilapan. Anak-anak akan menguji kesabaran dan ketahanan ibu bapa. Walaupun anak-anak ini tidak berada berdekatan, mereka akan sentiasa mengisi hati dan minda ibu bapa. Hidup seseorang berubah secara dramatik dengan kehadiran anak-anak.

Semua anak mempunyai bakat dan potensi. Begitu juga halnya dengan ibu bapa. Keibubapaan bukanlah sesuatu yang harus dihadapi seorang diri. Ramai ibu bapa mempunyai rangkaian sokongan dalam mengasuh anak-anak mereka termasuk guru, pengasuh, saudara-mara, pemimpin agama dan sahabat-handai.

Sebaik-baik sahaja seorang bayi dikandung, kita boleh mula mengaplikasikan panduan-

panduan berikut. Lebih baik jika kita membuka minda demi mengelakkan kekeliruan apabila terlalu banyak perkara “yang boleh dibuat” dan “yang tidak boleh dibuat” melanda kita. Mula dengan berusaha untuk memahami lapan matlamat berikut bagi membantu anda melihat kehidupan berkeluarga dan rumah tangga yang seimbang.

Jadikan keibupaan sebagai tugas yang menggembirakan. Beritahu diri sendiri bahawa kita mungkin membuat kesilapan-kesilapan “BODOH” tanpa sengaja, namun kita tidak boleh mengeja ‘BODOH’ tanpa huruf D dan H.

1. MEMAHAMI BAHAWA PERKEMBANGAN ANAK ADALAH PROSES YANG PANJANG DAN KOMPLEKS

Membesarkan anak yang baik, warganegara yang aktif dan pemimpin yang berpotensi adalah tugas harian yang mengambil masa bertahun-tahun, bukan hanya berbulan-bulan. Kita mungkin boleh gagal dalam percintaan atau persahabatan kita mungkin terputus di pertengahan jalan, namun ikatan antara ibu bapa dan anak lebih adalah lebih kuat dan tidak dapat dimusnahkan. Ikatan ini akan mampu mengharungi cuaca buruk dalam guruh yang tebal untuk kekal menjadi hubungan paling kuat dan mampu bertahan di muka bumi ini.

2. MENENTUKAN MATLAMAT YANG BETUL DAN SENTIASA BERUSAHA MEMPERBAIKINYA

Matlamat membantu kita menghindari kekeliruan dan menentukan tindakan. Matlamat menjadikan kita jelas akan arah tujuan kita dan bagaimana untuk sampai ke situ (kami telah mereka cipta carta matlamat keibubapaan yang akan dibincangkan dalam bab berikutnya). Tanpa matlamat atau peta jalan, ibu bapa mungkin tanpa sedar akan melakukan kesilapan. Ini berlaku kerana mereka

tidak mempunyai matlamat tertentu yang boleh mengukur tindakan mereka. Ini bukan bermakna kesilapan tidak boleh berlaku; kesilapan pasti berlaku. Apa yang penting adalah mengenal pasti kesilapan dan belajar daripadanya dengan menjadi lebih bertanggungjawab. Perkara yang sama berlaku kepada anak-anak. Adakah kita sudah memberi arahan yang jelas kepada mereka? Sudah cukupkah panduan kita kepada mereka supaya mereka dapat hidup harmoni bersama kita? Sudahkah kita memberi mereka kemahiran-kemahiran yang diperlukan supaya mereka boleh hidup seperti yang kita harapkan?

3. MENGAMALKAN PRINSIP-PRINSIP YANG DIELAJURI DAN BERKONGSI PENGALAMAN PRAKТИKAL DENGAN IBU BAPA LAIN

Sekiranya kita meneliti kajian-kajian lepas tentang keibubapaan atau mendapatkan kaunseling, kita pasti menemui panduan yang cukup banyak untuk membantu kita. Kebanyakan ibu bapa mungkin bersetuju tentang prinsip umum keibubapaan, namun mereka sering kali gagal mengamalkannya (disebabkan kekurangan kemahiran, pengalaman atau hanya kerja-kerja rutin di rumah setiap hari). Walau bagaimanapun, apabila mereka berkongsi pengalaman yang praktikal dengan ibu bapa lain, perkongsian itu boleh membantu kedua-dua pihak untuk mencapai kemahiran keibubapaan



yang lebih baik. Sama ada kita bujang, berkahwin, di rumah atau bekerja di luar rumah, keibubapaan adalah tugas yang tidak seharusnya dilakukan dalam keadaan bersendirian.

4. MENJADI CONTOH TELADAN YANG BAIK DAN MENGAJAR ANAK TENTANG HIDUP BERDIKARI

Salah satu perkara paling penting yang boleh diajar oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka adalah bagaimana mengurus diri mereka tanpa ibu bapa. Rumah adalah tempat anak-anak belajar tentang penghormatan, keberanian, disiplin diri, kasih sayang, kasihan belas, saling bergantungan dan tanggungjawab. Membebaskan atau memberi nasihat tidak cukup untuk menyediakan anak-anak dengan alat-alat bantuan yang diperlukan untuk menjadi lelaki dan wanita yang mempunyai karakter yang mengagumkan. Teladan baik daripada ibu bapa lebih bermakna daripada khutbah atau ceramah yang ada.

5. MENDIDIK ANAK UNTUK MEMBEZAKAN YANG BETUL DARIPADA YANG SALAH

Apabila ibu bapa mendengar cerita tentang tingkah laku buruk anak-anak lain, mereka selalu berkata: "Anak saya tidak berbuat begitu. Anak saya ini berbeza." Kita tidak boleh menganggap anak kita kebal daripada tingkah laku buruk dan akan secara semula jadi menjadi seorang yang berjaya. Realitinya, seorang anak mungkin berkelakuan tidak seperti yang kita ingini. Ini tidak sepatutnya mengejutkan kita kerana anak kita pada dasarnya tidak berbeza dengan ribuan anak-anak lain yang bersosial dan hidup di sekeliling kita. Memandangkan kita adalah anak cucu Adam dan Hawa (kita membawa gen mereka), kita semua mampu membezakan yang baik dan yang buruk serta mampu bertindak berdasarkan

ilmu dalaman ini. Menghadapi cabaran yang hampir serupa dan hidup dalam persekitaran yang rapat, semua orang tidak lepas daripada membuat kesilapan. Hanya yang berbeza adalah sebahagian daripada kita membuat lebih banyak kesilapan daripada yang lain. Dan sebahagian daripada kita akan bertaubat serta membetulkan kesilapan kita. Manakala yang lain tidak berbuat demikian. Walaupun setiap orang itu unik, kita melalui banyak pengalaman yang sama. Hampir tiada perkara dalam kehidupan kita yang tidak dilalui oleh orang lain meskipun dalam cara yang berbeza.

6. BERSUNGGUH-SUNGGUH MEMBINA DAN MENYEMAI CIRI-CIRI PERWATAKAN YANG UTAMA

Dalam gambaran yang lebih luas, kemunculan semula tamadun yang benar-benar bersifat manusawi hanya boleh dicapai melalui penubuhan institusi-institusiyangteguh.Institusi-institusi ini mesti mengandungi individu-individu yang mempunyai karakter yang kuat dan unggul, tidak mementingkan diri dan nafsu sendiri dan tidak melakukan korupsi. Personaliti-personaliti ini juga mesti memiliki kualiti kejujuran, sikap rendah diri dan kasih kepada orang lain. Sifat-sifat peribadi yang baik ini jarang sekali muncul secara kebetulan. Ia adalah hasil daripada keluarga yang bahagia, persekitaran yang stabil dan ibu bapa yang berlitzam.

7. MEMBINA SENI BERBICARA

Berbuallah! Adakan perbincangan bersama anak-anak tentang apa jua dan dalam semua perkara, tentang apa yang kita lakukan sepanjang hari, tentang apa yang kita rasa tentang sesuatu isu dan apa yang anak-anak kita fikirkan tentang x, y dan z. Penting untuk anak-anak mempelajari bagaimana kita meluahkan pemikiran kita.

Jadikan komunikasi satu keutamaan dan belajar mengenali dan memahami anak-anak kita. Selain membina perhubungan, berbual juga penting untuk perkembangan bahasa dan artikulasi. Jangan berlindung di sebalik televisyen, Internet atau permainan komputer untuk menjauahkan anak daripada kita. Kurang berkomunikasi akan mengakibatkan daya fikir yang mati dan pasif. Kita telah menyediakan satu bab khusus tentang kesan negatif akibat terlalu banyak menonton televisyen. Komunikasi termasuklah diskusi yang serius dan saling bertukar cerita jenaka. Ibu bapa seharusnya bergurau dan bermain dengan anak-anak mereka kerana gurauan menguatkan perhubungan dan melenyapkan kebosanan.

Ibu bapa menghabiskan banyak masa membesarakan anak-anak sehingga mereka lupa untuk menikmati masa-masa tersebut dan ini merupakan kehilangan yang besar.

Anak-anak berada di dalam dunia yang sempurna bagi mereka. Mereka berupaya untuk bermain dengan penuh gembira. Agak menyedihkan jika kita melihat ibu bapa yang murung dan membosankan, yang lebih suka menonton program televisyen daripada keluar bersiar-siar bersama anak-anak mereka. Bergelak ketawa dan berseronoklah bersama mereka. Memandangkan kehidupan ini penuh dengan tekanan dan kebimbangan, anak-anak mampu menjadi ubat paling mujarab bagi mengurangkan tekanan dengan membantu ibu bapa masuk ke dunia keanak-anakan mereka, biarpun hanya untuk sekali. Sebahagian ibu bapa merasakan bahawa bermain bersama anak-anak menunjukkan kelemahan atau kurangnya keseriusan tentang hidup. Realitinya adalah apabila kita bergurau bersama anak-anak, kita menanamkan rasa yakin dan tidak takut terhadap kita ke dalam diri mereka. Tahap tekanan

dan ketegangan menurun, ikatan kasih sayang yang tidak terlihat oleh mata dapat dikongsi dan anak-anak bebas menyatakan pandangan mereka. Bergurau dan ketawa adalah satu bahagian penting dalam komunikasi.

8. ALAMI NIKMAT KEIBUBAPAAN YANG BAIK

Hal ini ada kaitan dengan perkara sebelum ini. Prinsip-prinsip yang telah dibincangkan seharusnya diaplikasikan dengan penuh kasih

sayang dan keseronokan. Kadangkala ibu bapa yang terlalu mementingkan kejayaan memberi tumpuan yang keterlaluan pada matlamat sehingga mereka membiarkan kegembiraan kehidupan berkeluarga berlalu pergi begitu sahaja. Berwaspadalah. Amalan keibubapaan yang baik merupakan suatu konsep holistik dan tugas yang penuh belas kasihan kerana pengalaman keibubapaan sama pentingnya dengan tugas merealisasikan tujuan keibubapaan itu.



Masa Berkualiti dan PENGLIBATAN AKTIF dengan Anak-Anak

Ibu bapa selalu menyatakan bahawa mereka menghabiskan masa yang banyak BERSAMA dengan anak-anak. Sebenarnya apa yang dimaksudkan adalah bukan BERSAMA tetapi berdekatan dengan anak-anak. Mereka mungkin berada di dalam bilik yang sama dengan anak-anak tetapi masing-masing menonton TV, membaca, menggunakan telefon, membaca emel, atau berbual dengan tetamu. Apa yang diperlukan adalah PENGLIBATAN AKTIF bersama anak-anak. Ini melibatkan aktiviti membaca bersama, bersukan dan bermain bersama, menyelesaikan teka teki bersama, memasak dan makan bersama, berbincang bersama, bergurau bersama, membeli belah bersama, bermain blok bersama, dan membasuh pinggan mangkuk bersama-sama. Dalam kata lain, mereka bukan sekadar menjadi peneman anak-anak semata-mata dan dalam masa yang sama meninggalkan anak-anak bersendirian tetapi menjadi peserta dan pasangan yang aktif dalam aktiviti bersama anak-anak.

Inilah masa berkualiti yang baik dengan kuantiti masa yang cukup melalui PENGLIBATAN AKTIF. Tiada pengasuh atau wakil boleh mengantikan interaksi bersama ibu bapa mereka, kedua-duanya sekali!

Mengguna Pakai Sumber Informasi Tentang Keibubapaan

Salah satu cara memulakan tugas keibubapaan yang baik adalah merujuk sumber nasihat dan panduan daripada pakar.

Sumber Muslim Iwn Sumber Barat

Bahan-bahan rujukan tentang keibubapaan boleh didapati secara meluas di Amerika Utara (Rajah 1.1). Bagi ibu bapa di Barat, banyak maklumat boleh didapati tentang keibubapaan yang baik. Terdapat banyak buku, perpustakaan dan laman sesawang yang menyediakan sumber dan maklumat bagi membantu menjadikan keibubapaan lebih bermanfaat dan berkesan.

tinggi tentang keibubapaan. Hanya ada beberapa buku yang memberikan perincian praktikal bagaimana menanamkan nilai dan karakter yang boleh diterima dalam diri kanak-kanak. Ibu bapa menghadapi kesukaran untuk menggunakan buku-buku klasik berkaitan dengan keibubapaan. Buku-buku lama menangani masa dan cabaran yang berbeza dan kurang klasifikasi, indeks serta rujukan yang jelas. Maklumat keibubapaan bagi orang Islam berselerak merata-rata dalam pelbagai penulisan termasuklah rujukan tentang perundangan, tafsir al-Qur'an, bahan-bahan sejarah, puisi Sufi dan buku-buku nasihat.

Dr. al-Za'balawi (di dalam buku berbahasa Arab karangan beliau berkaitan dengan pendidikan remaja) menyatakan bahawa terdapat sedikit sahaja bahan rujukan Islam tentang cara membesarkan anak-anak dan hanya beberapa penulisan khusus berkaitan dengan remaja. Persatuan Pelajar Islam Amerika Syarikat dan Kanada (MSA) telah menerbitkan buku mewarna Islamik yang pertama pada tahun 1973. Buku-buku sedemikian tidak ada pada waktu itu dan ibu bapa yang menetap di negara Barat merasakan kurangnya buku untuk anak-anak.

Dr. Manazir Ahsan, Pengarah Pusat Islam Leicester, England, menyebut bahawa walaupun masyarakat Islam di Barat telah berjaya membangunkan beberapa institusi, masjid dan sekolah, mereka masih belum berjaya "menghasilkan bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Inggeris yang mencukupi bagi menampung keperluan pendidikan generasi muda mereka, di rumah dan di sekolah" (D'Oyen, 1996).

Bahan-bahan rujukan yang telah dihasilkan amat kecil bilangannya dan banyak lagi yang

RAJAH 1.1 BILANGAN BAHAN RUJUKAN TENTANG KEIBUBAPAAN

PERPUSTAKAAN	JUMLAH TAJUK
● Perpustakaan Kongres	2,464
● Konsortium 6 universiti, Amerika Syarikat	3,215
● Perpustakaan Awam Fairfax County, Virginia	432
● Perpustakaan Negara Kanada	362

Sumber: Perpustakaan Kongres Amerika Syarikat (www.loc.gov)

Perpustakaan Awam Fairfax County, Virginia (www.fairfaxcounty.gov/library)

Perpustakaan dan Arkib Kanada (www.collectionscanada.gc.ca)

Sebaliknya, ibu bapa Muslim yang mahu mendapatkan nasihat tentang keibubapaan daripada sumber Islam, apakah yang ada untuk mereka? Al-Tall dan al-Qaysi (dalam Bahasa Arab, 1990) menekankan hal tentang kurangnya bahan-bahan rujukan Muslim yang berkualiti

diperlukan. Perpustakaan Islam hari ini kekurangan buku-buku tentang perkembangan anak-anak dan keibubapaan. Kebanyakan bahan rujukan tertumpu kepada pendidikan orang dewasa dan hanya sedikit yang ditulis tentang perkembangan kanak-kanak dan psikologi remaja. Kebanyakan rujukan yang ada ditulis oleh pakar undang-undang adalah tentang aspek formal dalam kontrak perkahwinan; hak dan tanggungjawab suami, isteri, dan anak-anak; isu teknikal perceraian dan pengiraan harta pusaka. Terdapat keperluan untuk lebih banyak buku Islam yang menumpukan perbincangan tentang keluarga dan hubungan dalam kalangan adik beradik, terutamanya dalam aspek sosial, psikologi dan pembangunan. Ketika ibu bapa tercari-cari panduan berkaitan isu kekeluargaan, kebanyakan buku-buku yang ada hanya memberi tumpuan kepada isu-isu formal dan undang-undang (*fiqh*).

Selain itu, biografi Nabi Muhammad ﷺ dalam buku-buku pengajaran di sekolah-sekolah menengah di Dunia Arab cenderung untuk mengabaikan interaksi manusia dan pembangunan diri. Buku-buku tersebut lebih banyak berfokus pada isu-isu politik dan cara bagaimana mengatur keamanan dan perang antara negara. Hanya sedikit ruang diperuntukkan kepada hal tentang kasih sayang sesama manusia, kemesraan dan rasa hormat seperti yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad ﷺ terhadap anak-anak, kebaikan baginda semasa bersama anak-anak, rasa hormat baginda kepada mereka dan kesanggupan baginda bermain bersama mereka. Nabi Muhammad ﷺ tidak berpeluang membesarkan anak-anak lelaki kerana mereka semua meninggal dunia ketika masih kecil. Namun, baginda mendidik anak-anak perempuan baginda (Fatimah, Zainab, Ruqayyah


dan Umm Kulthum) dan menyumbang kepada pendidikan cucu-cucu dan anak-anak saudara baginda serta ahli masyarakat. Baginda juga mendidik adik sepupu baginda iaitu 'Ali ibn Abi Talib dan anak angkat baginda, Zayd ibn Harithah. Sangat menakjubkan apabila melihat bagaimana Nabi Muhammad ﷺ memberikan sepenuh perhatian kepada anak-anak dan menzahirkan kepada mereka rasa kepedulian, kebaikan dan sikap hormat. Ini semua dilakukan baginda walaupun dalam masa yang sama baginda benar-benar sibuk dengan urusan masyarakat dan kerajaan baharu yang sentiasa berada di bawah ancaman untuk dimusnahkan oleh musuh-musuhnya.

Secara amnya, orang lelaki hanya memperuntukkan sedikit perhatian kepada proses pembesaran anak-anak kerana kebanyakan tugas tersebut dilakukan oleh wanita. Namun, penerokaan dan penerangan tentang peranan Ummahatul Mukminin tidak dilakukan dengan secukupnya oleh para cerdik pandai hari ini. Sesungguhnya banyak pengkisahan peranan tersebut telah hilang atau menjadi tidak berharga lagi. Kita perlu menggalakkan para cendekiawan menyelidik dan membina bahan-bahan rujukan tentang bagaimana isteri-isteri Nabi ﷺ dan sahabat-sahabat wanita membesarkan anak-anak. Ini pasti dapat membantu dalam memperkenalkan dimensi baru peranan wanita dalam pembangunan sosial dan mengembangkan perpustakaan Islam dalam kajian terhadap wanita. Selain itu, bahan-bahan rujukan ini harus merangkumi kajian tentang peranan para wanita yang berjaya mendidik pemimpin-pemimpin yang berpotensi, lelaki dan wanita, pada zaman mutakhir ini. Kita mesti melakukan usaha ini dengan bersungguh-sungguh supaya pepatah

“syurga terletak di bawah telapak kaki ibu” tidak hanya menjadi sebagai kata-kata kosong keagamaan semata-mata.

Sehingga kini, penekanan adalah pada nilai dan objektif yang abstrak, bukannya kepada kaedah dan cara praktikal untuk membangunkan karakter dan nilai di dalam diri anak-anak. Perhatian tidak diberikan secukupnya pada pemahaman dan analisis perkembangan dan pertumbuhan anak-anak. Ini menyukarkan ibu bapa untuk mengaplikasikan prinsip keibubapaan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Teknik yang praktikal, kemahiran yang bersesuaian dan contoh kehidupan sebenar sangat diperlukan. Ketika penjajahan yang panjang berlaku ke atas negara-negara Islam, keutamaan diberikan kepada pembebasan tanah air sehingga tarbiyyah (pendidikan dan latihan) diabaikan. Perubahan sosial, pengurusan dan pembangunan yang baik diletakkan sebagai agenda paling bawah. Penulisan berkaitan dengan keibubapaan bukanlah suatu keutamaan dan tiada kajian yang bersungguh-sungguh dijalankan secara mendalam ke atas subjek tersebut sejak sekian lama.

Reformis Islam seperti Ibn Sahnun, Ibn al-Jazzar, dan 'Ali al-Qabsy, yang kesemua mereka dari Qayrawan, Tunis selain daripada al-Ghazali, al-Mawardi dan al-Ishbeely, meletakkan lebih banyak penekanan kepada penyusuan susu ibu dan tentang bagaimana mengawal, mendisiplin dan menghukum anak-anak di dalam kelas selain daripada bagaimana memberi ganjaran kepada guru-guru. Tidak banyak perhatian yang diberikan kepada aspek psikologi dan pembangunan anak-anak, serta pendidikan dan keibubapaan. Keadaan ini mungkin dapat menjelaskan mengapa gerakan reformis yang hebat tidak mampu mengembalikan tamadun Islam walaupun terdapat usaha yang bijaksana



dan ikhlas daripada para pemimpin mereka. Bagi mewujudkan masyarakat yang berkembang maju, kita memerlukan pengetahuan yang cemerlang berkaitan dengan penjagaan dan pembinaan watak anak-anak. Kita juga memerlukan pendidikan yang baik, keimanan yang teguh dan kemahiran yang betul. Agak menarik untuk kita mengetahui bagaimana al-Qur'an menggambarkan nabi-nabi sebagai model peranan atau contoh untuk diikuti. Kualiti kepimpinan boleh dibangunkan dari awal jika kita mempunyai pemahaman yang mendalam tentang seni dan sains keibubapaan.

Pada tahun 2002, Profesor Mumtaz Anwar dari Universiti Kuwait telah ditauliahkan oleh IIIT bagi menyelidik bahan-bahan rujukan berkaitan keibubapaan untuk orang Islam. Beliau mendapati kurangnya buku-buku keibubapaan yang baik sebagai rujukan untuk orang Islam dan terdapatnya kadar celik huruf yang rendah dalam banyak bahagian di dunia Islam, terutamanya dalam kalangan wanita. Kebanyakan ibu bapa Muslim bergantung kepada pemerhatian dan pengalaman peribadi dalam membesar anak-anak dan ini tidak mencukupi untuk membesar anak-anak yang berjaya. Malah bagi ibu bapa Muslim yang berpelajaran, mereka merasakan bahan-bahan rujukan berkualiti tinggi tentang keibubapaan

yang baik masih kurang dan tidak ada latihan rasmi yang sebenar. Walaupun sukar untuk mengukur berapa banyak rujukan keibubapaan yang ada di dalam semua bahasa di dunia Islam, kita menegaskan bahawa ia masih tidak mencukupi. Jelasnya, wujud keperluan

mendesak untuk menghasilkan bahan-bahan rujukan berkualiti tinggi tentang keibubapaan berdasarkan pembinaan karektor, nilai dan kebenaran, serta yang membincangkan masalah berkaitan dengan masyarakat hari ini termasuklah masalah di peringkat tempatan.

Kualiti Sebahagian Nabi (Yang Ditemui Di Dalam Al-Qur'an)

Istilah al-Qur'an

- Jujur
- Belas kasihan dan rahmah
- Berpengetahuan dan berhikmah
- Pertambahan (merujuk kepada Thalut) kekuatan fizikal dan ilmu
- Kuat dan boleh dipercayai
- Profesional dan boleh diharap

Patutkah Subjek Keibubapaan Diajar di Sekolah Menengah?

“Sekiranya keibubapaan adalah suatu tugas tentang tanggungjawab, mengapa kita tidak mengajar kursus ini secara rasmi di sekolah? Tujuh daripada sepuluh orang berpendapat bahawa keibubapaan adalah sesuatu yang harus kita pelajari atau diajar”

Longfield Dan Fitzpatrick, 1999



Dunia telah berubah sejak berakhirnya perang dunia kedua. Generasi terawal daripada keluarga yang sama tinggal di kampung atau bandar yang sama. Nenek atau datuk, ibu saudara, bapa saudara dan saudara yang lebih tua ada untuk memberi nasihat dan bantuan penjagaan anak-anak. Kehidupan berkeluarga kini menjadi semakin mencabar. Banyak keluarga nukleus mula wujud dan semakin banyak kegagalan perkahwinan terjadi. Begitu juga dengan peningkatan bilangan ibu yang keluar bekerja berbanding dengan yang sebelum ini. Memandangkan seni menurunkan tugas keibubapaan yang baik telah menjadi berpecah-belah, kita perlu mengisi peranan sebagai “guru keibubapaan” yang telah ditinggalkan oleh keluarga besar yang semakin mengecut saiznya. Patutkah kita meminta pihak sekolah melakukannya? Tambahan pula, membesarkan anak kedua lebih mudah daripada anak pertama kerana kita sudah mempelajari lebih banyak perkara. Sekiranya kita boleh memindahkan pengalaman ini, secara formal maupun tidak formal, tidakkah patut kita melakukannya?

Meskipun menyediakan kursus-kursus keibubapaan kedengaran logik dan menarik, realitinya tidak sebegitu. Kita seharusnya jelas tentang apa yang perlu kita ajarkan di dalam kursus-kursus sebegitu. Peranan “guru keibubapaan” juga menjadi suatu masalah. Kehidupan berkeluarga bukanlah bidang sains tulen. Ia berkait rapat dengan perasaan, perhubungan dan keintiman. Golongan yang tidak bersetuju dengan pengajaran keibubapaan di sekolah menengah mendakwa bahawa keibubapaan tidak sepatutnya diajar sebagai satu formula yang tetap di dalam kelas-kelas yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan. Institusi pendidikan yang suka campur tangan

dalam kehidupan peribadi sesebuah keluarga dan ahli-ahli politik yang penyibuk, tidak sepatutnya dibenarkan campur tangan dalam hal tentang perhubungan rumit sesebuah keluarga.

Bantuan profesional dalam bidang keibubapaan memang bermanfaat tetapi ibu bapa tidak sepatutnya melepaskan peranan mereka kepada guru-guru dan para profesional.

Ibu bapa dinasihati supaya menggunakan hikmah, naluri dan budi bicara masing-masing memandangkan setiap keluarga adalah unik. Belajar daripada kesilapan diri sendiri agak membantu dan kuasa autonomi sesebuah keluarga patut dipelihara.

Menurut Donald Winnicott, pakar psikoterapi.

“Saya mengelak daripada memberi nasihat dalam sepanjang kehidupan profesional saya. Walaupun mempunyai niat yang baik, para doktor khususnya bertanggungjawab dalam masalah perhubungan antara ibu dengan bayi, ibu bapa dengan anak-anak.”

Winnicott, 1992

Lagipun, apabila memberi panduan tentang keibubapaan, kita perlu berhati-hati supaya dapat mengelakkan campur tangan luaran yang tidak wajar dalam kehidupan keluarga dan tidak menjadi autoritarian. Ini mungkin menjelaskan keyakinan dan akauntabiliti ibu bapa.

Guru yang tidak terlatih tidak sepatutnya memberikan khidmat sebagai perantara dalam menangani konflik kekeluargaan.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh mengabaikan elemen-elemen yang bermanfaat yang ada di dalam kursus yang distrukturkan dengan baik. Daripada membuang sebelanga susu yang rosak akibat setitik nila, kita mestilah mengajar nilai tanggungjawab yang lahir daripada usaha memulakan sebuah keluarga, termasuklah tentang masa dan kos yang terlibat. Contoh kursus

keibubapaan yang dibincangkan di bawah ini diambil dari United Kingdom tetapi dunia Islam sendiri juga sedang memulakan pengajaran ilmu keibubapaan.

Garis Panduan Subjek Keibubapaan Di Sekolah Menengah Britain

Seperti yang telah dibincangkan, perlu ada keseimbangan yang rapi antara ibu bapa dan sekolah yang tidak terganggu oleh pengenalan kepada kelas-kelas wajib ini. Selanjutnya, sungguhpun agensi kesihatan dan kebajikan menawarkan bantuan kepada bakal ibu bapa berkaitan dengan kehamilan, kelahiran, dan penjagaan bayi, pengajaran tentang aspek sosial dan nilai mungkin menimbulkan kontroversi.

Kerajaan British memulakan kelas rasmi tentang keibubapaan kepada pelajar sekolah pada tahun 2000. Keruntuhan keluarga dan ibu atau bapa tunggal menunjukkan masalah serius kepada Britain dan ini telah mencapai tahap yang membimbangkan di negara-negara Eropah (Woolf, 1999). Berdasarkan nasihat yang diberikan oleh ahli pendidikan, kakitangan awam, dan ahli psikologi, kerajaan British memperkenalkan garis panduan bagi mengajar murid-murid mengikut topik-topik berikut: (Burgess, 2009)

- Menangani konflik dalam perkahwinan
- Menghukum anak-anak dengan wajar
- Panduan praktikal bagaimana menangani tantrum anak-anak di pasar raya.
- Peranan yang diharapkan bagi ibu dan bapa
- Kos dan perkara-perkara praktikal dalam membesarkan anak.

- Memupuk harga diri anak-anak dan ibu bapa melalui pujian
- Nilai relatif kebendaan berbanding dengan cinta dan keselamatan
- Tanggungjawab di samping hak dan kebebasan diri
- Nilai perkahwinan
- Kemahiran pengurusan masa
- Menangani tekanan dalam kehidupan berkeluarga

Kerajaan British merasakan bahawa kurikulum ini dapat membantu mengurangkan kadar kehamilan remaja dan perilaku jenayah dalam kalangan kanak-kanak. Belajar untuk hidup dalam peraturan keluarga merupakan langkah pertama ke arah belajar untuk hidup dalam peraturan masyarakat dan untuk mengelakkan diri daripada dihukum penjara.

Meskipun tugas keibubapaan merupakan sesuatu yang mencabar, ia adalah pengalaman yang paling menyeronokkan, bermanfaat, memberangsangkan dan pastinya paling menggembirakan yang besar kemungkinannya akan dilalui oleh kebanyakan daripada kita.

(Batool Al-Toma)



Sains memerlukan metodologi, struktur, strategi dan andaian.

Seni memerlukan hikmah, kebijaksanaan, naluri, kasih sayang dan akal budi.

Mengasuh anak merupakan suatu kerja sains, seni dan spiritual.

Adakah Anak-Anak Kita Tidak Normal?

Disebabkan kerumitan mengasuh anak, sebahagian ibu bapa beranggapan bahawa anak-anak mereka tidak normal. Seorang ibu mengatakan: "Beberapa tahun sebelum kami mempunyai anak, saya dan suami mengejutkan jiran kami dengan membersihkan rumah mereka ketika mereka tiada di rumah. Mereka mempunyai tiga orang anak kecil, dengan permainan bersepah-sepah di seluruh rumah. Selepas enam jam kami mengemas, kami kepenatan dan tersandar di sofa mereka. Kami menggelengkan kepala tidak percaya. Kerja seperti ini tentulah tidak normal. Sekiranya ini normal, kami tidak mahu mempunyai anak. Dua tahun kemudian dengan dua orang anak, saya tahu betapa normalnya rumah jiran kami dahulu. Ruang tamu kami kini kelihatan sama seperti ruang tamu keluarga yang mempunyai ramai anak."

Anak-anak adalah Umat Masa Hadapan

-Melalui Anak Kita Boleh Mengubah Dunia

- Anak-anak cenderung untuk hidup sebagaimana apa yang kita percaya terhadap mereka: Jika kita memberitahu mereka "Kamu boleh melakukannya," mereka akan melakukannya. Sekiranya kita memberitahu mereka "Kamu tidak boleh melakukannya," mereka tidak akan melakukannya.
- Sebuah negara terbentuk daripada keluarga dan daripada lelaki dan wanita.
- Sekiranya kita ingin mengubah dunia, kita harus mengubah keluarga.
- Untuk setiap anak yang berisiko, terdapat juga keluarga yang berisiko.
- Bijak bukan semula jadi namun ia adalah sesuatu yang kita pelajari.
- Untuk mengubah keluarga, kita perlu mengubah diri kita sendiri.
- Apabila anak-anak membesar, peranan kita sebagai ibu bapa juga sepatutnya berkembang, daripada pengurus kepada konsultan, daripada penyelia lapangan kepada mentor.

"Sesungguhnya Allah ﷺ tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah ﷺ menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya."

(Surah ar Ra'du: ayat 13)

Kesimpulan

Sama ada subjek keibubapaan ini diajar secara rasmi atau tidak, ada suatu perkara yang pasti. Keibubapaan yang baik dan kesannya kepada masyarakat umum akan diiktiraf secara meluas. Berhadapan dengan pelbagai realiti perkahwinan, menjadi ibu bapa, perkembangan anak-anak dan penjagaan anak-anak sebelum perkara-perkara ini benar-benar berlaku boleh menjadi kayu ukur yang berkesan dalam menghalang lebih banyak dilema yang mungkin dihadapi oleh bakal ibu bapa. Walaupun kelihatan seperti suatu langkah yang logik untuk melangkau dari pengajaran pendidikan seksual kepada pengajaran hasil perhubungan seksual tersebut, iaitu dalam bentuk bayi dan bagaimana membesarinya, ia tidak seharusnya dilihat sebagai pengganti peranan ibu bapa sendiri.

Sekiranya ibu bapa menyedari potensi peranan masing-masing dan kejayaan hasil peranan tersebut kepada diri dan masyarakat, ibu bapa akan sedaya upaya memahami seni dan sains keibubapaan yang baik dan dengan gembira mengorbankan segalanya demi keturunan mereka sendiri.

Kebergantungan kepada kerajaan, sekolah atau media untuk menghasilkan warga contoh, pada kemungkinan terbaiknya adalah suatu pertaruhan. Namun dalam kemungkinan terburuk, itu adalah kemalasan untuk menanggung tugas-tugas keibubapaan. Siapakah yang sanggup berkorban sepenuh hati demi kebaikan anak-anak jika bukan ibu bapa mereka? Tiada entiti lain yang boleh menandinginya!

Aktiviti

AKTIVITI 1 : PERNAHKAH ANDA TERTANYA-TANYA MENGAPA?

Bincangkan perkara-perkara berikut dengan anak-anak anda dan beri contoh pengalaman peribadi daripada saudara mara dan kawan-kawan. Fikirkan mengapa:

Seseorang boleh menjadi sarjana yang hebat tetapi gagal dalam kehidupan sosial

Ibu bapa boleh menjadi penyayang dan mesra tetapi tidak menggunakan masa dengan keluarga

Seseorang boleh menjadi orang beragama, tetapi tidak rasional

Seseorang boleh mempunyai keyakinan diri yang tinggi, tetapi sukar mempercayai orang lain

Seseorang boleh menjadi pemikir yang hebat, tetapi hidupnya sangat tidak teratur

Seseorang boleh berbelanja dengan banyak untuk dirinya sendiri, tetapi kedekut kepada orang lain

Seseorang boleh menjadi kaya tetapi kehidupannya sengsara

Keibubapaan yang sewajarnya mungkin boleh memainkan peranan penting dalam membentulkan masalah-masalah tersebut.

AKTIVITI 2 : GAYA KEIBUBAPAAN ANDA

Apakah pendekatan mengasuh anak-anak yang paling menarik perhatian anda? Kenal pasti satu kelemahan dalam gaya keibubapaan anda dan ambil langkah yang perlu untuk memperbaikinya. Bincangkan perkara ini bersama dengan anak-anak.

AKTIVITI 3 : SENARAI PERILAKU BURUK YANG BIASA BAGI ANAK-ANAK

Adakah anak saya unik?

Sebahagian ibu bapa menganggap anak-anak mereka ini sama ada lebih baik atau lebih buruk daripada orang lain, seolah-olah mereka daripada keturunan istimewa. Sebenarnya, anak-anak berkongsi banyak sifat yang sama dengan teman sebaya mereka. Oleh sebab itu, berkongsi pengalaman boleh memberikan kepuasan dalam kalangan ibu bapa. Sediakan senarai tingkah laku bermasalah anak-anak anda, dan bincangkan bagaimana untuk memperbaiki setiap satunya. Untuk memotivasi anak-anak, mulakanlah dengan perkara yang mudah untuk diperbetulkan.

BUAT SENARAI : "APA YANG TIDAK KENA DENGAN ANAK SAYA?"

Senarai di bawah merujuk kepada beberapa masalah tingkah laku yang ditunjukkan oleh sebahagian kanak-kanak:

Gagal di sekolah

Malas

Kurang makan atau lebih makan

Membuat gaya rambut yang anda tidak berkenan

Menjawab balik orang tua

Berkawan dengan kawan-kawan yang anda tidak suka

Enggan solat

Enggan membantu kerja rumah

Lama merajuk dalam diam

Menyumpah dan memaki hamun

Banyak menonton TV

Banyak menggunakan masa dengan telefon bimbit

Memukul orang

Melawan
 Menonton filem seram
 Enggan mengemas
 Mengambil risiko bodoh
 Tidak hormat pada orang tua
 Keluar rumah sehingga lewat malam
 Tidak suka duduk di rumah
 Tidak pernah mahu keluar
 Mencuri
 Menipu
 Merokok
 Makan makanan tidak sihat
 Tidak hormat pada jiran/datuk dan nenek
 Memakai pakaian yang anda tidak suka
 Membunyikan muzik/TV/radio dengan kuat
 Tidak membersihkan diri dengan betul
 Terlalu lama di bilik air
 Menyepahkan barang di rumah

NOTA UNTUK IBU BAPA:

Adakah keadaan membenarkan anda mengubah latihan ini dan membenarkan anak anda membuat senarai “Apa yang tidak kena dengan ibu bapa saya?!” Adakah anda mempunyai keberanian dan hikmah untuk melibatkan anak-anak di dalam latihan sebegini?

AKTIVITI 4 : PUISI SEKADAR RENUNGAN

Jemput seluruh keluarga duduk bersama dan minta seorang anak membacakan puisi ini dengan kuat. Minta seluruh ahli keluarga membuat refleksi pada tingkah laku masing-masing terhadap orang lain. Kemukakan juga cadangan-cadangan konkret untuk pembaikan.

Aku terlanggar orang yang tidak dikenali ketika dia lalu,
 “Maafkan saya”, ujarku.

Orang yang tidak dikenali itu berkata, “Maafkan juga saya”;
 Saya tidak nampak awak di sana”.
 Kami bersopan, orang asing ini dan aku, Dengan ucapan selamat tinggal kami berlalu.

Tetapi di rumah, kisah yang berbeza terjadi,
 Bagaimana kita melayan orang tersayang, yang muda maupun yang tua.
 Lewat petang itu, ketika sedang menyediakan makan malam,
 Anakku berdiri kaku di sebelahku.
 Lalu aku berpaling, hampir dia aku jatuhkan,
 “Ketepilah dari sini”, kataku dengan dah berkerutan.
 Dia berlalu pergi, patah hati kecilnya,
 Aku tidak sedar betapa kasar aku berkata.

Ketika di katil aku berbaring,
 Suara kecil berbisik kepadaiku,
 “Ketika melayani orang asing,
 Kau berbudi bahasa,
 Tetapi apabila bersama keluarga tercinta,
 Kau seperti mahu mendera.”
 Pergi dan lihatlah di lantai dapur,
 Di tepi pintu ada sejambak bunga.

Itulah bunga yang anakmu bawakan buatmu,
 Dia memetiknya sendiri, merah jambu, kuning dan biru.
 Dia berdiri senyap supaya dapat memberikan kejutan,
 Kau tidak pernah lihat air mata yang bergenang di pelupuk mata kecilnya.
 Ketika ini, aku merasa sangat kecil,
 Dan air mataku mula menitiskan.

Perlahan aku menuju dan melutut di pinggir katilnya,
 “Bangun anak kecilku, bangun”, perlahan kukatakan padanya.
 “Ini bunga yang kamu petik untuk ibu?”
 Dia tersenyum, “Saya terjumpa bunga di pokok itu.
 Saya memetiknya kerana ia cantik seperti ibu,
 Saya tahu ibu sangat suka akan bunga, terutama yang biru.”

Aku berkata, “Anakku, maaftkan ibu atas layanan sebegitu,
 Ibu tidak seharusnya menjerit padamu seperti itu.”
 Dia berkata, “Oh ibu, tidak mengapa.
 Saya sayang pada ibu, walau apa pun.

Aku berkata, “Anakku, ibu juga sayang pada kamu,
 Dan ibu sangat suka akan bunga itu, terutama yang biru.”

AKTIVITI 5 : IBU BAPA HARI INI BERBANDING DENGAN IBU BAPA LAMPAU

Teliti soalan-soalan ini dan bincangkan bersama anak-anak anda:

Adakah anda lebih rapat dengan anak-anak berbanding dengan ibu bapa anda bersama anda ketika seusia begini? (76% ibu bapa di Amerika menjawab YA).

Adakah anda berbicara dengan anak-anak lebih banyak daripada ibu bapa anda berbicara dengan anda ketika ada memasuki universiti? (71% ibu bapa Amerika menjawab YA).

(Kantrowitz dan Peg, 2006)

Minta pendapat seluruh ahli keluarga untuk memikirkan cara meningkatkan interaksi dan perhubungan. Ceritakan kisah-kisah tentang datuk nenek dan saudara mara sebanyak mungkin. Penceritaan ini boleh membantu mereka mengenali identiti keluarga dan salasilah keturunan mereka. Ia juga boleh membantu mengajar sejarah negara, yang tidak tertumpu kepada peristiwa penjajahan yang biasanya ditemui di dalam buku-buku negara-negara perindustrian.

AKTIVITI 6 : SEBAGAI IBU BAPA, ANDA BOLEH MEMBUAT PERUBAHAN!

Bincangkan perkara berikut bersama dengan anak-anak anda.

Seorang rakan pernah memberitahu saya: “Tidak kisah apa yang saya lakukan bersama dengan anak saya. Saya hanyalah seorang!”

Kalaulah setiap orang di dalam dunia berhenti mencuba melakukan sesuatu yang berbeza hanya kerana dia “hanya seorang”, siapa lagi yang ada untuk melakukan perubahan? Inilah adalah suatu falasi. Kita semua tahu bahawa para nabi adalah individu, seperti juga para sahabat Rasulullah ﷺ yang hebat, ulamak dan golongan bijaksana lelaki dan wanita di dalam sejarah. Mereka telah mengubah dunia. Fikirkan tentang Steve Jobs, Bill Gates dan Nelson Mandela.

Kemudian tanyakan kepada diri sendiri: siapakah yang telah melakukan perubahan dalam hidup anda? Adakah saudara mara, kawan, guru, pembimbing atau pemimpin agama? Ceritakan kisah anda kepada anak-anak dan minta mereka kongsikan siapa yang telah melakukan perubahan ke dalam kehidupan mereka?

AKTIVITI 7 : ANAK-ANAK: APA YANG KAMU HARAPKAN DARIPADA IBU BAPA KAMU?

Minta seorang daripada anak-anak anda untuk membaca dengan kuat kisah “The Giving Tree” oleh Shel Silverstein. Kemudian tanyakan anak-anak apa yang mereka harapkan daripada anda. Apa, bila dan bagaimana? Kemudian, nyatakan apa yang anda harapkan daripada anak-anak!

“The Giving Tree” karya Shel Silverstein menceritakan kisah hubungan antara seorang budak lelaki dengan sebatang pokok di dalam hutan. Pokok tersebut selalu memberi apa-apa sahaja yang diminta oleh budak lelaki tersebut. Ketika budak lelaki itu masih kecil, pokok itu memberikan dahanannya untuk dia bergayut. Kemudian, pokok itu memberikan teduhan

untuk dia duduk, epal untuk dimakan dan dahan yang daripadanya dia boleh membina rumah. Apabila budak lelaki itu menginjak dewasa, dia memerlukan lebih daripada pokok tersebut. Namun, dia tidak pernah memberikan apa-apa kepada pokok. Pokok yang sedih itu hanya muh supaya dia ditemani. Tindakan terakhir sebagai tanda pengorbanan diri, pokok itu membiarkan pemuda tersebut menebangnya supaya dia dapat membina bot untuk dia belayar. Pemuda itu meninggalkan pokok yang telah menjadi sebuah tungkul kayu. Beberapa tahun kemudian, pemuda tersebut, yang kini telah tua, kembali kepada pokok bagi mendapatkan tempat yang sunyi untuk duduk dan berehat. Pokok itu kembali menawarkan tungkulnya dan berasa gembira kerana pemuda itu akhirnya dapat menemaninya.

BAB 2

Unit Keluarga: Mengapa Penting? Apa Fungsinya?

- Pengenalan **28**
 - *Kesan Kestabilan Perkahwinan terhadap Anak*
- Saiz Keluarga di Amerika Syarikat Kini dan Dahulu **34**
- Unit Keluarga Ibu Bapa Tunggal **35**
 - *Prinsip-prinsip yang Boleh Digunakan untuk Menjadi Ibu Bapa Tunggal yang Berjaya*
 - *Pengaruh Ibu Tunggal dalam Kehidupan Para Nabi: Musa, Isa dan Muhammad* 
- Bolehkah Salah Seorang Ibu atau Bapa Menggantikan yang Lain? **40**
 - *Nota Tentang Islam dan Perceraian*
- Kepentingan Unit Keluarga dalam Islam **44**
 - *Objektif Keluarga Menurut al-Qur'an*
 - *Apakah yang Tidak Kena dengan Kehidupan Keluarga Muslim*
 - *Perkembangan Anak dan Sistem Pendidikan yang Baik*
 - *Pemerhatian Mendalam Terhadap Keperluan Sistem Pendidikan yang Baik*
- Unit Keluarga di Amerika **53**
 - *Mitos Umum Keibubapaan di Amerika Syarikat*
 - *Pelajaran Daripada Pembunuhan Beramai-ramai di Sekolah Tinggi Columbine*
 - *Mendidik Nilai kepada Anak: Perdebatan Pihak Konservatif- Liberal*
- Keluarga di Negara Islam Berbanding dengan di Amerika Syarikat **61**
 - *Pengaruh Barat ke atas Keibubapaan Islam*
- Kebebasan atau Kebenaran? **65**
- Di Mana untuk Membesarkan Anak: **69**
 - *Kajian Kes Tentang Kejutan Budaya Akibat Perpindahan antara Timur dan Barat*
- Dua Konsep yang Hilang dalam Pemikiran Barat **70**
- Nilai Kepercayaan Berbanding dengan Nilai Kefungsian **71**
- Model Keluarga Pertanian: Anak-anak sebagai Tanaman, Ibu Bapa sebagai Petani **73**
- Aktiviti 8-15 **75**

Pengenalan

APAKAH KELUARGA dan apakah tujuan keluarga dibina? Bagaimanakah sesebuah keluarga berfungsi? Apakah matlamat keluarga? Apakah yang menguatkan keluarga? Apakah yang menyebabkannya tidak stabil? Apakah sumbangan setiap ahli keluarga untuk memastikan keluarga itu berjaya? Bagaimanakah kejayaan sesebuah keluarga diukur? Jawapan kepada semua persoalan ini mempunyai kesan langsung terhadap amalan keibubapaan yang baik dan cara anak-anak dibesarkan. Di dalam bab ini, kita akan meneliti persoalan-persoalan ini dan isu-isu yang berkaitan. Kita juga akan memperlihatkan kepada ibu bapa dan para pembaca bagaimana kemampuan hebat yang dimiliki sebuah keluarga dapat memberikan kesan positif kepada perubahan sosial. Sebuah keluarga tidak hanya mengubah ahlinya tetapi akhirnya mengubah masyarakat secara keseluruhan. Kita juga akan meneliti bagaimana keibubapaan dipraktikkan di dunia Islam dan di Barat.

Dalam bab satu, kita memperkenalkan kepada ibu bapa persoalan mengapa keibubapaan yang baik itu penting, bagaimana ia boleh dipelajari, dan bagaimana gaya keibubapaan pilihan kita memberi kesan kepada pembentukan anak kita pada masa hadapan. Menjadi ibu bapa yang baik melangkaui perkara-perkara asas dalam mengaplikasi prinsip-prinsip utama. Keibubapaan memerlukan kesedaran tentang sifat semula jadi sebuah keluarga dan sifat keterikatan antara mereka dan ini menjadi fokus utama dalam bab ini. Perbincangan dalam bab ini juga akan sentiasa merujuk kepada perkara tentang cinta, kepedulian dan keselamatan. Keluarga yang penyayang memberi perhatian pada keperluan anak-anak dan ibu bapa. Keibubapaan yang

baik mempersiapkan anak-anak menjadi orang dewasa yang mempunyai tanggungjawab sivik.

Kami juga akan menyentuh isu ibu bapa tunggal, perceraian, perubahan-perubahan dalam saiz keluarga dan situasi semasa bagi keluarga di dunia Islam. Ketidakstabilan yang dihadapi oleh banyak keluarga Muslim mungkin ada sedikit kaitannya dengan pembesaran anak-anak. Namun realitinya, sebuah unit keluarga yang stabil penting untuk membina masyarakat yang stabil dan dinamik.

Masyarakat yang progresif tidak boleh wujud tanpa unit keluarga yang sihat dan perkara ini sememangnya benar terutama bagi dunia Islam yang masih belum mampu mengubah zaman kemerosotannya.

Sesetengah orang mentakrifkan "keluarga" sebagai satu kumpulan manusia yang mempunyai kaitan antara satu sama lain. Manakala yang lain, mendefinisikannya sebagai satu unit sosial. Ada juga yang merujuknya sebagai satu kumpulan yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak yang tinggal bersama di dalam sebuah rumah. Meskipun terdapat pelbagai pandangan tentang keluarga, takrif keluarga tradisi biasanya sangat berkait rapat dengan perkahwinan dan anak-anak. Melalui perkahwinan juga, unit keluarga berkembang kerana perkahwinan bukan hanya merupakan sebuah perkongsian antara dua individu tetapi penggabungan antara dua keluarga besar. Unit keluarga moden (khususnya di Barat) sudah banyak berubah sejak bertahun-tahun yang lalu daripada keluarga besar kepada struktur keluarga nukleus. Selain itu, saiz keluarga juga telah berubah (bilangan anak berkurangan bagi sesebuah keluarga).


Bagaimanapun, keluarga seharusnya

merupakan sesuatu yang lebih besar daripada keseluruhan ahlinya itu sendiri. Sebuah keluarga adalah sebahagian daripada budaya yang besar dan secara idealnya, ia merupakan keseluruhan budaya secara sendirinya. Apa yang penting adalah untuk kita memahami kehebatan peranan yang kita mainkan di dalam keluarga. Keluarga adalah sebuah rumah ibadat kecil, kerajaan kecil dan sekolah kebaikan yang kecil.

Peralihan ke Dunia Keibubapaan

Apabila kita berfikir tentang keluarga, apa yang biasanya tergambar di kepala kita adalah ibu bapa dan anak-anak. Ibu bapa akan mengalami transisi buat pertama kalinya, daripada berdua kepada bertiga ketika kelahiran cahaya mata pertama. Apabila lahir anak pertama ini, ibu bapa memasuki fasa baru dalam kehidupan. Mereka akan melalui tempoh penyesuaian disebabkan perubahan dalam cara hidup dengan adanya anak-anak (termasuklah kesukaran dan tekanan, serta kegembiraan dan kebahagiaan). Apabila bayi dilahirkan dalam sebuah keluarga Islam, ada upacara tradisional tertentu yang dilakukan untuk menyambut bayi yang baru lahir ini (Abdul Kareem Zaydan, 1993) seperti:

- Melaungkan azan atau iqamah di telinga bayi yang baru lahir. Al-Hakim meriwayatkan daripada Abu Rafi' bahawa beliau melihat Rasulullah ﷺ melaungkan azan di telinga al-Hasan, anak kepada Ali, selepas ibunya Fatimah melahirkannya. Laungan azan di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri sejurus selepas kelahiran mengisyiharkan keesaan Tuhan, penegasan kepada pesan Rasulullah ﷺ dan peringatan kepada orang yang beriman untuk mendoakan masa hadapan si anak.



Para Ibu: Anda tidak boleh menjadi semua perkara dalam satu masa!

Tidak ada istilah bahawa ibu tidak ada kerja.

Usah cuba menjadi pasangan, ibu, suri rumah dan wanita bekerjaya yang sempurna dalam satu masa. Anda boleh melakukan perkara yang berbeza pada masa yang berlainan. Anak-anak memang telah mengubah hidup kalian. Justeru itu, terimalah perubahan tersebut. Jadilah orang yang mesra keluarga dan fleksibel.

- Menamakan bayi sejurus kelahirannya tanpa bertangguh. Memberikan bayi nama yang baik dan bermakna adalah penting (ini kerana ibu bapa seharusnya menunjukkan suri teladan kepada anak-anak sebagai aspirasi). Nama yang diberi tidak semestinya dalam bahasa Arab atau nama bersejarah tetapi boleh juga nama orang bukan Islam yang menjadi contoh terbaik kepada anak-anak untuk diikuti jejak langkahnya. Maksud sesuatu nama seharusnya baik. Mungkin juga boleh dipertimbangkan untuk memberi nama yang mudah untuk ditulis dan disebut dalam lebih daripada satu bahasa.

- Merancang majlis ‘aqiqah (meraikan kelahiran) untuk bayi tersebut. ‘aqiqah (dalam Bahasa Arab) merujuk kepada haiwan yang disembelih sebagai suatu pengorbanan untuk

anak yang baru lahir. Nabi ﷺ menyembelih seekor biri-biri jantan untuk cucu lelaki baginda al-Hasan dan al-Husayn. Ini boleh dilakukan pada hari ketujuh selepas kelahiran atau selepas dari itu. Daging sembelihan boleh dimasak dan orang ramai juga boleh diundang untuk dijamu dalam sebuah majlis kenduri. Daging sembelihan seharusnya digunakan untuk memberi makan kepada keluarga dan jiran-jiran, tidak kira yang miskin atau kaya. Haiwan yang dipilih untuk sembelihan seharusnya yang sihat dan tidak cacat. Ketika menyembelih haiwan tersebut, doa ini perlu dibaca, "Dengan nama Allah ﷺ sembelihan ini kerana Allah ﷺ dan dari Allah ﷺ Tuhan Yang Maha Berkuasa, ini adalah 'aqiqah bagi (sebutkan nama bayi)."

- Ahmad dan al-Tarmizi meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad ﷺ bersabda: "Setiap anak tergadai dengan 'aqiqahnya, disembelihkan haiwan korban untuknya pada hari ke tujuh selepas kelahirannya, dicukur rambutnya dan diberikan nama kepadanya." Perkara ini sangat digalakkkan tetapi tidak diwajibkan. Nabi ﷺ juga meminta anak perempuan baginda, Fatimah menimbang rambut bayi yang dicukur dengan perak dan memberi sedekah perak tersebut kepada orang miskin. Orang Yahudi mempunyai amalan yang hampir serupa, namun bagi orang-orang Kristian, mereka akan melakukan upacara pembaptisan kepada bayi yang baharu lahir.

KESAN KESTABILAN PERKAHWINAN TERHADAP ANAK

Sebuah unit keluarga dengan serta-merta berada dalam tekanan, dengan kehadiran cahaya mata. Menjadi ibu bapa walaupun merupakan suatu

hadiyah yang hebat, bukanlah selalunya suatu perkara yang menarik seperti yang selalu dibayangkan. Apabila menjadi ibu bapa, pasangan seharusnya menyedari bahawa kehidupan mereka tidak akan sama lagi seperti dahulu. Mereka harus mempersiapkan diri sewajarnya untuk menghadapi cabaran-cabaran yang terbentang di hadapan mata. Ibu bapa perlu mengorbankan sebahagian daripada kepentingan mereka untuk kepentingan bayi mereka. Keupayaan menjadi ibu atau bapa juga pasti akan dipersoalkan. Ia bukan sesuatu yang mudah, terutama kepada si ibu untuk mengatasi keletihan disebabkan kekerapan menjaga bayi. Si bapa pula mungkin akan pulang ke rumah dan tidak berjumpa dengan isteri yang ceria, anak yang gembira dan rumah yang bersih. Ramai bapa mungkin mendapati isteri mereka terlalu kuat bekerja, tidak gembira dan tidak mampu mengambil berat terhadap mereka seperti sebelumnya.

Menjadi ibu memang meletihkan mental, fizikal dan emosi. Tidur yang sedikit dan penjagaan bayi yang berterusan memberikan kesan ke atas suatu hubungan walaupun hubungan itu sangat kukuh. Dan ini akhirnya boleh menggoncangkan perkahwinan.

Isu kewangan boleh menjadi lebih signifikan ketika pasangan bergelut dengan tanggungjawab rumah dan pekerjaan serta menjaga anak dalam masa yang sama. Ini juga boleh memberikan kesan yang buruk kepada kehidupan perkahwinan. Kehidupan boleh menjadi sangat menekan terutamanya kepada ibu bapa yang berkerja sepenuh masa. Ada ibu bapa tidak mahu menempatkan anak-anak mereka di pusat jagaan kanak-kanak dan sanggup bekerja berganti-ganti antara mereka bagi membolehkan salah seorang daripada mereka berada di rumah bersama anak-

anak. Walaupun keadaan ini baik untuk anak, ia bukan sesuatu yang optimum bagi suami dan isteri yang hanya dapat berjumpa untuk waktu yang singkat dan kemudian berpisah semula. Dalam kes seumpama ini, hubungan kedua-dua suami isteri mungkin akan bertambah buruk dengan cepat. Perselisihan yang remeh-temeh atau perkelahian yang merosakkan seperti giliran siapa yang membersihkan rumah atau mencuci pinggan mangkuk mungkin akan terjadi. Ibu bapa yang merasa bersalah kerana kurang menghabiskan masa bersama anak-anak mungkin memburukkan keadaan dengan mengurangkan "masa bersama pasangan" untuk menggantikan "masa bersama anak-anak." Ada juga ibu bapa yang memanjakan anak-anak dengan hadiah, duit, dan makanan ringan (lebih daripada menghabiskan masa bersama mereka) yang memberi lebih banyak tekanan kewangan dan sosial ke atas diri mereka sendiri.

Tekanan seumpama ini akan meletakkan sesebuah perkahwinan berada dalam keadaan tegang terutamanya jika masa bersama yang terhad itu bertukar menjadi sesi rungutan berbanding dengan sesi bersempang mesra. Konflik perkahwinan dalam kalangan ibu bapa memberikan impak negatif kepada anak-anak. Ramai ibu bapa menderita akibat kurangnya komunikasi yang membawa kepada salah faham dan konflik yang tidak dapat diselesaikan

Biarlah keluarga menguruskan keluarga dan masyarakat akan terurus dengan sendirinya

Confucius

Anak-anak tidak seharusnya dilayan sebagai 'orang dewasa kecil' yang diharap dapat sentiasa bersikap seperti orang dewasa. Juga salah sekiranya anak-anak diperlakukan sebagai

sesuatu yang menjengkelkan kerana memang tabiat anak-anak yang suka mendesak dan bertanya soalan. Keperluan fizikal, emosi dan perkembangan mereka perlu dipenuhi.

Berikut merupakan beberapa cadangan yang mungkin dapat membantu ibu bapa mengurus masa peralihan ke dunia keibubapaan. Perubahan dalam keluarga yang bersifat dinamik, daripada menjadi suami dan isteri kepada menjadi ibu dan bapa, diharap dapat mengurangi tekanan yang dihadapi.

1. Jadualkan sebahagian masa harian atau mingguan untuk dihabiskan bersama-sama sebagai satu pasangan. Ini termasuklah keluar bersiar-siar, bersenam atau makan malam bersama-sama. Berbual di talian pada siang hari dan bangun beberapa minit lebih awal untuk memberi tumpuan kepada satu sama lain sangat membantu. Bergilir-gilir menjaga anak dengan ibu bapa lain yang boleh dipercayai juga merupakan amalan yang baik.
2. Berkongsi harapan bersama pasangan. Bincangkan sebarang bentuk kerisauan yang anda hadapi tentang peranan baru sebagai ibu bapa. Bercakaplah tentang kesan keibubapaan terhadap kesihatan, perhubungan dan pekerjaan masing-masing.
3. Menghabiskan masa menjamu juadah bersama-sama, beribadah bersama-sama, mengadakan hubungan intim dan bersenam bersama-sama. Disebabkan keperluan bayi akan mengambil hampir keseluruhan masa ibu bapa, carilah masa untuk sentiasa berkomunikasi. Pakaian atau pinggan mangkuk yang kotor boleh dibasuh kemudian.

4. Luahkan rasa tidak puas hati dan jangan takut dengan konflik. Anggaplah perselisihan sebagai petunjuk bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam perhubungan. Dapatkan nasihat kaunseling bersama-sama.

5. Bercakaplah dengan rakan yang boleh dipercayai atau rakan sekerja yang lebih berpengalaman dalam proses transisi daripada pasangan suami isteri kepada ibu bapa. Ini membantu meredakan rasa keterasingan. Pastikan anda bercakap dengan rakan sejantina, dan jangan sesekali mendedahkan apa-apa yang bersifat peribadi tentang pasangan anda.


dan bergulat bersamanya di atas lantai. Kesemua latihan ini mengajar anak sifat berdikari dan mendedahkannya kepada sifat kasar, agresif dan pengambilan risiko yang terkawal. Kedua-dua ibu bapa perlu melaksanakan peranan masing-masing dalam membangunkan personaliti anak. Sebagai seorang bapa, keibubapaan adalah perkongsian bersama isteri; tugas bapa untuk melindungi anak tidak boleh ditukar ganti.

Bapa harus tahu bila masanya untuk berperanan sebagai "ibu bapa" dan bila masanya menjadi "sahabat". Dalam kata lain, bila masanya untuk melindungi dan bila masanya untuk membiarkan anak 'belajar untuk mengambil pengajaran.'

Tidak kira berapa banyak pun anak-anak memberi kesan kepada perasaan ibu bapa terhadap perkahwinan, mereka sebenarnya meningkatkan komitmen ibu bapa terhadap hubungan perkahwinan. Rajah 2.1 menjelaskan bahawa, lebih ramai anak yang dimiliki oleh pasangan, lebih besar kemungkinan mereka akan kekal dalam perkahwinan. Ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang masih bergantung kepada mereka akan mengekalkan perkahwinan mereka bersama untuk memberi peluang kepada anak-anak mencapai standard kehidupan yang tinggi. Ibu bapa (terutamanya ibu) yang mempunyai anak yang masih kecil akan merasa lebih perlu untuk kekal dalam perkahwinan, walaupun mereka tidak bahagia. Anak-anak mungkin mengurangkan atau meningkatkan kebahagiaan. Namun yang pasti, mereka meningkatkan kestabilan kerana terdapat lebih banyak tekanan untuk mengelakkan perceraian.

Arthur Brooks, di dalam bukunya Gross

RAJAH 2.1 (Knox and Schacht
1997)



Tugas keibubapaan adalah berdasarkan perkongsian yang tidak boleh dipisahkan antara bapa dengan ibu. Setiap orang mempunyai tugas berbeza tetapi peranan yang saling melengkapi. Walaupun ketika bermain bersama anak, ibu bapa memberikan keperluan yang berbeza. Ibu memeluk anak, memberikan keselesaan kepadanya dalam dakapan dan melimpahkan perasaan cinta dan kasih sayang kepada anak itu. Bapa mendukung si anak, melambungkannya tinggi ke udara (hanya selepas si anak berusia 2 tahun dan ke atas) dan menyambutnya semula, membiarkan si anak menaiki belakang badannya



National Happiness, menerangkan bahawa ibu bapa di Amerika Syarikat lebih cenderung berasa gembira berbanding dengan pasangan yang bukan ibu bapa. Satu alasannya adalah anak-anak memberi makna kepada kehidupan. Pasangan yang beragama (yang hadir ke gereja sekurang-kurangnya dua kali seminggu) lebih cenderung untuk gembira berbanding dengan mereka yang tidak berkahwin, bukan kerana mereka lebih kaya, tetapi kerana kehidupan mereka lebih bermakna.

SIAPA PATUT BUAT APA

Ibu bapa: Mewujudkan rumah tangga yang bahagia.

Anak-anak: Belajar daripada ibu bapa dan menyokong mereka.

Datuk Nenek: Menyatukan keluarga merentas generasi

Kawan-kawan: Membantu ibu bapa.

Guru-guru: Mendidik anak-anak.

Reformis: Menunjukkan kepada ibu bapa amalan keibubapaan yang baik.

Hidup Bersama Anak-anak Hanyalah Suatu Fasa Yang Akan Berlalu.

Maka sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan,

Bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan!

(al-Quran 94: 5-6)

Walaupun ibu bapa kepada bayi kadangkala merasakan bahawa berjaga malam seperti tidak akan pernah berakhir, tetapi tanpa mereka sedari, anak-anak membesar dan kemudiannya pergi. Tidak seperti hubungan perkahwinan, hubungan ibu bapa-anak tidak dapat mengelak daripada menuju ke arah perpisahan. Sama seperti pasangan suami isteri yang bersendirian sebelum kehadiran anak-anak, mereka akan kembali bersendirian selepas anak-anak pergi. Keibubapaan hanyalah satu fasa yang penting dalam perkahwinan dan kehidupan. Bagi ibu bapa, masa yang dihabiskan bersama anak-anak membentuk satu pertiga daripada keseluruhan hidup mereka dan lebih separuh daripada kehidupan perkahwinan mereka. Walau bagaimanapun, sekali menjadi ibu bapa, selamanya ibu bapa. Hubungan akan berterusan selama-lama walaupun selepas anak-anak berkahwin dan meninggalkan rumah. Perhubungan yang wujud juga sepatutnya diteruskan sama ada anak-anak tinggal berhampiran mahupun beribu-ribu batu jauhnya. Ibu bapa kemudian memasuki fasa berikutnya iaitu fasa menjadi datuk dan nenek.

Saiz Keluarga di Amerika Syarikat Kini dan Dahulu

Penyusutan saiz keluarga telah mempengaruhi perhubungan di dalam unit keluarga. Dengan jumlah adik-beradik yang kurang, anak-anak boleh mendapat lebih perhatian daripada ibu bapa. Ikatkan kekeluargaan menjadi lebih kuat dan lebih hangat. Namun dalam masa yang sama, anak-anak mungkin tidak mendapat kemahiran menjaga adik-beradik yang lebih muda. Generasi *Baby Boomer* (77 juta rakyat Amerika yang lahir antara tahun 1946 dan 1964) sebagai ibu bapa *boomer*, telah membesar kan kira-kira 80 juta anak sahaja. Walaupun pendapatan dan pendidikan mereka tinggi, saiz keluarga mereka mengecil. Alat-alat mengawal kelahiran dan pengguguran lebih banyak boleh didapati lalu menjadikannya lebih mudah untuk mendapat jumlah anak yang sedikit. Pada zaman dahulu, ibu bapa memikirkan tentang anak-anak seperti memasak manisan. Beberapa percubaan awal mungkin tidak menjadi, tetapi

kita sentiasa boleh membuat lebih banyak lagi!! Kini banyak keluarga mempunyai satu atau dua orang anak sahaja. Jadi, mereka memberi fokus terhadap anak-anak tersebut dan memberikan perhatian yang besar. Saiz keluarga menjadi semakin mengecil disebabkan oleh peningkatan bilangan pasangan yang berkerjaya, kadar pergerakan keluarga yang tinggi, dan jarak yang jauh antara ibu bapa dan saudara mara mereka.

Pada tahun 1960, sebanyak 77 peratus wanita Amerika telah meninggalkan rumah, berkahwin, dan mempunyai anak pada usia 30 tahun. Pada tahun 2000, hanya 46 peratus sahaja wanita Amerika yang meninggalkan rumah, berkahwin, dan mempunyai anak pada usia 30 tahun! Usia purata perkahwinan di Amerika Syarikat pada tahun 2000 adalah 27 untuk lelaki dan 25 untuk wanita. Pada tahun 1950, umur purata perkahwinan di Amerika Syarikat adalah 22 bagi lelaki dan 20 tahun bagi wanita (Kantrowitz dan Tyre, 2006).

Daripada 105.5 juta isi rumah di Amerika Syarikat pada tahun 2000:

- 54.5 juta adalah pasangan yang berkahwin
- 4.9 juta adalah pasangan berlawanan jantina yang tidak berkahwin
- 0.6 juta adalah pasangan sesama jantina yang tidak berkahwin



Unit Keluarga Ibu Bapa Tunggal

Di Amerika, satu daripada empat orang anak tinggal di rumah ibu bapa tunggal (kira-kira 12 juta kanak-kanak). Lebih kurang dua juta ibu bapa rakyat Amerika adalah ibu tunggal manakala satu juta yang lainnya adalah bapa tunggal. Jumlah bapa tunggal meningkat hampir dua kali dalam tempoh sepuluh tahun (Leland, 1996). Keluarga ibu bapa tunggal semakin meningkat dan terdapat dua sebab utama berlaku peningkatan tersebut iaitu perceraian dan kelahiran anak di luar nikah.

Perkahwinan (bersama dengan semua komitmennya) adalah sesuatu yang tidak diingini oleh sebahagian pasangan yang lebih suka untuk tinggal bersama-sama tanpa ikatan perkahwinan

(bersekedudukan). Hampir tiga juta orang anak di Amerika Syarikat tinggal di rumah bersama ibu bapa yang tidak berkahwin (lebih kurang empat peratus anak mengikut Biro Bancian Amerika Syarikat): 1.8 juta orang anak tinggal bersama ibu dan pasangannya, sementara 1.1 juta tinggal bersama bapa dan pasangannya (Biro Bancian Amerika Syarikat, 2002).

Bersekedudukan dalam Perspektif: Bancian yang dilakukan di Amerika Syarikat pada tahun 2000 mendapati bahawa sebanyak 4.9 juta isi rumah yang ketua keluarganya mempunyai pasangan berlawanan jantina tanpa perkahwinan. Bilangan ini merupakan peningkatan daripada tiga juta isi rumah pada tahun 1990 dengan ketua keluarga yang mempunyai pasangan tanpa perkahwinan.

Kes Perceraian ‘Tanpa Alasan’

Perceraian tanpa alasan adalah satu bentuk perceraian yang berlaku apabila kedua-dua pasangan bersetuju untuk mengakhiri perkahwinan dan hakim tidak memerlukan sebarang alasan untuk diberikan. Sesetengah pasangan mahu menamatkan perkahwinan dengan cara seperti ini. Sebagai respons terhadap peningkatan kadar perceraian, Ronald Reagan yang juga telah berpisah dengan pasangannya ketika menjadi Gabenor California, telah menandatangani undang-undang pertama

pada tahun 1969 yang membenarkan pasangan untuk bercerai melalui kaedah perceraian tanpa alasan. Sebelum itu, salah seorang pasangan perlu membuktikan bahawa pasangannya telah melakukan kesalahan bagi membolehkan hakim menamatkan ikatan perkahwinan mereka (alasan utama yang biasa diberi adalah zina, penderaan dan pengabaian). Pasangan yang terdesak mahu berpisah telah menipu di mahkamah atau mengupah penyiasat persendirian untuk mengintip satu sama lain. Rang undang-undang ‘tiada kesalahan’ telah dirangka bagi mengurangkan rasa sakit hati dan tipu helah di antara pasangan yang mahukan perceraian. Ia membenarkan pasangan yang bersetuju mengakhiri perkahwinan untuk berpisah secara aman. Malah, sekiranya salah seorang mempertikaikan perceraian, pasangan seorang lagi boleh mendapatkan perceraian tanpa perlu menuduh pasangannya itu melakukan kesalahan. Setiap negeri, kecuali New York, yang kemudiannya diikuti oleh California, membenarkan perceraian ‘tanpa kesalahan’. Di dalam tempoh tiga tahun selepas ia dibenarkan, kadar perceraian melonjak naik.



Ibu bapa tunggal
kehilangan
ketenteraman dan
manfaat daripada
ketulusan seorang
konsultan yang setia:
pasangannya

Kami menegaskan bahawa hanya kerana seorang anak itu lahir di luar ikatan perkahwinan, ia tidak mengurangi tugas keibubapaan kepada mana-mana ibu bapa. Membesarkan anak sebagai ibu bapa tunggal memerlukan stamina yang tinggi, sikap tidak bergantung kepada orang lain, dan juga memerlukan sikap mental yang kuat.

Mengimbangkan tuntutan pekerjaan dengan tuntutan rumah tangga bukanlah perkara mudah. Keibubapaan tunggal lebih sukar dan memenatkan, baik dari segi mental maupun emosi. Keibubapaan tunggal lebih mendesak berbanding dengan keibubapaan berdua. Ibu bapa tunggal harus memenuhi dua peranan (peranan ibu dan bapa dalam satu masa): mereka sendiri harus membuat keputusan tentang urusan kewangan, tugas menguatkuasakan semua peraturan rumah tangga, dan kerja mengendalikan semua konflik dan salah laku anak-anak. Selain semua itu, mereka harus melalui rasa kesunyian seorang diri. Ini bukan bermaksud bahawa keadaan akan sentiasa lebih baik bagi keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu dan bapa. Tetapi tugas ini menjadi lebih berat bagi ibu bapa tunggal. Keperluan emosi mereka lebih sukar untuk dipenuhi. Semua ibu bapa harus mempunyai sikap mental yang positif, terutamanya ibu bapa tunggal.

Bagi anak-anak, membesar dengan ibu bapa tunggal membawa maksud mereka akan kurang mendapat kasih sayang dan perlindungan daripada ibu atau bapa kedua. Sudah tentu, ibu atau bapa yang tidak tinggal bersama anak, tidak seharusnya menjadi ibu atau bapa yang tidak wujud. Walaupun bercerai, kedua-dua ibu dan bapa masih boleh memainkan peranan aktif

dalam kehidupan anak-anak mereka. Anak-anak yang tinggal bersama ibu bapa tunggal juga akan kurang mendapat sistem sokongan seperti yang dimiliki oleh anak-anak yang tinggal bersama kedua-dua ibu dan bapa. Dengan kasih sayang dan keprihatinan ibu bapa tunggal terhadap anak-anak mereka, dan dengan lebih banyak pendidikan, kemahiran dan kesedaran yang mereka ada, kesengsaraan yang dialami oleh anak-anak ini dapat dikurangkan.

Berikut adalah sebahagian fakta yang berkaitan dengan impak negatif rumah tangga ibu bapa tunggal terhadap anak-anak (Harper dan McLanahan, 2004):

- Rumah tangga ibu bapa tunggal kurang mampu melindungi kesejahteraan wanita dan anak remaja berbanding dengan rumah tangga pasangan tradisi yang berkahwin.
- Anak-anak perempuan yang membesar tanpa kedua-dua ibu bapa biologi lebih besar kemungkinan menjadi remaja yang aktif dalam hubungan seks.
- Kanak-kanak dan remaja yang tinggal tanpa bapa biologi mereka lebih berisiko besar mengalami penderitaan fizikal dan emosi atau penderaan seksual.
- Pelajar sekolah menengah daripada rumah tangga yang bermasalah menyebabkan lebih banyak masalah di sekolah.
- Dalam sebahagian komuniti, anak-anak kepada ibu bapa tunggal lebih banyak melakukan jenayah.
- Anak-anak kepada ibu bapa tunggal lebih banyak kemungkinannya untuk didera atau diabaikan, dan lebih besar kebarangkalian untuk dipenjara pada pengakhiran hidupnya



Arahan tentang keibubapan yang baik yang digariskan dalam buku ini terpakai kepada ibu bapa tunggal seperti terpakainya kepada keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu dan bapa. Semua ibu bapa menghadapi masalah yang sama tetapi keluarga ibu bapa tunggal perlu memberi perhatian yang lebih kepada isu-isu berikut:

1. Memperlihatkan kekuatan peribadi. Sekiranya ibu bapa berpisah, dunia anak-anak menjadi tidak stabil kerana tiada orang tua yang satu lagi untuk mereka meminta pertolongan. Oleh itu, ibu bapa tunggal perlu menilai situasi dan sentiasa tenang serta yakin. Keadaan mental dan emosi ibu bapa tunggal harus kuat.
2. Memenuhi dua peranan. Peranan ibu bapa yang hilang perlu dipenuhi. Bapa, sebagai contoh, perlu lebih dekat secara emosi dan rohani dengan anak-anak. Terdapat banyak buku bantu diri yang boleh memandu ibu bapa dalam hal ini.
3. Meningkatkan harga diri. Anak-anak tidak harus dimalukan kerana hanya mempunyai seorang ibu atau bapa. Mereka patut tahu bahawa mereka juga sama baiknya seperti mereka yang mempunyai kedua-dua ibu bapa. Ibu bapa tunggal perlu menyediakan anak-anak mereka dengan kediaman yang baik dan kehidupan keluarga yang bahagia. Ajari anak-anak bahawa Nabi Muhammad ﷺ kehilangan

kedua-dua ibu bapa ketika usia baginda masih sangat muda. Berhati-hati untuk tidak terlalu memanjakan anak-anak dalam usaha untuk ‘menutup’ kekurangan dengan ketiadaan salah seorang ibu bapa, dan jangan sesekali membenarkan mereka memanipulasi ibu bapa dengan membuatkan ibu bapa merasa bersalah.

4. Komunikasi yang baik. Komunikasi yang berterusan antara ibu bapa dan anak adalah suatu keperluan. Kehidupan kedua-dua ibu bapa dan anak akan lebih mudah dengan wujudnya hubungan kasih sayang dan kemesraan serta suasana rumah tangga yang saling menyokong.

Berdasarkan kenyataan ini, menjadi ibu bapa tunggal tidak bermaksud bahawa kita perlu membesar anak-anak tanpa sebarang sokongan. Perkara ini boleh menjadi pengalaman yang menyeronokkan dan boleh juga berjaya sama seperti keluarga yang ada kedua-duanya, ibu dan bapa (atau mungkin lebih baik, kerana banyak keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa mengalami konflik dan tekanan dalam perkahwinan pada tahap yang tinggi).

Berikut disenaraikan beberapa siri tindakan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa tunggal dalam membesar anak-anak yang berjaya dan meminimumkan kesukaran yang dihadapi dalam hubungan antara ibu bapa dengan anak.

PRINSIP YANG BOLEH DILAKSANAKAN UNTUK MENJADI IBU BAPA TUNGGAL YANG BERJAYA

● Memupuk jaringan rakan dan perhubungan. Berkawanlah dan jemput mereka dan anak-anak mereka ke acara pertemuan sosial dan ajak mereka makan bersama anak-anak anda. Berkenalanlah dengan keluarga ibu bapa tunggal yang lain (ingatlah bahawa walaupun anda ibu bapa tunggal, anda tidak bersendirian). Kawan rapat boleh memberi sokongan dari segi emosi, persahabatan, bantuan ketika kecemasan, penjagaan anak, dan teman pendengar yang baik. Bijaklah dalam menilai rakan-rakan yang anda cari. Pilih yang prihatin, boleh diharap dan dipercayai, yang setia dan akan sentiasa bersama anda ketika diperlukan. Sekiranya anda mempunyai keluarga besar, teguhkan ikatan sedia ada dan ziarahilah satu sama lain dengan kerap. Jangan rasa malu untuk berkongsi beban keibubapaan dengan ahli keluarga yang lain dan mintalah bantuan mereka ketika anda memerlukan.



- Atur pelbagai lawatan dan hari-hari yang menyeronokkan bersama anak-anak anda. Simpan gambar kenangan peristiwa-peristiwa ini untuk mengingatkan anda dan anak-anda anda akan waktu-waktu dan hari-hari yang menggembirakan.
- Berkongsi sebahagian daripada proses membuat keputusan dan menyelesaikan masalah bersama anak-anak anda. Ini dapat membantu meningkatkan harga diri dan mereka akan merasakan bahawa mereka adalah ahli keluarga yang dihargai. Di dalam keluarga ibu bapa tunggal, setiap bantuan dan kerjasama daripada anak sangat diperlukan setiap hari. Bekerja sebagai satu kumpulan dan berkongsi bebanan kerja akan mengurangkan tekanan yang anda hadapi.
- Jangan sesekali membenarkan amarah dan kegelisahan peribadi anda memberi kesan kepada anak. Sekiranya anda boleh melihat dunia dari sudut pandang anak-anak, anda akan menyedari bahawa anak-anak mudah rasa terancam. Mereka takut sekiranya ada sesuatu berlaku kepada ibu bapa, mereka akan keseorangan di dunia ini. Ingatlah untuk kembali kepada Tuhan bagi semua keperluan anda. Selepas melakukan yang terbaik, serahkan semua masalah dan ketakutan hanya kepada Tuhan yang Maha Penyayang.
- Sekiranya anda berpisah, jangan sesekali memaksa anak-anak memihak. Jangan sesekali meminta anak untuk memilih antara "ibu bapa yang baik atau ibu bapa yang teruk." Anak-anak mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada kedua-duanya dan merasa bersalah sekiranya terpaksa menolak salah seorang dan memihak kepada salah seorang yang lain.

- Yang paling utama, bersikap positif dan berserah kepada Tuhan. Ingatlah bahawa ibu bapa tunggal, dengan kemahiran-kemahiran keibubapaan yang baik, boleh membesarkan anak-anak dengan berjaya walaupun tanpa pasangan. Lakukan ini dengan membina sistem sokongan yang baik – lingkungan rakan-rakan, saudara mara dan jiran. Membesarkan anak-anak yang baik bukanlah melihat kepada jumlah ibu bapa, tetapi kepada kualiti keibubapaan dan kualiti pandangan sarwajagat ibu bapa.
- Mengikut keinginan anak tatih akan menghilangkan rasa sakit hati. Jika mereka mahu berpaut pada ibu bapa, biarkan mereka. Jika mereka ingin melakukan sesuatu sendiri, ibu bapa hendaklah menurutinya sahaja selagi cara tersebut munasabah.
- Gangguan adalah taktik yang khususnya berguna apabila kanak-kanak tidak mahu mengikut arahan. Selain itu, mereka boleh dibenarkan untuk membuat pilihan dengan sedikit kawalan.

PENGARUH IBU TUNGGAL DALAM KEHIDUPAN PARA NABI: MUSA, ISA DAN MUHAMMAD

Sebahagian para nabi yang diutus ke seluruh umat manusia dibesarkan di rumah-rumah ibu bapa tunggal. Di bawah ini, kami ceritakan secara ringkas, kisah-kisah ibu kepada tiga orang nabi. Kekuatan dan kebijaksanaan wanita-wanita hebat ini benar-benar memberi inspirasi kepada semua ibu bapa.

Nabi Musa ‘Alaihissalam.

Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: “Susukanlah dia; dalam pada itu, jika engkau takutkan sesuatu bahaya tentangnya (dari angkara Firaun), maka (letakkanlah dia di dalam peti dan) lepaskanlah dia ke laut; dan janganlah engkau merasa bimbang dan jangan pula berdukacita; sesungguhnya Kami akan mengembalikannya kepadamu, dan Kami akan melantiknya menjadi salah seorang daripada pembawa utusan Kami.”

(Surah al-Qaṣāṣ: ayat 7)

Ibu Nabi Musa meletakkan kepercayaan kepada Tuhan untuk menjaga bayinya dengan meletakkan Nabi Musa ‘Alaihissalām ke dalam

sungai. Beliau kemudian membesarkannya sendiri setelah Nabi Musa enggan menyusu daripada ibu susuan yang lain di istana Firaun. Sungguh luar biasa keputusan yang beliau ambil! Beliau mengamanahkan Tuhan dengan nyawa anaknya, dan membentuk kualiti kepimpinan Rasul yang hebat!

Nabi Isa ‘Alaihissalam.

Dan (ingatlah wahai Muhammad ﷺ) ketika malaikat berkata: “Wahai Maryam! Sesungguhnya Allah ﷺ telah memilihmu, dan mensucikanmu, dan telah memilihmu (beroleh kemuliaan) melebihi perempuan-perempuan seluruh alam.”

(Surah ali-‘Imrān: ayat 42)

Nabi Isa ‘Alaihissalām lahir sebagai seorang bayi tanpa ayah dan dibesarkan oleh seorang perawan iaitu Maryam. Maryam adalah ibu tunggal yang melambangkan standard cinta, pengorbanan dan integriti yang paling tinggi. Maryam digambarkan oleh Allah ﷺ di dalam al-Qur'an sebagai wanita terpilih yang paling terpelihara kesucian dan paling tinggi keimannanya.

Nabi Muhammad.

Nabi Muhammad ﷺ dilahirkan selepas ayah baginda meninggal dunia, menjadikan isterinya Aminah binti Wahab, sebagai ibu tunggal. Beliau membesarkan baginda sehingga usia mencecah enam tahun, pada waktu watak dan keperibadian unggul baginda mula terbentuk. Keberanian, kasih sayang, kejujuran, kreativiti dan keyakinan

diri ditanam ke dalam diri baginda oleh ibu baginda sendiri. Baginda kemudian dibesarkan di padang pasir oleh Harith dan Halimatus Sa'diah.

Kesan keibuan adalah sesuatu yang tidak dapat diukur! Berapa tinggi pujian boleh kita berikan kepada para ibu atas sumbangan mereka yang ternilai kepada keibubapaan?

- Anak-anak hadir ke dunia ini dengan mengetahui siapa ibunya, ibu memberitahu anak itu siapa ayahnya!
- Imam Ahmad melaporkan bahawa seorang lelaki datang kepada Rasulullah ﷺ dan berkata, “Saya datang bertemu mu wahai Rasul Allah berbaik untuk berhijrah dan saya meninggalkan kedua-dua ibu bapa saya menangis di rumah.” Rasulullah ﷺ berkata, “Pulanglah. Gembirakan mereka seperti mana kamu membuat mereka menangis.”
- Dikatakan semasa pengkbumian ibunya, seorang Muslim menitiskan air mata dan berkata, “Mengapa saya tidak bersedih apabila satu pintu syurga saya kini telah tertutup!”



Bolehkah Salah Seorang Ibu atau Bapa Menggantikan yang Lain

Seorang ibu tidak boleh menjadi pengganti sepenuhnya kepada seorang bapa, begitu juga sebaliknya. Bayi yang membina ikatan yang kukuh dengan kedua-dua ibu bapa akan berkembang dengan sangat baik. Ibu menawarkan kasih sayang tidak berbelah bahagi, kelembutan, penyusuan, toleransi, dan kesabaran. Bapa memberikan kekuatan, tanggungjawab, suara yang lebih kuat, bau yang berbeza, dan pipi yang

Apa Yang Benar-benar Penting?

Empat puluh tahun dari sekarang, tidak penting lagi berapa banyak wang simpanan di dalam akaun bank anda, jenis rumah yang anda diamai, atau jenis kereta yang anda pandu... Apa yang benar-benar penting adalah betapa pentingnya anda berada dalam kehidupan anak dan cucu.

calar-balar; semua rangsangan berguna kepada seseorang bayi. Umumnya, kehilangan seorang ibu boleh menjadi lebih buruk kepada anak-anak berbanding kehilangan seorang bapa. Seorang ibu boleh memberikan keselamatan dan kasih sayang manakala harapan ibu lebih cenderung bertumpu kepada anak-anak. Ibu yang menjadi suri rumah sepenuh masa menunjukkan keprihatinan yang lebih kepada anak-anak, dan anak-anak dalam banyak keadaan akan lebih rapat dengan si ibu. Anak-anak mengisi agenda harian si ibu. Ibu

mempunyai dedikasi dan kemampuan untuk melimpahkan kasih sayang dan ketenangan kepada anak-anak untuk menjadikan mereka berjaya dalam hidup. (George Tremblay dan Allen Israel, 1998)

Terdapat salah tanggapan bahawa anak lelaki memerlukan bapa lebih daripada ibu, dan anak perempuan memerlukan ibu lebih daripada bapa. Kepentingan bapa kepada anak perempuan sama pentingnya kepada anak lelaki, walaupun dalam beberapa keadaan berbeza. Begitu juga, ibu sangat penting dalam membesarkan anak lelaki. Bapa memberikan rasa kekuatan, sokongan, dan keselamatan kepada anak perempuan. Anak perempuan memerlukan bapa supaya dia boleh memahami lelaki dengan baik. Jika tidak, lelaki pada pandangan anak perempuan mungkin kelihatan sangat misteri, atau menakutkan atau penuh daya tarikan semata-mata.

Bolehkah seorang ibu memainkan peranan sebagai bapa kepada anak lelakinya yang tidak mempunyai bapa? Jawapannya tidak dan tiada keperluan untuk berbuat demikian. Keperibadian anak sangat kuat sehingga walaupun mereka tidak pernah melihat bapa atau ibu, mereka dapat membayangkan dengan jelas bagaimana ibu bapa mereka dan menggambarkannya dengan sangat terperinci. Anak boleh mencantumkan gambaran-gambaran ibu bapa yang ideal dengan menggabungkan potongan personaliti orang lain yang berbeza-beza. Apa yang boleh dilakukan oleh ibu kepada anak lelaki yang tidak mempunyai bapa adalah membantu membentuk gambaran bapanya dengan menyediakan ruang dan peluang kepadanya untuk bersama dengan datuknya, bapa-bapa saudaranya dan sepupu-sepupu lelaki dengan kehadiran si ibu. Juga, si ibu boleh mendedahkan anak lelaki kepada guru

lelaki, pemimpin atau imam yang mesra dan boleh dipercayai dalam suasana yang diawasi dan selamat. Di bawah bimbingan si ibu, lelaki-lelaki ini (seperti yang telah disebutkan) boleh menjadi model seorang lelaki yang baik kepada anaknya.



NOTA TENTANG ISLAM DAN PERCERAIAN

Salah satu sebab utama peningkatan jumlah keluarga tunggal adalah peningkatan kadar perceraian. Perceraian bagi sesetengah budaya dan agama adalah dilarang (di Brazil, perceraian menyalahi undang-undang sehingga tahun 1977; undang-undang agama Hindu pernah melarang perceraian, dan perceraian kepada penganut Katolik dilarang di Filipina). Islam tidak menggalakkan perceraian tetapi masih membenarkannya (berdasarkan prosedur-prosedur tertentu yang ketat). Sebelum bercerai, orang Islam perlu melalui proses mediasi keluarga dan arbitrasi antara pasangan. Islam mengkehendaki saudara mara daripada kalangan keluarga yang bijak dan boleh dipercayai untuk mencuba bersungguh-sungguh menyelamatkan

perkahwinan, terutamanya sekiranya perceraian itu memberi kesan kepada anak-anak. Dalam kata lain, Islam dan agama lain mengakui ada perkahwinan yang gagal. Perceraian adalah sesuatu yang patut dikesali tetapi ia memang berlaku.

Ibu bapa mesti melakukan apa sahaja yang mereka mampu untuk memelihara perkahwinan mereka. Apabila perceraian berlaku dan memberikan kesan kepada anak-anak, mereka mestilah berlaku jujur kepada anak-anak:

- Ketika bercerai dan berkahwin semula, anak-anak harus dimaklumkan secara berhati-hati tentang apa sebenarnya yang berlaku, tanpa berselindung atau mereka-reka cerita. Ibu bapa perlu berterus terang mengapa mereka berpisah dan menegaskan bahawa perceraian itu bukan kesilapan anak-anak dan mereka masih sayang pada anak-anak. Ibu atau bapa tidak boleh terus menghilangkan diri tanpa memberikan penjelasan. Ini membuatkan anak-anak berasa marah dan kecewa. Ibu bapa mungkin percaya bahawa mereka sedang membantu anak-anak mengelakkan kesedihan, tetapi anak-anak merasa bahawa ibu atau bapa tersebut tidak lagi menyayangi mereka sehingga tidak mahu menjelaskan apa yang telah berlaku atau sekurang-kurangnya mengucapkan selamat tinggal.
- Jangan paksa anak-anak menerima pandangan salah seorang daripada ibu atau bapa atau menyebelahi mana-mana pihak.

Anak-anak tidak boleh dipaksa untuk menerima kehadiran ibu bapa tiri atau keluarga tiri yang tidak mempunyai hubungan biologi dengan mereka. Mereka mungkin berhadapan dengan perasaan cemas, cemburu, dan persaingan

ketika hubungan baharu ini sedang berjalan.

Mungkin jauh lebih baik bagi anak-anak untuk menerima ibu bapa tiri sebagai ‘suami baru ibu saya’ (atau ‘isteri baru bapa saya’) daripada cuba untuk berpura-pura menerima mereka sebagai ibu atau bapa baru.

Kesan Perceraian Terhadap Anak-anak

Sebaik sahaja selepas perceraian, pendapatan isi rumah yang mempunyai anak-anak menurun sebanyak 21%. Tiga puluh lapan peratus wanita yang bercerai atau berpisah dan mempunyai anak-anak hidup dalam kemiskinan; manakala sebanyak 17% lelaki yang bercerai bersama anak berada dalam keadaan yang sama. Anak-anak kepada pasangan yang bercerai lebih berkemungkinan untuk tercicir daripada persekolahan, mempunyai anak luar nikah dan mempunyai kesihatan mental yang rendah.

SELTZER 1989

Ibu bapa dan bekas pasangan seharusnya berhadapan dengan semua ahli keluarga dengan cara yang baik, penuh hormat dan bertoleransi. Al-Qur'an menasihati kita supaya berkelakuan sewajarnya dalam keadaan ini:



Talak (yang dapat dirujuki) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan cara yang ma'ruf atau menceraikan dengan cara yang baik. Tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu daripada yang telah kamu berikan kepada mereka, kecuali kalau kedua-duanya khuatir tidak akan dapat menjalankan hukum-hukum Allah ﷺ. Jika kamu khuatir bahawa kedua-duanya (suami isteri) tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah ﷺ, maka tidak ada dosa atas kedua-duanya tentang bayaran yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah ﷺ, Maka janganlah kamu melanggarinya. Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah ﷺ, mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Surah al-Baqarah: ayat 229)

Toleransi yang tinggi diperlukan dalam situasi perceraian. Sebahagian anak-anak memang tidak dapat menerima ibu bapa tiri mereka. Dalam kes-kes seperti ini, apa yang boleh dilakukan adalah berlaku baik dan berlemah lembut serta tidak terburu-buru. Anak-anak kemudian akan meninggalkan rumah untuk membina rumah tangga mereka sendiri. Apabila sesebuah perkahwinan berakhir selepas beberapa lama berada dalam kesukaran, ia selalunya menjadi satu kelegaan bagi anak-anak. Anak-anak mungkin mengalami perasaan setia yang bercampur-aduk. Meskipun keadaan mungkin lebih baik tanpa bapa, mereka tidak mahu mengakuinya kerana mereka masih menyayangi bapa mereka dan mengharapkan dia ada bersama. Anak-anak mengharapkan situasi akan bertambah baik. Ibu bapa tiri yang prihatin boleh membina ikatan persahabatan yang indah, yang berpanjangan sepanjang hayat. Ibu bapa tiri yang bijak akan berkata kepada anak tirinya: "Saya bukanlah ibu

bapa kamu tetapi suami atau isteri pada ibu bapa kamu dan saya mengambil berat akan kamu."

Ibu bapa tunggal yang mempunyai anak remaja berhadapan dengan beberapa masalah berbeza. Mereka mesti berhati-hati untuk tidak membuatkan anak-anak remaja ini terlalu bergantung kepada mereka atau cuba meletakkan anak remaja ini pada posisi pasangan yang telah tiada. Anak remaja lelaki BUKAN suami, dan anak remaja perempuan BUKAN isteri. Terdapat juga bahaya besar penderaan seksual, fizikal dan mental. Anak remaja mempunyai terlalu banyak perkara yang harus mereka hadapi dan atasi. Pada masa yang sama mereka perlu mengendalikan kerja sekolah mereka. Ibu bapa tunggal perlu mempersiapkan diri mereka untuk melepaskan anak-anak remaja ini meneruskan dan membangunkan minat mereka yang baik di luar rumah. Tidak kira betapa sunyinya ibu atau bapa yang hidup bersendirian, mereka tidak boleh mementingkan diri sendiri.

Anak-anak luar nikah tidak sama dengan anak seorang balu atau anak kepada ibu bapa yang bercerai yang tinggal di kediaman keluarga tunggal. Perbezaan utama datang daripada keinginan untuk mempunyai seorang bapa. Bapa yang telah meninggal dunia masih boleh memberikan perasaan selesa yang diperlukan oleh anak-anak. Mereka merasa bahawa mereka boleh mengenali bapa mereka dan ada hubungan dengannya. Ini membantu ibu menanamkan perasaan selamat dan kasih sayang ke dalam diri anak-anak. Si ibu boleh membimbang mereka dan menyediakan persekitaran yang baik untuk membantu anak-anaknya cemerlang, dan mengatasi rakan sebaya yang mempunyai kedua-dua ibu bapa serta mempunyai kehidupan yang lebih baik. Dengan sokongan yang berterusan,

ibu boleh membesar seorang yang berjaya sekiranya dia mempersiapkan anak-anak dengan cabaran untuk mengatasi kesukaran. Ibu-ibu ini menyediakan peluang kepada anak-anak mereka untuk membuktikan diri mereka sendiri dan membina keyakinan diri.

Nasihat Untuk Ibu Bapa Yang Cerai

- Jangan mencacatkan persepsi anak-anak tentang ibu atau bapa lain.
- Cuba wujudkan komunikasi yang sihat antara anak-anak dengan ibu bapa lain dan saudara-mara ibu bapa tersebut.
- Pastikan anak-anak merasa bahawa mereka disayangi oleh kedua-dua ibu bapa.
- Jelaskan kepada anak-anak bahawa perceraian ibu bapa tidak mengganggu hubungan mereka dengan anak-anak.

Kepentingan Unit Keluarga dalam Islam

Islam meletakkan kepentingan yang besar dalam memelihara sebuah keluarga. Pertama, al-Qur'an menegaskan bahawa manusia adalah sebaik-baik kejadian dan tinggi darjatnya dalam kalangan makhluk Tuhan. Manusia diamanahkan oleh Pencipta sebagai khalifah-Nya di muka bumi. Oleh sebab itu, manusia perlu dilatih dan dipersiapkan bagi memikul amanah kekhilafahan. Tidak ada kebetulan zaman bayi bagi manusia ditetapkan lebih panjang daripada haiwan lain. Titik permulaan dalam 'sekolah pendidikan keluarga' adalah perhubungan yang sihat antara suami dan isteri. Perhubungan ini tidak boleh dibina atas landasan 'seperti urusan perniagaan' atau hak undang-undang dan tanggungjawab (walaupun 'undang-undang keluarga' menjadi satu keperluan sebagai perlindungan yang minimum). Hubungan antara suami isteri seharusnya terbina atas dasar mawaddah (belas kasihan) dan rahmah (kasihan).

Tanpa asas ini, dua hasrat ibu bapa (seperti yang dinyatakan dalam surah Al-Furqan: ayat 74) untuk mendapatkan rumah tangga yang bahagia dan anak yang soleh dan berjaya tidak akan dapat direalisasikan. Ibu atau bapa tunggal juga mesti mempunyai belas kasihan kepada anak-anak mereka.

Orang-orang yang berdoa, "Ya Tuhan, anugerahi kami pasangan dan keturunan yang menjadi penyejuk hati kami dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa.

(Surah al-Furqan: ayat 74)

Sebuah keluarga itu perlu supaya manusia dapat memenuhi pembangunan psikologi mereka secara menyeluruh. Allah ﷺ mencipta kita dengan sebaik-baik kejadian, termasuklah aspek fizikal dan bukan fizikal. Bentuk, tinggi, warna, pergerakan dan penampilan kita, dan dari aspek psikologi, rohani dan mental, kesemuanya dicipta melalui penciptaan yang koheren. Tuhan juga menjadikan manusia dengan puak, masyarakat dan bangsa.

Sungguh, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.

(Surah at-Tin: ayat 4)

Di sepanjang perjalanan hidup kita, kita membesar secara berperingkat dengan cara yang sangat baik dan luar biasa. Dari seorang bayi yang rapuh dan lemah kepada peringkat pertumbuhan dan pembelajaran, sehingga mencapai kekuatan maksimum, dan kembali akhirnya kepada kelemahan umur tua (yang melibatkan hilangnya kekuatan, ilmu dan ingatan). Semasa proses ini, ibu bapa secara psikologinya akan terus berkembang dan ini menyumbang banyak kepada anak-anak, cucu dan keluarga besar yang lebih besar. Keperluan kepada perhubungan intim

yang sihat tidak akan dapat dipenuhi sekiranya seseorang individu tidak menjadi pasangan kepada pasangannya. Hanya melalui ikatan suci perkahwinan, seorang lelaki dan wanita mampu merasai hubungan psikologi yang optimum. Seperti yang disebutkan di dalam al-Qur'an:

Mereka (isteri-isterimu) adalah pakaianmu dan kamu (suami-suami) pakaian mereka.

(Surah al-Baqarah: ayat 187)

Selepas berkahwin, faktor perkembangan yang lain pula wujud: keinginan memiliki anak dan memulakan kehidupan berkeluarga. Pada peringkat ini, empat kemungkinan yang berbeza boleh berlaku dengan setiap satunya membawa kesan psikologi tersendiri. Sama ada kedua-dua pasangan mandul, atau hanya mempunyai anak-anak perempuan sahaja, atau hanya mempunyai anak-anak lelaki sahaja, atau mempunyai kedua-dua perempuan dan lelaki. Setiap satu keadaan ini mendatangkan kesan kepada ibu bapa dan anak-anak.

Allah ﷺ memberikan anak perempuan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan memberikan anak lelaki kepada siapa yang dikehendakiNya. Atau Allah ﷺ menganugerahkan kedua-dua anak lelaki

dan perempuan dan menjadikan mandul siapa yang dikehendakiNya. Allah ﷺ Maha Mengetahui, Maha Berkuasa.

(Surah asy-Syura: ayat 49-50)

Anugerah psikologi kemudian bersambung apabila ibu bapa merasai kegembiraan melihat anak-anak mereka berkahwin dan anak-anak ini mendapat cahaya mata mereka sendiri (cucu mereka). Ini membolehkan mereka merasakan adanya kesinambungan keturunan mereka pada masa akan datang.

Kita menyedari betapa berbezanya apabila kita hanya mempunyai seorang anak tunggal di dalam keluarga. Perasaan berbeza wujud apabila anak tersebut mempunyai adik-beradik yang lain. Perasaan yang berbeza juga wujud apabila anak kita tidak mempunyai ibu saudara, bapa saudara, datuk atau nenek. Anak-anak diperkaya apabila mempunyai keluarga besar (daripada kedua-dua pihak). Peluang pengayaan psikologi terjadi apabila anak-anak melalui perhubungan yang sihat. Ini berlaku dalam konteks kepelbagaian peranan. Bagi seorang wanita: mereka berperanan sebagai anak, kakak atau adik, isteri, ibu, ibu saudara, dan nenek. Manakala bagi seorang lelaki: peranan mereka adalah sebagai anak, abang atau adik, suami, ayah, bapa saudara dan datuk.

Sekali keluarga, Selamanya keluarga!

Sekiranya kita mati hari esok, syarikat atau organisasi tempat kita bekerja boleh mencari pengganti kita dalam masa beberapa hari. Bagaimana sekalipun, keluarga yang kita tinggalkan akan merasai kehilangan untuk sepanjang hidup mereka. Kita bekerja sepenuh hati lebih daripada kita bersama keluarga dengan sepenuh hati dan ini suatu tindakan kurang bijak!

(Pos di Internet oleh Anonim)

F

A

M

I

L

Y

Father
(Ayah)

and
(dan)

Mother
(Ibu)

I
(Saya)

Love
(Sayang)

You
(Kalian)



OBJEKTIF KELUARGA MENURUT AL-QUR'AN

Kehidupan berkeluarga bergantung kepada penetapan objektif keluarga yang betul, yang melangkaui matlamat hanya untuk mendapatkan anak semata-mata. Membina keluarga tidak hanya membina generasi untuk memelihara keturunan dan memeliharanya daripada kepupusan. Mengelakkan kehidupan berkeluarga semata-mata kerana kepentingan keluarga itu sendiri juga tidak masuk akal. Justeru, objektif berkeluarga harus merangkumi lebih daripada hanya pemeliharaan diri. Al-Qur'an menjelaskan:

Hai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu daripada seorang diri, dan daripadanya Allah ﷺ menciptakan isterinya; dan daripada kedua-duanya Allah ﷺ memperkembangbiakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertakwalah kepada Allah ﷺ yang dengan (mempergunakan) nama-Nya kamu saling meminta satu sama lain, dan (peliharalah) hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah ﷺ selalu menjaga dan mengawasi kamu!

(Surah an-Nisa': ayat 1)

Manusia diciptakan daripada jiwa yang satu (nafs). Daripada jiwa itu kemudiannya diciptakan pasangan, dan daripada jiwa yang satu serta pasangan itu tadi dijadikan banyak lelaki dan perempuan. Walaupun ayat tersebut merujuk kepada bentuk tunggal, proses yang sama ditekankan dalam bentuk majmuk:

Allah ﷺ menjadikan bagimu isteri-isteri dari jenismu sendiri dan menjadikan bagimu dari isteri-isterimu itu anak-anak dan cucu-cucu, dan memberimu rezeki dari yang baik-baik. Maka mengapakah

mereka beriman kepada yang batil dan mengingkari nikmat Allah ﷺ?

(Surah an-Nahl: ayat 72)

Tujuan meletakkan manusia di muka bumi ini untuk melaksanakan peranan tertentu diterangkan dalam ayat berikut;

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Para Malaikat: ‘Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.’ Mereka berkata: ‘Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, Padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?’ Tuhan berfirman: ‘Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.

(Surah al-Baqarah : ayat 30)

Ayat tersebut menerangkan bahawa peranan manusia di bumi adalah sebagai khalifah dan pemegang Amanah. Peranan khalifah adalah untuk membangunkan bumi (*'imran*) dan menyebarkan keadilan (*'adl*). Al-Qur'an juga menerangkan bahawa hidup adalah suatu ujian, dan kita dijadikan untuk beribadah dan patuh kepada Tuhan semata-mata:

Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada-Ku.

(Surah adz-Dzariyat: ayat 56)

Justeru itu, objektif berkeluarga termasuklah beribadah kepada Tuhan, sebagai khalifah, menghormati setiap rezeki dan anugerah Tuhan, mengelakkan hubungan persaudaraan, dan memelihara hak satu sama lain.

Tuhan juga mengkhususkan perhubungan di antara pasangan suami isteri dalam ayat berikut, yang memfokuskan kepada ketenteraman, kasih sayang dan belas kasihan dalam kalangan ahli keluarga:

Dan antara tanda-tanda kebesaran-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu daripada jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya, yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.


(Surah ar-Rum: ayat 21)

Walaupun kasih sayang di dalam keluarga diletakkan pada tempat yang tinggi, ia bukanlah kasih sayang tertinggi dalam sesebuah kehidupan. Antara sifat-sifat Allah ﷺ adalah Belas Kasihan, Adil dan Aman. Cinta kepada Allah ﷺ yang Maha Kuasa dan Rasulullah ﷺ diletakkan pada peringkat yang tertinggi:

Katakanlah: "Jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatirku kerugiannya, dan tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai dari Allah ﷺ dan Rasul-Nya dan dari berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah ﷺ mendatangkan keputusan-Nya. Dan Allah ﷺ tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik."

(Surah at-Taubah: ayat 24)

Asas perasaan cinta tentunya rasa cinta kepada Yang Maha Pencipta. Mencintai Pencipta kita merupakan tingkatan cinta paling atas. Oleh sebab itulah, kita mengasihi kedua-dua ibu bapa



kita, anak-anak dan saudara mara walaupun mereka menyakiti kita, kerana kasih sayang kita kepada mereka datang dan bergantung kepada kecintaan kita kepada Tuhan yang Maha Kuasa. Anugerah Tuhan kepada kita berterusan dan tidak putus walaupun ketika kita melakukan dosa. Kasih sayang dalam keluarga diterangkan di dalam al-Qur'an:

...Bertakwalah kepada Allah ﷺ yang dengan nama-Nya kamu saling meminta, dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan.. Sesungguhnya Allah ﷺ selalu menjaga dan mengawasi kamu.

(Surah an-Nisa': ayat 1)

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain-Nya dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapa.

(Surah al-Isra': ayat 23)

Dalam rangkaian perasaan cinta dan ambil berat ini, ibu mendahului bapa, dan ibulah yang

harus diambil berat dahulu sebelum bapa. Ketika seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah ﷺ,

Wahai Rasulullah ﷺ, kepada siapakah yang pertama sekali harus aku berbakti? Nabi ﷺ menjawab, ‘Ibumu!’ Dan orang tersebut kembali bertanya, ‘Kemudian siapa lagi?’ Nabi ﷺ menjawab, ‘Ibumu!’ Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi?’ Beliau menjawab, ‘Ibumu.’ Orang tersebut bertanya kembali, ‘Kemudian siapa lagi?’ Nabi ﷺ menjawab, Kemudian ayahmu.’

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Hamba-hamba kepada Yang Maha Pengasih sentiasa berharap untuk mencapai dua impian iaitu suasana keluarga yang bahagia dan mewujudkan pemimpin yang adil.

Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami pasangan kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertaqwa.

(Surah al-Furqan: ayat 74)

Kegembiraan dan ketenteraman adalah objektif utama sebuah keluarga (termasuklah ibu bapa, datuk dan nenek, anak-anak dan cucu). Seterusnya objektif kedua adalah untuk melahirkan pemimpin yang adil. Ini boleh dicapai dengan mendidik anak-anak tentang sifat amanah kekhilafahan, ketaatan kepada Tuhan, pemakmuran bumi ('imran), dan kecintaan kepada Tuhan dan Rasul-rasul-Nya. Mengabaikan prinsip-prinsip penting ini hanya akan menyekat kegembiraan sesebuah keluarga. Kegembiraan melaksanakan tugas keibubapaan lahir apabila melihat anak-anak yang berperilaku dengan baik dan menurut tujuan kejadian mereka di muka bumi.

Hayati konsep-konsep ini, berusaha untuk mencapainya dan terangkan kepada anak-anak dalam proses mereka meningkat dewasa. Inilah cara mananam benih kebaikan ke dalam hati dan pemikiran mereka. Meskipun anak-anak kemudian membesar dan mungkin akan melupakan Tuhan, suatu ketika benih keimanan akan tumbuh dan berbuah. Kesucian iman secara idealnya harus disuburkan melalui ‘kesucian susu ibu kepada anaknya’ Tanamkan asas untuk menghasilkan karakter yang baik. Tetapkan keutamaan anak dengan betul sejak dari awal lagi.

Asas kebaikan seperti itu akan menguatkan kekebalan anak-anak dalam melawan godaan yang besar di sekeliling kita. Kita tidak boleh bergantung hanya kepada dasar luaran semata-mata untuk melindungi masyarakat. Sistem nilai dalaman anak-anak, menghormati diri sendiri dan kuasa kawalan diri adalah mekanisma paling efektif bagi melindungi masyarakat.

Ibu bapa perlu membantu anak-anak untuk mendapatkan manfaat daripada hikmah wahyu yang diturunkan dengan menekankan keimanan, kejujuran dan belas kasihan sejak awal kehidupan mereka lagi.

APAKAH YANG TIDAK KENA DENGAN KEHIDUPAN KELUARGA MUSLIM?

Selama berdekad-dekad, nilai kekeluargaan dilihat semakin merosot. Peningkatan kadar perceraian, keluarga dengan ibu atau bapa tunggal, pasangan yang bersekedudukan, kelahiran anak luar nikah, kemiskinan dan rasa tidak selamat telah menjaskan anak-anak dan ibu bapa. Malangnya, keluarga Islam juga tidak kebal daripada perkembangan-perkembangan ini dan mengalami masalah serta kelemahan tersendiri. Keluarga Islam sepatutnya berpegang kepada

pelan tindakan untuk berjaya dan mencapai kestabilan. Jawapan kepada soalan mengapa institusi kekeluargaan Islam ini semakin merosot adalah sangat kompleks tetapi sebahagiannya terletak kepada kejatuhan Ummah itu sendiri. Kemerosotan ekonomi, kelemahan sistem pendidikan dan peminggiran keimanan yang tulus merupakan faktor-faktor yang memberikan kesan buruk kepada keluarga Islam.

Al-Qur'an menghendaki orang Islam membaca (*iqra'*), memahami (*ya'qilun*), memikir (*yatafakkarun*), mentadabbur (*yatadabbarun*), dan merenung sedalam-dalamnya (*yafqahun*). Jadi, mengapa orang Islam masih berada pada kadar tertinggi buta huruf dan terjebak dalam perkara-perkara tahuyl? Orang Islam telah dikalahkan, dibunuhi beramai-ramai, dan dihina sepanjang tempoh beberapa abad yang lalu. Dengan tanah air, kekayaan dan harapan mereka yang dirompak, mereka membangunkan pandangan sarwa yang menyimpang, budaya yang tercemar dan keyakinan diri yang lemah. Mereka kehilangan sebahagian besar karakter dan mereka memilih wang serta kuasa melebihi moral dan kebaikan sangat. Sifat malas dan tamak lebih diutamakan berbanding dengan keselamatan bersama dan kepentingan awam. Ummah berhadapan dengan korupsi, penyakit, kemiskinan, dan kebuluran.

Sikap terlalu mengejar keuntungan material dan keseronokan fizikal telah melemahkan dan merosakkan semangat ibu bapa dan anak-anak. Institusi kekeluargaan yang menjadi asas kukuh kepada masyarakat mulai runtuh. Keluarga Muslim mula menghasilkan anak-anak yang manja dan egosentrik, bukan lagi melahirkan rakyat yang berguna (yang berani, kreatif, yakin diri dan bertanggungjawab). Anak-anak ini

lebih suka menjadi penerima daripada pemberi, mementingkan diri sendiri daripada menjadi ahli masyarakat yang prihatin dan menjadi orang yang membazir dan merosakkan daripada orang yang suka membantu.

Ramai ibu bapa Muslim mengalami masalah buta huruf, kejahilan, dan tidak ambil peduli. Ramai anak-anak Muslim disekat daripada menerima pendidikan dan kemahiran. Sebahagian masyarakat Muslim ditindas oleh pemerintah yang zalim. Banyak orang Islam berhadapan dengan masalah-masalah berikut:

- Kebebasan terhad untuk berfikir disebabkan oleh penindasan dan indoktrinasi;
- Kebebasan terbatas untuk menyoal, menyiasat dan bercakap;
- Kebebasan terbatas untuk menjalankan perniagaan dan bertambah makmur disebabkan korupsi dan salah urus;
- Kebebasan terbatas ke atas wanita disebabkan oleh kejahilan dan penindasan lelaki; dan
- Kebebasan rakyat terbatas untuk memilih pemimpin mereka disebabkan penindasan dan kezaliman.

Orang Islam tidak mampu menangani faktor-faktor ini hanya dalam satu malam. Walaupun begitu, mereka boleh mulakannya dengan sesuatu yang berada di bawah kawalan mereka iaitu keibubapaan yang baik. Untuk membesarkan anak yang soleh, berjaya, dan tentunya rakyat yang baik, orang Islam perlu mengubah gaya keibubapaan autoritarian dan menindas yang kini sedang berlaku di negara mereka dan secara serius memperbaharui amalan keibubapaan mereka.

PERKEMBANGAN ANAK DAN SISTEM PENDIDIKAN YANG BAIK

Terdapat percubaan yang serius dalam usaha pembaharuan untuk mengawal kegelinciran yang mula menghanyutkan dunia Islam. Pelbagai perancangan telah mula dilaksanakan. Walaupun begitu, pendidikan anak-anak sebagai dimensi paling penting dilihat tertinggal daripada agenda pembaharuan ini. Tokoh-tokoh ilmuwan yang hebat telah menguasai banyak disiplin ilmu (termasuklah ilmu teologi, falsafah, politik, ilmu kemasyarakatan dan ekonomi) dan membuat sumbangan yang terpenting dan bersungguh-



sungguh untuk mengubah kemunduran Ummah dan memperbaiki keadaannya. Walau bagaimanapun, penyakit-penyakit yang menghambat kemunculan bangsa yang berbudi luhur tidak dapat diubati. Potensi dan kemampuan individu serta masyarakat Muslim yang benar-benar hebat tidak dapat digunakan secara efektif. Jurang antara orang Islam dengan bukan Islam dari sudut kreativiti, prestasi dan pencapaian (dalam bidang sains dan teknologi) semakin lebar dalam tempoh berdekad-dekad lamanya. Tanggungjawab tokoh-tokoh ilmuwan dan para pendidik adalah meneroka dimensi yang hilang dan menghasilkan jalan penyelesaiannya. Mereka boleh mengkaji isu-isu berkaitan pengasuhan, perkembangan dan pendidikan anak-anak. Mereka mesti bermula dengan keibubapaan

di rumah. Dunia Islam akan bertambah buruk dan mengalami kemerosotan serta kemunduran melainkan pembangunan mentaliti dan jiwa anak menjadi fokus perhatian ibu bapa dan tokoh-tokoh pembaharuan ini.

Dari sudut sejarah, banyak reformis tradisional hanya memfokuskan perhatian kepada upacara keagamaan termasuk aspek perundangan dan politik. Banyak pembaharuan sekular Muslim moden telah bertukar arah dan memberi tumpuan untuk meniru perkara yang dilakukan oleh penjajah Barat masa silam. Masyarakat secara umum ditaburi janji-janji dan harapan kosong yang tidak pernah menjadi kenyataan. Banyak reformis agama dengan penuh sentimen dan emosi memberi sarana penyelesaian yang tidak dapat difahami, berdasarkan peniruan dari zaman kegemilangan Islam dahulu. Tidak wujud fokus yang sebenar pada peranan dan tanggungjawab wanita (isteri dan ibu) dalam membesarakan anak-anak. Pengajian dan bahan-bahan rujukan yang komprehensif yang menyentuh aspek pembangunan, pendidikan kanak-kanak dan keibubapaan sangat kurang. Sambutan yang dingin dan kaku diberikan oleh masyarakat umum terhadap seruan reformis yang ikhlas sama ada dengan pendekatan agama tradisional maupun duniawi moden. Kebanyakan orang Islam bersifat reaktif dari proaktif. Tiada tindakan terancang untuk menggunakan metodologi yang berhati-hati berdasarkan analisis mendalam dan pemahaman terhadap sesuatu masalah. Para reformis tidak membicarakan undang-undang Tuhan (*al-sunan al-Ilahiyyah*) dan bidang sains seperti sains semula jadi, sains sosial dan sains kemanusiaan dengan betul.

Orang Islam mesti memahami kepentingan membesarakan anak yang baik dan kesan jangka

masa panjangnya. Para sahabat Rasulullah ﷺ sudah dewasa ketika dakwah disampaikan oleh Rasulullah ﷺ. Karakter asas mereka telah sedia dibentuk sejak kecil lagi. Mereka dibesarkan sebagai orang yang bebas, berani dan tidak pernah ditindas oleh orang-orang yang zalim. Rasulullah ﷺ menunjukkan kepentingan pembinaan karakter anak-anak: "Orang yang terbaik dalam kalangan mereka sebelum Islam adalah yang terbaik dalam kalangan mereka selepas Islam sekiranya mereka memahami (Islam)." Kualiti-kualiti asas individu sebenarnya telah sedia ada di dalam diri sejak zaman kanak-kanak lagi. Sama ada semasa sebelum kedatangan Islam atau selepas kedatangan Islam. Iman dan kemahiran boleh diajar kemudian kepada anak-anak tetapi tidak demikian dengan karakter yang baik.

Ketika Rasulullah ﷺ memulakan misinya, baginda hanya berusia 40 tahun, Sayidina Abu Bakar 37 tahun, Sayidina Uthman 36 tahun, Sayidina Umar 19 tahun, Sayidina Ali 12 tahun, sementara isteri baginda Khadijah ketika itu usianya 55 tahun. Matlamat asas dan nilai-nilai asas telah ditetapkan oleh al-Qur'an. Manakala langkah pertama mencapai matlamat dan nilai tersebut adalah tanggungjawab ibu bapa. Ibu

bapa harus memulakan pembinaan karakter awal, menggunakan pendekatan psikologi, sosiologi, komunikasi dan pendidikan. Meskipun nilai kemanusiaan dan keperluan asas tidak berubah, teknik keibubapaan perlu sentiasa dikaji, dibina dan dikemaskini.

Apabila menyedari kepentingan keibubapaan yang baik dan kedudukan sesuatu bangsa keseluruhannya ditentukan oleh cara kita membesarkan anak, beberapa kursus telah dibangunkan di seluruh dunia untuk melaksanakan kemahiran keibubapaan dan menyampaikan subjek tersebut lebih meluas kepada umum. Mengabaikan pintu peluang ini merupakan kerugian yang besar dan tiada bangsa sanggup menanggung kerugian maha hebat ini. Banyak kelebihan boleh dicapai dengan menyediakan kursus-kursus keibubapaan untuk ibu bapa sedia ada atau bakal ibu bapa. Membangunkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan bagi mempromosi kesedaran dalam konteks membesarkan anak adalah sangat bermanfaat. Mewujudkan kementerian khas dan/atau menubuhkan institusi khas yang mengkhusus kepada pembinaan keibubapaan di pelbagai negara akan menjadi khidmat terbaik kepada manusia sejagat.

MELIHAT DENGAN LEBIH DEKAT TENTANG KEPERLUAN SISTEM PENDIDIKAN YANG BAIK

Sekiranya kita mahu memperbaharui pendidikan anak-anak, kita perlu melihat jauh ke dalam sistem pendidikan di dunia Islam. Sebahagian sekolah orang Islam hari ini dikritik atas kelemahan mereka dalam memahami tabiat semula jadi anak. Contohnya, mereka menganggap permainan kanak-kanak sebagai satu dosa. Kurikulum yang dirangka tidak berdasarkan peringkat

perkembangan kanak-kanak. Kebanyakannya seperti memaksa, membosankan dan tidak anjal. Kurikulum tersebut mengabaikan sifat ingin tahu kanak-kanak dan kecenderungan semula jadi mereka untuk bersukan dan bermain. Sebaliknya, pembelajaran mereka bergantung kepada pembelajaran secara menghafal dan mengingat.

Dari segi sejarah, terdapat dua jenis sekolah yang berbeza yang dikenal pasti di dunia Islam. Pertama, sistem pendidikan persendirian yang

bagus dan disusun dengan baik untuk anak-anak berstatus elit seperti anak-anak pemerintah dan orang kaya. Anak-anak ini dididik oleh guru-guru berkelulusan tinggi dan mempunyai minat yang mendalam (*mu'addib*) di mahligai-mahligai persendirian. Guru-guru/tutor-tutor ini diarahkan untuk mempersiapkan anak-anak ini untuk kepimpinan dan kecemerlangan. Para pemerintah seperti Mu'awiyah ibn Abu Sufyan, 'Abd Al- Malik ibn Marwan, al-Hajjaj al-Thaqafi, Harun al-Rashid dan yang lain mempunyai guru-guru yang sangat hebat. Guru-guru ini diberikan segala kemudahan yang diperlukan untuk mendidik anak-anak dalam disiplin agama, budaya dan kesusteraan, termasuklah kemahiran-kemahiran dan amalan-amalan tertentu. Satu kelemahan sistem pengajaran seorang guru seorang murid ini adalah anak-anak tidak mendapat kelebihan belajar di dalam kumpulan, bersama anak-anak lain. Situasi ini sangat berbeza dengan sistem kedua iaitu sistem kuttab, sekolah untuk orang awam, yang mengajarkan hanya beberapa bahagian al-Qur'an dan asas pengiraan. Guru-guru mahupun kemudahan memang tidak mencukupi. Guru-guru menggunakan hukuman fizikal sebagai cara mendisiplinkan pelajar, melarang anak-anak bermain dan menggunakan hafalan sebagai kaedah asas pendidikan. Dualiti yang terdapat dalam sistem pendidikan dari segi sejarah ini masih wujud sebahagian besarnya sehingga ke hari ini di sesetengah negara Islam. Ibu bapa yang kaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah persendirian sama ada di dalam atau di luar negara. Manakala yang tidak berkemampuan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah awam yang tidak mempunyai kemudahan lengkap. Sekolah persendirian mempunyai sumber kewangan untuk menggaji guru-guru

yang berkelayakan dan menggunakan kurikulum khas dan juga kurikulum luar negara. Selain itu, mereka mampu menyediakan kemudahan yang sangat baik termasuklah makmal, alat bantuan visual, perpustakaan, komputer dan taman permainan yang tidak ada di sekolah awam. Malangnya, sekolah persendirian yang mahal di negara-negara Islam seperti ini biasanya melahirkan para pelajar yang berpandangan negatif terhadap budaya asal, warisan dan agama mereka.

Mangsa sebenar kepada persekolahan yang serba-serbi tidak mencukupi ini adalah kanak-kanak. Kehilangan "peluang keemasan" untuk membesar dan mendidik anak bangsa sukar dibetulkan selepas pemikiran dan hati individu dibentuk. Sekiranya kita mahu menghidupkan semula Ummah, kita harus mengubah cara kita mengasuh anak-anak (keibubapaan) dan juga sistem pendidikan (persekolahan) kita. Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk menumpukan perhatian kepada pendidikan awal anak-anak. Untuk berjaya, kita harus memulakan dengan guru pertama iaitu ibu bapa itu sendiri. Mereka ini tidak lain adalah guru yang mampu mendidik jiwa dan membina karakter.

Adil untuk kita sebutkan bahawa model keibubapaan yang baik dan seimbang tidak wujud lagi hari ini sama ada di negara-negara Islam maupun di Barat. Mana-mana masyarakat yang mencari perubahan sosial seharusnya menyedari bahawa keibubapaan adalah faktor utama untuk mencapai kebahagiaan secara moral, rohani, dan material. Pertama, kita harus memperbarui konsep dan amalan keibubapaan. Pendekatan dalam keibubapaan sepatutnya memasukkan kedua-dua elemen fikiran dan hati. Fikiran memerlukan pertimbangan, logik dan strategi.


Hati memerlukan perasaan, cinta, kebijaksanaan, dan intuisi. Keibubapaan yang konstruktif tidak boleh kekurangan pengetahuan saintifik mahupun sentuhan artistik.

Pembinaan tamadun ('imran') memerlukan banyak institusi, yang hanya boleh berjaya sekiranya semua institusi tersebut diuruskan oleh individu-individu yang jujur, kreatif, efektif, boleh dipercayai dan bekerja dalam persekitaran musyawarah. Justeru itu, untuk membesarkan individu-individu yang mempunyai kekuatan fikiran, tubuh badan, semangat dan karakter adalah paling baik diamanahkan kepada institusi keluarga iaitu ibu bapa. Tugasan ini tidak boleh diserahkan kepada sekolah, media dan kerajaan, walaupun mereka boleh banyak membantu. Tiada entiti yang lebih mampu untuk menyempurnakan atau secara semulajadinya sangat berminat untuk memenuhi kepentingan terbaik anak-anak selain ibu bapa. Sikap tidak mementingkan diri sendiri dan perasaan belas kasihan yang tinggi merupakan tanda keibubapaan dan ini bermakna bahawa ketika orang lain mengharapkan yang terbaik bagi diri mereka sendiri, ibu bapa hanya muhu anak-anak menjadi lebih baik daripada diri mereka.

Sekiranya ibu bapa dapat diyakinkan, mereka akan berkorban seikhlas-ikhlasnya dan melakukan apa sahaja untuk membesarkan anak-anak dengan cara yang terbaik. Apabila ada orang bercakap kepada ibu bapa tentang apa yang terbaik untuk anak-anak, mereka akan mendengar. Mereka hanya perlu memahami bahawa tanggungjawab mereka merupakan titik permulaan. Keibubapaan merupakan tugas sepanjang hayat, bukan hanya lima tahun pertama walaupun tempoh tersebut adalah paling penting. Pada peringkat awal ini, ibu bapa merupakan

Dalam kajian yang dijalankan bersama oleh Washington Post dan Universiti Harvard, keutamaan bagi kebanyakan lelaki dan wanita didapati untuk "menghadapi tekanan psikologi dan ekonomi; menguatkan ikatan kekeluargaan; berkomunikasi secara efektif dengan anak-anak; lebih baik sekiranya para ibu dapat menghabiskan masa mereka di rumah bersama anak-anak." Ternyata, keibubapaan yang baik adalah suatu keutamaan yang tertinggi.

Majalah Al-Usra, 2005



pelaku utama, walaupun kemudian nanti, mereka masih boleh terus memainkan peranan efektif dalam pembentukan karakter dan cara hidup anak-anak sekiranya mereka tahu cara yang betul dalam membimbing anak.

Unit Keluarga di Amerika

Hillary Clinton (1996), Setiausaha Kerajaan Amerika Syarikat di dalam bukunya *It Takes A Village to Raise a Child* menyatakan bahawa 40 peratus remaja perempuan hamil sebelum usia 20 tahun dan lebih satu setengah juta pengguguran dilakukan setiap tahun. Kebanyakan rakyat Amerika lebih pandai merancang hiburan

hujung minggu daripada merancang kehidupan keluarga sendiri. Clinton seterusnya menambah, jumlah bayi yang dilahirkan secara luar nikah meningkat daripada lima peratus pada 1960 kepada 25 peratus pada 1996. Dua puluh peratus daripada jumlah kanak-kanak hidup di dalam kemiskinan. Pembunuhan dan bunuh diri telah mengorbankan hampir sehingga 7,000 orang kanak-kanak setiap tahun; dan lebih 135,000 orang kanak-kanak membawa senjata api ke sekolah setiap hari. Kanak-kanak yang kaya mahupun miskin menderita akibat didera, diabaikan, dan mengalami masalah emosi. Satu daripada tiga orang rakyat Amerika mengalami berat badan berlebihan, meningkat daripada seorang kepada empat orang pada tahun 1970-an.

Clinton menulis bahawa secara purata, remaja berusia 17 tahun telah menonton sebanyak 18,000 pembunuhan melalui televisyen. Secara puratanya juga pelajar Amerika menghabiskan antara 15,000 dengan 20,000 jam menonton televisyen, berbanding dengan hanya 11,000 jam berada di sekolah. Setiap tahun, lebih daripada ribuan gaya rogol, pembunuhan, rompakan bersenjata dan serangan ditonton di televisyen oleh kanak-kanak Amerika secara purata.

Bagaimanakah kanak-kanak yang menonton krisis Nixon Watergate pada tahun 1972 akan menganggap bahawa memecah masuk ke pejabat Parti Demokrat adalah suatu kesalahan sedangkan dia telah menonton banyak kejadian pecah rumah yang sama di dalam televisyen setiap malam dan melihatnya sebagai tindakan sangat berani? Kanak-kanak akan menjadi tidak sensitif apabila melihat jenayah setiap hari sehingga jenayah menjadi kebiasaan atau perkara normal dalam kehidupan mereka.

Ibu bapa perlu berwaspada terhadap mesej-mesej salah yang didedahkan kepada anak-anak mereka dengan melindungi mereka daripada mesej-mesej tersebut. Mereka juga harus aktif melobi untuk mengurangkan segala bentuk perkara negatif ini. Begitu banyak bahan rujukan di Amerika tentang keibubapaan yang boleh didapati secara meluas namun tidak langsung memberikan impak yang diperlukan. Justeru, kita perlu mengkaji mengapa, dengan banyak nasihat serta kajian-kajian yang dilakukan berdekad-dekad lamanya, keibubapaan kelihatan semakin lama semakinerosot mutunya.

Penekanan umum yang dibuat di Hollywood adalah kepada rupa paras fizikal yang merujuk kepada tubuh luaran berbanding pencapaian intelek atau keindahan moral dan etika. Terdapat banyak patung lelaki dan wanita yang tidak berpakaian di dataran awam. Pertandingan ratu cantik yang berfokus kepada tubuh badan wanita sudah menjadi perkara biasa tanpa adanya elemen moral dan spiritual. Perkara ini telah dikomersilkan sehingga ke tahap wujud pertandingan kecantikan untuk anjing dan kucing! Doktrin yang dibawa oleh Islam adalah Tuhan itu cantik dan Dia mencintai kecantikan dalam setiap perkara. Namun, penumpuan terbesar adalah pada kecantikan karakter, nilai dan moral.

Apabila berbicara tentang masalah di dalam keluarga seperti pengambilan dadah dan isu seksualiti, cara kita melihat dan mengenal pasti masalah tersebut menentukan jalan penyelesaiannya. Sekiranya kita mentakrifkan isu tersebut sebagai isu ekonomi, cara penyelesaiannya akan berdasarkan ekonomi. Sekiranya isu ini ditonjolkan sebagai penyakit sosial, ubatnya akan berkaitan dengan penyelesaian sosial pula. Sekiranya dilihat sebagai



masalah fizikal, jawapannya juga berbentuk fizikal. Sebagai contoh, selalu diperkatakan bahawa masalah dadah adalah disebabkan bekalan bukan permintaan. Ini membawa kepada pelaburan yang besar oleh kerajaan dalam menyediakan kelengkapan, termasuklah penyediaan bot dan kapal terbang untuk menghentikan pembekalan tersebut. Tumpuan penyelesaian adalah kepada aspek ekonomi isu tersebut. Namun secara realitinya ia tidak langsung menyelesaikan masalah dan raja dadah berterusan mengaut keuntungan dalam jumlah yang begitu besar melalui sistem perdagangan mereka yang kotor. Sudah sampai masanya masyarakat melihat isu ini sebagai isu moral, kerohanian dan sosial dan merawat masalah ini dengan sewajarnya.

MITOS UMUM KEIBUBAPAAN DI AMERIKA SYARIKAT

Konflik antara matlamat dengan cara dalam masyarakat Amerika telah menimbulkan kekeliruan yang besar dalam pemikiran anak-anak. William Kilpatrick (1993) menulis di dalam bukunya *Why Johnny Can't Tell Right from Wrong*, menerangkan bahawa ibu bapa mahukan anak-

anak mereka menjadi jujur, boleh dipercayai, adil, mampu mengawal diri dan penuh hormat. Apakah yang menjadi penghalang ibu bapa untuk menerapkan sifat-sifat ini ke dalam diri anak-anak mereka? Sebahagian daripada jawapannya terletak pada pengaruh mitos yang sangat kuat dalam proses pembesaran anak-anak. Kita akan melihat mitos-mitos ini secara terperinci di dalam bab berikutnya. Walau bagaimanapun, ada beberapa mitos yang biasa dikaitkan dengan keluarga di Amerika disenaraikan di sini. Willian Kilpatrick mengkritik perkara-perkara berikut:

A. ANAK-ANAK SEHARUSNYA DIBESARKAN TANPA MEMPUNYAI APA-APA KUASA KERANA AMERIKA SYARIKAT SENDIRI DIBINA DARIPADA GAGASAN INDIVIDU YANG KERAS TABIATNYA.

Seorang lelaki keluar ke hutan, membina rumahnya, menanam tumbuhan sebagai sumber makanannya dan membina perniagaannya. Selama itu, dia melindungi diri dan keluarganya daripada binatang buas, pencuri, dan kerajaan luar. Dia melarikan diri daripada pihak berkuasa. Orang Kristian dahulu berhijrah dari beberapa penempatan yang berbeza ke satu tempat yang dahulunya dikenali sebagai Koloni Tiga Belas, tanah luas yang hampir tiada kerajaan dengan tujuan untuk melarikan diri daripada gangguan kerajaan diktator di England, Perancis dan Jerman yang menyekat hak-hak asasi mereka dan merampas kebebasan mereka. Ramai rakyat Amerika yang mendapat manfaat daripada idea tentang kuasa kerajaan yang terhad berpendapat bahawa lebih baik membesarkan anak-anak dengan hanya sedikit atau tiada kuasa sama sekali. Walaupun begitu, anak-anak memerlukan penjagaan ibu bapa yang cekap dan juga kuasa untuk

membesarkan mereka sebagai manusia penyayang sedangkan orang dewasa tidak memerlukan penjagaan sedemikian.



B. MITOS “BUDAK NAKAL YANG BAIK”. BUDAK “NAKAL” DIGAMBARKAN SEBAGAI SEORANG YANG PENYAYANG DAN GEMBIRA.

Tom Sawyer dan Buster Brown, dua karakter yang popular daripada buku cerita kanak-kanak Amerika, adalah contoh silam. Sementara Dennis the Menace, Bart Simpson, The Little Rascals, dan anak nakal ‘penyayang’ lainnya yang ditonjolkan di dalam filem dan televisyen adalah contoh masa kini. Tradisi ini mempunyai hubungan yang sangat kuat dalam imaginasi anak-anak, sehingga perkataan ‘patuh’ menjadi perkataan kotor dalam perbendaharaan kata mereka.

C. MITOS BAHAWA CINTA BOLEH MENGEKALKAN “KEBAIKAN SEMULA JADI” ANAK-ANAK.

Idea ini dihasilkan oleh Rousseau, bahawa kebaikan boleh wujud sendiri sekiranya anak-anak diberi peluang besar mengikut cara mereka sendiri. Ibu bapa hanya perlu ‘menyayangi’ anak-anak mereka. Cinta

menurut pandangan Rousseau bermaksud tiada campur tangan dan kebebasan total.

D. MITOS BAHAWA “ILMU PAKAR” SENTIASA BETUL DAN TIDAK PERNAH SALAH.

Ibu bapa telah melepaskan tanggungjawab mereka dan menyerahkannya kepada ‘pakar’ untuk membesarkan anak-anak mereka. Majoriti pakar pengasuhan anak percaya kepada mitos tentang ‘kebaikan semulajadi’. Jadi, kita menghadapi situasi satu mitos menyokong mitos yang lain. Para pakar ini cenderung meletakkan terlalu banyak penekanan ke atas tabiat anak-anak yang unik, kreatif dan spontan. Sebahagian pakar hanya mahu ibu bapa menyesuaikan diri mereka dengan anak-anak bukannya mengajar anak-anak untuk mematuhi peraturan dan pihak berkuasa.

E. MITOS BAHAWA “MASALAH MORAL ADALAH MASALAH PSIKOLOGI”.

Masalah tingkah laku dilihat sebagai masalah harga diri atau sebagai akibat daripada keperluan psikologi yang tidak tercapai. Kebanyakan pakar kanak-kanak tidak bersetuju dengan idea bahawa kebanyakan masalah tingkah laku adalah disebabkan oleh nafsu dan semata-mata ‘kemahuhan diri’ anak-anak. Kebanyakan buku yang ada menumpukan kepada ‘harga diri’, dan perkataan ‘karakter’ hampir tidak dapat ditemui di mana-mana. Walau apa pun, ada sesuatu yang menarik apabila melihat kajian tentang artikel-artikel yang terdapat di dalam *The Ladies’ Home Journal*, *Women’s Home Companion*, dan majalah *Good Housekeeping* yang diterbitkan pada tahun 1900, 1910 dan 1980. Kajian ini mendapati bahawa satu pertiga daripada artikel-artikel dalam penulisan tersebut adalah berkaitan pembinaan karakter.

Tujuh Dosa Besar dalam Agama Kristian
Kerakusan, keserakahahan, kemalasan, iri hati,
kemarahan, kesombongan, dan nafsu

F. MITOS BAHAWA “IBU BAPA TIDAK MEMPUNYAI HAK UNTUK MENERAPKAN NILAI KE DALAM DIRI ANAK-ANAK MEREKA”.

Sebahagian orang berhujah bahawa anak-anak harus mencipta nilai diri mereka sendiri. Hakikatnya, anak-anak hanya mempunyai peluang yang kecil untuk berbuat demikian kerana orang lain di dalam masyarakat mahu memasukkan nilai mereka juga. Adakah masuk akal untuk ibu bapa menjadi pemerhati yang neutral sementara orang lain (daripada kalangan penulis skrip, penghibur, pengiklan, sehinggalah kepada pendidik seksual) bertegas mahu menjual nilai-nilai mereka kepada anak-anak? Salah satu cara menterjemah nilai adalah dengan memikirkan hal tentang dosa.

G. MITOS BAHAWA “KELUARGA IBU BAPA TUNGGAL ADALAH SAMA BAIK DENGAN KELUARGA YANG MEMPUNYAI KEDUA-DUA IBU BAPA”.

Pembentukan karakter bukanlah tugas yang mudah, walaupun kita tahu apa yang harus dilakukan. Perceraian menjadikan pembentukan karakter lebih sukar. Kadar perceraian yang sangat tinggi memberi kesan kepada lebih separuh daripada keluarga di Amerika. Anak-anak daripada keluarga ibu atau bapa tunggal lebih berisiko menjadi mangsa penagihan dadah, kumpulan anak-anak nakal, masalah-masalah emosi dan hamil luar nikah. Walaupun demikian, kita tidak menafikan bahawa anak-anak daripada semua keluarga mampu menjalani penyesuaian psikologi yang

sihat. D. W. Winnicott, pakar psikiatri British telah mencipta frasa “ibu yang baik dengan secukupnya”, yang membawa maksud bahawa untuk seorang anak membesar dengan sihat, ibunya mestilah seorang “ibu yang baik dengan secukupnya” yang boleh menghubungkan anak itu dengan “keasyikan utama seorang ibu”. Ini juga berlaku kepada para ibu dan bapa, sama ada daripada keluarga tunggal mahupun yang mempunyai kedua-dua ibu bapa. Ibu atau bapa yang prihatin di dalam keluarga ibu bapa tunggal sebenarnya boleh melakukan tugas yang lebih baik dalam membesarkan



anak-anak berbanding dengan keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa tetapi kurang prihatin. Selanjutnya, sekiranya ibu atau bapa tunggal mendapat bantuan daripada ahli keluarga besar yang lain atau mempunyai tempat kerja yang mesra keluarga (sekiranya

dia bekerja), ibu atau bapa ini mungkin melakukan tugas keibubapaan yang lebih baik berbanding dengan keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa yang tidak peduli.

H. MITOS BAHAWA “KELUARGA SEKULAR TULEN” ADALAH CONTOH TERBAIK UNTUK DIIKUTI.

Di dalam tamadun masyarakat Ibrani, Rom dan Yunani pada masa lampau, malah di Amerika semasa abad kelapan belas dan sembilan belas, idea tentang kesucian sebuah rumah adalah sesuatu yang lazim, bukan sesuatu yang asing. Banyak upacara keagamaan dan pengajian kitab dijalankan di rumah. Kehidupan di rumah dihubungkan dengan sesuatu yang lebih besar daripada diri sendiri iaitu menuju kepada visi dan tujuan yang lebih besar. Visi berkembar bagi keluarga iaitu suci atau sakral dan diletakkan dalam konteks kesucian yang lebih luas memberikan lebih kuasa kepada ibu bapa dan menambah kekuatan kepada ikatan kekeluargaan.

Keluarga yang memiliki kesetiaan anak-anak dapat menyampaikan suatu perasaan bahawa mereka terlibat dalam kerja yang sangat penting iaitu meneruskan kepercayaan, tradisi, seni, falsafah, atau visi tentang bagaimana sesuatu perkara sepatutnya berlaku. Malangnya, banyak keluarga hari ini seolah-olah tidak mempunyai pegangan. Tiada “gereja kecil” atau “kerajaan kecil” tetapi lebih kepada hotel kecil atau restoran yang menjadi tempat persinggahan sementara tanpa apa-apa komitmen. Intipatinya, nilai dan etika telah lama diremehkan dan dipinggirkan sehingga ke tahap “semuanya boleh” dan tiada apa pun yang penting!

Apakah yang mengubah sebuah keluarga daripada suatu komuniti kepada suatu ‘koleksi

individu’ dengan setiap orang dalam keluarga mengejar impian masing-masing? Banyak ahli psikologi moden Amerika boleh dipersalahkan. Penekanan mereka bukanlah kepada keluarga dan perkahwinan, tetapi lebih kepada pengasingan atau sifat individualistik. Alfred Adler, yang dianggap sebagai bapa psikologi Amerika yang optimistik, menamakan teori beliau sebagai “psikologi individu” (Kajian kemanusiaan tentang pemacu, perasaan, emosi, dan memori dalam konteks pelan keseluruhan kehidupan individu). Dr. Sardar Tanveer (seorang profesor pendidikan dari Universiti Cincinnati) menyatakan bahawa konsep “Aku” dan “diriku” benar-benar diajar di dalam kelas, dengan guru sentiasa memberitahu pelajar: “kamu yang menentukan, bukan ibu bapa kamu,” “kamu lakukan apa yang kamu suka.” Sebagai contoh, seorang anak perempuan memberitahu neneknya, “Nenek tidak boleh memberi arahan kepada saya, nenek bukan ibu saya.” Neneknya kemudian menjawab. “tetapi nenek adalah ibu kepada ibu kamu.” (Seminar di Pusat ADAMS, 1997)

Dalam suasana keagamaan, anak-anak tidak “memenuhi perintah” ibu bapa tetapi semua ahli keluarga mematuhi perintah Tuhan sebagaimana mereka memahami arahan Tuhan di dalam kitab suci. Dengan adanya peraturan agama yang positif dan jelas yang menunjukkan perbuatan yang baik dan yang tidak baik menjadikan pengasuhan ibu bapa beragama lebih autoritatif daripada pengasuhan ibu bapa bukan beragama.

Corak beragama kelihatan lebih nyata dalam budaya Timur, yang mempunyai ikatan kekeluargaan yang lebih kuat dan masih mempunyai ritual keluarga. Tidak banyak tradisi yang masih ada pada keluarga di Amerika. Satu-satunya amalan harian yang masih dipraktikkan

dalam keluarga adalah menonton televisyen bersama-sama. Perkara ini menjadi bahan persendaan dalam babak awal pembukaan program televisyen bernama *The Simpson*, yang ironisnya merupakan program dalam rancangan televisyen. Walau bagaimanapun, adalah satu kesilapan jika kita membuat andaian umum dan menegaskan bahawa budaya Timur adalah lebih baik daripada budaya Barat.

Ikatan kekeluargaan di Amerika Syarikat telah dilemahkan dengan kemunculan model “kontrak sosial” keluarga. Di sini, kepentingan diri yang rasional menggantikan kewajipan yang mutlak. Pandangan kami adalah bahawa keluarga tidak akan berjaya sekiranya ahli keluarga mereka menganggap diri mereka seperti syarikat yang berasaskan saham yang dibentuk untuk kepentingan mereka berbanding berdasarkan ikatan tanggungjawab dan kasih sayang. Membesarkan anak-anak atau menjayakan sebuah perkahwinan di sepanjang kehidupan memerlukan pengorbanan peribadi yang mungkin kelihatan tidak rasional sekiranya dilihat atas dasar manfaat materialistik.

Ketika seorang lelaki datang kepada ‘Umar al-Khattab dan menyatakan bahawa dia mahu menceraikan isterinya kerana sudah tidak lagi mencintai isterinya, Umar ibn al-Khattab berkata, “Malang sungguh bagimu! Adakah keluarga hanya dibina atas rasa cinta? Di mana letaknya kerendahan hati dan keprihatinanmu?”

(Al-Hashimi, 1999)

Keluarga Kristian di Amerika Syarikat yang mempunyai komitmen agama yang teguh, membaca doa sebelum makan dan melaksanakan kewajiban agama setiap malam dan upacara keagamaan bersama keluarga

mengikut kalender keagamaan gereja. Amalan-amalan ini memberikan suatu bentuk tujuan dan misi. Pusat kehidupan beragama terletak di rumah yang menjadi tempat yang suci dan keutamaan diberikan kepada pembinaan moral dan kerohanian anak-anak. Penekanan yang kuat diletakkan ke atas rasa hormat kepada kedua-dua ibu bapa dan saudara mara yang lebih tua, seperti datuk dan nenek, ibu dan bapa saudara. Hubungan rapat dengan sanak-saudara dikekalkan dan perayaan keagamaan yang utama merupakan waktu pertemuan semula keluarga yang meriah. Oleh sebab itu, bukanlah sesuatu yang mengejutkan jika masyarakat Yahudi Ortodoks tinggal di kota yang padat dengan penduduk tetapi anak-anak mereka memang tidak terlibat dengan dadah, ke ganasan dan perhubungan seks yang tidak bertanggungjawab iaitu bentuk-bentuk jenayah yang dilakukan oleh anak-anak bandar yang lain. Keadaan yang sama juga berlaku dalam kalangan keluarga Muslim Amerika.

PELAJARAN DARIPADA PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI DI SEKOLAH TINGGI COLUMBINE

Pembunuhan beramai-ramai di Sekolah Tinggi Columbine pada 20 April 1999 di Littleton, Colorado menyaksikan seramai 15 orang terbunuh, 26 cedera dan beratus-ratus yang lain mengalami trauma akibat kejadian tersebut. Beberapa insiden ke ganasan berlaku di sekolah-sekolah di Georgia, Kentucky, Arkansas dan Virginia selepas itu. Almarhum Profesor Dilnawaz Siddiqui memfokuskan perbincangan tentang masalah karakter yang buruk. Sebahagian penganalisis menyalahkan sistem keluarga yang berantakan. Yang lain memperkatakan tentang

terlalu banyak keganasan di media sementara ada juga yang menyalahkan betapa mudahnya untuk mendapatkan senapang dan bahan-bahan letupan yang menyerupai bom tangan. Namun begitu, sesuatu yang signifikan tertinggal daripada analisis tersebut iaitu *tanggungjawab peribadi dan kebertanggungjawaban terhadap tindakan sendiri*. Kepercayaan, niat dan sikap serta perkataan yang kita ujarkan memberi akibat tertentu. Kita ringkaskan nasihat Profesor Siddiqui kepada ibu bapa seperti berikut:

- Komunikasi manusia, pendidikan dan interaksi mestilah menggalakkan nilai-nilai yang betul.
- Anak-anak mestи belajar tentang iman dan standard tentang kebaikan dan keburukan.
- Interpretasi relativistik tentang kebenaran akan mengakibatkan kekacauan dalam masyarakat. Dakwaan relativis bahawa apa yang benar dan yang salah sebenarnya bergantung kepada keadaan (bukan pada prinsip yang kekal).
- Anak yang sihat mestи belajar tentang nilai-nilai utama universal (seperti kebenaran, kejujuran, keadilan dan keamanan).



• Perkara baik dan jahat tidak boleh mendapat peluang yang sama untuk berkembang di mana-mana. Kita mesti mendidik anak-anak tentang kepercayaan yang positif dan membantu menghapuskan perkara-perkara negatif sebanyak yang kita mampu.

Daripada mempertahankan penjenayah sebagai mangsa masyarakat, kita harus memastikan semua orang bertanggungjawab ke atas tindakan mereka. Kita patut menilai tindakan kita dengan membandingkannya dengan prinsip-prinsip kita. Kita tidak patut mengatakan bahawa orang lain yang berada dalam situasi kita akan bertindak sama seperti yang kita lakukan atau lebih teruk. Kita menjangkakan keganasan-keganasan ini akan terus berlaku atau terus meningkat sehingga keibubapaan yang betul berlaku.

MENDIDIK NILAI KEPADA ANAK-ANAK: PERDEBATAN ANTARA PIHAK KONSERVATIF – LIBERAL

Dalam artikel bertajuk ‘Only Way to Teach Values: Help Kids Discover Them’ (*Chicago Tribune* 1998), Eric Zorn berhujah bahawa “hanya satu-satunya cara untuk mengajarkan nilai adalah membantu anak-anak mencari nilai-nilai tersebut. Golongan konservatif sosial menekankan perkembangan nilai, pemikiran etika dan perilaku moral. Anak-anak tidak memperolehi kualiti-kualiti ini dengan sendiri sama seperti mereka tidak mampu belajar matematik dengan sendiri. Meletakkan semua harapan kepada pendidikan karakter di luar sekolah telah bertukar menjadi sesuatu yang naif di dalam era keluarga-keluarga sibuk dan berpecah belah dan budaya yang tidak mengendahkan nilai.”

Eric Zorn menyokong pendidikan karakter di sekolah. Beliau menyatakan bahawa kumpulan

Anak-anak, Kalkulus dan Etika

Anak-anak tidak diharapkan untuk menemui prinsip-prinsip kalkulus sendirian. Begitu juga dengan etika, moral dan nilai. Ibu bapalah yang perlu mendidik mereka tentang perkara-perkara ini.



liberal menentang pengenalan semula pendidikan karakter di sekolah kerana ia mungkin membawa kepada kepatuhan melulu, pemikiran yang sempit dan sikap tidak bertolak ansur. Walau bagaimanapun, anak-anak yang membesar tanpa pendidikan moral yang baik akan kerugian sama seperti anak-anak yang membesar dalam keadaan kemiskinan, kesakitan, gelandangan dan penderaan.

Zorn memetik Larry Nucci: Pandangan bertolak ansur yang kini muncul mengiktiraf bahawa anak-anak tidak boleh disuapkan dengan kebenaran. Mereka harus diajak untuk berfikir dengan bersungguh-sungguh dan mencarinya. Tetapi dalam masa yang sama bagaimanapun, mereka bukan orang dewasa. Oleh itu, inilah peranan para pendidik untuk membimbing mereka. Masyarakat mesti berkongsi nilai-nilai sebagai permulaan, bukan terpulang kepada semua orang untuk berbuat apa sahaja.” Bagaimana melakukan perkara ini tanpa mengubah pendidikan karakter kepada hanya “koleksi desakan dan rangsangan luar yang direka untuk membuat anak-anak bekerja lebih kuat dan membuat apa yang diarahkan kepada mereka”

masih kekal sebagai masalah menurut Alfie Kohn. Kohn berhujah bahawa pendekatan memberi ganjaran dan hukuman atau ‘carrot and stick’ dalam pendidikan moral (kini dalam bentuk yang dominan) menyebabkan anak-anak mempunyai pemahaman primitif tentang kebaikan iaitu ‘menerima kebenaran yang sedia ada tanpa soal’. Pemahaman sebegini tidak benar-benar mendasari karakter seseorang dan tidak membawa kepada empati, skeptisme dan kualiti-kualiti moral yang unggul. Memperkenalkan pendidikan karakter di sekolah adalah suatu idea yang baik dan penting. Ia pastinya lebih baik daripada tiada pendidikan karakter sama sekali. Pendekatan pertengahan nampaknya seperti ini: Tidak memaksakan nilai kepada anak-anak tetapi tidak juga tidak mengabaikan sendirian sama sekali kerana mereka masih muda dan memerlukan bimbingan. Ibu bapa bertanggungjawab membimbing dan membantu anak-anak untuk mencari nilai-nilai mereka sendiri pada bila-bila masa yang mungkin.

Keluarga di Negara Islam Berbanding dengan di Amerika Syarikat

Pengetahuan kita sebagai manusia adalah terhad dan tidak sempurna. Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh keluarga tidak kira di mana mereka berada. Bahkan, terdapat sebahagian keluarga yang menghadapi cabaran lebih serius daripada keluarga lain. Pembangunan di bandar, perindustrian dan sekularisasi memberikan kesan sangat besar kepada keluarga-keluarga yang tinggal di bandar. Sebahagian daripada masalah yang dihadapi di bandar-bandar besar di Amerika Syarikat adalah seperti yang disenaraikan di bawah ini;

- Perhubungan seks tanpa nikah diperlihatkan dengan cara yang menggiurkan, menarik

dan boleh didapati sehingga menyebabkan bertambahnya pergaulan bebas.

- Menari dan berenang bersama-sama antara lelaki dan perempuan, dan juga muzik berorientasi seks yang membangkitkan nafsu disebarluaskan.
- Temu janji berdua-duaan yang membawa kepada hubungan fizikal (berciuman, mengucup leher, berpelukan) adalah suatu cara hidup yang dibolehkan kepada lelaki dan wanita untuk mengenali satu sama lain dan diajar oleh ibu bapa kepada anak-anak sebagai norma yang dibenarkan dalam keluarga.
- Bertelanjang di ruang loker dan bilik mandi awam adalah suatu kebiasaan. Di sebahagian sekolah, tandasnya tidak langsung mempunyai pintu yang menandakan hilangnya kebebasan pribadi di dalam bilik mandi.
- Menahan diri daripada melakukan hubungan seks sebelum nikah tidak diberi penekanan sewajarnya. Di sebahagian sekolah mahupun gereja, kondom diedarkan kepada golongan anak muda yang belum berkahwin.
- Sebahagian guru memberitahu para pelajar supaya “melakukan apa yang mereka suka dan rasa” tanpa sekatan moral. Keinginan dan nafsu perlu dilepaskan dan tidak dipendamkan.
- Meminum arak adalah suatu kebiasaan dan boleh diterima malah digalakkan juga.
- Ketagihan dadah menular. Senjata dan keganasan menjadi kebiasaan di sekolah dan dalam kalangan kanak-kanak di tempat awam. Rancangan televisyen mempromosikan keganasan.

• Pengguguran bayi dilakukan secara meluas. Saiz unit keluarga semakin mengecil, cenderung membentuk keluarga nuklear berbanding keluarga besar.

• Ramai lelaki memakai pakaian ketat, dan wanita memakai alat solek dan wangian sebagai tarikan seksual. Kebanyakan orang tidak menutup tubuh badan mereka dengan sempurna untuk lebih kelihatan menarik. Perkahwinan awal tidak digalakkan sehingga menyebabkan berlakunya perhubungan seksual yang tidak bertanggungjawab.

• Statistik perceraian yang tinggi dan kadar ibu atau bapa tunggal semakin tinggi.

• Kanak-kanak mempunyai anak menjadi satu kebiasaan. Oleh kerana perkahwinan remaja tidak digalakkan, akibatnya adalah lebih ramai ibu tanpa suami. Profesor Olasky menyatakan bahawa 85 peratus daripada kalangan ibu remaja pada tahun 1950-an berkahwin sebaik sahaja bayi mereka dilahirkan (Olasky, 1994).

• Homoseksual menjadi suatu amalan yang diterima, normal dan sah. Lebih banyak negeri akan menghalalkan perkahwinan sejenis.

• Lebih ramai orang tua ditinggalkan di rumah penjagaan, daripada tinggal bersama anak-anak dan cucu-cucu mereka.

• Wanita yang masih dara sebelum berkahwin sangat jarang ditemui. Seorang wanita berusia awal 20 tahun yang masih dara dianggap tidak menarik dan tiada siapa yang mahukannya. Majoriti melakukan hubungan seks sebelum berkahwin. Mereka yang tidak berkahwin atas tuntutan agama berada dalam golongan minoriti.

- Sistem keluarga mula berpecah secara beransur-ansur, dan ikatan kekeluargaan (silaturrahim) dan nilai menjadi semakin lemah.
- Kepuasan dalam hubungan seksual dengan orang dewasa yang 'rela' dianggap sebagai urusan peribadi.
- Penyakit jangkitan seksual (STD) menjadi suatu kebiasaan termasuklah AIDS.
- Keluarga lebih kerap berpindah pekerjaan dan tempat tinggal; mereka lebih mudah bergerak.
- Ramai wanita lebih bergantung kepada diri masing-masing dan tiada saudaramara yang mahu bertanggungjawab ke atas mereka sama ada sebagai penjaga mahupun pelindung; secara moral atau pun dari segi kewangan.
- Lelaki dan wanita lebih berdikari dan lebih bersedia menghadapi risiko. Lebih banyak keluarga yang berkerja kedua-duanya daripada pasangan tersebut.
- Terdapat perbezaan yang semakin kecil antara peranan lelaki dan wanita.

Memandangkan lebih banyak keluarga Muslim tinggal di bandar, maka penting untuk mengenalpasti kesukaran yang mereka hadapi. Keibubapaan menjadi lebih sukar ketika hidup di bandar.



Kisah Orang Islam yang Hidup di Britain

Bakri yang berasal dari Mosul, Iraq telah memasuki sebuah Kolej Ketenteraan yang terkenal di England. Di bilik mandi kolej tersebut, semua orang mandi tanpa berpakaian kecuali Bakri, yang masih memakai pakaian dalam. Pegawai beliau lalu bertanya: "Mengapa kamu tidak membuka pakaian dalam kamu?" Bakri dengan perlahan-lahan menjelaskan bahawa orang Islam tidak dibenarkan menampakkan aurat kerana kebebasan peribadi adalah suatu perkara yang paling penting.

Muhammad, sedang belajar di Universiti Birmingham di England pernah ditanya oleh tuan rumah beliau: "Mengapa kamu tidak mempunyai teman wanita? Adakah kamu seorang homoseksual?" Beliau menjelaskan bahawa seks dalam Islam hanya dibenarkan kepada pasangan yang sudah berkahwin!

Kisah umum di atas tidak bermaksud untuk menunjukkan sistem keluarga mana yang lebih baik. Tujuannya hanyalah untuk mengangkat isu-isu yang relevan untuk difikirkan dan dikaji dengan tujuan untuk melaksanakan usaha-usaha pemberian terhadap kaedah keibubapaan dalam kedua-dua sistem. Hakikatnya, budaya Barat mempunyai pengaruh yang kuat dalam isu kekeluargaan dan keibubapaan kepada dunia Islam. Pengaruh ini telah menghasilkan keputusan yang bercampur-baur. Sebahagiannya positif sementara yang lainnya negatif.

Dalam sistem pendidikan sekular, manusia telah menggantikan Tuhan sebagai kuasa tertinggi dan sikap mementingkan kebendaan telah mendominasi ideologi. Pemahaman saintifik terhadap alam semesta hanya bergantung kepada sebab dan akibat. Walaupunuraian saintifik memberikan kita banyak perincian yang sangat mempesonakan tentang aspek material

alam semesta, ia tidak memberikan pandangan sarwajagat yang menyeluruh dan seimbang tentang apa yang kita lihat dan perkara di sebalik apa yang kita lihat. Pandangan sarwajagat Islam mengakui ketauhidan yang Maha Esa (Tauhid), amanah, dan tanggungjawab bagi memakmurkan bumi ('imran- istikhlas), dengan sepenuh rasa bertanggungjawab kepada alam Akhirat.

PENGARUH BARAT KE ATAS KEIBUBAPAAN ISLAM

Dengan kebanjiran media Barat dan dominasi pendidikan Barat, amalan-amalan sekular keluarga telah memberi kesan besar terhadap keluarga Islam. Abu al-Hassan al-Nadwi dalam buku beliau (berbahasa Arab) *Ke Arah Pendidikan Islam Percuma Dalam Kerajaan dan Negara Islam* menyeru kepada reformasi menyeluruh terhadap sistem pendidikan. Beliau memetik pengaruh negatif daripada kurikulum Barat yang meruntuhkan personaliti dan melemahkan iman. Generasi siswazah yang dilahirkan tidak mempunyai nilai, dengan sekolah yang melahirkan para pemimpin dan pentadbir yang melawan agama, menindas orang yang beriman, dan membawa negara kepada kemusnahan ekonomi. Pendidikan moden yang dibebankan ke atas masyarakat Islam melahirkan generasi muda yang keliru, tidak mampu bersusah payah untuk memperjuangkan akhlak atau membina pandangan hidup seimbang yang mencakupi aspek material dan spiritual.

Apa yang baik kepada budaya lain mungkin tidak sesuai kepada anak-anak orang Islam. Ketika para cendekiawan Amerika mengulas tentang kejayaan besar sekolah-sekolah di Jepun, mereka menekankan bahawa perkara yang terbaik untuk Jepun mungkin tidak



sesuai untuk Amerika kerana kedua-dua mereka mempunyai dua sistem budaya yang berbeza. Meniru secara membata tuli merentas budaya akan menimbulkan banyak masalah. Keibubapaan adalah tugas yang rumit dan harus dikendalikan dengan ilmu dan hikmah.

Negara-negara bertindak balas terhadap pembaratan (westernization) dan kemodenan dengan cara yang berbeza. Profesor Ali Mazrui (State University of New York) menerangkan bahawa ketika soalan "bolehkah kita menjadi moden dari segi ekonomi tanpa perlu menjadi moden dalam budaya?" ditujukan kepada Jepun, Turki dan Afrika, tiga senario yang berbeza muncul. Orang Jepun menjawab: "Ya, kami boleh menerima teknik Barat dan mengekalkan semangat Jepun." Orang Turki yang mendokong legasi Mustapha Kemal Ataturk, menjawab: "Tidak, budaya Barat adalah satu-satunya jalan menuju pemodenan." Para penyokong Kemal Ataturk di Turki sepanjang abad dua puluh satu, melakukan apa sahaja untuk 'membaratkan' rakyatnya termasuklah menghapuskan abjad-abjad

bahasa Arab dan menggantikannya dengan huruf dan bahasa Latin, mengharamkan pemakaian tudung, memaksa wanita memakai pakaian Barat dan menubuhkan negara sekular yang fanatic. Afrika, semasa zaman kolonial dan

pascakolonial menjawab, "Pembaratan budaya dilaksanakan tanpa kemodenan ekonomi," yang hakikatnya lebih teruk daripada kedua-dua dunia ini (The Association of Muslim Social Scientists Bulletin 2002).

Dalam kajian yang dilakukan oleh UNICEF yang meletakkan 21 buah negara kaya ke dalam 6 kategori (kesejahteraan material, kesihatan dan keselamatan, pendidikan, hubungan rakan sebaya dan keluarga, tingkah laku dan risiko, dan pendapat subjektif orang muda terhadap kesejahteraan) mendapati bahawa Amerika Syarikat dan Britain berada di tangga dua-pertiga paling bawah daripada lima atau enam kategori tersebut (UNICEF Report, 2007). Kanak-kanak berhadapan dengan keadaaan lebih buruk walaupun tahap keseluruhankekayaan negara meningkat. Ini disebabkan oleh jurang ekonomi yang lebih besar dan tahap yang rendah dalam sokongan awam terhadap pembinaan keluarga di dua negara tersebut. Begitu juga dengan perkhidmatan kebajikan masyarakat yang jauh ketinggalan untuk memenuhi keperluan sesebuah keluarga yang mempunyai anak. Amerika Syarikat dan Britain kelihatan tidak melabur banyak ke dalam pembangunan kanak-kanak seperti yang dilakukan di negara-negara di benua Eropah yang lain. Berikut merupakan sub-kategori yang dimasukkan dalam kajian;

SUBKATEGORI KAJIAN UNICEF

Peratusan mereka yang mengambil hidangan utama harian bersama keluarga selama beberapa kali dalam seminggu	Nisbah kanak-kanak yang mempunyai hubungan 'baik' dan 'suka membantu' kanak-kanak yang lain
Perlindungan kesihatan	Perkhidmatan penjagaan harian
Rawatan pencegahan untuk kanak-kanak	Kesihatan dan Keselamatan
Kewujudan keluarga tunggal	Kadar kematian bayi
Tingkah laku berisiko dalam kalangan kanak-kanak	Vaksinasi bagi penyakit-penyakit semasa kanak-kanak
Meminum arak	Kematian akibat kecederaan dan kemalangan sebelum usia 19 tahun
Aktiviti seksual berisiko	Pergaduhan masa lampau
Peratusan kanak-kanak yang tinggal bersama ibu atau bapa tunggal atau bersama ibu atau bapa tiri	Kanak-kanak yang dibuli dalam tempoh dua bulan sebelumnya.

Kebebasan atau Kebenaran?

Isu utama ketika membesar anak adalah berkaitan kebebasan peribadi. Di negara-negara perindustrian moden, kebebasan menjadi objektif yang tersendiri. Ramai ibu bapa memberikan kebebasan hampir tiada hadnya kepada anak-anak mereka. Ini akhirnya memakan diri sendiri kerana ia menggalakkan keinginan mementingkan

diri sendiri anak-anak ini. Keinginan yang tidak dikawal ini berbahaya kerana ia boleh mengambil alih etika ketuhanan dan bimbingan penuh ihsan yang menyebabkan mereka memperhambakan diri kepada keseronokan kehidupan material. Hiburan dan kegembiraan menjadi suatu ketagihan dan menjadi "tujuan hidup" yang utama kepada anak. Dalam Islam, penekanan diletakkan kepada akauntabiliti peribadi dan tanggungjawab

yang tidak boleh digantikan dengan sikap sambil lewa iaitu “hidup untuk hari ini kerana kita akan mati hari esok”. Al-Quran menerangkan fenomena manusia sedemikian seperti berikut:

Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya dan Allah ﷺ membiarkannya berdasarkan ilmu-Nya dan Allah ﷺ telah mengunci mati pendengaran dan hatinya dan meletakkan tutupan atas penglihatannya? Maka siapakah yang akan memberinya petunjuk sesudah Allah ﷺ (membiarkannya sesat). Maka mengapa kamu tidak mengambil pelajaran?

Dan mereka berkata: “Kehidupan ini tidak lain hanyalah kehidupan di dunia saja, kita mati dan kita hidup dan tidak ada yang akan membinasakan kita selain masa”, dan mereka sekali-kali tidak mempunyai pengetahuan tentang itu; mereka tidak lain hanyalah menduga-duga saja.

(Surah al-Jasiyah: ayat 23-24)

Kebebasan daripada keinginan akan membawa kepada ketenangan diri

Lao Tzu, Pengasas Kepercayaan Taoism,
Tahun 6 Sebelum Masihi

Kejayaan pertama dan paling baik ialah kejayaan menakluk diri

Plato, Ahli Falsafah Yunani

Kebebasan adalah anugerah yang sangat bernilai yang tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya hanya untuk mencapai penghujung yang menyeronokkan, tanpa mengira benar atau salah. Kebebasan adalah suatu perkara yang ideal kerana dengannya kita boleh mencari KEBENARAN, menemukannya, dan menjangkaunya. Pencarian akhir manusia adalah untuk mencari kebenaran yang merupakan matlamat yang tinggi dan wajar. Apabila kebebasan digunakan dengan bijaksana

untuk tujuan yang bermanfaat, ia menjadi anugerah Tuhan yang sangat bernilai supaya manusia boleh memilih untuk melakukan perkara yang benar dan betul dan bersedia menjauhi sesuatu yang jahat dan merosakkan. Anak-anak perlu dibimbing untuk membangunkan tabiat yang baik, membuat pilihan yang bersesuaian, dan mengangkat kebenaran sebagai nilai tertinggi dalam hati nurani mereka, yang seharusnya datang sebelum kebebasan. Setiap sistem di jagat raya ini mempunyai hadnya. Kebebasan manusia perlu berada dalam keadaan tersusun dan teratur, dengan had-had yang ditentukan mengikut panduan moral, bukan kacau-bilau dan boleh menghancurkan. Ibu bapa bertanggungjawab membantu membina sikap dan kepercayaan yang sesuai kepada anak-anak berdasarkan sistem sarat nilai yang bersumberkan al-Quran dan as-Sunnah semua nabi.

Untuk menggunakan kebebasan bagi mendapatkan keredhaan Allah ﷺ kita bukan sahaja perlu mempelajari ilmu ketuhanan yang sebenar tetapi juga ilmu tentang tabiat semula jadi manusia. Menggabungkan kedua-dua ilmu ini dapat menyelamatkan kita daripada bertindak membuta tuli dan memusnahkan alam sekitar dan diri kita. Pencipta kita tahu apa yang terbaik dan hanya Dia satu-satunya yang berada pada posisi terbaik untuk memandu kita ke jalan yang benar. Kajian, eksperimen saintifik dan ilmu pengetahuan akan mendekatkan kita kepada bimbingan yang betul daripada Tuhan dan menemui jawapan yang tepat terhadap persoalan-persoalan kita dari semasa ke semasa..

Lihat keluarga sebagai satu contoh. Ramai ahli psikologi dan sosiologi moden memberitahu kita bahawa unit keluarga adalah penting dan masyarakat boleh runtuh tanpa keluarga. Sekiranya

manusia tidak memahami keperluan kepada struktur keluarga sejak dahulu lagi, tidak mungkin akan wujud masyarakat berdaya maju hari ini. Pelbagai nilai asas seperti kejujuran, kepercayaan, penghormatan kepada kehidupan dan harta, kawalan nafsu syahwat, kesaksamaan dan kebebasan daripada penindasan adalah keperluan asas bagi kewujudan manusia. Tanpa nilai-nilai ini masyarakat tidak mungkin dapat berkembang, dan dalam unit keluargalah, nilai-nilai ini dapat dipupuk dengan sebaik-baiknya. Nilai-nilai ini sangat penting untuk bangsa manusia, sehingga daripada menunggu manusia menemui nilai-nilai ini, ia sememangnya telah wujud dalam batin kita, iaitu dalam sifat semulajadi atau fitrah. Nilai-nilai asas ini juga diajar kepada manusia sebagai nilai-nilai penting daripada permulaan kewujudan manusia bagi membolehkan kehidupan manusia dan masyarakat berkembang di atas muka bumi ini.

Oleh yang demikian, bukanlah satu kebetulan Nabi Adam *alaihis Salam*, bapa kepada seluruh manusia di dunia dan Hawa, ibu kepada kepada seluruh manusia, telah diajar nilai-nilai asas yang kekal ini supaya mereka dapat mengajarnya pula kepada anak-anak mereka dengan serta-merta dan kemudian kepada keturunan manusia seluruhnya. Tuhan menggambarkan kesucian hidup manusia melalui kisah Qabil dan Habil. Cuba bayangkan, sekiranya Nabi Adam, Hawa serta anak-anak mereka adalah peminum arak, penagih dadah dan bertoleransi dalam seks, apakah yang akan berlaku? Agama mempunyai persamaan dengan pembimbing berilmu yang menunjukkan kita jalan merentasi padang pasir, yang tanpanya, manusia akan hilang dan terkubur. Kebebasan yang dipandu dengan benar akan menghasilkan keturunan dan masyarakat yang bertamadun, yang boleh bertahan

hidup kerana mereka mempunyai kawalan diri, tabiat yang baik dan amalan persekitaran yang betul.

Alam semesta adalah sistem yang sempurna. Sel, atom, dan galaksi mengunjurkan satu sistem yang paling agung dan kesemua sistem yang tersusun ini beroperasi dalam keterbatasan dan peraturan yang telah ditetapkan. Mengabaikan batasan-batasan ini membawa kepada kehancuran. Sang Maha Pencipta menjadikan alam ini pada ukuran yang tepat dan seimbang dengan penekanan yang hebat ke atas prinsip saling melengkapi dan berintegrasi. Konsep keseimbangan ini telah disebut sebanyak tiga kali di dalam ayat-ayat berikut:

Matahari dan bulan (beredar) menurut perhitungan. Dan bintang-bintang dan pohon-pohonan kedua-duanya tunduk kepada-Nya. Dan Allah ﷺ telah meninggikan langit dan Dia meletakkan neraca (keadilan) supaya kamu jangan melampaui batas tentang neraca itu. Dan tegakkanlah timbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi neraca itu!

(Surah ar-Rahman: ayat 5-9)

Oleh itu, nilai utama perlu dipelihara tanpa kompromi walau apa pun kosnya. Manusia tidak boleh memudharatkan kehidupan dan membunuh diri, meskipun ia adalah perkara yang paling diingini mereka apabila berhadapan dengan perkara-perkara yang buruk dalam hidup. Manusia tidak boleh melakukan sumbang mahram, walaupun ini yang mereka mahukan. Manusia tidak boleh menjadi peminum arak dan penagih dadah, memusnahkan diri, keluarga dan masyarakat. Petunjuk diberikan kepada manusia melalui wahyu Ilahi sejak dahulukala. Ilmu pengetahuan manusia terbatas dan mungkin mengambil masa yang lama sebelum kebanyakan manusia boleh benar-benar menghargai nilai

sesebuah keluarga dan menyedari masalah-masalah yang timbul akibat isu perkauman, bunuh diri, ketagihan arak dan dadah serta penzinaan. Panduan wahyu Ilahi sejak awal permulaan kehidupan manusia di bumi ini menjadi jalan untuk menentang kesemua amalan jahat ini bagi membolehkan manusia menyedari nilai-nilai tertinggi mereka.

**Dalam semangat mereka mahu
mengeluarkan agama daripada ruang
kelas, mereka membuang moral
daripada tingkap**

Apabila ditanya di dalam sebuah seminar anjuran IIIT, apakah perubahan paling penting yang ingin diperkenalkan di dalam kurikulum gereja agama, Paderi dan penulis Dr. Jerald F. Dirks, mantan menteri yang ditahbiskan menjadi paderi di Gereja United Methodist yang telah memeluk Islam pada 1993 menjawab: "Untuk membuang penyakit relativisme dalam nilai dan moral yang acap kali bertukar-tukar secara berbahaya tanpa batasan." Mesej asas ini perlu kekal dan dipelihara serta tidak berubah mengikut kemahuan generasi muda. Apa pun, keperluan-keperluan asas manusia masih sama. Sistem kekeluargaan perlu dipelihara dan dilindungi untuk mengelakkan kemusnahan

kepada keluarga-keluarga yang mengalami perubahan dari desa ke bandar dan melalui proses perindustrian moden. Orang Islam boleh mempelajari banyak perkara daripada aspek-aspek positif kebebasan Barat bagi membebaskan cara pemikiran authoritarian dan pemerintahan yang memperhamba mereka dan menyebabkan mereka ketinggalan di belakang Barat dari segi pembangunan dan kemajuan. Orang Islam juga telah kehilangan pandangan sarwajagat mereka sebagai pembina tamadun. Sistem keadilan (*'adl'*) dan perundingan (*'syura'*) yang seharusnya boleh mengawal semua hubungan politik, ekonomi dan kesepadan sosial orang Islam – termasuklah konsep kekeluargaan dan keibubapaan – telah digantikan dengan sikap yang zalim.

Masyarakat Barat memerlukan suatu wawasan yang boleh mendisiplinkan sistem kebebasan mereka yang tidak terarah, manakala masyarakat Islam memerlukan kesederhanaan daripada disiplin yang ketat dan menindas. Dalam kata lain, kebebasan yang terbimbang di Barat dan orang Islam yang bebas daripada belenggu amalan-amalan yang tidak terarah. Kedua-dua masyarakat ini perlu belajar antara satu sama lain dan menyeimbangkan konsep pemahaman dan tindakan mereka supaya selari mengikut wahyu sebenar yang diturunkan.



KISAH RONALD KELLER

Kita memerlukan sistem kerohanian dan nilai yang stabil untuk hidup bahagia dengan standard tertentu yang tegas.

"Dilahirkan pada tahun 1954 di sebuah ladang desa di selatan barat Amerika Syarikat, saya dibesarkan di dalam sebuah keluarga yang berpegang kepada agama Roman Katolik. Gereja merupakan dunia spiritual yang tidak boleh dipersoalkan ketika saya kecil iaitu sesuatu lebih nyata dari dunia fizikal di sekeliling saya. Namun, semakin saya membesar, dan terutamanya selepas saya memasuki Universiti Katolik dan lebih banyak membaca, banyak persoalan timbul terutamanya dalam konteks kepercayaan dan amalan."

Salah satu sebabnya adalah perubahan yang kerap pada tatacara ibadat dan ritual keagamaan Katolik yang berlaku selepas Persidangan Kedua Vatican pada tahun 1963. Persidangan tersebut mencadangkan kepada orang ramai bahawa Gereja tidak mempunyai standard yang tetap. Dalam kalangan paderi, mereka bercakap tentang fleksibiliti dan kepentingan liturgi namun meinggalkan penganut-penganut Katolik umum teraba-raba dalam kegelapan. Tuhan tidak berubah; begitu juga dengan keperluan jiwa manusia dan tiada wahyu baharu yang diturunkan. Namun, kita sibuk dengan perubahan. Minggu bertukar minggu, tahun bertukar tahun; menambah, mengurangkan, mengubah bahasa dari Latin ke Inggeris, dan akhirnya membawa kepada penggunaan gitar dan muzik rakyat. Paderi menjelaskan dan terus menjelaskan sementara orang awam menggelengkan kepala. Usaha mencari relevansi menjadikan sebilangan besar orang yakin bahawa tidak banyak yang sebenarnya yang ada."

Nuh Ha Mim Keller 2001

Di Mana Untuk Membesarkan Anak

KAJIAN KES KEJUTAN BUDAYA KESAN PERPINDAHAN ANTARA TIMUR DAN BARAT

Apabila keluarga berpindah dari Timur ke Barat atau sebaliknya, mereka biasanya mengalami kejutan budaya. Sebagai contoh, kisah benar ini berlaku kepada sebuah keluarga yang tidak bernasib baik yang kembali ke negara Muslim mereka Bersama-sama dengan dua orang anak selepas tamat dari sebuah Kolej di Amerika Syarikat. Walaupun mereka mempunyai pilihan untuk bekerja di Amerika, tetapi keluarga ini memutuskan untuk kembali ke Timur Tengah supaya anak-anak mereka boleh mempelajari bahasa Arab dan al-Qur'an. Selepas mendarat, anak-anak ini mula mengalami kejutan budaya sebuah negara baru dan berkata "Hi, kotornya negara ini." Ketika memasuki apartmen mereka,

apa sahaja yang mereka sentuh mengotorkan tangan mereka. Walaupun kedua-dua ibu bapa mereka telah memastikan rumah itu dibersihkan, karpet, dinding, tangga dan balkoni tidaklah begitu bersih. Masalah sebenar mereka kini adalah bagaimana mahu memunggah barang-barang mereka di tengah-tengah semua habuk ini. Satu-satunya cara penyelesaian adalah dengan membersihkan sendiri apartmen tersebut.

Kejutan kedua adalah kos barang binaan yang mahal sedangkan cara pembinaannya sederhana sahaja. Pintu bilik air tidak boleh ditutup sepenuhnya. Lantai jubin cantik tetapi tidak rata dan licin. Paip berkilat tetapi bocor. Walaupun terdapat kekurangan bekalan air dan gangguan air setiap hari, paipnya masih bocor. Di tingkat tiga, tekanan air rendah dan kadangkala mereka terpaksa menampung air dan menyimpannya di dalam baldi semalam.

Kejutan seterusnya adalah sekolah. Sekolah swasta agak mahal manakala sistem sekolah awam pula membawa bencana pendidikan. Guru-guru memerlukan latihan, sementara para pelajar rata-ratanya kurang berakhhlak dan tidak berdisiplin. Ibu bapa hanya mampu menimbang antara kelebihan dan kekurangan menghantar anak-anak ke sekolah sahaja!

Pengangkutan sangat perlahan disebabkan kesesakan dan kurangnya penyelenggaraan jalan raya. Bas-bas sekolah sentiasa padat sehingga kanak-kanak menghabiskan masa berjam-jam lamanya hanya untuk pergi dan pulang dari sekolah. Bagi kebanyakan orang, berjalan sebenarnya lebih cepat dan pantas daripada memandu. Untuk menziarahi saudara-mara atau sahabat, seseorang harus merancang perjalanan seolah-olah perjalanan jauh ke bandar yang lain. Memandu kereta sahaja memerlukan kemahiran terbaik dan keberanian (sama seperti memasuki zon peperangan dan berhadapan dengan tindakan kejam pihak musuh).

Pencemaran udara yang sedia ada ditambah dengan pencemaran bunyi. Kanak-kanak hilang hak kebebasan peribadi dan ketenangan minda disebabkan oleh bunyi-bunyi bising yang kuat secara berterusan di sekitar mereka, walaupun ketika berada di dalam rumah. Bunyi bising di sekolah, di jalanan, dan daripada jiran-jiran menembusi bilik tidur mereka. Hanya satu cara untuk mendapatkan ketenangan iaitu dengan pergi ke kampung bersebelahan dan ini seperti membuat satu projek lain pula.

Ini hanyalah satu contoh kemungkinan kejutan budaya yang boleh berlaku untuk menggambarkan isu-isu yang akan dihadapi oleh keluarga yang memilih untuk berpindah (sama ada dari timur ke barat atau sebaliknya).

Tentunya pengalaman ini tidak sama untuk semua orang kerana tidak semua orang menghadapi isu atau kesukaran yang sama. Bukan juga bermakna bahawa sesebuah keluarga patut tinggal sama ada di negara Timur ataupun Barat. Setiap negara mempunyai daya tarikan dan kekurangannya yang tersendiri dan setiap keluarga juga mempunyai keunikan tersendiri dalam situasi masing-masing. Tiada peraturan umum tentang tempat tinggal terbaik bagi kehidupan anak-anak. Keluarga yang memilih untuk berpindah seharusnya sedar bahawa mereka membawa bersama satu pakej yang di dalamnya ada kekurangan dan kelebihannya (dan keputusan yang bijak untuk keperluan keluarga perlu dibuat). Kehidupan ini sememangnya suatu ujian!

Dua Konsep yang Hilang dalam Pemikiran Barat

Dalam beberapa perbincangan yang diadakan bersama-sama dengan para penulis, Dr. Taha Alalwani, pemegang amanah IIIT Virginia menerangkan bagaimana Barat telah mengabaikan dua konsep yang sangat penting: 1) Allah ﷺ sebagai Tuhan yang paling Agung (*Allahu Akbar*), 2) Allah ﷺ Tahu Apa Yang Terbaik (*Allahu A'lam*). Dalam memahami konsep yang pertama, apabila manusia mengabaikan kebijaksanaan dan kekuasaan Tuhan yang Maha Esa dalam urusan kehidupan, mereka sebenarnya mengisyiharkan diri mereka sebagai ‘tuhan’ di tempat Allah ﷺ, satu-satunya Tuhan dan tiada yang lain selain Dia. Sekiranya manusia menjadi sebeginu sompong, sesat dan menyangka bahawa mereka bebas daripada berbuat kesilapan dan mereka lahir sumber utama ilmu, lalu mereka boleh menjustifikasi apa sahaja yang mereka lakukan untuk memuaskan hati mereka, keluarga mereka, masyarakat mereka, dunia mereka dan

persekitaran mereka. Mereka mungkin secara sedar atau tidak memusnahkan alam haiwan dan tumbuh-tumbuhan serta mencemarkan bumi, laut dan udara. Kesombongan membawa kepada kemusnahan aturan dan keseimbangan alam, langit dan angkasa di sekeliling bumi (lapisan ozon). Oleh sebab manusia tidak menghargai ciptaan Tuhan, mereka telah mencemarkan ekosistem dan alam semula jadi (sehingga udara bersih, air yang murni dan daging dan sayur bebas bahan kimia menjadi sesuatu yang jarang dapat diperolehi). Pemanasan global menjadi ancaman sebenar kepada kewujudan manusia. Tidak kira berapa maju kita dalam bidang sains dan teknologi, kita sebenarnya masih lagi satu bahagian yang sangat kecil berbanding dengan alam semesta ciptaan Yang Maha Pencipta yang sangat luas dan tiada batasannya.

Kerendahan hati adalah dengan mengatakan hanya Allah ﷺ yang Tahu Apa Yang Terbaik (*Allahu A'lam*). Pelbagai penemuan manusia berbentuk saintifik dan teknologi yang menakjubkan sehingga abad ke-21 telah menyebabkan ramai orang bermegah-megah tentang ilmu pengetahuan dengan penuh kesombongan. Walau bagaimanapun, ironisnya lebih banyak yang kita tahu, lebih banyak kita sedar betapa banyak yang kita masih belum tahu. Merendah diri terhadap orang lain dan rendah hati kepada Tuhan adalah ramuan penting kepada keilmuan yang disegani. Pemikir-pemikir agung memahami perkara ini. Manusia seharusnya terus meneroka dan mencari ilmu-ilmu pengetahuan yang baru. Ingatlah bahawa keinginan kita untuk belajar adalah daripada rahmat Allah ﷺ, Pencipta yang Teragung, yang daripada-Nya kita dikurniai akal dan kebijaksanaan serta yang menyediakan kita dengan apa yang ada di langit dan di bumi.

Hanya orang yang benar-benar hebat sahaja yang sebenar-benarnya merendah diri, dan hanya orang yang benar-benar merendah diri sahaja akan menjadi orang yang benar-benar hebat

Al-Qur'an menghuraikan topik ilmu ini:
... dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit.

(Surah al-Israa: ayat 85)

... dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu Allah ﷺ melainkan apa yang dikehendaki-Nya...

(Surah al-Baqarah: ayat 255)

...Katakanlah: "Kalau sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhan, sungguh habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat Tuhan, meskipun Kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula)."

(Surah al-Kahfi: ayat 109)

Nilai Kepercayaan Berbanding dengan Nilai Kefungsian

Keluarga mendidik kita tentang moral dan nilai (seperti kebenaran, keadilan, cinta, keberanian, kejujuran, dan tanggungjawab). Kesemua nilai ini adalah berdasarkan konsep keimanan ('aqidah), iaitu nilai-nilai fundamental diletakkan sebelum nilai-nilai fungsional. Kedua-dua nilai ini (fundamental dan fungsional) tidak selalunya serasi. Bagi sesetengah masyarakat, kebahagiaan di dunia ini adalah objektif utama mereka. Walau bagaimanapun, bagi ummat Islam mencapai kehidupan abadi di akhirat dengan menjalani kehidupan yang baik di dunia adalah objektif utama yang seimbang. Ini bermaksud bahawa mencapai kejayaan di akhirat tidak sesekali

bercanggah dengan mencari kehidupan yang baik di dunia. Kejayaan di akhirat boleh dan harus dicapai tanpa mengabaikan dunia ini. Menjalani kehidupan di dunia ini hanyalah satu jalan untuk mencapai kehidupan yang abadi. Nabi Muhammad ﷺ pernah menasihati seorang Badwi bagaimana dia harus meletakkan kepercayaan kepada Tuhan tetapi dalam masa yang sama, mengikut undang-undang alam semula jadi dan undang-undang sains sosial. "Tambatlah unta kamu (supaya unta itu tidak sesat), dan letakkan kepercayaan kepada Tuhan (mengharapkan belas kasihan-Nya ketika kamu tiada)." Keseimbangan sangat perlu di antara kehidupan di dunia dengan di akhirat seperti yang dinyatakan:

"Bekerjalah untuk kehidupan kamu di dunia seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya, dan bekerjalah untuk kehidupan akhirat seolah-olah kamu akan mati esok."

(Abu Talib, 1996)

Ilmuwan kitab Talmud berkata: Hiduplah setiap hari seperti itu hari terakhirmu kerana tiada siapa yang tahu sama ada itu akan berlaku atau tidak.

Contoh yang baik adalah dengan membandingkan keadaan orang yang hidup di negara-negara bekas komunis. Menurut fahaman komunis pekerja seharusnya dijaga dengan lebih baik berbanding dengan fahaman kapitalis, namun secara realitinya, para pekerja di negara-negara komunis mengalami keadaan yang lebih buruk. Meskipun nilai fungsional di negara-negara komunis menuntut mereka untuk menjaga masyarakatnya, nilai akar umbinya adalah konflik, penindasan, dan pemusuhan kelas-kelas manusia lain dalam masyarakat.

Negara-negara kapitalis Barat yang

berfokuskan keuntungan melakukan perkara yang lebih baik daripada regim komunis kerana pengaruh nilai akar umbi agama Kristian seperti kasih sayang, murah hati dan belas kasihan. Kerana itulah negara-negara ini menyediakan lebih banyak peruntukan bagi penjagaan orang miskin dan orang berkeperluan, manakala orang ramai di bawah fahaman Komunis lebih menderita.

Keruntuhan fahaman komunis pada akhirnya adalah sebahagian besarnya kerana nilai dan pandangan hidup yang kejam. Ideologi ini adalah berdasarkan konflik, konfrontasi dan penghapusan hak-hak pemilikan harta. Walaupun regim komunis ini bertujuan memantapkan kuasa kaum pekerja, realitinya, rakyat jelata kekal sebagai majoriti yang tertindas, bertentangan dengan tujuan ideologi Marxist yang diisyiharkan.

Falsafah komunis hanyalah bersifat luaran, tidak berfungsi dan hanya khayalan, manakala situasi di Barat ketika itu lebih baik. Fahaman kapitalis tidak menghasilkan bentuk khayalan ideal di dunia. Berdasarkan konsep kebebasan tidak terarah dalam kepemilikan peribadi dan falsafah memacu keuntungan untuk kepentingan diri, hal ini telah membawa kepada berlakunya situasi ketidakadilan sosioekonomi kepada golongan pekerja. Bagaimanapun, nilai keagamaan yang telah berakar umbi dan dasar kebajikan agama Kristian di Barat membantu mengurangkan sebahagian kesan buruk kepada golongan pekerja miskin dan dengan demikian mengurangkan sebahagian kesan buruk perindustrian. Ini bertentangan dengan golongan elit parti komunis yang bekerja untuk memenuhi kepentingan mereka melalui sistem birokrasi yang dicipta mereka. Golongan pekerja di bawah ideologi komunis yang akhirnya menjadi mangsa utama regim tersebut. Nilai-nilai kebajikan dan

keagamaan yang berakar umbi sangat penting untuk manfaat masyarakat dan individu.

Walaupun banyak bahan rujukan dan kajian berkaitan keibubapaan wujud di Barat secara meluas, pengetahuan manusia sudah tentu sangat terbatas. Manusia bukan sekadar produk yang “dihasilkan di Amerika Syarikat” atau “dihasilkan di China,” yang menunjukkan kita mempunyai pengetahuan yang baik. Kita dicipta oleh ‘Pencipta Seluruh Alam.’ Hanya Pencipta kita mengetahui segala sesuatu tentang kita. Di dalam buku *Parenting Expert: Their Advice, the Research and Getting it Right*, tulisan Jane Rankin, seorang ahli psikologi menegaskan bahawa jurang yang terlalu dalam wujud antara apa yang disampaikan oleh para pakar keibubapaan dengan apa yang

ditunjukkan oleh kajian saintifik secara berterusan selama 30 tahun. Pakar keibubapaan Barat yang popular seperti Benjamin Spock, T. Berry Brazelton, James Dobson, Penelope Leach, John Rosemond dan lain-lain berbeza pandangan dalam banyak isu penting yang melibatkan keibubapaan seperti merotan, menetapkan batasan, ibu bekerja, penjagaan harian, latihan ke tandas dan menonton televisyen.


Walaupun kita harus menggalakkan kajian berterusan tentang keibubapaan dengan menggunakan segala kemudahan sains sosial, semula jadi dan spiritual yang ada, kita harus menerima dengan segala rendah hati hasil-hasil kajian manusia ini. Kita perlu sentiasa memohon petunjuk dan hikmah daripada Allah ﷺ.

Kesombongan + Pengetahuan = Kejahilan Sifat Rendah hati + Pengetahuan = Pencerahan

Beratus-ratus tahun dahulu, pemilik Kolej Balliol di Universiti Oxford, England telah menampal sekeping nota di pintu beliau yang menyatakan:

“Saya adalah pemilik kolej ini; apa yang saya tidak tahu bukanlah ilmu.”

Orang yang memandang rendah kepada orang lain tidak akan dihormati oleh orang lain



Model Keluarga Pertanian: Anak-anak seperti Tanaman, Ibu bapa seperti Petani

Budaya atau dalam Bahasa Inggerisnya “culture” berasal dari perkataan ‘penanaman’ iaitu “cultivation”. Anak dan manusia ada persamaan dengan tanaman dalam banyak perkara. Kedua-duanya memerlukan penjagaan dan perawatan dan akan tumbuh paling baik dalam persekitaran yang baik yang disediakan khas buat mereka. Rumah hijau adalah persekitaran paling baik untuk tumbuhan yang paling kecil kerana tumbuhan perlu disemai terlebih dahulu

sebelum dipindahkan keluar. Ini memberikan tumbuhan muda suatu permulaan kerana apabila dipindahkan keluar, tumbuhan ini akan menjadi lebih besar, kuat dan tahan daripada penyakit berbanding dengan tumbuhan lain. Anak memerlukan perlindungan dan penjagaan untuk perkembangan moral yang sihat. "Kemudian, anak-anak kita ketika muda akan menjadi seperti tumbuh-tumbuhan yang dijaga dengan baik" (Psalms 144:12). Seorang anak yang dibesarkan dalam persekitaran rumah tangga yang baik akan menjadi lebih kuat, lebih sihat dan tidak mudah tunduk kepada penyakit moral yang berlebar dalam budaya yang besar. Analogi ini sangat jelas dalam masyarakat pertanian, tetapi kurang nyata dalam masyarakat perindustrian,

kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang penanaman pokok. Walau bagaimanapun, anak tentunya bukan sekadar sepohon tumbuhan. Tumbuhan makhluk yang pasif manakala anak adalah makhluk yang penuh dengan tenaga aktif, tinggi keintelektualan dan keinginan. Mereka perlu memainkan peranan aktif dalam pembangunan diri mereka dan juga perlu belajar untuk menetapkan batasan kepada tingkah laku mereka. Anak masih memerlukan banyak bantuan. Cara terbaik untuk ibu bapa menyediakan semua ini adalah dengan menggalakkan dan meningkatkan pembangunan tabiat yang baik yang suatu hari nanti akan membentuk karakter yang baik dan nilai diri yang tinggi.

Aktiviti

AKTIVITI 8 : TIGA KEBIMBANGAN UTAMA ABAD DUA PULUH SATU

Bincangkan bersama keluarga: Apakah sebab-sebab tiga kebimbangan utama ini dan bagaimana kebimbangan ini boleh dielakkan?

Pada tahun 1997, William Buckley (kolumnis Konservatif) dan Senator George McGovern (Demokrat Liberal), ketika majlis graduasi di Universiti South East State, Cape Girardeau, mengenal pasti tiga kebimbangan utama:

- 1.Keruntuhan dan ketidakfungsian keluarga di Amerika yang mengakibatkan peratusan tinggi pada kelahiran anak luar nikah.
- 2.Kemusnahan alam sekitar iaitu pencemaran besar-besaran telah berlaku di darat, udara, lautan, laluan air dan hutan.
- 3.Alkoholisme yang memusnahkan kesihatan individu dan keluarga.

AKTIVITI 9: PENERAPAN ATRIBUT KEPADA ANAK-ANAK (MENGIKUT SUSUNAN ABJAD)

Ibu bapa duduk bersama anak-anak dan membincangkan setiap sikap berikut dan cadangkan satu cara praktikal untuk menanam sikap-sikap tersebut ke dalam diri setiap anak.

Anak-anak adalah...

Menakjubkan (amazing), iktiraf mereka
Boleh dipercayai (believeable), percaya pada mereka

Bertenaga (energetic), arahkan mereka
Mulus (innocent), bergembiralah dengan mereka

Gembira (joyful), hargai mereka

Baik hati (kindhearted), belajar dari mereka
Mudah disayangi (loveable), sayangi mereka

Mulia (noble), hormati mereka

Berfikiran terbuka (open minded), ajari mereka

Amat berharga (precious), hargai mereka
Suka bertanya (questioners), galakkan mereka

Panjang akal (resourceful), sokong mereka
Spontan (spontaneous), nikmati mereka

Berbakat (talented), bangunkan mereka
Unik (unique), yakinkan mereka

Bercita-cita tinggi (yearning), perhatikan mereka

Lucu (zany), bergelak ketawa dengan mereka

(Meiji, 1999)

AKTIVITI 10: BERBINCANG TENTANG PUNCA SEBENAR KEGANASAN KANAK-KANAK

Bincang dengan anak-anak tentang peristiwa-peristiwa buruk berdasarkan pengalaman mereka. Di Amerika Syarikat, pembunuhan beramai-ramai di Sekolah Tinggi Columbine adalah sangat mengejutkan. Dua orang kanak-kanak lelaki, berusia 18 dan 17, telah membunuh 15 orang dan mencederakan 26 orang lain dengan menggunakan pistol dan bom. Menembak dan bergelak ketawa sama seperti yang dilihat di kaca televisyen, filem dan permainan video, sebelum kemudiannya menembakmatidirisendiri. Mereka telah membuat 19 biji bom di rumah mereka. Insiden sebegini tidak jarang ditemui. Lebih kurang 22 insiden yang sama telah berlaku pada bulan berikutnya di Amerika Syarikat. Mengapakah mereka bertindak sedemikian? Siapakah yang bertanggungjawab? Bagaimanakah ini boleh dielakkan? Apakah yang harus dilakukan untuk mengelakkan insiden yang sama berlaku pada masa hadapan? Apakah pengajaran yang boleh diambil? Bagaimanakah kita boleh mengatasi punca sebenar keganasan ini?

AKTIVITI 11: MENANGANI MASALAH SOSIAL

Bincang dengan keluarga sebab dan kesan merokok, mengambil dadah, hamil anak luar nikah, ketagihan arak, bunuh diri dan perceraian. Cadangkan bersama-sama dengan keluarga anda apakah langkah-langkah praktikal untuk memperbaiki masyarakat.

AKTIVITI 12: MODEL KEIBUBAPAAN DR. SPOCK (1903-1998) DI AMERIKA SYARIKAT: SEBAHAGIAN PENGAJARAN “BUAT SEPERTI YANG SAYA KATAKAN, BUKAN SEPERTI YANG SAYA BUAT”

Duduk bersama dan bincangkan pengalaman peribadi berkaitan dengan keibubapaan berdasarkan kisah hidup Dr. Spock (Maier, Majalah *Newsweek*, 1998) yang diolah semula seperti di bawah:

Memahami status membesarkan anak-anak di Amerika Syarikat tidak akan lengkap sekiranya kita tidak mengambil kira pengaruh Dr. Benjamin Spock, ahli psikologi kanak-kanak yang terkemuka pada abad kedua puluh ini ke atas keibubapaan moden. Ibunya melimpahinya dengan kasih sayang, peraturan, dan harapan yang tinggi. Dia berpisah dengan isterinya yang ketagihan arak selepas berkahwin selama 51 tahun. Dr. Spock membuka klinik pediatrik dan mendapati bahawa kebanyakan masalah kanak-kanak adalah masalah tingkah laku berbanding dengan masalah kesihatan seperti tantrum, menghisap jari, tidak mahu makan, enggan tidur, dan tidak boleh dilatih ke tandas secara berjadual. Beliau mula meminati pendekatan Freud lalu beliau menjalani psikoanalisis sebanyak dua kali.

Beliau menasihati ibu bapa supaya tidak menggesa anak-anak tetapi menghargai mereka. “Percayakan diri sendiri. Kamu sebenarnya

mengetahui lebih daripada apa yang kamu fikirkan.” Beliau mengajarkan bahawa kasih sayang adalah perkara yang sangat diperlukan bayi daripada ibu dan bapa mereka. Beliau mendengarkan pesakitnya dengan sangat teliti tetapi tidak melakukan perkara yang sama kepada anak-anaknya. Ketika seorang ibu bertanya “Patutkah seorang anak kecil melihat ibu bapanya tidak berpakaian?” Dia menjawab “Itu adalah soalan yang sukar untuk dijawab dengan mudah.”

Keluarga Dr. Spock tidak berfungsi dengan baik. “Sukar untuk melakukan apa yang betul dengan anak-anak berbanding dengan menulis tentangnya.” Isterinya menjadi penagih arak, menderita gangguan mental dan kemudiannya dimasukkan ke hospital. Sebagai ayah, beliau sangat dingin sehingga kedua-dua anak lelakinya berasa sangat terbiar.

Beliau mengakui bahawa beliau sangat mengejar kerjaya dan ketika itulah keluarga ini mula saling berpelukan untuk menggantikan masa lampau yang hilang. Beliau turut mengakui, “Saya tidak pernah mencium anak-anak lelaki saya ketika mereka masih kecil.”

Beliau mengajar anak-anaknya supaya memanggil ibu bapa mereka dengan nama mereka – sesuatu yang radikal dan kelihatannya baik ketika itu. Si ayah merasakan bahawa pendidikan anak-anak harus menggambarkan falsafah beliau. Untuk menganggap mereka (ayah dan anak) adalah sama sebenarnya sesuatu yang tidak benar. Ia adalah isyarat kepada dunia, “Ini anak saya, yang memanggil saya dengan nama saya.” Ketika Dr. Spock bercakap dengan anak lelaki, keadaannya saling tidak tumpah seperti menghadapi ujian lisan. Suara tenang yang menjadi ciri-ciri bukunya tidak langsung menyamai nada kasar dan kutukan yang biasa

digunakan di rumah. Beliau tidak sedar pun akan kesan tajam bahasa yang digunakan oleh beliau sebagai seorang bapa.

Beliau menekankan supaya anak-anaknya tidak memalukan diri sendiri atau mengaibkan nama keluarga di mata umum. Penerimaan dan penolakan umum adalah sangat penting kepada beliau sebagai seorang bapa. Beliau juga sangat mengambil kira pandangan orang asing dan pihak surat khabar. Anak-anaknya perlu memakai pakaian yang bersih dan sentiasa diingatkan supaya berkelakuan sopan dan ramah. Sekiranya John kurang senyum atau kelihatan murung, Dr. Spock akan cepat menegurnya. Beliau akan berkata “Jangan terlalu bersungut, cubalah kelihatan lebih menyenangkan di hadapan orang lain”.

Dr. Spock kelihatan seperti menafikan masalahnya sendiri di rumah. Kedua-dua anaknya belajar untuk menjauhkan diri antara sama lain. Apa juga konflik yang dialami oleh Mike dan John bersama bapa mereka tetap kekal sebagai kebebasan peribadi mereka. Mereka boleh berlagak mesra bersama bapa mereka ketika diminta bergambar bersama di hadapan wartawan dan jurugambar majalah dan televisyen, dan memberikan maklum balas yang samar-samar dan ringkas ketika ditanya tentang tingkah laku bapa mereka di rumah.

Dr. Spock tidak menyatakan kasih sayang dan emosi yang betul kepada kedua-dua anaknya sehingga mereka mengakui secara terbuka: “Kami tidak pernah mencium bapa kami.” Dr. Spock hanyalah satu simbol seorang manusia yang memegang kuasa seorang bapa. Dia seorang bapa yang dingin dan tegas yang mengabaikan keperluan emosi anak-anaknya.

Dr. Spock menyalahkan cara beliau dibesarkan. “Saya tidak pernah melihat kasih sayang ditunjukkan secara fizikal (kasih sayang seorang bapa kepada anak). Bapa saya mengasih saya, dan dia ada membuat perkara-perkara yang baik. Tetapi tentang kasih sayang fizikal, seingat saya bapa tidak pernah mencium kami adik-beradik.”

Pengajaran: Jangan hanya mengikut teori pakar secara melulu. Ilmu seperti ini berkembang dan berubah. Selagi kita melengkapkan daptatan manusia dengan panduan wahyu, kita tidak akan tersasar yang menyebabkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan.

AKTIVITI 13 : DISKUSI TENTANG KEJUTAN BUDAYA

Ibu bapa membincangkan pengalaman peribadi mereka tentang kejutan budaya bersama anak-anak. Ajaklah anak-anak untuk menerangkan lawatan peribadi masing-masing ke negara lain atau perbezaan budaya yang didapati daripada rakan sekelas mereka yang datang dari bangsa, agama, dan etnik yang berbeza.

Sekiranya anak-anak tidak pernah melawat sanak-saudara di luar negara, kami sangat menggalakkan ibu bapa merancang percutian keluarga, sekiranya keadaan kewangan mengizinkan untuk berjumpa saudara-mara mereka sekerap yang mungkin.

AKTIVITI 14 : MENTALITI PEMIMPIN SEBENAR

Bincangkan dengan keluarga petikan-petikan berikut:

“Saya mendapati bahawa pemimpin yang berkesan jarang sekali wira yang datang daripada perkhidmatan awam. Mereka ini lelaki dan wanita yang bukan merupakan juara yang berprofil

tinggi. Mereka bergerak dengan sabar, berhati-hati, dan beransur-ansur. Mereka melakukan apa yang betul." (Badaracco 20012)

"Pemimpin mungkin mahu membangunkan mentaliti kelompok dalam kalangan pengikut mereka, tetapi mereka tidak patut mengalah kepada pemikiran sebegini." (Steven B. Sample dalam *The Contrarian's Guide to Leadership*)

Kesimpulan: Melakukan perkara yang betul itulah yang penting, bukan apa yang popular dan mengikut arus! Bincangkan siapa yang boleh menentukan apa yang betul dan bagaimana melakukannya. Adakah kamu, saya, dia atau Tuhan Pencipta yang berkuasa?!

AKTIVITI 15 : BERKONGSI SEJARAH KELUARGA

Duduk bersama anak-anak dan kongsikan apa yang anda tahu tentang susur galur keluarga mereka.

Kebanyakan keluarga hari ini tidak berkongsi tentang sejarah keluarga bersama anak-anak. Anak-anak perlu tahu tentang kehidupan, pencapaian, kegagalan, pekerjaan, pengalaman, aktiviti, dan kekuatan daripada nenek-moyang mereka. Nina Abdullah, pakar keibubapaan mengajar klien beliau untuk melukis pohon keluarga dan genogram. Genogram adalah gambar rajah yang menunjukkan perkahwinan, perceraian, penyakit dan hubungan antara ahli keluarga seperti bapa saudara, ibu saudara, sepupu dan datuk serta nenek daripada kedua belah keluarga ibu dan ayah. Nabi Muhammad ﷺ menggalakkan tradisi puak Arab berkongsi cerita tentang nenek-moyang dan menghafal serta mengingati keturunan sejauh mungkin (Campo 2009). Sebahagian daripada orang Somalia mengenali generasi mereka sehingga 20 keturunan dan sering bertemu dalam suatu perkumpulan puak yang besar untuk berkongsi apa yang mereka tahu tentang nenek moyang mereka.

BAB 3

Keibubapaan yang Baik: Menetapkan Matlamat yang Betul

- Pengenalan **80**
- Menetapkan Matlamat yang Betul: **80**
- Melihat Matlamat dengan Lebih Dekat **82**
 - *Matlamat Berdasarkan al-Quran: Doa Orang Beriman*
 - *Matlamat Berdasarkan Hadis Nabi ﷺ.*
- Kopi dan Keutamaan Keluarga **86**
- Kesimpulan **86**
- Aktiviti 16-20 **88**

Kita berhasrat untuk melahirkan anak-anak yang baik dan kuat

Yang akan membina keluarga yang baik dan kuat

Yang akan membentuk negara yang baik dan kuat

Yang akan mewujudkan dunia yang aman

Pengenalan

Ibu bapa perlu mengamalkan keibubapaan yang bijak. Walaupun kebanyakan ibu bapa mampu merancang karier dan percutian tahunan dengan sempurna, namun mereka gagal untuk duduk berbincang dan merancang pelan bersama untuk keluarga mereka sebagai satu unit. Mereka malahan tidak akan bersetuju tentang apa jua hasrat sebenar, tujuan, aspirasi dan strategi untuk keluarga mereka. Tanpa matlamat dan tujuan, pencapaian kita pasti akan kurang memuaskan. Kita bergerak dari tempat kerja ke rumah, ke kedai, ke sekolah, ke tempat percutian dan dari satu krisis ke satu krisis yang lain dengan harapan semuanya akan menjadi baik-baik sahaja. Semua ini seperti memperjudikan masa hadapan anak-anak kita dengan membenarkan masa-masa yang berharga berlalu dan dibazirkan. Sebagai ibu bapa, kita memerlukan matlamat jangka panjang dan strategi untuk merealisasikan perkara ini.



Menetapkan Matlamat yang Betul: Langkah Pertama dalam Melaksanakan Tugas Keibubapaan yang Baik

Pendekatan yang betul untuk menjadi ibu bapa adalah menganggap individu dan masyarakat sebagai satu sistem yang bersepada. Kita tidak boleh membina masyarakat yang kukuh tanpa adanya individu-individu yang kuat dan berakhhlak mulia. Individu-individu tersebut tidak dihasilkan daripada suatu kelompongan kerana mereka memerlukan persekitaran sosial yang kukuh dan saling bekerjasama. Objektif menjadi ibu bapa adalah untuk melahirkan khalifah Tuhan yang gagah dan boleh dipercayai, warganegara yang bertamadun yang misi hidupnya adalah untuk

membangun dan mereformasi dunia seluruhnya. Tanpa mesej ini, kewujudan manusia tiada tujuannya dan sia-sia. Kepentingan individu perlu merangkumi kehidupan di dunia dan akhirat, material dan juga spiritual, serta kepentingan peribadi dan masyarakat. Perkara-perkara sebegini perlu menjadi tema utama dan pandangan sarwajagat ibu bapa dalam membesarakan anak-anak mereka.



Carta Matlamat Keibubapaan Yang Baik: Matlamat, Nilai, Cara

Impian Pertama: Keluarga Bahagia	Impian Kedua Membesarkan Pemimpin Orang yang Bertakwa			
	Kekuatan Fizikal/ Kesihatan & Kecergasan	Atribut Personaliti dan Watak	Ilmu, Kebijaksanaan & Keimanan	Kemahiran
<ul style="list-style-type: none"> ● Komunikasi ● Pujian/ Kritikan Sikap ● Perasaan ● Ketenangan/ Kemarahan ● Sentuhan, Ciuman, Pelukan ● Kegembiraan, Jenaka, ● Persefahaman ● Masa Bersama Keluarga ● Alternatif Kepada TV ● Pertemuan Keluarga ● Makan Bersama Keluarga Pengurusan Stres ● Permainan, Sukan ● Hubungan Aktif dengan Anak-anak 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pemilihan Suami atau Isteri ● Perkembangan Anak ● Penyusuan Ibu ● Keajaiban Otak ● Kesihatan ● Nutrisi ● Senaman ● Tidur ● Seks Sihat ● Menjauhi Arak 	<ul style="list-style-type: none"> ● Keberanian ● Kasih sayang ● Kejujuran ● Kebebasan ● Tanggungjawab ● Kemandirian ● Kreativiti ● Harga diri ● Kepercayaan ● Hormat ● Kesabaran ● Kesederhanaan & Merendah Diri 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pendidikan / Persekolahan ● Kerja Rumah ● Pengukuhan, Galakan dan Pemberdayaan Kanak-kanak ● Disiplin lwn. Hukuman ● Keimanan ● Identiti ● Keluarga Besar 	<ul style="list-style-type: none"> ● Membaca ● Menulis ● Kemahiran Komputer ● Kemahiran Memandu ● Kerja Rumah Harian ● Wang dan Pengurusan Masa ● Memberi ● Doa ● Membuat Keputusan

jadikanlah kami pemimpin orang-orang bertaqwa.

(Surah al-Furqan, ayat 74)

Manusia adalah seperti tembaga yang mempunyai ciri-ciri tersendiri; yang terbaik dalam kalangan mereka pada zaman jahiliyah adalah yang terbaik apabila mereka telah masuk Islam, jika mereka memahami dan berfikir.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Mari kita mulakan dengan memfokus kepada Carta Matlamat Keibubapaan yang Baik. Carta ini meringkaskan matlamat-matlamat yang sepatutnya kita cuba tetapkan untuk anak-anak kita. Melalui carta ini juga, kita boleh menggariskan peta panduan bagaimana mencapai matlamat tersebut dengan memupuk prinsip dan nilai yang baik dari zaman kanak-kanak sehingga dewasa.

Keseluruhan matlamat ini adalah bersumberkan a) aspirasi yang mendalam oleh ibu bapa diringkaskan dengan baik dalam ayat al-Quran pada Surah al-Furqan, ayat 74, dan b) hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah ﷺ:

Orang-orang yang berdoa, 'Ya Tuhan, anugerahkanlah kami pasangan dan keturunan yang menjadi penyelamat hati kami dan

Ibu bapa perlu kembali merujuk carta ini secara berterusan untuk membiasakan diri mereka dengan matlamat dan nilai yang telah ditetapkan. Mereka juga perlu mengkaji, merekod dan membuat perbandingan serta memantau perubahan dan perkembangan terhadap matlamat-matlamat tersebut. Ini akan memastikan ibu bapa tidak mudah berasa selesa atau membenarkan kerja-kerja harian mengambil alih keutamaan tugas keibubapaan.

Melihat Matlamat dengan Lebih Dekat

1. MATLAMAT BERDASARKAN AL-QURAN: DOA ORANG BERIMAN

DOA yang dipanjatkan oleh orang-orang beriman adalah supaya Tuhan Yang Maha Agung mengurniakan mereka suami atau isteri dan anak-anak yang menjadi qurrata a'yun (penyejuk mata). Kalimat ini diulang sebanyak enam kali dalam al-Quran dan maksud literalnya adalah: "penyejuk mata, penawar hati dan mata yang gembira oleh rahmat dan kebahagian." Pada dasarnya, impian pertama adalah untuk mempunyai kehidupan berkeluarga yang bahagia.

Perkara ini tidak hanya merujuk kepada keluarga nukleus sahaja tetapi keluarga besar yang terdiri daripada pasangan, anak, datuk dan nenek, bapa saudara, emak saudara dan sepupu. Sebahagian syarat-syarat yang perlu untuk sebuah rumah tangga yang bahagia termasuklah komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak; menunjukkan kasih dan sayang dan menggunakan pujian dan kritikan membina yang bersesuaian. Syarat-syarat tambahan untuk keluarga yang bahagia termasuklah membina sikap yang positif, menangani perasaan dengan sensitif dan bertimbang rasa; memberi senyuman, ciuman, pelukan, sentuhan dan bersalaman dengan anak-anak; menikmati waktu makan dan melakukan



kerja-kerja rumah bersama-sama; berjenaka serta mengalu-alukan antara satu sama lain.

Permintaan kedua orang beriman kepada Tuhan Yang Maha Agung adalah supaya suami atau isteri dan keturunan mereka menjadi "imam kepada orang-orang yang bertaqwa". Perkataan 'imam' dan kata jamak 'a'imma' diulang sebanyak sepuluh kali dalam al-Quran. Pelbagai komentar menerangkan kalimat 'jadikan kami imam kepada orang-orang yang bertaqwa' seperti berikut: jadikan kami contoh teladan kepada orang lain, ikutan kepada orang lain, penyeru kepada kebaikan, pemimpin kepada manusia, orang yang paling dekat dengan Tuhannya antara mereka yang mempunyai kesedaran ketuhanan, menjadi acuan dan model kepada orang yang lain, dan sebagai objek peniruan oleh pengikut-pengikut kami. Maka, objektif kedua sebuah keluarga difokuskan kepada melahirkan pemimpin yang soleh dan berkesan serta pembimbing kepada seluruh kehidupan manusia.

Dalam hal ini, kami ingin menegaskan bahawa apabila merujuk kepada kepimpinan, kita tidak memaksudkan kepimpinan yang kemaruk mengejar kuasa tetapi membina manusia yang kuat, mempunyai moral yang benar, tinggi wibawa, beretika dan lain-lain kualiti karakter yang diperlukan kepimpinan yang baik. Tambahan pula, perkataan "ketua" boleh memberi konotasi negatif dalam erti kata bahawa tidak sihat untuk bersaing bagi mendapat satu jawatan ini. Fakta bahawa hanya ada satu "pemimpin" formal boleh menyebabkan persaingan yang tidak perlu dan membantutkan cita-cita. Jika semua orang mahu akan jawatan ini, siapa pula yang akan menjadi pekerja atau pengikut? Tujuan kita adalah untuk menginspirasikan anak-anak kita supaya mempunyai semua kualiti kepimpinan yang berprinsip. Mana-mana ahli masyarakat yang mengambil bahagian dan memperbaiki status quo adalah ketua yang sejati; dan inilah caranya bagaimana kemajuan sebenar dapat dicapai.



Di manakah para pemimpin? Andalah pemimpin-pemimpin itu.

- Kitalah pemimpin yang ditunggu-tunggu
- Kepimpinan bukan untuk menjadi seseorang itu penting. Ia adalah memberi khidmat kepada sesuatu yang penting
- Ia bukan sama ada anda memegang jawatan, tetapi bagaimana bagusnya anda menerajunya.
- Kepimpinan adalah membuat perkara yang betul apabila hanya Allah memerhati
- Setiap orang adalah pemimpin kepada seseorang, sama ada dia sebagai pekerja, pasangan, anak, atau diri sendiri: Anda adalah pemimpin!

Sekali lagi ditegaskan bahawa kualiti kepimpinan bukanlah bermaksud cita-cita untuk memburu kuasa, prestij, kedudukan atau wang. Bukan juga secara tersiratnya suatu pelajaran tentang dominasi dan kawalan. Ini sesuatu yang berbeza. Apa yang dicadangkan adalah anak-anak dibesarkan dengan sifat pemurah, rendah hati dan mempunyai tujuan yang lebih luas, mampu untuk melihat diri mereka sebagai orang yang aktif dan bernilai di sisi masyarakat. Orang yang boleh hidup dengan mudah di dunia yang sarat dengan pelbagai pandangan dan orang yang ada kelebihan yang

sangat hebat yang cukup yakin untuk menetapkan matlamat yang tinggi untuk diri mereka, serta tidak terhalang oleh harapan diri yang rendah. Anak-anak yang takut terhadap penolakan masyarakat kepada kepercayaan atau bangsa mereka bukanlah anak-anak yang mampu untuk memberi khidmat kepada masyarakat. Mengambil kira sifat semula jadi masyarakat yang kita hidup di dalamnya kini, kualiti-kualiti ini patut diberi keutamaan. Sekiranya kita tidak mengajar anak kita menjadi orang yang yakin dan boleh memimpin dengan betul, maka mereka akan diperdayakan dengan mudah.

AL-QURAN TIDAK MENGGUNAKAN PERKATAAN PEMIMPIN (QA'ID) TETAPI ISTILAHINI DIDEFINISIKAN OLEH TERMINOLOGI BERIKUT:

- Pengembala, paderi, penjaga - **Ra'i**
- Pelatih dan pendidik - **Murabbi**
- Orang yang utama, Teladan - **Imam**
- Pendisiplin, Pembina peribadi - **Mu'addib**
- Guru - **Mu'allim**
- Mentor, Pembimbing - **Murshid**
- Jurulatih - **Mudarrib**

Seorang pemimpin membimbing orang lain dan kerja-kerja mereka untuk mencapai matlamat tertentu. Manakala Murabbi (jurulatih-pendidik) menyediakan dan menentukan individu-individu yang layak untuk mencapai matlamat tersebut. Nabi Muhammad ﷺ sebagai



contoh, memilih 'Amru ibn al-'As dan Ubaydah ibn al-Jarrah untuk mengetuai bala tentera kaum Muslimin. Manakala baginda telah menghantar Mus'ab ibn Umair ke Madinah dan Muadh ibn Jabal ke Yaman sebagai 'pengembala, jurulatih dan pendidik, serta mentor untuk membesarkan

dan mendidik individu-individu yang bertaqwa dan berilmu.

Bukanlah suatu kebetulan apabila banyak daripada kalangan Nabi adalah pengembala kambing, termasuklah Shu'ayb, Musa, Isa dan Muhammad ﷺ, kesejahteraan ke atas mereka semuanya. Pekerjaan sebagai pengembala tersebut membayangkan kebaikan, ambil

peduli dan belas kasihan kepada pengikut-pengikutnya. Ia juga menunjukkan kerendahan hati. Ini semua adalah kualiti asas dan utama dalam membesarakan anak. Betapa indahnya perumpamaan yang melihat ibu bapa sebagai pengembala yang menjaga kambing-kambing mereka. Oleh itu, seorang pemimpin adalah pengembala, mentor, jurulatih dan guru.

Pemimpin atau Pengembala?

Perkataan ‘pemimpin’ (qa'id) telah digunakan dalam pelbagai budaya, tetapi ia tidak digunakan dalam al-Qur'an dan Hadith. Sebaliknya perkataan ‘pengembala’ digunakan dalam hadith berikut:

Setiap daripada kamu adalah pengembala dan bertanggungjawab kepada haiwan peliharaannya. Pemimpin (Imam) adalah pengembala kepada subjeknya dan bertanggungjawab terhadap apa yang dipertanggungjawabkan padanya. Seorang lelaki adalah pengembala kepada keluarganya dan bertanggungjawab terhadap mereka. Seorang wanita adalah pengembala kepada rumah suaminya dan bertanggungjawab terhadapnya. Seorang pembantu adalah pengembala terhadap harta tuannya dan dia bertanggungjawab terhadap harta tersebut. Seorang lelaki adalah pengembala terhadap harta bapanya dan dia bertanggungjawab terhadap harta tersebut. Kamu semua adalah pengembala dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah tanggungjawab masing-masing.”

(Al-Bukhari)

2. MATLAMAT BERDASARKAN HADIS NABI ﷺ.

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Manusia adalah seperti tembaga [atau logam yang mempunyai ciri-ciri tersendiri]; golongan terbaik dalam zaman [pra-Islam] jahiliyah adalah yang terbaik apabila mereka masuk Islam, jika mereka memahaminya

(al-Bukhari dan Muslim)

Banyak perkara boleh dipelajari daripada hadis ini. Antara pengajarannya adalah pembinaan karakter mesti berlaku sejak kecil. Perkara ini benar untuk semua manusia, sama ada Muslim atau bukan Muslim (sebagaimana yang dibayangkan oleh hadis. Keberanian, kreativiti, kejujuran, kasih sayang dan kebolehpercayaan wujud dalam jiwa mereka sebelum menganut agama Islam. Orang yang terbaik adalah mereka yang mempunyai karakter-karater ini. Nabi ﷺ memberitahu kita

bahawa ‘karakter tertinggi’ orang Arab jahiliah boleh menjadi karakter Muslim yang berperibadi tinggi, jika mereka memahami Islam.

Orang Musyrik terbaik – mengerti dan memahami Islam – Muslim terbaik!

Sebahagian orang Islam merasakan bahawa keberanian, kejujuran dan kebolehpercayaan seorang Muslim yang hebat (seperti 'Umar ibn al-Khattab dan Khalid ibn al-Walid) datang selepas mereka memeluk Islam. Kebenarannya adalah mereka ini berani, jujur dan boleh dipercayai sebelum masuk Islam. Islam melengkapkan karakter baik mereka yang sedia ada itu dengan hikmah.

Hadis ini memfokuskan ciri-ciri karakter. Terdapat beberapa syarat penting yang perlu ada pada orang beriman seperti kebugaran tubuh badan dan kesihatan yang baik (khususnya semasa hamil dan menyusu). Arak, dadah, amalan merokok dan seks luar nikah adalah kejahanatan

yang mendarangkan bahaya kepada ibu hamil dan juga anak di dalam kandungan. Ibu hamil sepatutnya mengelakkan diri daripada mengambil ubat-ubatan kecuali yang dinasihati oleh doktor. Mereka memerlukan nutrisi yang baik dan tidur yang cukup. Penjagaan dan perlindungan tambahan supaya bebas dari jangkitan bakteria dan virus patut diambil.

Kita mahu membangunkan keberanian, kejujuran, kreativiti, kebolehpercayaan, rasa cinta dan tanggungjawab. Kesemua sifat ini mempunyai batasan waktu tertentu untuk berkembang. Oleh itu, lima tahun pertama adalah sangat penting. Selain itu, ibu bapa perlu mengajar anak-anak supaya dapat menguasai kemahiran membaca, menulis, memandu, berenang dan menggunakan komputer. Mereka perlu mendidik anak-anak tentang sifat sabar, hormat dan membuat keputusan. Lebih awal mereka menguasai kemahiran-kemahiran ini, lebih banyak manfaat yang akan terima dan lebih banyak pintu peluang yang terbuka untuk anak-anak ini.

Nabi Muhammad ﷺ digambarkan oleh para sahabat dan musuh-musuh baginda sebagai seorang yang jujur dan boleh dipercayai. Ini adalah karakter baginda yang penting sebelum menerima wahyu. Al-Qur'an menekankan tema yang sama seperti yang disebut sebelum ini (karakter yang baik) apabila menceritakan tentang Nabi-nabi seperti Nabi Nuh, Nabi Yunus, Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Musa, Thalut, Nabi Isa, Nabi Yusuf, Nabi Ayyub dan Nabi Ya'kub (salam sejahtera untuk mereka semuanya). Musa digambarkan sebagai orang "kuat dan boleh dipercayai." Nabi Yusuf menghuraikan dirinya sebagai "berkelayakan, profesional dan boleh dipercayai." Kesemua gambaran ini mengandungi kelayakan-kelayakan untuk kepimpinan: Kekuatan (tubuh badan dan karakter), profesional (ilmu pengetahuan dan kemahiran) dan kebolehpercayaan. Kesimpulannya, kesemua 25 orang nabi yang disebut di dalam al-Qur'an digambarkan sebagai jujur, bijak, berilmu, belas

kasihan, penyayang, kuat, boleh dipercayai, sabar dan memenuhi janji. Kita memerlukan sifat-sifat utama ini dalam keibubapaan untuk membesar dan membangunkan anak-anak kita. Perhatikan ayat-ayat al-Qur'an yang berikut:

Ceritakan, Muhammad, kisah Ismail dalam Al-Qur'an. Dia benar-benar seorang yang benar janjinya, seorang rasul dan nabi.

(Surah Maryam: ayat 54)

Yusuf berkata, "Jadikan aku bendahara negeri Mesir kerana aku orang yang amanah dan berpengetahuan."

(Surah Yusuf: ayat 55)

Dan tatkala sampai umur dewasanya dan dia telah sempurna, Kami beri dia hikmah dan ilmu. Dan demikianlah Kami memberi balasan orang-orang yang berbuat ihsan.

(Surah al-Qasas: ayat 14)

Salah seorang daripada dua perempuan itu berkata, "Hai Ayahku! Jadikan dia pekerja kita. Sesungguhnya orang yang paling baik untuk dijadikan pekerja adalah orang kuat dan dapat dipercayai.

(Surah al-Qasas: ayat 26)

Nabi mereka menjawab, "Allah telah memilihnya menjadi rajamu dan memberinya kelebihan ilmu dan fizik. Allah memberikan kerajaan-Nya kepada orang yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas, Maha Mengetahui."

(Surah al-Baqarah: ayat 247)

Sungguh, telah datang kepadamu seorang rasul daripada kaummu sendiri. Dia merasakan beratnya penderitaanmu dan sangat menginginkan keimanan dan keselamatan untukmu. Dia juga penyantun dan penyayang terhadap orang-orang beriman.

(Surah at-Taubah: ayat 128)

Kopi dan Keutamaan dalam Keluarga

Seorang ayah mengambil sebuah balang kosong yang besar dan memenuhkannya dengan bola golf. Dia bertanya kepada anak-anaknya adakah balang tersebut sudah penuh. Mereka mengiyakkannya. Dia kemudian mengambil sekotak batu-batu kerikil dan memasukkannya ke dalam balang sambil menggoncangkannya perlahan-lahan. Batu-batu kerikil tersebut memenuhi ruang-ruang kosong di antara bola-bola golf itu. Selepas itu si ayah mengambil sekotak pasir dan menuangnya ke dalam balang. Pasir memenuhi ruang-ruang yang masih ada. Dia bertanya sekiranya balang tersebut sudah penuh. Anak-anak menjawab, "Ya". Ayah tersebut kemudian membuat dua cawan kopi dan menuangkannya ke dalam balang, memenuhi ruang-ruang kosong di antara pasir. Anak-anak ketawa melihatnya.

"Sekarang" ujar sang ayah, "Ayah mahu kamu semua bayangkan yang balang ini mewakili hidup kamu. Bola-bola golf adalah perkara-perkara yang penting – ibadah, pasangan hidupmu dan anak-anakmu, kesihatanmu, kawan-kawanmu dan minat kamu – perkara-perkara yang jika perkara lain hilang dan hanya ini yang tinggal, hidup kamu masih lagi bererti. Batu kerikil adalah perkara-perkara yang juga penting kepada kamu seperti pekerjaan, rumah dan kereta. Pasir pula adalah perkara-perkara lain seperti keseronokan dan benda-benda kecil.

"Sekiranya kamu meletakkan pasir dahulu ke dalam balang ini, tidak akan ada lagi ruang untuk batu kerikil atau bola golf. Begitu juga dengan hidupmu. Sekiranya kamu menghabiskan semua masa dan tenagamu untuk perkara-perkara kecil, kamu tidak akan pernah mempunyai ruang untuk perkara-perkara penting. Beri perhatian kepada perkara-perkara yang kritikal demi kejayaanmu pada Hari Akhirat dan kebahagiaanmu di dunia ini. Solatlah lebih banyak, berikan lebih banyak



sedekah. Habiskan masa dan bermain bersama anak-anakmu. Jaga kesihatan. Pergilah makan malam bersama pasanganmu. Ambil masa untuk belajar. Akan ada masa untuk membersihkan rumah dan menyelesaikan sinki yang penuh di dapur.

"Jaga bola-bola golf ini dahulu, perkara-perkara yang benar-benar penting. Tetapkan keutamaanmu. Perkara lain hanyalah pasir."

Seorang anak bertanya apakah yang diwakili oleh kopi. Ayah tersenyum, "Ayah gembira kamu bertanya. Ia hanya menunjukkan bagaimana penuh pun hidupmu, masih ada ruang untuk secawan dua kopi untuk dinikmati bersama kawan-kawanmu."

Kesimpulan

Tetapkan Matamu Pada Hadiah Itu

Walaupun bab ini membincangkan isu tentang matlamat dan objektif secara terperinci, namun apabila semuanya telah diperkatakan dan dilakukan, menetapkan matlamat hanyalah salah satu cara untuk sampai ke penghujungnya. Hasil akhir iaitu membesarluan anak-anak yang bertaqwa harus sentiasa dipasangkan ke dalam minda. Ia mendatangkan kesan langsung kepada cara kita mengendalikan anak-anak dan bagaimana kita membangunkan kualiti yang

diperlukan ke dalam diri mereka supaya mereka dapat berperanan seperti yang kita impikan apabila mereka dewasa nanti.

Bagi mencapai matlamat yang kita tetapkan untuk anak, kita perlu melihat karakter dan tingkah laku kita sendiri. Kita perlu untuk:

- 1) Laksanakan perseimbangan yang wajar bagi disiplin, galakan dan pemberdayaan.
- 2) Amalkan apa yang kita ucapkan sebanyak mungkin dan jadikan pandangan sarwajagat kita sebagai konsep yang holistik dalam kehidupan kita bersama identiti yang tersendiri dan rasa kepunyaan. Akui kesilapan kita dan mohon maaf tanpa membuat alasan.
- 3) Lengkapkan perkara-perkara di atas dengan iman dan doa. Tuhan Yang Maha Berkuasa merespon orang yang ikhlas dan membantu mereka mengikut cara-Nya dan pada masa yang telah ditentukan-Nya.

Kitab Injil ada menyatakan:

Latih anak menggunakan cara yang sepatutnya dia lalui dan apabila dia dewasa, dia tidak akan terpisah daripadanya.

(Proverbs 22:6)

Masa hadapan dunia ini dan keselamatannya banyak bergantung kepada generasi akan datang. Keibubapaan memainkan peranan yang sangat penting dalam mereformasi dan menjana semula masyarakat. Impak keibubapaan tidak harus dipandang rendah. Kemanusiaan itu sendiri

berhadapan dengan bahaya dan cabaran yang besar. Kita perlu serius dengan tugas kita untuk memperoleh kemahiran keibubapaan yang baik dan meletakkannya sebagai amalan seharian. Anak-anak kita akan menjadi ibu bapa pada masa hadapan yang akan mengajar nilai-nilai yang sama kepada anak-anak mereka. Jadi, mulakan rantaian yang hanya boleh membawa keamanan, keadilan dan kestabilan kepada dunia ini. Hidup tidak diukur dengan berapa banyaknya nafas yang kita ambil tetapi melalui momen-momen membahagiakan yang tidak mampu kita lupakan.



Aktiviti

AKTIVITI 16 : PERBINCANGAN TENTANG PERSEKITARAN RUMAH TANGGA

Minta setiap ahli keluarga untuk menjawab soalan-soalan berikut:

- Adakah kamu merasa gembira apabila memasuki rumah?
- Adakah kamu merasa gembira apabila meninggalkan rumah?
- Apakah yang boleh kamu lakukan untuk membuatkan suasana di rumah lebih menggembirakan?

Kenal pasti satu perkara spesifik yang anda perlukan daripada setiap ahli untuk mempertingkatkan kegembiraan di dalam rumah.

AKTIVITI 17 : IBU AYAH: AJARI ANAK-ANAKMU

Kajisemula perkara-perkara di bawah dan bincangkan bagaimana untuk mengajar setiap satunya kepada anak-anak anda. Tumpukan perhatian kepada isu-isu yang kurang di dalam latihan untuk anak-anak:

- Bagaimana menanam pokok bunga yang digemari (anak-anak suka bermain dengan tanah, menggali dan menyiram bunga dengan paip air)
- Tidak membuang sampah merata-rata
- Bagaimana untuk menghubungi anda di pejabat
- Bagaimana mendail 999; bila dan mengapa
- Memulangkan apa yang mereka pinjam
- Memberi penghargaan kepada orang lain
- Tidak menyakiti orang lain
- Tidak takut kepada haiwan tetapi menghormati dan menghargai haiwan
- Membuatkan mereka terikat dengan perkataan mereka sendiri
- Membersihkan kotoran yang dibuat sendiri oleh mereka
- Berkongsi dan mengambil berat. Kegembiraan

yang dikongsi adalah kegembiraan berganda dan kesedihan yang dikongsi hanyalah sebahagian daripada kesedihan yang ada

- Menghormati pihak berkuasa tetapi tidak gerun terhadap mereka
- Berkawan dengan anak-anak daripada bangsa lain yang mempunyai warna kulit yang berbeza, walaupun mereka tidak bercakap dalam bahasa yang sama
- Tidak takut untuk mencuba perkara baru dalam batasan yang selamat
- Bagaimana berkelakuan sekiranya kalah
- Bagaimana untuk menang
- Walaupun mereka bukanlah yang terbaik dalam sesuatu perkara, mereka masih boleh menikmati perkara tersebut
- Apabila mereka berhadapan dengan masalah yang serius, bagaimana untuk melakukan yang terbaik dan memohon pertolongan Tuhan
- Menunggu harga lebih rendah sebelum membeli apa-apa barang
- Bagaimana mencuci dan melipat pakaian
- Bagaimana menghormati buku
- Bagaimana untuk menepati waktu dan selalu memberitahu sekiranya mereka akan lewat
- Memberi barang mewah kepada orang lain
- Bagaimana untuk kelihatan kemas dan manis dalam penampilan.

Ibu bapa.

- Usah beritahu anak anda, "jangan menangis"; tanyakan mengapa dia menangis
- Usah belikan semua yang anak mahukan, walaupun anda mampu
- Usah mengkritik kesilapan anak anda tetapi bincangkan tentang kurangnya usaha
- Percaya kepada anak
- Usah mengkritik pasangan di hadapan anak
- Jangan letakkan televisyen atau komputer di dalam bilik anak
- Jangan jadikan televisyen sebagai pengasuh anak

AKTIVITI 18: SEBAHAGIAN PERUMPAMAAN YANG SALAH DALAM BUDAYA KITA

Ibu bapa perlu menjelaskan dan menyangkal sebahagian perumpamaan umum dalam budaya kita. Perumpamaan-perumpamaan ini cenderung untuk menekankan tema asyik dengan diri sendiri, kurang timbang rasa dan hipokrasi.

Sekiranya anda bukan serigala, anda akan dimakan oleh serigala (Ini menggalakkan dominasi dan tingkah laku agesif)

Tangan yang tidak boleh digigit sepatutnya dicium (menunjukkan hipokrasi)

Apa aku kisah! (asyik dengan diri sendiri, mementingkan diri)

Sekiranya saya mati kerana dahaga, biarlah tidak ada hujan pun yang turun (kurang timbang rasa)

Awasi kejahatan orang-orang yang kamu tolong (sikap negatif)

AKTIVITI 19: PANDANGAN SARWAJAGAT BERDASARKAN PERSAHABATAN SEJATI

Jelaskan hadis berikut, kemudian ceritakan kisah-kisah tentang persahabatan anda yang tidak betul, tidak ikhlas dan bukan kerana Tuhan semata-mata.

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Terdapat sekumpulan hamba Allah yang akan dicemburui oleh nabi-nabi dan para syuhada'. Mereka berkata, "Wahai Pesuruh Allah, siapakah orang-orang ini?" Baginda menjawab, "Mereka adalah orang-orang yang mencintai satu sama lain hanya kerana Allah, bukan kerana kekayaan atau hubungan kekeluargaan. Wajah mereka dipenuhi dengan cahaya dan mereka berada di atas cahaya; mereka tidak takut ketika orang lain ketakutan dan mereka tidak bersedih ketika orang lain bersedih." Kemudian Rasulullah ﷺ membacakan ayat "Mereka itulah orang-orang yang dekat dengan Tuhan mereka. Mereka tidak takut dan tidak pula mereka bersedih hati."

(Abu Daud)

AKTIVITI 20: PERBINCANGAN YANG TENANG ANTARA AHLI KELUARGA: SECARA TETAP!

Adakan pertemuan keluarga sebulan sekali untuk membincangkan situasi politik, sosial dan ekonomi bagi setiap orang dalam keluarga

Pastikan tiada tekanan atau tekanan melampau daripada perbincangan yang mungkin panas ini.



BAB 4

Matlamat Paling Penting: Mengasuh Anak-anak yang Mencintai Tuhan

- Pengenalan **92**
- Pendekatan Sekarang untuk Memupuk Keimanan Anak-anak **93**
- Budaya Mementingkan Diri: Kurangnya Penyertaan dalam Hal Ehwal Awam **94**
- Kurangnya Tanggungjawab Diri **97**
- Budaya Menyimpang: Kemunduran dan Cerita Tahiyl **99**
- Jalan Seimbang: Pendekatan Bijak **100**
- Didik Anak Mencintai al-Qur'an **102**
- Didik Anak Bersolat: Ingatan Berterusan kepada Tuhan **105**
- Didik Anak Tentang Taubat **105**
- Didik Anak Mengenal Nabi Muhammad ﷺ dan Nabi-Nabi Lain **105**
- Didik Anak Tentang Adab **107**
- Apakah yang Wajar Diberitahu kepada Anak Lebih Dahulu: Mereka Mencintai Allah ﷺ atau Allah ﷺ Mencintai Mereka? **107**
- Aktiviti 21-25 **109**



Pengenalan

DALAM BAB YANG LEPAS kita telah mengkaji sebahagian matlamat dan nilai utama yang perlu dimiliki oleh ibu bapa untuk membesarkan anak. Walau bagaimanapun, terdapat satu matlamat khusus yang merangkumi keseluruhan objektif membesarkan anak yang memerlukan penekanan utama, iaitu kepercayaan kepada Tuhan. Membesarkan anak yang tahu tentang Tuhan berbeza dengan membesarkan anak yang cintakan Tuhan dan sedar akan kewujudannya. Kesedaran bertuhan adalah sebuah asas yang dapat menumbuhkan semua nilai yang lain dengan subur dan mekar. Dan dari situlah, kejayaan sebenarnya akan tercapai.

Masa kita bersama anak-anak sememangnya terhad. Oleh itu, kita perlu mengatur diri kita sendiri. Mulakan dengan membuat jadual dan tidak menangguhkan hal-hal pengurusan diri ke suatu masa yang lain atau menyerahkannya kepada orang lain untuk melakukannya, sambil berharap aspek kerohanian dan moral akan mengisi kelompongan yang ada dengan sendirinya. Masyarakat kita hari ini sentiasa menggalakkan kerasionalan yang tidak seimbang, iaitu satu pola pemikiran yang memisahkan Tuhan daripada kehidupan manusia.

Justeru itu, berhati-hatilah dengan kumpulan-kumpulan yang membelaikan aspek ketuhanan.



Pendekatan Sekarang Untuk Memupuk Keimanan Anak-anak

Sebelum kita melihat apa yang perlu kita buat, marilah kita lihat dahulu apa yang berlaku dalam lingkungan keluarga kita.

Pendekatan agama yang menyimpang yang sering diamalkan oleh orang-orang Islam dalam kehidupan hari ini boleh digambarkan sebagai formalisme dan legalisme yang mempengaruhi cara mereka membesarkan anak-anak mereka. Budaya agama yang dominan hari ini cenderung untuk memisahkan kehidupan kepada dua aktiviti utama iaitu ritual agama (*'ibadat'*) dan interaksi perniagaan (*mu'amalat*). Dalam konteks ritual agama, perkara ini memberi impak kepada amalan keibubapaan orang Islam dengan cara membatasi pendidikan keagamaan hanya kepada amalan-amalan agama yang zahir termasuklah mengambil wudhu' dan menunaikan solat lima waktu, berpuasa dalam bulan Ramadan dan membayar zakat kepada orang miskin. Selain itu, agama secara khususnya hanya mengawal selia interaksi sosial termasuklah perkahwinan, kontrak perniagaan, adab dan akhlak Muslim dan mengingati asas-asas keimanan (kalimah syahadah). Ini adalah kaedah legalistik dalam amalan beragama.

Selain itu, ibu bapa dan keluarga Muslim sering mengabaikan kepentingan tugas dan kebertanggungjawaban ummatik dengan mengutamakan kemajuan peribadi dan kurang memikirkan tanggungjawab moral terhadap masyarakat. Hasilnya, anak-anak tidak digalakkan untuk berpartisipasi dalam isu-isu masyarakat. Asal sahaja anak-anak ini faham asas solat dan mahir membaca al-Qur'an, ibu bapa menganggap mereka sudah menjalankan tugas keibubapaan dengan sempurna. Anak-anak kemudiannya akan membesar dengan memikirkan bahawa pelaksanaan amalan ibadah peribadi adalah

elemen utama dalam kehidupan yang bermoral dan hanya inilah tanggungjawab agama dan moral dalam kehidupan. Ini akhirnya akan membawa kepada gaya hidup keegoan dan individualistic iaitu suatu sikap negatif dan mementingkan diri sendiri. Malangnya, sikap tidak peduli ini mempunyai kesan



yang lebih besar kerana ia akan memusnahkan kehidupan dan masyarakat umum yang merugikan semua orang.

Secara realitinya, ibadah sebenarnya bukanlah hanya bermaksud melakukan ritual semata-mata. Ia meliputi segala tugas dan tindakan yang dituntut dalam kehidupan orang Islam berdasarkan undang-undang syari'ah dan nilai-nilai seperti usaha menyerukebaikan dan menjauhi kejahanatan, prihatin dengan penderitaan hidup rakyat dan mengambil berat tentang orang lain. Sekiranya kualiti seperti ini tidak berakar umbi ke dalam rangka emosi anak-anak Islam, mereka akan mewariskan rasa tidak peduli ini kepada anak-anak mereka pula dan akan terus mengekalkan rantaian ketidakpedulian yang menghancurkan ini. Ketidakseimbangan berlaku

dengan ketara dengan wujudnya kekurangan dalam rantai pendidikan agama yang menekankan perlaksanaan ritual secara berlebihan sebagai matlamatnya yang tersendiri. Dalam masa yang sama, penekanan kurang diberikan kepada perkembangan dalaman diri dan kepedulian terhadap masyarakat. Perkataan ‘ibadah’ memang bererti zikir, yang bermaksud mengingati dan berkomunikasi dengan Yang Maha Agung untuk membina kebaikan, akhlak dan sikap yang baik.

Budaya Mementingkan Diri: Kurangnya Penyertaan dalam Hal Ehwal Awam

Sungguh malang apabila wujud sejarah konfrontasi, polarisasi dan pemisahan antara para bijak pandai dengan pemikir Muslim pada satu pihak dan pimpinan politik yang korup dan menindas pada pihak yang lain. Para fuqaha’ Islam telah dipisahkan daripada urusan masyarakat dan hanya memberi tumpuan kepada aspek-aspek peribadi dan kehidupan individu lantas mengabaikan kepedulian terhadap masyarakat umum. Sehubungan dengan itu, amalan hal ehwal awam, tadbir urus yang baik, penglibatan politik, syura, tanggungjawab sivik, perjuangan mencari keadilan sosial dan membentuk persaudaraan tidak diberi keutamaan sewajarnya. Perkara ini mencacatkan visi universal Islam. Sikap yang pasif terhadap isu-isu kemasyarakatan telah memberi kesan kepada semangat berpasukan ummah serta melemahkan ikatan berpasukan yang diperlukan untuk membentuk kepedulian masyarakat. Sesuatu tamadun tidak boleh bertahan dengan pemikiran sempit yang mengutamakan kepuasan peribadi semata-mata. Ini harus dilengkapi dengan penekanan yang kuat terhadap kepedulian sosial dan masyarakat. Dalam kata lain, perlaksanaan konsep istikhlas (manusia sebagai khalifah di



bumi) menuntut kita untuk melaksanakan dan membentuk, dari satu generasi ke generasi, misi ‘imran (pembentukan ketamadunan berdasarkan kebaikan). Walaupun kepedulian terhadap undang-undang keluarga dan peribadi dalam fiqh merupakan syarat yang penting, ia sendiri tidak cukup untuk melahirkan pembina peradaban.

Wacana seperti ini membantu melahirkan individu dan masyarakat yang baik, namun akhirnya mereka akan bersikap pasif dan menyerah. Masyarakat yang dibesarkan dalam budaya tradisi yang fanatik terhadap agama semata-mata akan melaksanakan wudhu’, solat, puasa dan ibadah haji mereka dengan betul. Namun sayangnya, mereka tidak cenderung untuk menjadi warganegara yang baik. Mereka tidak gemar berpartisipasi dalam hal ehwal masyarakat, malah tidak berminat untuk menabur khidmat bakti kepada masyarakat. Mereka lebih suka bergantung kepada kerajaan untuk pelbagai urusan kehidupan berbanding dengan berusaha bersama-sama memikul tanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat. Mereka tidak mampu berfikir untuk diri sendiri atau membuat keputusan untuk masa hadapan mereka sendiri. Untuk itu, mereka enggan mempertingkatkan ilmu atau memelihara diri mereka sendiri.

Dalam kata lain, ketidakpedulian terhadap masyarakat mengatasi partisipasi aktif di dalam masyarakat. Anak-anak yang dibesarkan melalui jalan ini, tidak akan menjadi seorang yang bebas, beretika, berfikir secara inovatif, bekerjasama di dalam kumpulan, atau menjadi perintis dalam masyarakat. Sebaliknya mereka akan membesar sebagai seorang yang penakut, egois serta mementingkan diri.

Mereka yang hidup di bawah penindasan pihak berkuasa politik dan agama juga akan menderita dan berada dalam situasi yang buruk. Daripada menjadi agen perubahan sosial, mereka melahirkan masyarakat yang sakit dan mempunyai perilaku yang merosakkan seperti yang jelas kelihatan daripada kesengsaraan sosial persekitaran dan ekonomi mereka. Mereka mengelak untuk bertransaksi dengan bank yang mengamalkan riba, namun dalam masa yang sama, mereka dengan senang hati menipu dalam pembayaran cukai pendapatan dan zakat, meskipun penipuan itu bercanggah dengan syari'ah. Malah, mereka merasakan satu kemenangan apabila berhasil melepaskan diri daripada ditangkap oleh pegawai kastam kerana beranggapan bahawa cukai tersebut akan disalahguna oleh pegawai atasan.

Sebahagian ibu bapa menekankan sifat mementingkan diri sejak anak tersebut dilahirkan sehingga dia mencapai usia dewasa. Lebih banyak penekanan diberikan kepada apa yang akan dipakai oleh kanak-kanak berbanding dengan mengajar mereka mengambil berat tentang orang lain dan berbuat baik terhadap sesama manusia, atau memupuk rasa tanggungjawab kepada

masyarakat, orang miskin dan yang memerlukan khususnya, serta masyarakat sekeliling umumnya. Ramai antara kita membelikan permainan mahal yang mudah rosak untuk anak-anak tetapi memejamkan mata daripada melihat penderitaan seorang anak miskin di jalanan yang meminta-minta makanan dan pakaian.



Cara melihat kehidupan seperti ini merugikan masyarakat dan kehidupan awam kita. Bagaimana boleh kita jelaskan, sebagai contoh, bahawa Hari Kebangsaan di Bangladesh merujuk kepada pemisahan Bangladesh dari Pakistan? Mengapa pemisahan negara ini diraikan besar-besaran sedang dalam masa yang

sama, kita melihat bangsa Eropah bersatu dan bekerjasama untuk mempertingkatkan kepentingan bersama mereka? Dahulu, mereka pernah bermusuhan antara satu sama lain. Brazil bersatu di sebalik kewujudan pelbagai etnik, kumpulan agama dan bahasa, yang masing-masing mempunyai masalah ekonomi dan sosial tersendiri.

Sementara negara-negara Muslim dan Arab, walaupun mempunyai bahasa yang serupa, budaya dan kepentingan yang sama, terus berpecah-belah.

Pergaduhan negara-negara Arab dan kemiskinan di negara-negara Islam tidak membantu rakyat mereka. Bilangan orang Islam semakin meningkat namun mereka tidak memberi apa-apa sumbangan yang signifikan kepada dunia.

Bolehkah agama menjadi penyebab kepada dunia Islam yang berpecah-belah, tidak bersatu,

sunyi dan terasing? Adakah kualiti-kualiti yang tidak baik ini dapat memenuhi kepentingan yang sepatutnya ada pada sebuah dunia Islam? Adakah orang-orang Islam telah salah faham terhadap agama mereka? Telah wujud pemisahan dalam pemikiran ummah. Setiap orang belajar hanya untuk memikirkan diri sendiri dan cuba memelihara kepentingan peribadi dan keluarga. Mereka mengabaikan kepentingan ummah yang lebih luas dan ahli-ahli masyarakat yang lain termasuk saudara-mara dan jiran tetangga. Budaya Islam menjadi satu pemikiran yang lebih sempit dan menyimpang, jauh daripada semangat kejiranan dan berpasukan yang sepatutnya menjadi mercu tanda masyarakat Islam. Orang-orang Islam perlu berpandangan jauh dan keluar dari kepompong.

Bandingkan situasi ini dengan akhlak Sayidina Abu Bakar yang bermurah hati menyumbangkan semua kekayaannya kepada masyarakat. Nabi Muhammad ﷺ bertanya kepada beliau: "Apakah yang kamu tinggalkan untuk keluargamu?" Beliau menjawab: "Aku tinggalkan kepada mereka Allah ﷺ dan Rasul-Nya." Tindakan Sayidina Abu Bakar ini bukan sahaja menunjukkan keimanannya yang teguh tetapi juga keyakinan bahawa Nabi ﷺ dan masyarakat boleh menjaga beliau dan keluarganya sekiranya diperlukan. Jika Abu Bakar merasakan bahawa keluarganya akan hidup menderita dan meminta-minta di jalanan, beliau pasti menyimpan sahaja hartanya itu dan hanya menyumbangkan sedikit sahaja.

Situasi yang tidak menggembirakan di dunia Islam hari ini tidak boleh dipersalahkan pada hakikat bahawa ia terdiri daripada wilayah yang luas dengan pelbagai kumpulan etnik yang berkomunikasi dalam pelbagai bahasa, atau mereka diperintah oleh rejim yang menindas,

atau mereka menanggung penderitaan akibat sejarah penjajahan dan sebagainya. Islam menggalakkan kehidupan bersama yang aman damai dan keharmonian sosial. Orang Islam hari ini terdiri daripada satu perempat penduduk dunia. Perpecahan mereka tidak boleh dikaitkan dengan Islam kerana Islam mengajar kesatuan, persaudaraan dan belas kasihan. Perpecahan itu juga tidak boleh dikaitkan dengan faktor ekonomi dan politik kerana kejatuhan ekonomi dan politik adalah simptom dan bukan penyebab. Persoalan yang masih berlebar adalah: Apakah yang bertanggungjawab?

Kami percaya bahawa jawapannya ada dalam ayat-ayat al-Qur'an:

Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah diri mereka.

(Surah ar-Ra'd: Ayat 11)

Kita memang tidak mampu menjelaskan perkara secukupnya. Situasi buruk sesuatu kaum itu bergantung kepada diri mereka sendiri. Oleh itu, hanya dengan memahami visi al-Qur'an dan mengubah sikap kita sendiri, barulah kita mampu mengubah situasi kehidupan kita. Dan ini hanya boleh berlaku melalui peranan keibubapaan yang sempurna.

Pendidikan adalah proses sepanjang hayat. Keibubapaan yang baik, walau bagaimanapun, penting untuk membina dan membentuk sikap peduli masyarakat seperti rasa tanggungjawab, pengorbanan diri dan mengambil berat tentang oranglain. Nilai-nilai ini mesti disemai oleh ibu bapa sejak anak-anak masih kecil melalui penerapan aspek-aspek emosi, sosial dan kerohanian yang betul terhadap personaliti mereka. Penerapan nilai pada usia awal anak-anak lebih mudah dan

berkesan. Buku-buku perundangan Islam (fiqh) yang mengandungi asas-asas agama dan manual-manual rujukan budaya untuk perkembangan diri seorang Muslim mempunyai pengaruh yang besar dalam membina personaliti seseorang.

Oleh yang demikian, buku-buku fiqh ini perlu disemak dengan menambah dimensi yang tidak disentuh seperti sikap peduli masyarakat untuk kemaslahatan ummah dan kemanusiaan. Dimensi ini diterangkan secara jelas dalam al-Qur'an dan Hadith:

Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka mereka lah orang-orang yang berjaya. (Surah al-Hasyr: ayat 9)

Nabi Muhammad ﷺ bersabda,

Sesiapa yang tidak mengambil peduli urusan Muslim bukanlah dalam kalangan mereka.

(Ibn Mas'ud)

Kita tidak akan menjadi yang terbaik sekiranya kita tidak prihatin terhadap golongan seperti orang miskin, anak-anak yatim, jiran tetangga dan mereka yang memerlukan. Seperti yang kita lihat dalam Surah al-Ma'un, Allah ﷺ berfirman:

Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim. Dan

dia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. (Kalau orang yang demikian dikira daripada bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang Ahli Sembahyang. (Iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya. (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya). Dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).

(Surah al-Ma'un: ayat 1-7)

Terdapat pertalian langsung dan kuat antara aspek ibadah peribadi dengan kesejahteraan masyarakat. Ritual keagamaan mesti dikaitkan dengan sikap mengambil berat hal ehwal anak-anak yatim, memberi makan orang-orang miskin dan menolong jiran tetangga. Objektif sebenar dalam beribadah adalah untuk mempersiapkan ahli ibadah supaya dapat berkhidmat kepada masyarakat di sekelilingnya. Kewujudan peminta-peminta sedekah jalanan di dunia Islam membuktikan wujudnya kurang rasa tanggungjawab yang berakar umbi dalam kalangan manusia pada hari ini.

Kurangnya Tanggungjawab Diri

Ramai orang hanya ada sedikit atau tiada langsung rasa tanggungjawab terhadap diri mereka, orang lain mahupun masa hadapan mereka. Dalam masyarakat yang menganggap bahawa nilai kerja keras dan kejujuran tidak mendatangkan apa-apa manfaat kepada individu masyarakat itu, maka individu tersebut akan mengabaikan kedua-dua nilai ini dan menuntut supaya orang lain menjalankan tugas-tugas tersebut terhadapnya sambil menafikan yang dia ada berhutang kepada

diri mahupun keluarganya. Konsep tanggungjawab personal telah hilang daripada masyarakat Islam kontemporari. Kita tidak boleh mengelirukan istilah mengambil berat tentang orang lain dengan istilah kolektivisme kerana kolektivisme adalah memberi keutamaan kepada sekumpulan orang bukan kepada individu tertentu. Kesukuan dan kepuaan adalah bentuk kolektivisme paling primitif yang kini telah digantikan dengan menjadi hamba kepada kerajaan.

Dalam terma intelektual, kolektivisme membawa kepada ‘pemikiran kumpulan’ (*group think*) atau mentality kawanan, musuh kepada pemikiran original individu (*ijtihad*), yang merupakan motif utama kepada perkembangan manusia.

Dalam terma ekonomi, kolektivisme ini melenyapkan apa-apa insentif terhadap produktiviti dan menjadikan mereka pengguna yang tidak produktif. Secara psikologi, ia melenyapkan wawasan individu sebagai khalifah di bumi. Kolektivisme menggalakkan budaya kebergantungan dan kurangnya harga diri. Secara etikanya, sikap tersebut membawa kepada keperibadian moral yang pengecut. Dari segi politik, ia membuatkan kelompok-kelompok yang berseteru ini, berlumba-lumba menguasai kelompok lain atau wujud “orang yang kuat” memaksa masyarakat menuruti kehendaknya.

Sebaliknya, al-Qur'an secara langsung menyeru semua manusia supaya memilih untuk menerima peranan mereka sebagai khalifah dan tunduk kepada kehendak Allah ﷺ di samping menggalakkan mereka berjuang untuk mencapai kebaikan bagi diri, komuniti dan ummah mereka. Sekiranya kita benar-benar ingin untuk orang lain apa yang kita inginkan untuk diri kita, maka kita juga mahu

orang lain menjadi rasional, bertanggungjawab dan bebas.

Dalam kebanyakan negara Islam, anak-anak diajar menjadi pasif dan tidak kritis. Mereka mempelajari sebahagian hukum undang-undang yang sudah ketinggalan zaman. Zakat diajar sebagai cukai yang dikira berdasarkan jumlah unta yang mereka miliki. Manakala zakat fitrah pula dibayar dengan barli dan kurma kepada orang miskin. Meskipun praktis ini boleh digunakan oleh masyarakat yang berasaskan pertanian, ia tidak lagi relevan kepada masyarakat di pinggir bandar dan di bandar perindustrian. Buku-buku perundangan masih mengandungi bab-bab tentang pengendalian hamba dan kaedah jual beli hamba yang betul! Generasi muda diajar perkara-perkara yang ketinggalan zaman dan maklumat yang tidak perlu dan tidak lagi relevan. Peluang berharga juga hilang: iaitu membangunkan belas kasihan dan keprihatinan terhadap keperluan orang lain. Kekurangan rasa belas kasihan ini adalah kelompongan yang serius dalam perwatakan generasi ummah masa hadapan.

Justifikasi kepada pengajaran zakat kepada anak-anak bukanlah tentang bagaimana untuk mengira peratusan untuk unta, kurma dan barli tetapi untuk menerapkan kefahaman terhadap konsep-konsep hebat tentang kesatuan sosial, kebaikan, pengorbanan, kemurahan hati serta kepentingan berkongsi dengan mereka yang berada dalam kesempitan dan memerlukan bantuan. Apa yang lebih utama melebihi aspek material adalah penerapan perasaan kasihan belas dan empati yang mendalam serta memahami penderitaan mereka yang tidak berkemampuan dan yang tidak punya apa-apa di dalam masyarakat.

Amalan persaudaraan dan kenikmatan memberi melalui zakat serta jalan kebajikan

yang lain inilah yang perlu ditekankan pada usia muda sebegini, bukannya semata-mata pengiraan matematik yang membosankan.

Budaya Menyimpang: Kemunduran dan Cerita Tahyul

Masalah lain yang menghambat kemajuan orang Islam adalah cerita-cerita tahyul, ilmu sihir dan ketaksuban kepada dunia jin. Tamadun Islam dibina di atas dasar ilmu pengetahuan, sains, objektiviti dan alasan. Sungguh mendamaikan apabila mengetahui bahawa tokoh-tokoh ilmuwan Muslim, walaupun mereka percaya kepada mukjizat semua rasul yang lain, mereka juga percaya bahawa mukjizat teragung yang ditinggalkan Nabi Muhammad ﷺ kepada manusia adalah al-Qur'an. Wahyu al-Qur'an diturunkan kepada akal manusia berdasarkan sebab-sebab tertentu. Ia menyeru kepada kajian, tadabbur, eksplorasi dan pemikiran. Kesemua ini adalah tema yang dominan dan selalu diulang-ulang di dalam al-Qur'an.

Ibu bapa harus memupuk mentaliti seperti ini ke dalam minda anak-anak supaya mereka membesar dengan percaya kepada akal yang waras dan dalam masa yang sama mengelakkan keimanan yang teguh kepada Tuhan dan Hari Akhirat.

Tamadun tidak dibina di atas perkara tahyul dan ilmu sihir. Kita sering mendengar cerita-cerita yang mengejutkan tentang mereka yang mencari 'kuasa' penyembuhan daripada roh, jin, bintang dan

magis dalam menangani urusan keluarga daripada kembali kepada rawatan perubatan atau psikologi yang baik. Amalan-amalan ini bertentangan dengan prinsip dan roh Islam serta berbahaya kepada akal anak-anak. Peranan kita sebagai ibu bapa adalah menyemai mentaliti saintifik yang mencerahkan yang menjadi penekanan al-Qur'an. Al-Qur'an menegaskan undang-undang semula jadi (al-sunan al-Ilahiyyah) yang mentadbir kehidupan manusia dan alam semesta. Undang-undang semula jadi yang diinspirasikan dari wahyu Ilahi terpakai sepenuhnya kepada Nabi Muhammad ﷺ seperti yang dijelaskan di dalam ayat-ayat di bawah ini:

Katakan (Muhammad), "Aku tidak kuasa mendatangkan manfaat manapun menolak mudarat bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah. Sekiranya aku mengetahui yang ghaib, pasti aku berbuat kebajikan sebanyak-banyaknya dan tidak akan ditimpakan bahanaya. Aku hanya pemberi peringatan dan pembawa berita bagi orang-orang beriman."

(Surah al-Araf: ayat 188)

Katakanlah: "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, (tetapi) diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu: sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhaninya, hendaklah dia mengerjakan amal yang soleh dan janganlah dia mempersekutuan sesiapa pun dalam ibadatnya kepada Tuhannya."

(Surah al-Kahfi: ayat 110)

Mentaliti objektif dan saintifik ini telah menghasilkan salah satu tamadun terhebat yang terkenal di mata dunia. Pada zaman kegemilangannya, orang Islam membantu Eropah keluar daripada Zaman Kegelapan yang panjang kepada Zaman Pencerahan.

(al-Hassani 2011)



Sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa terutamanya dan guru-guru sekolah juga untuk membesarkan anak-anak yang pintar, berkaliber dan berkarakter, memahami dengan mendalam ketauhidan dan sunnatullah, alam jagat raya, serta sains kemanusiaan dan sosial.



Ahli falsafah Perancis, Roger Garaudy menggambarkan dimensi tamadun Barat seperti berikut:

Tamadun Barat moden berhutang kepada tamadun Rom dan Yunani untuk nilai estetik dan sistem perundangannya, agama Kristian untuk nilai-nilai moralnya dan Muslim di Sepanyol untuk pemikiran saintifiknya.

(Majalah Al Hewar 2002)



Pandangan Jagat Yang Salah: Kelemahan dan Ketakutan

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

"Akan tiba suatu saat di mana bangsa lain datang menyerang kalian, seperti orang-orang yang kelaparan melahap sepinggan makanan." Lalu seorang sahabat bertanya, "adakah kerana bilangan kita yang kecil, wahai Rasulullah ﷺ?" Rasulullah ﷺ menjawab, "Tidak, bilangan kalian ramai, tetapi kalian umpama bebuuh ombak. Allah ﷺ akan menarik ketakutan dan kehormatan kalian daripada hati-hati musuh kalian, dan Dia akan mananamkan kelemahan (wahn) di dalam hati-hati kalian." Lalu seseorang bertanya, "apa itu wahn, ya Rasulullah ﷺ?" Maka Baginda bersabda, "Wahn itu adalah cinta akan dunia dan benci akan kematian."

(Abu Dawud)

Jalan Seimbang: Pendekatan Bijak

Kami memohon ibu bapa supaya melihat semula dengan jujur tentang kepercayaan agama mereka. Pemahaman yang bijak tentang amalan-amalan dan keperluan dalaman agama kita memberi kesan yang bermanfaat dalam usaha kita membesarkan

anak-anak. Oleh itu, penting bagi ibu bapa supaya tidak terjebak ke dalam budaya ketakutan, asyik kepada diri sendiri, kemunduran dan paksaan.

Para alim ‘ulama terdahulu memberi penekanan kepada amalan-amalan ritual dan ibadah. Al-Qur'an ada menyebut tentang zikir yang bermaksud mengingati Yang Maha

Berkuasa. Kedua-dua elemen ini penting dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa perlu peka dengan pandangan jagat Islam dan mula mendidik anak-anak tentang perkara ini sejak umur mumayyiz (tahu membezakan baik dan buruk).

Anak-anak juga seharusnya diberitahu bahawa tugas kita di dunia ini adalah untuk membangunkan kehidupan dunia berdasarkan nilai dan kaedah yang betul berlandaskan undang-undang yang telah digariskan oleh Tuhan.

Dan ibadah adalah jalan untuk mencapai matlamat tersebut. Pemahaman ini akan menyebabkan mereka memahami tujuan keseluruhan hidup iaitu berusaha melakukan perkara yang betul.

Sebagai ibu bapa, tingkah laku kita akan menjadi ikutan anak-anak. Oleh itu, kita seharusnya sentiasa berzikir untuk mengingatkan diri sendiri tentang tugas kita iaitu memperbaiki kehidupan dan mendapatkan keredhaan-Nya. Khususnya, kita dikehendaki melakukan yang terbaik dalam mengekalkan kehidupan yang benar di dunia, memelihara alam persekitaran, menimba ilmu serta membantu membebaskan orang-orang yang ditindas. Anak-anak akan memiliki pemahaman yang lebih baik tentang makna dan tujuan beribadah apabila melihat ibu bapa mereka mengamalkan perkara-perkara ini. Mereka juga akan lebih memahami perkara ini sekiranya mereka diajar bahawa kehidupan itu adalah satu bentuk ujian terhadap kualiti manusia dan kesungguhan mereka untuk membuat yang terbaik dalam kehidupan diri mereka dan kehidupan masyarakat.

Ayat-ayat al-Quran berikut menetapkan asas pandangan jagat dalam minda anak-anak:

Katakanlah, "sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah ﷺ Tuhan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan dengan demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku adalah orang Islam yang pertama (yang berserah diri kepada Allah ﷺ dan mematuhi perintah-Nya)."

(Surah al-An'am: ayat 162-163)

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu daripada al-Qur'an, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan).

(Surah al-'Ankabut: ayat 45)

Mereka juga memberi makan benda-benda makanan yang dihajati dan disukainya kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan (sambil berkata dengan lidah atau dengan hati), "sesungguhnya kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata: kami tidak berkehendakkan sebarang balasan daripada kamu atau ucapan terima kasih."

(Surah al-Insan: ayat 8-9)

Allah telah berjanji kepada orang-orang beriman dan mengerjakan kebajikan antaramu bahawa Allah akan menjadikan mereka sebagai penguasa di bumi, sebagaimana Allah telah menjadikan orang-orang sebelum mereka berkuasa. Sungguh, Allah akan meneguhkan agama yang telah diredhai-Nya bagi mereka. Allah benar-benar mengubah keadaan mereka setelah berada dalam ketakutan menjadi aman

tenteram. Mereka tetap menyembah-Ku dengan tidak mempersekuat-Ku dengan sesuatu apa pun. Namun barang siapa tetap kafir setelah janji itu, mereka itulah orang-orang yang fasiq.

(Surah an-Nur: ayat 55)

Didik Anak Mencintai al-Quran

Untuk membesarkan anak-anak yang mencintai Allah ﷺ, ibu bapa perlu memperkenalkan al-Qur'an kepada mereka supaya mereka mengenali al-Qur'an bukan hanya sebagai sebuah kitab suci yang dibaca ketika majlis keagamaan sahaja dan kemudian disimpan di rak buku sepanjang tahun. Persoalannya, adakah penekanan harus diberikan dari segi pemberitahuan maklumat ataupun yang lebih penting, penekanan terhadap perkembangan emosi dan psikologi anak tersebut? Mencari ilmu pengetahuan boleh dilakukan sepanjang hidup, tetapi perkembangan emosi dan psikologi yang sihat mesti bermula awal di alam kanak-kanak sebelum mereka meningkat remaja.

Hari ini orang-orang Islam berulangkali menakut-nakutkan anak kecil dengan azab api neraka. Jarang sekali mereka menyebut tentang Allah ﷺ yang Maha Penyayang, Maha Mengasihi dan Maha Pemurah, malupun tentang indahnya taman-taman syurga. Kita sering menekankan bagaimana mereka akan dibakar di dalam neraka sekiranya tidak taat kepada Allah ﷺ atau ibu bapa ataupun kerana membuat kesilapan. Dalam masa yang sama, kita mengabaikan dari menerangkan ganjaran pahala dan syurga sekiranya mereka menjaga akhlak, taat kepada Allah ﷺ, patuh kepada ibu bapa, menolong orang lain dan berbuat baik. Kita sentiasa mengugut anak-anak dan mengingatkan mereka tentang hukuman seolah-olah mereka

ini penjenayah yang kejam. Jarang sekali kita menggalakkan atau menyebut tentang kecintaan Allah ﷺ dan ganjaran yang akan diperolehi mereka kerana berkelakuan baik.

Persekitaran negatif sebegini menyebabkan anak-anak membesar menjadi orang dewasa yang penuh ketakutan. Mereka akan bersikap negatif, kurang keyakinan, dan lebih buruk lagi, suasana tersebut akan menjauhkan mereka daripada mempercayai Tuhan.

Guru-guru biasanya mengajar al-Qur'an kepada anak-anak bermula dari juzuk terakhir al-Qur'an. Dalam juzuk ini terkandung surah-surah pendek yang diturunkan di Makkah ketika awal penurunan wahyu. Surah-surah pendek ini berfokuskan orang-orang yang sesat dan penindas yang angkuh daripada kaum Quraisy dan ketua-ketua kabilah mereka yang kejam (seperti Abu Jahal dan Abu Lahab). Dalam surah-surah awal ini, al-Qur'an menarik perhatian mereka yang menyeka orang Islam, membunuh mereka, berkomplot untuk membunuh Rasulullah ﷺ dan mengisyiharkan perang untuk menghapuskan orang yang beriman. Surah-surah ini diturunkan untuk menyedarkan mereka yang kejam. Ayat-ayat yang hebat ini menikam telinga mereka seumpama guruh yang menyambar kerana mengandungi amaran-amaran keras. Berikut antara contoh-contoh ayat al-Qur'an tersebut:

Sungguh Abu Lahab binasa, benar-benar binasa.

(Surah al-Lahab: ayat 1)

Sungguh celaka para pengumpat dan pencela.

(Surah al-Humazah: ayat 1)

Sudahkah sampai kepadamu berita tentang Hari Kiamat? Pada hari itu, banyak wajah yang tertunduk hina kerana bekerja keras lagi kepayahan. Mereka memasuki api neraka yang sangat panas. Mereka diberi minum dari mata air yang sangat panas. Tidak ada makanan bagi mereka selain pohon berduri.

(Surah al-Ghasiyah: ayat 1-6)

Sungguh celaka bagi orang yang curang dalam menakar dan menimbang!

(Surah al-Muthaffifin: ayat 1)

Katakanlah: Hai orang-orang kafir!

(Surah al-Kafirun: ayat 1)

Apabila bumi digoncangkan dengan goncangan yang dahsyat.

(Surah al-Zalzalah: ayat 1)

Malangnya, walaupun ayat-ayat al-Quran yang berbunyi agak keras itu tidak ditujukan kepada anak-anak suci ini, ayat-ayat itulah antara yang pertama diajarkan kepada mereka. Ia diajar kepada mereka kerana pendek dan mudah dihafaz. Sepatutnya, daripada menakut-nakutkan anak-anak kecil ini dengan azab api Neraka dan hukuman, kita seharusnya memberi penekanan kepada kecintaan terhadap Allah ﷺ, kasih sayang ibu bapa, dan keindahan Syurga. Ini menepati perasaan psikologi semula jadi mereka yang menginginkan rasa selamat, cinta, kemesraan, murah hati, dan lemah lembut seawal usia anak-anak ini. Pendedahan terbaik harus dimulai dengan pengenalan kepada kasih sayang Allah ﷺ dan sifat-sifatnya seperti Maha Penyayang, Maha Mengasihani, Maha Pengasih, Maha Pengampun, dan Maha Pemurah; serta sifat-sifat Allah ﷺ yang lain. Anak-anak juga seharusnya diberitahu

bahawa mereka adalah anak-anak yang baik dan Allah ﷺ mencintai mereka sebelum mengajar mereka bahawa mereka sepatutnya mencintai Allah ﷺ. Turutan yang betul adalah Kecintaan Allah ﷺ dan kemudian barulah tanggungjawab mereka untuk mencintai Allah ﷺ.

Apabila anak-anak mulai faham, ibu bapa sudah boleh mula memperkenalkan perihal Neraka sebagai hukuman atas perbuatan yang salah secara berperingkat. Surah-surah yang mengandungi amaran dan ugutan bagi perbuatan yang berdosa besar seharusnya diperkenalkan semasa anak-anak boleh meneladannya dan bukan untuk menakut-nakutkan mereka. Pendedahan ini boleh dibuat semasa anak-anak menjangkau usia remaja, apabila mereka sudah boleh memahami idea abstrak dan tahu akibat daripada setiap perbuatan yang mereka lakukan.

Penjagaan yang perlu dititikberatkan adalah bagaimana kita mengembangkan mental dan psikologi anak-anak semasa pembelajaran al-Qur'an dijalankan. Penting untuk ibu bapa memilih surah-surah yang paling sesuai (khususnya daripada kisah-kisah dalam al-Qur'an) untuk diberi penumpuan berdasarkan peningkatan umur anak-anak. Kebanyakan sahabat Rasulullah ﷺ diperkenalkan kepada al-Qur'an semasa mereka dewasa. Dalam usia tersebut, al-Qur'an



memberikan impak yang mendalam kepada mereka. Sifat berani dan kuat yang sudah tersedia ada di dalam diri mereka diperkuuh dan al-Qur'an memandu mereka ke arah standard moral yang tinggi. Pakar-pakar dalam bidang sains al-Quran bersama pakar pendidikan dan sains sosial boleh menasihati ibu bapa tentang kaedah membimbing anak-anak, termasuklah turutan surah-surah al-Qur'an mengikut kesesuaian umur mereka. Yang pasti, kesemua ayat al-Qur'an ini diajar sepanjang kehidupan seseorang individu. Persoalannya, pada turutan surah yang mana sepatutnya diajarkan? Surah manakah yang wajar diberi penekanan dan pada umur berapa? Apa yang jelas, memulakan pengajaran al-Qur'an dengan memperkenalkan keseluruhan Juzuk 'Amma hanya kerana terkandung 37 surah yang pendek adalah tidak sesuai. Apa yang dianggap mudah untuk dihafaz semata-mata tidak sepatutnya menjadi satu-satunya pertimbangan.

Ibu bapa yang bahasa ibunda mereka bukan bahasa Arab, perlu menerangkan maksud ayat-ayat al-Qur'an ini kepada anak-anak dalam bahasa ibunda mereka. Buat masa ini, penekanan diberikan hanya kepada kebolehan membaca

dan menghafaz surah-surah tanpa mengetahui maknanya. Ibu bapa sangat disarankan untuk memiliki kitab terjemahan al-Qur'an yang bagus dan menambah pembacaan mereka dengan kitab-kitab tafsir supaya mereka boleh mula untuk membentuk perhubungan dengan pemahaman pandangan jagat dan mesej al-Qur'an. Sekiranya ibu bapa tidak mampu untuk melakukannya sendiri, mereka boleh mendapatkan bantuan daripada guru dan memantau apa dan bagaimana pembelajaran dilakukan. Rakaman ayat-ayat al-Qur'an boleh dipasang di rumah supaya anak-anak terbiasa. Penting untuk ibu bapa menyusun jadual membaca al-Qur'an yang konsisten dan teratur supaya anak-anak terbiasa untuk membaca al-Qur'an setiap hari. Mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua juga membantu anak-anak mempelajari al-Qur'an dan berinteraksi dengannya secara langsung. Terdapat banyak buku kanak-kanak yang bagus telah diterbitkan yang mengandungi kisah-kisah para nabi yang diambil daripada al-Qur'an bersama nilai-nilai yang boleh dipelajari. Ibu bapa perlu membeli atau meminjam buku-buku seperti ini sebagai tambahan kepada pembacaan al-Qur'an supaya anak-anak terbiasa dan selesa dengan al-Qur'an.



Didik Anak Bersolat: Berterusan Mengingati Allah

Ada banyak doa pendek yang boleh membantu mengingatkan diri akan sifat Allah ﷺ yang Maha Memerhati, Maha Penyayang, yang sentiasa ada bersama kita. Doa-doa ini mudah diperkenalkan dan membantu anak-anak membiasakan diri memuji Allah ﷺ, dan memohon petunjuk serta perlindungan daripada Allah ﷺ. Doa juga penting untuk menghalang sebarang tindakan kita yang mengetepikan Allah ﷺ. Ibu bapa contohnya, seharusnya membaca doa dengan kuat sebelum dan sesudah makan, dan meminta anak-anak untuk mengulanginya. Begitu juga dengan doa yang dibaca sebelum memasuki dan keluar rumah, ketika hendak tidur dan bangun tidur. Berdoa memupuk sikap suka bersyukur. Dengan semudah membaca Bismillah (dengan nama Allah ﷺ) setiap kali melakukan sebarang aktiviti, anak-anak yang memerhati akan ikut serta. Walaupun perbuatan ini pada mulanya agak janggal bagi anak-anak, usaha ini wajar diteruskan. Perbuatan ini akan menggalakkan anak-anak mengamalkan zikir dan berinteraksi dengan Allah ﷺ secara semulajadi dalam kehidupan mereka. Mereka juga akan mempunyai kesedaran bahawa Allah ﷺ sedia ada di mana-mana.

Solat seharusnya dijadikan sebagai elemen penting dan semula jadi dalam kehidupan seharian. Ibu bapa haruslah menjadi contoh terbaik buat anak-anak. Laungkan azan di hadapan anak-anak dan pandang serius akan waktu solat. Televisyen hendaklah ditutup dan semua orang bersiap sedia untuk menunaikan solat pada waktunya. Ibu bapa seharusnya solat di hadapan anak-anak dengan penuh kesedaran dan ketenangan. Selalunya, mereka mahu terburu-buru menyelesaikan solat dan anak-anak melihat perkara ini lalu menirunya.

Doa hendaklah dibaca sebelum dan selepas solat supaya anak-anak belajar melakukan perkara yang sama iaitu sentiasa memohon kepada Allah ﷺ untuk apa sahaja yang kita rasa kita perlu daripada Allah ﷺ.

Didik Anak tentang Taubat

Anak-anak perlu memahami bahawa setiap perbuatan ada akibatnya. Sebarang perbuatan yang tidak elok itu memalukan dan diketahui oleh Allah ﷺ. Mereka perlu bertaubat atas setiap kesalahan yang telah dilakukan. Meminta maaf sahaja tidak cukup. Anak-anak perlu memahami bahawa penyesalan terhadap sesuatu salah laku perlu dipanjatkan kepada Allah ﷺ. Perbuatan ini membuka pintu kepada kesedaran yang lebih mendalam terhadap Allah ﷺ dan memberi peluang kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak tentang kasih sayang dan rahmat Allah ﷺ. Dengan ini, anak-anak mampu membina hubungan yang mendalam dengan Allah ﷺ.

Anak-anak mungkin tidak menghargai usaha ibu bapa. Malah mereka akan melawan dan bertindak agresif. Walau bagaimanapun, penerangan yang berterusan dengan suara yang tegas dan penuh kasih sayang ketika anak-anak sudah bertaubat, akan mengukuhkan amalan taubat dan menghalang perbuatan yang salah. Apabila mereka dewasa kelak, seandainya mereka melukai hati atau berbuat kesalahan kepada orang lain, mereka sudah tahu bagaimana untuk memohon keampunan daripada Allah ﷺ.

Didik Anak Mengenali Nabi Muhammad ﷺ dan Rasul- rasul

Ibu bapa disarankan supaya membina sebuah perpustakaan mini di rumah dan memupuk semangat membaca yang konsisten bersama

anak-anak. Mereka boleh membacakan kisah atau bercerita tentang Rasulullah ﷺ (termasuk kehidupan Baginda, zaman kanak-kanak, perwatakan dan pesanan Baginda), kisah-kisah cucu dan para sahabat Baginda ﷺ . Kisah-kisah nabi membolehkan anak-anak memasuki dunia kenabian, membina hubungan dengan mereka dan menjadikan mereka sebagai model ikutan. Kisah-kisah ini perlu disesuaikan mengikut tahap umur anak-anak dan tumpukan kepada aspek-aspek yang boleh dikaitkan oleh anak-anak kepada kehidupan mereka. Ibu bapa juga boleh membacakan kisah-kisah lelaki dan wanita hebat dan pemimpin yang bermoral dalam sejarah.

Perkenalkan anak-anak dengan pencapaian tamadun Islam. Bawa mereka berkunjung ke muzium untuk mempelajari kesenian, sejarah dan senibina Islam.

Muzium merupakan tempat yang menarik untuk anak-anak mendapatkan inspirasi daripada sejarah, dan ibu bapa boleh mengambil peluang menggalakkan anak-anak menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pihak muzium.

Pencapaian-pencapaian orang-orang Islam juga boleh diambil dari sumber-sumber yang baik di Internet seperti "1001 inventions" melalui pautan <http://www.1001inventions.com> yang menayangkan pencapaian-pencapaian orang-orang Islam beribu-ribu tahun dahulu. Ibu bapa juga disaran untuk membeli naskhah buku bertajuk, *1001 Inventions: Muslim Heritage in Our World*. Buku ini sesuai untuk bacaan ringan, mempunyai gambarajah menarik yang mampu membawa pembaca menelusuri ribuan tahun perkembangan sains dan teknologi dan imbasan kehidupan para pencetus idea kepada ciptaan-ciptaan yang membantu kehidupan sehari-hari kita hingga ke hari ini. Laman sesawang dan buku/



DVD yang mengandungi bahan audio visual yang menunjukkan keindahan dunia ini juga boleh dijadikan sumber rujukan. Anak-anak seharusnya didedahkan dengan filem-filem berunsur visual terutama dalam memperkenalkan kehebatan ciptaan Tuhan (contohnya kehebatan sang lebah).

Di samping itu, semakin anak-anak menuju dewasa, kesan daripada pandangan jagat dunia sekular mungkin akan menyelinap lebih jauh ke dalam hati nurani mereka yang semakin berkembang. Bersedia lah untuk menjawab soalan-soalan tentang topik-topik seperti teori evolusi (teori yang masih yang belum terbukti oleh sains). Anak-anak akan terdedah sebaik sahaja mereka memasuki dunia yang lebih luas, dan ibu bapa amat naif sekiranya mereka hanya membiarkan kepercayaan untuk meresap menerusi proses seperti osmosis Islam. Sebaik sahaja pengetahuan tentang Tuhan dan penciptaannya tersemai kuat ke dalam jiwa anak-anak, hujahan licik dalam perbincangan sesetengah ahli sekular akan mudah ditangani. Anak-anak memerlukan asas yang menyakinkan dan mantap untuk menghalang dan/atau mengabaikan apa-apa percubaan yang boleh memesongkan pandangan jagat mereka.

Didik Anak Tentang Adab

Konsep perilaku Islam merangkumi konsep akhlak (ādāb). Kanak-kanak harus diajar untuk mengucapkan ‘tolong’ dan ‘terima kasih’, serta alhamdulillah (segala puji bagi Allah ﷺ), in syaa Allah (jika Allah ﷺ kehendaki), dan assalamu’alaikum (selamat sejahtera ke atas kamu). Kebiasaannya, ucapan yang indah ini digantikan dengan penggunaan hi, hello, atau bye. Anak-anak perlu diajar adab makan dan minum yang betul, memakai pakaian yang baik, dan bagaimana berkelakuan dengan cara terhormat dan bersesuaian dengan keadaan sosial masyarakat.

Penting untuk menjaga anak-anak dan persekitaran rumah supaya bersih, kemas, dan teratur supaya mereka mampu mengamalkannya sendiri. Jangan memanjakan anak-anak. Kadang-kala, memasak hidangan biasa adalah lebih baik daripada memasak hidangan mewah supaya mereka dapat belajar menghargai makanan apabila mereka diberikan makanan yang lazat. Puji-pujian yang melampau dan kerap terhadap anak-anak boleh menimbulkan sikap sombang atau angkuh. Ibu bapa tidak perlu membelikan mereka setiap permainan yang mereka mahukan. Sekiranya mereka benar-benar mahukan sesuatu, sesekali boleh dibenarkan hanya selepas mereka membantu melakukan sedikit kerja-kerja rumah. Mereka harus diingatkan bahawa Allah ﷺ Yang Maha Esa dapat memberi mereka ganjaran yang lebih baik. Mencari jalan penyelesaian alternatif, misalnya, sekiranya mereka tidak mendapat apa yang mereka mahukan, memberi persediaan kepada anak-anak akan realiti yang menanti mereka di dunia nyata. Semua nilai dan disiplin yang mereka pelajari akan memimpin mereka menjalani hidup yang baik.

Apakah yang Wajar Diberitahu kepada Anak Lebih Dahulu: Mereka Mencintai Allah ﷺ atau Allah ﷻ Mencintai Mereka?

Sekiranya anak-anak diajar untuk berkata, “Saya sayang pada Allah ﷺ, Allah ﷺ menciptakan saya dan mencipta bumi, matahari, dan bulan,” apakah mesej yang disampaikan kepada anak-anak? Pertama sekali, anak-anak harus mengetahui konsep ketuhanan, memandangkan ia adalah konsep abstrak yang masih belum mampu difahami oleh mereka. Adakah mereka peduli akan perasaan sayang dan disayangi oleh sesuatu yang mereka belum tahu? Bagi anak-anak, kewujudan mereka serta seluruh alam semesta adalah suatu fakta dan tiada yang istimewa. Walau bagaimanapun, sekiranya ayat tersebut diubah dan anak-anak diajarkan, “Allah ﷺ mengasihi kita. Allah ﷺ menciptakan kita dan menciptakan alam semesta ini untuk kita nikmati,” maka mereka pasti ingin tahu dengan penuh semangat siapa yang mengasihi dan menyayangi mereka.

Ajari anak-anak:

Allah ﷺ sayangkan kita, Allah ﷺ mencipta kita dan mencipta alam semesta untuk kegembiraan kita.

Anak-anak pasti mahukan hubungan dengan sesuatu entiti yang penuh kasih sayang dan cinta kepada mereka. Mereka mahu tahu lebih mendalam tentang Allah ﷺ.



Mereka pasti ingin mempunyai hubungan dengan Entiti yang penuh kasih dan penyayang itu dan ingin mengetahui lebih banyak tentang Allah ﷺ.

Terdapat hubungan yang kukuh antara ibadah, kehidupan dan patuh dengan sukarela kepada kehendak Sang Pencipta. Tingkah laku kita yang baik harus didasari keinginan untuk mendapatkan keredhaan Allah ﷺ yang Maha Baik dan Benar. Jalan untuk mendapatkan keredhaan Allah ﷺ adalah dengan menurut perintah dan panduan-Nya dalam usaha memperbaiki kualiti hidup kita serta orang di sekeliling kita. Kita memperkuuh aspek spiritual dengan berbuat baik, bekerja keras, jujur, bermanfaat, dan suka menolong orang

lain. Perkara-perkara ini boleh mendekatkan kita dengan Allah ﷺ. Kita membantu diri kita sendiri dengan membantu orang lain, menghormati hak kehidupan, harta benda, dan maruah; dan dengan menggalakkan keadilan, kasihan belas dan kebebasan serta menjauhi kezaliman serta penindasan. Perjuangan ini memerlukan kesedaran dan ingatan berpanjangan kepada Allah ﷺ serta sifat-sifat-Nya yang indah. Menjaga amalan-amalan ibadah dapat memperkuuh kesedaran diri dan cinta kepada Allah ﷺ yang Maha Besar. Dengan ini, kita akan dirahmati dan hamba yang ikhlas akan mendapat kekuatan untuk berjaya dalam melakukan apa yang baik dan yang betul.

Kenali Diri Sendiri: Isu Pendidikan Arab

Terdapat seruan yang lantang untuk pendidikan, keterbukaan, dan ijтиhad (kajian). Laporan Pembangunan Insan Kesatuan Negara-negara Arab (2009) menunjukkan kecenderungan yang membimbingan yang merangkumi dunia Arab moden dari segi kemajuan saintifik dan penyelidikan. Negara-negara Arab hari ini ketinggalan di belakang negara-negara lain walaupun mereka mampu mengekalkan tradisi kebudayaan mereka yang kaya. Sebuah kajian yang dijalankan oleh PBB pada tahun 1991 memperlihatkan bahawa negara-negara Arab mempunyai jumlah penerbitan terendah di dunia. Negara Eropah paling hadapan dengan menghasilkan lebih daripada lima kali jumlah penerbitan berbanding dengan negara-negara Arab.

Laporan tersebut menekankan jurang yang semakin meningkat antara negara-negara Arab dan negara-negara di seluruh dunia. Dalam keghairahan mereka untuk mengawal, negara-negara Arab autoritarian telah menyekat kreativiti dan semua hujah. "Kebebasan yang menjadi tawanan kepada hal-hal keselamatan yang palsu, penapisan dan badan pengawasan yang dilantik sendiri untuk mengawal akhlak masyarakat merupakan penafian terhadap kebebasan. Mangsa pertama kepada penafian ini adalah kreativiti, inisiatif, inovasi dan ilmu." (*The Economist* 2003).

Ibu bapa tidak seharusnya meletakkan tanggungjawab mereka terhadap anak-anak kepada pihak kerajaan. Ibu bapa yang menjadi model ikutan dan guru terawal bagi anak-anak perlu menyahut cabaran dan menjadi faktor terbesar dalam usaha mengubah masyarakat. Ibu bapa adalah 'kunci pencucuh' kepada proses perubahan yang berkesan; pemandunya adalah para pembaharu intelektual dan pendidik yang mendidik ibu bapa tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan dan cara untuk melakukannya. Sekiranya ibu bapa dapat diyakinkan, mereka akan bersungguh-sungguh melakukan apa yang diperlukan. Mereka memiliki pengaruh moral yang sangat tinggi terhadap anak-anak dan mampu mengubah karakter generasi mendatang.

Aktiviti

AKTIVITI 21: KEMAJUAN JEPUN DAN JERMAN LWN. KEMUNDURAN NEGARA-NEGARA ISLAM

Dalam pertemuan tidak formal yang terdiri daripada tiga pasangan dalam satu kumpulan, bincangkan soalan-soalan berikut:

Mengapakah kebanyakan negara-negara Islam tidak berkembang, sedangkan Jepun dan Jerman, yang telah hancur semasa Perang Dunia II, kini menjadi antara negara-negara yang terkemuka di dunia?

Mengapa terdapat negara-negara Islam yang masih membuang sampah ke dalam sungai, mempunyai sistem pendidikan yang lemah, dan mengeksport bahan mentah dengan murah hanya untuk membelinya kembali sebagai barang pembuatan yang sangat mahal? Sebagai contoh, satu tan bijih besi dieksport untuk USD2,000 dan kemudian dibeli semula sebagai komputer dan alat elektronik untuk berjuta-juta dolar.

Mengapa dunia Islam mempunyai bilangan buta huruf yang tertinggi sedangkan al-Quran memerintahkan penganutnya untuk membaca (*iqra'*)?

AKTIVITI 22: MEMBINA HUBUNGAN ANTARA ANAK-ANAK DAN SANG PENCIPTA – SEAWAL MUNGKIN!

Walaupun solat lima kali sehari mengingatkan kita tentang Tuhan dengan cara yang sistematik, terdapat banyak lagi kegiatan lain yang perlu kita hubungkan dengan Sang Pencipta apabila kita melaksanakan kegiatan-kegiatan tersebut.

Anak-anak perlu diajar untuk berzikir kepada Allah ﷺ secara berterusan. Antara cara yang berkesan adalah dengan mengajar mereka untuk menghafaz doa-doa yang diamalkan oleh

Rasulullah ﷺ mulai waktu bangun hingga waktu tidur. Aktiviti-aktiviti ini hanya sebentar dan mampu menambahbaik minda sedar kita dan memandu kita untuk melakukan sesuatu perkara dengan betul (terutamanya sebelum dan selepas makan). Pilih satu atau dua doa setiap minggu dan pastikan anak-anak mengamalkannya dengan betul sebelum mengajarkan doa yang baharu serta terangkan kepada mereka maksud doa-doa ini.

(Sekiranya doa tersebut sukar dihafaz dalam bahasa Arab, mereka boleh menghafaznya dengan menggunakan bahasa ibunda atau bahasa Inggeris).

Bangun Pagi:

Segala puji bagi Allah ﷺ, Yang Menghidupkan kita semula selepas mati dan kepada Allah ﷺ kita dibangkitkan.

Melihat Fajar:

Kami bangun pagi dan seluruh alam adalah milik Allah ﷺ Segala puji bagi Allah ﷺ.

Berdiri di Hadapan Cermin:

Segala puji bagi Allah ﷺ yang menjadikanku sempurna. Ya Allah, sempurnakanlah akhlakku sebagaimana Engkau menyempurnakan kejadian-Mu.

Mengenakan Pakaian:

Segala puji bagi Allah ﷺ yang memakaikanku pakaian yang menutup aurat (bahagian tertutup) dan mencantikkan kehidupanku.

Memasuki Masjid:

Ya Allah, bukakanlah kepadaku pintu-pintu rahmat-Mu, dan kurniakanlah kepadaku khazanah pengetahuan-Mu

Sebelum Makan:

Segala puji bagi Allah ﷺ yang memberi kita makan

dan menghilangkan dahaga dan menjadikan kita dalam kalangan orang-orang Islam.

Minum Air:

Segala puji bagi Allah ﷺ yang menjadikan air manis dengan rahmat-Nya dan tidak pahit serta masin kerana dosa-dosa kami.

Memasuki Tandas:

Aku memohon perlindungan daripada Allah ﷺ daripada hasutan syaitan. Ya Allah, aku memohon perlindungan daripada kekotoran dan kejijikan.

Keluar Tandas:

Ya Allah, ampuni aku. Segala puji bagi Allah ﷺ yang menyelamatkanku daripada bahaya dan mengurniakan kesihatan yang baik kepadaku.

Keluar Rumah:

Dengan nama Allah ﷺ, aku bergantung harap. Aku memohon perlindungan daripada memimpin atau disesatkan.

Memasuki Rumah:

Dengan nama Allah ﷺ kami masuk; dengan nama Allah ﷺ kami keluar, dan kepada Allah ﷺ kami berserah.

AKTIVITI 23: MENGHARGAI NIKMAT DAN RAHMAT ALLAH ﷺ

Berdasarkan doa-doa ini (di atas), minta anak-anak membuat doa mereka kepada Allah ﷺ Yang Maha Kuasa dengan menggunakan bahasa mereka sendiri dan bincangkan doa tersebut dengan ibu bapa.

AKTIVITI 23: MELIHAT MASALAH SECARA RASIONAL

Minta seorang anak membaca kisah benar ini dengan kuat dan bincangkan. Ceritakan juga pengalaman anda sendiri. Bersyukur atas setiap

perkara yang dikurniakan Allah ﷺ akan membawa kepada kepuasan dan menghalang kita daripada bersikap iri hati dan sedih. Inilah kunci kebahagiaan dan ubat kegusaran.

Saya mengenali seorang wanita yang sedang menghadapi masalah yang sangat serius. Ibu bapanya bercerai dan beliau menjaga ibunya yang sakit. Dalam masa yang sama, beliau bekerja sepenuh masa dan mempunyai masalah kewangan. Walau bagaimanapun, beliau sentiasa bersikap ceria dalam hidupnya: “jikalau saya mampu untuk bangun pagi dan berjalan di atas kaki sendiri, saya pastilah masih dalam keadaan baik!”

Dalam kata lain, fokus kepada apa yang kita ada dan lihat ke hadapan untuk hasil yang terbaik yang mampu kita usahakan dalam hidup. Hadith berikut menggambarkan sikap yang mulia ini.

Sabda Rasulullah ﷺ:

Barangsiapa yang bangun dalam kalangan kaumnya, sihat fizikalnya, dan mempunyai makanan yang mencukupi untuk hari itu, seolah-olah seluruh nikmat dunia telah dikumpulkan untuknya.

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

AKTIVITI 25: TUJUH KONSEP MENDIDIK ANAK-ANAK

Berikan petikan hadith ini untuk dibaca oleh anak anda, kemudian bayangkan setiap prinsip dan kaitkan dengan pengalaman sebenar.

Terdapat tujuh golongan manusia yang Allah ﷺ naungi pada hari tiada naungan kecuali naungan-Nya: pemimpin/hakim yang adil, pemuda yang membesar dengan beribadah kepada Allah ﷺ, lelaki yang hatinya terpaut dengan masjid, dua orang yang mencintai kerana Allah ﷺ, sehingga mereka tidak bertemu dan tidak berpisah kecuali kerana

Allah ﷺ, lelaki yang diajak oleh seorang wanita yang berkedudukan lagi cantik lalu berkata, “aku takut kepada Allah ﷺ”, orang yang bersedekah dengan sembunyi-sembunyi, hingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diinfakkan oleh tangan kanannya, orang yang berzikir kepada Allah ﷺ bersendirian sehingga kedua matanya basah kerana menangis.

(Al-Bukhari dan Muslim)



BAB 5

Menghadapi Cabaran dan Jebakan Umum

- Pengenalan **114**
- Cabaran Utama Ibu Bapa **114**
 - Kurang Pengalaman
 - Tekanan Dari Hari ke Hari
 - Kitaran Harian: Menerima Hakikat bahawa Tanggungjawab Keibubapaan Adalah 24/7
 - Keibubapaan Adalah Tugas yang Tidak Fleksibel
 - Keibubapaan Adalah “Pelaburan” Jangka Panjang bagi Masa, Usaha, dan Wang
 - Ibu Bapa Hanyalah Satu daripada Banyak Pengaruh ke atas Anak-anak
 - Bayi Tidak Mampu Bercakap
 - Keibubapaan adalah Interdisiplinari
 - Ibu dan Bapa Perlu Bertindak sebagai Satu Pasukan
 - Keibubapaan Adalah Kemahiran yang Memerlukan Pengurusan Sumber yang Baik
 - Persepsi Anak Terhadap Ibu Bapa Mungkin Bercanggah dengan Hasrat Ibu Bapa
 - Tahu Apa yang Perlu Diberitahu kepada Anak dan Bila
 - Memupuk Konsep yang Salah kepada Anak Tanpa Sengaja
 - Cabaran Mewujudkan Imej Diri yang Positif
- Pelajaran Keibubapaan daripada Nabi Musa Dalam Kitab Injil:
 - Apa Yang Diungkapkan Nabi Musa **120**
- Kesimpulan **121**
- Aktiviti 26 **122**

Pengenalan

DALAM BEBERAPA BAB sebelum ini, kami telah menghuraikan intisari pelan keibubapaan yang baik dan menyeluruh serta menggariskan beberapa langkah utama untuk melaksanakannya. Kami juga telah menegaskan kepentingan menggunakan naluri keibubapaan yang semula jadi seiring dengan pelan tersebut, sebagai panduan untuk membesarkan anak-anak yang baik. Pendekatan kami adalah cukup anjal bagi membolehkan ibu bapa membina asas dan membuat pilihan mereka sendiri dalam mendidik keluarga. Apa yang penting adalah tujuan keseluruhan pelan tersebut iaitu untuk membesarkan anak-anak yang beriman, bertanggungjawab dan mempunyai kemahiran sosial. Kami juga telah menegaskan bahawa membesarkan anak-anak yang baik memberi impak yang besar, bukan sekadar memberi

ketenangan jiwa dan kehidupan rumah tangga yang bahagia. Ia juga merupakan pembangunan utama sesebuah masyarakat dan tamadun itu sendiri. Walaupun pelan yang baik dapat menjadikan tugas keibubapaan yang sukar itu lebih mudah, ia tidak lengkap selagi tidak dapat membimbing seseorang untuk menghadapi cabaran dan kesukaran keibubapaan. Bab ini akan memberi tumpuan kepada beberapa kesukaran ini dan menyediakan beberapa penyelesaian umum. Pertama, kita akan melihat beberapa cabaran utama dan seterusnya dalam bab berikut, melihat beberapa kesukaran utama. Walaupun kita telah menyentuh aspek-aspek itu sebelum ini, dengan melihat perkara-perkara ini sebagai perkaitan yang menyeluruh, ia akan membantu ibu bapa menyedari realiti kehidupan yang dilalui mereka dan anak-anak dan beberapa isu penting yang akan dihadapi.

Cabaran Utama Ibu bapa

Keibubapaan yang baik menjadi mudah apabila kita tidak tahu bagaimana, tetapi menjadi sukar apabila kita tahu .

Anak : Ibu bapa kami membuat kami GILA!

Ibu bapa: Anak-anak kami membuat kami GILA!

BERHENTI MENJERIT ANTARA SATU SAMA LAIN!

Fahami Masalah yang Berlaku

Analisis Masalah dan Cara Mengatasinya Bersama-sama: dengan kesabaran!!



Kehidupan adalah siri ujian yang sukar dan membesarkan anak merupakan antara yang paling mencabar. Namun, ganjaran untuk lulus ujian ini adalah tidak ternilai. Ibu bapa perlu mengambil tahu skala sebenar cabaran yang dihadapi mereka supaya tidak memandang enteng atau meremehkan tugas yang bakal digalas. Sekiranya mereka menyangka tugas keibubapaan itu terlalu mudah, mereka

tidak akan merasa perlunya untuk bersiap sedia. Sekiranya mereka merasakannya terlalu sukar, mereka mungkin akan kecewa dan berputus asa. Kita akan cuba untuk mengenal pasti kesukaran-kesukaran itu dan berharap ibu bapa akan merasakan sedikit kelegaan dan berpuas hati apabila mengetahui bahawa mereka tidak berseorangan dalam pergelutan ini. Membincangkan kesukaran-

kesukaran ini dengan ibu bapa lain sebenarnya sangat bermanfaat. Ramai ibu bapa pasti terkejut apabila mengetahui bahawa sebenarnya mereka semua berada dalam situasi yang sama.

Di sini ada beberapa contoh cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa:

KURANG PENGALAMAN

Ini adalah cabaran utama tatkala anak pertama hadir: Kedua-dua ibu bapa tidak tahu apa yang harus dilakukan dalam banyak keadaan. Walaupun mereka mungkin telah belajar beberapa teori, mereka kekurangan pengalaman praktikal. Bertanya kepada ibu bapa lain sangat membantu. Ini adalah latihan praktikal dalam pekerjaan, tanpa penyelia.

Keibubapaan Dengan Telinga, Secara Literalnya!

Bimbingan kepada anak dahulunya adalah perkara yang mudah, apabila ibu memulas telinga anda.

TEKANAN DARI HARI KE HARI

Ibu bapa sering tertekan akibat pembahagian kerja yang dibuat berdasarkan jantina. Ramai ibu menghabiskan masa di rumah sementara bapa bekerja di luar rumah. Pada waktu petang, ibu-ibu suka bersiar-siar di luar rumah manakala para bapa lebih suka tinggal di rumah. Ini boleh membawa kepada pertelingkahan sekiranya mereka berdua tidak bersimpati terhadap satu sama lain.

Kebapaan Bukan Hanya Menyediakan Keperluan Material

Semakin kita berusia, kita harus sedar bahawa menjadi bapa yang hebat bukan hanya menyediakan makanan dan rumah untuk anak-anak kita tinggal.

KITARAN HARIAN: MENERIMA HAKIKAT BAHAWA TANGGUNGJAWAB KEIBUBAPAAN ADALAH 24/7

Tidak ada waktu pejabat yang khusus untuk keibubapaan. Kita harus menerima kenyataan bahawa tugas keibubapaan adalah dua puluh empat jam sehari, tujuh hari seminggu dan lima puluh dua minggu setahun dan tiada percutian. Tidak ada yang namanya ‘bercerai’ dengan anak kita. Sekali kita menjadi ibu bapa, komitmen yang diberikan adalah untuk seumur hidup dan tiada apa pun yang boleh menghalang komitmen ini.

Mana yang Lebih Sukar: Menjadi Bapa atau Presiden Amerika Syarikat?

Saya hanya boleh melakukan satu daripada dua perkara. Saya boleh menjadi presiden Amerika Syarikat atau saya boleh mengawal anak saya, Alice. Saya tidak mungkin boleh melakukan kedua-duanya serentak.

*Theodore Roosevelt
(1858-1919) Presiden Amerika Syarikat
(Porter and Cervantes, 2007)*

Satu arahan saya dipatuhi oleh beribu-ribu orang tetapi saya tidak boleh membuatkan tiga orang puteri saya untuk turun bersarapan tepat pada waktunya.

*Pegawai British Wavell
(1883-1950)
(Shaw 1998)*

KEIBUBAPAAN ADALAH TUGAS YANG TIDAK FLEKSIBEL

Sebaik sahaja seorang anak dilahirkan, dunia keibubapaan tidak boleh ditangguhkan, dijadual semula dan diabaikan. Anak-anak mempunyai jam biologi mereka sendiri dan ibu bapa harus memahami perkembangan mereka. Ibu bapa tidak boleh memperlambahkan pertumbuhan anak atau memcepatkannya. Sekiranya mereka cuba untuk masuk campur, mereka seperti menempah

kesusahan. Dunia bergerak pantas tetapi tidak anak-anak. Lebih bijak sekiranya ibu bapa dapat menyesuaikan diri dengan ‘rentak tabiat semula jadi’ ini. Rahsianya adalah bersabar.

KEIBUBAPAAN ADALAH “PELABURAN” JANGKA PANJANG BAGI MASA, USAHA DAN WANG

Keibubapaan adalah proses yang perlahan dan bersangkut paut. Ia mungkin mengambil masa bertahun-tahun sebelum ibu bapa mengetahui sama ada anak mereka menjadi orang baik atau orang tidak bermoral.



IBU BAPA HANYALAH SATU DARI PADA BANYAK PENGARUH KE ATAS ANAK-ANAK

Ibu bapa perlu sedar bahawa dunia tempat anak-anak mereka membesar sentiasa berubah. Perkembangan teknologi contohnya memberikan cabaran yang lebih besar (dalam bentuk televisyen, internet, telefon bimbit, perbualan atas talian, muzik digital, DVD dan permainan komputer). Wayang gambar dan sanjungan kepada artis-artis pop telah

berkembang biak. Sekiranya tidak terikat dengan gajet atau seumpamanya, anak-anak dikelilingi oleh begitu banyak gangguan lain. Ibu bapa tidak bebas dalam membesar anak-anak mereka dan menghadapi persaingan daripada selebriti televisyen, internet dan rakan sebaya. Terdapat banyak pengaruh positif dan negatif ke atas anak-anak. Walaupun ibu bapa sering mendapat pujian dan juga dipersalahkan, melihat bagaimana anak mereka membesar, mereka hanyalah satu daripada banyak pengaruh ke atas perkembangan anak.

Daripada perspektif makro (masyarakat), ibu bapa yang komited dan mempunyai niat yang benar masih tidak mampu membuatkan internet kelihatan menjijikkan, geng jalanan kurang ganas dan media kurang mencolok.

Walaupun ibu bapa adalah pengaruh signifikan yang pertama, pengaruh rakan sebaya menjadi lebih penting kepada anak-anak apabila mereka semakin membesar dan pengaruh ini masih berterusan semasa mereka berada di kolej. Dalam tempoh ini, anak-anak suka meniru nilai dan tingkah laku kawan-kawan mereka. Remaja selalunya sangat rapat dengan kumpulan rakan sebaya dan mungkin akan menjauhkan diri daripada ibu bapa. Adik-beradik juga mempunyai kesan yang penting dan berpanjangan terhadap perkembangan diri mereka masing-masing. Mereka adalah cermin dan model sosial (bergantung kepada umur) untuk satu sama lain. Mereka juga mungkin menjadi sumber persaingan dan iri hati. Pemboleh ubah persekitaran juga mempengaruhi anak-anak seperti lokasi geografi, saiz keluarga, kelas sosial keluarga, agama dan perhubungan kaum.

BAYI TIDAK MAMPU BERCAKAP

Cuba bayangkan betapa sukarnya untuk berkomunikasi dengan haiwan. Kemudian fikirkan

tentang bayi. Mereka masih belum mampu bercakap. Jadi, sukar untuk mengetahui keperluan, perasaan dan pemikiran mereka. Kita harus menekanya dengan betul. Anak bukanlah orang dewasa yang kecil dan orang dewasa bukanlah

anak yang besar. Nasihat kami adalah ibu bapa harus membacakan dan memperdengarkan al-Qur'an kepada mereka kerana bayi boleh mengingati perkataan sebelum mereka mampu bercakap.

Persepsi Yang Tidak Terbayangkan!

Semasa saya seorang anak berusia 14 tahun, ayah saya sangat jahil sehingga saya tidak tahan melihatnya berada di sekeliling saya. Tetapi apabila saya berusia 21 tahun, saya takjub melihat berapa banyak yang dipelajarinya dalam tempoh tujuh tahun.

Mark Twain

Aha, Aha! Sekarang Saya Tahu...

Anak-anak meluat dengan ibu bapa sehingga berumur 40 tahun apabila anak-anak itu sendiri tiba-tiba menjadi ibu bapa seperti mereka. Jadi, anak-anak hanya memelihara dan meneruskan sistem yang ada.

Quentin Crewe, Penulis Amerika

Persepsi Anak-anak Berubah

Oh, untuk menjadi hanya separuh kegembiraan seperti yang anak saya fikirkan tentang saya apabila dia masih kecil dan hanya separuh kebodohan seperti yang anak remaja saya sekarang fikirkan tentang saya.

Rebecca Richards (Brown 1994)

Dunia Keibubapaan Adalah Tugas Yang Tepat Pada Waktunya

Kita bersalah atas banyak kesalahan dan kesilapan. Tetapi jenayah paling teruk adalah meninggalkan anak-anak, mengabaikan perkara terpenting dalam kehidupan. Banyak perkara yang kita perlukan boleh menunggu. Anak tidak boleh. Sekarang ini adalah masanya tulang temulangnya sedang dibentuk, darahnya sedang dibuat dan mindanya sedang dikembangkan. Kepada dia, kita tidak boleh mengatakan esok. Dia adalah hari ini.

G. Mistral, Nobel Laureate, Chile 1986

KEIBUBAPAAN BERSIFAT INTERDISIPLIN

Keibubapaan memerlukan satu set kemahiran yang kompleks (banyak antaranya yang tidak kita sedari). Keibubapaan melibatkan beberapa kepakaran seperti psikologi, sosiologi, ekonomi, perubatan, biologi, pengurusan dan seni kerana ia adalah seni dan juga sains. Memandangkan dunia di sekeliling kita berubah dan memberikan cabaran-cabarhan yang lebih kompleks dalam kehidupan, kemahiran keibubapaan yang baik lebih diperlukan.

Mempunyai ijazah tertinggi (sama ada dalam bidang sains atau seni) tidak semestinya menghasilkan keluarga yang bahagia dan berpuas hati. Komunikasi masih menjadi komponen yang penting bagi keibubapaan yang baik dan berkesan.



IBU DAN BAPAA PERLU BERTINDAK SEBAGAI SATU PASUKAN

Kerja berpasukan tidak mudah dan merupakan cabaran terbesar kepada ibu bapa. Pasangan harus serasi untuk bekerja bersama-sama.

Pasangan yang anda pilih tidak hanya seorang isteri atau suami tetapi juga bakal ibu atau ayah. Berapa ramai antara kita yang berfikir tentang perkara ini sebelum berkahwin? Bekerja sebagai satu pasukan memerlukan lebih daripada cinta dan ketulusan. Ia memerlukan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang betul. Apa yang penting adalah untuk tidak menyalahkan antara satu sama lain apabila perkara buruk berlaku dan menuduh pasangannya bahawa dialah punca masalah yang timbul atau dia tidak melakukan secukupnya. Anak-anak kita sentiasa berubah. Transisi dari dunia kanak-kanak ke dunia dewasa yang berjaya memerlukan kerjasama yang sangat erat daripada kedua-dua ibu bapa.

KEIBUBAPAAN ADALAH KEMAHIRAN YANG MEMERLUKAN PENGURUSAN SUMBER YANG BAIK

Kita mungkin boleh melantik akauntan bagi menjaga kewangan keluarga, tutor untuk membantu pendidikan anak-anak dan jururawat untuk menguruskan hal kesihatan. Bagaimanapun, tugas pengurusan keluarga tidak boleh diserahkan kepada pihak lain. Sekiranya ibu bapa tidak boleh menguruskan keluarga, tiada siapa yang boleh menguruskannya. Pengurusan keluarga memerlukan ibu bapa untuk memperuntukkan cinta, kasih sayang, masa dan perhatian. Ini adalah satu bahagian keibubapaan yang tidak boleh dipisahkan dan harus dilakukan sendiri oleh ibu bapa. Kita hanya perlu melihat eksperimen oleh Marx di Soviet Rusia yang meletakkan orang lain selain ibu bapa sebenar atau ahli keluarga untuk mengambil alih tugas keibubapaan. Perkara yang sama dicuba oleh orang-orang Sparta di Greece. Keputusannya adalah kegagalan luar biasa terhadap anak-anak yang berkenaan. Pengurusan waktu dan sumber dengan baik menjadi lebih penting bagi keluarga ibu atau bapa tunggal yang

harus melalui jadual yang lebih ketat berbanding dengan keluarga yang mempunyai kedua-dua ibu bapa.

PERSEPSI ANAK TERHADAP IBU BAPA MUNGKIN BERCANGGAH DENGAN HASRAT IBU BAPA

Anak-anak mungkin menterjemahkan pertolongan ibu bapa sebagai campur tangan, keprihatinan dan kasih sayang mereka sebagai terlalu melindungi dan nasihat mereka sebagai arahan ketua. Walaupun realiti penting, tetapi bagi anak-anak persepsi adalah realiti. Itulah sebabnya mengapa penting untuk bertanya kepada anak-anak tentang pandangan, perasaan dan reaksi mereka. Tanya kepada anak-anak anda: Adakah kamu suka apa yang ibu lakukan untuk kamu?

TAHU APA YANG HARUS DIBERITAHU KEPADA ANAK DAN BILA

Orang dewasa dan anak-anak mungkin mengambil ibrah yang berbeza daripada kisah-kisah yang sama. Ada masanya ibu bapa mungkin sangat teruja untuk mengambil kesempatan di atas sifat tidak tahu apa-apa dan kejahilan anak-anak untuk membuat keputusan yang akan memudahkan kehidupan ibu bapa. Apabila anak-anak sedang makan buah delima contohnya, ada sebilangan ibu bapa yang menyuruh mereka memakan semua biji delima itu tanpa meninggalkan secebis pun pada pakaian atau perabot (untuk mengelakkan kotoran yang sukar ditanggalkan kemudian). Daripada memberitahu perkara sebenarnya, mereka memilih untuk memberitahu anak-anak perkara yang mungkin tidak benar atau tidak tepat supaya anak-anak dapat mematuhi arahan mereka.

Mereka memberitahu anak-anak bahawa setiap buah delima mengandungi biji-biji dari Syurga (supaya anak-anak akan memakan setiap

biji delima tersebut dengan teliti supaya mendapat hadiah istimewa daripada Tuhan). Begitu juga dalam kebanyakan rumah tangga, beras dibersihkan dan dicuci. Bagi memastikan tiada beras dibazirkan dalam proses tersebut, ibu-ibu akan memberitahu anak perempuannya supaya berhati-hati untuk tidak mencicirkan beras kerana ada di antaranya beras istimewa dari Syurga.

Ibu bapa menggunakan pelbagai helah yang berguna dan bijak demi menjimatkan masa dan wang di samping mengajar anak-anak tentang disiplin, kebersihan dan tanggung jawab. Walau

bagaimanapun, mereka mesti berhati-hati dalam menjelaskan kepada anak-anak yang mencapai umur mumayiz, bahawa semua perkara tersebut adalah mitos semata-mata. Ini bertujuan untuk menjernihkan minda mereka daripada segala perkara tahan. Satu mitos yang sangat menyerap ke dalam jiwa anak-anak adalah Santa Claus yang akan muncul semasa hari Krismas untuk memberikan anak-anak pelbagai hadiah. Perkara ini membawa mudarat sekiranya anak-anak mempercayai Santa Claus itu lebih penting daripada Tuhan.

Memberitahu Anak Anda: Apa dan Bila?

Pada usia berapa kisah ini sesuai? Seekor singa, serigala, dan rubah memburu seekor lembu, kambing, dan arnab. Singa memberitahu serigala: "Berbahagilah hasil buruannya." Serigala berkata: "Lembu untukmu, kambing untukku, dan arnab untuk rubah." Singa itu menerkam serigala dan membunuhnya. Kemudian singa itu menoleh ke rubah: "Bagaimana kamu membahagi hasil buruan?" Rubah menjawab: "Arnab untuk sarapanmu, kambing untuk makan siang kamu, dan lembu untuk makan malammu." Singa itu bertanya kepada rubah: "Di mana kamu belajar untuk mendapat kebijaksanaan seperti itu? "Rubah berkata: "Dari kepala serigala yang hancur." Apabila kisah seperti itu diceritakan kepada anak-anak, mereka akan belajar menjadi takut, pengikut, dan hipokrit. Namun, jika diceritakan kepada orang dewasa, mereka akan belajar bagaimana untuk berwaspada dan berhati-hati. Masa yang sesuai adalah sangat penting apabila kita mahu menceritakan kisah dan memberi pengajaran kepada anak.

MEMUPUK KONSEP YANG SALAH KEPADA ANAK TANPA SENGAJA

Sebahagian ibu bapa yang mempunyai hasrat yang baik telah menceritakan peristiwa-peristiwa berikut:

Insiden 1: Apabila Saleem enggan masuk ke tandas di tadikanya, gurunya bertanya mengapa. Dia menjawab, "Ibu bapa saya memberitahu bahawa tandas tempat tinggal jin dan syaitan. Saya takut untuk masuk bersendirian dengan mereka."

Insiden 2: Seorang anak, Hamid kelihatan keliru. Dia telah diberitahu bahawa malaikat tidak masuk ke dalam tandas. Tetapi dia juga diberitahu bahawa dua malaikat ada di bahunya untuk merekod semua amalannya. Adakah kedua-dua

malaikat ini nanti akan masuk ke tandas bersama-sama? Dia tidak tahu jawapannya!

Sebahagian ibu bapa memberikan penjelasan yang salah kepada anak-anak tentang larangan memakan khinzir. Anak-anak menganggap khinzir patut dibenci dan dilayan dengan kejam. Ibu bapa gagal menjelaskan bahawa semua haiwan adalah ciptaan Tuhan yang indah tetapi ada sebahagian yang tidak boleh dimakan. Semuanya dicipta untuk tujuan yang baik dan kita harus berlaku baik kepada haiwan.

Sebahagian ibu bapa yang terlebih bersemangat dan berniat baik, menyampaikan mesej yang salah tentang membenci orang yang berbuat silap. Mereka tidak membezakan antara tindakan yang

buruk dengan pelakunya. Jadi, mereka membenci perokok seperti mereka membenci perbuatan merokok. Ini menyebabkan anak-anak membenci orang lain, bukannya menyayangi mereka dan cuba untuk membetulkan kesilapan mereka. Akibatnya, anak-anak mungkin berfikir bahawa mereka lebih baik daripada orang lain dan menyebabkan mereka menjadi sompong.



CABARAN MEWUJUDKAN IMEJ DIRI YANG POSITIF

Dikelilingi oleh mitos tentang tubuh badan yang cantik yang dipromosikan oleh majalah-majalah fesyen dan artis-artis popular, anak-anak (khasnya remaja perempuan) boleh dengan mudah jatuh ke dalam perangkap keceluaran makanan atau keinginan yang terlampau dan sia-sia pada mekap dan pakaian. Keghairahan terhadap penampilan ini dipicu oleh pelbagai media komersil yang membawa mesej bahawa “kurus” itu cantik.

Bagi anak-anak, peralihan dari dunia kanak-kanak yang tidak tahu apa-apa kepada kehidupan dewasa yang kecenderungannya “meniru” akan berlaku pada usia yang lebih muda.

Pada usia transisi ini, mereka merasa diselubungi perasaan tidak selamat kerana tidak dapat merealisasikan apa yang dituntut

oleh perkara-perkara yang kelihatan ideal ini. Ini menyebabkan berlakunya ketegangan yang besar kepada ibu bapa yang mahu anak-anak mereka menikmati dunia kanak-kanak. Oleh itu, kepentingan memupuk nilai moral yang baik, keyakinan dan karakter yang baik menjadi sangat penting. Ibu bapa perlu sedar tentang manipulasi dan seksualisasi kanak-kanak secara pramatang oleh budaya konsumerisme (Williams 2002).

Perasaan gembira dan bahagia anak-anak harus datang daripada hubungan rapat dengan masyarakat, komunikasi dan ikatan kekeluargaan, bukan daripada sumber-sumber kebahagiaan yang palsu seperti yang ditonjolkan oleh media (iaitu wang, kuasa dan kemasyhuran).

Pelajaran Keibubapaan Daripada Nabi Musa Dalam Kitab Injil: Apa yang Diungkapkan Nabi Musa

Dengarlah wahai Kaum Israel: Tuhan kita adalah Tuhan yang Satu

(Deuteronomy, 6:4)

Pelajaran 1: Tetapkan keutamaan yang betul! Bagaimana ibu bapa mengajar anak-anak mereka untuk menetapkan keutamaan? Tidak penting apa yang kita tahu sekiranya kita tidak tahu apa yang penting. Sekiranya kita melupakan perkara utama iaitu Tuhan, kita serta-merta akan menjadi hamba kepada manusia lain.

Kamu harus mencintai Tuhanmu dengan sepenuh hati, sepenuh jiwa dan sepenuh kekuatan.

(Deuteronomy, 6:5)

Pelajaran 2: Perhubungan lebih penting daripada peraturan. Syarat kepada peraturan adalah: Kemukakan peraturan yang Sedikit, Penting, Relevan, Mudah dan Mengubah. Peraturan bukan zalim tetapi mengubah tingkah laku dari luar ke dalam, bukan dari dalam ke luar. Bagaimanapun, cinta mengubah hati dan motif seseorang.

Dan perkataan-perkataan ini yang Aku arahkan kamu hari ini akan berada di dalam hatimu.

(Deuteronomy, 6:6)

Pelajaran 3: Masukkan kitab Injil ke dalam dirimu. Penting untuk ibu bapa menyerapkan masuk perkataan-perkataan daripada Tuhan ini ke dalam diri mereka sebelum memupuknya ke dalam diri anak-anak. Perkataan-perkataan ini harus menjadi sebahagian daripada diri ibu bapa sebelum ia menjadi sebahagian daripada anak-anak. Ibu bapa tidak boleh memberi apa yang tidak dimiliki oleh mereka. Jadi, mereka sepatutnya mengamalkan apa yang mereka perkatakan. Sekiranya tidak berhasil di rumah, mereka tidak sepatutnya cuba untuk menyampaikannya.

Kamu harus mengajar Kitab Injil ini dengan teliti kepada anak-anakmu.

(Deuteronomy, 6:7)

Pelajaran 4: Kuantiti masa tidak penting tetapi kuantiti kepada masa yang berkualiti itulah yang penting. Ibu bapa harus mengalukan “detik-detik mengajar” dan rancang untuk waktu itu sekiranya ia tidak datang secara semula jadi. Ibu bapa cenderung

untuk memberikan segala-galanya kepada anak mereka kecuali satu perkara yang sangat mereka perlukan: Masa. Masyarakat kita adalah masyarakat yang berorientasikan kerja bukan berorientasikan keluarga. Isunya bukan mengutamakan jadual kita tetapi menjadualkan keutamaan kita.

Bercakap dengan mereka apabila kamu duduk di rumah kamu, apabila kamu berjalan, ketika kamu berbaring dan ketika kamu bangun.

(Deuteronomy, 6:7)

Pelajaran 5: Apa yang bermanfaat untuk diingat adalah penting juga diulangi. Ibu bapa seharusnya bercakap, menekankan, mengulang dan menjelaskan tentang nilai. Apa yang penting adalah menjadi tepat, padat dan mudah. Tunjuk dan Beritahu: Ibu bapa boleh memperkenalkan anak-anak kepada sanak-saudara, pemimpin, ahli parlimen, tokoh-tokoh agama, imam dan para tetamu yang mengamalkan nilai-nilai yang sedang diajarkan oleh mereka.

Kesimpulan

Di sebalik cabaran-cabaran yang mendarat, keibubapaan adalah sesuatu yang menyeronokkan, boleh dilakukan dan penuh dengan ganjarannya yang tersendiri kepada ibu bapa.

Cabarannya memang banyak (pengaruh rakan sebaya yang buruk, seks di media, silap komunikasi dan salah urus). Salah pemahaman, kesukaran dan mitos memang banyak berlaku (seperti yang akan kita lihat dalam bab berikutnya).

Aktiviti

AKTIVITI 26: MENYAMPAIKAN KONSEP-KONSEP PENTING

Terangkan kepada anak-anak (ambil contoh-contoh anda sendiri) tentang perkara berikut:

- Tidak penting apa yang kita tidak tahu sekiranya kita tidak tahu apa yang penting (keutamaan).
- Masalahnya bukan mengutamakan jadual kita tetapi menjadualkan keutamaan kita
- Penuhi hatimu dengan cinta pada Tuhan supaya kamu boleh mencintai orang lain. Kamu tidak boleh memberi apa yang tidak kamu miliki.

Untuk ibu bapa: Amalkan apa yang anda ceramahkan. Sekeping gambar bernilai seribu patah perkataan. Contoh praktikal bernilai seribu kali lebih baik daripada sekeping gambar.

BAB 6

Salah Tanggapan, Jebakan dan Mitos yang Perlu Dielakkan

- Pengenalan **124**
- Menyanggah Salah Tanggapan dan Jebakan Umum **124**
 - *Menggunakan Kaedah Turun-temurun Secara Membuta Tuli*
 - *Meniru dengan Membuta Tuli*
 - *Memenuhi Impian yang Tidak Tercapai Melalui Anak-anak*
 - *Membahagikan Tugas Ibu Bapa*
 - *Andaikan Logik Sudah Memadai untuk Anak-anak*
 - *Andaikan Ibu bapa Boleh Memenangi Pertempuran Terhadap Anak-anak **123***
 - *Ibu bapa Bergantung pada Hakikat Bahawa Mereka Lebih Besar dan Lebih Berkuasa*
 - *Ibu Bapa Menganggap Mereka Boleh Melayan Semua Anak dengan Cara yang Sama*
 - *Melayan Anak Seperti Orang Dewasa Kecil*
 - *Membelikan Anak-anak Apa Sahaja yang Mereka Mahu*
- Sebahagian Mitos Keibubapaan Disanggah **127**
- Aktiviti 27-28 **131**

Pengenalan

DALAM BAB SEBELUM INI, KAMI MENEKANKAN bahawa membesarkan anak yang baik mendatangkan kesan yang lebih besar daripada sekadar ketenangan fikiran dan kebahagiaan keluarga; ia sebenarnya pembinaan sebuah masyarakat dan ketamadunan. Kami telah menggariskan kepentingan matlamat dan memperincikan sebahagian cabaran utama yang perlu disedari oleh ibu bapa semasa membesarkan anak. Dalam bab ini kami memfokuskan perbincangan kepada penyanggahan pelbagai salah tanggapan yang kelihatan seperti nasihat yang baik untuk keibubapaan yang efektif. Selain itu kami juga menyoroti beberapa masalah yang akan ditemui ibu bapa dan menunjukkan bagaimana untuk mengelakkannya. Kami juga menyanggah sebahagian mitos yang wujud dalam kalangan masyarakat. Kami melakukan ini kerana pelan keibubapaan yang baik, walaupun memudahkan tugas keibubapaan yang sukar, ia tidak akan sempurna sekiranya tidak dapat membimbing ibu bapa melihat halangan-halangan yang mungkin ditemui.

Menyanggah Salah Tanggapan dan Jebakan Umum

MENGUNAKAN KAEDAH TURUN-TEMURUN SECARA MEMBUTA TULI

Kebanyakan kita mempelajari sesetengah tabiat daripada ibu bapa kita. Tidak semua tabiat itu berguna. Sebahagian daripadanya sudah pun ketinggalan zaman atau mungkin berbahaya. Seorang ibu berkata: "Sebaik sahaja saya hamil, saya adalah seorang ibu." Sesetengah ibu bapa, dengan rendah hati dan bersyukur, menegaskan bahawa ibu bapa mereka telah membesarkan mereka dengan baik. Kebanyakan kita menerima kasih sayang yang tidak berbelah bagi daripada ibu bapa kita yang sentiasa mendoakan kebahagiaan kita. Semoga Allah ﷺ merahmati mereka. Walau bagaimanapun, tidak semua ibu bapa kita mempunyai cara, pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan untuk membentuk keibubapaan yang konstruktif.

MENIRU DENGAN MEMBUTA TULI

Meniru dengan membuat tuli adalah satu cara pengasuhan yang salah. Setiap seorang anak itu istimewa dengan caranya tersendiri. Apa yang mungkin baik untuk seorang anak mungkin sebaliknya untuk anak yang lain. Ibu bapa perlu

mencari jalan terbaik dalam mengendalikan anak-anak mereka. Apabila mereka mahu mendapatkan pandangan ibu bapa lain, mereka harus sedar bahawa terdapat pelbagai gaya keibubapaan yang sedang diamalkan dan setiap satu gaya ini berbeza dari segi aplikasinya mengikut keperluan masing-masing. Sesetengah ibu bapa bersikap permisif atau demokratik manakala ibu bapa lain pula tegas dan bersikap diktator.

KEJUTAN BAHARU UNTUK SETIAP LANGKAH

"Mereka yang baru menjadi bapa akan cepat faham bahawa membesarkan anak adalah satu kerja spontan yang mendesak"

(Bill Cosby, Pelakon)

"Keibubapaan bukan sesuatu yang kita pelajari bagaimana melakukannya tetapi akan kita lakukannya dengan sendiri apabila anak-anak itu hadir."

Elkind, 1995

MEMENUHI IMPIAN YANG TIDAK TERCAPAI MELALUI ANAK-ANAK

Ini adalah perilaku lazim ibu bapa yang salah. Ada ibu bapa yang ingin memenuhi impian masa kecil mereka yang tidak tercapai. Jadi,

mereka mendesak anak-anak mereka untuk merealisasikannya. Sebagai contoh, seorang ibu atau bapa yang pernah bercita-cita menjadi doktor atau jurutera tetapi tidak berjaya, mungkin akan memaksa anak mereka mengambil jurusan perubatan atau kejuruteraan, walaupun anak-anak mereka tidak berminat terhadap jurusan-jurusan tersebut. Anak-anak bukanlah sambungan ibu bapa mereka. Mereka juga mempunyai matlamat dan impian mereka sendiri.

Ibu bapa sangat teruja melihat anak-anak mereka sebagai penyambung kepada diri mereka. Mereka akan cuba membetulkan kesilapan mereka melalui anak-anak. Mereka malah mahu membetulkan kesilapan ibu bapa mereka pada masa lalu. Sekiranya ibu bapa tersebut bukan pemain golf yang baik, mereka mahu supaya anak-anak mereka menjadi juara golf. Sekiranya ibu bapa itu lemah dalam matematik, mereka mahu agar anak-anak mereka menjadi seperti Einstein. Sekiranya ibu bapa itu gagal menjadi ahli politik, mereka mahu supaya anak-anak mereka menang dalam setiap pertandingan politik. Keibubapaan bukan zaman kedua kanak-kanak dan anak-anak bukan versi miniatur ibu bapa mereka. Dari awal lagi, mereka adalah individu yang harus dihormati kerana diri mereka dan bukan kerana apa yang mereka akan jadi pada kemudian hari.

MEMBAHAGIKAN TUGAS IBU BAPA

Anggapan yang selalu berlegar-legar adalah pengasuhan boleh dijalankan oleh ibu atau bapa. Sebenarnya, seorang bapa tidak akan dapat menggantikan seorang ibu ataupun sebaliknya. Sama seperti tangan kanan yang tidak akan dapat menggantikan tangan kiri maka begitulah sebaliknya. Setiap ibu bapa memainkan peranan yang khusus dan penting. Tiada datuk dan nenek, saudara-mara atau pengasuh yang boleh

mengambil alih peranan ibu bapa. Mereka semua ini tidak memadai untuk menggantikan ibu bapa.

ANDAIKAN LOGIK SUDAH MEMADAI UNTUK ANAK-ANAK

Perhubungan antara ibu bapa dengan anak-anak bukan hanya berdasarkan pemikiran rasional sahaja apabila melibatkan tabiat dan emosi. Ibu bapa tidak dapat meyakinkan anak-anak supaya makan buah-buahan dan sayur-sayuran dengan berkata: "Makanlah; ini baik untuk kamu. Ada vitamin dan mineral di dalamnya yang penting supaya kamu sihat dan kuat". Meskipun sebab-sebab tersebut penting, ia sebenarnya tidak mencukupi.

ANDAIKAN IBU BAPA BOLEH MEMENANGI PERTEMURAN TERHADAP ANAK-ANAK

Walaupun ibu bapa mungkin dapat memenangi sesetengah pertempuran terhadap anak-anak di sana sini, pada akhirnya anak-anak ini akan membala dengan dendam dan kebencian terhadap ibu bapa. Ibu bapa mungkin secara paksa dapat menghalang anak perempuan mereka yang berumur 10 tahun daripada memenuhi impian-impiannya. Tetapi apabila anak itu mencapai usia 13 tahun, dia mungkin akan lari dari rumah dan hamil. Jadi, dia telah memenangi perbalahan



yang dimulai ibu bapanya suatu ketika dahulu. Anak lelaki mereka mungkin mencuri kereta dan mengakibatkan kemalangan. Ibu bapa hanya mempunyai satu alternatif iaitu untuk menawan anak-anak ke pihak mereka. Bagaimana untuk melakukannya? Dengan mendengar, berbincang, menyayangi, meyakinkan dan memahami mereka. Ia adalah suatu tugas rumit yang memerlukan kesabaran dan komunikasi yang efektif.

IBU BAPA BERGANTUNG PADA HAKIKAT BAHAWA MEREKA LEBIH BESAR DAN LEBIH BERKUASA

Anak-anak tahu yang mereka akhirnya akan menjadi kuat. Sekiranya ibu bapa menggunakan kekuatan untuk menakut-nakutkan dan membuli anak mereka dengan tujuan untuk menjadikan anak-anak niat takut, mereka mungkin menggunakan taktik tingkah laku yang sama apabila dewasa nanti. Sekiranya ibu bapa membuatkan anak-anak merasa mereka berada di pihak yang sama, anak-anak akan membina hubungan yang sihat dengan orang lain. Mereka akan menyedari bahawa kekuatan ibu bapa mereka akan menjadi kekuatan mereka. Ibu bapa yang memaksa anak-anak mereka tidak menyedari bahawa sekiranya mereka menggunakan kasih sayang dan pujuhan, mereka akan mendapat hasil yang sama, bahkan mungkin lebih baik. Sekiranya kasih sayang atau paksaan memberi hasil yang sama, mengapa kita harus menggunakan paksaan?

Layani mereka sebagai Anak Lelaki dan Anak Perempuan

"Anda bukan membesar seorang wira. Anda membesar anak lelaki. Sekiranya anda melayan mereka sebagai anak lelaki, mereka akan membesar sebagai wira, walaupun hanya di mata anda."

(Schirra 2001)

IBU BAPA MENGANGGAP MEREKA BOLEH MELAYAN SEMUA ANAK DENGAN CARA YANG SAMA

Ibu bapa selalu mengandaikan bahawa semua anak adalah sama. Namun hakikatnya tidak sebegitu. Anak-anak diumpamakan seperti sejambak bunga. Pasti ada sekuntum bunga yang tidak sama seperti yang dimahukan oleh penyu sunnya. Anak-anak berbeza dari segi pengendalian tekanan, keupayaan pembelajaran, tahap keyakinan dalam situasi sosial tertentu dan juga hobi mereka. Ibu bapa lambat laun pasti menyedari keistimewaan setiap anak, sama seperti perbezaan mereka. Sungguh menakjubkan melihat bagaimana adik-beradik juga boleh menjadi sangat berbeza. Perbezaan ini mungkin terjadi disebabkan perbezaan jantina dan sosialisasi peranan gender.

MELAYAN ANAK SEPERTI ORANG DEWASA KECIL

Ibu bapa mungkin tersalah fikir bahawa anak seharusnya dilayan seperti orang dewasa kecil. Al-Jarajrah (1998, dalam bahasa Arab) menjelaskan bahawa anak tidak sama seperti orang dewasa yang kecil, seperti kepercayaan orang-orang Greek dan Yunani. Beliau menekankan bahawa fasa terpenting dalam kehidupan seseorang manusia adalah zaman kanak-kanak.

Realitinya, ibu bapa perlu memahami bahawa bukan mudah untuk memahami psikologi anak. Lebih mudah sebenarnya untuk memahami



keperluan biologi bayi (contohnya, jika bayi lapar berinya makan, apabila bayi penat tidurkan atau sekiranya lampin basah bersihkan). Namun, keperluan psikologinya lebih sukar untuk difahami. Orang dewasa juga sukar untuk memahami diri mereka sendiri dari segi psikologi, walaupun mereka lebih kenal diri mereka sendiri berbanding dengan orang lain.

ANAK-ANAK MELATIH IBU BAPA

“Nilai sesebuah perkahwinan bukanlah orang dewasa melahirkan anak tetapi anak melahirkan orang dewasa”

(Peter De Vries di Coloroso 2002)

MEMBELIKAN ANAK-ANAK APA SAHAJA YANG MEREKA MAHU

Ibu bapa tidak seharusnya tergesa-gesa membelikan apa sahaja yang anak-anak mahu. Mereka tidak sepatutnya memanjakan anak-anak dengan kehendak mereka sesuka hati. Ibu bapa bukan hamba kepada anak-anak. Sebaliknya, mereka perlu mendidik anak-anak dengan memberi kerja-kerja rumah dan membantu mereka memahami bahawa hidup ini adalah memberi dan menerima. Perangkap ini begitu samar, hampir tidak kelihatan kerana ibu bapa sudah terbiasa membeli barang untuk bayi mereka dan sebelum mereka menyedari apa yang berlaku, mereka sudah dibanjiri oleh permintaan anak yang semakin besar, yang mula meminta untuk dibelikan pakaian, CD, DVD dan permainan.

Sebahagian Mitos Keibubapaan Disanggah

Proses pembesaran anak-anak perlu digambarkan sebagai sesuatu yang cukup romantis demi menarik perhatian pasangan ibu bapa supaya kembali kepada peranan keibubapaan sepenuh masa kerana



masyarakat tidak dapat berkembang tanpa penambahan orang baru. Sebahagian ibu bapa percaya bahawa m e m b e s a r k a n anak-anak memang menyeronokkan. Mereka percaya bahawa ibu bapa yang baik akan menghasilkan anak-anak yang baik, bahawa kasih sayang dan naluri sahaja sudah cukup bagi pengasuhan yang berjaya, bahawa anak-anak akan menghargai segala pengorbanan yang dilakukan ibu bapa untuk mereka, bahawa kemahiran mengasuh muncul secara semula jadi dan nilai kekeluargaan mudah untuk dipupuk. Kepercayaan-kepercayaan ini tidak mencerminkan realiti keibubapaan. Di bawah ini kami ringkaskan dan olah semula sebahagian kepercayaan tentang keibubapaan (mitos) yang sudah tersebar luas dalam kalangan masyarakat namun tidak disokong oleh fakta. (Knox dan Schact 1997)

Mitos 1: Membesarkan anak-anak sentiasa menyeronokkan. Bakal ibu bapa melihat iklan di televisyen yang menunjukkan ibu bapa muda bermain dengan anak-anak mereka di taman. Lalu mereka merasakan itulah satu-satunya cara membesarkan anak: keseronokan berpanjangan. Hakikatnya amat berbeza.

Idea tentang keseronokan membawa maksud bahawa seseorang itu boleh mengambil atau meninggalkannya. Realitinya, ibu bapa mesti bersama anak-anak dan terus menjaga mereka, sama ada mereka menyukai pengalaman tersebut ataupun tidak. Sebaik-

baik sahaja mereka mula menjadi ibu bapa, mereka tidak boleh berhenti sesuka hati.

Mitos 2: Ibu bapa yang baik semestinya menghasilkan anak-anak yang baik.

Kebanyakan orang beranggapan bahawa anak-anak yang membesar menjadi “sesat” (penagih dadah, pencuri, pelacur atau sindiket penipuan) mempunyai ibu bapa yang tidak memainkan

KEIBUBAPAAN KADANGKALA MENGECEWAKAN

Ada ketikanya keibubapaan kelihatan tidak memberi makna kerana hanya seperti memberi makan kepada mereka yang tidak bersyukur.

peranan keibubapaan dengan baik dan betul. Kita cenderung meletakkan kesalahahan ke atas ibu bapa apabila

anak-anak gagal. Walau bagaimanapun, ramai ibu bapa yang baik telah melakukan apa yang mereka termampu sehabis baik. Namun, anak-anak mereka tidak membesar seperti yang diharapkan (seperti anak Nabi Nuh a.s.). Terdapat juga yang berlaku sebaliknya. Ibu bapa mungkin bukan daripada kalangan orang baik-baik tetapi anak-anak membesar menjadi orang berguna (contohnya Nabi Musa a.s. yang membesar di istana Firaun dan Nabi Ibrahim yang mempunyai ayah yang kufur dan menentang perjuangannya).

Mitos 3: Anak-anak Pandai Menghargai.

Kebanyakan ibu bapa berfikir bahawa sekiranya semua keperluan anak dipenuhi, anak-anak akan menghargai pengorbanan mereka.

Ini tidak selalunya benar. Ibu bapa yang mencurahkan kasih sayang, penjagaan dan

Manusia Merancang,
Tuhan Yang Menentukan
Kita mungkin telah merancang sehabis baik untuk kelahiran bayi yang pertama, tetapi setelah kelahirannya, segala yang tidak dirancang yang terjadi..



didikan kepada anak-anak mereka mungkin tidak akan dihargai oleh anak-anak. Sesetengah ibu bapa beranggapan bahawa anak-anak akan menghargai mereka sekiranya mereka memenuhi keperluan material (seperti baju, permainan, komputer dan kereta). Anggapan itu selalunya salah. Sebahagian anak-anak berfikir mereka layak memiliki apa yang diberikan ibu bapa mereka, dan tidak berasa bertanggungjawab untuk menghargai semua perkara yang telah dilakukan ibu bapa untuk mereka.

Mitos 4: Kemahiran Keibubapaan datang secara semula jadi.

Segelintir pihak percaya bahawa tidak ada keperluan untuk latihan formal dalam keibubapaan. Dalam kebanyakan negara, terdapat lebih banyak kursus memandu daripada kursus keibubapaan.

Terdapat perbezaan yang jelas antara mereka yang baru menjadi ibu dan yang telah mahir.

Para ibu yang baharu kurang mampu memahami matlamat dan keperluan anak-

anak. Mereka juga tidak mengetahui tingkah laku apa yang perlu dijangkakan daripada anak-anak apabila mereka dewasa. Sebaliknya bagi ibu-ibu yang pakar, mereka lebih memahami cara pemikiran dan tingkah laku anak-anak. Tanpa adanya latihan, ramai orang cenderung melakukan kesalahan sama yang dilakukan oleh ibu bapa mereka.

Mitos 5: Nilai kekeluargaan mudah dipupuk.

Kepada ramai orang, maksud nilai kekeluargaan adalah:

- Hormat kepada orang tua dan orang lain.
- Menghargai perbezaan antara orang ramai.
- Keupayaan untuk berbincang tentang perbezaan dengan tenang dan mencari cara-cara yang terbaik untuk menyelesaikannya.
- Berpegang kepada sesuatu yang baik, walaupun sukar untuk dilakukan.
- Membuat dan melaksanakan komitmen.
- Mengekalkan integriti peribadi pada setiap masa.
- Membantu orang lain dan berkhidmat kepada masyarakat.

Jelasnya, kesemua di atas dan banyak nilai lain tidak mudah untuk diajar.

Kegilaan dan Kebijaksanaan!

"Kegilaan adalah keturunan, anda dapatinya daripada anak-anak anda."

Sam Levenson (Brown 1994)

"Seni untuk menjadi bijak adalah seni mengetahui apa yang perlu diabaikan."

William James (Lazear 1993)

Mitos 6: Gerak Hati, Logik Akal dan Kasih Sayang Sudah Mencukupi. Ibu bapa memerlukan pendidikan dan juga kemahiran. Keibubapaan adalah siri peristiwa kecil, konflik berkala serta krisis yang datang tiba-tiba dan tiada kesudahannya yang memerlukan respons segera. Respons membawa kepada akibat kerana setiap respon memberi kesan kepada personaliti anak-anak sama ada baik mahu pun buruk. Memberi respon yang betul kepada keperluan seorang anak adalah kemahiran yang perlu dipelajari.

Karakter seorang anak dibentuk melalui pengalaman-pengalaman yang dilalui bersama orang yang berlainan dan dalam pelbagai situasi yang berbeza. Ciri-ciri karakter tidak dapat diajar sewenang-wenangnya. Tiada siapa dapat mengajar tentang kesetiaan melalui ceramah, keberanian melalui surat-menyurat dan dunia kelelakian atau kewanitaan melalui proses osmosis. Pembinaan karakter memerlukan ilmu tentang psikologi anak-anak dan fasa pembesaran mereka. Ibu bapa mahu anak remaja mereka memiliki perasaan belas kasihan, komitmen dan keberanian. Untuk itu, ibu bapa perlu mempelajari kaedah-kaedah yang betul supaya dapat menterjemahkan keinginan-keinginan yang ideal itu kepada hasil yang memberangsangkan.

PENGALAMAN KALI PERTAMA

KEIBUBAPAAN BOLEH DIPELAJARI MELALUI PENGALAMAN PERTAMA. NAMUN PENGALAMAN ADALAH GURU YANG TEGAS: IA MEMBERI UJIAN TERLEBIH DAHULU DAN PENGAJARAN KEMUDIANNYA. CUBA BACA PETIKAN INI: "OH TUHAN, BOLEHKAH AKU TIDAK BELAJAR SETIAP PENGAJARAN DALAM KEHIDUPAN DARIPADA PENGALAMAN PERTAMA"

Mitos 7: Kesalahfahaman tentang syahid-dirinya. Sebahagian ibu bapa percaya (daripada perasaan yang baik) bahawa mereka perlu mengorbankan diri demi anak-anak. Tambahan pula, mereka menganggap agama memerlukan mereka untuk melakukan sedemikian. Hakikatnya kekayaan dan anak-anak perlu dilihat sebagai kegembiraan dan perhiasan untuk ibu bapa, bukan suatu bentuk penyeksaan dan penderitaan.

Harta dan anak-anak adalah perhiasan hidup di dunia tetapi amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pahala balasannya di sisi Tuhanmu serta lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.

(Surah al-Kahfi: ayat 46)

Ibu bapa, khususnya ibu tidak sepatutnya membuat pengorbanan tanpa batasan untuk anak-anak mereka atau bertindak seperti pembantu rumah untuk memenuhi keperluan mereka. Ibu-ibu sepatutnya dibantu dan dilayan dengan sebaik-baiknya. Mereka perlu menjaga diri mereka dahulu, kemudian barulah menjaga anak-anak.

Mitos 8: Tanggungjawab paling utama adalah perhubungan dengan anak. Perkara

sebenarnya adalah bahawa tanggungjawab pertama seseorang adalah kepada dirinya sendiri dan bukan perhubungan dengan orang yang lain.

Pada hari ketika manusia lari daripada saudaranya, daripada ibu dan bapanya, daripada isteri dan anak-anaknya. Setiap orang daripada mereka pada hari itu mempunyai urusan yang cukup menyibukkan mereka.


(Surah 'Abasa: ayat 34-37)

Carilah keseimbangan antara diri sendiri, anak-anak dan juga Pencipta. Nabi ﷺ bersabda:

Pasanganmu mempunyai hak ke atasmu, tubuh badanmu mempunyai hak ke atas kami, Pencipta kamu juga mempunyai hak ke atas dirimu. Jadi, berilah hak yang sewajarnya kepada setiap mereka.

(Al-Bukhari)

Hak yang dimaksudkan ini termasuklah mengambil berat tentang kesihatan diri, kegembiraan, keinginan yang dibenarkan, persahabatan dan percutian.



Aktiviti

AKTIVITI 27: PENGALAMAN DIRI YANG SUKAR

Daripada pengalaman anda sendiri sebagai ibu bapa, huraikan mengapa keibubapaan itu sukar dan bagaimana? Lakukan perbincangan ini dalam perjumpaan keluarga bersama anak-anak anda. Ia mungkin membuka mata mereka tentang realiti kesusahan dalam kehidupan.

AKTIVITI 28: PERBINCANGAN TENTANG PANDANGAN TERHADAP KEIBUBAPAAN

Terangkan ayat-ayat berikut kepada keluarga dengan kehadiran semua ahli keluarga. Bincangkan pendapat anda dengan memperincikan perkara tentang kesusahan dan kegembiraan dalam membesarkan anak-anak. Ceritakan kisah sebenar tentang orang yang anda kenali!

Seorang bapa berkata: "Anak-anak diciptakan untuk menghukum ibu bapa," tetapi al-Qur'an menyatakan:

Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia tetapi amalan-amalan yang kekal lagi saleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan.

(Surah al-Kahfi: ayat 46)

Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu ada yang menjadi musuh bagi kamu, maka berhati-hatilah kamu terhadap mereka. Dan jika kamu memaafkan dan berlapang dada serta mengampunkan (mereka), maka sesungguhnya Allah adalah al-Ghafur (Maha Pengampun), lagi al-Rahim (Maha Mengasihani).

(Surah at-Taghabun: ayat 14)

Sesungguhnya harta-harta kamu dan anak-anak kamu hanyalah ujian. Dan Allah, di sisi-Nya pahala yang besar.

(Surah at-Taghabun: ayat 15)



BAB 7

Apabila Kesilapan Berlaku

- Pengenalan **134**
- Kemarahan, Pemberontakan, Tantrum dan Tangisan **135**
 - Beberapa Kaedah Mendisiplinkan Anak Degil
- Buli: Anda dan Anak Anda **136**
- Apa yang Perlu Dilakukan Sekiranya Anak Anda Dibuli? **137**
- Remaja: Kritikan Tentang Gagasan Keremajaan **138**
- Kemarahan dalam Diri Remaja dan Diri Kita **139**
- Menjadi Ibu Bapa kepada Remaja Pemarah Membangkitkan Kemarahan dalam Diri Sendiri **141**
- Apakah yang Boleh Kita Lakukan untuk Anak-Anak Remaja dan Diri Kita? **141**
- Beberapa Prinsip Komunikasi yang Baik **142**
- Aktiviti 29-30 **144**

Pengenalan

TIADA YANG DAPAT menjadi jaminan muktamad kepada kejayaan sesebuah perhubungan, termasuklah perhubungan antara ibu bapa dan anak. Keadaan boleh dan mungkin bertukar kepada sebaliknya. Pada saat anda bangga melihat anak anda yang baru lahir, anda pasti dipenuhi dengan harapan dan perasaan optimis. Anda berdoa supaya dapat melalui saat-saat indah bersama anak ini, dan anda mengharapkan kasih sayang, ketaatan, dan penghormatan daripadanya. Sendirian, hati anda berkata-kata: "Alangkah indahnya saat-saat perhubungan ini nanti!"

Lima belas tahun kemudian, anda akan tertanya-tanya: "Apa yang sudah terjadi?" Anda sudah mencuba sedaya upaya untuk melakukan segala-galanya. Segala yang terbaik dan semaksimum yang mungkin untuk membesarkan anak ini dengan kasih sayang, disiplin, dan keimanan. Namun, bagaimana anak anda, pada

usia remajanya boleh bertukar menjadi Raksasa, dengan ejaan huruf besar R?

Seorang ibu atau bapa pasti terkejut apabila dikhaskan bahawa anak mereka yang merupakan pelajar cemerlang dan mempunyai kesihatan yang amat baik sebenarnya mengalami masalah emosi yang serius. Si anak tidak matang dari segi psikologi. Sebahagian ibu bapa mungkin tidak sedar yang anak mereka mempunyai masalah emosi, terutamanya apabila anak itu sangat cemerlang di sekolah dan dilihat normal dari segi mental dan fizikal. Sebenarnya, dia boleh menjadi seorang pelajar paling cemerlang di dalam kelas, tetapi kurang keupayaan emosi. Petunjuk atau komen-komen biasa kepada ibu bapa tentang perkara ini boleh datang daripada guru-guru, rakan-rakan atau saudara mara. Ibu bapa harus menganggap perkara ia sebagai sesuatu yang serius dan terus mengambil tindakan pemulihan yang sewajarnya.



Bab ini akan membincangkan apa yang boleh dilakukan apabila perkara-perkara buruk terjadi. Beri tumpuan kepada cara menangani kesulitan ini lebih baik daripada berdiam diri atau asyik bertanya di mana silap kita sebagai ibu bapa. Kita akan meneliti isu-isu kemarahan, tantrum, buli, dan salah laku remaja. Dalam bab ini juga, kita akan

Seorang ibu berkata: "Kami tinggal di pinggiran kota yang aman. Anak-anak kami pergi ke sekolah terbaik. Dan kami meluangkan banyak masa bersama-sama sebagai sebuah keluarga.

Kami pergi berhemah, berbasikal dan berenang. Sekarang anak kami berada di dalam penjara. Suatu malam, dia mencuri di sebuah kedai dan ditembak di kaki. Kami telah berhenti bertanya kepada diri kami sendiri, di mana salah kami. Dia berumur dua puluh tiga tahun, dan hanyut ke dalam persahabatan dengan sekumpulan pemuda yang tiba-tiba mengambil keputusan untuk mencuri."

melihat komunikasi secara terbuka sebagai alat penting dalam menghadapi isu-isu yang dialami. Tiada satu pun masalah, walaupun sebesar mana pun ia, yang tidak ada jalan penyelesaiannya.

Apabila sesuatu perkara buruk berlaku, tidak kira sebesar mana pun, ia tidak seharusnya dilihat

sebagai kegagalan ibu bapa. Ia tidak semestinya kesalahan kita sebagai ibu bapa atau kesilapan yang disengajakan. Anak-anak kita, lelaki atau perempuan sentiasa berubah. Peralihan dari zaman kanak-kanak ke alam dewasa sering kali menyebabkan pergeseran. Kita tidak boleh menyalahkan diri sendiri atau pasangan. Ibu bapa tidak perlu bimbang dengan semua kesukaran yang dibawa oleh tugas keibubapaan. Halangan-halangan boleh diatasi dengan keibubapaan yang baik. Ia akan menjadi pengalaman yang membahagiakan. Harapan dan doa kita, begitu juga pencarian ilmu, kemahiran dan bimbingan daripada ibu bapa lain adalah syarat jaminan yang membawa kejayaan.

Kemarahan, Pemberontakan, Tantrum dan Air Mata

Anak-anak sentiasa belajar dan membesar sepanjang masa. Salah satu perkara yang akan menguji ibu bapa adalah tahap pengawalan dan penguasaan. Ini boleh menjadi medan pertarungan tentang kehendak. Leteran ibu bapa tidak dapat menghentikan anak-anak yang degil, yang menjerit dan mengganggu seluruh isi rumah sesuka hati mereka. Mereka mungkin juga akan menangis tanpa henti sehingga mendapat perhatian ibu bapa. Ibu bapa pasti merasa sungguh tertekan dan cara paling mudah adalah dengan mengalah kepada kehendak mereka. Tindakan ini salah kerana untuk jangka masa panjang, ia akan mengukuhkan idea bahawa perhatian boleh didapatkan melalui cara ini. Menjerit, memukul dan memaksa anak-anak juga tidak menyelesaikan masalah.

Jalan penyelesaiannya ialah penggunaan kaedah disiplin yang bijak, yang boleh mendidik anak-anak untuk menghormati peraturan kita dan meletakkan kuasa kawalan di tangan kita.

BEBERAPA KADEAH UNTUK MENDISIPLINKAN ANAK DEGIL

Disiplin memperbaiki tingkah laku, hukuman merosakkan kelakuan

- Bercakap dengan nada suara biasa dan menekankan akibat-akibat daripada tingkah laku yang buruk. Fokus anak-anak ini seharusnya ditumpukan kepada akibat-akibat daripada sikap ketidakpatuhan. Sekiranya kaedah ini tidak berhasil, tumpukan kepada suara dan pandangan mata. Ini adalah langkah pertama sebelum sebarang tindakan dilakukan. Gunakan suara yang tegas dan tenang serta tidak menjerit.
- Pastikan anak ini tahu bahawa anda serius dan pandang tepat ke matanya. Ingatkannya beberapa kali dengan jelas dan perlahan-lahan. Sekiranya dia enggan mendengar, dekati dia dankekalkan nada suara dan pandangan mata. Ulangi lagi dengan tenang.
- Sekiranya langkah ini tidak berkesan, gunakan peraturan kesan-akibat. Senaraikan perkara-perkara yang akan berlaku (akibat) sekiranya mereka tidak patuh. Bagi mengekalkan rasa hormat, akibat-akibat ini harus terus dipantau oleh ibu bapa. Jika tidak, anak-anak tidak akan mengambil berat apabila kita menegurnya. Sekiranya mereka mula menjerit, merengek,



melemparkan kemarahan, jangan sesekali membalaunya dengan cara yang sama. Beritahu dia dengan tenang tentang akibat-akibat daripada perlakuannya dan pastikan dia faham berapa lama dia harus mematuhi peraturan tersebut. Berikan masa kepadanya untuk patuh, dan jangan mengharap hasil serta merta. Selepas melaksanakan kaedah ini, pergi dari situ.

- Terdapat beberapa “akibat” yang boleh diguna pakai oleh ibu bapa. Perhatikan anak anda. Selidiki apa yang dihargai dan apa barang kesayangan mereka. Ambil barang ini untuk seketika. Ia boleh jadi mainan kesukaan atau tempat-tempat kesukaan mereka. Apabila dia menyesal atau kembali tenang, ganjarinya dengan kasih sayang yang erat kerana telah berlaku baik. Anda mungkin perlu melakukannya lagi untuk menguatkan kepatuhan ini sekiranya anak itu terus membuat perangai.
- Pilih satu tempat sebagai “kawasan pengasingan” di mana anak anda mesti duduk diam di situ sementara anda meneruskan kerja dengan tenang, sehingga dia memohon maaf. Maafkannya dengan serta-merta dan segera lupakan insiden itu supaya suasana boleh bertukar. Idea tentang “kawasan” ini, apa sahaja nama yang anda pilih untuk menamakannya adalah untuk manafikan perhatian kepadanya sehingga dia merasa kehilangan keistimewaan untuk bersama dengan yang lain. Pada wakti ini jangan berbual dengannya. Biarkan dia keseorangan. Tempat yang anda pilih sepatutnya tempat yang membosankan atau yang sunyi. Yang penting, ia bukanlah bilik tidur anak anda. Sekiranya dia dihantar ke tempat ini, tentukan tempoh masa yang mesti

dia lalui untuk tinggal di situ. Sekiranya dia cuba untuk berkomunikasi dalam nada marah atau nada mempertahankan, abaikannya.

- Berikan ganjaran kepada anak-anak sekiranya mereka berkelakuan baik. Jangan merasauh mereka untuk berkelakuan baik atau semasa mereka sedang berperangai. Perkara ini bukan suatu amalan yang baik kerana anak-anak tidak akan belajar sesuatu yang penting daripadanya.

Buli: Anda dan Anak Anda

Buli memberi kesan kepada anak. Mengesan tanda-tanda awal boleh menyelamatkan perasaan sakit hati dan tertekan. Buli berlaku apabila anak anda dihantui, diganggu, atau diserang. Ibu bapa patut berjaga-jaga kerana ramai anak takut untuk memberitahu ibu bapa mereka apabila mereka dibuli. Lihat tingkah laku anak-anak anda yang luar biasa dan respons dengan tenang sekiranya ada yang tidak kena. Bullying Online (<http://www.bullying.co.uk>) adalah laman sesawang khusus bagi mengatasi masalah buli. Ia menyatakan: “Lebih kurang seramai 16 orang kanak-kanak di UK membunuh diri setiap tahun kerana tertekan akibat dibuli. Pihak sekolah biasanya akan mengatakan yang mereka tidak tahu apa yang sedang berlaku. Tetapi, para pembuli pastinya tahu apa yang telah mereka lakukan. Begitu juga dengan rakan-rakan mereka. Sudah terlalu lambat untuk menyesal sekiranya ada yang terkorban atau jatuh sakit sehingga memerlukan rawatan perubatan”

Di Malaysia, berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat 2,323 kes buli yang melibatkan pelajar sekolah dari tahun 2012 hingga Jun 2017 dengan penurunan kes sebanyak 846 kes pada tahun 2012 kepada 332 kes tahun 2016. (Teks Ucapan YB Dato' Seri Rohani Haji Abdul

LAMAN SESAWANG ‘BULLYING ONLINE’ MENYENARAIKAN BEBERAPA TANDA ANAK ANDA SEDANG DIBULI

- Pakaian terkoyak
- Hilang’ duit
- Terpisah daripada rakan-rakan rapat
- Kepala angin dan panas baran
- Mendiamkan diri
- Memilih untuk sentiasa berada di rumah
- Agresif dengan adik-beradik
- Enggan menyiapkan kerja sekolah
- Mempunyai masalah tidur
- Kerap cemas
- Pulang ke rumah dengan lebam dan luka
- Meminta ganti bagi barang yang hilang

Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempena Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Sahabat B.I.J.A.K. “SAFE AND PROTECT”, 8 Ogos 2017). Malah kes buli merupakan kes yang diambil perhatian berat oleh pihak sekolah, pihak mahkamah melalui PDRM dan Kementerian Pendidikan bagi memastikan kebijakan dan keselamatan kanak-kanak terjaga

(<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/305199/jumlah-kes-buli-murid-turun-terkawal>).

Apa yang Perlu Dilakukan Sekiranya Anak Anda Dibuli?

Kebanyakan anak tidak mahu memberitahu yang dia dibuli. Oleh itu, cara ibu bapa menangani isu ini sangat penting. Kuncinya adalah tidak boleh bertindak berlebihan atau memaksa anak memberikan jawapan. Bertanyakan soalan-soalan seperti “bagaimana sekolah hari ini?” boleh membantu merungkai maklumat penting. Bagaimanapun, kebanyakan anak tidak mahu menceritakan perihal hari persekolahan mereka dan merasakan soalan sebegini amat menganggu. Jadi, penting untuk ibu bapa memberi perhatian kepada perkara yang luar biasa.

Anak-anak perlu merasa selesa dan cukup terbuka untuk menceritakan kepada ibu bapa perkara-perkara seperti buli atau momen-

momen tidak bahagia dalam kehidupan mereka. Komunikasi terbuka penting untuk dibina sejak kecil lagi. Mempunyai hubungan rapat dan terbuka bersama anak-anak membolehkan mereka bersikap terbuka tentang ketakutan mereka.

Mereka harus merasa yang kita boleh didekati untuk bercerita tentang masalah mereka. Ini menjimatkan masa dan tenaga. Meminta anak memberitahu “apa yang tidak kena” tidak memberikan apa-apa kesan sekiranya anak tidak selesa untuk berbincang tentang perihal tersebut dengan kita.



- Kebanyakan sekolah mempunyai polisi antibuli. Menghubungi pihak sekolah anak anda adalah langkah pertama. Langkah seterusnya adalah berjumpa dengan guru sekolah anak anda untuk membincangkan isu ini.
- Jangan mengajar anak anda berdendam, kerana ia bukan jalan penyelesaiannya tetapi boleh menyebabkan lebih banyak masalah berlaku. Memukul pelajar lain tidak akan menghentikan masalah, kerana ia boleh menyebabkan anak anda diberhentikan ataupun dibuang sekolah.
- Sebagai ibu bapa, bawa bertenang dan jangan panik atau terus menghubungi ibu bapa pelajar yang membuli anak anda. Walaupun perkara ini adalah reaksi pertama ibu bapa, kadang kala ia hanya akan memburukkan keadaan. Lebih baik sekiranya pihak sekolah yang berhubung dengan ibu bapa pelajar yang membuli anak anda.
- Kerap berkomunikasi dengan anak anda dan pihak sekolah bagi mengetahui sekiranya amalan buli-membuli ini telah berhenti.

Sekiranya belum berhenti, hubungi pihak sekolah sekali lagi.

- Bantu anak anda supaya dapat menghadapi buli dengan membina keyakinannya. Menghadiri kelas seni pertahanan diri dapat membantu dalam hal ini.
- Ajarkan anak anda tentang strategi keselamatan. Ajarinya bagaimana untuk meminta pertolongan daripada orang dewasa apabila diserang pembuli. Pastikan anda memaklumkan anak anda, kepada siapa patut dia minta pertolongan dan lakonkan dialog senario apa yang patut dia katakan. Yakinkan anak anda bahawa dia tidak perlu merasa bersalah untuk melaporkan masalah pembulian.
- Minta para guru untuk memberi aktiviti yang boleh anak anda lakukan pada waktu makan atau rehat di kawasan yang selamat.

Lawati laman sesawang seperti (<http://stopbullyingnow.hrsa.gov>) dan belajar bagaimana ibu bapa lain menangani masalah buli dan strategi-strategi yang digunakan oleh mereka.

Remaja: Kritikan Tentang Gagasan Keremajaan

Zaman remaja merupakan peringkat yang paling mencabar dalam membesarkan anak-anak. Dr. Imad al-Dean Ahmed berpendapat bahawa remaja boleh menjadi pemimpin dalam suatu persekitaran yang menitikberatkan soal kebebasan. Zaman remaja didefinisikan sebagai “tempoh masa antara akil baligh dan kedewasaan.” Masyarakat terdahulu menganggap akil baligh sebagai permulaan alam dewasa. Agama-agama samawi telah menjelaskan fakta ini dalam ritual dan undang-undang

mereka. Dalam agama Yahudi, anak lelaki akan mengisyiharkan bahawa “hari ini saya seorang lelaki dewasa” dalam upacara ‘*bar mitzvah*’ iaitu upacara meraikan anak lelaki yang mencapai usia akil baligh (kebiasaannya berusia 13 tahun).

Dalam Islam, anak perempuan akan menjadi seorang wanita apabila pertama kali mengalami haid dan ketika ini solat diwajibkan ke atas mereka kerana mereka dianggap telah mencapai akil baligh.

Semasa zaman remaja, anak-anak muda ini perlu diberi tanggungjawab orang dewasa bagi membantu mereka mencapai tahap kematangan.

Pada zaman moden, persekolahan formal untuk semua anak telah menggantikan model perantisan masyarakat terdahulu. Memaksa masyarakat umum menerima sistem pendidikan formal menafikan kemungkinan anak-anak remaja bertindak seperti orang dewasa. Malah posisi sebagai perantis juga tidak dibenarkan dalam kebanyakan tempat sehingga pada akhir pendidikan formal, iaitu sekolah menengah atas (usia 17-18 tahun) atau kolej/prauniversiti (usia 19-22 tahun). Mewajibkan anak-anak memasuki sistem persekolahan yang bertindak sebagai loco parentis (mengambil alih tempat ibu bapa) memerlukan kita menganggap diri mereka sebagai kanak-kanak, bukannya orang dewasa yang belum matang. Selanjutnya, seperti yang termaktub di dalam undang-undang, bukan suatu kebetulan, dianggap bahawa semua anak matang pada usia 18 atau 21 tahun. Sebenarnya, anak matang dari segi fizikalnya dalam lingkungan usia 19 tahun, walaupun mereka matang dari segi mental lebih awal lagi. Manakala dari segi emosi, manusia akan matang pada julat usia yang lebih luas (dan sesetengahnya tidak matang pun dari segi emosinya).

Pada masa lalu, menganggap remaja sebagai orang dewasa dapat menggalakkan kemampuan mental dan kepimpinan serta meningkatkan kematangan emosi mereka. Model moden hari ini melayan remaja seperti anak kecil, memupuk sikap kebergantungan dan menghina harga diri mereka. Dalam masyarakat tradisional, remaja berusia 15 tahun sudah pun menceburi bidang pendidikan, perniagaan, masyarakat civil, peperangan malah berkahwin. Manakala dalam masyarakat moden, mereka dianggap seperti anak-anak kecil. Malah untuk mendapatkan biasiswa bagi sesuatu perkara yang serius seperti pendidikan tinggi,

mereka perlu menunggu sehingga pendaftaran ke prauniversiti atau universiti. Kelewatan memberi tanggungjawab dewasa kepada remaja sebenarnya menyebabkan kerugian besar kepada kita.

Ia menjadi penyebab kepada banyak masalah yang berlaku di dalam masyarakat berkaitan orang muda. Pertamanya, tidak semua remaja sesuai dan mahu belajar. Berlaku ketegangan dalam kalangan ramai remaja terhadap sistem persekolahan yang mereka alui. Mereka yang mendapat biasiswa pula tidak berpuas hati kerana dilayan seperti kanak-kanak. Mereka yang dinafikan oleh undang-undang untuk bekerja sehingga berusia 16 tahun, mungkin terlibat dengan kegiatan haram (seperti jual beli dadah). Remaja yang masih tercari-cari tempat dalam masyarakat pula akan menyertai kumpulan-kumpulan haram. Mereka yang cemerlang dalam pendidikan tidak formal atau yang genius mungkin kecewa berada di sekolah-sekolah formal. Ramai antara mereka didiagnos dengan 'kecelaruan kurang daya tumpuan (attention deficit disorder)' kerana minda mereka tidak fokus kepada tugas-tugas yang terlalu membosankan. Pada zaman terdahulu, anak-anak remaja dapat melampiaskan nafsu syahwat mereka di dalam sebuah perkahwinan yang suci. Namun di masa kini, anak-anak remaja ini yang tidak dapat menahan diri daripada hubungan seks akibat tidak dapat berkahwin awal, berkemungkinan mempunyai anak di luar pernikahan atau mungkin menggugurkan kandungan mereka.

Remedi undang-undang kepada masalah-masalah ini tidak dapat dirangkumkan di dalam buku ini. Walau bagaimanapun, penting bagi ibu bapa untuk tidak melakukan kesilapan yang telah dilakukan dalam masyarakat moden hari ini. Usah menganggap anak-anak remaja seperti anak kecil. Layani mereka sebagaimana anda melayan

rakan sekerja anda yang lebih muda. Sedarlah bahawa mereka bukan sahaja memerlukan bimbingan dan pengalaman tetapi juga penghormatan, tanggungjawab dan bimbingan mentor. Galakkan mereka untuk mengambil

tanggungjawab sebanyak yang mungkin. Berikan juga mereka tanggungjawab kewangan seperti kerja di hari Sabtu supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan dunia pekerjaan dan memperoleh pendapatan.

Kemarahan Dalam Diri Remaja Dan Diri Kita

KEMARAHAN HANYALAH SELANGKAH DARIPADA BAHAYA

Amarah dalam diri remaja mungkin emosi yang paling sukar untuk ditangani ibu bapa. Linda Labelle (Focus Adolescent Services) menerangkan dan menganalisis isu ini dengan menggunakan dua contoh di bawah untuk memberi gambaran kepada kes ini:

Contoh 1: Karina seorang pelajar Tingkatan 3 yang merasakan dirinya tidak bernilai lagi. Walau sekutu mana pun dia mencuba, dia nampaknya masih tidak mampu menyesuaikan diri. Pada suatu hari dia cuba untuk menjalani uji bakat bagi persembahan di sekolah. Tatkala berada di atas pentas, dia terus kaku dan berhenti di pertengahan uji bakat. Kini, semua orang di sekolah tahu tentang perkara itu dan Karina sangat pasti yang dia akan menjadi bahan ketawa. Dia tidak akan berterus terang tentang perasaannya. Dia tahu apa yang difikirkan oleh semua orang dan mereka benar. Dia memang tidak cukup bagus dan dia tidak akan sekali-kali sesuai di situ. Karina benci pada mereka semua.

Contoh 2: Rifqi menumbuk dinding bilik tidurnya. Tidak cukup dengan itu, dia mengambil tin minuman dan melemparkannya ke ruang tamu. Cecair minuman tersebut menitis turun di dinding dan jatuh ke atas karpet. "Ayah tidak boleh paksa saya..." dia menjerit. "Saya tidak mahu pergi ke mananya. Saya akan buat apa yang saya mahu!" Rifqi berlari menuruni tangga dan keluar melalui pintu hadapan. Ayahnya berlari mengejar dan menjerit kepadanya supaya masuk ke dalam rumah. Tetapi Rifqi sudah

pun berada di atas motosikal dan memecut laju. Rifqi sangat marah dengan ayahnya. Dia mempunyai perkara yang lebih penting daripada melawat keluarganya. Dia dan rakan-rakannya sudah ada rancangan. Ayah tidak boleh mengongkong hidupnya. Dia tahu yang dia akan tenang apabila merokok.

Apakah persamaan antara dua kisah di atas?

Mereka bertarung dengan kemarahan. Mereka tidak mendapat apa yang diinginkan. Dan perkara berlaku tidak seperti yang merekakehendaki. Mereka sangat tidak berpuas hati atau membina permusuhan terhadap seseorang atau sesuatu yang muncul apabila mereka sedar tidak semua perkara di bawah kawalan mereka.

Kemarahan adalah suatu perasaan, bukannya tingkah laku

Kemarahan berlaku dalam pelbagai bentuk, daripada rasa jengkel dan sakit hati kepada perasaan berang dan mengamuk. Apa yang kita lihat adalah ekspresi bentuk marah itu iaitu tingkah laku. Karina menahan kemarahannya dan mengundur diri. Rifqi sebaliknya, melepaskan kemarahan dengan menghancurkan harta benda. Mereka berdua akan meneruskan tingkah laku tersebut dan akan bertambah buruk, melainkan mereka

memutuskan untuk mencari punca kemarahan tersebut di dalam diri mereka.

Kemarahan boleh membawa padah atau mendatangkan manfaat.

Kemarahan adalah emosi yang menakutkan. Ekspresi negatifnya termasuk keganasan fizikal dan verbal, prejudis, gosip liar, perlakuan antisosial, sarkastik, ketagihan, penarikan diri dan gangguan psikosomatik. Ini akan menghancurkan kehidupan, memusnahkan perhubungan, mencederakan orang lain, mengganggu

kerja, kerap termenung, merosakkan kesihatan, dan memusnahkan masa hadapan.

Namun demikian, terdapat juga aspek positif. Ia menunjukkan kepada kita bawa ada masalah yang wujud kerana kemarahan biasanya adalah emosi sekunder yang dibawa oleh perasaan takut. Ia boleh memotivasi kita untuk menyelesaikan perkara-perkara yang tidak berguna dalam kehidupan kita dan membantu kita menghadapi masalah-masalah kita dan menangani alasan-alasan yang mendasari kemarahan, khususnya seperti:-

SEBAB-SEBAB KEMARAHAN

Penderaan	Kebimbangan	Penyalahgunaan bahan	Kesedihan
Kemurungan		Penyalahgunaan Alkohol	Trauma



Menjadi Ibu Bapa kepada Remaja Pemarah Membangkitkan Kemarahan dalam Diri Kita

Para remaja menghadapi pelbagai isu emosi. Mereka berhadapan dengan persoalan tentang identiti, perpisahan, perhubungan dan hala tuju. Perhubungan antara remaja dengan ibu bapa mereka juga berubah kerana mereka menjadi semakin berdikari.

Perkara ini membawa kepada kekecewaan dan kekeliruan yang boleh menyebabkan kemarahan

dan corak tingkah laku reaktif kepada ibu bapa dan remaja. Kita tidak mungkin dapat membantu remaja mengubah tingkah laku mereka kecuali kita mengubah tingkah laku kita. Kita perlu memberi respons bukannya bertindak balas antara satu sama lain dan kepada situasi yang sedang berlaku. Niatnya bukanlah untuk menafikan kemarahan itu, tetapi mengawal emosi dan mengekspresikannya dalam cara yang proaktif.

Apa yang Boleh Kita Lakukan untuk Anak Remaja dan Diri Kita?

Dengari anak remaja anda dan fokus kepada perasaannya. Cuba untuk memahami situasi daripada perspektif mereka. Berikan empati. Menyalahkan dan menuduh hanya akan menjarakkan diri anda daripada anak anda dan mengakhiri komunikasi dengannya. Beritahu mereka tentang perasaan anda. Namun, pegang pada fakta dan tangani situasi semasa. Tunjukkan bahawa anda prihatin dan perlihatkan kasih sayang anda.

Cari penyelesaian yang akan memenangkan semua pihak. Ingat, perasaan marah tidak seharusnya membawa kepada tingkah laku ganas.

Dapatkan bantuan profesional untuk remaja anda, diri sendiri dan keluarga apabila berlaku keganasan, gangguan yang berpanjangan, kemurungan atau risiko untuk membunuh diri.

Beberapa Prinsip Komunikasi yang Baik

Di dalam dunia yang ideal, semuanya akan berjalan lancar dan mengikut perancangan. Di dalam dunia sebenar, banyak perkara boleh menjadi sebaliknya. Matlamat-matlamat yang ditetapkan oleh ibu bapa, prinsip-prinsip yang diguna pakai dan usaha-usaha yang dijalankan untuk keluarga akan gagal melainkan adanya komunikasi yang baik. Apabila perkara yang tidak diingini berlaku, jangan biarkan tahap kemarahan, kekecewaan dan kehampaan meningkat. Berfikir secara tenang tentang isu tersebut dan amalkan komunikasi dengan baik.

Ada beberapa prinsip komunikasi baik yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah panas baran, tantrum dan perebutan kuasa yang akan timbul apabila anak-anak mula melalui pelbagai fasa kehidupan.

Benarkan anak anda bersuara dan dengari mereka tanpa merendah-rendahkan mereka atau bersikap tidak sabar. Galakkan mereka untuk bercerita tentang hari mereka, atau apa sahaja atau berbincang tentang masalah. Cuba untuk tidak menyampuk. Tradisi perbualan masa lalu (bercerita dan berbincang merupakan aspek terpenting dalam komuniti dan kehidupan keluarga) telah pun diambil alih oleh tradisi visual hari ini (TV, filem dan permainan video). Berbual mempunyai pelbagai kebaikan.

Berbual memberi anak-anak keyakinan untuk mengekspresi diri mereka, menjadikan mereka lebih petah dan memupuk kemampuan semula jadi untuk membincangkan seremeh-remeh perkara sehingga halal perkara serius bersama ibu bapa.

Walaupun sebagai ibu bapa, anda sering keletihan dan mungkin berasa sukar untuk bercakap, berbual memang sangat bermanfaat. Anak yang anda buali bersama akan membesar dan mengingati anda sebagai seorang manusia yang istimewa dan bukannya hanya orang yang memberi mereka pakaian, makanan dan minuman. Berbual memberikan mereka rasa keterikatan dengan ibu bapa dan rumahnya. Komunikasi yang baik dapat mendidik anak-anak tentang tingkah laku yang baik dan rasa hormat yang diperlukan apabila mereka berinteraksi dengan orang lain, terutamanya penghormatan kepada ibu bapa. Jangan merendah-rendahkan harga diri anak ataupun membuatkan mereka merasa bodoh. Sentiasa berjaga-jaga dengan tingkah laku anda sendiri. Anda seharusnya sopan, memberi perhatian dan terkawal. Semua ini adalah untuk membuatkan anak-anak anda berasa yakin dan selamat iaitu dua aspek personaliti yang akan dibawa oleh sehingga ke alam kedewasaan.

Mulakan perbincangan intelektual bersama anak-anak anda. Perdebatkan isu dan bandingkan pendapat masing-masing. Ini mengajar anak anda berfikir secara kritikal dan membina stamina intelektual. Usah memandang rendah terhadap kecerdikan anak-anak anda atau terus membantah pandangan mereka.

Masa yang paling sesuai untuk berbual adalah ketika makan malam. Sekiranya ibu

bapa memulakan tabiat menutup televisyen dan berkumpul bersama ketika makan sama ada di meja makan mahupun di atas lantai, hidup akan menjadi lebih mudah apabila anak-anak anda membesar. TV selalu mencuri perhatian dan menyekat perkembangan perhubungan yang rapat, terutamanya waktu makan yang merupakan peluang yang baik untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Jangan hilang kawalan terhadap sesuatu situasi dengan melemparkan kemarahan anda, atau menggunakan taktik menakut-nakutkan untuk mengawal anak anda. Elakkan daripada berkomunikasi untuk seketika sehingga kemarahan anda reda.

Masih terdapat ibu yang menakut-nakutkan anak-anak mereka dengan raksasa imaginasi untuk menghalang mereka daripada membuat sesuatu perkara seperti keluar malam. Mereka mencipta raksasa atau menggunakan hantu dengan pelbagai nama seperti hantu raya, hantu pocong, langsuir yang memakai baju putih dengan rambut mengerbang untuk menakut-nakutkan anak-anak dengan tujuan mengawal mereka. Meski pun taktik-taktik ini berjaya menghalang mereka daripada keluar rumah pada waktu malam dan menjauhi daripada bahaya, ia selalunya kembali memakan diri dengan tumbuhnya rasa takut yang tidak rasional di dalam minda anak-anak. Mereka mungkin membesar dengan rasa takut kepada suasana gelap, bersendirian, berada dalam bilik yang sempit, terhadap haiwan, petir, guruh dan orang yang tidak dikenali. Walaupun lambat laun apabila mereka semakin besar dan tahu bahawa semua taktik ini adalah hanya rekaan dan tidak wujud, kerosakan pada emosi dan secara psikologi sudah pun berlaku. Ini

kerana kemungkinan ibu bapa tidak mampu untuk menganalisi sesuatu perkara dengan mendalam atau tidak tahu bagaimana mencari alternatif kepada situasi yang berlaku.

Berbicaralah dengan anak-anak mengikut tahap mereka dan bukan dari paras lebih besar atau lebih tinggi daripada mereka. Gunakan pendekatan kasih sayang bersama anak-anak anda. Usap lembut tangan mereka apabila berbicara, atau sentuh mereka dengan kasih sayang supaya mereka dapat merasakan ikatan dengan anda dan dapat membiasakan diri untuk mengekspresikan diri mereka.



Aktiviti

AKTIVITI 29: SOALAN DAN RESPONSBUAT IBU BAPA DAN REMAJA

Langkah pertama bagi mengenal pasti dan mengawal kemarahan adalah dengan melihat diri kita. Ibu bapa dan anak remaja perlu duduk bersama dan bertanyakan soalan-soalan seperti yang tertera di bawah untuk memberi kesedaran diri. Matlamat di sini adalah untuk memulakan perbincangan dan bukannya untuk memberi jawapan yang betul:

Dari mana datangnya kemarahan?

Apakah situasi-situasi yang boleh mencetuskan kemarahan?

Adakah pemikiran saya bermula dengan perkataan-perkataan yang mutlak seperti “mesti”, “harus”, “selalu” dan “tidak pernah”?

Adakah harapan saya tidak munasabah?

Apakah konflik yang belum selesai yang sedang saya hadapi?

Adakah saya bertindak balas terhadap kesakitan, kehilangan, atau ketakutan?

Adakah saya sedar tentang tanda-tanda fizikal kemarahan? (seperti menggenggam penumbuk, kurang pernafasan, berpeluh)?

Bagaimanakah saya memilih untuk melepaskan kemarahan saya?

Kepada siapa dan kepada apa kemarahan saya ditujukan?

Adakah saya menggunakan kemarahan saya untuk mengasingkan diri atau untuk menakutkan orang lain?

Adakah saya berkomunikasi dengan berkesan?

Adakah saya memberi fokus pada apa yang

dilakukan kepada saya dan bukan kepada apa yang boleh saya lakukan?

Bagaimanakah saya bertanggung jawab terhadap apa yang saya rasa?

Bagaimana saya bertanggung jawab tentang bagaimana kemarahan saya dilepaskan?

Adakah emosi yang mengawal saya, atau saya mengawal emosi saya?

AKTIVITI 30: AKTIVITI PENYELESAIAN MASALAH

Kumpulkan dua atau tiga pasangan bagi membincangkan bagaimana untuk mengatasi masalah pemuda di dalam contoh di bawah. Kemudian, bandingkan pendapat anda dengan pendekatan Rasulullah ﷺ.

Seorang pemuda datang kepada Rasulullah ﷺ bagi mendapatkan persetujuan untuk berzina. Sahabat-sahabat yang ada terkejut mendengar hal tersebut lalu memarahi pemuda tersebut. Rasulullah ﷺ kemudiannya berkata, “Bawalah dia dekat kepadaku.” Selepas pemuda tersebut duduk, Rasulullah bertanyakan lima soalan berturut-turut: “Adakah kamu suka jika hal itu [zina] berlaku pada ibumu, anak perempuanmu, kakak/adikmu, ibu saudara sebelah ayahmu, atau ibu saudara perempuanmu?!” Kepada setiap soalan yang ditujukan, pemuda tersebut menjawab “Aku bersumpah, demi Tuhan, Tidak! Ya Rasulullah, semoga Allah menjadikan aku sebagai perisai untukmu!” Rasulullah ﷺ menjawab setiap jawapan yang diberi “Tiada sesiapa yang menyukai jika hal itu berlaku ke atas ibu, anak perempuan, kakak/adik ataupun ibu saudara mereka!” Lalu Rasulullah meletakkan tangan baginda ke atas pemuda itu dan berdoa, “Ya Allah, ampunilah dosanya sucikanlah hatinya,

dan lindungi kemaluannya." (Ahmad). Setelah itu, pemuda tersebut tidak pernah lagi berfikir untuk melakukan perbuatan zina.

Rasulullah ﷺ berkomunikasi dengan pemuda tersebut, menjaga maruah dan kehormatannya, dan juga membantunya mengawal diri. Marah, menempik atau mengugutnya mengenai hukuman dan api Neraka tidak akan membantu dalam situasi itu.

Kita boleh melihat bahawa cara tersebut dapat membezakan antara ilmu pengetahuan secara teori dengan pemahaman psikologi yang

mendalam tentang emosi manusia. Pemuda tersebut sedang mencari jawapan dalam usaha mengenali seksualitinya. Rasulullah ﷺ tidak berhujah tentang dosa-dosa yang boleh menjurus kepada api Neraka; sebaliknya Rasulullah ﷺ menyentuh hati nurani pemuda tersebut. Rasulullah ﷺ menggunakan pendekatan psikologi bagi mencapai objektif moral dan agama. Hal ini bukanlah kes kajian yang terasing tetapi suatu pendekatan pemikiran yang berakar umbi dalam metodologi yang baik yang berfokus pada pendekatan penyelesaian masalah terhadap perkembangan anak-anak.



BAHAGIAN DUA

PERKEMBANGAN ANAK

BAB 8: Penyusuan Susu Ibu


BAB 9: Otak Anak: Gunakan atau Biarkan Hilang!

BAB 10: Tahap Perkembangan Anak dan Memaksimumkan Fasa Berbeza

BAB 11: Jalan Menuju Anak yang Sihat: Kebersihan, Pemakanan, Latihan Fizikal

BAB 12: Mengasuh Anak Lelaki dan Perempuan: Adakah Mereka Berbeza?

BAB 13: Seks dan Pendidikan Seks: Apa yang Kita Beritahu Pada Anak Kita?



BAB 8

Penyusuan Susu Ibu

- Pengenalan **150**
- Penyusuan Susu Ibu dalam al-Qur'an **151**
- Kelebihan Penyusuan Susu Ibu dari Sudut Perubatan dan Psikologi **153**
- Perniagaan Amerika dan Penyusuan Susu Ibu **155**
- Dunia Islam dan Penyusuan Susu Ibu **156**
- Pandangan Imam Ali dan Ibn Hazm tentang Penyusuan Susu Ibu **157**
- Jangka Masa Penyusuan Susu Ibu **157**
- Panduan Berguna untuk Para Ibu yang Menyusu **158**
- Diet Harian Ibu: Satu Sampel **159**
- Bangsa yang Kuat dari Segi Fizikal **160**
- Aktiviti 31 **163**

Pengenalan

SATU LANGKAH PENTING dalam membesarkan anak yang kuat dan sihat dari segi fizikal dan emosi adalah penyusuan susu ibu. Al-Qur'an dan Islam memberi penekanan kepada penyusuan susu ibu dan hubungan persaudaraan yang terhasil daripada penyusuan oleh wanita yang sama. Perhubungan ini dipanggil 'saudara susuan' dan semua anak yang disusui oleh wanita tersebut adalah adik-beradik susuan. Sebagai contoh, mengapa Solah yang berusia 20 tahun dan berasal dari Turki, tidak boleh mengahwini Fatimah, wanita muda dari Indonesia?

Jawapannya adalah, ketika Solah berusia satu tahun, dia telah disusui selama beberapa hari oleh ibu Fatimah. Tindakan ini menjadikan Solah sebagai adik-beradik susuan Fatimah, dan Solah tidak boleh mengahwini Fatimah. Adik-beradik Fatimah dan ibu-ibu saudara Fatimah juga secara langsung menjadi adik-beradik serta ibu saudara kepada Solah. Oleh itu, mereka dianggap bersaudara dan tidak boleh berkahwin sesama mereka. Selain itu, adik-beradik perempuan Fatimah serta ibu-ibu saudara beliau tidak perlu memakai tudung di hadapan Solah. Memang mudah untuk kita memahami hubungan darah atau persaudaraan dalam Islam antara wanita dan lelaki. Namun, bagaimana dapat kita benar-benar memahami bahawa beberapa mililiter air susu ibu sahaja boleh mengubah seseorang itu menjadi saudara lelaki atau saudara perempuan kepada seseorang yang lain? Situasi inilah yang menggambarkan kepentingan penyusuan susu ibu.

Mari kita lihat proses pemindahan darah. Sekiranya seseorang melakukan pemindahan keseluruhan darahnya kepada seorang yang lain, keadaan ini tidak akan menyebabkan mereka berdua ini bersaudara walaupun pemindahan darah itu dilakukan berkali-kali. Pemindahan darah adalah suatu keperluan yang penting.

Begini juga dengan pemindahan organ yang dapat membantu memperbaiki kehidupan seseorang. Namun, dua tindakan ini tidak akan menjadikan mereka bersaudara, walau sebesar mana pun pemindahan itu berlaku. Para ulama' sepakat mengatakan bahawa bank susu adalah sesuatu yang dilarang di dalam Islam. Hakikatnya, persaudaraan yang terhasil daripada penyusuan susu ibu berada pada tahap yang sama dengan hubungan biologi (lihat ayat al-Qur'an di bawah). Undang-undang pewarisan walau bagaimanapun tidak terpakai di dalam kes yang melibatkan adik-beradik susuan.

Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): Ibu-ibu kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan saudara-saudara bapa kamu dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki dan anak-anak saudara kamu yang perempuan dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu dan saudara-saudara susuan kamu dan ibu-ibu isteri kamu dan anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu dari isteri-isteri yang telah kamu campuri; tetapi kalau belum kamu campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya) dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal daripada benih kamu dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

(Surah an-Nisa': ayat 23)

Al-Qur'an memberi fokus pada penyusuan susu ibu serta penjagaan sepenuh masa oleh ibu yang

penyayang pada dua tahun pertama. Kekurangan kasih sayang dan kebaikan terhadap bayi tersebut boleh menyebabkannya terencat akal. Pada satu Persidangan Rumah Putih yang dianjurkan oleh Presiden Clinton, pakar-pakar menekankan tanpa ragu bahawa "minda bayi aktif seawal mereka dilahirkan dan dibentuk oleh pengalaman mereka pada awal usia" (Begley and Wingert, 1997). Dua tahun pertama semasa penyusuan susu ibu sangat menyumbang kepada pembentukan otak bayi.

Mahkamah di Mesir menetapkan lima syarat penting yang perlu dipenuhi untuk menjadikan persaudaraan hasil penyusuan susu ibu itu sah:

- Minimum lima kali penyusuan.
- Setiap susuan tersebut hendaklah mengenyangkan bayi.
- Setiap penyusuan hendaklah terpisah antara waktu penyusuan, bukan sesi penyusuan yang bersambung secara berterusan.
- Lima kali sesi penyusuan tersebut hendaklah dipastikan benar-benar berlaku oleh saksi yang layak.
- Kesemua lima kali penyusuan hendaklah sempurna sebelum bayi tersebut berusia dua tahun.

Penyusuan Susu Ibu dalam al-Qur'an

Al-Qur'an membicarakan hal penyusuan susu ibu di dalam empat surah yang berlainan dan menggalakkan ibu-ibu menyusukan bayi mereka selama dua tahun. Ibu yang menyusukan bayi tidak bertanggungjawab mencari rezeki walaupun untuk dirinya, sekalipun jika ibu ini bercerai. Dengan itu, mereka boleh memberi tumpuan sepenuhnya kepada bayi tersebut. Jika bapa bayi



tersebut meninggal dunia, waris-waris bapa perlu menggalas tanggungjawab tersebut untuk memastikan ibu diberi makan dan keperluan secukupnya. Tanggungjawab agama diringankan untuk semua wanita Islam (termasuklah para ibu). Mereka tidak perlu menghadiri solat berjamaah di masjid atau surau dan juga solat Jumaat supaya mereka mendapat ruang yang cukup untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada bayi mereka. Kelonggaran ini membolehkan ibu-ibu menjaga sendiri bayi mereka sepenuhnya dan tidak menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pengasuh. Untuk dua tahun pertama, bayi akan bergantung sepenuhnya kepada ibu sama ada dari sudut fizikal, psikologi maupun emosi.

Botol susu tidak boleh menggantikan payudara ibu yang lembut dan kasih sayang ibu. Kerosakan fizikal dan psikologi seorang bayi yang tidak disusukan oleh ibunya amat sukar untuk dirawat kemudiannya kerana kerosakan tersebut bersifat serius dan berkekalan. Al-Qur'an merujuk kepada penyusuan susu ibu di dalam ayat-ayat berikut:

- 1. Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan**

penyusuan itu dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika kedua-duanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak memberi anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut dan bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat apa jua yang kamu lakukan.

(Surah al-Baqarah: ayat 233)

2. *Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya adalah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).*

(Surah Luqman: ayat 14)

3. *Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya: ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam*

masa tiga puluh bulan. Setelah dia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah dia dengan berkata: Wahai Tuhan, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu dan sesungguhnya aku daripada orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu).

(Surah al-Ahqaf: ayat 15)

4. *Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu) dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya; kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya dan berundinglah di antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik dan (sebaliknya) jika kamu (daripada kedua-dua pihak) mengalami kesulitan, maka bolehlah perempuan lain menyusukannya.*

(Surah al-Talaq: ayat 6)

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah daripada apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang

diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.

(Surah al-Talaq: ayat 7)



Jika seorang ibu kekurangan susu, dia boleh mengupah ibu susuan untuk anaknya.

Ibu susuan menjadi ibu angkat dan dianggap ibu kepada anak tersebut, untuk segala niat dan tujuan, melainkan untuk pewarisan. Anak-anaknya menjadi adik-beradik kepada bayi tersebut (adik beradik susuan) dan suaminya menjadi bapa susuan. Mereka semua tidak boleh berkahwin di antara satu sama lain. Bapa biologi anak tersebut hendaklah membayar upah kepada ibu susuan. Jika bapa tersebut meninggal dunia, warisnya hendaklah menafkahi ibu susuan dan anak tersebut untuk jangka masa dua tahun penyusuan.

Penyusuan susu ibu dipandang serius oleh kerajaan Islam dahulu. Pada zaman khalifah kedua, Umar ibn al-Khattab (kurun ketujuh), setiap bayi yang baru lahir diberi peruntukan sebagai jaminan manfaat sosial untuk memastikan penyusuan yang sihat. (Haq 1967).

Kelebihan Penyusuan Susu Ibu dari Sudut Perubatan dan Psikologi

Al-Bar dan Kandil (1986), menyatakan kelebihan-kelebihan berikut:

- Susu ibu mengandungi nutrisi yang diperlukan anak pada kadar yang betul dan dalam keadaan yang sesuai untuk proses pencernaan dan penyerapan. Elemen nutrisi di dalam susu ibu bertukar setiap hari bergantung kepada keperluan bayi. Susu ibu untuk bayi pramatang mengandungi formula yang sesuai untuk pemakanan mereka. Kelenjar susu diciptakan dengan tujuan untuk mengubah keperluan rembesan selari dengan keperluan perubahan bayi yang sedang membesar.
- Susu ibu disimpan secara alami pada suhu yang betul, menjadikan susu tersebut bebas daripada kuman dan sentiasa ada ketika diperlukan.
- Tiada botol susu yang perlu dibersihkan dan tidak perlu menyediakan susu formula untuk bayi.
- Ikatan psikologi yang utuh terbentuk antara ibu yang menyusu dengan bayinya.
- Penyusuan susu ibu membantu ibu mengembalikan saiz dan berat badannya seperti sebelum hamil. Ia menjadikan uterus lebih kecil di bawah kesan oksitosin yang dirembeskan oleh kelenjar pituitari dan dilepaskan oleh reflek melalui hisapan oleh bayi.

- Penyusuan susu ibu juga melindungi bayi daripada beberapa penyakit (seperti cirit-birit dan jangkitan kuman di dada). Bayi yang menyusu kurang berisiko untuk mengidap penyakit berkaitan pernafasan dan gastrousus, serta

mempunyai kadar kematian yang rendah berbanding bayi yang diberi susu botol. Susu manusia mengandung IgA (immunoglobulin A), sejenis antibodi di dalam kelenjar susu yang dihasilkan oleh limfosit yang berpindah daripada usus ibu. (Antibodi adalah alat kepada sistem imunisasi untuk melawan penyakit). Kolostrum (rembesan susu awal ibu) mengandungi antibodi yang sangat banyak. IgA membentuk 97 peratus protein kolestrol pada hari pertama dan jatuh sehingga 25 peratus pada hari keempat laktasi. Susu ibu memberi bayi sel immunologi yang berdaya maju dan memberi kekebalan untuk melawan pelbagai jenis kuman (terutamanya E-coli, Staph aureus, virus Coxsakie B5, virus herpes Simplex, virus polio dan pneumococcus). Ibu yang sensitif terhadap tuberkulin memberikan sistem imuniti yang berterusan kepada bayi mereka.

- Kolostrum mempunyai kesan seperti julap, yang akan membantu pengeluaran najis bayi yang baru lahir.
- Susu lembu, atau susu yang bukan berasal daripada manusia berisiko tinggi untuk menyebabkan alahan kepada manusia. Bayi berisiko tinggi untuk membentuk ekzema, asma bronkial dan gangguan gastrousus disebabkan oleh sifat sensitifnya kepada protein yang bukan bersumber dari manusia.
- Bayi yang menyusu susu ibu lebih sihat dan kurang dijangkiti penyakit, dan mereka juga mempunyai sistem imunisasi yang lebih tinggi. Susu ibu memperkuat pembentukan sistem imunisasi pada beberapa bulan usia awal bayi. Ibu menyerap kuman daripada nafas bayi. Kemudian, melalui ususnya,



dia menghasilkan sel imun di dalam nodus limfanya, seterusnya menguraikan antibodi pertahanan yang dihisap oleh bayi ketika menyusu.

- Penyusuan susu ibu juga berperanan sebagai alat pencegah kehamilan. Ibu yang menyusukan bayi tidak mudah hamil ketika menyusukan bayi, sekaligus mengawal kelahiran seterusnya secara alami dan selesa untuk ibu.
- Manusia hanya memerlukan susu ibu untuk sembilan bulan pertama sehingga 12 bulan kehidupannya.
- Susu manusia mengandungi zink ligan, yang tidak terdapat di dalam susu lembu. Kekurangan zink lebih mudah berlaku kepada bayi yang menyusu botol, atau bayi yang bercerai susu pada tempoh yang sangat awal.
- Penyusuan susu ibu memainkan peranan yang kritikal dalam mengoptimumkan kuasa otak bayi. Susu ibu mengandungi asas-asas pembinaan tubuh yang penting yang tidak ditemui di dalam mana-mana susu formula domestik. Bayi-bayi yang disusui dengan susu ibu hanya dalam sebulan mempunyai

'kelebihan 8-poin IQ sebagai pelajar tadika dan angka tersebut meningkat sekiranya penyusuan badan diteruskan' (BBC 2002). Dalam satu kajian yang mengesan lebih 1000 orang kanak-kanak di New Zealand, menyokong hubungan antara penyusuan susu ibu dan tahap intelektual yang lebih tinggi.

- Susu ibu mengandungi perlindungan terhadap jangkitan bakteria (seperti meningitis, jangkitan salur kencing dan sakit telinga). Lebih banyak bayi yang diberi susu formula mengalami diabetes pergantungan insulin, limfoma, alahan dan masalah pencernaan.

Susu haiwan sesuai untuk bayi haiwan, dan ramuannya berbeza untuk setiap haiwan. Jadual berikut menerangkan peratusan kandungan asas susu manusia, lembu, kerbau dan susu kambing. Kandungan air sekitar 88% dan selebihnya adalah seperti berikut:

Susu	% Protin	% Lemak	% gula	% Galian
Manusia	1.5	3.5	6	0.2
Lembu	3	4	4	0.8
Kerbau	3	6	4	0.8
Kambing	3	4	4	0.8



Disarankan supaya ibu menyusukan bayi sekurang-kurangnya untuk 12 bulan. Terdapat banyak bukti bahawa payudara adalah yang terbaik. Penyusuan susu ibu dapat mengurangkan insiden barah payudara, barah ovarii, osteoporosis, dan penyakit lain terkait dengan wanita. Penyusuan susu ibu mengecutkan rahim pada bentuk asal. (CNN, 7 Disember 1997)

Perniagaan Amerika dan Penyusuan Susu Ibu

Walaupun jelas diketahui bahawa susu ibu mempunyai banyak manfaat kepada bayi, kurang daripada 60 peratus wanita Amerika menyusukan bayi mereka, suatu jumlah yang lebih rendah daripada kebanyakan negara perindustrian. Hanya 22 peratus ibu-ibu di Amerika Syarikat yang masih menyusukan bayi ketika mereka berusia 6 bulan. Alasan mereka adalah permintaan terhadap penyusuan bayi. Bayi yang baru lahir menyusu sehingga



12 kali dalam tempoh 24 jam, kebiasaannya 10-15 minit setiap kali susuan. Menyesuaikan jadual tersebut ke dalam waktu bekerja ternyata sangat sukar.

Tempat kerja pada sedikit masa lagi akan menjadi lebih 'mesra-ibu menyusu' di Amerika. Pihak kerajaan dan syarikat-syarikat memberikan wanita sehingga satu jam masa pelepasan secara berbayar setiap hari untuk mengepam susu dan menggalakkan program laktasi di tempat kerja, (Cassidy 1998).

Pada tahun 1993, satu anugerah UNICEF telah diberi kepada syarikat John Hancock Mutual Life Insurance kerana memperkenalkan bilik laktasi di tempat kerja (di dalamnya terdapat pam susu

elektrik, kerusi yang selesa dan peti sejuk). Dengan purata tahunan seramai 300 orang pekerja wanita yang hamil, syarikat tersebut mendapati bahawa program tersebut menjimatkan wangnya (\$60,000 sejak penubuhan syarikat) kerana bayi yang menyusu susu ibu lebih sihat, dan ibu akan kurang bercuti. Proses peralihan untuk kembali semula bekerja lebih mudah. Jadi, ramai para ibu dengan sukarela mengambil cuti bersalin yang lebih pendek. Bayi yang menyusu susu ibu di Amerika Syarikat didapati kurang 35 peratus yang mendapat serangan penyakit berbanding dengan bayi yang diberi susu formula. Jadi, ibu yang memberi susu ibu kurang mengambil cuti sebanyak 27 peratus berbanding dengan ibu yang tidak menyusukan anak (Rona Cohen, School of Nursing, University of California, Los Angeles).



Dunia Islam dan Penyusuan Susu Ibu

Dari sudut sejarah, komuniti Islam memberi perhatian yang lebih kepada penyusuan susu ibu dan ibu susuan. Bukanlah suatu yang luar biasa sekiranya ada seorang ibu yang sedang menyusui bayinya yang baru lahir, jiran, saudara-mara atau kawan si ibu akan datang untuk turut sama menyusui bayi tersebut. Amalan ini mempunyai kelebihan dari sudut sosial. Ramai anak perempuan dan lelaki yang berkahwin pada usia kurang 15

tahun dan 18 tahun, memerlukan bantuan dan panduan daripada generasi yang lebih tua. Ketika ini, keluarga besar datang membantu untuk meringankan sebahagian bebanan si ibu.

Arus kemodenan mengubah corak sosial dan sikap budaya masyarakat di negara Islam. Hal ini lebih jelas berlaku di bandar-bandar, apabila penyusuan susu ibu semakin merosot berbanding dengan di kawasan pedalaman. Syarikat makanan bayi adalah penyebab kepada berkurangnya penyusuan susu ibu di negara-negara membangun. Jualan serta keuntungan mereka meningkat apabila ibu-ibu berhenti menyusukan bayi dan membeli produk-produk mereka.

UNICEF dan WHO menganggap syarikat-syarikat ini sebagai pembunuhan bayi nombor satu di dunia negara-negara membangun, dan secara serius menasihati negara-negara ini supaya mengharamkan iklan berkaitan dengan makanan bayi. Bayi-bayi yang diberi makanan di dalam botol, menerima makanan yang cair, tercemar, kurang nutrisi serta mengandungi terlalu banyak mikroorganisma kerana air yang tidak bersih dan tidak terawat digunakan untuk membuat formula tersebut. Dapatan UNICEF dan WHO menganggarkan sebanyak 9.4 juta kes kekurangan nutrisi melampau berlaku setiap tahun di negara-negara membangun dan daripada jumlah tersebut, lebih kurang separuh daripadanya adalah disebabkan penyusuan susu botol. Selain itu, terdapat sehingga 10 juta kematian bayi setahun disebabkan penyakit yang berkaitan dengan sistem pencernaan di negara-negara membangun. Sekurang-kurangnya, separuh daripada kes tersebut adalah kerana penyusuan botol, sedangkan penyusuan susu ibu boleh menyelamatkan bayi-bayi ini. Penyusuan susu ibu juga tidak begitu mahal (penggunaan enam bulan

susu formula di Malaysia berjumlah sehingga USD300 atau lebih]. (Allain, 1993)

Susu formula bayi adalah imitasi lemah kepada susu ibu walaupun para penyelidik masih membuat kajian untuk menjadikan susu ini lebih berkhasiat.

Formula yang diperkaya dengan sejenis asid lemak yang dikenali sebagai LCPUFAs (disebut 'Elsie Pufas') boleh membantu dalam pembinaan otak. Universiti Dundee di Scotland (Willats et al. 1998) telah memberi separuh daripada sekumpulan 44 orang bayi, susu formula yang mengandungi kepekatan LCPUFA yang tinggi yang ditemui di dalam susu ibu. Bayi-bayi yang lain menerima susu formula biasa. Pada usia 10 bulan, bayi yang diberi LCPUFA mendapat skor yang signifikan tinggi di dalam satu ujian yang melibatkan pencarian permainan yang tersorok. Ini menunjukkan terdapat kemungkinan bahawa penyambungan sel-sel saraf yang kuat berlaku di dalam otak mereka. Sebahagian masyarakat di Eropah kini memperkaya susu formula mereka dengan LCPUFAs.

Pandangan Imam Ali dan Ibn Hazm tentang Susu Ibu

Susu ibu dianggap sebagai hak semulajadi bayi daripada ibu mereka. Para ibu digalakkkan untuk menyusui bayi mereka. Ibn Hazm menyatakan:

Seorang ibu hendaklah menyusui bayinya walaupun dia seorang puteri raja. Dia tidak boleh dilepaskan daripada tanggungjawab tersebut melainkan jika dia tidak mampu untuk menyusu.

(Ibn Hazm, jil. 10)

Sekiranya ajaran Islam dipatuhi, banyak masalah yang melibatkan anak-anak dan ibu boleh dielakkan. Ali ibn Abi Talib berkata:

"Tidak ada susu yang dihisap oleh seseorang bayi yang lebih diberkati selain susu ibu."



**SIMBOL
 PENYUSUAN
 SUSU IBU
 PERINGKAT
 ANTARABANGSA.**

Jangka Masa Penyusuan Susu Ibu

Para ulama' berbeza pandangan tentang hal ini, namun kesepakatan umum menyatakan bahawa penyusuan susu ibu tidak boleh melebihi dua tahun. Sekiranya ibu tersebut sihat dan susunya masih ada, lebih baik diceraikan susu pada usia dua tahun. Yusuf Ali juga mengulas tentang ayat 15 surah al-Ahqaf seperti berikut:

Tempoh maksimum penyusuan susu ibu (2 tahun) adalah sekali lagi selari dengan tempoh pembentukan gigi yang sempurna bagi seseorang anak. Gigi seri susu bawah di bahagian tengah muncul di antara bulan keenam dan bulan kesembilan dan kemudian, gigi-gigi susu yang lain muncul dalam selang waktu tersebut sehingga gigi taring pula muncul. Gigi geraham kedua muncul pada bulan ke-24 dan dengan itu anak tersebut mempunyai gigi susu yang lengkap. Anak ini diharapkan dapat mengunyah dan boleh bercerai susu sepenuhnya. Di sisi lainnya, ibu akan berasa sakit untuk menyusui bayinya apabila dia memiliki set gigi susu yang lengkap. Gigi kekal mula tumbuh pada tahun ke-6 usianya dan gigi geraham kedua muncul ketika usia 12 tahun.

Gigi bungsu mungkin akan muncul ketika usia 18-20 tahun atau ia memang tidak akan muncul sama sekali.

Ada yang mengatakan bahawa menyusui bayi sehingga melebihi dua tahun boleh merosakkan bayi tersebut secara fizikal, mental dan psikologi.

Pada tahun 1997, Akademi Kanak-Kanak Amerika (AAP) menyarankan para ibu untuk menyusui bayi mereka di antara 6 dan 12 bulan paling kurang. Namun realitinya, hanya 20 peratus para ibu di Amerika menyusui bayi mereka mele过asi tempoh 6 bulan. Akademi tersebut kemudian melanjutkan tempoh dengan menyarankan para ibu untuk menyusui bayi mereka paling kurang sehingga setahun. Mereka menyenaraikan manfaat penyusuan susu ibu (seperti mengurangkan risiko mendapat kanser uterus, kanser payudara dan osteoporosis).

Nabi Muhammad ﷺ berbicara tentang penyusuan susu ibu oleh ibu susuan. Sekiranya boleh, ibu biologilah yang seharusnya menyusui bayinya, melainkan ada sebab-sebab perubatan yang menghalang lalu ibu susuan boleh diupah untuk menyusui bayi tersebut. Baginda menjelaskan:

“Berhati-hati tentang siapa yang akan menjadi adik-beradik susuan daripada hisapan susu ibu. Upah ibu susuan hanya sekiranya ada keperluan disebabkan bayi yang lapar.”

(al-Bukhari)

Salah satu kelebihan memaklumkan perkahwinan kepada orang ramai adalah untuk memastikan seseorang wanita tidak tersilap mengahwini saudara susuan atau bapa susuannya. Keadaan ini memberi peluang kepada orang ramai untuk memberi penjelasan atau pengesahan

tentang kewujudan hubungan hasil susuan tersebut sekiranya wujud.

Panduan Berguna untuk Para Ibu yang Menyusukan Bayi

(Diadaptasi daripada: El-Amin 1998)

Walaupun penyusuan susu ibu merupakan sesuatu yang alami, ia adalah suatu kemahiran yang boleh diperbaiki. Di bawah ini digariskan panduan yang berguna untuk para ibu:

- Persiapkan diri anda sebelum bayi lahir. Baca buku-buku tentang penyusuan susu ibu. Masuk ke kelas yang disediakan di hospital, pengamal perubatan atau konsultan laktasi. Hadir ke mesyuarat persatuan sokongan susu ibu.
- Posisi yang betul penting. Pastikan puting susu berada 1 ke 1 $\frac{1}{2}$ inci ke dalam mulut bayi. Jangan membongkok ke arah bayi. Bawa bayi ke arah anda. Bantal selalunya amat membantu.
- Biarkan bayi menghisap pada satu payudara sehingga lembut sepenuhnya dan cara hisapan bayi berubah daripada cepat menjadi perlahan. Kemudian, ganti kepada payudara sebelah lagi. Menyusu sehingga sebelah payudara menjadi kosong untuk setiap sesi penyusuan lebih baik berbanding menyusu separuh-separuh dari setiap payudara. Bahagian pertama hisapan adalah seperti susu skim, pertengahannya adalah susu penuh, dan yang akhir seperti krim. Krim ini menyeimbangkan konsistensi penyusuan dan membantu mengelakkan tangisan yang melampau.
- Bengkak sedikit bagi payudara adalah perkara biasa pada beberapa hari awal. Sekiranya bayi tidak dapat menyusu daripada

puting yang bengkak, keluarkan sejumlah kecil susu sebelum menyusukan bayi.

- Sembuhkan puting payudara yang luka dengan pelembab yang sesuai. Legakan kesakitan dengan mengeringkan puting payudara kemudian letakkan produk alami seperti minyak zaitun organik atau lanolin asli.
- Banyakkan minum air. Teh halba (fenugreek) dan bawang putih dikatakan boleh membantu meningkatkan pengeluaran susu.
- Penting untuk memulakan penyusuan pada satu jam pertama atau dua jam pertama selepas melahirkan, apabila bayi sudah sedar.
- Sekerap mana dianggap cukup? Pada dua hingga tiga minggu pertama, anda perlu membangunkan bayi anda untuk disusui. Bayi menyusu paling kurang setiap tiga jam pada siang hari dan setiap empat jam pada malam hari. Kekerapan penyusuan penting kepada bayi dan untuk menambah pengeluaran susu ibu. Semakin bertambah kekerapan bayi menghisap susu, susu tersebut menjadi semakin banyak. Apabila bayi mencapai berat yang sempurna, ikuti keinginan bayi untuk jumlah penyusuan yang diperlukan.
- Menyusu susu ibu yang diperah melalui botol susu: Jangan sesekali memberi botol kepada bayi yang menyusu susu ibu sehingga penyusuan ini telah berlaku dengan sempurna, biasanya di antara tiga hingga lima minggu. Kadangkala, penyusuan susu ibu melalui botol yang diberi oleh orang lain selain ibu dapat membantu bayi menyesuaikan diri. Dengan sedikit latihan, bayi akan belajar untuk minum susu ibunya melalui botol susu ataupun secara terus daripada ibu.

● Sesetengah bayi cepat belajar menyusu dari awal, tetapi ada yang mengambil masa yang agak lama. Tidak mengapa sekiranya penyusuan awal tidak begitu lancar.

- Jangan putus asa memberi susu badan. Seorang ibu mengatakan beliau mengambil sehingga enam minggu untuk betul-betul selesa dengan rentak penyusuan tersebut. Ia kemudiannya akan diikuti dengan hubungan penyusuan yang panjang, berterusan dan indah.

Ibu-ibu gembira menyusukan bayi mereka. Tidak perlu bersusah payah menyediakan susu, hubungan istimewa yang rapat terbina dengan bayi, dan bayi kurang mendapat penyakit mahupun jangkitan telinga.

Sebelum melahirkan, para ibu perlu menyenaraikan perkhidmatan sokongan penyusuan susu ibu. Jadi, apabila mereka mengalami kesukaran pada peringkat awal, mereka akan tahu siapa yang perlu dihubungi.

Diet Harian Ibu: Satu Sampel

Berikut adalah sampel diet bagi para ibu yang menyusukan anak:

- tiga hidangan protein seperti ikan dan ayam
- dua hidangan yang mengandungi vitamin C yang tinggi seperti buah oren
- lima hidangan kalsium seperti susu dan keju
- enam hidangan buah-buahan dan sayuran, seperti sawi, bayam dan brokoli
- enam hidangan karbohidrat yang kompleks seperti roti dan bijirin
- satu hidangan makanan yang tinggi kandungan zat besi seperti daging lembu dan kekacang

- sejumlah kecil makanan yang mengandungi lemak yang tinggi seperti keju dan susu
- lapan gelas air
- vitamin bagi wanita hamil atau menyusu

Nutrisi yang baik membantu ibu mengekalkan pengeluaran susu yang mencukupi, memberinya tenaga dan membantunya mengurangkan berat badan yang melampau disebabkan kehamilan. Penting juga untuk ibu-ibu meminum banyak susu untuk mengelakkan kalsium di dalam badannya diserap semasa penyusuan berlaku.

Bangsa yang Mempunyai Kekuatan Fizikal

Al-Qur'an dan Sunnah Nabi ﷺ membicarakan hal tentang kekuatan dalam pelbagai bentuk:

...Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaularah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakannya orang-orang yang fasik.

(Surah ali Imran: ayat 110)

...Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah niscaya akan

dibalasi dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya.

(Surah al-Anfal: ayat 60)

Seorang ibu berkata, "Penyusuan susu ibu memang hebat. Walaupun di tengah malam, apabila aku melihat wajah kecil itu dan tahu bahawa apa yang anakku mahu adalah aku, bagaimana mungkin aku tidak mahu menyusui dia? Manfaat emosi dalam penyusuan ini sama banyaknya untuk diriku dan bayiku."



Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Orang kuat yang beriman adalah lebih baik dan lebih dikasihi Allah ﷺ berbanding dengan orang beriman yang lemah; ada kebaikan dalam kedua-dua mereka

(Muslim).

Ambil perhatian kepada perkataan 'qawy' di dalam hadis tersebut yang merujuk kepada kekuatan iman dan jasad. Gambaran yang disebutkan, "umat terbaik", "sediakanlah segala jenis kekuatan yang mampu kamu sediakan" dan "orang beriman yang kuat" meliputi aspek fizikal (biologi) serta aspek keimanan dan moral. Berdasarkan bab tersebut, kesimpulan berikut boleh dibuat:

Sesuatu umat dapat mengatasi kekuatan fizikal semua bangsa lain dengan mengikuti garis panduan ini:

- Memilih pasangan yang sihat.
- Menahan diri daripada segala bentuk amalan seksual sebelum berkahwin. Ini untuk

memastikan ibu bapa dan keturunannya bebas daripada penyakit jangkitan seksual, termasuklah, namun tidak terhad kepada AIDS.

- Makan dengan teratur. Ibu bapa, ibu hamil serta anak-anak makan makanan yang suci (juga digambarkan sebagai makanan yang baik) iaitu baik, bermanfaat, bernutrisi, dan makanan tulen. Tidak ada khinzir, darah, bangkai atau haiwan yang dicekik dibenarkan untuk dimakan. Al-Qur'an menggalakkkan air, susu dan madu, buah-buahan (kurma, anggur, zaitun, tin), daging (ternakan, makanan laut, lembu dan kambing), dan sayur-sayuran (bawang merah, bawang putih, timun, bijirin dan kekacang).

- Mengamalkan gaya hidup yang bersih. Kuman dihapuskan dengan membasuh tangan setiap kali sebelum dan selepas makan. Gunakan tangan kiri untuk mencuci selepas melepaskan hajat di tandas dan tangan kanan untuk makan. Ambil wudhu' setiap kali waktu solat.

- Mengelakkan perkara-perkara yang memabukkan (arak, dadah dan rokok). Janin khususnya akan berkembang dan sihat sekiranya ibu bapa mengelakkan bahan-bahan kimia dan penyalahgunaannya.

- Menyusui bayi dengan susu ibu. Anak-anak ini akan membesar dan membentuk karakter yang kuat, dan mempunyai fizikal dan psikologi yang kuat, menjadikan mereka orang-orang yang soleh dan pemimpin orang-orang beriman.

Cuti bersalin sepatutnya diberikan lebih daripada lapan minggu. Lanjutan cuti selama setahun akan membantu ibu-ibu untuk menumpukan masa mereka sepenuhnya kepada

penjagaan bayi mereka sepenuh masa (untuk melahirkan pemimpin masa hadapan seperti yang dilakukan oleh ibu Nabi Musa alaihis Salam).



Kesimpulannya, lima tahun pertama adalah sangat penting untuk membina seseorang yang kuat dan sihat serta mempunyai karakter yang baik.

Tempoh ini membentuk satu jendela peluang yang tidak boleh dilepaskan. Panduan di atas akan memandu masyarakat untuk menjadi insan terbaik dalam kalangan seluruh manusia.

Dengan membesar anak-anak yang kuat dan sihat, kita boleh mengajar mereka tentang keimanan, hikmah, ilmu, dan kemahiran. Perkara-perkara ini akan datang kemudian ke dalam kehidupan seperti yang dijelaskan di dalam kisah Nabi Yusuf, Nabi Musa dan lain-lain.

Dan ketika Musa sampai ke peringkat umurnya yang cukup kekuatannya dan sempurna, Kami beri kepadanya kebijaksanaan serta ilmu pengetahuan dan demikian Kami membala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

(Surah al-Qasas: ayat 14)

Penyusuan susu ibu adalah asas yang kukuh dalam melahirkan bangsa yang terbaik kerana:

- a) Ia memberi bayi kekuatan fizikal, kuasa psikologi dan tenaga emosi.
- b) Susu ibu dijadikan oleh Allah ﷺ sebagai satu bentuk pemakanan yang sangat sesuai dengan kehendak dan keperluan individu berbanding dengan pengeluaran susu formula secara meluas yang digunakan untuk penyusuan susu botol.
- c) Ia adalah kaedah paling alami untuk menyusukan bayi.

Dalam keadaan ilmu manusia semakin berkembang dan berubah, wahyu ketuhanan menekankan beberapa arahan tertentu tentang ‘apa yang boleh dan tidak boleh’ kepada manusia untuk memberi manfaat kepada mereka.

Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

(Surah al-Isra’: ayat 9)

Orang Islam hari ini melanggar asas panduan Nabi ﷺ dalam menjalani kehidupan yang sihat. Tidak ada satu pun negara Islam yang tersenarai antara 12 negara yang mempunyai jangka hidup rakyat paling tinggi di dunia. Afghanistan tersenarai sebagai negara yang mempunyai jangka hidup paling rendah (43 tahun bagi lelaki dan 44 tahun bagi wanita)!

(United Nations, 2010)

Aktiviti

AKTIVITI 31: PERKARA ITU MENGGANGGU.....

Ibu bapa dan anak-anak hendaklah berbincang tentang perkara-perkara di bawah dan bersetuju tentang cara mengelak daripada melakukan perkara tersebut.

Perkara itu mengganggu apabila:

- Pizza, baklava dan kek tidak dipotong dengan sempurna.
- Anak-anak tidak membuang sampah mereka dan ibu bapa yang perlu melakukan untuk mereka.
- Sampah dibuang di sekitar tong sampah dan bukan di dalamnya.
- Orang datang lewat ketika temu janji.
- Suami pulang lewat tanpa memberitahu isteri.
- Orang terlupa mengikat tali kasut dan tiada siapa mengingatkan mereka.
- Orang keluar dari tandas tanpa membasuh tangan.
- Orang tidak mengunci pintu tandas ketika mereka berada di dalam.
- Orang meninggalkan secawan teh, kopi atau air di atas meja mereka sepanjang malam tanpa menghabiskan bakinya.
- Orang tidak menyikat rambut (termasuklah kening yang panjang dan janggut).
- Orang yang suka meninggalkan klip, pin ataupun dawai kokot merata-rata di sekitar meja dan lantai.
- Ibu bapa hanya tersenyum kepada anak mereka yang berkelakuan tidak baik di rumah kawannya.
- Orang menyebarluaskan khabar angin dan terlibat dalam umpatan (Al-Qur'an menggambarkan seperti makan daging saudara sendiri).
- Anak ditanya soalan dan ibu bapa yang menjawabnya bagi pihak si anak.
- Orang mengganggu percakapan seorang kanak-kanak.
- Tuan rumah memaksa tetamu makan terlalu banyak.
- Orang membuat komentar berbentuk rasis dan lucu.
- Orang meninggalkan banyak lebih makanan di pinggannya dan membuangnya begitu sahaja.
- Tetamu datang tanpa dijangka dan tanpa notis.
- Tetamu menghukum anak tuan rumah tanpa kebenaran.
- Ibu bapa melanggar janji kepada anak-anak tanpa memohon maaf.
- Orang meminta nasihat tanpa memberitahu keseluruhan kisahnya.
- Orang-orang muda menggunakan elevator, bukan tangga.
- Orang menerima pesanan dan tidak menyampaikannya dengan tepat dan menyeluruh.
- Pelawat duduk bersama pesakit terlalu lama di hospital.
- Seseorang marah kepada anda tanpa memberitahu sebabnya.
- Orang membazirkan wang, makanan, kertas, ubat-ubatan, masa, napkin, dan sabun.
- Pemandu menghantar dan membaca pesanan di telefon bimbit ketika memandu. (Di

sesetengah tempat, tindakan tersebut adalah dianggap melanggar undang-undang)

- Orang batuk dan bersin di hadapan anda tanpa menutup mulut dan hidung.
- Orang tidak meletakkan telefon pada mod senyap di dalam mesyuarat, tempat solat dan perpustakaan.
- Orang memakai pakaian dan stoking yang berbau.
- Lebih daripada seorang bercakap pada satu masa.
- Pemandu membunyikan hon tanpa keperluan.
- Orang mengulang-ulang perkataan atau frasa banyak kali dengan cara yang tidak sesuai.
- Seseorang bercakap terlalu kuat sehingga mengganggu orang lain, manakala seorang lagi bercakap terlalu perlahan sehingga sukar untuk didengari.
- Seseorang meninggalkan lampu terpasang tanpa sebab.
- Seseorang memotong barisan tanpa kebenaran.
- Tetamu tidak mengikut arahan tuan rumah di dalam rumah mereka.
- Tuan rumah lewat menyediakan makanan kerana menunggu tetamu yang lewat datang.
- Orang membazir air apabila mereka membasuh tangan.
- Paip tidak ditutup dengan sempurna.
- Orang tidak menggunakan sapu tangan ketika meludah (mereka meludah di lantai).
- Orang tidak mengambil sampah yang berada di laluannya.

- Orang menghalang koridor ketika bercakap.
- Dua orang berbisik antara satu sama lain ketika di dalam mesyuarat.
- Seseorang membuat kesilapan dan dia tidak mengaku mahupun memohon maaf secara jujur atas kesilapan tersebut.
- Orang menjemput anda dan tidak memberitahu secara jelas sama ada disediakan makanan atau tidak.
- Mengambil tisu dari kotak dan mengeluarkannya dalam jumlah yang banyak.
- Panel bercakap terlalu lama atau terlalu sekejap dari jangka masa yang diperuntukkan.
- Orang berkerut tanpa senyuman.
- Anda mengucapkan salam kepada seseorang tetapi tidak dijawab.
- Seseorang menjadikan bilik tersebut terlalu gelap atau terlalu cerah.
- Orang mengambil tahu hal orang lain dengan cara yang bising dan menyibuk

Setiap ahli keluarga boleh menambah apa yang menjadi kebenciannya di dalam senarai itu.

BAB 9

Otak Kanak-kanak: Gunakannya atau Anda akan Kehilangannya?

- Pengenalan **166**
- Jendela Peluang **166**
- Perkembangan Neuron dan Jaringan Otak **167**
- Penglihatan **169**
- Pendengaran **169**
- Muzik **169**
- Emosi **170**
- Tekanan Boleh Merosakkan Rangkaian Sel Emosi **171**
- Pergerakan **171**
- Kosa Kata dan Penghafalan Semasa Kanak-kanak **172**
- Bagaimana Otak Berubah **172**
- Ibu bapa Hendaklah Bercakap dengan Bayi Secara Positif **172**
- Program Prasekolah *Head Start* di Amerika Syarikat **173**
- Apa yang boleh dilakukan oleh Ibu Bapa? **174**
 - *Otak Logik*
 - *Otak Muzik*
 - *Otak Bahasa*
- Islam, Nyanyian dan Muzik **175**
- Gambar dan Patung Ukiran Menurut Perspektif Islam **177**
- Perkembangan Otak Anak Tatih **177**
 - *Ambil Perhatian pada Corak-Corak Penting dalam Persekutaran*
 - *Menggalakkan Penyertaan Fizikal Kanak-kanak dalam Pelbagai Aktiviti*
 - *Berbual dengan Anak dan Huraikan Apa yang Dikatakan kepada Mereka*
 - *Menjaga Suasana Positif, Boleh Ramal dan Bermanfaat*
 - *Mendorong Latihan dan Menggalakkan Pengulangan*
- Adakah Kejayaan Manusia Ditentukan Sebelum Umur Lima Tahun? **179**
- Aktiviti 32 **180**

Pengenalan



AL-QURAN MENEGASKAN bahawa bayi dilahirkan tanpa ilmu pengetahuan. Namun, Tuhan mengurniai mereka dengan pelbagai alat untuk mendapatkan ilmu. Pertama dengan pendengaran, kemudian penglihatan dan akhirnya ‘fu’ad’ (hati), iaitu tempat letaknya perasaan, penaakulan akal dan emosi. Secara biologi, pusat pendengaran terletak di bahagian hadapan otak, manakala pusat penglihatan berada di bahagian belakang. Dan di antara kedua-duanya ada beberapa pusat untuk fungsi otak yang lain. Kesemua ini membentuk sistem kognitif yang membolehkan manusia membuat keputusan yang rasional. Menarik untuk kita lihat apabila al-Quran selalu menyebut ketiga-tiga perkataan ini bersama-sama dalam satu turutan yang kelihatan seolah-olah ketiga-tiga ini tidak boleh dipisahkan, iaitu pendengaran, penglihatan dan perasaan kasih sayang.

Memahami pembentukan dan perkembangan otak kanak-kanak membolehkan kita memberi perhatian kepada kepentingan pengalaman awal kanak-kanak dan bagaimana ia membantu dalam pembentukan rangkaian otak bagi logik, matematik, muzik, bahasa dan emosi. Dengan memahami perkara ini, kita dapat menghargai penekanan terhadap penyusuan susu ibu dalam tempoh dua tahun pertama usia kanak-kanak.

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia mengurniaikan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

(Surah an-Nahl: ayat 78)

Jendela Peluang

“Mengendalikan bayi dengan betul memerlukan kefahaman terhadap keadaan biologi mereka. Rangkaian pada bahagian otak yang berbeza mengalami proses kematangan dalam tempoh yang berbeza, dan kebanyakannya berlaku di peringkat bayi. Hasilnya, rangkaian yang berbeza menjadi paling sensitif pada peringkat umur yang berbeza di sepanjang kehidupan seorang manusia. Berikan anak-anak anda apa sahaja rangsangan yang diperlukan pada bila-bila masa yang diperlukan oleh mereka. Tanpa rangsangan ini perkembangan mereka mungkin akan terbantut” (Begley, 1996).

Walaupun berat otak manusia hanyalah lebih kurang 1.36 kilogram, namun otak mengandungi triliunan rangkaian hubungan otak dan kuasa pemprosesan yang sangat kuat. Cuba bayangkan setiap dua bandar di dunia ini dihubungkan oleh satu lebuh raya utama. Kemudian, ada banyak lagi lebuh raya lain yang menyambungkan dua bandar ini kepada setiap bandar besar di dunia ini. Lebuh raya ini juga menghubungkan semua kampung di seluruh dunia. Kesemua yang digambarkan ini sebenarnya masih tidak

mampu menggambarkan keadaan sebenar otak manusia. Dan jika boleh kita bayangkan lagi, jalan kedua pula dibina bagi menghubungkan setiap kampung dengan kampung yang lain di seluruh dunia, maka rangkaian yang besar di antara jalan utama dengan kedua diperlukan. Gambaran yang kompleks ini masih tidak berpadanan dengan kerumitan sistem otak itu sendiri. Bukan itu sahaja, fakta terpentingnya adalah semua tanah yang ada di dunia ini masih tidak cukup untuk menampung kesemua jaringan di dalam otak manusia.

Masalahnya, dari segi perkembangan otak, jika jalan-jalan ini tidak dibina semasa tahun pertama bayi, ia tidak boleh lagi dibina selepas daripada tempoh tersebut. Malang sekali! Inilah sebenarnya yang sedang berlaku. Peluang keemasan ini akan berterusan hilang untuk selama-lamanya. Ini suatu musibah! Justeru itu, sangat penting untuk kita mempelajari bagaimana mengembangkan jaringan hubungan otak dan kemudian berusaha sedaya upaya untuk memastikan perkembangan otak berlaku pada anak-anak kita.

Kuasa Penyerapan Otak

Berapa banyak maklumat yang dapat diserap oleh otak kanak-kanak berusia 3 tahun?

Sekiranya kita membayangkan otak sebagai komputer yang paling kuat dan canggih, persekitaran kanak-kanak bertindak seperti papan kekunci yang kerjanya memasukkan pengalaman. Komputer ini dilengkapi dengan kapasiti memori yang besar sehingga untuk tiga tahun pertama, ia dapat menyimpan lebih banyak maklumat berbanding dengan keupayaan sekumpulan manusia memasukkan maklumat ke dalam komputer itu. Namun, pada akhir tahun ketiga atau keempat, kadar pembelajaran menjadi perlahan. Komputer akan terus menerima maklumat, tetapi pada kadar yang menurun. Prosesnya terus perlahan ketika kita semakin matang, dan seiring dengan bertambahnya usia, sel-sel dan rangkaian hubungan otak kita mulai hilang. Kita harus merebut peluang ini sebelum ia hilang selepas usia tiga tahun. (Kotulak 1993)

JENDELA PELUANG



Rycus and Huges 1998

Perkembangan Neuron dan Jaringan Otak

Otot disilangkan dengan berbilion-bilion sel saraf (neuron). Sebahagian neuron ini mengawal pernafasan, mengurus degupan jantung, meregulasi suhu badan atau menghasilkan

refleks. Semasa kelahiran, triliunan sambungan sel saraf ini masih belum digunakan. Ia seperti cip Pentium di dalam komputer sebelum kilang memuat turun perisian ke dalamnya. Sekiranya neuron ini digunakan, ia akan disatukan ke dalam rangkaian otak dengan menghubungkannya

kepada neuron lain. Jika tidak digunakan, sel-sel ini akan mati. Pengalaman yang diperolehi bayi akan menentukan neuron mana yang digunakan, yang pastinya akan menyalaikan rangkaian otak seperti seorang pengaturcara program yang menggunakan papan kekunci untuk mengkonfigurasi semula rangkaian di dalam komputer. Kunci mana yang ditekan, merujuk kepada pengalaman yang dimiliki oleh kanak-kanak untuk menentukan sama ada dia akan membesar menjadi cerdas atau lemah, takut atau yakin pada diri sendiri, mempunyai keupayaan artikulasi atau lebih senang mendiamkan diri. Pengalaman awal kanak-kanak sangat kuat kesannya sehingga mampu mengubah sepenuhnya masa hadapan individu itu. (Nash 1997).

Menjelang dewasa otak disilangkan dengan lebih dari 100 bilion neuron yang menjangkau ribuan sel lain sehingga otak mempunyai lebih daripada 100 trilion sambungan. Bilangan sambungan neuron inilah yang lebih banyak jumlahnya daripada jumlah galaksi yang diketahui di alam semesta ini yang memberikan otak akan kekuatannya yang tiada tandingan. Menurut pandangan tradisional, rangkaian otak memang telah ditentukan seperti proses pendawaian untuk rumah baru. Ia ditentukan oleh genetik yang terdapat di dalam ovum yang disenyawakan di dalam rahim. Walaupun separuh daripada genetik ini memainkan peranan di dalam sistem saraf pusat, namun ia tidak cukup untuk menampung rangkaian otak yang kerumitannya tiada bandingan. Perkara ini membawa kepada anggapan lain iaitu genetik mungkin hanya menentukan rangkaian utama otak dan ada ‘perkara lain’ yang membentuk triliunan rangkaian hubungan otak yang lebih halus. ‘Perkara lain’ itu adalah persekitaran yang merupakan rangkaian mesej yang diterima oleh otak daripada dunia luar. “Terdapat dua tahap perangkaian otak yang luas: tahap awal ketika

pengalaman tidak diperlukan, dan yang berikutnya, ketika pengalaman itu terjadi” (Carla Shatz, 1996, Universiti California di Nash 1997). Namun, sebaik-baik sahaja sel neuron ini dirangkaikan, terdapat batas waktu untuk kemampuan otak membentuk sambungannya sendiri. Sebagai ‘tempoh kritikal’, ia adalah jendela peluang yang dibuka secara alamiah, bermula sebelum kelahiran, dan kemudian tertutup rapat satu persatu dengan setiap pertambahan tahun.”

Situasi ini membawa kepada dua implikasi sekaligus iaitu menguntungkan dan membimbangkan. Hampir semua perkara dapat dilakukan sekiranya maklumat yang tepat diberi pada masa yang tepat. Walau bagaimanapun, jika jendela masa itu terlepas, kita akan berhadapan dengan kerugian. Manfaat yang didapati oleh anak tatih di dalam program intensif sekolah seperti *Head Start* sering bersifat sementara: program intensif seperti ini bermula terlalu lambat untuk menyambung semula rangkaian-rangkaian sel di dalam otak secara dasarnya. Penangguhan pengajaran bahasa kedua juga adalah suatu kesilapan besar. Seperti yang ditanya oleh Chugani, “Kebodohan apakah yang dilakukan apabila diputuskan bahawa pengajaran bahasa asing tidak boleh dimulakan sehingga murid masuk sekolah menengah? Pada tahap ini, keadaan sudah terlambat.” (Dr. Harry Chugani, Hospital Kanak-kanak Michigan).

Pusat otak bagi penglihatan, pendengaran, emosi dan pergerakan boleh diuraikan seperti berikut:



Penglihatan

Rangkaian otak untuk penglihatan mengalami lonjakan pertumbuhan sel neuron pada usia 2 hingga 4 bulan, seiring dengan keadaan bayi yang benar-benar sedar tentang dunia di sekelilingnya. Pertumbuhan ini sampai ke kemuncaknya pada usia 8 bulan, apabila setiap neuron disambungkan kepada sejumlah 15,000 neuron lain yang menakjubkan. Bayi yang matanya tertutup disebabkan katarak sejak lahir akan buta selama-lamanya, walaupun pembedahan untuk membuang katarak dilakukan pada usia 2 tahun. Eksperimen penglihatan pada kucing mengesahkan penemuan ini.



Pendengaran

“Menjelang usia 12 bulan, bayi hilang kemampuan untuk membezakan bunyi yang tidak signifikan di dalam bahasa mereka, dan kocehan mereka kini bertukar kepada bunyi yang sama dengan bahasa ibunda mereka,” ujar Patricia Kuhl (Universiti Washington). Ini menjelaskan mengapa orang Jepun tidak dapat membezakan antara bunyi huruf L dan R. Perkataan “elects” berbunyi seperti bunyi “erects”. Ramai juga orang bukan Arab menyamakan bunyi huruf d dengan bunyi huruf z, dengan menyebut ‘dāllīn’ seperti ‘zāllīn’.

Mempelajari bahasa kedua selepas (bukannya dengan) bahasa pertama adalah sangat sukar

“Peta persepsi bahasa pertama menghalang pembelajaran bahasa kedua,” tambahnya lagi. Sebagai contoh, jika rangkaian bahasa sudah disambungkan kepada bahasa Sepanyol sebagai bahasa pertama, baki sel neuron yang tidak ditentukan sambungannya telah kehilangan kemampuan untuk membentuk sambungan aras yang baru untuk bahasa Yunani sebagai bahasa kedua. Kanak-kanak yang diajar bahasa kedua selepas berumur 10 tahun tidak mungkin dapat menurunkannya seperti penutur asal. Inilah sebabnya mengapa sangat penting untuk bayi mendengar bacaan al-Quran supaya dia dapat menguasai bunyi bagi kesemua huruf Arab.

Dengan adanya rangkaian sel neuron aras ini, bayi bersedia untuk mengubah bunyi menjadi perkataan. Semakin banyak perkataan yang didengar oleh kanak-kanak, semakin cepat mereka belajar bahasa. Bayi yang ibunya sering bercakap kepada mereka tahu 131 lebih banyak perkataan pada usia 20 bulan berbanding dengan bayi yang ibunya kurang bercakap. Pada usia 24 bulan, jurang perbezaan antara mereka semakin melebar, menjadi 295 perkataan. Tidak kira perkataan mana yang digunakan oleh ibu tetapi suku kata tunggal dilihat berkesan. Bunyi perkataan membina rangkaian sel neuron yang kemudiannya dapat menyerap lebih banyak perkataan. Ada sejumlah besar kosa kata untuk dipelajari dan kosa kata ini hanya boleh diserap oleh bayi dengan pendedahan berulang kali kepada perkataan tersebut. Penting juga untuk memerhatikan di sini kesan positif yang sama terhadap perkembangan bahasa bayi jika mereka mempunyai beberapa orang adik-beradik yang sering bercakap dengan mereka.

Muzik

Pendedahan awal terhadap muzik akan menyambung semula rangkaian neuron (Elbert

et al. 1995). Otak pemuzik yang memainkan alat muzik bertali diperiksa dengan mesin pengimejan resonans magnetik (MRI). Jumlah kawasan otak yang dikhasikan untuk ibu jari dan jari tangan kiri jauh lebih besar berbanding dengan bukan pemuzik.

Plato menyatakan bahawa muzik adalah alat paling efektif untuk pendidikan. Kini ahli sains tahu mengapa. Mereka percaya bahawa muzik melatih otak membentuk pemikiran aras tinggi. Penyelidik mengkaji kuasa muzik dengan memerhatikan dua kumpulan kanak-kanak prasekolah. Satu kumpulan kanak-kanak mengambil pelajaran piano dan menyanyi setiap hari manakala kumpulan yang lain tidak berbuat demikian. Selepas 8 bulan, kanak-kanak di dalam kumpulan muzik berusia 3 tahun menguasai permainan teka-teki dengan sangat baik, dengan skor 80 peratus lebih tinggi daripada apa yang dicapai oleh rakan-rakan mereka dalam kecerdasan spasial (keupayaan untuk menggambarkan ruang dengan tepat).

Memang sangat mengagumkan apabila kemahiran ini kemudian diterjemahkan kepada kemahiran matematik dan kejuruteraan yang kompleks. Menurut ahli fizik Gordon Shaw dari Irvine, California, "Latihan muzik pada awal usia dapat memperkuuh kemampuan anak untuk berfikir." (Begley 2000). Nampaknya, terdapat hubungan

rapat di dalam otak antara muzik, matematik dan logik. Pemikiran aras tinggi dicirikan oleh bentuk otak yang serupa. Guru yang mengajar kanak-kanak kecil tidak mengajar mereka matematik atau catur aras tinggi. Meskipun begitu, anak-anak kecil ini lebih berminat dan boleh memproses muzik. Frances Rauscher (Universiti Wisconsin) mengajarkan piano kepada beberapa orang kanak-kanak dan nyanyian kepada kumpulan yang lain. Selepas 8 bulan, kanak-kanak yang diberi pelajaran muzik menunjukkan "peningkatan drastik dalam penaakulan spasial" berbanding dengan kanak-kanak yang tidak diberi pelajaran muzik. Peningkatan ini ditunjukkan pada kemampuan mereka menyelesaikan permainan pagar sesat (*maze*), melukis gambar-gambar geometri, dan menyalin bentuk pada blok dua warna. Apabila kanak-kanak melatih neuron kortikal dengan mendengar muzik klasik, mereka menguatkan rangkaian sel yang digunakan untuk matematik. Muzik merangsang corak pembentukan dalaman otak dan meningkatkan penggunaannya dalam tugas penaakulan yang kompleks. (Nash 1997).

**Kanak-kanak harus digalakkan untuk
belajar bermain alat muzik**

Emosi

Garis utama untuk rangkaian sel saraf yang mengawal emosi telah wujud sebelum kelahiran. Kemudian ibu bapa akan mengambil alih tugas tersebut. Mungkin pengaruh paling kuat adalah penyesuaian perasaan (apabila penjaga merangsang perasaan dalaman anak). Sekiranya jeritan kegembiraan bayi terhadap kucing mendapat senyuman dan pelukan dari ibu bapa atau penjaga, atau jika kegembiraannya melihat pesawat tinggi di langit mendapat reaksi yang sama, rangkaian untuk emosi ini akan diperkuuh. Kelihatannya, otak menggunakan laluan yang



sama untuk melahirkan dan merespons sesuatu emosi. Oleh itu, jika sesuatu emosi itu mendapat respons yang baik, isyarat elektrik dan kimia yang menghasilkan emosi itu diperkuuh. Namun, jika emosi itu disambut oleh respons yang berbeza atau bertentangan (contohnya, bayi berasa bangga apabila dapat membina bangunan tinggi daripada periuk-periuk kesayangan ibu tetapi ibu berasa geram dengan keadaan ini), maka rangkaian emosi ini menjadi keliru dan gagal diperkuuh. Kuncinya di sini adalah ‘berulang kali’. Satu perkataan negatif tidak akan membawa keburukan di sepanjang kehidupan anak. Namun yang penting adalah bentuk emosi itu yang boleh menjadi faktor penentu yang sangat kuat. Dalam satu kajian, seorang bayi yang tindak balas ibunya tidak pernah sepadan dengan tahap kegembiraan bayi tersebut membesar menjadi seorang yang sangat pasif dan tidak dapat merasakan kegembiraan atau keseronokan.

Tekanan Boleh Merosakkan Rangkaian Sel Emosi

Tekanan dan ugutan berterusan juga merosakkan rangkaian saraf emosi. Rangkaian ini berpusat di amigdala, satu struktur kecil berbentuk badam yang berada di dalam otak yang bertugas untuk mengimbas perkara yang dilihat dan suara yang masuk untuk mengisi ruang emosi di dalam otak. Dorongan daripada mata dan telinga akan sampai di amigdala terlebih dahulu sebelum sampai ke neokorteks iaitu bahagian yang rasional dan bijaksana. Sekiranya penglihatan, suara atau pengalaman yang pernah dialami sebelum ini terbukti menyakitkan, contohnya ayah pulang dalam keadaan mabuk dan kemudian diikuti dengan pukulan, maka amigdala membanjiri rangkaian emosi dengan neurokimia sebelum otak besar (serebrum) mengetahui apa yang sedang

berlaku. Semakin kerap laluan ini digunakan, semakin mudah untuk sel emosi ini mencetuskan tindak balas sehingga ingatan mengenai ayah sahaja dapat menimbulkan rasa takut. Oleh sebab rangkaian sel ini mampu berada dalam keadaan teruja selama berhari-hari, otak akan sentiasa berada pada tahap berjaga-jaga yang tinggi. Dalam keadaan ini, lebih banyak rangkaian sel memberi isyarat bukan lisan seperti ekspresi wajah dan suara marah yang memberi amaran tentang bahaya yang akan berlaku. Akibatnya, perkembangan korteks akan terkebelakang dan menghadapi masalah untuk mengasimilasikan maklumat yang kompleks (seperti bahasa). Ini dapat menjelaskan sunnah Nabi ﷺ untuk berdiam diri ketika marah supaya tidak ada kata-kata yang tidak disengajakan dan tidak sesuai dituturkan semasa dalam keadaan sangat marah.

Pergerakan

Pergerakan janin bermula pada minggu ketujuh kehamilan dan memuncak pada waktu antara minggu ke-15 dengan ke-17. Keadaan ini berlaku apabila bahagian otak yang mengawal pergerakan mula membuat rangkaian. Tempoh kritis ini berlangsung hanya sebentar. Sel-sel di otak serebelum yang mengawal postur dan pergerakan, mengambil masa sehingga dua tahun untuk membentuk suatu rangkaian yang boleh berfungsi. Banyak hal pengurusan berlaku, menggunakan maklumat yang diperolehi semasa kanak-kanak mula bergerak. Sekiranya anda menyekat aktiviti pergerakan bayi, anda menghalang pembentukan sambungan sinaptik dalam proses menghantar isyarat ke korteks motor otak. Contohnya, semakin banyak tangan bergerak, rangkaian pergerakan menjadi lebih kuat dan fungsi otak menjadi semakin baik semasa tangan digerakkan dengan sengaja dan lancar. Jendela peluang ini

hanya bertahan dalam tempoh beberapa tahun. Seorang anak yang tidak bergerak akibat disimen badannya sehingga usia empat tahun akan belajar berjalan juga akhirnya, tetapi dia tetap tidak dapat berjalan dengan baik. (Carmichael 2007)

Senaman bukan sahaja baik untuk jantung, tetapi juga otak, dengan memberinya nutrien dalam bentuk glukosa, dan meningkatkan hubungan saraf yang kesemua ini akan memudahkan kanak-kanak pada semua peringkat umur untuk belajar. Kanak-kanak yang bersenam prestasinya lebih baik di sekolah. Mereka juga perlu diberi aktiviti fizikal di dalam kelas, bukan hanya duduk diam di tempat mereka sambil menghafaz sifir dan puisi. Pengetahuan dapat disimpan lebih lama jika kanak-kanak belajar menggunakan pelbagai bahan, bukan sahaja secara lisan tetapi juga emosi dan fizikal.



Kosa Kata dan Penghafalan Semasa Kanak-kanak

Penemuan biologi ini mungkin dapat menjelaskan mengapa ramai kanak-kanak yang bukan berbahasa Arab mampu menghafaz al-Quran pada usia yang muda. Malah sebilangan mereka mampu menghafaz al-Quran sepenuhnya sebelum mencapai usia 10 tahun. Ini mengesahkan dapatan terkini bahawa jendela peluang mempelajari bahasa mula tertutup selepas usia 10 tahun.

Amalan menghafaz pada usia muda semakin ditinggalkan di dunia moden kini. Sekiranya tubuh badan memerlukan makanan untuk pertumbuhan, hafazan pula memberikan asas kepada otak untuk membangunkan bahasa. "Jendela peluang untuk pembelajaran" akan terbuka sehingga usia kanak-kanak mencecah 12 tahun. Lebih banyak glukosa yang digunakan oleh otak, semakin aktif otak itu akan bekerja. Otak kanak-kanak memerlukan glukosa dua kali lebih banyak daripada orang dewasa daripada usia empat hingga mencapai baligh. Disebabkan itu, otak muda ini berada dalam keupayaan paling tinggi untuk memproses maklumat baharu. Mata pelajaran yang kompleks seperti trigonometri atau bahasa asing seharusnya diajarkan pada usia muda. Kanak-kanak di sekolah rendah lebih mudah mendengar dan memproses bahasa kedua malah mereka boleh bercakap dengan bahasa tersebut tanpa pelat sedikit pun.

Bagaimana Otak Berubah

Senaman memacu pertumbuhan di kawasan otak yang berkaitan dengan ingatan, dan ini berkemungkinan membawa kepada peningkatan fungsi-fungsi otak. Para penyelidik mendapati bahawa senaman meningkatkan jumlah darah dalam *dendate gyrus* (satu bahagian di hippocampus di bahagian korteks otak, yang berfungsi memproses memori), yang menunjukkan pembentukan sel-sel otak baharu di kawasan tersebut. (Carmichael 2007)

Ibu bapa Hendaklah Bercakap kepada Bayi Secara Positif

Perbezaan terbesar antara keluarga-keluarga dalam masyarakat adalah jumlah percakapan yang berlaku di dalam rumah tangga. Semakin banyak wang dan semakin tinggi pendidikan yang dimiliki ibu bapa, semakin banyak mereka

bercakap dengan anak-anak. Hasilnya, kosa kata kanak-kanak ini mengalami perkembangan yang lebih efektif. Pada usia tiga tahun, kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang rajin bercakap akan mendengar lebih daripada 30 juta perkataan, tiga kali ganda lebih banyak daripada kanak-kanak dalam keluarga yang kurang berkemampuan.

Terdapat juga perbezaan yang signifikan tentang cara ibu bapa bercakap kepada kanak-kanak mereka. Ibu bapa yang mempunyai pendapatan dan pendidikan yang lebih tinggi cenderung untuk berbicara dengan lebih tegas, memberikan peneguhan lebih kerap dan jelas dengan menggunakan pernyataan yang menggalakkan seperti "Itu bagus," "Itu betul," "Saya sayang pada kamu," "Kerja kamu bagus". Ibu bapa dari kelas pertengahan pada umumnya memuji anak-anak mereka tetapi dengan kekerapan yang kurang, dan mereka lebih sering menyuarakan pernyataan tidak setuju (seperti "Itu buruk," "Kamu salah," "Berhenti," "Jangan lakukan," "Diam"). Manakala ibu bapa daripada keluarga miskin jarang memuji anak-anak mereka dan lebih sering mengkritik mereka.

Jumlah kosa kata kanak-kanak semakin meningkat apabila ibu sering bercakap dengan mereka. Anak-anak kepada ibu bapa daripada kumpulan profesional mendengar 75 peratus lebih banyak perkataan perjam berbanding anak-anak kepada ibu bapa daripada kelas pertengahan dan lebih daripada tiga kali ganda perkataan yang didengar oleh anak-anak yang ibu bapanya daripada kelas bawahan. Anak-anak yang lebih kaya menerima maklum balas positif dua hingga lima kali lebih kerap daripada anak-anak yang lebih miskin. Ujian ke atas kanak-kanak berusia tiga tahun mendapati kanak-kanak yang mendengar banyak perkataan dan mengalami pengalaman

yang lebih positif mendapat markah yang lebih tinggi di dalam ujian di sekolah berbanding dengan kanak-kanak yang mendengar kurang perkataan dan kurang mempunyai pengalaman positif. Tanpa menafikan bahawa ibu bapa berpendapatan rendah dan kelas pertengahan juga sangat menyayangi bayi mereka sama seperti ibu bapa yang lain. (Begley dan Wingert 1997)

Program Prasekolah Head Start di Amerika Syarikat

Head Start adalah sebuah program pembangunan awal kanak-kanak di Amerika Syarikat yang komprehensif di peringkat kebangsaan untuk kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah sejak 1965 yang tidak berjaya. Kecerdasan yang diperolehi kanak-kanak di dalam program ini hilang selepas tiga tahun mereka menjalani program ini. Faktor yang dikenal pasti adalah masa. Program *Head Start* menerima kanak-kanak berusia dua, tiga, dan empat tahun. Pada tahun 1992, Projek Abecedarian dimulakan. Kanak-kanak daripada 120 keluarga miskin dibahagikan kepada empat kumpulan untuk mendapatkan pendidikan awal intensif di pusat jagaan harian. Kumpulan 1, daripada usia sekitar empat bulan hingga lapan tahun. Kumpulan 2, daripada usia empat bulan hingga lima tahun. Kumpulan 3, daripada usia lima bulan hingga lapan tahun dan kumpulan 4, tiada pendidikan awal intensif. Apakah yang dimaksudkan dengan "mendidik" kanak-kanak berusia empat bulan? Memberi mereka blok dan manik, bercakap dengannya dan bermain cak-cak. Terdapat 200 buah "permainan berunsur pembelajaran" dirangka untuk meningkatkan perkembangan kognitif, bahasa, sosial atau motor. Kanak-kanak yang diterima di dalam projek Abecedarian sebagai pelajar prasekolah mendapat markah lebih tinggi dalam

matematik dan bacaan. Kanak-kanak ini juga memiliki kecerdasan yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak lain. Semakin awal kanak-kanak ini dimasukkan ke dalam program ini, lebih lama pencapaiannya akan berkekalan. Intervensi selepas usia lima tahun tidak memberikan manfaat IQ atau akademik yang ketara.

Persoalan yang timbul adalah sekiranya jendela minda tertutup sebelum tamat usia sekolah rendah, adakah semua harapan akan hilang bagi kanak-kanak yang kehilangan peluang pendidikan mereka ini? Bagaimana dengan anak-anak miskin yang ibu bapa mereka tidak mampu untuk memberikan mereka alat pengiraan untuk merangsang kemampuan matematik mereka, atau bercakap dengan mereka untuk membina kemampuan berbahasa?

Pada satu tahap, harapan itu masih ada. Otak dapat mengekalkan kemampuannya untuk belajar dalam sepanjang kehidupan. Lihatlah orang yang tidak belajar bahasa Perancis di universiti, namun mampu menguasainya setelah dia agak berumur atau selepas bersara. Bagaimanapun, pada tahap yang lebih dalam, memang ada masalah di situ. Kanak-kanak yang otaknya tidak dirangsang sebelum ke tadika akan kurang berkemampuannya untuk belajar.

Perkara paling penting adalah walaupun kita dilahirkan dengan potensi besar, potensi itu hanya dapat digunakan secara maksimum jika ia dikembangkan. Oleh itu, ibu bapa mesti menyedari bagaimana otak berkembang dan bagaimana otak mengekalkan pengetahuan. Tiga kemahiran asas

mesti ditingkatkan ke dalam otak anak tepat pada masanya:

- otak logik (matematik dan logik),
- otak bahasa, dan
- otak muzik.

Apa yang Boleh Dilakukan oleh Ibu Bapa?

OTAK LOGIK

Kemahiran: Matematik dan Logik

Jendela pembelajaran: Kelahiran sehingga usia 4 tahun

Apa yang kita tahu: Rangkaian untuk matematik berada di korteks otak, berdekatan dengan muzik. Anak tatih yang diajar konsep mudah, seperti satu dan banyak, akan lebih berjaya di dalam matematik.

Tindakan: Bermain permainan mengira dengan anak tatih. Contohnya, minta anak-anak menyusun meja makan untuk belajar hubungan satu dengan satu, iaitu satu pinggan dan satu garpu untuk satu orang dan seterusnya. Sementara itu, muzik perlahan boleh dimainkan.

OTAK MUZIK

Kemahiran: Muzik

Jendela pembelajaran: Usia 3 hingga 10 tahun

Apa yang kita tahu: Pemuzik bagi instrumen bertali mempunyai kawasan yang lebih luas di korteks sensori yang dikhaskan untuk digit penjarian pada tangan kiri. Sebilangan kecil pemuzik konsert mula bermain instrumen bertali

Pada 30 September 1997, Perdana Menteri Britain Tony Blair mengumumkan dalam ucapannya di Persidangan Nasional Parti Buruh (Brighton, England), bahawa prasekolah harus bermula pada usia tiga dan bukannya empat tahun untuk memanfaatkan kepentingan tempoh awal dalam merangsang perkembangan otak.

pada usia lebih lewat dari 10 tahun. Memang lebih sukar untuk orang dewasa belajar bermain instrument muzik. Pelajaran muzik membantu mengembangkan kemahiran spasial.

Tindakan: Ibu bapa boleh memainkan bacaan al-Quran bertajwid, laungan azan dan rakaman suara alam dan suara burung. Mereka juga dapat menyanyikan lagu dan nashid bersama anak-anak dan memainkan muzik perlahan. Berikan alat muzik kepada anak-anak untuk melihat sama ada mereka mempunyai kecenderungan atau minat terhadap muzik.

OTAK BAHASA

Kemahiran: Bahasa

Jendela pembelajaran: Semasa kelahiran hingga 10 tahun

Apa yang kita tahu: Rangkaian di korteks pendengaran yang mewakili suara yang membentuk perkataan, bersambung pada usia satu tahun. Semakin banyak perkataan yang didengar oleh kanak-kanak pada usia dua tahun, semakin bertambah kosa kata mereka. Masalah pendengaran boleh merosakkan kemampuan memadankan bunyi dengan huruf.

Tindakan: Penting untuk ibu bapa bercakap dengan anak-anak mereka lebih kerap. Sekiranya mereka mahu anak-anak mereka menguasai bahasa kedua, mereka harus memperkenalkannya sebelum berumur 10 tahun. Pendengaran perlu dilindungi dengan rawatan segera sekiranya terkena jangkitan di telinga.

Islam, Nyanyian dan Muzik

Islam membenarkan nyanyian dan muzik, dengan syarat ia tidak mendorong kepada kejahanan, keghairahan seksual atau mengganggu pelaksanaan kewajipan agama. Para sahabat

Nabi ﷺ dan salafussoleh mendengar lagu dan muzik. Khususnya majlis-majlis keraian seperti perkahwinan, hari raya, pesta, dan meraikan bayi baru lahir boleh diiringi oleh lagu-lagu dan alat muzik (seperti gendang dan rebana). Al-Bukhārī dan Muslim meriwayatkan bahawa beberapa orang Habsyah (kini dikenali sebagai Ethiopia) bermain dan menari untuk Nabi ﷺ, dan baginda menyaksikan persembahan tersebut bersama-sama isterinya Āishah untuk tempoh yang Panjang bagi menghiburkan Aisyah.

Diriwayatkan oleh Aisyah

Utusan Allah datang ke rumah saya sementara dua gadis menyanyikan lagu Bu'ath di samping saya [cerita tentang perang antara dua suku Ansār, iaitu Khazraj dan Aws, sebelum Islam]. Nabi berbaring di katil dan memalingkan wajahnya ke sisi lain. Abū Bakar datang dan memarahi saya dengan kata bantahan: 'Alat Setan di hadapan Rasulullah? Utusan Allah memalingkan wajah ke arahnya dan berkata, "Biarkan mereka." Ketika Abū Bakar tidak perasan, aku menyuruh kedua-dua gadis itu pergi dan mereka pergi. Itu adalah hari Id, ketika orang Ethiopia biasa bermain dengan perisai dan tombak kulit. Entah saya bertanya kepada Rasulullah atau dia sendiri bertanya adakah saya ingin melihat persembahan. Saya mengiyakannya. Kemudian beliau membiarkan saya berdiri di belakangnya dan pipi saya menyentuh pipi beliau dan beliau berkata, "Teruskan, O Banū Arfidah [iaitu orang Ethiopia]!" Ketika saya penat, beliau bertanya adakah itu sudah cukup. Saya mengiyakan dan beliau menyuruh saya pergi.

(Muslim)

Kisah ini memberi panduan kepada ibu bapa untuk membenarkan anak-anak menikmati muzik

sebagai hiburan daripada menghalang mereka berbuat demikian. Pada masa kini, umumnya muzik dan seni digunakan untuk menggalakkan maksiat seperti nafsu seksual, dadah, dan arak. Namun, kita boleh menggunakan muzik untuk pendidikan dan hiburan yang bermanfaat.

Tidak ada hadis sahih yang melarang muzik dan nyanyian. Al-Qaradawi (2007) menolak hadis antimuzik dan antinyanyian kerana kurang tepat dari segi makna atau lafaznya atau kedua-duanya sekali. Tiada rujukan berkaitan dengan larangan tentangnya pada sebarang masa dan zaman. Malah, ada beberapa bukti pada zaman Nabi ﷺ yang membuktikan kesahan muzik dan nyanyian. Sebagai contoh:

1. Sayidina Abu Bakar masuk ke rumah Nabi ﷺ, dan mendapati Aisyah r.a. sedang mendengar nyanyian dua orang penyanyi. Beliau cuba menghentikan mereka dengan berkata: "Instrumen syaitan ini ada bersama dengan kehadiran Utusan Allah ﷺ?" Walau bagaimanapun Rasulullah ﷺ memberitahu beliau: "Biarkan mereka, hari ini hari raya."
2. Ketika Aisyah mengiringi pengantin daripada golongan Ansar ke biliknya, Rasulullah ﷺ bertanya kepada pengantin, "Adakah anda mempunyai sebarang hiburan?" (Orang Ansar menyukai sambutan dan keraian)
3. Ketika peristiwa hijrah Rasulullah ﷺ dari Mekah ke Madinah, terdapat sambutan yang tidak boleh dilupai oleh baginda Rasulullah ﷺ: Kanak-kanak perempuan keluar menyambut baginda dan menyanyi. Begitu juga wanita-wanita Bani Najjar yang keluar memukul gendang dan menyanyi. Abu Bakar cuba untuk menghentikan mereka tetapi

Rasulullah ﷺ berkata, "Biarkan mereka, sesungguhnya agama kita adalah agama yang menggembirakan."

4. Umar Ibn Khattab masuk ke masjid dan mendapati seseorang dari Ethiopia sedang menari dengan lembingnya di hadapan Rasulullah ﷺ dan isterinya 'Aisyah di dalam satu keraian menyambut hari raya. Beliau cuba menghentikan orang tersebut tetapi Rasulullah ﷺ berkata, "Biarkan mereka."

Peraturan umumnya adalah setiap tindakan dinilai berdasarkan niat dan apa juga tindakan yang membawa kepada kebatilan dan menjauhi kebenaran harus dihindari. Muzik yang membangkitkan nafsu seks dan lagu-lagu lucah pastinya bertentangan dengan Islam, begitu juga dengan pornografi. Semua muzik dan nyanyian lain (yang tidak mempromosikan maksiat) adalah dibenarkan.

PANDANGAN IBN SINA TENTANG PENYUSUAN SUSU IBU DAN MUZIK.

Ibn Sina berkata: Terdapat beberapa jenis demam yang disebabkan oleh faktor psikologi.

Penyusuan susu ibu: Ibn Sina menekankan hubungan kuat antara psikologi dengan kesihatan badan. Salah satu contohnya adalah penyusuan susu ibu. Jadi, beliau menekankan hal tentang keperluan memilih ibu susuan yang baik.

Muzik: Ibn Sina menekankan pengaruh positif muzik terhadap orang sakit, baik secara fizikal maupun psikologi.



Gambar dan Patung Ukiran Menurut Perspektif Islam

Gambar dan patung ukiran dibolehkan dalam Islam kecuali yang menggambarkan ketelanjangan, maksiat dan bentuk-bentuk lain yang tidak bermoral. Penggunaan utama gambar dan patung ukiran semasa zaman Rasulullah ﷺ adalah untuk penyembahan berhala. Jadi, baginda telah melarangnya. Perkataan yang sama digunakan hari ini tetapi mempunyai maksud yang berbeza. Contohnya, kalimat *sayyarah* di dalam al-Quran (surah Yusuf) membawa maksud kafilah pengembara. Namun hari ini, ia membawa maksud kereta (penggunaan perkataan dengan maksud yang sangat berbeza).

Kaedah yang sama diaplikasikan kepada gambar dan patung ukiran, sama ada kita bercakap mengenai lakaran dan lukisan, gambar dan filem, skrin elektronik, dan patung ukiran bersifat dua dimensi atau tiga dimensi. Untuk suatu tempoh yang lama, gambar dan patung ukiran telah digunakan oleh orang jahiliah untuk tujuan penyembahan dan ritual keagamaan. Ini menjelaskan mengapa Nabi ﷺ apabila melihat gambar-gambar yang tiada kaitan dengan keagamaan, baginda membenarkannya. Begitu juga apabila baginda melihat kanak-kanak bermain dengan anak patung tiga dimensi, baginda juga tidak menghalangnya.

Atas alasan yang sama, sebarang gambar atau patung ukiran yang digunakan sebagai berhala atau untuk penyembahan pada masa kini termasuk dalam kategori yang dilarang. Gambar-gambar atau patung-patung ukiran yang ada pada masa kini kebanyakannya tidak digunakan untuk penyembahan tetapi untuk tujuan tertentu seperti sains, teknologi, media, pendidikan, hiburan, serta pasport, kad pengenalan dan kad kredit. Kesemua

ini tidak dilarang oleh sunnah Rasulullah ﷺ. Urusan kita dengan alat-alat ini seharusnya untuk kebaikan dan bukan untuk kemudharatan. Sebilah pisau contohnya, boleh digunakan untuk pelbagai tujuan baik tetapi ia tidak boleh digunakan untuk tujuan ke ganasan dan pembunuhan (kecuali untuk penyembelihan haiwan, sebagai pertahanan diri dan atau pererangan).

Perkembangan Otak Anak Tatih

Anak tatih berminat untuk mempelajari bahasa, corak dan hubungan dari pelbagai jenis. Mereka tidak hanya memerhatikan kehidupan sebagaimana ketika mereka masih bayi. Mereka muhu turut sama menjadi sebahagian daripada kehidupan itu. Berikut adalah beberapa idea yang boleh digunakan oleh ibu bapa untuk membina minat anak tatih dan membuat perubahan positif dalam perkembangan otak mereka.

MENGAMBIL PERHATIAN PADA CORAK-CORAK PENTING DALAM PERSEKITARAN

Turutan dan situasi adalah penting untuk anak tatih. Turutan adalah sesuatu yang agak menarik bagi anak tatih. Otak anak kecil secara semulajadinya menyambungkan peristiwa yang sedang berlaku kepada hubungan sebab-akibat. Ibu bapa boleh menunjukkan turutan yang betul terhadap kejadian alam (kesan cahaya, suhu, air, graviti dan angin) dan kebiasaan sosial (mengetuk pintu sebelum masuk, menunggu giliran, mengucapkan "terima kasih"). Anak-anak pada usia ini juga sangat tertarik pada turutan yang digunakan dalam tugas-tugas harian seperti mencuci, memasak dan menghias diri.

Corak kedua yang penting adalah situasi. Anak tatih tidak menunjukkan minat terhadap

situasi seperti yang ditunjukkan terhadap turutan. Namun begitu, pada usia 13 hingga 19 bulan, mereka mula memerhatikan corak berkumpulan. Sebagai contoh, apakah objek itu, siapakah orang-orang itu, dan apakah peristiwa berkaitan pengalaman yang dialami mereka di restoran? Apabila sampai pada usia prasekolah, kanak-kanak menggunakan maklumat ini untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan persekitaran secara keseluruhan. Ibu bapa harus menunjukkan maklumat “apa”, “siapa”, dan bahkan “kenapa” dan “bagaimana” apabila mereka berada pada situasi yang berbeza bersama anak-anak mereka.

MENGGALAKKAN PENYERTAAN FIZIKAL KANAK-KANAK DALAM PELBAGAI AKTIVITI

Mempelajari konsep spasial boleh dipermudah dengan penglibatan secara fizikal. Sebagai contoh, perkataan “bawah” membawa maksud yang lebih signifikan sekiranya kanak-kanak tersebut pergi ke bawah meja ketika perkataan itu digunakan. Meletakkan kanak-kanak di dalam kawasan yang terhad bersama objek-objek yang terhad membantutkan perkembangan mereka. Hadirkan diri anda semampu mungkin sebagai pembimbing kepada anak-anak anda untuk melihat isu keselamatan dan berinteraksilah dengan mereka sebanyak mungkin.

BERBUAL DENGAN ANAK DAN HURAIKAN APA YANG DIKATAKAN KEPADA MEREKA

Apabila ibu bapa berbual dengan anak tatih, mereka membantu perkembangan kosa kata anak. Dalam tempoh usia 12 hingga 24

bulan, mereka mahu tahu nama-nama objek. Apabila ibu bapa memberitahu nama objek tersebut, mereka seharusnya menerangkan dengan jelas tentang apa yang dimaksudkan. Menyentuh objek-objek yang dimaksudkan membantu dalam pembelajaran bahasa. Ibu bapa juga boleh menggunakan petunjuk-petunjuk dalam bentuk “konteks”, seperti “Ibu akan mengambil buku ini” dan dalam masa yang sama melakukan perbuatan tersebut.

Apabila ibu bertanya soalan dan kemudian mengulangi jawapan anak-anak dengan menggunakan ayat yang lebih berstruktur, anak-anak akan menjadi baik dalam pengetahuan tatabahasa mereka.

Contohnya, jika anak-anak memberikan jawapan “sangkar” kepada soalan “Di mana burung itu?”, ibu bapa merespons dengan ‘Ya, burung itu di dalam sangkar’. Dengan demikian, ibu menyediakan struktur ayat yang sempurna.

MENJAGA SUASANA POSITIF, BOLEH RAMAL DAN BERMANFAAT

Perasaan yang diperlihatkan ibu bapa kepada anak-anak mempengaruhi otak mereka. Perubahan perasaan antara ibu yang murung dengan bayi sebenarnya menghasilkan aktiviti di dalam otak bayi yang menyerupai kemurungan yang dialami oleh ibu tersebut (Field et al, 1988). Persekutaran yang ceria dan optimis melahirkan anak yang lebih ceria dan kuat emosinya. Anak-anak kecil dipengaruhi oleh tenaga emosi ibu bapa mereka dan tahap sikap positif serta sokongan penjaga mereka. Rutin yang konsisten membuatkan pembelajaran lebih mudah dan menyediakan rasa selamat dari segi emosi yang lebih baik.

MENDORONG LATIHAN DAN MENGGALAKKAN PENGULANGAN

Latihan dan pengulangan adalah suatu perkara penting. Apa-apa yang diambil oleh kanak-kanak daripada suatu situasi hanyalah sebahagian daripada keseluruhan pengetahuan yang boleh didapati daripada objek, peristiwa dan situasi tersebut. Malahan, bayi dan anak tadih mungkin mengambil perhatian pada elemen tertentu daripada apa-apa yang didengari, dilihat atau dirasa dalam kebanyakan kejadian, sebelum menyedari sebarang ciri-ciri lain. Otak mengambil masa untuk memberi tindak balas kepada realiti persekitaran. Ibu bapa tidak perlu mempercepat proses perkembangan anak. Masih banyak perkara yang perlu dipelajari.



Sebahagian ibu berfikir bahawa mereka boleh menguruskan anak-anak sepenuh masa dan bekerja sepenuh masa. Hal ini adalah mustahil. Sebaik-baik sahaja mereka menjadi ibu, pilihan telah dibuat: anak-anak diutamakan berbanding dengan pekerjaan. Masyarakat hendaklah menolak sebarang bentuk gambaran yang merendahkan para suri rumah, ibu dan juga keluarga. Penglibatan secara aktif dalam meraikan fasa kanak-kanak dan keibuan adalah diperlukan.



Adakah Janin Anda Mengenali Suara Anda?

Kajian menunjukkan bahawa pembelajaran dari dalam kandungan bermula pada minggu-minggu akhir kehamilan. Ayah boleh berbicara dengan janin melalui gulungan suratkhabar supaya bayi terbiasa dengan suara ayahnya. (Henry Biller, 1993)


Kajian dari Jepun dan Perancis mendapati janin boleh mendengar bunyi ketika dua bulan terakhir kehamilan.

Adakah Kejayaan Manusia Ditentukan Sebelum Usia Lima Tahun?

Adakah Kejayaan Sesebuah masyarakat bergantung kepada perkembangan otak? Struktur asas (tulang rangka) manusia ditentukan oleh genetik, dan genetik adalah bersifat tetap dan tidak banyak yang boleh dilakukan mengenainya. Penggunaan dan produktiviti manusia yang sebenar sangat bergantung kepada otak manusia. Sejumlah trilion rangkaian yang besar terbina di dalam otak kanak-kanak sebelum usia sepuluh tahun dan kebanyakannya telah terbentuk pada usia tiga tahun. Oleh itu, negara yang menumpukan perhatian kepada penjagaan bayi akan memperoleh peluang kejayaan yang luar biasa. Sekiranya mereka tidak melakukan apa yang diperlukan di peringkat bayi, ia mungkin sudah terlambat untuk dikejar. Pelaburan yang dibuat ke atas kanak-kanak dalam tempoh tiga tahun awal ini memberikan kadar pulangan maksimum kepada masyarakat. Rangkaian otak yang optimum berlaku daripada kelahiran hingga usia empat tahun. Inilah sebabnya al-Quran sangat

mengesyorkan penyusuan susu ibu sehingga usia dua tahun. Proses tersebut bermula semasa kelahiran, apabila si bapa mengalunkan azan di telinga kiri dan kanan bayi yang baru lahir. Ia disambung dengan penyusuan oleh si ibu yang turut memenuhi keperluan bayi tersebut.

dengan kasih sayang, kemesraan dan rasa kebersamaan. Kemudian, perasaan autonomi mula berkembang dalam bayi tersebut, dan ibu bapa boleh meningkatkan perkembangan kognitifnya dengan menggunakan saranan di dalam buku ini.



Ibn Sina menghafaz al-Qur'an sebelum berusia 10 tahun. Ini membantunya untuk memperluas keupayaan otaknya dan membina ingatannya yang memungkinkannya memaksimumkan potensi otaknya. Ada yang percaya bahawa kita biasanya hanya menggunakan lima hingga lima belas peratus kemampuan otak kita.

(Morgan 2007)

Aktiviti

AKTIVITI 32: MEWUJUDKAN SISTEM SATU BUKU SETIAP BULAN

Ibu bapa dan anak-anak boleh menubuhkan kelab buku. Buku-buku terpilih dapat dibaca setiap minggu, bulan atau setiap beberapa bulan mengikut jadual tetap tetapi fleksibel. Setiap ahli akan membaca buku dan membentangkannya, diikuti dengan perbincangan terbuka. Sebaik-baiknya, ini boleh berlaku selepas menikmati hidangan yang enak dengan setiap ahli keluarga berjenaka. Jalankan aktiviti ini secara berkala supaya jadual tersebut dapat berfungsi dan menjadi suatu kebiasaan. Contohnya, pastikan setiap malam Jumaat pertama (atau Sabtu) pada jam 8.00 malam setiap bulan untuk kelab buku. Dengan cara ini, peringatan tidak perlu dihantar dan ahli kelab tidak meghadapi masalah konflik penjadualan.



BAB 10

Peringkat Perkembangan Anak dan Memaksimumkan Fasa yang Berbeza

- Fasa Perkembangan **184**
- Sejauh Mana Psikologi Pop Boleh Dipercayai **184**
- Fasa Perkembangan Manusia dalam al-Qur'an **186**
- Keajaiban Persenyawaan, Kehamilan dan Kelahiran **188**
- Pelbagai Tahap Pertumbuhan: Dari Kelahiran ke Usia Emas **189**
 - *Kelahiran – 4 bulan*
 - *5–18 Bulan*
 - *18–36 Bulan*
 - *4–7 Tahun*
 - *7–14 Tahun*
 - *11–13 Tahun: Haid bagi Anak Perempuan*
 - *13–15 Tahun: Menjadi Lelaki Dewasa*
 - *14–21 Tahun*
 - *Memahami Remaja*
 - *21–40 Tahun: Menuju Kedewasaan*
 - *40–65: Usia Pertengahan*
 - *65 Tahun dan ke atas: Usia Emas*
- Memanfaatkan Fasa Perkembangan **201**
 - *Menyusu Dalam Tempoh Dua Tahun Pertama*
 - *Cinta dan Takut Kepada Tuhan*
 - *Penghafalan*
 - *Aspek-aspek Dakwah*
 - *Sensitiviti Terhadap Kritikan Semasa Remaja*
 - *Pembinaan Identiti Seharusnya Diperkujuh*
 - *Mempelajari Bahasa Kedua*
- Hafazan Antara Timur dan Barat **204**
- Aktiviti 33 **205**

Fasa Perkembangan

BAB INI AKAN membincangkan fasa-fasa perkembangan manusia yang penting untuk memberikan ibu bapa bayangan kepada tahap-tahap perkembangan anak mereka dari satu peringkat ke peringkat seterusnya dan untuk memahami dengan lebih baik keperluan yang berbeza pada setiap peringkat. Sambil menggariskan status perkembangan tubuh dan minda manusia semasa tempoh pertumbuhan, ibu bapa juga akan ditunjukkan bagaimana untuk memanfaatkan beberapa aspek yang berkaitan dengan setiap peringkat untuk mengoptimumkan hasil keibubapaan.

Contohnya, sebahagian ibu bapa memaksa anak-anak untuk makan banyak tetapi mereka menolak dengan keras. Beberapa ketika kemudian, selera makan mereka tiba-tiba bertambah dan mereka dengan sendirinya mula makan dengan lebih banyak. Ini bukan disebabkan paksaan ibu bapa tetapi disebabkan tabiat semula jadi pembesaran. Begitu juga dengan para remaja yang tiba-tiba memberontak terhadap ibu bapa dan persekitaran mereka. Namun, semakin mereka membesar, sikap ini akan kendur disebabkan fasa semulajadi perkembangan. Para doktor menasihati ibu bapa supaya prihatin terhadap pencapaian anak pada setiap fasa perkembangan mereka. Sekiranya anak mereka masih belum memenuhi jadual perkembangan pada umur-umur tertentu, mereka seharusnya berwaspada kerana mungkin terdapat masalah kesihatan yang serius pada anak mereka.

Perkara terbaik yang harus dilakukan ibu bapa adalah berusaha mendapatkan maklumat yang lebih tepat. Mereka tidak sepatutnya takut untuk bertanya kepada doktor keluarga untuk sebarang penjelasan. Mereka juga tidak seharusnya

bimbang sekiranya anak mereka tidak mencapai setiap perkembangan tepat pada masanya. Bayi akan tetap berkembang mengikut kadar mereka sendiri. Walaupun perkembangan seorang anak adalah mengikut corak genetik umum manusia, perkembangan itu adalah unik untuk setiap individu.

Untuk menjadi ibu bapa yang berjaya, mereka sepatutnya mengetepikan impian mereka untuk anak-anak.

Apa yang perlu dilakukan adalah membantu anak-anak mencapai impian mereka sendiri. Anak-anak tidak seperti ibu bapa mereka kerana mereka memiliki personaliti tersendiri. Ibu bapa dinasihati untuk membiarkan realiti menjadi realiti dan mengikut rentak alam dengan kesabaran sebagai rahsianya.

Sejauh Mana Psikologi Pop Boleh Dipercayai?

Walaupun orang Islam menghargai pelbagai teori psikologi yang masih wujud dalam masyarakat hari ini, mereka perlu lebih berhati-hati khususnya terhadap teori perkembangan dan tingkah laku manusia. Teori ini sentiasa berubah dan ahli-ahli psikologi tidak semuanya bersetuju dalam banyak isu. Bagaimanapun, orang Islam tidaklah buntu sama sekali kerana mereka sentiasa mempunyai pedoman daripada wahyu Ilahi yang membolehkan mereka berada di jalan yang benar dan menghalang mereka daripada kekeliruan yang mungkin wujud dalam pelbagai pandangan yang bercanggah.

Contohnya adalah perdebatan yang tiada akhirnya tentang alam semula jadi lawan alam pemuliharaan, genetik lawan persekitaran, yang merunsingkan ahli-ahli psikologi. Wright (1998) menyatakan:

"Ahli-ahli psikologi boleh menghentikan kajian mereka yang berkurun-kurun lamanya tentang kunci kepada pengasuhan anak yang baik – bukan kerana mereka telah menemuinya tetapi kerana ia tidak wujud. Ibu bapa tidak memberi kesan jangka panjang yang penting ke atas perkembangan personaliti anak mereka."

Judith Harris (1998) menegaskan bahawa lebih kurang separuh perbezaan personaliti dalam kalangan anak-anak tidak disebabkan genetik. Pengaruh persekitaran paling penting adalah di luar rumah, tempat anak-anak menyerap nilai-nilai rakan sebaya dan mencari kedudukan yang ideal dalam ekologi tempatan. Mereka mungkin dikenali sebagai orang yang kuat atau baik atau nakal atau jahat dan sifat-sifat peribadi ini mula mengukuh di dalam diri. Ibu bapa memang dianugerahi Tuhan dengan keupayaan untuk membentuk tingkah laku anak di dalam rumah. Walau bagaimanapun, di dunia yang lebih luas, anak mereka adalah orang yang berbeza dan sudah bertunas untuk berkembang menjadi dewasa.

ANAK-ANAK MERUPAKAN TEKA-TEKI YANG BERBEZA!

"Dunia anak-anak adalah dunia keajaiban yang sukar difahami oleh ibu bapa. Ia seolah-olah satu dunia yang canggih yang tidak mampu dikuasai oleh ibu bapa, pemikir, ahli falsafah, ahli psikologi, jurulatih pendidik dan sarjana."

(Abu Al Hub, 1979)



Yang pasti, gagasan psikologi pop tentang bagaimana seseorang boleh melahirkan anak yang baik hanya dengan mengamalkan gaya keibubapaan yang mudah dan magis tidak semestinya benar. Malah, ahli-ahli genetik tingkah laku menemui bahawa kembar seiras yang dibesarkan bersama mempunyai tingkah laku yang jauh berbeza berbanding dengan kembar seiras yang diasuh di tempat yang berbeza. Susunan kelahiran juga boleh menjadi faktor. Adik-beradik yang lebih muda mungkin dilayan secara berbeza oleh ibu bapa atau menghadapi kesan "persekitaran mikro" seperti dibuli oleh adik-beradik yang lain.

Seorang kanak-kanak lelaki di Arkansas menembak rakan-rakan sekelasnya tetapi adiknya tidak berbuat demikian. Kenapa? Adakah rasa terasing yang dialaminya di sekolah telah mencapai tahap kritis kerana dia merasa kurang disayangi di rumah berbanding dengan adiknya? Adakah penolakan oleh rakan-rakan sekolah yang menjadikannya murung, lalu menyebabkan gaya keibubapaan yang berkesan ke atas adiknya langsung tidak berkesan kepadanya? Adakah itu kuncinya – gaya keibubapaan sepatutnya disesuaikan mengikut keperluan anak yang berbeza? Tiada siapa pun yang tahu tentang jawapannya.

Intipati yang meyakinkan daripada mesej tentang peristiwa Harris tersebut adalah ibu bapa terlalu yakin dengan pengaruh mereka sendiri dan ini memberi kesedaran tentang tugas keibubapaan pada masa kini yang membingungkan. Bagaimanapun, pengaruh ibu bapa ini mungkin menyebabkan perkara sebaliknya berlaku. Kini, banyak kekhawatiran ibu bapa sudah pun menuju ke arah terbentuknya grup rakan sebaya dan konteks mereka.

Ibu bapa boleh bertengang kerana sains belum dapat menjawab kebanyakan persoalan ini. Berapa lama ibu bapa mahu menunggu untuk sains memberitahu mereka bagaimana untuk mengendalikan anak? Manusia perlu meletakkan kepercayaan mereka kepada pedoman Ilahi yang stabil dan panduan Rasul-Nya. Ini bukanlah seruan untuk menolak teori-teori psikologi sama sekali. Namun, kajian serius perlu dijalankan dengan mengambil kira panduan-panduan Ilahi untuk membantu keluarga-keluarga dalam konteks keibubapaan. Teori tanpa Tuhan akan menjadi lebih berbahaya kepada masyarakat. Jawapan kepada pengasuhan yang baik terletak pada kombinasi wahyu daripada Pencipta dan akumulasi ilmu manusia. Dan proses ini akan berterusan.

Fasa Perkembangan Manusia di Dalam al-Qur'an

Berikut adalah ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan pelbagai fasa perkembangan tubuh manusia:

...(setelah mengetahui yang demikian), maka hendaklah manusia memikirkan: daripada apa ia diciptakan. Ia diciptakan daripada air (mani) yang memancut (ke dalam rahim). Yang keluar dari "tulang sulbi" lelaki dan "tulang dada" perempuan.

(Surah at-Tariq: ayat 5-7)

Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak tentang kebangkitan makhluk, maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang

tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.

(Surah al-Hajj: ayat 5)

Allah ﷺ mengeluarkan kalian wahai manusia dari perut ibu kalian sesudah habis masa kehamilan dalam bentuk anak-anak yang tidak tahu apa pun. Allah ﷺ memberi kalian pendengaran untuk mendengar, penglihatan untuk melihat dan hati untuk memikirkan, dengan harapan kalian akan bersyukur kepada Allah ﷺ atas kenikmatan yang Dia berikan kepada kalian.

(Surah an-Nahl: ayat 78)

Allah ﷺ yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu ia menjadikan kamu lemah pula serta

tua beruban. Ia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dialah juga yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

(Surah ar-Rum: ayat 54)

Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia daripada suatu sari pati tanah. Kemudian Kami jadikan sari pati itu air mani (yang disimpan) dalam tempat yang kukuh (rahim). Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang-belulang, lalu tulang-belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka maha suci lahir Allah ﷺ, Pencipta yang paling baik. Kemudian sesudah itu, sesungguhnya kamu sekalian benar-benar akan mati. Kemudian, sesungguhnya kamu sekalian akan dibangkitkan (dari kuburmu) di hari Kiamat.

(Surah al-Mukminun: ayat 12-16)

Beberapa fasa penciptaan dan pertumbuhan manusia boleh dikenal pasti seperti berikut:

- Debu – sari pati tanah liat. Daripada bahan inilah manusia dicipta dan ini telah dibuktikan oleh bukti saintifik: daripada tanah mereka diciptakan, kepada tanah mereka kembali dan daripada tanah mereka akan dibangkitkan.
- Jiwa yang satu (*Nafs wahidah*) – Adam dan Hawa diciptakan daripada jiwa yang satu. Perhatikan bagaimana perkataan “zawj” digunakan secara konsisten dalam al-Qur'an untuk merujuk kepada suami isteri, pasangan dan berdua.



- Persenyawaan – daripada pasangan pertama, sistem reproduksi adalah seperti berikut: *nutfah*: telur yang disenyawakan (sperma + ovum) -- *'alaqah*: seperti lintah (cangkuk) *mudghah*: embrio (isi seperti boleh dikunyah) *'izaman* (tulang) *lahman*: (daging) yang meliputi tulang.
- Mahkluk lain (fetus) – (kemungkinan selepas empat bulan kehamilan) kini adalah embrio yang berkembang kepada fasa kehidupan yang baharu dalam bentuk manusia. Fetus ini sekarang bukan bahan material semata-mata tetapi seorang rakan kongsi yang mempunyai ruh yang berkongsi warisan daripada kedua-dua ibu bapanya. Dia adalah rakan kongsi yang istimewa. Dia hanya mempunyai hak tetapi tiada tanggungjawab pada peringkat ini.
- Bayi (*tiflan*) – dilahirkan sebagai bayi, manusia tanpa ilmu pengetahuan, hanya bergantung kepada orang lain.

- Berhenti menyusu (*fisoluhu*) selepas dua tahun maksimum – bayi menghisap susu ibu untuk tempoh tidak lebih daripada dua tahun. Penyusuan susu ibu sangat digalakkan dan terdapat dalam lima ayat al-Quran.
- Aqil baligh – mencapai usia baligh sama ada melalui mimpi basah atau kedatangan haid dengan penekanan ke atas pertumbuhan dan perkembangan hormon seksual. Kini mereka boleh melahirkan anak dan menjadi ibu bapa.
- Dewasa (*ashudd*) – peringkat kematangan lelaki dan wanita. Menurut Yusuf 'Ali, usia yang mempunyai kekuatan penuh adalah antara 18 – 32 tahun, walaupun Nabi Muhammad ﷺ

menbenarkan orang lelaki semuda 15 tahun untuk menyertai perperangan. Kematangan akan datang kemudian bagi sesetengah orang. Bagi sesiapa yang sudah matang, usia kebijaksanaan mungkin lebih kurang 40 tahun dan di sepanjang umur pertengahan.

- Usia tua (*shaykh, shaybah, ardhal al-'umur* dan kemudian *da'f*) – tahap usia tua yang paling lemah, bersama memori dan pengetahuan yang kian pudar dan kelemahan fizikal yang bertambah. Tahap ini juga ditandai dengan penurunan dalam ilmu pengetahuan, sehingga dia tidak tahu apa-apa selepas tahu semuanya. Pada peringkat ini, manusia telah melalui peringkat lemah, kemudian kuat, seterusnya kuat sepenuhnya, kemudian menjadi lemah semula dan akhirnya usia tua yang paling lemah.
- Kematian – apabila menghampiri tempoh yang ditentukan oleh Pencipta, tubuh fizikal yang berkembang daripada tanah kepada manusia kemudian kembali kepada tanah, menunggu Hari Pembalasan.
- Pembalasan (*ba'th*) – ini akhirnya menyempurnakan putaran penciptaan.

Daripada bumiilah Kami ciptakan kamu, dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkam sekali lagi.

(Surah Taha: ayat 55)

- Keabadian – hidup di Syurga atau Neraka untuk sebahagian tempoh atau selama-lamanya bergantung kepada amalan kita dan belas kasihan Tuhan. Ini melengkapkan putaran penciptaan manusia daripada fana kepada kekal abadi.

Al-Qur'an meletakkan fasa-fasa yang berbeza ini kepada perspektif global yang betul.

Tuhan mencipta manusia daripada tiada kepada ciptaan satu entiti, iaitu satu jiwa. Dari jiwa yang satu ini, Tuhan menciptakan pasangan (tidak diketahui bagaimana kerana al-Qur'an tidak menerangkan tentang hal ini). Kemudian, kedua-dua pasangan itu berkahwin dan sistem reproduktif yang baharu bermula dengan berpasangan diikuti oleh sistem perkahwinan yang terhormat untuk menyelamatkan dan melindungi unit terpenting dalam masyarakat: sebuah keluarga yang terdiri daripada ayah, ibu dan anak-anak.

Keajaiban Persenyawaan, Kehamilan dan Kelahiran

D'Oyen (1996) menerangkan bahawa apabila sperma bapa bersenyawa dengan telur ibu, telur baharu yang telah disenyawakan itu, besarnya tidak lebih daripada titik di atas huruf "i" dan dalam beberapa minggu ia kelihatan seperti bahan kecil yang dikunyah. Apabila berusia empat minggu, ia mempunyai sifat-sifat manusia dan sudah mempunyai jantung kecil yang telah mula berdegup sehingga mati – walaupun ia masih kurang daripada satu inci panjang. Pada usia empat bulan kehamilan, ia berukuran enam inci panjang dan telah terbentuk menjadi manusia yang sempurna dengan jari-jemari, jari kaki dan bulu kening. Walaupun masih belum bernafas dengan sendirinya dan matanya masih tertutup, ia mampu mendengar degupan jantung ibunya, suaranya dan bunyi-bunyan bising sama seperti seseorang yang boleh mendengar apabila kepalanya berada di dalam air. Fetus menendang dan menggeliat dan berubah-ubah tempat dalam semua arah sambil menghisap jarinya. Kadang-kala ia menelan sedikit air ketuban dan tersedu. Ibu boleh merasai

pergerakan ini. Apabila bayi semakin membesar, ayah boleh meletakkan tangannya di atas perut ibu dan merasakan tendangan dan seduan bayi.

Kadangkala, ibu tidak dapat tidur pada malam hari kerana bayi mahu bergerak-gerak sebaik sahaja ibu mahu tidur. Ibu perlu makan makanan-makanan yang berkhasiat secukupnya supaya bayi boleh membesar. Bagaimanapun, bayi yang semakin membesar membuatkan ibu agak sukar untuk makan dalam kuantiti yang besar kerana tiada ruang yang cukup untuk makanan. Pada usia tujuh bulan kehamilan, bayi mula bertambah berat untuk dikandung ke mana-mana. Ibu-ibu hamil perlu diberi perhatian dan penjagaan khusus serta bantuan di rumah. Selepas lebih kurang sembilan bulan, berat bayi akan menjadi antara 6 paun dengan 10 paun dan antara 18 dengan 21 inci panjang. Ia kini tidak boleh lagi bergerak bebas di dalam perut. Masanya telah tiba untuk memulakan kehidupan di dunia luar!



Apabila bayi sudah bersedia untuk dilahirkan, rahim yang dijadikan Tuhan sebagai otot paling kuat di dalam tubuh, akan mula menggecut untuk menolak bayi keluar.

Seperti haiwan lain, tubuh badan wanita dijadikan untuk melahirkan tanpa apa-apa bantuan daripada doktor. Kelahiran biasanya adalah peristiwa yang menggembirakan dan selamat. Tidak seperti senario dalam drama TV yang dibesar-besarkan. Walaupun melalui sakit bersalin yang kuat, kebanyakan ibu kuat dan berani demi anak mereka.

Mereka lupa akan kesakitan apabila melihat bayi mereka yang baharu dan comel, selamat di tangan mereka.

Tuhan menggambarkan status psikologi kehamilan sebagai wahn ‘ala wahn, kesakitan atas kesakitan atau kelemahan atas kelemahan. Sudah semestinya, ibu kadangkala merasa gatal, letih, mudah marah, sering berbolak-balik antara perasaan bahagia dan tertekan serta bimbang.

Allah ﷺ mengizinkan ibu untuk meninggalkan kewajipan berpuasa pada bulan Ramadhan dan dia boleh menggantikannya kemudian apabila mampu berbuat demikian. Semasa dan selepas kelahiran selama lebih kurang 40 hari, dia dikecualikan daripada kewajipan solat lima waktu. Ini adalah isyarat yang kuat kepada suami dan saudara-mara untuk membantu ibu secara psikologi dan fizikal dengan kerja-kerja rumah. Mereka harus memastikan kesihatan ibu terjaga dengan makanan berkhasiat, tidur yang cukup dan ketenangan fikiran semasa menyusu.

Pelbagai Tahap Pertumbuhan Manusia: Dari Kelahiran ke Usia Tua

Peringkat pertumbuhan berlaku secara fizikal dan psikologikal. Kedua-dua bidang ini harus ditangani dengan betul. Usia yang disebut di bawah ini untuk setiap peringkat pertumbuhan adalah anggaran sahaja.

Peringkat Pertumbuhan menurut Umar ibn al-Khattab

Beliau mengenal pasti peringkat-peringkat berikut:

Anak diasuh untuk tujuh tahun, boleh membantu untuk tujuh tahun berikutnya; perkembangan fizikalnya (ketinggian) berhenti pada usia 23 tahun, otaknya berhenti berkembang pada usia 35 tahun. Tahun-tahun selanjutnya hanyalah pengalaman.

(Tuffahah, 1979, dalam Arab)

Dua persoalan penting adalah: Bilakah karakter terbentuk? Bolehkah sesuatu dibuat tentangnya kemudian? Walaupun tiada sesiapa tahu akan jawapan yang tepat, generalisasi yang baik mungkin dapat membantu. Peringkat umum pertumbuhan boleh disenaraikan seperti di bawah:

KELAHIRAN-4 BULAN

Ketika kelahiran, ayat 78 surah an-Nahl menyatakan bahawa manusia dilahirkan tanpa ilmu, walaupun Tuhan menganugerahi mereka pendengaran, penglihatan dan pengamatan sebagai alat untuk mendapatkan ilmu dan mereka harus bersyukur kepada Pencipta mereka.

Dari kosong bulan hingga empat bulan, penglihatan bayi tidak begitu jelas. Namun selepas itu, bayi kelihatan lebih berfokus semasa meneliti orang. Mereka merenung ibu mereka lebih lama daripada orang lain. Mereka terkejut pada bunyi bising yang datang tiba-tiba dan berkelip pada lampu, meregang tangan dan melepaskannya, serta memusingkan kepala dari satu sisi ke satu sisi. Mereka kemudian mengenali suara dan wajah ibu bapa mereka dan mereka mula tersenyum, berdekat dan membebek.

Pada usia empat bulan, kebanyakan bayi boleh mengiringi. Kepala bayi lelaki cenderung lebih besar daripada perempuan. (Spock 1974).

Jadual imunisasi



perlu dipatuhi. Bayi tidak boleh digoncangkan kerana otak mereka masih belum keras sepenuhnya. Sekiranya bayi tidak berhenti menangis dan suhu badannya normal, adakah masanya untuk menukar lampin? Masa untuk makan? Tidur? Atau hanya mahu didukung? Bayi menangis kerana keperluan yang sebenar.

Menangis, walaupun sukar bagi ibu bapa, adalah normal. Ibu bapa perlu berjumpa dengan doktor atau ahli psikologi sekiranya bayi menangis secara keterlaluan dan tidak dapat dipujuk.

5-18 BULAN

Peringkat pertumbuhan ini mungkin merupakan tempoh yang paling signifikan dalam menetapkan sikap asas seseorang terhadap kehidupan. Bayi mula merasa dia adalah individu yang berasingan dan mahu sedikit kebebasan seperti mahu memegang botolnya sendiri dan tidak mahu dipeluk terlalu lama. Mereka membentuk ikatan sebenar yang pertama dengan ibu bapa. Sekiranya ibu bapa adalah orang yang mesra, mereka menjangkakan semua orang lain begitu. Kasih sayang ibu bapa akan menggalakkan kasih sayang ke dalam diri mereka. Sebaliknya, jika ibu bapa dingin dan penuh syak wasangka, mereka akan berkembang ke arah ini. Mereka akan menganggap seluruh dunia juga begitu. Dan mereka hanya akan melihat semuanya dingin. Berkaitan dengan konsep diri, pada tahap ini bayi percaya bahawa pada dasarnya mereka sama ada menawan hati atau tidak menarik, baik atau tidak berguna. Ini membawa kepada kecenderungan mereka untuk menjadi optimis atau pesimis.



Sekiranya bayi mempunyai hubungan yang sangat sedikit dengan ibu bapa, mereka tidak dapat menghubungkan perkara-perkara dan idea-idea yang berlaku di sekitar mereka dengan baik.

Menyusu badan membawa kepada kesan besar terhadap perkembangan bayi dari segi fizikal dan emosi.

Ibu bapa sepatutnya berjumpa doktor sekiranya bayi mereka masih belum merangkak, tidak boleh berdiri walaupun disokong atau tidak dapat membuat sebarang bunyi atau menunjuk kepada apa-apa objek. Pada usia enam bulan, bayi sepatutnya boleh duduk tanpa disokong, mencapai objek dengan satu tangan dan memindahkannya ke tangan yang lain, mengeluarkan suku kata yang tidak difahami dan mengenali namanya sendiri apabila diseru. Kebanyakan bayi – walaupun tidak semua – akan tidur sepanjang malam. Gigi pertama akan tumbuh pada usia sekitar enam bulan. Bayi sepatutnya mampu mengangkat kepalanya, boleh memandang ke arah pandangan yang terarah dan kelihatan boleh mendengar dan melihat secara normal. Ibu bapa perlu mengenali perbezaan antara tangisan “saya lapar” dengan “saya perlukan ibu”.

Secara umumnya, anak perempuan cenderung menggongangkan permainan bunyan lebih laju daripada anak lelaki walaupun anak lelaki cenderung membesar lebih cepat.

Menjelang usia sembilan bulan, mereka boleh merangkak dan pandai membuat helah. Bayi mengenali bunyi yang berbeza dan cuba untuk menirunya. Kekuatan menggunakan jari telunjuk, ibu jari dan kadangkala jari tengah atau dikenali sebagai “*pincer grasp*” membolehkan bayi mengutip objek kecil dan mengetuk dua objek bersama-sama. Dunia mereka berkembang sebaik

sahaja merangkak bermula. Sebahagian bayi akan mengangkat badan mereka untuk berdiri dan mula berjalan sambil memegang perabot. Hampir semua yang dipegang akan masuk ke dalam mulutnya kerana mereka sudah terbiasa untuk merasa benda di sekelilingnya melalui mulut. Tangan bayi akan mencari cara untuk sampai ke tempat-tempat yang tidak pernah terfikir oleh ibu bapa.

Apabila umur mereka mencapai satu tahun, mereka boleh berjalan dan bercakap beberapa patah perkataan dan begitu juga dengan makan sendiri. Mereka mula belajar mengucapkan perkataan ‘Ibu’ atau ‘Ayah’. Walaupun masih tidak ada pemahaman yang sebenar tentang hukuman, bayi memang faham maksud perkataan ‘tidak’. Ketika ini, ibu bapa boleh mengajar bayi tentang aktiviti-aktiviti yang tidak boleh dilakukan dengan konsisten. Sebelum usia satu tahun, mereka tidak tahu yang mereka ini tidak berkelakuan baik. Mereka hanya tahu ada dunia yang besar di luar sana yang sedia untuk diterokai.

Antara satu dengan dua tahun, mereka pandai berjalan. Bayi yang kini anak tatih, menjadi lebih berdikari dan suka bereksplorasi. Anak tatih boleh menendang bola, berlari, memanjat tangga menggunakan susur tangga dan menconteng dengan menggunakan krayon dan pen marker. Anak tatih bergerak mengikut naluri kerana mereka tidak tahu akan perbezaan antara perlakuan baik dengan perlakuan tidak baik atau memahami perbezaan antara baik dengan buruk. Hukuman memindahkan anak dari tempat kejadian dan mengasingkannya di tempat tertentu adalah langkah disiplin yang lebih baik, lebih kurang satu minit mengikut tahun umur. Kumpulan umur ini tidak memahami alasan atau kompromi. Ibu bapa perlu cuba untuk menawarkan pelbagai

pilihan, bukan hukuman dan memberi peluang untuk berdikari. Peraturan boleh dibuat dengan seberapa minimum yang mungkin. Walaupun begitu, konsistensi sangat penting.

MENDEDAHKAN BAYI KEPADA BACAAN AL-QUR'AN, MUZIK, RAKAMAN BUNYI-BUNYIAN ALAM SEMULA JADI YANG LEMBUT DAN LAGU-LAGU YANG SESUAI, NASYID DAN IRAMA-IRAMA SANGAT BERMANFAAT UNTUK KEMAJUAN BAHASA DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN LOGIKAL OTAK BAYI. INI AKAN MEMBANTU MENGEMBANGKAN PELBAGAI BAHAGIAN PUSAT OTAK BAYI.

Ibu bapa perlu memberikan perhatian yang lebih dan menyediakan lebih banyak aktiviti. Sebagai contoh, mewarna dan membina binaan blok. Mereka perlu mendapatkan pandangan daripada doktor keluarga sekiranya fokus bayi terhadap satu-satu aktiviti masih singkat. Tantrum amukan sangat memenatkan, walaupun secara umumnya tidak membahayakan. Pendengaran lebih cepat berkembang berbanding dengan penglihatan. Bayi memberikan respon kepada bunyi yang kuat. Penglihatan bayi belum jelas sehingga berusia enam bulan. Kognisi atau pemahaman bayi akan datang selepas mendengar dan melihat.

18–36 BULAN

Pada peringkat ini, anak-anak memperoleh perasaan sebagai individu yang terpisah (daripada ibu bapa mereka) yang mempunyai keinginan mereka sendiri. Walau bagaimanapun, mereka menjadi lebih sedar tentang kebergantungan mereka kepada ibu bapa. Bayi merasa beberapa tarikan yang berlawanan: berdikari lawan bergantung harap, bersih lawan kotor, kerjasama lawan degil dan kasih sayang lawan antagonisme. Personaliti anak-anak pada

akhir tahun ketiga akan bergantung pada tahap kepatuhan atau ketegasan, perangai semulajadi dan kemesraan hubungan yang berkembang bersama ibu bapa dalam tempoh yang tegang ini.

PERANG POTTY ANTARA PAKAR DAN KAJIAN SAINTIFIK

Brazelton memberitahu ibu bapa supaya memuji anak atas kejayaan mereka yang baru sahaja bebas lampin. Namun, pujian ini tidak boleh 'terlalu banyak' supaya dapat mengekalkan suasana yang santai. Beliau berkata latihan bebas-lampin boleh dimulakan apabila anak-anak sudah mampu mengikut arahan dan meniru orang lain – biasanya dalam usia dua tahun.

Leach mengatakan: Tidak usah bersusah payah melatih sebelum usia 15 bulan dan jangan mengharap anak-anak boleh dipercayai walaupun pada siang hari sebelum usia tiga tahun. Jangan berleter. Ini boleh melambatkan proses.

Rosemond percaya bahawa sekiranya kemampuan ibu untuk menjadi tegas dilengahkan sehingga anak berusia dua tahun, anak tidak akan matang dengan baik dan mungkin mengalami masalah tingkah laku dalam kehidupannya kemudian.

Kajian membuktikan bahawa anak-anak yang berbeza belajar pada masa yang berbeza. Melatih anak perempuan mengambil masa lebih kurang sembilan bulan (lebih lama untuk anak lelaki). Gesaan yang kerap dalam proses latihan biasanya membawa hasil.

(Lemonick 1999)

Contohnya, sekiranya ibu bapa bersikap sangat mendominasi dan anak mereka semula jadinya seorang yang patuh, dia mungkin menjadi sangat submisif. Sekiranya ibu bapa garang serta tidak berhemah dan membiarkan anak mereka melawan balik, anak itu mungkin menjadi ganas dengan orang lain. Sekiranya ibu bapa berperwatakan bengis dan melihat kebersihan sebagai suatu perkara yang serius, anak mereka yang sekiranya

seorang yang mudah patuh, mungkin menjadi terlalu bersih dan teliti. Sekiranya ibu bapa cemas dan sentiasa memerhatikan anak-anak mereka dan sekiranya anak-anak ini cepat terpengaruh, mereka akan menjadi terlalu bergantung kepada ibu bapa. Penyusuan susu ibu sepatutnya diberhentikan pada usia dua tahun untuk menggalakkan anak-anak supaya lebih berdikari. Pelbagai ahli psikologi menyatakan bahawa karakter anak dibentuk pada usia tiga tahun. Bagaimanapun, kecenderungan pada personaliti tertentu mungkin boleh diubah suai dengan banyak pada peringkat akhir kanak-kanak dan peringkat dewasa sekiranya persekitaran atau tekanan berubah.

Banyak lagi sifat lain tidak terbentuk sehingga ke peringkat akhir kanak-kanak. Sikap anak terhadap orang yang sama atau berlainan jantina akan sebahagian besarnya menentukan bentuk persahabatan yang disenangi dan bentuk perkahwinan yang diingini oleh mereka.

Dalam tempoh dua tahun pertama, seorang bayi akan membesar dengan sangat cepat dan banyak berubah.

Setiap bulan, sesuatu yang baharu dipelajari. Selepas dua tahun, pertumbuhan anak-anak akan mula perlahan.

Anak-anak sangat suka berlari dan mula melompat, memanjat, mengusik benda-benda dan menaiki basikal roda tiga. Mereka meniru perlakuan dan perkataan. Mereka boleh melukis separuh bulatan dan empat segi yang kelihatannya bentuknya dan boleh menyusun puzzle yang mudah. Pada usia ini, mereka seharusnya berminat untuk latihan ke tandas. Mereka juga mahu bercakap dengan ayat-ayat pendek dan tahu lebih kurang 50 patah perkataan.

Ibu bapa perlu bersabar dengan soalan-soalan berbentuk mengapa yang datang secara mengejut dan berterusan. Juga penting untuk ibu bapa menggalakkan rasa ingin tahu sambil bersabar. Pengukuhan positif dan rehat sebentar adalah teknik disiplin yang terbaik. Sekarang adalah masa yang baik untuk mula memperbaiki kemahiran sosial seperti berkongsi dan bergilir dengan orang lain.

Tidak dapat bercakap dengan baik, tidak berminat pada kanak-kanak lain dan kerap jatuh adalah perlakuan-perlakuan yang patut dilaporkan oleh ibu bapa kepada doktor dan ahli psikiatri keluarga.

Perbezaan akan mula menjadi kecil: anak-anak perempuan mengalami lonjakan pertumbuhan dan anak-anak lelaki mula mencapai perkembangan yang lebih cepat. Kedua-dua mereka sepatutnya memiliki minimum 250 kosa kata menjelang usia tiga tahun.

4–7 TAHUN

Pada usia empat tahun, anak-anak mungkin akan kurang makan berbanding dengan ketika mereka berusia dua tahun kerana pertumbuhan fizikal mereka tidak secepat seperti sebelumnya dan mereka menjadi kurang aktif. Anak-anak terus berkembang dengan stabil setiap tahun, belajar perkara baharu setiap hari sehingga mereka mencapai usia remaja apabila mereka akan melalui perubahan besar yang lain. Mereka memiliki tahap tenaga yang tinggi pada setiap masa (mereka mahu berjalan, berlari, melangkau dan melompat) yang membuatkan ibu bapa merindui masa mereka merangkak! Anak boleh membaling bola dan membonceng basikal roda tiga.

Pada peringkat ini ibu bapa boleh menjelaskan kepada mereka mengapa sesuatu perlakuan itu salah dan berbincang tentang akibatnya (selagi penjelasannya pendek). Galakkkan dan beri ganjaran ke atas perlakuan baik dan hukum perlakuan buruk. Awasi sikap tidak mahu berenggang dengan ibu bapa yang keterlaluan. Anak sepatutnya sudah dilatih ke tandas sebelum usia lima tahun dan sepatutnya mahu aktif sama ada seorang diri atau bersama orang lain.

Anak-anak sedar akan perbezaan antara lelaki dan perempuan dan mahu tahu nama-nama bahagian badan. Ini adalah fasa ‘Soalan’ kerana anak-anak bertanya banyak soalan (termasuk tentang seks). Ibu bapa sepatutnya memberi respons kepada kesemua soalan ini. Jika tidak, anak-anak akan mencari jawapannya daripada kawan-kawan mereka yang mungkin akan memberikan jawapan palsu. (Jaber 1977, dalam Bahasa Arab).

Secara berperingkat, anak-anak menjadi lebih murung dan beremosi dan cenderung beralih arah dengan cepat, dari satu ekstrim ke ekstrim yang lain: daripada terlalu sayang kepada benci dan marah, daripada bahagia kepada sedih. Anak-anak mula merasa takut dan risau dengan kegelapan, haiwan, kematian dan Tuhan. Mereka takut terpisah dengan ibu bapa dan kehilangan mereka. Anak-anak mendapat rasa takut itu daripada ibu bapa dan orang lain di sekeliling mereka. Mereka meniru ibu bapa atau orang lain yang takut pada labah-labah, tempat-tempat pelik dan bunyi-bunyian yang kuat. (Jaber 1977)

Anak-anak mungkin berasa cemburu terhadap orang lain dan

ini menjadikan mereka lebih agresif. Oleh itu, sangat penting untuk ibu bapa melayan anak-anak mereka sama rata dan adil. Kisah kecemburuan adik-beradik Nabi Yusuf yang membawa kepada keganasan terhadap baginda, adalah contoh yang baik.

Semakin anak-anak membesar, perasaan cenderung pada ibu atau bapa yang sama jantina menjadikan pengaruh ibu atau bapa tersebut menjadi lebih penting.

Anak-anak lelaki melihat secara rapat bapa mereka berkebun dan anak perempuan melihat ibu mereka berhati-hati melakukan kerja-kerja rumah. Ibu bapa boleh menyuntik rasa cinta dan hormat kepada anak-anak melalui contoh teladan mereka sendiri yang ditunjukkan tentang cinta dan hormat antara satu sama lain dan kepada anak-anak mereka. Melakukan pelbagai perkara bersama termasuk bermain, membaca dan memberi makan kepada haiwan, dapat membantu membangunkan asas kepercayaan, keyakinan diri dan komunikasi terbuka. Anak-anak belajar agama dengan memerhatikan ibu bapa dan melakukan ritual tersebut bersama-sama. Sekiranya perlakuan baik ditanamkan ke dalam diri anak-anak sebelum mereka diperkenalkan



kepada dunia luar, besar kemungkinan mereka akan melakukan perkara yang baik apabila mereka meningkat dewasa.

7-14 TAHUN

Ini adalah umur pendidikan rendah dan permulaan akil baligh. Semakin anak lelaki dan perempuan membesar, mereka mula kelihatan dan berkelakuan seperti seorang lelaki dan wanita dewasa. Perubahan-perubahan ini biasanya bermula lebih kurang di antara usia 9 dengan 13 tahun untuk anak perempuan dan di antara 11 dengan 15 tahun untuk anak lelaki. Waktu ini dikenali sebagai remaja, usia apabila anak-anak masuk ke alam dewasa dan mampu mendapat anak mereka sendiri.

Banyak perubahan fizikal, mental, emosi dan spiritual berlaku semasa remaja.

Anak-anak mendapati muka mereka mula kelihatan berbeza, perasaan berbeza dan berfikir

secara berbeza berbanding dengan setahun sebelumnya.

Anak perempuan yang menghampiri alam remaja mungkin tiba-tiba mengalami kenaikan berat badan sebagai persediaan menghadapi lonjakan pertumbuhan dan pertambahan beberapa inci ketinggian dalam beberapa bulan. Pinggulnya mula melebar dan payudaranya mula membesar. Rambut tumbuh di ketiak dan bahagian-bahagian sulitnya. Anak lelaki akan melalui lonjakan pertumbuhan yang sama dan dia makan dengan banyak. Bahunya mula melebar. Rambut tumbuh di ketiak, di bahagian sulit dan pada wajah dan dadanya. Suaranya mula kedengaran lebih besar dan lebih seperti seorang lelaki. Kedua-dua anak lelaki dan perempuan mendapati saiz kasut mereka mungkin berubah setiap beberapa bulan. Inilah masanya ibu bapa perlu memberi penekanan kepada solat yang lebih kerap daripada sebelumnya.

PERKEMBANGAN BERIKUT DISEDARI (7-14 TAHUN)



- Anak-anak menjadi sensitif kepada kritikan; mudah berasa marah dan lebih murung serta beremosi.
- Anak-anak lebih banyak berinteraksi dengan rakan-rakan iaitu tempat mereka mendapat nilai-nilai dan standard etika. Jadi, mungkin lebih baik sekiranya ibu bapa dapat menemanı/mengawasi mereka setiap kali mereka mahu keluar bersosial.
- Anak-anak berasa malu dan perlu galakan untuk menyuarakan pendapat mereka yang patut dihormati.
- Otot tubuh mereka membesar dengan cepat dan mereka cenderung untuk bersukan (seperti berlari, memanjang, berenang dan bermain bola sepak dan bola keranjang).
- Mereka lebih bergantung kepada diri mereka sendiri untuk makan, pakaian dan kebersihan diri. Ini masa yang sesuai untuk mengajar mereka etika makan, minum dan bersosial. Mula ajar mereka doa-doa untuk setiap peristiwa. Ketika ini, mereka tidak begitu berminat dengan persoalan seksual. Mereka lebih selesa bersama teman-teman yang sama jantina. Mereka tidak sepatutnya didedahkan kepada imej erotik di televisyen, majalah atau di dalam buku. Selepas berusia 10 tahun, mereka tidak sepatutnya tidur di katil yang sama dengan adik-beradik mereka.

11–13 TAHUN: HAID BAGI ANAK PEREMPUAN

Kebanyakan anak perempuan mula mengalami haid di antara usia 11 dengan 13 tahun. Untuk tempoh 3–7 hari setiap bulan, sejumlah kecil darah keluar daripada faraj. Ini adalah tanda bahawa mereka secara fizikalnya bersedia untuk mempunyai anak sendiri. Pendarahan ini adalah sesuatu yang baik dan tidak menyakitkan (ia adalah proses semula jadi kerana manusia diciptakan melalui cara ini). Darah tersebut adalah lapisan dalaman nipis pada rahim. Dua ovari mula mengeluarkan satu telur setiap bulan dan lapisan yang kaya dengan darah terbentuk di dalam rahim, tempat janin hidup dan membesar. Tanpa sperma lelaki, telur tersebut tidak dapat membesar dan lapisan itu menjadi tua dan rahim mengeluarkannya sebagai haid. Lebih kurang 27–30 hari (kiraan bulan) sekali, proses semula jadi ini berulang semula.

Kesakitan Haid

Berjuta-juta wanita mengadu tentang ketidakselesaan semasa haid. Masalah boleh berlarutan untuk beberapa hari, daripada kesakitan yang ringan sehingga yang teruk. Simptom-simptomnya termasuklah kembung perut, kejang, kesakitan payudara, migran haid, pendarahan yang berat dan panjang, emosi yang bercelaru dan keletihan.

(Kalb 2003)

Kali pertama seorang anak perempuan mengalami haid adalah momen yang penting dalam hidupnya. Ini bermaksud dia telah mencapai umur baligh dan secara rasminya telah menjadi wanita dewasa muda. Dari saat itu, dia bertanggungjawab ke atas semua kewajipan agamanya (seperti semua wanita dewasa Muslim yang lain) seperti berpuasa, solat dan menutup aurat di hadapan lelaki ajnabi. Lebih kurang separuh perempuan

mengalami sedikit ketidakselesaan semasa haid. Mereka mungkin mengalami kekejangan, keletihan atau cepat marah. Allah ﷺ mengecualikan wanita daripada berpuasa pada bulan Ramadan ketika kedatangan haid dan mereka wajib menggantikannya selepas Ramadan. Wanita juga dilarang daripada mengerjakan solat, duduk di dalam masjid atau memegang al-Qur'an semasa haid bulanan. Solat tidak perlu digantikan. Tuala wanita digunakan untuk menampung darah haid bagi mengelakkan terkena pada pakaian. Apabila wanita selesai haidnya, dia perlu mandi wajib bagi membolehkannya bersolat.

13–15 TAHUN: MENJADI LELAKI DEWASA

Anak-anak lelaki mengeluarkan sperma apabila mencapai akil baligh dan menjadi lelaki muda. Kadang-kala semasa mereka bermimpi di malam hari, zakar mereka akan mengeras dan sedikit sperma dikeluarkan. Ini dipanggil mimpi basah kerana sperma hidup di dalam cecair yang dipanggil air mani dan apabila ia keluar, ia akan membasaikan seluar dalam. Air mani adalah cecair tulen dan bukan air kencing. Jadi, tidak ada apa yang perlu dimalukan. Ini bermaksud bahawa anak lelaki tersebut adalah seorang lelaki dan secara fizikal mampu menjadi seorang ayah. Bermula dari titik ini, dia bertanggungjawab terhadap kewajipan agamanya (seperti lelaki dewasa Muslim yang lain). Ada juga anak lelaki yang tidak mengalami mimpi basah namun mereka dianggap sebagai lelaki muda pada usia 15 tahun mengikut *Syari'ah* atau apabila mereka mengalami beberapa tanda baligh yang lain seperti suara garau. Dalam apa-apa keadaan, anak-anak lelaki dan perempuan sepatutnya bersolat dengan tetap dan berpuasa sejak usia 12 tahun walaupun tanda-tanda akil baligh mereka agak lambat kelihatan.

“Anda mempunyai anak yang hebat. Tiba-tiba, ketika dia berusia 13 tahun, ada makhluk jahat telah menculiknya dan mengantikannya dengan orang asing yang tidak sedikit pun memberikanmu ketenangan.”

Jill Eikenberry (Brown 1994)

Sebahagian anak lelaki dan lelaki dewasa menyentuh kemaluannya dengan tujuan untuk mengalami ereksi dan membiarkan air mani keluar dengan urutan kerana mereka menikmati keseronokan berejakulasi. Perbuatan ini dinamakan onani. Perlakuan ini digalakkkan dalam masyarakat liberal dan tidak haram. Onani wanita dan lelaki tidak digalakkkan dalam Islam. Sesiapa yang memegang kemaluannya dengan sengaja, mesti mengambil wudhu' baharu sebelum bersolat. Manakala yang telah beronani mesti mandi wajib sebelum bersolat.

14–21 TAHUN

Pada peringkat ini, suara menjadi lebih kuat, garau dan lebih maskulin untuk lelaki dan lebih lembut dan feminin bagi anak perempuan. Otot-otot anak lelaki bertambah kuat dan payudara anak perempuan bertambah besar dan lemak di badan mereka bertambah. Untuk anak lelaki, kaki dan lengan bertambah besar, bahu semakin lebar dan kaki semakin besar. Rambut akan tumbuh di muka dan juga di ketiak dan di sekeliling kemaluannya. Pertumbuhan yang sementara dan tidak tetap pada kaki dan lengan menyebabkan kecanggungan yang ketara semasa berjalan dan memegang objek. Mereka memerlukan sedikit masa penyesuaian kepada tubuh mereka.

MEMAHAMI REMAJA

Dalam membuat keputusan, remaja akan mengikut emosi mereka berbanding dengan rasionaliti.

Hati mereka menguasai minda dan perasaan serta emosi mendominasi berbanding dengan akal



dan fikiran. Remaja adalah orang yang prihatin tentang diri sendiri. Mereka menghabiskan banyak masa bimbang akan diri dan penampilan mereka. Mereka mahu memakai pendakap gigi untuk meratakan gigi, ditumbuhinya jerawat (atau jeragat) di wajah mereka dan bimbang sekiranya mereka terlalu tinggi, terlalu rendah, terlalu gemuk atau terlalu kurus. Semua perubahan pada badan mereka membuatkan mereka bimbang dan tidak pasti dengan diri sendiri. Mereka risau tentang kerjaya mereka pada masa akan datang dan apa jenis pendidikan untuk diikuti atau sekolah mana yang patut disertai dan dengan siapa mereka akan berkahwin. Kesemua keputusan ini membuatkan remaja mudah marah dan bimbang.

Hormon yang menyebabkan badan membesar dengan cepat boleh juga menyebabkan perubahan emosi. Anak lelaki mungkin merasa resah atau marah tanpa sebab dan anak perempuan mungkin menangis atau menjadi cepat marah pada perkara paling ringan. Kadang-kala, anak-anak muda ini mahu dilayan seperti orang dewasa tetapi mereka berkelakuan seperti kanak-kanak. Walaupun

perasaan ini mengelirukan, ia adalah normal selagi mereka masih boleh dikawal. Orang-orang yang sihat belajar mengawal perasaan mereka dan berfikir dua kali sebelum bercakap dan bertindak.

Menurut Ibnu Sina, kita sepatutnya mula mengajar al-Qur'an sebaik sahaja seorang anak bersedia untuk menerima secara fizikal dan mental. Ajarinya huruf hijaiyyah dan asas agama. Kemudian, ajarinya sajak-sajak terpilih tentang adab, memuliakan ilmu dan mengecam kejahilan, berbuat baik kepada ibu bapa, berbuat baik kepada orang lain dan membantu orang yang lemah dan miskin. Apabila dia selesai belajar al-Qur'an dan bahasa, dia boleh diarahkan kepada hobi-hobi tertentu dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan kemampuan dan minatnya (Al-Ibrashi, 1976, dalam Bahasa Arab)

Pada sisi yang positif, minda dan intelek mula bekerja dengan lebih baik pada usia lebih kurang 13 atau 14 tahun. Para remaja boleh belajar perkara-perkara rumit yang mereka tidak faham sebelum ini. Ini masa yang baik untuk belajar banyak kemahiran yang diperlukan dalam hidup seperti memasak, menjaga anak dan membaiki apa-apa yang rosak di dalam rumah. Mereka juga boleh belajar banyak kemahiran sosial seperti bagaimana untuk bercakap dan bersosial dengan orang lain dan berpartisipasi dalam pelbagai organisasi. Mereka belajar bagaimana bertanggungjawab untuk diri sendiri dan orang lain dan mungkin boleh bekerja sambilan sementara mereka masih belajar atau mula bekerja sepenuh masa atau sukarela.

Islam menawarkan beberapa langkah pencegahan untuk remaja di peringkat ini seperti:

- Merendahkan pandangan terhadap berlainan jantina.

- Menggunakan tenaga dalam bersukan.
- Berpuasa pada hari Isnin dan Khamis dan berbuka bersama kawan-kawan.
- Meminta izin sebelum masuk ke rumah seseorang.
- Mengelakkan khalwat (bersendirian dengan orang yang berlainan jantina di bilik yang tertutup).
- Adik-beradik sepatutnya tidur di katil yang berasingan (tetapi boleh di dalam bilik yang sama) selepas usia 10 tahun. Ada perkara menarik di Britain; undang-undang perumahan di sana mengkehendaki anak-anak yang melebihi usia 10 tahun yang berlainan jantina untuk mempunyai bilik berasingan (Akta Perumahan 1985). Ini sesuatu yang terlalu besar kerana sekiranya ia diaplikasikan ke seluruh dunia, planet ini akan dipenuhi dengan gedung-gedung rumah!

Pada sisi bukan fizikal, ada beberapa isu yang penting perlu diambil kira:

- Remaja membangunkan identiti diri: Remaja memerlukan sedikit kebebasan diri dan masa bersendirian. Semakin mereka membesar, mereka mungkin berfikir tentang perkara-perkara seperti: Siapa saya? Mengapa saya di sini? Apa makna kehidupan ini? Mengapa terlalu banyak masalah di dunia ini? Ini adalah masanya apabila orang-orang muda menyoal banyak perkara yang mereka telah pelajari dan mencari jawapan dan idea baharu.

Kadangkala, ini adalah alasan wujudnya ketegangan dan perdebatan dengan ibu bapa. Remaja biasanya menjadi lebih stabil di antara usia 16 dengan 19 tahun.

Tempoh seorang anak menjadi dewasa (11-19 tahun) adalah panjang dan sukar serta memerlukan banyak kesabaran dan pemahaman daripada semua orang di dalam keluarga.

● Remaja membina kemampuan abstraksi. Mereka mula membentuk konsep dan berimaginasi. Mereka boleh menjangkakan masalah dan mencari penyelesaiannya untuk masa hadapan. Tidak seperti tahun-tahun sebelum ini apabila mereka hanya boleh berfikir tentang masa kini, mereka sekarang boleh memahami maksud masa dengan betul iaitu masa lalu, masa kini dan masa hadapan. Mereka sedar akan maksud hari, minggu, bulan, tahun dan abad. Mereka mula sedar tentang sejarah. Jadi, persoalan mereka boleh menjangkau perkara-perkara material dan pergi ke asal-usul kehidupan, kehidupan di akhirat, tujuan dan cara, nilai dan etika, permulaan dan pengakhiran alam semesta dan kehidupan di sini dan di akhirat.

● Remaja membentuk rasa beragama: Masa remaja ini disebut era Kebangkitan Beragama apabila remaja berhujah tentang Syurga dan Neraka, dosa dan taubat, kebangkitan semula dan kehidupan kekal abadi, suratan dan takdir, kebebasan dan ketentuan. Semasa mereka berusia 20-an, mereka menjadi lebih stabil dan objektif tentang pandangan luaran mereka akan kehidupan.

● Remaja suka bermimpi dan berfantasi: Ini adalah cara yang penting untuk remaja mengekspresi kemauan mereka kepada diri mereka sendiri. Ia adalah salah satu daripada karakteristik perkembangan mental yang merupakan fenomena normal sekiranya tidak dilakukan secara keterlaluan (ia tidak sepatutnya berlebihan pada kehidupan sendiri dan di mata umum).



● Remaja sibuk mengkritik orang lain, bermula dengan ibu bapa mereka. Mereka mengkritik ibu bapa mereka tentang pakaian, makanan, selera, cara mereka mendidik anak-anak dan membandingkan mereka dengan ibu bapa rakan-rakan mereka. Mereka juga mengkritik sekolah, masyarakat dan kerajaan dan menyokong kaedah yang radikal untuk melakukan reformasi dan perubahan sosial.

● Remaja menjadi idealis: Idealisme adalah perkara biasa dalam kalangan remaja kerana mereka kekurangan pengalaman dalam hidup.

Pernahkah anda terfikir mengapa demonstrasi umum yang besar di banyak negara selalunya dijalankan oleh mahasiswa? Sama ada di Turki, Mesir, Malaysia, Indonesia, Iran atau Amerika Syarikat...Ini kerana remaja adalah golongan yang sangat bertenaga, beremosi, berminat dan percaya pada pendapat mereka tentang reformasi dan radikalisme. Ini banyak berkaitan dengan apa yang mahu dilakukan pada fasa perkembangan.

Pemikiran abstrak + Kekurangan pengalaman → Idealisme

Remaja idealistik mungkin menolak autoriti ibu bapa mereka atau masyarakat terutamanya apabila idea dan cara penyelesaian mereka berterusan ditolak tanpa penjelasan yang memuaskan. Mereka kemudian merasa kecewa dan resah dan akhirnya terasing dan dijauhkan. Remaja yang idealistik menjadi tidak berupaya dan putus asa dan mungkin hilang keyakinan pada diri mereka sendiri serta hilang kepercayaan kepada orang lain.

RANTAIAN PERISTIWA YANG MUNGKIN BERLAKU

Satu perkara mungkin membawa kepada perkara yang lain seperti berikut:

Idealisme remaja dan kekurangan pengalaman

- ⌚ penolakan oleh ibu bapa dan masyarakat
- ⌚ konflik ⌚ pemulauan ⌚ pengasingan ⌚ desakan ⌚ hilang kepercayaan ⌚ tiada upaya ⌚ berputus asa ⌚ kelesuan ⌚ pasif ⌚kekakuan



- Remaja merasa kehilangan: Remaja menghadapi beberapa pilihan dalam kehidupan. Oleh sebab mereka membuat keputusan sendiri tanpa bertanya kepada ibu bapa atau individu-individu yang berpengalaman, mereka gagal membuat keputusan yang betul. Apa yang diperlukan pada usia ini adalah untuk mencipta suasana bantuan tidak langsung yang tidak mengikat mereka untuk membuat keputusan yang betul.

- Remaja membangunkan rasa pencapaian: Rasa pencapaian diperlukan untuk mereka membuktikan diri mereka dengan mencapai sesuatu. Tanggungjawab yang jelas membolehkan mereka berjaya. Ketiadaan tanggungjawab membuatkan mereka merasa diabaikan dan tidak penting. Memberi mereka tugas yang terlalu banyak atau terlalu sukar membuatkan mereka merasa 'kurang upaya' dan gagal. Keseimbangan mesti dicapai.

- Remaja mempunyai kemampuan untuk mengingat: Terdapat dua jenis penghafalan yang biasa: hafalan mekanikal (hafalan tanpa berfikir) dan hafalan komprehensif (atau hafalan langsung atau tidak langsung). Hafalan mekanikal secara langsung adalah untuk mendapatkan semula hafalan dengan sedikit atau tiada pemahaman tentang isi kandungan hafalan. Pemahaman tidak langsung termasuklah memahami isi kandungan hafalan dan mengaitkan maknanya kepada subjek

lain; begitu juga dengan menyimpulkan hubungan baharu antara elemen-elemen isi kandungan hafalan. Perkembangan penghafalan mekanikal secara langsung bermula sejak alam kanak-kanak dan berada di puncak pada usia 15 tahun (al-Sayyid 1975). Ia kemudian mula menurun ketepatannya, kelajuan dan tahapnya. Bagaimanapun, pemahaman tidak langsung bermula kemudian tetapi terus berkembang dan bertumbuh semasa usia remaja sehingga usia pertengahan. Apa yang dipelajari semasa alam awal kanak-kanak adalah seperti mengukir sesuatu di atas batu (berkekalan untuk tempoh masa yang panjang) manakala apa yang dipelajari pada usia tua adalah sama seperti menulis di atas permukaan air (cepat hilang).

21–40 TAHUN: ALAM DEWASA MUDA

Ini adalah usia kematangan, kekuatan dan reproduksi bagi kebanyakan orang. Yusuf Ali pada kurun ke-20 dan Umar ibn al-Khattab pada kurun ke-7 percaya bahawa minda berkembang sepenuhnya pada usia 40 tahun. Selepas tempoh itu, perkembangan adalah hanya berdasarkan pengalaman.

40–65 TAHUN: USIA PERTENGAHAN

Tahun-tahun pertengahan adalah apabila perkembangan berlaku bukan disebabkan pertumbuhan fizikal tetapi pendidikan, latihan dan pengalaman. Kelemahan fizikal sedikit demi sedikit mula berlaku.

65 TAHUN DAN KE ATAS: USIA EMAS

Usia tua bermula dan berakhir pada usia paling lemah (*ardhal al-'umur*), iaitu ketika ilmu dan memori mula menyusut. Sekiranya manusia hidup dengan usia yang panjang, ilmu mereka akan berkurangan. Ia seperti memori komputer yang secara perlahan-lahan dipadamkan. Penyakit Alzheimer memberi kesan kepada orang-orang tua dengan memusnahkan memori mereka. Nama lain untuk fasa ini adalah *shaykhukhah* (menua), *da'fan* (lemah) dan *shaybah* (usia tua).

Putaran hidup bermula dengan kelahiran bayi (yang tidak tahu apa-apa tetapi dilengkapi dengan pendengaran, penglihatan dan hati, tempat letaknya kasih sayang). Tuhan menjemput manusia untuk bersyukur kepada-Nya: *la'allakum tashkurun*.

Kemudian, bayi berkembang daripada lemah kepada kuat dan kembali kepada lemah pada usia tua (*shaybah*). Di antara kelahiran dengan usia tua, manusia menjadi berilmu dan Tuhan menggalakkan mereka untuk mendapatkan kefahaman dan kebijaksanaan: *la'allakum ta'quilun*. Pada peringkat akhir kehidupan – pada akhir perjalanan ini – manusia mesti bertindak betul dan mengelakkan dosa besar. Pada usia 60, manusia tidak ada alasan untuk melakukan dosa, seperti yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad ﷺ.

"Allah memaafkan dan memberikan pengampunan kepada seseorang sehingga dia mencapai usia enam puluh tahun."

(Al-Bukhari)

Lebih tua usia kita, lebih banyak memori kita terlupakan tetapi kekuatan pemikiran kita masih tetap sama. Suatu rahmat yang sebenarnya!



Sungguh bertuah dan dirahmati mereka yang mula memuji Tuhan sejak awal kehidupannya lalu matang ke peringkat berhikmah untuk mengenal dan memahami intipati dan misi penciptaan manusia di atas muka bumi ini.

Anak tidak berkembang mengikut jam. Setiap anak berkembang pada kadarnya dan mengikut coraknya yang tersendiri. Jam dalaman anak yang unik adalah sesuatu yang mesti difokuskan oleh ibu bapa.

Manfaatkan Fasa Perkembangan



Bayi adalah Jendela Peluang Kita

Hati seorang bayi suci dan kosong. Ia memiliki kecederungan semula jadi untuk menyimpan semua perkara dan dia tertawan oleh semua perkara (Imam al-Ghazali).

Bayi bersedia menerima semua informasi dan menerima semua arahan yang diarahkan kepadanya. (Ibn Miskawayh).

Inilah peluang keemasan bagi ibu bapa untuk berinteraksi dan mengajar anak-anak mereka hingga ke peringkat semaksimum yang mungkin!

MENYUSU DALAM TEMPOH DUA TAHUN PERTAMA:

Dalam peringkat ini elemen-elemen penting personaliti terbina. Hasilnya adalah anak yang sihat fizikal dan emosinya. Semasa peringkat bayi, pusat otak, hubungan rangkaian dan jaringan otak (dalam bentuk triliunan neuron) sedang terbentuk. Keberanian, kreativiti, cinta, kejujuran, sikap, bahasa dan logik mula dibina pada peringkat ini. Sebagai tambahan kepada pelbagai manfaat susu ibu yang tidak terkira banyaknya, ibu juga memindahkan manfaat emosi yang besar kepada bayi dalam bentuk cinta, kasihan belas dan harga diri dalam tempoh dua tahun pertama. Ibu yang menyusukan juga mendapat manfaat yang besar daripada hubungan intim psikologi dengan bayi.

CINTA DAN TAKUT KEPADA TUHAN:

Anak-anak perlu diperkenalkan sejak awal kepada konsep cinta, harapan dan ganjaran daripada Yang Maha Pengasih, lagi Maha Penyayang. Konsep takut, hukuman dan neraka mesti ditangguhkan sehingga usia mereka meningkat remaja iaitu apabila mereka sudah boleh memahami konsep-konsep dan imej-imej abstrak. Disebabkan minda mereka yang sangat mudah terpengaruh pada tahun-tahun awal kehidupan mereka, potensi anak-anak untuk mencapai kebebasan, kreativiti dan imaginasi akan tersekat apabila mereka selalu ditakut-takutkan dengan neraka. Menakut-nakutkan dan merendah-merendahkan anak adalah satu bentuk rompakan kepada keberanian mereka, kemampuan untuk memahami risiko, membuat keputusan dan keyakinan diri mereka.

HAFAZAN:

Shaykh Muhammad al-Ghazali dalam buku beliau *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Qur'an* (1992) menimbulkan persoalan bila harus ditekankan

hafazan al-Qur'an dan bila untuk memberi fokus kepada kefahaman. Sekarang nampaknya hafazan patut lebih ditekankan daripada kefahaman dan tafsir (interpretasi) sehingga peringkat remaja. Kemudian, penekanan seharusnya diberikan kepada kefahaman dan tafsir, bermula daripada awal remaja sehingga seterusnya. Pendekatan ini menggunakan potensi terbaik otak untuk akhirnya mendapatkan hasil daripada hafazan awal secara langsung dan memperoleh kefahaman kemudiannya.

ASPEK DAKWAH:

Aspek ini patut dipergiat semasa usia remaja apabila anak-anak lebih mudah menerima konsep abstrak seperti Syurga, Neraka dan Hari Akhirat. Tenaga dan emosi mereka pada peringkat ini adalah paling tinggi dan minat mereka boleh diarahkan kepada kebenaran, spiritual dan pengorbanan untuk tujuan yang baik. Emosi remaja perlu diseimbangkan dengan pemikiran rasional. Mereka perlu menguatkan ritual agama dengan ilmu untuk mengawal emosi semasa krisis dan untuk menguatkan diri mereka dengan pergantungan kepada Allah ﷺ (tawakal).

SENSITIVITI TERHADAP KRITIKAN SEMASA REMAJA:

Remaja mesti dilatih secara bijaksana dengan tidak melukakan perasaan dan menjelaskan harga diri mereka. Tujuannya adalah untuk membimbing perkembangan mereka, bukan untuk menyebabkan mereka hilang keyakinan diri. Galakan dan peningkatan sepatutnya menjadi pendekatan dalam fasa ini. Perasaan cemburu dan membandingkan dengan yang lain ada dalam minda mereka sebagai remaja, justeru ibu bapa perlu melayan semua adik-beradik mereka dengan adil dan saksama.



PEMBINAAN IDENTITI SEHARUSNYA DIPERKUKUH:

Pada tempoh ini para remaja mula menilai semula diri mereka, masyarakat, alam semesta dan metafizik serta perkara ghaib. Ini merupakan masa untuk membincangkan konsep sebenar tauhid (Keesaan Tuhan), kekhilafahan (istikhlas), pembinaan tamadun ('imran), pandangan sarwajagat, objektif hidup dan hubungan dengan diri sendiri, manusia lain, alam sekitar dan Pencipta.

MEMPELAJARI BAHASA KEDUA:

Mempelajari bahasa kedua tidak boleh ditunggu sehingga usia remaja tetapi harus dimulakan sebelum usia 10 tahun. Ini adalah masanya apabila bunyi-bunyian bahasa dibina melalui neuron otak dan sambungannya. Lebih awal lebih baik untuk membolehkan semua bunyi abjad disebut seperti penutur asal. Di peringkat awal kanak-kanak, anak-anak memiliki kemampuan yang hebat untuk belajar beberapa bahasa tanpa banyak kesukaran. "Otak yang paling muda mempunyai kecenderungan yang paling besar untuk menyerap bahasa dan seseorang yang bilingual pada usia muda

akan mudah untuk belajar bahasa ketiga atau keempat kemudiannya. Berbanding dengan orang dewasa atau pelajar sekolah menengah, anak-anak kecil mampu belajar bahasa Jerman dengan lebih baik dengan sebutan yang hampir sama dengan orang asal Jerman atau meniru suara nada halus bahasa Mandarin" (Glod 2006). Perkara yang sama berlaku bagi bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain.

Penghafaz al-Qur'an berusia 6 tahun dari Parsi

(*Hafiz* adalah orang yang boleh membaca keseluruhan al-Qur'an daripada memorinya; dia mungkin tidak faham bahasa Arab)

Sayyid Mohammad Husayn Tabatabai, yang berbahasa dengan bahasa ibundanya Parsi, menghafaz al-Qur'an pada usia 6 tahun. Ayahnya berkata, "Dia hanya berusia 2 tahun apabila saya pertama kali menyedari bakatnya." Anak ini belajar dengan mendengar hafazan ibu yang juga seorang *hafizah*.

Dia menghafaz ayat-ayat hanya dengan mendengar satu atau dua kali.

Dia membaca al-Qur'an setiap hari untuk mengekalkan apa yang telah dihafaznya. Bahagian kesukaannya adalah cerita-cerita nabi, nabi Yusuf khasnya. (Muslim News 1998)

Salah satu keajaiban al-Quran adalah seseorang yang tidak faham bahasa Arab boleh menghafaznya dari kulit ke kulit! Hari ini, ribuan anak-anak yang berusia kurang 10 tahun daripada pelbagai kaum menghafaz al-Qur'an dalam teks asalnya, bahasa Arab!

Penghafaz al-Qur'an berusia 4 ½ tahun dari Syria

Anak termuda menurut rekod (4½ tahun) yang menghafaz keseluruhan al-Qur'an adalah Abdullah Ahmad Shghalah dari Aleppo, Syria yang dilahirkan pada tahun 1996. Dia mula menghafaz al-Qur'an pada usia 3 tahun dan menyelesaikannya pada usia 4½ tahun. Pada usia 5 tahun, dia juga menghafaz 1,000 hadis Nabi Muhammad ﷺ dan lebih daripada 1,000 sajak.

Cerita bermula di kedai ayahnya apabila dia menyedari anaknya pada usia 2 tahun menyanyi lagu Umm Kalthum "Zalamuni al-Nas" selepas mendengarnya sekali dari suara radio jiran yang kuat. Kedua-dua ibu bapa ini mengambil keputusan untuk menyalurkan potensi anak mereka kepada al-Qur'an.

Mereka mula membacakan beberapa surah kepada Abdullah yang akan menghafaznya selepas bacaan kedua.

Dalam beberapa bulan, Abdullah membetulkan sebutan bacaannya mengikut hukum tajwid yang betul.

Pada usia 5 tahun, Abdullah menerima hadiah pertama dalam Musabaqah Membaca al-Qur'an peringkat Kebangsaan di Syria dengan peserta-pesertanya berumur 14-30 tahun. Dia adalah peserta termuda dalam musabaqah tersebut.

(Majalah *Al Usrah* 2005).

Hafazan Antara Timur dengan Barat

Amalan di negara-negara Islam yang memasukkan anak-anak prasekolah ke sekolah-sekolah hafazan al-Qur'an memberikan pulangan yang lumayan.

Walaupun majoriti Muslim (empat perlima) tidak memahami bahasa Arab, mereka boleh menghafaz al-Qur'an tanpa pemahaman kerana kekuatan otak hafazan berada di puncaknya pada peringkat awal kehidupan anak.

Interpretasi boleh datang kemudian semasa usia remaja.

Kini, hafazan sebagai satu sistem tidak lagi begitu ditekankan di Barat sama ada menghafaz kitab Injil, sajak atau drama.

Bagaimanapun, orang-orang Kristian terdahulu biasa menghafaz Injil. Malah, sebahagian anak-anak orang Arab Kristian menghafaz al-Qur'an. Hafazan ini memberi mereka kekuatan komunikasi yang hebat dari segi kosa kata, bahasa dan kemampuan mengingat, retensi serta dapatan semula.

Hafazan Awal al-Qur'an Membantu Orang Dewasa di Sekolah Menengah

Dr Yusuf Khaleefa (mantan Menteri Pendidikan, Sudan) melaporkan:

Pengalaman kami dengan *Hafiz* dari pelbagai sekolah pondok dan sekolah-sekolah di Sudan membuktikan bahawa mereka yang menghafaz al-Qur'an mempunyai memori yang baik untuk penyimpanan, dapatan semula dan pemahaman tentang konsep dan masalah yang rumit. Pelajar-pelajar ini yang tidak pernah menghadiri sekolah biasa diberikan kelas persediaan 2 tahun dalam subjek sains untuk melayakkan mereka memasuki universiti. Sembilan puluh peratus daripada mereka lulus peperiksaan awam kemasukan universiti. Mereka nampaknya sama cemerlang seperti pelajar-pelajar yang menghadiri sekolah biasa selama 12 tahun.

Abdullah (1994) mendapati hafazan daripada awal kehidupan boleh membantu mereka untuk mengukuhkan hafazan untuk tahun-tahun kehidupan akan datang.

Aktiviti

AKTIVITI 33: NASIHAT UNTUK IBU BAPA

Ayah dan Ibu: Bincangkan perkara-perkara berikut dan kemudian putuskan bagaimana untuk mengaplikasikannya kepada anak-anak anda.

- Beri anak-anak anda lebih sedikit daripada yang dijangkakan mereka dan lakukannya dengan gembira.
- Jangan percaya pada semua yang anda dengar atau habiskan apa yang anda ada.
- Apabila anda mengatakan: "Saya sayang pada kamu", nyatakan dengan sejurnya.
- Apabila anda mengatakan, "Saya minta maaf," renung mata orang itu.
- Jangan sekali-kali mentertawakan impian anak-anak anda. Orang yang tidak mempunyai impian tidak memiliki sesuatu yang banyak.
- Dalam perbeaan pendapat, perjuangkannya dengan adil. Usah saling mengejek.
- Jangan menghakimi orang melalui sanak saudaranya.

- Apabila seseorang bertanya anda soalan yang anda tidak mahu menjawabnya, senyum dan tanyakan, "Mengapa anda mahu mengetahuinya?"
- Cinta yang agung dan pencapaian yang hebat melibatkan risiko yang besar.
- Katakan "Allah ﷺ merahmati kamu" apabila mendengar seseorang bersin.
- Apabila anda kalah, jangan hilangkan pengajarannya.
- Hormati diri anda, hormati orang lain dan bertanggungjawab atas semua tindakan anda.
- Jangan biarkan sedikit pergeseran melukai ikatan kekeluargaan yang kukuh.
- Apabila anda menyedari bahawa anda telah berbuat salah, ambil langkah segera untuk membetulkannya.
- Senyum apabila mengangkat telefon. Pemanggil akan tahu melalui suara anda.
- Luangkan sedikit masa untuk bersendirian.



BAB 11

Jalan Menuju Anak yang Sihat: Kebersihan, Nutrisi, Latihan Fizikal

- Pengenalan **208**
 - Waktu Kehamilan **208**
 - Selepas Kelahiran: Kontroversi tentang Vaksinasi **209**
 - *Kes Menentang Vaksinasi*
 - Kebersihan dan Kesihatan Diri **212**
 - Kesihatan: Beberapa Amalan Anjuran Islam **213**
 - *Kebersihan Tandas*
 - *Rambut dan Kuku*
 - Nutrisi **216**
 - *Makan Berlebihan*
 - *Pandangan Imam al-Ghazali tentang Budaya Makan*
 - Fakta Tentang Kanak-Kanak dan Nutrisi **219**
 - *Waktu Kehamilan*
 - *Antara Kelahiran dan Praremaja*
 - *Praremaja dan Remaja*
 - *Contoh Diet bagi Umur 2–10 tahun*
 - *Soalan-Soalan yang Lazim Ditanya*
 - Panduan al-Quran Tentang Makanan **224**
 - Kanak-kanak dan Senaman Fizikal **226**
 - *Kanak-Kanak dan Kasut*
 - *Cara Menggalakkan Aktiviti kepada Kanak-Kanak*
 - *Cadangan Jadual Senaman*
 - Tidur **229**
 - *Kesan Perubatan bagi Kekurangan Tidur*
 - Perkara-Perkara yang Memabukkan: Pencegahan Terhadap Arak dan Dadah **232**
 - *Anak-anak dan Godaan Luar*
 - *Tanda-Tanda Awal Pengambilan Dadah: Apakah yang Boleh Diakukan Ibu Bapa?*
 - *Ketagihan lwn. Hubungan Rumah Tangga yang Sihat*
 - *Program Penjagaan Susulan: Agama Sebagai Langkah Pencegahan*
 - Pelanggaran Undang-undang **238**
 - Aktiviti 34–37 **240**

Pengenalan

Seorang pesakit sering mengadu kepada para doktor tentang kesakitan berterusan yang dialaminya. Sehingga akhirnya seorang doktor berkata kepada beliau: "Anda menghabiskan banyak masa dan wang untuk melindungi aset perniagaan anda sehingga mengabaikan perkara yang lebih utama iaitu tubuh badan anda sendiri."

PEPATAH LAMA "mencegah lebih baik daripada mengubati" ada kebenarannya dan merupakan sesuatu yang harus diberikan fokus oleh ibu bapa. Ibu bapa tidak sepatutnya menunggu sehingga perkara yang tidak diingini berlaku dan bertindak balas kemudian. Sebarang kesilapan besar yang diambil oleh ibu bapa akan memusnahkan masa hadapan mereka. Malangnya, kebanyakan orang hari ini memilih untuk melabur wang di unit rawatan rapi, berbanding dengan mengeluarkan sedikit perbelanjaan untuk rawatan pencegahan. Melakukan perkara yang betul pada masanya adalah lebih mudah dan murah dan hasilnya sangat lumayan. Jika tidak bertindak, kita akan kita akan menyesal dan sengsara dalam kehidupan. Malah yang lebih berbahaya adalah kecelakaan yang menimpa anak-anak mungkin akan bersifat kekal. Ketika itu, tiada gunanya penyesalan ibu bapa setelah anaknya ditimpa musibah akibat sikap sambil lewa terhadap kesihatan anak-anak yang boleh dihindari dengan tindakan pencegahan awal. Semuanya sudah terlambat untuk melakukan sesuatu walau betapa kuat pun mereka berusaha dan berapa banyak wang telah dihabiskan.

Oleh itu, kesihatan harus diutamakan. Tidak akan bermakna sekiranya kita mempunyai keluarga yang baik, kerjaya yang baik, pendidikan yang baik, atau masa yang terbaik tetapi kita memiliki kesihatan yang




tidak baik. Tambahan lagi, minda yang sihat lahir daripada badan yang sihat. Perkembangan mental dan psikologi bayi yang baik hanya akan berlaku pada badan yang sihat.

Ibu bapa perlu memastikan bekalan air yang bersih, sanitasi yang baik, makanan yang berkhasiat, pengambilan vaksin mengikut jadual, senaman yang berkala, dan akses kepada doktor untuk anak-anak mereka. Membesarkan anak-anak yang sihat harus bermula sebelum mereka dilahirkan iaitu pemilihan pasangan yang sihat.

Waktu Kehamilan

Ibu hamil mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap bayinya. Makanan yang berkhasiat, tidur yang cukup, berjumpa doktor secara berkala, dan senaman penting untuk kelahiran yang sihat. Ibu hamil perlu mengelakkan risiko jangkitan bakteria dan pengambilan bahan yang berbahaya seperti dadah, makanan tidak berkhasiat dan arak. Merokok adalah salah satu aktiviti berbahaya yang tidak boleh dilakukan oleh ibu hamil. Bayi akan menyerap semua bahan yang ada pada ibunya (nutrisi dan oksigen diperolehi bayi melalui plasenta dan tali pusat). Jadi, merokok bukan sahaja mendedahkan bayi kepada toksik yang terdapat di dalam rokok tersebut, tetapi turut juga merosakkan fungsi plasenta yang menyalurkan nutrisi dan oksigen kepada bayi. Baca amaran berikut yang didapati pada kotak rokok:



Persekutuan yang kurang asap: Di mana ada kemahuan di situ ada jalan!

Negara boleh mengurangkan aktiviti merokok dengan banyak sekiranya masyarakat memberi komitmen untuk merealisasikannya.

Merokok tidak dibenarkan – Pada tahun 1985, jumlah majlis perbandaran yang menguatkuasakan undang-undang udara dalaman bersih adalah 202, dan sehingga tahun 2003 jumlah itu meningkat kepada 1,631.

Namun begitu, tanpa merujuk kepada undang-undang, ibu bapa perlu memastikan anak-anak jauh daripada persekitaran yang berasap, di dalam dan di luar rumah.



Ibu hamil yang mengalami jangkitan viral perlu segera mendapatkan nasihat doktor bagi menghindari sebarang kemudaratan kepada bayi. Begitu juga semasa proses penyusuan susu ibu. Jangkitan mungkin boleh menyebabkan bayi menjadi buta, pekak, bantut perkembangan mental, skizofrenia atau autistik. Ibu hamil perlu melakukan ujian darah bagi mengelakkan penyakit-penyakit berkaitan darah yang boleh membawa kerosakan otak atau kematian bayi.

Selepas Kelahiran: Kontroversi Tentang Vaksinasi


Hujah-hujah yang menyokong dan menentang vaksinasi dibentangkan di sini supaya ibu bapa dapat membuat pilihan berdasarkan maklumat yang tepat.

Selepas kelahiran, doktor perlu memeriksa bayi khususnya mata, telinga dan tindakan refleks bayi. Bayi lelaki perlu disunat untuk mengelak jangkitan. Ramai ibu bapa sedar tentang keperluan mendapatkan imunisasi, dan mematuhi jadual imunisasi dengan sempurna. Walau bagaimanapun, 80 peratus ibu bapa tidak sedar bahawa kebanyakan vaksin perlu diambil sebelum anak berusia dua tahun. Sesuatu yang menakjubka bagaimana kita memvaksin anak ayam di dalam telur tiga hari sebelum menetas, dan anak lembu disuntik sebelum dibawa pulang ke rumah, namun, sebahagian anak-anak kita tidak divaksin sebelum mereka berusia dua tahun.

Vaksinasi boleh melakukan banyak perkara!

Enam “penyakit kanak-kanak” yang membawa maut – campak, polio, batuk kering, sawan/kekejangan, batuk kokol dan difteria - telah membunuh jutaan kanak-kanak setiap tahun. Segolongan besar kanak-kanak mengalami kekurangan nutrisi dengan ketahanan terhadap penyakit yang rendah. Vaksin untuk menghalang penyakit-penyakit ini yang telah diketahui sejak beberapa dekad yang lalu, dan telah menyingkirkan ancaman penyakit-penyakit ini daripada merebak di negara-negara maju. Hampir setiap kanak-kanak di Amerika Syarikat telah diberi imunisasi untuk melawan penyakit-penyakit yang membawa maut ini. Tetapi berjuta-juta lagi kanak-kanak di negara-negara membangun kekal berisiko hanya kerana mereka tidak mendapat akses kepada vaksin. Dua puluh peratus daripada kanak-kanak di negara membangun masih tidak mempunyai akses kepada imunisasi, dan setiap tahun hampir tiga juta kanak-kanak di seluruh dunia mati akibat penyakit-penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin.

(For the Children: The Gift of Health, Education, and Hope,
Donation Pamphlet, UNICEF 2003)



Ceritakan kepada anak-anak tentang vaksinasi: "Vaksinasi adalah idea inovasi yang dihasilkan oleh Dr. Edward Jenner pada tahun 1796, sebuah kisah kreativiti yang sebenar. Terdapat tiga kategori idea yang berasal dalam bidang perubatan, iaitu idea yang sangat jelas, idea yang kurang jelas dan idea seperti yang dihasilkan oleh Dr. Edward ini. Beliau mendengar daripada jirannya yang tinggal di kawasan pedalaman Gloucestershire, England, bahawa orang yang dijangkiti cacar lembu (*cowpox*) biasanya jarang mendapat cacar air (*smallpox*) yang boleh membawa kematian. Beliau mengesyaki cacar lembu tersebut merangsang sistem pertahanan badan untuk melawan cacar air. Tanggapan beliau dianggap mustahil dan tidak munasabah oleh rakan-rakan beliau. Pada ketika itu belum ada istilah "sistem imunisasi" dan "kuman" kerana ahli perubatan belum menemui kedua-dua konsep tersebut" (Carmichael 2007)

Meskipun begitu, Jenner percaya terhadap idea beliau. Begitu juga dengan seorang ibu yang membenarkan Jenner menguji idea beliau terhadap anak lelakinya yang berusia 8 tahun bernama James Phipps. Ketika itu penyakit cacar lembu tersebar di ladang wanita tersebut pada musim bunga tahun berkenaan. Doktor itu mengumpul nanah daripada gadis pemerah susu yang telah dijangkiti, menyuntiknya ke dalam badan kanak-kanak lelaki tersebut dan seterusnya menunggu tindak balas yang akan berlaku. Selepas enam minggu, Jenner menyuntikkan kanak-kanak lelaki itu dengan cacar air. Kemudian, beliau menunggu sehingga satu tempoh masa yang beliau yakin bahawa James tidak akan jatuh sakit. Setelah itu barulah beliau mengumumkan idea penting yang ditemuinya pada zaman tersebut. Beliau telah mencipta vaksin! Tidak menghairankan apabila Jenner dianggap gila semasa beliau mencadangkan

idea tersebut, kerana para revolucioner selalu melakukan perkara sebegitu.

Vaksin telah mengubah seluruh dunia dengan menghapuskan cacar air dan vaksin telah membantu membasmi penyakit polio dan demam campak di sebahagian besar negara maju.

Vaksinasi adalah salah satu inovasi perubatan yang sangat penting dalam tempoh dua kurun kebelakangan ini dan ia salah satu kos perubatan yang paling menjimatkan. Vaksin tidak menyembuhkan penyakit, tetapi mencegah yang mana lebih baik daripada merawat. Sekiranya 100 orang mengambil imunisasi, mereka bukan sahaja kekal sihat tetapi juga mencegah jangkitan kepada beribu-ribu orang yang lain.

Setiap tahun vaksin menyelamatkan sejumlah besar nyawa. Walau bagaimanapun, masih ramai yang tidak berupaya mendapatkan vaksin. Di negara-negara seperti Afrika, Asia dan Amerika Latin, kanak-kanak tidak menerima sebarang vaksin asas seperti yang terdapat di negara-negara maju yang akhirnya menyebabkan kanak-kanak tersebut meninggal dunia. Walaupun begitu, tiada seorang pun di dunia ini sama ada secara rutin atau secara efektif dapat diimunisasikan untuk melawan pembunuhan global terbesar – HIV, batuk kering dan malaria, yang meragut hampir enam juta nyawa setiap tahun – kerana, walaupun dengan semua kecanggihan perubatan moden, vaksin untuk penyakit-penyakit tersebut belum ditemui sehingga ke hari ini.

KES MENENTANG VAKSINASI

Kebanyakan orang tidak sedar tentang kemungkinan kesan sampingan vaksinasi anak-anak. Hujahan yang menentang vaksinasi menjelaskan bahawa kebanyakan kejayaan

program vaksinasi sebenarnya turut disumbang oleh peningkatan dalam perkhidmatan kesihatan umum terutamanya penyediaan air bersih dan sanitasi, suasana tempat tinggal yang tidak terlalu padat, nutrisi yang lebih baik, dan peningkatan taraf kehidupan.

"Semua vaksin mengandungi bahan kimia toksin, DNA daripada tisu haiwan dan janin yang telah digugurkan, dan protein asing sama ada dalam bentuk virus dan bakteria yang hidup mahu pun mati. Teknologi vaksin terkini adalah berdasarkan sains yang berusia lebih dua ratus tahun dan menyatakan bahawa vaksin 'merangsang tindak balas ketahanan badan secara selamat'. Bahan kimia toksik yang ditambah kepada vaksin menghasilkan masalah imunologi serta masalah sistem saraf kerana bahan tersebut tidak mudah disingkirkan daripada badan tetapi ia berkumpul di dalam otak dan tisu organ, dan seterusnya merosakkan saraf. Protein asing dan DNA, apabila tidak dineutralkan dengan sempurna dan disingkirkan oleh sistem ketahanan badan, boleh menembusi sel-sel membran."

(<http://www.know-vaccines.org/parent.html>)

Sistem ketahanan badan mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk berkembang sepenuhnya dengan cara terdedah kepada bakteria dan virus (tubuh badan belajar untuk menyingkirkan patogen ini melalui demam, lendiran, peluh dan ruam). Vaksinasi menghalang kanak-kanak daripada mendapatkan imuniti badan secara semula jadi melalui penyakit-penyakit yang tidak berbahaya (seperti demam campak, beguk, rubela, cacar air dan batuk kokol). Selepas vaksinasi, tubuh manusia berada dalam keadaan bersedia untuk sesuatu yang mungkin tidak akan berlaku. Oleh itu, sistem ketahanan badan akan menjadi hipersensitif dan terdedah kepada alahan.

Golongan yang menolak vaksin mempertikaikan bahawa kesihatan yang baik adalah cara terbaik bagi menyediakan ketahanan terhadap penyakit.

Pepijat tidak "berada di luar sana" untuk menyerang kita. Sekiranya kita sihat dari dalam, badan boleh menentang demam, selsema, demam campak atau apa sahaja yang mungkin berada di sekitar kita. Kuncinya adalah **KERENTANAN**.

(Sinclair 1995), (Head 1999)



Ditegaskan di sini bahawa kita menyerahkan kepada ibu bapa untuk membuat pilihan bijak dengan nasihat daripada para doktor sama ada mahu mengambil vaksin atau sebaliknya.

Pakar kanak-kanak mencadangkan supaya kanak-kanak menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala pada usia enam, lapan, dan sepuluh tahun dan pemeriksaan tahunan yang bermula pada umur sebelas tahun dan ke atas. Kebaikan pemeriksaan berkala ini adalah sebarang masalah dapat diketahui awal dan boleh dirawat secara efektif, berbanding dengan dibiarkan berlanjutan tanpa rawatan sehingga masalah berkembang menjadi penyakit yang tidak boleh diubati lagi. Sebahagian negara menyediakan pemeriksaan kesihatan kepada pelajar sekolah rendah pada awal tahun persekolahan dan ini amatlah digalakkan. Masalah pada kanak-kanak (seperti kerosakan pendengaran, penglihatan dan pertuturan) dapat

dikenal pasti semasa pemeriksaan kesihatan sebegini. Ibu bapa mesti memberi perhatian kepada pencegahan penyakit. Selain vaksinasi, syarat minimum bagi mendapatkan kesihatan yang baik adalah penjagaan kebersihan diri, nutrisi, tidur dan senaman.

Imunisasi adalah Tawaran Kesihatan Terbaik Dunia

Sebanyak USD15 juta untuk melindungi kanak-kanak. Pulangan yang lumayan dalam dua dekad yang lepas telah kita perolehi melalui pelaksanaan imunisasi kepada lebih 80 peratus kanak-kanak di seluruh dunia, tetapi hampir dua juta kanak-kanak masih mati setiap tahun disebabkan kekurangan perkhidmatan kesihatan awam yang asas dan tidak mahal ini.

Kebersihan dan Kesihatan Diri

Kebersihan adalah pertahanan yang paling efektif dalam melawan bakteria dan jangkitan

Lelaki, Wanita dan Kebersihan

Apabila memperkatakan hal tentang tabiat penjagaan kebersihan tangan, wanita Amerika didapati lebih bersih daripada lelaki di Amerika Syarikat. Sebanyak 91 peratus daripada undian menyatakan bahawa mereka sering membasuh tangan selepas menggunakan tandas awam. Tetapi kajian pemerhatian di enam buah tandas awam di empat bandar utama di Amerika Syarikat mendapati bahawa 75 peratus daripada lelaki berhenti membasuh tangan berbanding 90 peratus daripada wanita.

Ramai orang dewasa yang mengakui bahawa:

- 42% daripada orang dewasa menyatakan mereka sering membasuh tangan selepas memegang/bermain bersama haiwan peliharaan; anjing atau kucing
- 21% menyatakan mereka membasuh tangan selepas memegang duit
- 32% menyatakan mereka membasuh tangan selepas bersin atau batuk

Kaedah pertahanan terbaik menentang penyebaran penyakit adalah dengan membasuh tangan selama 15 ke 20 saat dengan menggunakan sabun dan air.

Dianggarkan bahawa Amerika Syarikat membelanjakan lebih daripada sembilan bilion dolar setahun untuk merawat penyakit yang berpunca daripada perbuatan tidak membasuh tangan!

virus. Biasanya, tangan adalah perantara yang memindahkan jangkitan kepada badan apabila individu menyentuh mata, mulut, hidung dan telinga. Oleh itu, membasuh tangan dengan sabun beberapa kali sehari boleh menghalang jangkitan bakteria.

Penulis Amerika Syarikat, Rose Wilder Lane (1886-1968) dalam pemerhatian beliau yang menarik di dalam bukunya yang bertajuk *The Discovery of Freedom* bahawa “orang ramai menuduh Nabi Muhammad ﷺ sebagai fanatik, tetapi saya mendapati baginda hanya fanatik terhadap satu perkara – kebersihan diri”.

Nabi Muhammad ﷺ memuji wuduk lima kali sehari sebelum solat: “Perumpamaan solat lima waktu adalah seperti air sungai yang mengalir di pintu rumah salah seorang antara kalian dan dia mandi daripada air sungai itu setiap hari lima kali.”

(Hadith Riwayat Muslim)



(Hyde and Sansoni, ASM, 2005)

Soalan: Bagaimanakah pihak berkuasa Sepanyol semasa zaman *inquisition* menentang Muslim dan Yahudi mengesan mereka yang masih Muslim di hati tetapi berpura-pura menjadi Kristian selepas dipaksa membuat pengakuan?

Jawapan: Sekiranya individu tersebut kekal sangat bersih, maka (dianggap) dia pastinya masih Muslim tetapi berpura-pura menjadi Kristian.

(Ahmad 1997)

Kesihatan: Beberapa Amalan Anjuran Islam

Panduan Rasulullah ﷺ dalam penjagaan kebersihan bukan hanya terhad pada membasuh tangan, muka, dan lengan lima kali sehari. Malah Islam mewajibkan untuk membasuh tangan sebelum dan selepas makan dan selepas menggunakan tandas.

Menjaga kesihatan dan kebersihan yang baik merupakan sumbangan terpenting Islam dalam bidang perubatan. Tidak dapat dinafikan bahawa air bersih dan penjagaan kebersihan yang baik boleh menyelamatkan lebih banyak nyawa jika dibandingkan dengan kesemua antibiotik yang dikumpulkan bersama. Amalan ini terinspirasi daripada pesanan Rasulullah ﷺ, seperti dalam hadith “Kebersihan adalah sebahagian daripada iman” (Tahoor dan Iman/Muslim), dan “Tubuh badan seseorang mempunyai hak terhadap dirinya” (al-Dahaby 2004).

Rasulullah ﷺ mengambil ubat-ubatan tradisional apabila baginda sakit dan kadangkala mendapatkan rawatan yang telah ditetapkan. Baginda adalah individu yang bertenaga dan sihat yang sering melakukan banyak aktiviti fizikal yang mencabar termasuklah pelbagai peperangan dan penggalian parit semasa peristiwa Perang Khandak. Baginda juga berupaya memanjang Gua Hira’ setiap tahun dan aktiviti ini memerlukan tenaga fizikal yang cukup.

Ibu bapa mesti memberi keutamaan terhadap penjagaan kebersihan diri sama ada kepada anak lelaki mahupun perempuan sebelum usia akil baligh. Lebih awal lebih baik seperti kata pepatah, melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Perhatian harus diberikan kepada kebersihan diri anak-anak. Anak-anak mempunyai tanggungjawab menunaikan solat, berpuasa dan tanggungjawab yang lain sama seperti orang dewasa. Oleh itu, anak-anak perlu dididik dengan baik bagi memastikan badan, pakaian dan persekitaran yang bersih setiap masa.

KEBERSIHAN TANDAS

Setiap Muslim diwajibkan menjaga kebersihan pakaian dalam dan bahagian sulit setiap masa. Pakaian dalam dan stokin disarankan supaya ditukar setiap hari bagi mengelakkan bau yang tidak menyenangkan. Sekiranya air kencing terpercik pada pakaian, ia hendaklah dibersihkan sehingga tiada warna dan bau. Rasulullah ﷺ menyarankan umat Islam membersihkan diri secara menyeluruh selepas ke tandas dengan menghilangkan kesan-kesan air kencing atau hadas besar yang tertinggal dengan menggunakan air atau sebarang bahan bersih dan kering seperti tisu tandas. Pembersihan ini dilakukan dengan menggunakan tangan kiri. Basuh bahagian sulit dengan lembut sehingga tiada kesan kotor dapat dilihat pada tisu yang digunakan. Bahagian tersebut hendaklah dibasuh dengan air dan dikeringkan. Rumah orang Islam perlu

mempunyai paip air yang diletakkan berdekatan dengan tandas, atau menyediakan bekas air untuk tujuan membersihkan diri selepas membuang najis di tandas. Tangan kiri digunakan untuk membersihkan diri dan tangan kanan digunakan untuk makan bagi menghalang pencemaran makanan dengan kotoran (walaupun tangan dibasuh selepas menggunakan tandas).

Selepas membersihkan bahagian sulit dengan air, lebih baik sekiranya dikeringkan (terutamanya pada anak perempuan) bagi menghalang jangkitan yang boleh berlaku pada seluar dalam yang lembab. Anak perempuan perlu membersihkannya dari hadapan ke belakang berbanding dengan dari belakang ke hadapan. Disarankan kepada anak perempuan untuk memakai seluar dalam yang diperbuat daripada kain kapas yang dapat “bernafas” dan cepat kering berbanding dengan seluar dalam yang diperbuat daripada nilon sintetik atau polister. Tangan hendaklah dibasuh dengan sabun setelah menggunakan tandas bagi memastikan kebersihan dan bau yang tidak menyenangkan yang mungkin tertinggal di bawah atau sekeliling jari dan kuku. Memiliki kuku yang pendek sangat disarankan oleh Rasulullah ﷺ.

Adakah anda tahu bahawa 98 peratus jangkitan pada bayi adalah disebabkan mereka memasukkan tangan ke dalam mulut? Cegahlah jangkitan itu dengan menggunakan puting getah yang bersih

(Gookin 1996)

RAMBUT DAN KUKU

Rambut yang tumbuh di bawah ketiak dan di sekeliling bahagian sulit boleh menjadi punca kepada bau yang tidak menyenangkan. Digabungkan dengan kegelapan dan kelembapan, rambut adalah persekitaran yang ideal dan sesuai

untuk bakteria membiak. Sekiranya dibuang, bau badan dapat dikurangkan dan peluang mendapat masalah gatal atau kutu badan juga berkurang. Rasulullah ﷺ bersabda:

Lima amalan yang dianggap sebagai fitrah (keadaan alami atau sunnah Rasulullah ﷺ): berkhitan, memotong bulu kemaluan, membuang bulu ketiak, memotong kuku, dan memotong pendek misai.

(Hadith Riwayat Bukhari)

Rambut di ketiak dan kemaluan boleh dibuang dengan sebarang kaedah yang mudah dan cepat (termasuklah mencabut, mencukur, merapi) dengan pelbagai krim penipisan atau minyak, atau menggunakan teknologi laser yang baru. Membuang rambut ini setiap 40 hari sudah mencukupi atau apabila rambut telah panjang dan menyebabkan ketidakselesaan. Penggunaan deodoran ketiak digalakkan, terutamanya sebelum bersukan atau pergi ke sekolah atau mengunjungi masjid, untuk menghalang daripada menyinggung perasaan orang sekeliling. Deodaran yang diperbuat daripada bahan alami sangat digalakkan penggunaannya. Walau bagaimanapun, deodaran anti-peluh adalah berbahaya dan perlu dijauhi.

Tabiat sebahagian lelaki dan perempuan untuk menukar warna rambut tidak digalakkan dalam Islam. Begitu juga dengan budaya membiarkan kuku jari panjang atau mewarnakan kuku dan ibu jari kaki dengan pengilat kuku. Kuku jari yang panjang akan mengumpulkan kotoran, dan memindahkan penyakit (terutamanya semasa penyediaan makanan). Menyimpan kuku panjang tidak praktikal dan seseorang itu tidak dapat mengambil wudhu' dengan sempurna apabila menggunakan pengilat kuku kerana air tidak sampai ke kuku. Namun begitu, penggunaan

inai pada kuku jari adalah dibenarkan kerana inai tidak menutup permukaan kuku. Orang lelaki digalakkan menggunakan bauan dan wangian semula jadi, terutama sebelum pergi ke masjid.

Manakala wanita boleh menggunakan wangian semasa berada di rumah, atau selagi tiada lelaki bukan mahram (lelaki yang boleh dikahwini) berada di situ.

Adakah anda memperbersih untuk hidup atau hidup untuk memperbersih? Jauhi sikap melampau!

- Seorang wanita mendapat gelaran sebagai Puan Bersih kerana dia sangat bersih. Dia hidup untuk memperbersih. Rumahnya mempunyai persekitaran yang sangat bersih tanpa sebarang kotoran. Dia sangat bertegas dengan anak-anak dan menegah mereka daripada bermain dengan gembira dan bersosial dengan orang lain untuk mengelakkan mereka membuat seeah. Rumahnya sangat bersih untuk dihuni. Kebahagiaan tidak dapat masuk ke rumahnya kerana dia terlalu bersih untuk kebahagiaan. Akhirnya dia diceraikan kerana persekitaran perkahwinan tidak cukup bersih baginya. Dia mengorbankan ketenangan fikirannya demi kebersihan yang keterlaluan. Anak-anak harus dibenarkan membuat seeah yang boleh diterima yang dapat dibersihkan kemudian. Obsesi terhadap apa juu perkara adalah tidak normal, termasuklah terhadap kebersihan.
- Seorang doktor pernah diberitahu tentang seorang pesakit saraf di hospital mental yang membasuh tangan dengan sabun setiap kali berjabat tangan dengan orang lain, termasuk dengan kaki tangan perubatan profesional.
- Anak-anak perlu diajar membasuh tangan pada seawal usia yang mungkin sebelum dan selepas makan sehingga menjadi amalan harian.

Tabiat yang Sihat untuk Badan dan Ruh Anjuran Islam

- Penyusuan susu ibu kepada bayi (tidak melebihi dua tahun)
- Berkhatan untuk anak lelaki
- Menjauhi seks ketika datang haid
- Mandi secara berkala dan berwuduk lima kali sehari
- Mandi wajib selepas melakukan aktiviti seksual dan mandi sunat hari Jumaat
- Membasuh tangan sebelum dan selepas makan dan selepas ke tandas
- Menjaga gigi menggunakan kayu sugi (sama seperti berus gigi dan ubat gigi)
- Tidur pada malam hari dan bekerja pada siang hari
- Menjauhi seks selama 40 hari selepas melahirkan bayi.

Kebersihan adalah sebahagian daripada iman. Al-Quran melarang umat Islam memakan daging khinzir atau produk berasaskan khinzir, bangkai, darah dan semua yang memabukkan. Berpuasa daripada terbit fajar sehingga terbenam matahari setiap hari selama satu bulan di bulan Ramadan memberi ruang kepada sistem badan untuk berehat dan ia mempunyai banyak kelebihan dari sudut perubatan. Meditasi dan solat membawa kepada ketenangan psikologi.

Berkhatan bagi lelaki menyebabkan kemungkinan untuk mendapat HPV (Human Papilloma Virus) daripada jangkitan serviks pada wanita berkang sebanyak 50 peratus. Dalam kes yang jarang berlaku, masalah ini boleh membawa kepada kanser serviks pada usia mereka 24 tahun. Setakat ini, HPV adalah penyakit jangkitan seksual yang paling banyak berlaku di Amerika Syarikat.

Berikut adalah arahan perubatan Islam yang penting:

- Memelihara nyawa adalah satu kemestian.
- Pemindahan darah dibenarkan (selepas proses penyaringan darah yang betul dilakukan)
- Bantuan bunuh diri dan euthanasia adalah tidak dibenarkan
- Bedah siasat mayat tidak dibenarkan (kecuali diperlukan untuk proses perundungan atau untuk kepentingan sosial)
- Mengkalkan pesakit terminal yang bergantung dengan alat bantuan hidup untuk tempoh yang lama dalam keadaan vegetatif tidak digalakkan
- Pengguguran anak tidak dibenarkan (kecuali untuk menyelamatkan nyawa ibu)
- Pemindahan organ dibenarkan (dengan beberapa syarat dipatuhi)
- Teknologi buatan reproduktif (ART) antara suami dan isteri dibenarkan (hanya dalam tempoh perkahwinan)
- Homoseksual dilarang
- Penulisan wasiat dan wakil kuasa perubatan digalakkan
- Kejuruteraan genetik untuk menyembuhkan penyakit boleh diterima tetapi pengklonan memerlukan kajian yang lebih mendalam untuk diterima
- Pendermaan organ digalakkan

Nutrisi

Tempoh kehidupan bernutrisi paling penting adalah 1,000 hari pertama kehidupan seseorang itu.

(*The Economist*, 26 Mac 2011)



Nutrisi yang baik merupakan suatu keperluan bagi anak-anak yang sihat. Tidak semua makanan bernutrisi. Makanan adalah apa yang kita suka makan, tapi nutrisi adalah apa yang kita perlu makan. Dalam tempoh dua tahun pertama, seorang ibu sedaya upayanya harus menyusui bayinya untuk manfaat fizikal, emosi, sosial, mental, dan psikologi. Sebelum dan selepas bercerai susu, diet nutrisi yang seimbang diperlukan.

Diet harian hendaklah meliputi semua kumpulan makanan seperti produk susuan, bijirin, buah-buahan, sayuran hijau dan daging yang akan membekalkan vitamin dan mineral penting untuk tumbesaran anak-anak. Buah-buahan dan sayuran perlu dibasuh kerana mungkin terdapat bakteria, bahan kimia atau kotoran.

Al-Quran menyatakan semua sumber makanan yang penting yang diketahui semasa penurunan wahyu sebagai makanan yang baik dan sihat (azka ta'amani).

Ini termasuklah pelbagai jenis daging (daging lembu, unta, kambing, biri-biri, unggas dan makanan laut), bijirin (gandum), kekacang,

buah-buahan dan sayuran (anggur, ara, zaitun, delima, kurma, bawang merah, bawang putih dan timun), susu dan madu. Madu terutamanya digambarkan sebagai agen pemulih bagi tubuh manusia. Anak-anak boleh digalakkan makan madu secara berkala selepas umur setahun.

MAKAN BERLEBIHAN

Walaupun anak-anak perlu diberi makanan daripada pelbagai makanan bernutrisi, namun makan berlebihan perlu dielakkan. Al-Qur'an ada menyebut:

Wahai anak Adam! Pakailah pakaian yang bagus setiap kali memasuki masjid, makan dan minumlah, tapi jangan berlebihan.

Masalah Berat Badan Berlebihan di Amerika Syarikat

Kita adalah negara yang makan dengan menggunakan mata, bukan dengan menggunakan perut. Lebih banyak kita melihat makanan berdekatan dengan kita, lebih banyak yang kita makan.

(Dr. Sanjay Gupta, CNN, 2008)

Ibu Bapa: Anda mempunyai peluang untuk menyediakan makanan yang sihat bagi anak-anak anda di tempat yang sesuai di rumah anda.

Sebanyak 36 peratus wanita Amerika dan 31 peratus lelaki berusia lebih 20 tahun mempunyai berat badan yang berlebihan. Purata berat bagi orang dewasa adalah lapan paun lebih berat berbanding satu dekad yang lalu. "Berat berlebihan" didefinisikan sebagai melebihi 20 peratus atau lebih daripada berat badan ideal. Sekiranya anda mempunyai berat 25 paun melebihi berat ideal untuk wanita biasa yang berketinggian 5 kaki 4 inci, dan 30 paun melebihi berat ideal bagi lelaki biasa setinggi 5 kaki 10 inci, maka anda sedang mengalami berat badan berlebihan.

Obesiti dalam kalangan anak-anak meningkat dengan kadar yang cepat berbanding dengan orang dewasa. Gaya hidup sedentari dengan makanan yang banyak adalah punca utama obesiti. Bekalan makanan di Amerika menghasilkan 3,700 kalori setiap hari bagi setiap lelaki dan wanita, dan anak-anak, melebihi apa yang diperlukan.

Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebihan.

(Surah al-A'raf, ayat 31)

Lihat kepada apa yang anda masukkan ke dalam badan anda yang "hebat". Ingatlah, apa yang anda makan memberi kesan kepada diri anda. Belajarlah bagaimana untuk "makan untuk hidup" dan bukan "hidup untuk makan".

Ibu bapa perlu menyediakan air yang bersih dan bebas kimia kepada anak-anak. Wujud salah faham bahawa bayi yang gempal itu adalah sihat. Tanggapan ini salah. Walau bagaimanapun, tidak sama seperti orang dewasa, nisbah tertentu lemak dalam diet anak-anak adalah baik.



(Kuczmarski et al. 1994)

Pengambilan makanan yang berkualiti dan seimbang adalah sangat penting. Anak mungkin mempunyai berat badan yang berlebihan tetapi menderita kekurangan nutrisi. Ibu bapa boleh melakukan pelbagai perkara untuk melatih anak-anak membentuk tabiat pemakanan yang sihat.

Anak yang Enggan Menyebut Alhamdulillah (Syukur kepada Allah)

Seorang tetamu di rumah kami memberitahu anak lelakinya yang berusia tujuh tahun, selepas anaknya makan 4 biji telur, 4 keping roti dan sandwic keju bakar untuk sarapan: "Anakku, ucapkanlah Alhamdullilah" sebagai tanda sudah selesai makan. Anak lelakinya membala, "Tapi ayah, saya masih lapar! Saya belum habis makan! Saya tak mahu ucap Alhamdulillah sekarang!" Tuan rumah sedar mengapa teman beliau tidak mampu mengangkat anak itu. Anak tersebut obes!

Ibu bapa perlu berwaspada tentang makan berlebihan dan kerakusan.

Rasulullah ﷺ bersabda:

Bekas paling buruk yang boleh diisi oleh anak Adam adalah perutnya. Beberapa kunyah sudah cukup untuk keperluan badan, tetapi sekiranya dia masih mahu makan, maka dia perlu membahagikan perut kepada tiga bahagian, satu untuk makanan, satu untuk minuman dan satu untuk pernafasan.

(Hadis Ahmad, al-Tirmizi dan lain-lain)

Kajian dari Denmark mendapati bahawa remaja di Amerika Syarikat mempunyai masalah obesiti yang paling tinggi berbanding 15 negara maju yang lain. Hampir satu pertiga daripada kanak-kanak di Amerika Syarikat mengambil makanan segera setiap hari. Pengambilan nutrisi yang buruk di seluruh dunia menjadi faktor utama kematian berjuta-juta kanak-kanak, dan mengakibatkan berjuta-juta yang lain lumpuh,

terdedah kepada penyakit, dan lebam intelek. Nutrisi bagi kanak-kanak memainkan peranan yang amat penting mulai kehamilan sehingga usia tiga tahun (UNICEF, 2003). Menyediakan persekitaran tanpa makanan ringan untuk anak-anak adalah jalan yang lebih efektif dalam membangunkan tabiat pemakanan yang seimbang daripada memaksa anak untuk makan makanan yang baik. Apabila anak lelaki makan berlebihan, ia akan kelihatan pada perut manakala apabila anak perempuan makan berlebihan kebiasaannya akan kelihatan pada paha, payudara, dan punggung.



PANDANGAN IMAM AL-GHAZALI TENTANG TABIAT MAKAN

Imam al-Ghazali (1058-1111), salah seorang reformis yang terhebat dalam sejarah Islam berkata:

1. "Orang Islam tidak sepatutnya menjadi orang yang pertama masuk ke ruang makan. Dia tidak sepatutnya merenung hidangan yang berlainan jenis atau orang yang sedang makan. Dia hendaklah mengunyah makanan dengan sopan dan mengelakkan diri daripada mengelap makanan dengan tangan atau pakaiannya."
2. "Sikap tidak suka pada kerakusan perlu diterapkan ke dalam minda anak-anak dengan mengenal pasti ciri-ciri sikap rakus dan

menegur anak-anak yang mempunyai sikap rakus, serta memberi pujian kepada anak-anak yang berpuas hati dengan kuantiti makanan yang sedikit.”

3. “Anak perlu dilatih untuk mengutamakan orang lain berbanding dirinya dalam soal makanan dan berpuas hati dengan apa sahaja yang ada untuknya. Dia perlu ditegur sekiranya ada keinginan luar biasa pada makanan, minuman dan pakaian yang indah.”

4. “Memberi makan berlebihan kepada bayi dan kanak-kanak berkemungkinan menjadi faktor yang menyumbang kepada obesiti ketika dewasa, dan obesiti boleh menyebabkan “penyakit orang mewah.”

Fakta tentang Kanak-kanak dan Nutrisi

WAKTU KEHAMILAN:

Untuk memberi bayi anda permulaan yang terbaik, selalu beringat bahawa anda makan untuk bayi anda walaupun sebelum hamil. Pada 4–6 minggu pertama kehamilan, ketika anda mungkin tidak tahu bahawa anda mengandung adalah tempoh kritikal bagi perkembangan bayi. Isteri dan bakal ibu perlu mengambil 400 mikrogram asid folik setiap hari bagi membantu perkembangan otak dan tulang belakang janin. Melalui pengambilan asid folik ini, 50–70 peratus kecacatan biasa sistem saraf boleh dihalang. Pertambahan berat badan 10–15 kilogram semasa kehamilan masih dianggap sihat. (Sutherland and Stoever 1997)

ANTARA KELAHIRAN DAN PRAREMAJA:

Pertumbuhan dramatik yang berlaku pada tahun pertama akan berkurangan pada tahun kedua, begitu juga dengan selera makan. Kebiasaannya berat badan anak-anak bertambah sebanyak

2.5–3.5 kilogram pada tahun kedua dan mula hilang selera terhadap makanan. Anak-anak akan makan apa yang mereka perlukan apabila mereka dihidangkan dengan pelbagai makanan berkhasiat bagi setiap hidangan. Ramai anak tatih di Amerika Syarikat diberi makan dengan diet rendah lemak oleh ibu bapa yang berniat baik dan menjadikan anak-anak tersebut tidak cukup nutrisi. Sepatutnya, tiada kawalan terhadap lemak yang perlu diberikan kepada anak-anak di bawah usia dua tahun. Lemak membekalkan tenaga. Begitu juga dengan asid lemak diperlukan untuk kulit yang sihat. Lemak juga membantu penyerapan vitamin A, D, E dan K. Apabila mereka bersedia untuk minum susu lembu, gunakan susu penuh krim biasa, bukannya dua peratus atau susu skim – sekurang-kurangnya sehingga umur dua tahun. Hanya satu perempat daripada kanak-kanak berumur dua sehingga lima tahun di Amerika Syarikat mendapat diet seimbang yang sihat berbanding dengan enam peratus remaja.

PRAREMAJA DAN REMAJA:

Walaupun kebanyakan kanak-kanak tahu akan peraturan asas tentang kesihatan, biasanya mereka tidak mengikutinya. Menyediakan makanan sihat yang akan dimakan oleh anak praremajah dan remaja adalah perkara yang mencabar. Anak berusia lapan tahun mungkin akan makan apa sahaja yang disediakan di atas meja, tetapi anak berusia 14 tahun mungkin menolak apa yang dimakannya sebulan lepas.

Sebahagian penyelesaiannya adalah menggalakkan anak-anak untuk membantu dalam merancang dan menyediakan hidangan dan tidak menjadikan makanan sebagai suatu isu.

Waktu makan seharusnya difokuskan kepada perkongsian aktiviti sehari-hari berbanding dengan

makanan itu sendiri. Anak remaja membesar lebih cepat berbanding dengan fasa-fasa pertumbuhan yang lain sejak dari tahun pertama kehidupan. Anak perempuan memerlukan 2000–2500 kalori sehari bagi memenuhi keperluan pertumbuhan dan anak lelaki memerlukan 3000-4000 kalori. Anak-anak yang aktif pula memerlukan lebih banyak kalori. Kemuncak keperluan nutrisi yang meningkat semasa baligh biasanya akan berlaku pada usia 15 tahun bagi anak perempuan dan 19 tahun bagi anak lelaki. Anak perempuan memerlukan lebih banyak kalsium sehingga usia 25 tahun. Kalsium meningkatkan kepadatan tulang yang sedang berkembang dan membantu anak perempuan daripada masalah osteoporosis (tulang yang lemah) di kemudian hari. Penting untuk memastikan anak-anak tidak terlepas hidangan makanan mereka. Terlepas hidangan makanan bermaksud kehilangan nutrisi yang penting. Makan hidangan yang kecil sepanjang hari lebih baik daripada melangkau waktu makan serta makan hidangan yang besar pada waktu malam.



CONTOH DIET BAGI UMUR 2-10 TAHUN

Menurut Persatuan Dietetik Amerika, diet harian kanak-kanak sepatutnya mengandungi perkara berikut:

- 6-11 hidangan bijirin
- 2-4 hidangan buah
- 3 hidangan sayur-sayuran

- 2-3 hidangan daging, ayam, ikan dan kekacang
- 2-3 hidangan produk tenusu
- Lemak, minyak dan manisan dalam jumlah yang sangat sedikit. Kacang dan bijirin adalah sumber minyak yang baik.
- Untuk usia 1-5 tahun, satu hidangan adalah lebih kurang satu sudu makan per tahun usia
- Untuk umur yang lain, makan yang terlalu banyak adalah tidak baik.

Bagaimanakah ibu bapa membantu anak-anak untuk makan daripada kumpulan makanan utama yang mencukupi setiap hari? Jawapannya adalah sentiasa menyediakan makanan sihat dalam jumlah yang kecil di rumah.

SOALAN-SOALAN YANG LAZIM DITANYA.

Kebanyakan kanak-kanak mendapat nutrisi makanan yang agak baik walaupun tabiat pemakanan mereka tidak menentu. Mereka mendapat apa yang diperlukan daripada makanan, iaitu suku atau satu pertiga daripada saiz makanan orang dewasa – sekitar satu sudu makan per tahun umur. Kanak-kanak akan hanya mengambil makanan yang mereka rasakan sedap.

Di sini dinyatakan beberapa saranan yang dapat membantu mendapatkan pemakanan yang baik (Underwood dan Kuchment 2008):

1. APA PILIHAN YANG HARUS DIBERI OLEH IBU BAPA KEPADA MEREKA?

Semasa waktu makan, ibu bapa hendaklah menyediakan pelbagai jenis makanan bernutrisi seperti protein, susu, buah atau sayuran, roti dan karbohidrat kedua (seperti nasi, mi atau ubi kentang). Kemudian, ibu bapa perlu membiarkan anak-anak memilih daripada apa yang telah disediakan. Ibu bapa tidak perlu mengehadkan

hanya kepada makanan yang digemari anak-anak. Masukkan sekurang-kurangnya satu jenis makanan yang biasa dimakan walaupun hanya roti atau buah-buahan. Masalah kekurangan vitamin oleh kanak-kanak adalah sangat jarang ditemui. Oleh itu, dalam banyak keadaan makanan tambahan tidak diperlukan.

2. PATUTKAH ANAK MENJADI VEGETARIAN?

Peraturannya adalah mendapatkan diet yang seimbang yang terdiri daripada daging dan sayur-sayuran. Tuhan menciptakan semua makanan yang baik dan sihat untuk manusia bagi tujuan kemaslahatan yang baik. Oleh itu, mereka seharusnya makan daripada semua jenis makanan yang dibenarkan secara sederhana. Lebih banyak makanan yang dihadkan dalam diet kanak-kanak, lebih tinggi risiko kekurangan nutrisi bagi mereka. Menghalang pengambilan daging, ayam dan ikan menyebabkan kanak-kanak sukar mendapat zat besi yang secukupnya. Manusia hanya menyerap 3–8 peratus kandungan zat besi yang ada pada sayuran dan bijirin, berbanding 20 peratus zat besi pada daging. Makan makanan yang tinggi kandungan vitamin C (buah oren atau tomato) akan membantu menyerap lebih banyak zat besi yang terdapat di dalam makanan yang dimakan. Diet vegetarian berkemungkinan mempunyai kandungan lemak dan kalori yang rendah sehingga menyukarkan kanak-kanak mencapai had kalori yang diperlukan.

3. ANAK SAYA TIDAK SUKA SUSU. BAGAIMANA DIA BOLEH MENDAPAT KALSIUM YANG CUKUP?

Penting khasnya bagi praremaja dan remaja untuk mendapat kalsium yang mencukupi kerana mereka mendapat separuh daripada jisim tulang

dewasa mereka semasa remaja. Susu adalah sumber kalsium yang terbaik. Jadi, sekiranya anak tidak mahu minum susu, mungkin boleh ditambah produk tenusu ke dalam hidangan yang disediakan seperti sup, kastard, puding dan sos. Pilihan makanan lain yang kaya dengan kalsium ialah yogurt, keju, dan ais krim. Susu coklat mempunyai lebih banyak gula berbanding dengan susu biasa, tetapi masih merupakan sumber kalsium yang baik.

4. BOLEHKAH SAYA BENARKAN ANAK SAYA MAKAN ANTARA WAKTU MAKAN?

Ya boleh. Sememangnya kanak-kanak memerlukan snek. Kanak-kanak tidak boleh makan banyak pada satu masa kerana saiz perut mereka yang kecil tetapi mereka memerlukan tenaga yang tinggi. Mereka memerlukan makanan bernutrisi untuk dimakan setiap dua hingga tiga jam.

Snek juga membantu kanak-kanak mendapat nutrisi yang terlepas ketika makan dalam hidangan yang lain.

Bagaimanapun, perlu dipastikan waktu yang berstruktur untuk makanan snek. Sekiranya kanak-kanak bersarapan pada jam 7 pagi, maka snek tidak seharusnya diberikan sehingga jam 9 atau 10 pagi walaupun mereka merasa lapar sebelum waktu tersebut. Mematuhi jadual adalah sesuatu yang sukar, terutamanya apabila kanak-kanak makan terlalu sedikit. Apa pun, ibu bapa akan berasa sangat gembira apabila anak-anak ingin makan sesuatu. Kanak-kanak yang dibenarkan mengunyah makanan pada bila-bila masa yang mereka mahu, hanya akan makan separuh hidangan sama seperti kanak-kanak yang makan hidangan penuh dan makanan snek pada masanya. Semasa menyediakan snek, fikirkan hidangan yang kecil untuk mereka: buah

dan sayuran, sedikit protein, kanji, dan lemak. Snek yang baik boleh terdiri daripada biskut organik dan susu, epal dan mentega kacang atau biskut kraker, keju dan jus buah-buahan segar.

5. MEMANDANGKAN BUAH DAN SAYUR PENTING, SAYA BIMBANG KERANA ANAK SAYA TIDAK MAHU MAKAN KEDUA-DUANYA. APA YANG BOLEH SAYA LAKUKAN?

Secara purata, kanak-kanak makan $1\frac{1}{2}$ hidangan buah dan $2\frac{1}{2}$ hidangan sayuran sehari. Kebanyakan buah-buahan dan sayur-sayuran dirasakan tidak sedap oleh kanak-kanak. Namun begitu, ibu bapa harus terus menawarkan kedua-duanya sehingga mereka makan pada akhirnya. Untuk menjadikan makanan ini mesra kanak-kanak, anda boleh mencuba perkara-perkara berikut:

- i) Kisar susu dan buah menjadi minuman ‘smoothie’
- ii) Beri buah-buahan kering seperti kismis,

AMALAN SEORANG IBU

Ketika saya masih kecil, saya fikir bahawa kita perlu menghabiskan semua yang ada di pinggan tanpa membantah. Sekiranya saya tidak mahu makan daging atau ikan contohnya, ibu saya akan:

- Membobel tentang makanan catuan semasa zaman perang dan zaman selepasnya;
- Mengingatkan saya bahawa jutaan orang kelaparan di seluruh dunia;
- Menghidangkan makanan yang saya tolak pada waktu makan seterusnya;
- Sekiranya kita masih lapar antara waktu makan, kita boleh makan roti dan margerin. Itu sahaja! Bukan semua orang ada duit untuk membeli apa sahaja.

(Sylvia Hunt, UK)

pisang, aprikot, dan ceri dalam bentuk biasa atau masukkan ke dalam biskut atau mufin.

iii) Tambah sayuran pada sup dan makanan harian seperti nasi goreng, mi goreng dan sebagainya.

iv) Paling penting, elakkan memberi ‘rasuah’. Mereka mungkin akan makan sayuran sekiranya mereka mendapat pencuci mulut sebagai ganjaran. Namun, dalam jangka masa panjang, mereka tidak akan belajar untuk menyukai kedua-duanya. Mereka fikir, sekiranya mereka makan sayur disebabkan helah ibu bapa, ia sudah semestinya tidak sedap.

v) Ibu bapa tidak perlu terlalu bertegas mahukan anak-anak menghabiskan semua yang ada di pinggan mereka. Sekiranya kanak-kanak menolak lobak atau bayam, ibu bapa boleh memberikan susu dan keju untuk sumber kalsium.



6. APAKAH MAKANAN TINGGI SERAT UNTUK KANAK-KANAK, DAN MENGAPA?

Ibu bapa sepatutnya memberi makan buah-buahan, sayuran, bijirin, roti, nasi dan pasta kepada anak-anak. Beberapa contoh makanan berserat seperti buah epal dan oren, kentang, kekacang, roti gandum, beras perang, oat, sayur-sayuran hijau seperti kangkung, sawi dan lain-lain juga digalakkkan. Serat membantu menghalang kanser dan mengurangkan keinginan untuk makan berlebihan. Serat mengurangkan penyerapan lemak dan kalori dalam usus kecil, mengekalkan kandungan air dan cepat mengenyangkan.

7. WAKTU PALING TERBURU-BURU BAGI KELUARGA ADALAH PAGI HARI. ADAKAH KITA BENAR-BENAR PERLU MENGAMBIL SARAPAN?

Ya. Sarapan penting dan kita harus melakukan apa sahaja bagi memastikan keluarga mengambil sarapan, walaupun ini bermakna kita perlu bangun 15 minit lebih awal. Kanak-kanak yang terlepas sarapan akan menghadapi masalah memberi tumpuan di sekolah dan semasa bermain. Sarapan memenuhi keperluan otak dan badan. Perut yang kosong membuatkan pelajar tidak bermaya pada waktu pagi.

8. ANAK PEREMPUAN SAYA BERSUNGGUH-SUNGGUH MAHU KURUS. BAGAIMANA BOLEH SAYA AJAR ANAK SAYA MEMILIH MAKANAN SIHAT BERBANDING DENGAN TIDAK MAKAN?

Kajian menunjukkan 78 peratus remaja perempuan Amerika ingin mengurangkan berat badan. Ada yang memilih untuk tidak mengambil daging. Jadi, mereka memerlukan makanan alternatif yang tinggi protein seperti kacang merah, kekacang, susu, keju dan telur. Anak perempuan yang sedang mengalami proses baligh perlu

diterangkan kepada mereka bahawa mereka memerlukan lapisan lemak yang baharu di bawah kulit sebagai tenaga simpanan untuk lonjakan pertumbuhannya. Sekiranya dia masih menolak untuk makan, maka dia perlu dibawa berjumpa dengan doktor keluarga dan ahli nutrisi untuk berbincang tentang tabiat pemakanan yang sihat.

9. PADA SESETENGAH MALAM, MAKANAN SEGERA MENJADI SATU-SATUNYA PILIHAN UNTUK KELUARGA SAYA. APAKAH CADANGAN ANDA?

Ibu bapa perlu mengelakkan pengambilan soda, kentang goreng, dan burger. Sebaliknya pilihlah ayam bakar, salad, susu rendah lemak dan yogurt. Hiaskan di atas pizza dengan ayam bakar atau tuna dan sayuran yang berkhasiat.

10. ADAKAH ANAK ANDA PEMILIH MAKANAN?

Para penjaga mungkin secara tidak tepat mengelaskan kanak-kanak di bawah dua hingga limatahun sebagai "memilih makanan". Hakikatnya, sikap ini adalah normal bagi kanak-kanak. Kanak-kanak perlu diperkenalkan dengan makanan yang baru sekurang-kurangnya 10 kali sebelum mereka mencubanya. Masa makan bersama keluarga penting. Anak-anak yang berusia lebih muda akan meniru amalan pemakanan ibu bapa, dan belajar secara signifikan daripada perbualan tentang makanan. Namun demikian, 51 peratus kanak-kanak Amerika dilaporkan tidak makan bersama keluarga setiap hari. Menjangkau usia tiga tahun, satu faktor penting dalam menentukan makanan yang akan dimakan oleh anak-anak adalah kebiasaan. Manakala 75 peratus daripada kanak-kanak di Amerika makan sekurang-kurangnya satu sayuran setiap hari, biasanya dalam bentuk kentang goreng. Produk tomato, termasuk salsa

dan sos spaghetti, juga sangat popular di kalangan kanak-kanak. Pilihan makanan kanak-kanak yang lebih berusia berubah mengikut pilihan rakan-rakan seusia. Pengambilan susu di Amerika menurun sebanyak 16 peratus bagi seorang anak yang berusia kurang lima tahun, manakala pengambilan minuman ringan meningkat sebanyak 23 peratus. Lima puluh satu peratus kanak-kanak tertinggal hidangan makanan utama harian iaitu sarapan (Jabatan Pertanian Amerika Syarikat).



**Yang mana lebih utama? Kerja atau Sarapan?
Jangan bekerja sebelum sarapan. Sekiranya anda perlu bekerja sebelum sarapan, pastikan anda mengambil sarapan terlebih dahulu!**

11. ADAKAH REMPAH-RATUS BAIK UNTUK KESIHATAN ATAU SEBALIKNYA?

Kajian yang dilakukan oleh dua orang saintis dari Universiti Cornell mendapati bahawa rempah-ratus mempunyai keupayaan membunuh tiga puluh jenis bakteria yang merosakkan makanan. Ini termasuklah bawang merah, bawang putih, lada, lemon dan pelbagai herba serta rempah (seperti parsli, oregano, thyme, kunyit, cengklik dan halia) dalam makanan. (Sherman dan Billing, 1998)

12. PANDANGAN SAINTIS SERING BERUBAH, JADI APAKAH YANG PATUT KITA LAKUKAN?

Para saintis memberitahu kita untuk melupakan apa yang kita tahu tentang telur, margerin dan garam. Kebijaksaan konvensional bertukar berulang kali dengan datangnya kajian baharu yang mengejutkan yang kadangkala menjadikan mereka hilang arah. Tidak ada satu minggu pun yang berlalu tanpa ada laporan terbaharu oleh mana-mana pakar yang menyatakan ada makanan atau vitamin baru atau aktiviti atau situasi terkini yang sama ada dapat memperbaiki kesihatan kardiovaskular anda atau memburukkan lagi keadaan. Dan kebiasaannya, nasihat baru ini nampaknya bertentangan dengan kepercayaan yang lama (Lemonick, 1999)

Apakah jawapannya? Ikutilah asas petunjuk dalam al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad ﷺ tentang makanan dan nutrisi. Nutrisi yang baik mempunyai kaitan dengan memilih tabiat pemakanan yang sihat sepanjang hidup dan sesuai dengan usia. Makanlah dalam kuantiti yang sederhana daripada pelbagai jenis makanan.

Panduan al-Quran tentang Makanan

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengharamkan apa yang baik yang telah dihalalkan Allah kepadamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. Dan makanlah daripada apa yang diberikan Allah kepadamu sebagai rezeki yang halal dan baik, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya.

(Surah al-Ma'idah, ayat 87-88)

Wahai anak cucu Adam! Pakailah pakaianmu yang bagus pada setiap (memasuki) masjid, makan dan minumlah, tetapi jangan berlebihan. Sungguh, Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.

(Surah al-A'raf, ayat 31)

Katakanlah (Muhammad ﷺ) Siapakah yang mengharamkan perhiasan daripada Allah yang telah disediakan untuk hamba-hamba-Nya dan rezeki yang baik-baik? Katakanlah, "Semua itu untuk orang-orang yang beriman dalam kehidupan dunia, dan khusus (untuk mereka saja) pada hari kiamat. Demikian Kami menjelaskan ayat-ayat itu untuk orang-orang yang mengetahui.

(Surah al-A'raf, ayat 32)

... kemudian makanlah segala (macam) buah-buahan lalu tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan (bagimu)." Dari perut lebah itu keluar minuman (madu) yang bermacam-macam warnanya, di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sungguh pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang yang berfikir.

(Surah an-Nahl, ayat 69)

Dan demikianlah Kami bangunkan mereka, agar antara mereka saling bertanya. Salah seorang antara mereka berkata, "Sudah berapa lama kamu berada (di sini)?" Mereka menjawab, "Kita berada (di sini) sehari atau setengah hari ..." Maka suruhlah salah seorang daripada kamu pergi ke kota dengan membawa wang perakmu ini, dan hendaklah dia lihat manakah makanan yang lebih baik, dan bawalah sebahagian makanan itu untukmu, dan hendaklah dia berlaku lemah lembut dan jangan sekali-kali menceritakan halmu kepada sesiapa pun.

(Surah al-Kahfi, ayat 19)

Kesimpulannya:

- Makan semua jenis makanan secara sederhana dalam kuantiti yang sedikit dan tidak tertumpu pada satu jenis makanan sahaja.
- Memilih menjadi vegetarian memerlukan ilmu dan panduan pakar. Sekiranya anda makan daging dalam jumlah yang berpatutan, anda tidak akan menjadi vegetarian.
- Elakkan daging khinzir, darah, bangkai, arak, dadah dan rokok. Ini semua bukan makanan sihat tetapi sesuatu yang kotor dan berbahaya.
- Jangan penuhkan perut anda. Berhenti makan ketika anda rasa masih mahu makan lagi.
- Masukkan madu ke dalam diet harian kerana madu boleh mengubat dan menyembuhkan.
- Gunakan minyak zaitun secara sederhana kerana ia mempunyai HDL (kolesterol baik) dan mengurangkan LDL (kolesterol jahat) di dalam badan anda.
- Elakkan sebarang makanan yang telah diberi bahan kimia, racun perosak dan bahan tambahan tiruan.

Preskripsi Aneh daripada Pakar Pediatrik

Apabila seorang bapa membuka sampul preskripsi anaknya, beliau menemui wang bernilai RM50.00 bersama nota daripada doktor pediatrik yang menyatakan: "Belilah hidangan makanan yang berkhasiat untuk anak Tuan; dia kekurangan nutrisi."

Ini menunjukkan bahawa ibu bapa mengabaikan nutrisi penting untuk anak-anak membesar dengan sihat. Kehidupan masyarakat yang sengit bersaing dan kehidupan ibu bapa yang sentiasa mengejar masa menyebabkan pengabaian terhadap makanan yang bernutrisi kepada anak-anak. Ibu bapa perlu menyediakan keperluan utama anak-anak pada tahun-tahun awal pertumbuhan sebelum terlambat. Keperluan fizikal dan emosi anak-anak sangat penting.

Kanak-kanak dan Senaman Fizikal

Biarkanlah dia pergi bersama kami besok pagi agar dia bersenang-senang dan bermain-main, dan kami pasti menjaganya.

(Surah Yusuf: ayat 12)

“Kembali kesini!” “Berhenti berlari di sekeliling rumah ini!” “Bukankah ibu sudah memberitahu jangan bermain bola di dalam rumah!” Ini antara perkara yang sering diungkapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak. IBU BAPA SALAH! Mereka seharusnya mengatakan perkara sebaliknya. “Pergilah bermain bola.” “Pergi bermain bola bersama kawan kamu.” “Pergi berlari dan mendaki.”

Mengapa Senaman Fizikal Penting untuk Anak Saya?

Peningkatan aktiviti fizikal telah dikaitkan dengan peningkatan jangka hayat dan penurunan risiko penyakit kardiovaskular. Aktiviti fizikal menghasilkan manfaat yang menyeluruh dari aspek fizikal, psikologi, dan sosial. Kanak-kanak yang tidak aktif mungkin membesar menjadi orang dewasa yang tidak aktif. Aktiviti fizikal membantu dengan;

- Mengawal berat badan
- Mengurangkan tekanan darah
- Meningkatkan kolesterol HDL (baik)
- Mengurangkan risiko diabetes dan beberapa jenis kanser

- Memperbaiki kesejahteraan psikologi (termasuklah keyakinan diri dan harga diri yang tinggi)
- Mengajar semangat berpasukan

(Persatuan Jantung Amerika Syarikat)



Sejumlah 21 peratus kanak-kanak berumur 6–17 tahun di Amerika Syarikat mengalami obesiti.

Kanak-kanak obes ini berkemungkinan besar membesar menjadi orang dewasa yang obes juga. Obesiti bagi orang dewasa boleh meningkatkan risiko diabetes, sakit jantung, strok, kanser dan masalah kronik lain. Kaedah terbaik untuk melawan obesiti dan penyakit-penyakit lain adalah melalui senaman, bermula dari zaman kanak-kanak. Senaman meningkatkan kekuatan, kelenturan dan daya tahan tubuh badan. Ia penting khususnya untuk kanak-kanak berumur dua tahun dan ke atas. Bagi kanak-kanak, senaman bermaksud bermain dan menjadi aktif berterusan. Kanak-kanak yang aktif akan mempunyai otot dan tulang yang kuat, badan yang sihat dan mempunyai sikap serta pandangan yang lebih baik terhadap kehidupan. Kanak-kanak yang tidak aktif mudah mendapat penyakit, strok, obesiti dan kolesterol HDL (baik) yang rendah. Senaman membantu anak-anak mendapat tidur yang baik, dan menjadikan mereka lebih mudah mengendalikan cabaran fizikal dan emosi harian seperti berlari mengejar bas pada pagi hari, membongkokkan badan untuk mengikat tali kasut, atau belajar untuk ujian. Anak-anak yang tidak aktif secara fizikal selalunya akan membesar menjadi orang dewasa yang tidak aktif juga. (Pusat Kawalan Penyakit dan Pencegahan Penyakit, Amerika Syarikat).

KANAK-KANAK DAN KASUT

Dalam artikel yang diterbitkan oleh surat khabar Guardian, pakar kecergasan Sam Murphy membentangkan bahawa berjalan tanpa kasut adalah perkara terbaik untuk kanak-kanak. Beliau memberi amaran bahawa kasut kanak-kanak boleh membawa kesan buruk terhadap perkembangan otak mereka. Tracey Byrne, seorang podiatris

(pakar penjagaan kaki dan pergelangan kaki) yang mengkhusus dalam podopaediatric (penjagaan kaki untuk kanak-kanak) menyatakan bahawa berjalan tanpa kasut membantu perkembangan otot dan ligamen kaki, meningkatkan kekuatan telapak kaki, menyumbang kepada postur yang baik dan memperbaiki kesedaran kanak-kanak tentang di mana mereka berada dalam hubungannya dengan ruang di sekeliling mereka.

Kasut tidak sepatutnya menjadi satu fesyen semata-mata kerana kasut boleh merosakkan kaki kanak-kanak. Kajian daripada Jurnal Podiatri tahun 2007 berjudul The Foot menunjukkan bahawa terdapat kasut kanak-kanak yang sangat keras, tiada fleksibiliti yang diperlukan untuk aktiviti fizikal (yang membawa kepada halangan dalam pergerakan). Kaki lebih berisiko mengalami kerosakan akibat kasut yang tidak muat atau sempit. Berbahaya apabila kaki perlu diselaraskan dengan bentuk dan kesempitan kasut itu sendiri, berbanding dengan dibiarkan berkembang secara semula jadi.

Ibu bapa perlu meletakkan keutamaan kepada kasut yang bersifat ergonomik berbanding fesyen atau hiasan yang menarik semasa membeli kasut anak-anak. Ibu bapa juga seharusnya menggalakkan mereka keluar dengan berkaki ayam lebih kerap (terutamanya di dalam rumah, dan di mana-mana yang sesuai). (Murphy 2010)

CARA MENGGALAKKAN AKTIVITI KEPADA KANAK-KANAK

- Ibu bapa boleh melakukan pelbagai cara untuk membantu anak-anak mendapat tabiat melakukan senaman. Berikut disenaraikan beberapa cadangan:
- Kurangkan masa anak-anak menonton televisyen dan bermain permainan video.

Disebabkan bimbang tentang keselamatan, ramai kanak-kanak dibiarkan menonton televisyen dan melakukan kerja sekolah sehingga ibu bapa pulang ke rumah. Secara idealnya, kanak-kanak perlu aktif selepas waktu sekolah dan belajar selepas daripada itu.

- Galakkan kanak-kanak mengambil bahagian dalam aktiviti yang bersesuaian dengan usia mereka. Kanak-kanak di bawah usia dua tahun tidak sepatutnya menonton televisyen langsung. (Akademi Pediatrik Amerika Syarikat).
- Ajari anak-anak bahawa aktiviti fizikal itu menyeronokkan dan terdapat pelbagai variasi senaman seperti lumba lari, galah panjang, baling selipar dan sebagainya. Sekiranya kanak-kanak seronok bersenam, maka mereka akan berminat untuk meneruskan aktiviti bersenam tersebut.
- Jangan jadikan kecerdasan fizikal sebagai hukuman. Ia amalan yang tidak baik sekiranya guru mengarahkan pelajar untuk berlari lima pusingan akibat kesalahan yang dilakukan mereka.
- Ibu bapa adalah contoh kepada anak-anak dan perlu bersenam secara berkala. Gunakan tangga berbanding dengan lif, berjalan berbanding dengan memandu, dan berjogging berbanding dengan berjalan.
- Libatkan semua ahli keluarga untuk bersama-sama melakukan senaman. Ibu bapa tidak sepatutnya hanya duduk di atas sofa dan memberitahu anak-anak untuk keluar bermain.
- Menggabungkan aktiviti fizikal secara berkala dengan diet sihat adalah kunci bagi gaya hidup sihat. Kanak-kanak perlu makan buah-buahan, sayuran dan bijirin penuh secara teratur.

- Galakkan aktiviti menarik yang boleh meningkatkan kekuatan, fleksibiliti dan ketahanan. Kekuatan boleh dibina melalui aktiviti yang ringkas seperti bergayut pada palang gayut (monkey bar), melakukan dirian tangan (berdiri menggunakan tangan, dengan tangan dan kaki ke atas) atau bergusti. Galakkan pertandingan dalam aktiviti senaman seperti bangun tubi (sit-ups), bergantung pada palang besi dan menarik tubuh sehingga bahu sejajar dengan palang besi (pull-ups) dan tekan tubi (push-ups).
- Ajari anak-anak senaman aerobik. Jantung akan berdengup kencang dan menyebabkan

seseorang bernafas dengan lebih kuat. Ini akan menguatkan jantung dan menyebabkannya menghantar oksigen dengan lebih banyak ke sel-sel badan. Senaman aerobik termasuklah bola baling, bola tampar, berbasikal, bola sepak, berenang, tenis, berjalan, berjoging dan berlari.

CADANGAN JADUAL SENAMAN

Jadual senaman untuk kanak-kanak penting bagi pertumbuhan fizikal mereka. Jumlah senaman minimum bergantung pada umur mereka. Persatuan Kebangsaan bagi Pendidikan Sukan dan Fizikal (NASPE) mencadangkan jadual seperti berikut;

UMUR	AKTIVITI HARIAN YANG MINIMUM	KOMEN
Bayi	Tiada keperluan spesifik	Aktiviti fizikal menggalakkan perkembangan motor
Anak Tatih	1 ½ jam	30 minit untuk aktiviti fizikal yang telah dirancang DAN 60 minit aktiviti tidak berstruktur (bebas)
Prasekolah	2 jam	60 minit untuk aktiviti fizikal yang telah dirancang DAN 60 minit aktiviti tidak berstruktur (bebas)
Kanak-kanak yang bersekolah	1 jam atau lebih	Dipecahkan kepada beberapa sesi senaman selama 15 minit atau lebih setiap satu

Saranan daripada Persatuan Jantung Amerika Syarikat

- Semua kanak-kanak berusia dua tahun dan ke atas sepatutnya mengambil bahagian di dalam sekurang-kurangnya 30 minit aktiviti yang menyeronokkan dan berintensiti sederhana setiap hari.
- Kanak-kanak sepatutnya menjalankan aktiviti fizikal yang lasak selama 30 minit, 3-4 hari seminggu untuk mencapai dan mengekalkan tahap kecergasan jantung dan paru-paru yang baik.
- Sekiranya kanak-kanak tidak dapat bersenam selama 30 minit penuh setiap hari, maka senaman tersebut boleh dipesekah pada 2 sesi 15 minit setiap satu atau 3 sesi 10 minit setiap satu.

Sabda Rasulullah ﷺ

"Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disayangi oleh Allah berbanding dengan mukmin yang lemah dan pada setiap satunya ada kebaikan."

(Hadith Riwayat Muslim)

Perkataan ‘qawiy’ dalam hadith ini merujuk kepada kekuatan iman dan badan.

Peraturan “gunakannya atau ia akan hilang” terpakai kepada badan, ligamen, otot jantung dan sel otak. Senaman fizikal adalah suatu kemestian (bukan pilihan) untuk perkembangan diri. Walaupun mencapai keadaan fizikal yang sihat adalah baik, mengekalkannya supaya tetap sihat adalah usatu cabaran yang besar. Kecergasan fizikal mempunyai kesan yang positif terhadap tahap tenaga, keadaan mental dan aspirasi spiritual. Jika anda berlari pada hari Isnin, dan tidak berbuat demikian sehingga salah hari Jumaat, jangan cuba menggandakan larian pada hari Jumaat tersebut. Jangan memberi tekanan berlebihan kepada badan anda. Teruskan berlari dan bersenam di gimnasium atau di luar pada bila-bila masa yang anda mampu.



Bayi juga memerlukan senaman di antara waktunya makan dan tidur mereka setiap hari. Bagi bayi yang baru lahir sehingga satu tahun, anda boleh baringkan mereka dan pusingkan kaki mereka perlahan-lahan seperti mengayuh basikal. Tiarapkan mereka untuk menggalakkan mereka mengangkat kepala. Baringkan mereka di atas selimut di atas lantai bagi membolehkan mereka menggerakkan badan dan mencapai mainan atau sebarang objek yang selamat.

Tidur

Kanak-kanak mesti mendapat tidur yang mencukupi untuk kesihatan yang sempurna dan menjalankan fungsi harian dengan baik. Kebiasaannya, tabiat tidur semasa bayi berkekalan sehingga usia dewasa. The Better Sleep Council (Majlis Tidur Yang Lebih Baik) di Amerika Syarikat melaporkan hampir dua pertiga daripada orang awam menyatakan bahawa prestasi kerja mereka terjejas akibat tidak cukup tidur (26 peratus lelaki dan 13 peratus wanita mengakui terlelap di tempat kerja). Tidur seharusnya berlaku pada waktu malam. Badan kita dicipta untuk bangun pada waktu siang dan tidur pada waktu malam. Badan kita dicipta untuk berehat di antara waktu malam dan subuh (matahari terbit dan matahari terbenam). Sudah semestinya bagi kes-kes tertentu, sedikit penyesuaian perlu dilakukan pada waktu-waktu ini. Contohnya di bahagian utara Eropah, waktu malam singkat pada musim panas dan lebih panjang pada musim sejuk. Manakala pada pertengahan musim panas di Scotland, matahari terbenam sekitar jam 10.30 malam dan terbit sekitar jam 3.00 pagi (dengan hanya senja di antara kedua-duanya). Pada musim sejuk, matahari terbenam sekitar jam 3:30 malam dan terbit sekitar jam 9:00 pagi.

Dan kami telah menciptakan kamu berpasang-pasangan? Dan Kami telah menjadikan tidur kamu untuk rehat. Dan Kami telah menjadikan malam (dengan gelapnya) sebagai pakaian (yang melindung). Dan Kami telah menjadikan siang (dengan cahaya tenangnya) – masa untuk mencari rezeki.

(Surah an-Naba': ayat 8-11)

Tidur siang tidak dapat menggantikan tidur malam yang telah hilang. Tidur malam yang mencukupi membantu seseorang menjadi sihat dan mengurangkan risiko penyakit.

Sesetengah orang Islam mempunyai tabiat berjaga sepanjang malam pada bulan Ramadhan dan tidur pada siang hari! Menukar malam kepada siang dan siang kepada malam bukan maksud puasa yang sebenar. Ini akan mengganggu corak alami ritma tubuh badan kita. Dengan terbenamnya matahari, satu mekanisma sensitif yang berada di dasar otak kita akan mula merembeskan signal kimia kepada bahagian-bahagian badan untuk merangsangnya supaya berehat dan bersedia untuk tidur.

Apabila menghampiri malam, kita akan mula menguap, kelopak mata semakin berat, dan pergerakan kita juga semakin perlakan. Apabila kita tidur, tempat masuk penerimaan pada otak akan dihalang daripada dunia sekeliling kita. Tidur dikawal oleh hormon melatonin dan serotonin pendahulunya. Kedua-dua bahan kimia ini mengawal keberkesanannya tidur dengan bantuan waktu malam yang gelap. Pembalikan siang dan malam secara tidak semula jadi mengganggu “jam biologi” yang mendorong kita untuk bangun dengan perasaan yang segar, bertenaga, dan sedar pada waktu pagi. Gangguan terhadap jam

semula jadi ini akan menyebabkan tidur kita juga terganggu dan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan badan dan minda kita.

Tidur yang tidak cukup menyebabkan tindak balas dan keupayaan mental menurun serta refleks dan reaksi fizikal menjadi perlakan. Perkara ini adalah berbahaya khususnya semasa bekerja dan memandu, iaitu aktiviti yang memerlukan kewaspadaan. Tindak balas yang lemah menyumbang kepada ketidakcekapan, salah jangkaan atau kesilapan, dan kemalangan. Oleh sebab kehilangan tidur bersifat kumulatif, otak kita menyimpan rekod hutang ini dengan tepat dan ia perlu diganti dengan waktu tidur berkualiti yang mencukupi. Kebanyakan ahli sains menyarankan tujuh hingga sembilan jam tidur malam untuk kepuasan mental dan prestasi fizikal. Semakin kurang kita tidur, semakin kita menjadi kurang produktif dan bertenaga. Kurang tidur juga akan menyebabkan perasaan cepat marah dan terhuyung-hayang serta melemahkan kemahiran kognitif kita.

KESAN PERUBATAN BAGI KEKURANGAN TIDUR

Penurunan kualiti tidur juga mengganggu penggantian sel imuniti dan rangsangan sel serangan imun, menjelaskan mekanisma pertahanan diri dan meningkatkan risiko jangkitan dan penyakit. Corak tidur yang baik meningkatkan kesihatan, memori, kewaspadaan, tindak balas mental dan refleks fizikal. Tidur yang betul membolehkan kita bekerja secara efektif dan bertanggungjawab. Tidur yang mencukupi dapat menghindari kesilapan, keputusan yang salah, pembaziran wang dan kemusnahan yang mungkin mengancam nyawa. Badan dan minda kita saling

berhubung. Otak, sistem saraf dan sistem imun berhubung melalui neurotransmitter, sekumpulan bahan kimia dalaman yang menghantar isyarat dari satu neuron ke neuron yang lain, yang dirembeskan oleh sistem saraf simpatik. Tidur yang merehatkan meningkatkan tenaga, perasaan, ingatan, keupayaan berfikir dan fokus.

Selain menyebabkan penglihatan yang kabur dan terlelap dalam mesyuarat pada waktu tengah hari, gagal mendapat tidur yang mencukupi atau tidur tidak pada waktunya meningkatkan risiko mendapat pelbagai jenis penyakit, termasuklah kanser kolon dan payu dara, diabetes, sakit jantung dan obesiti.

Masyarakat di Barat sedang beralih kepada masyarakat yang bekerja 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dan tidak mendapat tidur yang mencukupi seperti yang pernah dilakukan mereka dahulu. Epidemik obesiti berlaku akibat didorong oleh penurunan purata jumlah jam tidur, berkemungkinan menyebabkan gangguan protein dan hormon yang mengawal selera makan.

Kajian fisiologi menyatakan bahawa kekurangan waktu tidur boleh meletakkan badan kepada situasi kewaspadaan yang tinggi, meningkatkan penghasilan hormon stres dan meningkatkan tekanan darah; faktor risiko besar yang menyebabkan serangan jantung dan strok.

Mereka yang kekurangan tidur akan meningkat keradangan di dalam badan yang merupakan risiko utama untuk sakit jantung, strok, kanser dan diabetes. Tidur sebentar boleh membantu mengatasi kesan-kesan buruk akibat kurang tidur. Tidur mempengaruhi fungsi lapisan di dalam saluran darah kita yang menjelaskan mengapa ramai orang terdedah kepada penyakit jantung dan strok pada waktu awal pagi. "Melatonin boleh menghalang sel tumor daripada membesar – ia merupakan pelindung daripada masalah kanser," menurut Eva Schernhammer dari sekolah Perubatan Harvard. Sekiranya anda terdedah kepada cahaya pada waktu malam, badan anda akan menghasilkan kurang melatonin dan akan meningkatkan risiko kanser kepada diri anda. (Stein 2005)



Analisis terhadap 10,000 orang dewasa mendapati bahawa mereka yang berusia di antara 32 dengan 49 tahun, yang tidur kurang dari tujuh jam satu malam lebih cenderung menjadi obes. (Stein 2005)

Kanser ganas yang lain termasuklah kanser prostat, boleh juga dikaitkan dengan kekurangan tidur. Orang yang mengalami gangguan tidur atau mereka yang berjaga sehingga lewat malam atau sering terjaga pada waktu tengah malam mengalami masalah yang sama. Malah, masalah kekurangan tidur yang ringan juga mengganggu hormon ghrelin dan leptin yang mengawal selera makan.

**Tidur awal, bangun awal,
menjadikan seseorang sihat,
kaya dan bijak**
(Benjamin Franklin)



Perkara yang Memabukkan: Mencegah Arak dan Dadah

Bagi menyambung tema kita yang berfokus pada kesihatan fizikal, ibu bapa dan anak-anak mesti menghindari penggunaan bahan-bahan yang memabukkan termasuklah rokok kerana ia berbahaya kepada ibu hamil, bayi dan sperma.

Sedikit pencegahan lebih bernilai daripada sejumlah besar rawatan

Rokok adalah secubit tembakau yang digulung pada kertas dengan api di satu hujung dan orang yang bodoh di hujung yang lain.

Ketagihan arak atau dadah memerlukan rawatan perubatan dan psikologi. Nasihat-nasihat selepas ini diharap dapat membendung ketagihan arak dan dadah. Masalah-masalah besar tidak semestinya disebabkan oleh kesalahan besar tetapi disebabkan beberapa faktor kecil. Sekiranya ibu bapa berjaya mencipta suasana keluarga yang bahagia dan penyayang, anak-anak mereka akan kurang mencari kepuasan di luar rumah.

Arak dan pengambilan dadah seperti marijuana, kokain, heroin dan LSD boleh menyebabkan kerosakan besar pada sel-sel otak; begitu juga sistem reproduksi, peredaran darah dan pernafasan. Dadah-dadah ini menyebabkan kerosakan otak yang mengakibatkan tingkah laku ganas, gangguan persepsi realiti dan kurangnya motivasi. Penyalahgunaan walaupun dadah yang ringan seperti marijuana boleh dikaitkan dengan penyakit skizofrenia.

KANAK-KANAK DAN GODAAN

Kanak-kanak mungkin dipelawa oleh rakan-rakan mereka untuk mencuba dadah yang haram. Mereka harus bertegas dalam tekad mereka untuk kekal bebas daripada arak dan dadah. Tempoh remaja (usia 14–20 tahun) adalah waktu paling mencabar dalam kehidupan. Mencari ilmu dan pemahaman tentang dadah adalah sangat penting. Cuba berlakon dengan anak-anak bagaimana untuk mengatasi situasi digoda atau ditekan oleh kawan-kawan untuk mengambil dadah.

Seorang daripada dua orang di Amerika Syarikat minum arak atau telah mencuba dadah yang haram. Hanya bercakap tentang kemudaratannya tidak menghalang seseorang daripada minum arak atau merokok. Malah ironinya, menonton filem yang buruk tentang kesan rokok di dalam paru-paru boleh menyebabkan seorang perokok segera



keluar untuk merokok. Tekanan terhadap perkara ini perlu dibincangkan; begitu juga dengan cara menolaknya.

Ibu bapa perlu menjelaskan kepada anak-anak alasan di sebalik cubaan mengambil dadah yang kebanyakannya disebabkan kesan rasa “indah”. Perasaan “indah tiruan” ini hanya sementara dan akan diikuti oleh rasa “teruk”. Anak-anak menganggap bahawa ibu bapa menipu mereka apabila mereka bertemu dengan orang-orang yang menikmati dadah, kecuali mereka diberitahu terlebih tentang kesan perasaan “indah” ini. Mereka perlu memahami bahawa kenikmatan datang bersama harga yang tinggi dalam jangka masa pendek dan kesakitan dalam jangka masa panjang. Al-Qur'an menggambarkan dengan tepat kedua-dua isu ini apabila merujuk kepada arak dan judi, seperti berikut:

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad ﷺ) tentang arak dan judi. Katakanlah: “Pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa

kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang akan mereka belanjakan (dermakan)? Katakanlah: “Dermakanlah - apa-apa yang berlebih daripada keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir:

(Surah al-Baqarah, ayat 219)

Justeru itu, manfaat minum arak yang sederhana dan bersifat sosial dan sedikit kebaikannya terhadap jantung atau otak mungkin sebahagiannya benar. Walau apa pun, mudarat keseluruhan jauh mengatasi kebaikannya.

TANDA-TANDA AWAL PENGAMBILAN DADAH: APA YANG BOLEH DILAKUKAN IBU BAPA?

Terdapat banyak tanda pengambilan dadah dan antara yang biasa adalah kertas timah yang hangus, pemegang sudu yang bengkok, mangkuk atau penutup tin yang terbakar, cermin dan pisau cukur, kertas-kertas yang berselerakan, kertas rokok, penitis cecair mata, botol pil, percikan darah di dalam bilik air atau di baju remaja, keengganan menyelak lengan baju, perubahan selera makan, kempungan makanan manis secara tiba-tiba, tidak boleh tidur, sangat sukar untuk bangun pagi, panggilan telefon yang pelik, tingkah laku sembrono dan sifat berahsia. Kanak-kanak boleh ketagihan dadah tanpa berkerut atau bermata liar dan melakukannya dengan penuh rahsia. Sekiranya ibu bapa berasa curiga terhadap anak, mereka mesti melihat atau memerhatikan anak mereka sama ada mereka sakit mulut, bibir atau hidung dan sama ada mereka kelihatan mabuk atau tidak tentu arah. Sekiranya ibu bapa tahu mereka berkawan dengan ‘mat gian’, ibu bapa harus berjaga-jaga.

Perkara-perkara yang Boleh Dilakukan Ibu Bapa untuk Menghalang Penggunaan Bahan Memabukkan

- Kuatkan keimanan keluarga dengan apa cara sekalipun. Keimanan adalah pertahanan paling ampuh. Dadah, arak dan judi diharamkan kepada orang Islam. Perkataan ‘khamr’ yang digunakan dalam ayat 219 surah al-Baqarah bermaksud bahan yang diperam dan memabukkan dan pengharaman ini terpakai kepada semua bahan yang merosakkan minda dan membuatkan pelakunya hilang kawalan diri.
- Didik keluarga tentang keburukan merokok, minum arak dan dadah dan sedarkan mereka tentang kesan-kesan berbahaya perkara-perkara ini. Penerangan ibu bapa akan menjadi lebih berkesan sekiranya amak-anak benar-benar dapat melihat seseorang yang menderita akibat penyalahgunaan dadah. Mereka boleh ditugaskan untuk menulis tentang bahaya dadah dan arak dari segi sosial, perubatan dan ekonomi dan mereka juga boleh ditugaskan untuk membentangkannya. Sekiranya mereka memerlukan wang untuk kajian mereka, berikannya.
- Seliaan orang dewasa adalah penghalang yang paling baik. Anak-anak muda tidak akan melakukan perkara berbahaya sekiranya ada orang dewasa yang memerhatikan mereka. Mereka tidak dibenarkan keluar malam atau tinggal berseorongan di rumah sementara ibu bapa berada di luar. Ibu bapa perlu menjadikan sebagai amalan untuk bergaul dengan seluruh keluarga pada bila-bila masa yang mungkin. Rancang untuk memaksimumkan masa bersama di dalam dan di luar rumah. Selain itu, terlalu banyak wang yang dihabiskan untuk

anak remaja akan merosakkan mereka dan membolehkan mereka membeli dadah yang terlarang.

- Sekali-sekali, ibu bapa perlu memeriksa bilik anak mereka. Jelaskan dengan tegas bahawa mereka sedar yang anak mereka memerlukan kebebasan peribadi. Ibu bapa tidak perlu mengatakan “Saya melakukan ini untuk kebaikan kamu,” tetapi “Saya bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keadaan diri kamu.” Ini bukan sekadar pencerobohan kebebasan peribadi yang rawak tetapi pemeriksaan untuk alasan yang betul yang selalunya dapat difahami remaja. Poket, beg dan dompet juga perlu diperiksa dari semasa ke semasa tanpa pengetahuan mereka.
- Terlalu banyak kebebasan peribadi boleh menjadikan anak-anak tidak produktif. Mereka tidak sepatutnya dibenarkan memiliki set televisyen, telefon atau komputer berinternet di dalam bilik mereka. Alcohol Concern (2009) menarik perhatian tentang sejumlah besar peningkatan arak yang diminum oleh remaja berusia 1-13 tahun di United Kingdom.
- Pilih kawan-kawan yang betul. Ibu bapa patut memilih kawan-kawan yang betul untuk anak mereka dalam kalangan masyarakat, sanak-saudara dan jiran-jiran. Mencari kawan yang yang betul adalah suatu usaha yang berbaloi.

Kadangkala, walaupun pelbagai usaha pencegahan telah dilakukan, masih ada anak-anak kita yang akan mengalami masalah. Jangan panik. Sakit hati, marah dan penderitaan yang terjadi akibat masalah yang berlaku boleh jadi keterlaluan. Nasihat profesional bersama kaunseling akan membantu ibu bapa menyelesaikan masalah ini. Perkara yang penting adalah ibu bapa harus mengawal perasaan mereka

dan meletakkan situasi ini ke dalam perspektif. Dalam banyak kes, banyak perkara dapat dilakukan dengan bantuan profesional untuk mencari sebahagian atau keseluruhan penawarnya. Isu rawatan dan campur tangan akan menjadi langkah yang logik untuk dipertimbangkan. Apa yang tidak patut dilakukan ibu bapa adalah bersembunyi atau gagal mendapatkan bantuan disebabkan stigma mempunyai penagih di dalam keluarga atau bimbang dengan akibat undang-undang. Untuk membantu mengelakkan kemarahan yang keterlaluan, ibu bapa boleh membayangkan bahawa itu bukan anak mereka tetapi kawan kepada anak mereka yang datang meminta nasihat. Ia boleh menjadi "alat" yang berguna untuk berfikir dengan tenang dan mencari solusi yang sesuai tanpa ledakan emosi. Tiada siapa yang berseorangan dalam kesukaran ini kerana di luar sana masih terdapat jutaan keluarga yang mengalami perkara yang sama.

Ibu bapa perlu berkongsi dengan anak-anak mereka perkara-perkara berikut:

1. ARAK ADALAH IBU SEGALA KEJAHATAN

Sebuah kisah tentang bahaya bahan-bahan yang memabukkan diriwayatkan oleh Uthman bin Affan: Seorang lelaki pernah dipaksa untuk memilih antara lima kejahatan; mengoyakkan al-Qur'an, membunuh seorang bayi, menyembah berhala, minum arak atau berzina. Dia fikir kejahatan yang paling ringan adalah minum arak. Dia minum arak dan kemudiannya dia berzina, membunuh bayi, mengoyakkan al-Qur'an dan tunduk kepada penyembahan berhala. Pelajarannya adalah arak boleh menjadi ibu kepada semua kejahatan.

2. KOKAIN MENCEDERAKAN JANIN

Semasa pertengahan tahun 1980-an di Amerika Syarikat, berlaku satu epidemik kokain. Doktor

kanak-kanak memerhatikan bahawa bayi yang dilahirkan oleh ibu yang mengambil kokain tidak seperti bayi-bayi yang lain. Mereka kurang berat badan, menggeletar, tidak berhenti menangis, menolak untuk dipeluk atau disentuh dan mereka terkejut dengan sekecil-kecil bunyi. Apabila mereka menghampiri usia persekolahan, ramai di antara mereka tidak dapat duduk diam atau memberi fokus walaupun pada aktiviti-aktiviti yang digemari mereka. Bayi-bayi kokain tersebut adalah satu generasi yang rosak (Begley 1998).

3. TIDAK SEMUA ANAK ITU BEBAS DARIPADA MASALAH

Pada tahun 1987, Presiden kepada Remaja Muslim Amerika Utara menjemput Ketua Polis Herndon, Virginia untuk mengadakan seminar tentang Pencegahan Mabuk di Auditorium IIIT di Herndon. Ketua Polis tersebut menceritakan kisah berikut:

"Saya menerima banyak aduan tentang barang-barang hilang di satu kawasan. Saya mensyaki seorang remaja lelaki berusia 14 tahun. Jadi, saya pergi ke rumahnya bersama waran untuk memeriksa bilik remaja tersebut. Ibu bapanya dengan empati berkata, "Tidak mungkin anak kami yang melakukannya. Dia seorang anak yang sangat baik." Saya bertanya, "Pernahkah tuan periksa biliknya?" Mereka menjawab, "Tidak pernah. Dia mengatakan bahawa itu bilik peribadi dan kami tidak dibenarkan memasukinya. Dia selalu mengunci biliknya." Apabila saya memecah masuk bilik itu, saya menemui barang-barang yang hilang: televisyen, kamera, radio, jam dan barang kemas. Saya menasihati ibu bapa itu: "Walaupun tuan memberikannya bilik peribadi, tuan adalah tuan rumah ini. Tuan ada hak untuk masuk dan itu tanggungjawab tuan untuk memeriksanya dari semasa ke semasa!"

Bolehkah perkara ini berlaku kepada anak anda? Tidak mungkin berlaku sekiranya anda mengikuti nasihat Ketua Polis tersebut!

NASIHAT DARIPADA PENAGIH ARAK KEPADA PARA REMAJA

Segelas arak adalah terlalu banyak tetapi sebalang arak tidak cukup!

Jangan sekali-kali berfikir untuk minum arak walaupun segelas. Sebaik sahaja anda mula minum, anda tidak akan rasa pernah cukup walaupun sebalang arak yang anda minum!

Kemudian anda akan mencari barang yang lebih kuat, dadah yang berbahaya.

KETAGIHAN LWN. HUBUNGAN RUMAH TANGGA YANG SIHAT

Ibu bapa sepatutnya bertanya kepada diri sendiri satu persoalan asas: "Adakah kita mempunyai perhubungan yang sihat dengan anak kita? Atau adakah kita merasa terputus daripada mereka?" Hubungan yang sihat boleh didefinisikan sebagai perasaan bersemangat dan teruja melihat anak kita dan sebaliknya. Apabila seseorang merasa berhubung dengan orang lain, mereka mahu berada dekat dengannya dan mereka suka berkongsi pendapat dan berbicara dengan mereka.

Orang menjadi ketagih arak dan dadah apabila mereka merasa terputus. Di Amerika Syarikat, lebih daripada enam puluh juta orang terkesan dengan arak. Mereka tidak suka bermain, bercakap atau berfikir dengan anak-anak mereka. Apabila perubungan antara ibu bapa dan anak-anak terputus, arak, dadah dan rokok memberi anak-anak kepuasan gantian yang diidamkan mereka. Mereka berhubung dengan sesuatu yang dapat memberi mereka kegembiraan dan kepuasan.

Manusia perlu belajar bagaimana untuk berhubung dan rapat kepada saudara mereka. Dengan melalui pengalaman dan kesusahan yang sama, ahli keluarga menjadi lebih rapat dan ikatan antara mereka lebih kuat. Tanggungjawab ibu bapa adalah memerhatikan secara berterusan terhadap anak-anak dan campur tangan tepat pada masanya. Tidak ada rehat daripada tugas ini. Seperti kita menolak troli menaiki bukit dengan perlahan, sekali kita berhenti, troli itu akan berundur kembali ke belakang dengan lajunya.

Sekiranya anak-anak mereka menghadiri majlis pertemuan dengan rakan-rakan mereka, ibu bapa perlu mengambil tahu apa sebenarnya yang berlaku dalam majlis itu. Ibu bapa pasti terkejut apabila mengetahui bahawa ada anak-anak yang dilaporkan minum arak dan mengambil dadah bersama-sama dengan kumpulan remaja beragama, kumpulan muzik, guru-guru, kaunselor sekolah, doktor dan pegawai polis, di dalam dan di luar sekolah! Ibu bapa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab mereka dengan memikirkan bahawa anak-anak mereka berada dalam keadaan selamat. Percaya semata-mata tidak mencukupi. Mereka perlu memastikannya.

Ibu bapa juga patut mengambil tahu tentang pengasuh anak-anak mereka. Pengasuh ini mungkin memeriksa almari ubat di rumah untuk mencari ubat tidur untuk diberikan kepada anak-anak anda supaya mereka tidur dan pengasuh itu dapat berseronok-seronok. Kebiasaannya, pengasuh terbaik adalah datuk dan nenek yang memiliki kasih sayang dan pengalaman yang diperlukan.

Bina hubungan yang sihat bersama anak-anak anda dengan menjadi model ikutan kepada mereka. Apakah yang patut diberitahu oleh ibu bapa kepada anak-anak sekiranya mereka sendiri terlibat dengan rokok, arak dan dadah? Tidak ada pengganti yang lebih baik daripada ibu bapa sendiri

untuk menjadi model ikutan kepada anak-anak. Walau bagaimanapun, sekiranya ibu bapa ketagihan pada perkara-perkara ini dan belum mampu untuk membersihkan diri mereka, perkara minimum yang boleh dilakukan adalah mengakui kekurangan diri mereka. Jelaskan tentang keburukan perkara-perkara ini kepada mereka dan nasihati mereka

supaya mengelakkan diri daripada membuat kesilapan yang sama. Tunjukkan kepada mereka bagaimana arak dan dadah adalah suatu tragedi. Menipu atau bersikap hipokrit akan membuatkan keadaan menjadi lebih buruk kerana anak-anak akan menganggap bahawa penipuan dan hipokrit itu sesuatu yang boleh diterima.

Bolehkan Anak Diselamatkan jika Ibu Bapa Merokok atau Mengambil Dadah? Sebuah Kisah Peribadi!

Walaupun kedua-dua orang tua saya perokok tegar, saya tidak pernah melakukannya. Mengapa? Kerana ayah saya pernah memberitahu saya, "Anakku, ayah adalah mangsa kepada tabiat yang buruk ini. Ayah harap ayah dapat meninggalkannya tetapi ayah tidak kuat. Ini semua satu kesilapan dan sekarang ia merosakkan kesihatan ayah."

Apabila saya membersihkan paip rokok ayah yang penuh dengan tar dan pes hitam, dia memberitahu saya, "Semua racun yang hitam inilah yang memenuhi dada ayah sekarang ini!"

Sekiranya ibu bapa membuat kesilapan, mereka perlu mengakuinya dan menjelaskan kepada anak-anak akibat daripada perbuatan itu. Mudah-mudahan anak-anak akan memahami ibrah di sebalik itu dan menghindari semua amalan buruk tersebut. Prinsip ini boleh diguna pakai kepada apa-apa tabiat buruk yang lain seperti merokok, minum arak, berjaga malam, bangun tidur lewat, terlebih makan, mengigit kuku, bercakap terlalu kuat atau terlalu banyak dan tidur terlalu banyak. Bagaimanapun, ibu bapa mesti berhati-hati dalam memilih peringkat umur mana yang harus diberitahu dan juga suasana anak-anak ketika membuat penjelasan tersebut supaya anak-anak tidak hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap ibu bapa dan mereka masih menghormati ibu bapa selepas penjelasan tersebut dibuat.

PROGRAM PENJAGAAN SUSULAN: AGAMA SEBAGAI PENCEGAHAN

Sekiranya anak kita menjadi mangsa ketagihan pada perkara-perkara ini, terapi di pusat rawatan adalah salah satu fasa pengubatan. Penjagaan susulan adalah fasa penting seterusnya. Tanpa penjagaan susulan yang mencukupi, usaha keras yang dilakukan oleh ibu bapa, anak itu sendiri dan pusat rawatan menjadi sesuatu yang sia-sia. Penjagaan susulan bermaksud meneruskan kemajuan yang dicapai di pusat rawatan supaya penyembuhan dapat berlaku.

Ibu bapa selalu menghadapi kesukaran dengan penjagaan susulan. Program rawatan berjalan dengan begitu baik dan anak menjadi jauh lebih

baik sehingga ibu bapa tidak dapat membayangkan bagaimana anak mereka suatu masa dahulu boleh terjebak ke dalam perbuatan yang tidak bermoral tersebut. Walau bagaimanapun, apa yang penting adalah mereka meneruskan rawatan! Anak mereka baru melangkah sebelah kaki sahaja kepada pemulihan. Hanya satu panggilan telefon daripada kawan lama, satu langkah lama diambil semula atau satu tegukan atau suntikan boleh menjebakkan mereka semula!

Kemenangan atau kekalahan dalam peperangan akhir hanya akan ditentukan semasa program penjagaan susulan ini.

Scott (1989) menyatakan bahawa pusat-pusat rawatan untuk penyalahgunaan bahan-

bahan terlarang ini selalu memasukkan konsep spiritual ke dalam program rawatan mereka. Mereka mengambil pendekatan ini walaupun Tuhan diabaikan dalam bidang psikologi. Kaunselor-kaunselor profesional tahu bahawa program-program keagamaan memang berkesan berbanding dengan pendekatan lain.

Perhatian segera ibu bapa diperlukan dalam kes-kes berikut: Sekiranya anak mereka mahu membunuh diri, tidak dapat dikawal, membahayakan orang lain, memerlukan detoksifikasi kimia akibat penyalahgunaan bahan kimia, akan dihantar ke unit rehabilitasi atau dihukum untuk dihantar ke sekolah akhlak dan/ atau berada pada kumpulan yang salah.

Sekiranya ibu bapa dipaksa untuk pergi ke pusat rawatan kerajaan, mereka boleh mengatur lawatan mingguan bersama guru atau pemimpin agama untuk memastikan anak mereka tetap berada di jalan Tuhan.

Pelanggaran Undang-undang

Menggunakan bahan-bahan terlarang akhirnya akan membawa kepada perlenggaran undang-undang dan menjadi penjenayah juvana. Penjenayah juvana adalah orang di bawah 18 tahun yang dihukum di sisi undang-undang. Kebanyakan ibu bapa tidak percaya yang anak mereka akan dipenjarakan suatu hari nanti, namun perkara ini terjadi kepada ramai orang. Perkara ini dapat dihindari sekiranya ibu bapa membina perasaan hormat kepada undang-undang di dalam diri anak-anak. Sekiranya ibu bapa melanggar had laju di jalan raya, melanggar lampu isyarat merah, menipu di dalam penyata cukai, mencuri dari tempat kerja dan memberi alasan palsu untuk mendapat sijil cuti anak, maka

anak-anak akan berfikir bahawa undang-undang sebenarnya bukan perkara penting. Sekiranya ibu bapa menganggap pegawai polis sebagai musuh, anak-anak juga tidak akan menghormati pegawai polis.

Ada pendatang asing yang mempunyai kefahaman yang salah iaitu sebagai golongan minoriti, mereka bebas melanggar undang-undang negara itu memandangkan mereka berada di sebuah negara sekular. Untuk menyangkal salah faham ini, Syeikh Taha Jabir Alalwani, seorang pemegang amanah IIIT menyatakan:

Sebaik-baik sahaja seseorang memasuki negara asing, dia pada dasarnya telah menandatangani "kontrak" dengan negara itu untuk mematuhi perlumbagaan dan undang-undang negara tersebut. Dengan itu, seorang Muslim mesti mematuhi perjanjiannya seperti yang diarahkan oleh al-Qur'an dan Hadis secara jelas. Sekiranya dia tidak berniat untuk mematuhi, dia seharusnya tidak memasuki negara itu atau mengisyiharkan ketidakrelaannya untuk patuh dan mahkamah negara itu boleh mengusirnya keluar.

Sekiranya rakyat tidak menyukai sesuatu undang-undang, mereka boleh mengubahnya menurut undang-undang, mengikut prosedur demokrasi seperti yang diperincikan oleh perlumbagaan. Islam milarang mana-mana individu untuk mengambil tindakan sendiri tanpa mengikut undang-undang dan melanggar peraturan sesuka hati mereka. Perbuatan ini akan membawa kepada kekacauan dan ketidakadilan. Pada masa yang sama, seseorang Muslim tidak boleh melakukan ketidakadilan atas alasan undang-undang sivil telah membenarkannya.

Orang Islam juga tidak boleh mematuhi undang-undang yang memerlukan pelaksanaan perbuatan haram. Apabila undang-undang yang ada tidak adil, ketidakpatuhan sivil yang aman adalah cara untuk mengubahnya, seperti yang telah ditunjukkan oleh Thoreau, Gandhi dan Martin Luther King. Sebelum mereka itu semua, Nabi Muhammad ﷺ telah menentang para pemimpin Quraisy jahiliyyah dan memimpin pengikut-pengikut Baginda dalam kembara haji ke Makkah secara aman dan tanpa kekerasan, sehingga terlaksananya Perjanjian Hudaibiyah pada tahun 630 sebelum Masihi.



Aset yang Tidak Dapat Diganti: Tubuh Badan Anda Sebagai Amanah!

Kita memiliki aset tetap, aset boleh ubah dan aset boleh ganti. Namun, tubuh badan kita adalah aset yang tidak boleh ditukar ganti. Walaupun kita boleh membeli banyak kereta, rumah dan perabot, kita hanya ada satu badan dan ia adalah amanah daripada Tuhan. Kita mesti menjaganya dengan baik menurut manual arahan daripada Maha Pencipta. Peranan kita hanyalah sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab kepada-Nya terhadap aset yang paling bernilai itu. Ini diterjemah pada bidang-bidang besar yang lain seperti kebersihan, nutrisi, senaman yang mencukupi, tidur, mengelakkan bahan-bahan terlarang dan seks bebas.

Aktiviti

AKTIVITI 34: JADUAL PEMERIKSAAN PERUBATAN

Duduk bersama keluarga anda dan buat satu jadual pemeriksaan perubatan biasa termasuk pemeriksaan gigi. Berbincanglah dengan pustakawan, guru, jururawat, doktor atau hospital untuk satu jadual yang komprehensif. Sesalinan jadual tersebut hendaklah diberikan kepada semua ahli keluarga.

AKTIVITI 35: PELAN KECERGASAN FIZIKAL KELUARGA

Bincangkan status senaman fizikal yang berjalan dalam keluarga bersama anak-anak anda. Kemudian, buat satu perancangan tentang aktiviti fizikal dan hasilkan satu jadual senaman yang sederhana untuk diikuti. Cuba tambah jumlah senaman secara berperingkat. Cuba berjalan dan bukan memandu kereta dan sekali-sekala, cuci pakaian dengan tangan, bukan dengan menggunakan mesin basuh! Peruntukkan sedikit bajet untuk membeli peralatan sukan atau menjadi ahli kelab kesihatan dan makanan sihat.

AKTIVITI 36: BERI UCAPAN YANG BERMAKNA DEMI HUBUNGAN YANG LEBIH BAIK

Ketika bertemu dengan anak-anak, di sebalik ucapan Hai, Helo, Apa khabar, Helo, cuba berikan ucapan yang lebih ramah, mesra dan prihatin seperti:

- Adakah kamu makan makanan berkhasiat hari ini?
- Sudahkah kamu bersenam?
- Adakah kamu mendapat tidur yang cukup?
- Adakah kamu senyum kepada ibu bapa dan kawan-kawan kamu?

- Adakah kamu membaca sesuatu hari ini?
- Adakah kamu mencium, memeluk atau berjabat tangan dengan ibu bapamu?
- Adakah kamu menolong sesiapa hari ini?
- Adakah kamu melakukan perkara baik hari ini?
- Sudahkah kamu berdoa?

Tidak semestinya semua senarai tersebut harus diikuti. Sedikit sahaja sudah mencukupi. Tambah apa-apa isu yang berkaitan bergantung kepada konteks persekitaran anda.

AKTIVITI 37: TABIAT TIDUR

Jelaskan kepada anak-anak anda tentang tabiat tidur dan makan yang sihat:

Ibn Majah meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ lalu di sebelah orang yang sedang tidur meniarap di masjid. Baginda mengejutkannya dengan kaki lalu berkata, "jangan meniarap seperti itu kerana itu cara yang dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya." Begitu juga Rasulullah ﷺ melarang orang makan semasa berbaring atau meniarap.

BAB 12

Mengasuh Anak Lelaki dan Anak Perempuan: Adakah Mereka Berbeza?

- Pengenalan **242**
- Perbezaan khusus: Logik lwn. Emosi **242**
- Hubungan Emosi **245**
- Deria **246**
- Status **246**
- Ekspresi Wajah **247**
- Anggapan Stereotaip tentang Anak Lelaki dan Perempuan **247**
- Kesedihan **248**
- Perbezaan Seksual **248**
- Hikmah Perbezaan Gender: Peranan, Bukan Kecenderungan **249**
- Kajian tentang Keutamaan Lelaki dan Wanita di Amerika Syarikat **251**
- Bilakah Jurang Gender Bermula? **252**
 - *Wanita Maskulin dan Lelaki Lembut*
- Status Keibubapaan: Sudut Pandang Gender **255**
- Mengapa Tidak Seimbang **256**
- Mitos dan Realiti tentang Bapa Sebagai Penjaga **257**
- Kesan Ketiadaan Bapa Terhadap Anak-anak **258**
- Keperluan Berbeza antara Anak Lelaki dengan Anak Perempuan **258**
 - *Apa yang diperlukan Anak Perempuan*
 - *Apa yang diperlukan Anak Lelaki*
- Reaksi Rasional Terhadap Perbezaan Gender **262**
- Salah Faham tentang Gender dan Tingkah Laku **262**
- Kanak-Kanak Lelaki dan Perempuan Belajar dengan Cara Berbeza **264**
- Pemisahan Pelajar Lelaki dan Perempuan dalam Kelas dan Sekolah **266**
- Keibubapaan dan Gender: Pandangan Islam **268**
- Jalan Tuhan Adalah yang Terbaik: Contoh dari China, Jerman dan India **270**
- Aktiviti 38-40 **273**

Pengenalan



MEMBINCANGKAN PERBEZAAN ANTARA lelaki dengan perempuan penting dalam membantu kita memahami peranan dan keperluan mereka yang berbeza. Seperti mana ia memberi kesan langsung pada perhubungan antara suami dan isteri, ia juga memberi impak pada perhubungan antara ibu bapa dengan anak-anak. Hubungan yang sihat terbina atas perasaan saling memahami persamaan dan perbezaan antara jantina. Pandangan ibu bapa tentang apa yang membentuk perbezaan antara lelaki dengan perempuan mempengaruhi perhubungan anak-anak pada kemudian hari. Konsep dan pemikiran menjadi perkataan, perkataan menjadi tindakan, tindakan menjadi tabiat dan tabiat mengungkap personaliti.

Ini bukanlah perbincangan tentang gender mana yang lebih baik atau lebih penting, sedang al-Qur'an dan Hadith Rasulullah ﷺ jelas menerangkan isu ini seperti berikut:

Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang ma'ruf.

(Surah al-Baqarah: ayat 228)

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Wanita adalah pendamping bagi lelaki.

(Hadis riwayat Ahmad)

Oleh itu, Nabi Muhammad ﷺ meletakkan lelaki dan wanita pada taraf yang sama, menjalankan peranan yang berbeza tetapi saling melengkapinya, dan bukan sebagai lawan atau seterusnya.

Perbezaan Khusus: Logik Iwn. Emosi

Smalley (1995) menunjukkan sebahagian daripada perbezaan antara lelaki dengan perempuan seperti berikut:

- Perempuan (kromosom XX) mempunyai sistem daya tahan yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki (kromosom XY).
- Lelaki mempunyai sel darah merah lebih banyak daripada wanita. Disebabkan itu, lelaki memiliki aliran tenaga yang lebih banyak di dalam badan.
- Lelaki mempunyai lebih banyak otot, tempurung yang lebih tebal dan kulit yang lebih kasar daripada perempuan.

Lebih kurang 80 peratus daripada lelaki dan perempuan mengikuti pola ini: Wanita menggunakan kedua-dua belah bahagian otak, manakala lelaki lebih banyak menggunakan bahagian kiri otak. Wanita lebih peka daripada lelaki, kerana mereka lebih banyak mendengar dan merasa daripada lelaki. Dalam satu kajian, satu mesej dipancarkan melintasi skrin komputer. Golongan wanita boleh menulis apa yang dilihat, tetapi kumpulan lelaki saling bertanya antara satu sama lain, "Apakah kamu lihat itu? Saya tidak dapat menangkap perkataan tersebut."

Secara umumnya, golongan lelaki gemar menggunakan bahagian kiri otak, yang dipercayai terletaknya logik akal, keupayaan spasial, penaklukan, syarahan, perakaunan, dan kejuruteraan. Golongan wanita gemar

menggunakan bahagian kanan otak, yang dikatakan terletaknya perasaan, emosi, seni, sajak, cinta, muzik, dan keupayaan bercakap, walaupun mereka juga boleh menggunakan bahagian kiri otak. Golongan wanita kurang agresif, manakala golongan lelaki lebih suka berdebat, bercakap besar, dan semasa kanak-kanak lebih sukar diajar. Mereka tidak mempunyai masalah membaca peta kerana

mereka selalunya dilatih dalam keupayaan spasial. Kebolehan untuk berfikir dengan jelas lebih banyak dikesan pada otak lelaki berbanding dengan wanita walaupun kedua-dua mereka menggunakan keseluruhan otak. Selain itu, bahagian otak mana yang lebih gemar digunakan mungkin berbeza di kalangan lelaki (lelaki yang menyukai seni, memilih bahagian kanan otak dan lelaki dalam kumpulan sains memilih menggunakan bahagian kiri otak). (Baron-Cohen 2002; Gilmartin et al. 1984)

Lelaki dan wanita boleh menggunakan keduanya bahagian otak sekiranya mereka berlatih dan tahu tentang cara menggunakannya.

Gray (2003) menyatakan bahawa lelaki suka membuat keputusan, menakluk, memberikan penyelesaian dan mengembangkan pencapaian. Wanita suka meluahkan perasaan, berbincang tentang masalah mereka, dan menghargai orang-orang yang mengambil peduli tentang mereka, kerana itu mereka perlu dikasihi dan dilindungi. Lelaki cenderung menemui dan menyatakan fakta sementara wanita cenderung melahirkan perasaan dan emosi. Dalam satu kajian di Amerika, remaja perempuan dan lelaki diminta menyebut



sebarang perkataan yang ingin mereka sebutkan. Semua remaja perempuan mengatakan sesuatu berkaitan dengan "perkataan-perkataan perbualan", sementara 60 peratus daripada kalangan remaja lelaki hanya membuat bising daripada bercakap. Lelaki biasa Amerika bercakap 12,000 patah perkataan sehari, manakala golongan wanitanya bercakap lebih daripada 25,000 patah perkataan sehari. Semasa kelahiran, otot

bibir bayi perempuan bergerak lebih banyak berbanding dengan bayi lelaki (Eliot 2009).

Lelaki cenderung memberikan penyelesaian dalam setiap permasalahan. Sekiranya seorang isteri bersungut kepada suaminya, si suami akan cuba memberikan jalan penyelesaian. Wanita sebaliknya suka menyatakan rasa simpati dan kasih sayang.

Lelaki dilatih untuk menjadi lebih objektif dan rasional, manakala wanita dilatih untuk lebih bersifat peribadi. Seorang lelaki yang menonton permainan bola keranjang tidak berminat untuk mengetahui kehidupan pemain-pemain bola keranjang tersebut. Walau bagaimanapun, wanita lebih berminat menonton permainan tersebut sekiranya dia mengetahui nama para pemain dan keluarga mereka. Wanita dilatih untuk memberi fokus pada perhubungan dengan lebih mendalam berbanding dengan lelaki.

Lelaki pada suatu tahap, belajar untuk memisahkan diri mereka daripada persekitaran. Manakala wanita memperoleh identiti mereka daripada orang-orang yang mereka kenal dan melalui persekitaran mereka. Wanita tidak memisahkan diri mereka daripada rumah tangga,

anak-anak dan kerjaya mereka. Jika mereka terlupa mencuci pinggan mangkuk, mereka berfikir untuk pulang ke rumah dan mencucinya. Rumah adalah bahagian penting dalam kehidupan wanita. Seorang lelaki mempunyai perasaan berbeza terhadap rumahnya. Baginya rumah hanyalah tempat untuk berehat. Mencuci pinggan mangkuk pada masanya bukanlah satu keutamaan.

Lelaki cenderung mengingati perkara umum dalam hubungan yang mereka bina, sementara wanita belajar untuk memberi fokus pada perkara-perkara yang lebih terperinci, seperti apa yang mereka pakai dan makan pada hari ulang tahun pertama perkahwinan mereka.

Wanita mempunyai keinginan yang lebih kuat untuk memiliki perhubungan yang baik dan mereka mampu untuk mengenal pasti perhubungan yang tidak baik lebih cepat daripada lelaki. Beberapa orang pengkaji meminta beberapa pasangan untuk bertanya kepada diri mereka beberapa soalan seperti: Apakah status perhubungan kami pada skala 0-10? Apa yang patut kami lakukan untuk memperbaiki perhubungan kami supaya ia mendekati skala 10?

Lelaki cenderung menjawab soalan pertama dengan dua mata lebih tinggi daripada wanita, manakala wanita cenderung untuk menjawab dengan lebih tepat tentang kualiti perhubungan mereka.

Seseorang suami perlu untuk merasa cukup dan perkara ini berlaku ketika si isteri memujinya dan mengelak untuk mengkritiknya (kecuali si suami meminta sedemikian).

Wanita memerlukan lebih banyak tenaga emosi yang diperlukan untuk penjagaan bayi yang rapi. Lelaki mempunyai toleransi yang lebih rendah daripada wanita dalam urusan yang

melibatkan anak. Seorang bapa menjaga anaknya yang berusia empat tahun sehari suntuk. Dia membuat kesimpulan bahawa hukuman yang dia beri kepada anaknya atas kenakalan yang dilakukan sepanjang hari tidak pernah memadai. Tetapi seorang ibu tidak mungkin akan membuat kesimpulan sedemikian.

Secara emosi, seorang lelaki mempunyai kesukaran untuk berhubung dengan isterinya, tetapi tidak bagi wanita. Ini mungkin sebahagiannya disebabkan faktor biologi dan sebahagian lagi disebabkan faktor asuhan dan latihan. Wanita lebih mahir membina hubungan persahabatan yang rapat berbanding dengan lelaki.

Dr. Warren mengatakan apabila seorang klien datang bertemu beliau, beliau bertanya: "Siapakah tiga orang kawan rapat anda?" Klien wanita akan menjawab dengan cepat dan boleh memberikan banyak nama namun sukar untuk menyenarai pendek kepada tiga nama. Manakala klien lelaki pula, biasanya akan diam sejenak lalu diikuti dengan soalan "Apa sebenarnya maksud kawan rapat?"

Kebanyakan lelaki tidak pandai membina hubungan persahabatan yang rapat. Mereka suka bersama ketika menonton perlawanan, memburu atau memancing. Namun, adakah mereka kawan "rapat"?

(Wolgemuth 1996)

Berdasarkan cara kebanyakan lelaki dibesarkan, kecantikan bukanlah keutamaan dalam hidup mereka berbanding dengan kekuatan kewangan. Wanita pula biasanya dibesarkan untuk menumpukan diri pada kecantikan lebih daripada kekuatan kewangan. Seorang wanita diberitahu bahawa dia perlu kelihatan cantik untuk menarik perhatian lelaki supaya dia dapat mengikatnya kepada tanggungjawab untuk menyara keluarga.

Gur et al. (1999) telah menunjukkan bahawa otak wanita berfungsi dengan suhu yang sedikit tinggi, mengedarkan lebih banyak darah dan mengekalkan lebih sedikit keseluruhan cas badan. Seorang gadis lebih cepat matang daripada seorang remaja lelaki, misalnya mereka bercakap dan bergerak dengan lebih anggun pada usia yang lebih muda. Otak wanita dan lelaki kelihatan berkembang pada jalan yang berbeza walaupun tiada siapa yang tahu mengapa. Perbezaan ini sebenarnya tidak tetap kerana jurang tersebut boleh melebar dan boleh juga merapat, bergantung pada usia. Remaja perempuan lebih mudah menggunakan perkataan berbanding dengan remaja lelaki, walaupun pada tahun-tahun kemudian dia akan dapat menyamainya. Kajian pengimejan neuron cenderung menunjukkan bahawa perbezaan biologi akan menentukan jenis tingkah laku tertentu. Lelaki lebih memilih untuk menyerang secara fizikal manakala wanita secara lisan. Ini kecenderungan biasa tingkah laku manusia. Dalam keadaan ini, lebih mudah untuk menyimpulkan bahawa tingkah laku dikawal oleh biologi bukan budaya. Walau bagaimanapun, mencari perbezaan fungsi boleh mendedahkan banyak maklumat tentang budaya, sama seperti tentang biologi. Pada asasnya, otak kita hampir serupa, walaupun kita menggunakan dengan cara berbeza. Sekiranya kita meletakkan dua otak bersebelahan, kedua-duanya kelihatan sama dan kita perlu melihat dengan teliti untuk mencari perbezaannya. Perbezaannya tersangat kecil dan masih terlalu misterius untuk menyatakan bahawa kedua-duanya adalah organ yang berbeza. Walaupun manusia mungkin melakukan sebahagian perkara dengan cara berbeza, namun corak tingkah laku asas adalah sama antara lelaki dan wanita.



Hubungan Emosi

Hubungan emosi telah menjadi bahan stereotaip yang sering tertera di mana-mana. Wanita meminta komitmen dan lelaki mlarikan diri. Wanita meluahkan perasaan mereka dan lelaki menukar topik pada bola sepak. Wanita berkongsi perasaan mereka dengan rakan-rakan namun dianggap sebagai pendedahan yang tidak sepatutnya oleh lelaki. Adakah ini hanya persepsi? Dan sekiranya benar, dari mana datangnya persepsi ini?

Tindak balas emosi bayi yang berusia satu hari bukanlah disebabkan latihan atau proses sosial. Dalam satu ujian yang dilakukan dengan bayi-bayi hanya mendengar suara bayi lain menangis, atau bunyi haiwan, atau bunyi bahasa pelik yang dihasilkan oleh komputer, mereka memberikan respons emosi paling kuat terhadap suara manusia yang dalam kesusahan (Cassidy 1999). Bagaimanapun, bayi perempuanlah yang memberikan reaksi paling kuat pada bunyi atau suara kesusahan orang lain iaitu reaksi yang sentiasa ada dalam diri mereka di sepanjang kehidupan mereka. Kedua-dua jantina bayi memberikan tindak balas terhadap kesusahan orang lain, namun sejak hari pertama lagi, bayi perempuan lebih cenderung pada respons

empati. Wanita dapat menggambarkan dengan tepat bagaimana rasanya jika rangsangan yang dikenakan ke atas orang lain terjadi pada diri mereka sendiri. Wanita, untuk sekian lamanya telah berada di barisan pertama dalam persoalan memberi penjagaan terhadap keperluan orang lain. Mereka lah pertahanan pertama yang dimiliki bayi dalam menghadapi dunia ini.



Deria

Tidak hairanlah mengapa wanita memiliki deria rasa yang sempurna. Deria bau wanita lebih tajam daripada lelaki (terutamanya ketika ovulasi), dan mereka lebih sensitif jika disentuh berbanding dengan lelaki. Kemampuan berkomunikasi dengan sentuhan adalah penting demi kelangsungan hidup yang sihat untuk kanak-kanak. Apabila bayi pramatang disentuh walaupun sekadar sentuhan perlahan, mereka akan membesar dan matang dengan lebih cepat. Berat mereka mencapai 47 peratus lebih cepat daripada bayi yang dibiarkan bersendirian, walaupun kedua-dua mereka menerima jumlah makanan yang sama banyak (Dodd 2005). Suara ibu juga sepadan dengan sensitiviti dan keperluan bayi. Dengan memainkan rakaman suara kepada bayi, mereka lebih cepat berpaling pada nada tinggi suara tersebut berbanding dengan nada yang digunakan oleh wanita yang sama pada orang dewasa.

Selain itu, degupan jantung bayi menjadi perlahan, tenang, dan stabil dan berdegup dengan lebih lembut dengan hanya mendengar alunan suara ibu. Keselesaan yang diberikan oleh seorang ibu kepada anak adalah suatu yang asas, bersifat biologi, dan menyamai perkembangan yang berlaku di dalam rahim. Perbezaan emosi antara lelaki dengan wanita bermula dengan keterikatan hubungan antara ibu dengan anak iaitu kisah tentang dua hati.

Status

Idea tentang status nampaknya bermula lebih awal bagi kanak-kanak lelaki berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Secara keseluruhan, kanak-kanak perempuan dilihat kurang mahu menjadi nombor satu, dengan sedikit pengecualian. Kajian tipikal berkaitan permainan kanak-kanak menggambarkan perkara ini dengan meneroka cara kanak-kanak dalam kumpulan jantina yang sama bermain permainan "doktor". Semua kanak-kanak lelaki memilih untuk menjadi doktor iaitu orang yang mengawal keadaan dan boleh mengarahkan orang lain. Mereka akan saling bertelagah untuk suatu tempoh yang panjang tentang siapa yang seharusnya menjadi doktor. Kanak-kanak perempuan pula sebaliknya akan bertanya siapa yang mahu menjadi doktor. Mereka kemudian akan berunding dan berkongsi peranan sebagai doktor, jururawat dan pesakit.

Kanak-kanak lelaki mahukan permainan yang ada pemenang sebenar, berbanding dengan kanak-kanak perempuan. Mereka juga kelihatan lebih selesa dengan konfrontasi tentang hasil daripada permainan tersebut. Sementara permainan bagi kanak-kanak perempuan biasanya lebih singkat berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Kanak-kanak lelaki berbalah dalam permainan mereka tentang siapa buat

apa, siapa ada apa, dan permainan mereka tidak berakhir disebabkan perbalahan tersebut. Walau bagaimanapun, kanak-kanak perempuan sendiri mengadu bahawa pergaduhan adalah sebab yang sering menamatkan permainan mereka. Kanak-kanak lelaki melepaskan perselisihan dengan lebih mudah daripada kanak-kanak perempuan. Kanak-kanak perempuan mempunyai tindak balas emosi yang kuat terhadap konflik. Ada yang berpendapat bahawa kemungkinan perkara ini berlaku disebabkan budaya yang menggalakkan kanak-kanak perempuan untuk lebih beremosi sedangkan kanak-kanak lelaki tidak digalakkan untuk mengambil berat tentang emosi.

Walaupun begitu, sebanyak mana kita cuba untuk memisahkan mereka, biologi dan budaya tidaklah saling ekslusif. Kedua-duanya tidak boleh begitu. Persoalan kita tentang peranan alam semula jadi berbanding dengan peranan yang diasah" membentuk suatu rantaian di mana pengaruh satu pihak menjadi pembekal kepada pihak yang lain. Dalam rantaian ini, biologi lebih penting sebagai langkah permulaan. Namun, bagaimana kita boleh tahu di mana rantaian ini bermula?

Ekspresi Wajah



Wanita jauh lebih cekap daripada lelaki dalam mentafsirkan ekspresi wajah. Wanita cenderung untuk kerap tersenyum berbanding dengan lelaki, dan lelaki biasanya menggalakkan wanita untuk senyum. Sebahagian orang berhujah bahawa perkara ini mungkin berlaku disebabkan hubungan dominan-submisif masa lalu antara dua jantina ini. Wanita juga lebih cekap membaca ekspresi bukan lisan (seperti bahasa badan dan pergerakan wajah).


Dengan melihat gambar beberapa ekspresi wajah, kedua-dua jantina sama mahir untuk mengenal pasti jika seseorang itu berasa gembira. Wanita juga lebih mudah membaca kesedihan daripada wajah seseorang, sama ada orang itu lelaki atau wanita, dengan ketepatan hampir 90 peratus. Lelaki sebaliknya, boleh membaca dengan 90 peratus ketepatan kesedihan daripada wajah lelaki yang lain, tetapi hanya 70 peratus ketepatan apabila melihat wajah wanita. Wajah wanita harus terlihat sangat sedih untuk seorang lelaki menyedari perasaan tersebut. Manakala untuk ekspresi wajah yang tidak ketara, biasanya tidak disedari oleh lelaki.

Anggapan Stereotaip tentang Anak Lelaki dan Perempuan

Sesetengah orang tersalah baca tentang realiti biologi kita. Masyarakat mengaitkan anak perempuan dengan sesuatu yang cantik dan indah seperti bunga atau intan berlian. Manakala anak lelaki dilihat seperti sesuatu yang tegap dan kuat seperti batu atau pahlawan. Seorang kanak-kanak lelaki berumur lima tahun sangat terkejut dan marah lalu bertanya: "Mengapa anak perempuan sahaja yang digambarkan dengan yang baik-baik? Mengapa anak lelaki nampak hodoh sahaja?"

Sebahagian kajian mendapati kanak-kanak lelaki memerlukan lebih banyak perhatian "satu-dengan-satu" kerana kasih sayang boleh mengubah tahap hormon seks di otak yang mempengaruhi perkembangan otak. Banyak kajian tentang lelaki dan wanita yang boleh bertahan mengharungi penyakit-penyakit kritis seperti sakit jantung dan kanser dengan adanya kasih sayang dan sokongan dalam perkahwinan. Pertelahanan kecil dalam rumah tangga boleh menyebabkan signal getaran dihantar kepada sistem imunisasi badan. Ini kadang-kala menyebabkan selepas pertelingkahan, pasangan akan jatuh sakit. Sekiranya pasangan meninggal dunia, imunisasi badan pasangan yang tinggal berada dalam keadaan tertekan dari empat hingga keempat belas bulan lamanya.

Pernahkah anda terfikir mengapa setiap surah dalam al-Qur'an bermula dengan "Dengan nama Allah ﷺ yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang"? Tidakkah anda melihat ia sebagai tanda bahawa ibu bapa perlu menjadi penyayang kepada anak-anak mereka?



Kesedihan

Tiada sesiapa pun setuju bahawa kesunyian atau kesedihan itu baik untuk kesihatan, sama ada dari sudut mental ataupun fizikal. Wanita mengendalikan

kesedihan dengan cara yang berbeza daripada lelaki. Ini menjelaskan perbezaan antara suami dan isteri dalam menangani kesedihan akibat kehilangan anak. Suami biasanya menyendiri dan menjauhkan diri sementara isteri meratap di bahu semua orang. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh mengatakan bahawa setiap wanita adalah penyampai emosi yang baik, atau setiap lelaki pandai menyembunyikan perasaan. Pada suatu peringkat, sains sendiri tidak boleh menentukan semua aspek tentang siapa diri kita.

Perbezaan Seksual

Ketika sebahagian isteri ditanya, "Sekiranya anda tidak dapat melakukan hubungan intim bersama suami lagi, apakah perasaan anda?". Sebahagian besar daripada mereka menjawab tidak mengapa, mereka hanya perlukan pelukan dan ciuman. Lelaki bagaimanapun, mengatakan bahawa mereka berasa teruk sekiranya tidak dapat melakukan hubungan intim bersama isteri. (Fisher, et al. 2012).

Dari sudut seksual, wanita lebih kuat daripada lelaki. Wanita boleh bertahan untuk tidak melakukan hubungan intim bagi jangka masa yang lama, dan biasanya perlu disentuh untuk terangsang. Lelaki sukar bertahan tanpa hubungan intim untuk jangka masa yang lama. Satu perkataan boleh menjadikan seorang lelaki teruja secara seksual dan terangsang. Wanita boleh melakukan hubungan intim walaupun tanpa rangsangan dan keterujaan, tidak seperti lelaki yang perlu berasa teruja.

Seorang lelaki biasa di Amerika Syarikat mungkin berfikir tentang seks pada setiap masa. Lelaki perlu menundukkan pandangan kerana mereka lebih lemah dalam mengawal dorongan seksual mereka sendiri. Seks merupakan aktiviti penting dan anak adalah hasilnya. Mengawal

hubungan seksual sebenarnya sangat penting untuk melahirkan masyarakat yang sihat, dari sudut moral, psikologi dan sosial.

Hikmah Perbezaan Gender: Peranan, Bukan Kecenderungan

Seorang wanita dicipta dan umumnya diajar untuk menjadi sensitif dan beremosi, supaya dia bersedia untuk melindungi anak-anaknya daripada sebarang ancaman. Ini juga kelihatan ketara di alam haiwan. Ibu kucing melindungi anak-anaknya dan menyembunyikan mereka daripada semua kucing jantan, termasuklah bapa kucing supaya mereka tidak memakan anak-anak ini seperti mereka membaham tikus. Hormon khas dirembes semasa kehamilan yang membantu proses kelahiran, memberi makan dan melindungi anak-anaknya.

Ketika haid, kehamilan, melahirkan, dan menyusukan, wanita berada dalam keadaan yang lebih bergantung kepada seseorang. Oleh itu, lebih banyak penjagaan diperlukan ketika ini. Berjuta-juta wanita mengadu tidak selesa ketika haid yang boleh berlanjutan sehingga berhari-hari. Kesakitan yang dialami boleh berada pada tahap yang ringan hingga paling teruk. Simptom-simptom termasuklah kembung, kejang, payudara yang sakit, sakit kepala, pendarahan yang berat atau berpanjangan, perubahan emosi, dan keletihan.

Seorang lelaki tertarik pada wanita secara seksual dan kemudian dia bertanggungjawab menjaga isteri dan anak-anak mereka. Dia seharusnya bermurah hati dalam menyediakan keperluan pasangannya dan keturunannya, sementara si ibu harus lebih prihatin tentang dirinya dan kehidupan anak-anaknya. Si bapa tidak

menanggung beban kedadangan haid setiap bulan, mengandung, melahirkan dan menyusukan anak. Oleh itu, dia bebas untuk bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan pendapatan dan menyediakan keperluan keluarga.

Perbezaan-perbezaan yang saling melengkapi dalam sifat semula jadi lelaki dan wanita ini menjelaskan kewujudan undang-undang dan peraturan keluarga Islam. Perbezaan sifat semula jadi seksual lelaki dan wanita ditunjukkan melalui konsep aurat iaitu bahagian sulit lelaki dan wanita. Bahagian sulit lelaki berada antara pusat dan lutut supaya dia dapat melakukan kerja fizikal berat tanpa gangguan dan batasan. Dalam masa yang sama, bahagian tubuh badan yang terdedah tidak terlalu menggoda sehingga menyebabkan wanita hilang kawalan dan kewarasannya lalu menyukai lelaki tersebut.

Namun sebaliknya, hampir keseluruhan tubuh badan wanita adalah tarikan dan godaan kepada lelaki. Lelaki mudah tergoda dengan penampilan tubuh wanita. Oleh itu, keseluruhan tubuh badan wanita ditakrifkan sebagai bahagian sulit, kecuali muka dan tapak tangan. Kebiasaannya, tidak ada keperluan sebenar untuk wanita mendedahkan tubuh badannya kepada lelaki. Wajah sedikit berbeza, kerana ia mempunyai kesan dan fungsi lain seperti menggambarkan keperibadian dan identiti wanita tersebut.

Konsep aurat yang jelas dan terperinci ini adalah pelindung yang kuat untuk keluarga dan polisi insurans paling berkesan terhadap pergaulan bebas yang meruntuhkan institusi keluarga dan masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam hubungan suami isteri, tidak ada batasan pada tubuh badan masing-masing, seperti yang dijelaskan dalam al-Qur'an.

“...isteri-isteri kamu adalah pakaian bagi kamu, dan kamu adalah pakaian bagi mereka...”

(Surah al-Baqarah: ayat 187)

Sebagai ahli masyarakat yang sama tarafnya, lelaki dan wanita mempunyai hak-hak yang sama tetapi peranan yang berbeza dan saling melengkapi, bergantung pada keunikan fisiologi dan psikologi masing-masing. Keluarga adalah institusi kemanusiaan yang istimewa yang berfungsi dengan berkesan dan memberikan manfaat kepada lelaki, wanita dan kanak-kanak.

Wanita berusia di antara 20 dengan 40 tahun adalah asas kepada keluarga. Kelembutan dan keperihatinan mereka memberi keamanan dan keselesaan kepada keluarga mereka. Suami memerlukan ketenangan terutamanya selepas pulang dari hari yang panjang dan memenatkan di tempat kerja. Ini adalah keutamaan semula jadi dalam kehidupan mereka pada peringkat ini. Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud para isteri tidak boleh melakukan banyak perkara lain, atau menjadi alasan kepada para bapa untuk tidak menjalankan tugas mereka untuk mengekalkan ketenteraman dalam rumah tangga mereka. Sifat-sifat ini tidak boleh ditafsirkan sebagai kelemahan wanita atau kekerasan seorang lelaki. Sifat-sifat ini bersesuaian dengan peranan khusus setiap ahlinya.

Undang-undang Islam meletakkan tanggungjawab menafkahai keluarga kepada suami bukannya isteri, tanpa mengambil kira status ekonomi isteri. Ini kerana isu sebenar di sini adalah peranan dan persediaan bagi melayakkan suami mendokong peranan-peranan yang disebutkan. Keputusan sama ada si isteri perlu keluar bekerja atau tidak adalah di tangan



mereka. Mereka tidak boleh dipaksa untuk bekerja kerana nafkah isteri dan anak-anak terletak sepenuhnya ke atas suami. Tidak ada salah sekiranya wanita memilih untuk keluar bekerja. Sekiranya dia boleh mengendalikan kedua-dua peranannya di tempat kerja dan di rumah dengan baik, dia berhak untuk bekerjaya dan juga menjadi seorang ibu.

Perbezaan fisiologi dan psikologi antara dua jantina yang berlaku dalam pelbagai fasa perkembangan tidak mengurangkan hak dan tanggungjawab mereka. Terdapat sifat-sifat atau kualiti tertentu yang mungkin positif kepada seseorang wanita (seperti suara yang lunak dan lembut) tetapi negatif kepada seorang lelaki, dan begitulah sebaliknya.

Kita tidak dapat menerima sekiranya ada lelaki yang melihat wanita dengan pandangan

yang bernafsu. Kemudian, apabila wanita itu tertarik kepada lelaki tersebut, akibat yang lebih berat selalunya terletak kepada wanita tersebut sekiranya mereka terlanjur. Masalah akan menjadi lebih serius terutama jika dia hamil. Lelaki itu perlu memberi komitmen dan tidak meninggalkan wanita tersebut. Dia juga wajib menyara wanita itu dan bayinya. Sekiranya dia gagal menjalankan tanggungjawabnya, dia telah menafikan wanita tersebut dan bayinya hak-hak mereka yang telah diberikan oleh Allah ﷺ iaitu yang berupa rezeki dan kehidupan.

Hari ini malangnya, wanita menjadi mangsa di dunia Barat mahupun di dunia Islam. Di Barat, disebabkan tekanan kewangan, wanita daripada kaca mata masyarakat, diharap untuk keluar bekerja. Namun dalam masa yang sama, mereka masih dilihat sebagai objek seks, hiburan murah dan entiti komersial. Di sebahagian negara Islam, wanita tidak berpendidikan dan tidak bersedia memikul tanggungjawab keibuan yang merupakan satu tugas besar. Ramai daripada mereka tidak mendapat jaminan, malahan mengharapkan belas kasihan suami dan di banyak negara juga, mereka diabaikan dan dipinggirkan.

Imam al-Ghazali menyatakan dalam memoirnya, semasa zaman kanak-kanak di kampung, wanita boleh dilihat di mana-mana kecuali di dalam masjid. Sungguh menyedihkan apabila melihat di

Kajian tentang Keutamaan Lelaki dan Wanita di Amerika Syarikat

Satu kajian yang melibatkan empat ribu orang lelaki dan wanita yang dijalankan oleh akhbar *The Washington Post* dan Universiti Harvard menyimpulkan bahawa keutamaan bagi lelaki dan wanita di Barat adalah:

- Berhadapan dengan tekanan psikologi dan ekonomi dalam kehidupan moden.
- Menguatkan hubungan kekeluargaan
- Komunikasi berkesan bersama anak-anak.

sebahagian negara, tiada langsung ruang untuk wanita di masjid. Kebanyakan pelajar jurusan teologi di Turki kini adalah wanita. Walau bagaimanapun, para arkitek masjid terlepas pandang tentang ruang ibadat untuk wanita. Untuk itu, di Istanbul, sebahagian daripada dewan utama solat dan terdapat juga masjid berasingan disediakan untuk wanita menuaikan solat berjemaah. (Murad 2009).

Bagaimana kita boleh mengharapkan seorang ibu membesarakan anak tanpa bimbingan dan pendidikan agama yang terdapat dalam khutbah Jumaat setiap minggu? Khutbah Jumaat sebenarnya berpotensi menjadi institusi pendidikan paling berpengaruh yang pernah wujud. Kekurangan ini telah wujud berabad-abad lamanya, walaupun Rasulullah ﷺ pernah menyatakannya dalam Sunnah baginda.



Rasulullah ﷺ bersabda:

Jangan halang hamba Allah ﷺ dalam kalangan wanita daripada menuju ke rumah Allah ﷺ (Muslim)

Wanita, disebabkan mereka memikul tanggungjawab tambahan dalam keluarga, diberikan kelonggaran sama ada menuaikan solat di masjid atau di rumah mengikut kesesuaian peranan dan tanggungjawab mereka. Bahkan, suami seharusnya memudahkan isteri mereka untuk ke masjid dengan membantu bukan membebani mereka.

Walaupun orang lelaki membenarkan wanita untuk keluar bekerja, masih ramai lelaki dan wanita menyukai ibu untuk menghabiskan masa bersama anak-anak di rumah. Majoriti percaya sebab utama wanita Amerika Syarikat bekerja adalah untuk mencari pendapatan tambahan bagi memenuhi keperluan hidup (*al-Uṣra*, Isu 6, 1419AH).



Enam Belas Tahun Terlalu Lewat

Penyair Arab ada menyebut:
Adakah kautangisi anakmu Lubna,
Selepas kautewaskan dia?
Lubna telah pergi, apa lagi yang
kaumahu lakukan?
Sebahagian ibu bapa kerap
memarahi, menganiayai, dan
mendera anak-anak mereka, dan
kemudian mereka menyesal dengan
perbuatan mereka.
Kesedihan mereka telah terlewati 16
tahun lamanya.

Bilakah Jurang Gender Bermula?

Kebanyakan kanak-kanak mula memahami perbezaan gender seawal tahun pertama usia mereka (Beal 1993). Semasa berusia dua hingga tiga tahun, mereka sudah tahu jantina masing-

masing. Jadi, kanak-kanak berusia tiga tahun yang menyatakan sesuatu dengan kuat tentang anatomi diri mereka, mungkin hanya menyatakan sesuatu yang telah difikirkan selama dua tahun sebelumnya. Dari sudut jantina, anak tatih melihat dunia ini terbahagi kepada dua bahagian. Sebaik sahaja mengetahui jantina mereka, dengan sendiri mereka akan mengaitkannya dengan identiti lelaki atau perempuan dan mereka mula belajar untuk menyesuaikan diri. Sekitar usia tiga tahun, tingkah laku kanak-kanak sedikit sebanyak menuju ke arah jantina yang jelas. Kanak-kanak perempuan menjadi kurang agresif dan memilih permainanan “keperempuanan” seperti “main masak-masak”. Kanak-kanak lelaki cenderung pada tingkah laku yang kasar dan lasak dan memilih permainan “lelaki” seperti kenderaan trak dan patung adiwira.

Identiti gender sebahagiannya berasal daripada pengaruh kelenjar, khususnya bermula ketika akil baligh dan seterusnya. Sebahagian yang lain pula berasal daripada penerimaan pada perbezaan anatomi yang berlaku ketika awal usia kanak-kanak dan reaksi psikologi terhadap penerimaan tersebut. Paling utama, identiti gender berasal daripada identifikasi positif dengan ibu bapa daripada jantina yang sama. Tentang masalah lelaki lembut dan wanita maskulin, sebahagiannya adalah disebabkan perhubungan yang bermasalah dengan ibu bapa, walaupun mempunyai kelenjar yang normal. Perkara yang membuatkan kanak-kanak lelaki berasa selesa dengan ciri-ciri maskulin adalah adanya sikap menyayangi, disayangi, dan dia membentuk dirinya menjadi seperti bapa yang berpuas hati menjadi seorang lelaki. Bapa perlu berasa cukup dalam hubungan kompetitif dan kerjasama bersama lelaki lain dalam masyarakatnya. Identiti gender yang baik di dalam tubuh yang sedang membesar tidak bergantung

pada sama ada bapanya atau lelaki-lelaki dalam masyarakat tersebut itu mampu memburu singa atau boleh bekerja di sektor perkilangan, atau memasak, atau menukar lampin anak-anaknya. Selagi seorang bapa berasa selesa sebagai seorang lelaki dan mempunyai hubungan yang baik dengan anak lelakinya, identiti gendernya akan menjadi baik dan selamat.

Seorang bapa yang selalu berasa tidak selamat terhadap ciri maskulinnya akan sentiasa menunjukkan perasaan tidak senang kepada anak lelaki melalui pelbagai cara yang tidak ketara secara tidak sengaja. Ini akan menganggu anak lelaki itu mendapatkan identiti lelaki yang selesa dan menyenangkan. Keengganinan seorang bapa dalam melakukan sebarang kerja rumah dan menyimpulkannya sebagai "feminin" atau "tidak jantan" dilihat sebagai salah satu cara si ayah menunjukkan ketidakselesaannya kepada anak lelakinya. Anak lelaki itu merasakan perasaan ini dan tanpa sedar mengikut jejak langkahnya.

Anak perempuan membesar dengan keinginan untuk menjadi wanita dan bersedia menjadi wanita yang berjaya melalui sokongan kasih sayang dan bantuan daripada seorang ibu yang gembira menjalankan peranannya sebagai wanita, tidak kira apa pun latar belakangnya sama ada si ibu seorang petani mahupun seorang pemimpin yang sibuk.

Tidak ada keperluan untuk membesarkan anak perempuan dan lelaki dengan cara yang sama. Dalam sebuah rumah, sepatutnya tidak boleh ada satu gender yang dilihat lebih berkuasa daripada gender yang lain. Di sebalik perbezaan peranan mereka, penjagaan anak dan rumah tangga adalah sama kedudukannya seperti bekerja di pejabat, kilang atau dalam kehidupan umum.



Anak lelaki dan anak perempuan perlu dilayan secara adil, tetapi tidak benar-benar sama. Mereka perlu diajar untuk berhadapan dengan kehidupan dan dalam masa yang sama, mampu memainkan peranan mereka masing-masing dengan baik. Anak lelaki tidak perlu diajar menjadi kasar dan tidak sensitif manakala anak perempuan tidak harus dibesarkan supaya menjadi tidak berdaya dan bergantung sepenuhnya pada lelaki. Anak perempuan sepatutnya tidak digalakkan untuk menjadi sangat beremosi dan menangis sekiranya mereka tidak mendapat apa yang mereka mahukan. Sementara anak lelaki tidak sepatutnya digalakkan daripada menjadi terlalu agresif dan menggunakan kekerasan sekiranya mereka gagal mendapatkan apa yang diinginkan.

Pada bila-bila masa yang perlu dan sehingga seseorang itu menamatkan pendidikan tingginya, pelajaran seharusnya diberi perhatian yang sama penting pada anak lelaki dan perempuan. Anak lelaki dan perempuan perlu diberi permainan yang tidak memihak pada mana-mana gender berbanding dengan memberi mereka permainan bersifat gender seperti anak patung atau patung adiwira. Set binaan blok Lego harus diletakkan bersebelahan anak patung ataupun patung adiwira.

Dandanan dan pakaian tidak boleh terlalu ditekankan kepada anak perempuan dan kurang ditekankan kepada anak lelaki. Ibu dan bapa perlu memberikan perhatian yang sama terhadap rambut kedua-dua anak lelaki dan perempuan. Konsep yang sama juga perlu diaplikasikan kepada pakaian. Pakaian tidak seharusnya menghalang anak perempuan daripada bermain. Apabila ibu bapa memaksa anak perempuan memakai gaun pendek, maka tidak adil sekiranya ibu bapa memarahinya ketika gaun itu terselak dan terlihat pakaian dalamnya. Ibu bapa mesti membenarkan anak perempuan memakai seluar panjang yang sesuai dan tidak terlalu ketat. Anak perempuan ini juga harus dibenarkan bermain secara aktif sama seperti anak lelaki supaya mereka dapat menghargai kemampuan fizikal mereka. Anak lelaki perlu diajar supaya jangan sesekali memukul budak perempuan walaupun ketika bermain. Sementara anak perempuan harus dididik untuk tidak membenarkan budak lelaki memukulnya dan sekiranya diperlakukan sedemikian, dia sepatutnya mempertahankan dirinya, bukannya menangis atau melarikan diri.



WANITA MASKULIN DAN LELAKI LEMBUT

Nabi Muhammad ﷺ menyatakan rasa tidak senang baginda terhadap lelaki lembut dan wanita yang menyerupai lelaki.

(Al-Bukhari)

Lelaki adalah lelaki dan wanita adalah wanita. Kedua-dua mereka harus bersyukur dengan apa yang telah ditakdirkan untuk mereka! Mereka tidak boleh meniru antara satu sama lain. Berdasarkan masyarakat yang ada sekarang, sepatutnya tidak menjadi suatu masalah untuk membezakan antara anak lelaki dengan perempuan walau kadangkala nampak samar. Tuhan menciptakan anak lelaki dan perempuan berbeza antara satu sama lain kerana peranan mereka yang berbeza namun saling melengkapi. Perbezaan adalah suatu rahmat kerana dengannya kita akan tertarik antara satu dengan lain dan kehidupan akan menjadi lebih menarik. Dan kita tidak harus memandang remeh akan perbezaan-perbezaan yang menarik dan tersendiri ini.

Kedua-dua gender tidak boleh memenangi “peperangan” antara dua jantina ini. Sudah terlalu banyak elemen “berbaik-baik” dengan “musuh”! Golongan feminis yang radikal membawa pengaruh yang merosakkan kepada budaya barat. Sebahagian kelompok feminis ini mendakwa bahawa wanita sama kuat dan tabah seperti lelaki, dan mereka boleh melakukan apa sahaja yang dilakukan oleh lelaki. Dakwaan radikal yang lain adalah wanita tidak memerlukan lelaki. Mereka mengatakan wanita memerlukan lelaki sama seperti ikan yang memerlukan basikal. Apa pun yang diperlukan masyarakat, wanita boleh melakukannya tanpa lelaki.


Pandangan pengikut agama Kristian menolak dakwaan ini. Agama Kristian menyuruh kaum lelaki tidak hanya berlaku lembut dan baik, tetapi

juga perlu berani dan menjadi pemimpin. Semua orang boleh menjadi "lelaki yang kuat", tetapi hanya segelintir lelaki budiman yang sebenarnya akan melayan wanita dengan penuh rasa hormat. Lelaki boleh membuat keputusan keluarga hanya selepas bermusyawarah secara serius bersama isterinya.

Suami hendaklah melayan isteri dengan penuh hormat yang bermaksud mereka juga harus bertindak dengan hormat. Tuhan menciptakan lelaki dengan ciri maskulinnya dan wanita dengan ciri femininnya, justeru anak perempuan tidak boleh dilayan sama seperti anak lelaki.

Lelaki dan Wanita adalah Unik

- Seratus lelaki diperlukan untuk membina khemah, tetapi hanya seorang wanita yang diperlukan untuk membangun rumah. (Peribahasa Cina)
- "Siapakah orang yang paling kuat di dunia?" tanya Maharaja Themistocles. "Bangsa Athens memerintah Bangsa Yunani, Aku memerintah bangsa Athens, dan kamu wahai isteriku memerintah aku, anakku memerintah isteriku, dan anaklah yang memerintah kamu."
- Bolehkah seorang lelaki memahami seorang wanita sepenuhnya? Bolehkah seorang wanita memahami sepenuhnya seorang lelaki?
- Bolehkah seorang lelaki memahami kesakitan ketika mengandung dan melahirkan anak? Tidak mungkin mereka dapat memahaminya. Sakit buah pinggang kolik yang teruk hampir menyamai kesakitan melahirkan.
- Sekiranya kamu ada pilihan antara mengajar seorang lelaki dengan mengajar seorang wanita, siapa yang akan kamu pilih? Sekiranya kamu mendidik seorang lelaki seolah-olah kamu mendidik seorang rakyat, tetapi sekiranya kamu mendidik seorang wanita, kamu mendidik satu bangsa!



Status Keibubapaan: Sudut Pandang Gender

Pada masa kini, keibubapaan dalam keluarga dilihat sebagai tanggungjawab ibu sementara bapa hanya membantu. Ketidakseimbangan dalam penjagaan anak-anak di Amerika Syarikat (2001) ditunjukkan seperti berikut:

- 75 peratus bapa tidak bersama-sama melakukan kerja harian di rumah.
- 50 peratus bapa mengatakan mereka

Al-Qur'an seterusnya mengutarakan isu gender seperti berikut:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap apa yang dikurniakan Allah ﷺ kepada sebahagian kamu lebih banyak daripada sebahagian yang lain; (kerana) bagi lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi wanita ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan; dan mohonlah kepada Allah sebahagian daripada kurniaan-Nya. Sesungguhnya Allah maha Mengetahui atas segala sesuatu.

(Surah an-Nisa': ayat 32)

membantu hanya ketika jadual mereka membenarkan mereka melakukannya.

- Ibu menghabiskan lebih banyak masa untuk penjagaan anak (purata 32 jam seminggu) berbanding dengan bapa (purata 10 jam seminggu)

(Taffel 1994; Taffel 2001; Davidson 1992)

Di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) kepada rakyat Malaysia bersempena

Bulan Keluarga Kebangsaan 2018 (215 responden di Kangar) menunjukkan seperti berikut:

- 61.6 peratus bapa mengaku telah menjalankan tanggungjawab sebagai bapa dengan baik sementara 53.2 peratus ibu mengaku menjalankannya dengan baik;
- 93.2 peratus bapa dan 92.0 peratus ibu berasa bimbang tidak mampu menjadi bapa seperti yang diharapkan;
- 46.2 peratus bapa dan 44.8 peratus ibu mengaku kurang meluangkan masa bersama anak-anak;
- 36.6 peratus bapa dan 27.8 peratus ibu lebih memanjakan anak-anak berbanding dengan ibu bapa mereka dahulu;
- 52.5 peratus bapa dan 61.2 peratus ibu lebih tegas terhadap anak-anak berbanding dengan ibu bapa mereka dahulu.

Tugas dan tanggungjawab penjagaan anak pada abad ke-21 ini sebenarnya tidak lagi ditentukan oleh gender tetapi oleh kesediaan dan kedekatan kepada tugas tersebut. Dan tugas ini sebenarnya memberikan peluang yang sama kepada kedua-dua pihak. Menukar lampin sebagai contoh ditentukan oleh pernyataan “Siapa yang bau dahulu”, bukannya kenyataan mempertahankan diri “Ayah saya sendiri tidak pernah menukar lampin bayi, jadi kenapa saya harus melakukannya?” yang kini sudah menjadi sejarah.

Terma “penjaga bayi” yang dikaitkan dengan gadis remaja, sudah tidak lagi digunakan untuk merujuk kepada bapa yang menjaga anak-anak ketika ibu tiada di rumah kerana bapa kini adalah penjaga bersama bagi anak-anak mereka.

Namun begitu, bapa bukanlah pasangan yang setara dalam semua aspek penjagaan. Kepentingan wanita di tempat kerja telah menyebabkan lelaki dan wanita mula melihat kembali peranan

tradisional keluarga. Apabila mereka berdua pulang dari kerja, siapa yang membaca surat khabar, siapa yang menyediakan makan malam, memandikan dan menidurkan anak-anak? Pada hari ini, isu-isu sebegini diselesaikan dengan perkongsian tugas. Seorang menyediakan hidangan makanan, sementara seorang lagi menyelesaikan tugasan memandikan dan menidurkan. Malah mendisiplinkan anak-anak juga telah berubah pada pendekatan yang lebih saksama. Ibu zaman kini sudah jarang mengancam anak-anak dengan berkata, “Tunggulah ayah balik nanti”. Disiplin yang dilaksanakan melalui peraturan “Siapa yang nampak dahulu?”, banyak meringankan bebanan yang ditanggung oleh bapa pada masa kini.

Mengapa Tidak Seimbang?

BAGI PIHAK WANITA, BERIKUT ADALAH ALASAN MENGAPA WANITA LEBIH BANYAK TERLIBAT DALAM PENJAGAAN ANAK-ANAK:

- Wanita tidak mahu menyebabkan pergaduhan atau mencipta konflik
- Wanita lebih cenderung pada penjagaan anak disebabkan cara mereka bersosial dan respons semula jadi yang lahir berdasarkan sifat biologi mereka.
- Masyarakat masih berpegang pada prinsip bahawa wanitalah yang bertanggungjawab apabila timbul masalah mengenai anak-anak. Malah, wanita sendiri tidak rela untuk melepaskan tanggungjawab tersebut.
- Kebanyakan wanita berbelah bahagi untuk berkongsi tugas ini kerana mereka berasa akan hilang kawalan. Mereka merasakan apabila berkongsi tugas, mereka perlu berkongsi kebersamaan dan kasih sayang anak-anak mereka, atau mereka tidak suka dengan cara pasangan mereka melakukan tugas ini.

BAGI PIHAK LELAKI, BERIKUT ADALAH ALASAN MENGAPA MEREKA KURANG TERLIBAT DALAM PENJAGAAN ANAK:

- Saya risau sesuatu yang buruk akan berlaku ketika saya yang menjaga anak.
- Saya tidak mampu mengendalikan permintaan anak saya dan mungkin saya akan hilang kawalan.
- Ibu mereka lebih baik dalam penjagaan anak-anak dan saya tidak mungkin akan dapat melakukan yang lebih baik daripada itu.
- Sekiranya saya lebih banyak menjaga anak-anak, saya akan hilang peluang kenaikan pangkat di tempat kerja akibat terlalu banyak tekanan dan kekurangan masa.

- Lelaki kurang berpeluang menghadiri kelas atau bengkel penjagaan dan pembangunan anak-anak.
- Lelaki mempunyai model ikutan keibubapaan yang baik.
- Lelaki tidak memiliki sistem sokongan dalam menjalankan peranan keibubapaan.
- Sesetengah ibu tidak menggalakkan penyertaan yang banyak daripada bapa.

Bagaimanapun, kelihatannya kini berlaku perubahan tingkah laku generasi bapa masa kini yang menghabiskan lebih banyak masa untuk penjagaan anak-anak berbanding dengan apa yang dilakukan oleh bapa mereka dahulu.

Mitos dan Realiti tentang Bapa Sebagai Penjaga

SENARAI SEBAHAGIAN MITOS YANG BIASA DIDENGAR TENTANG BAPA SEBAGAI PENJAGA DAN REALITINYA

MITOS	REALITI
<ul style="list-style-type: none"> ● Wanita selalu yang terbaik dalam hal penjagaan anak-anak. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Anak-anak boleh menjadi rapat dengan bapa sama seperti mereka rapat dengan ibu mereka.
<ul style="list-style-type: none"> ● Untuk beberapa tahun pertama, bapa tidak kelihatan penting kepada anak-anak, dan menjadi rapat hanya ketika anak-anak semakin membesar. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Bapa sama sensitif terhadap anak-anak seperti ibu.
<ul style="list-style-type: none"> ● Peranan bapa yang paling penting adalah mendisiplinkan anak. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Bapa di Amerika Syarikat bermain dengan anak secara berbeza berbanding dengan ibu. Bapa bermain lebih banyak aktiviti fizikal, lebih banyak sentuhan, dan menghabiskan sebahagian besar masa bersama anak dengan bermain bersama (40 peratus bapa berbanding dengan 25 peratus ibu). Parke 1996; Yongman 1981
<ul style="list-style-type: none"> ● Bapa tidak perlu menghabiskan banyak masa bersama anak-anak kerana dia adalah pencari nafkah yang utama. <p>Anak-anak perlu lebih dekat dengan ibu supaya mereka membesar dengan lebih sihat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Bapa bersifat pengasuh. Bayi yang diasuh sepenuhnya oleh bapa mendapat skor melebihi skor biasa dalam ujian standard yang dilakukan.
<ul style="list-style-type: none"> ● Sebagai anak, saya tidak rapat dengan ayah saya. Namun saya membesar dengan baik. Jadi, saya tidak perlu hubungan yang rapat dengan anak saya. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Gaya keibubapaan seorang bapa memberi pengaruh besar terhadap cara pergaulan anak. Bapa yang menggunakan cara yang bertimbang rasa, kasih sayang dan tegas dalam mendidik

	<p>tingkah laku anak-anak akan melahirkan anak-anak yang mempunyai daya kompeten yang tinggi. Bapa yang kurang sifat kasih sayang, bersikap menghukum dan autoritarian cenderung menghasilkan anak-anak yang tidak mandiri, rasa tersisih dan bimbang</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Saya tidak boleh dipersalahkan atas kekurangan saya sebagai seorang bapa kerana inilah cara saya dibesarkan oleh bapa saya. ● Berjaya dalam kerjaya adalah cara terbaik yang boleh saya lakukan untuk membantu keluarga saya.
	<ul style="list-style-type: none"> ● Kita bertanggungjawab terhadap perbuatan kita sendiri. Sekiranya ibu bapa kita bukan contoh yang baik, kitalah yang harus mencari contoh lain yang baik. ● Kesejahteraan keluarga mempunyai keutamaan yang lebih tinggi daripada kerjaya.

Kesan Ketiadaan Bapa Terhadap Anak-Anak

Kajian menunjukkan hubung kait antara ketiadaan bapa dengan tingkah laku buruk anak-anak seperti berikut:

1. Penggunaan dadah dan minum arak.
2. Peningkatan kadar keganasan dalam kalangan lelaki
3. Sifat kelelakian yang berlebihan dalam kalangan anak lelaki meningkat kerana tiada model ikutan lelaki.
4. Kesukaran menyesuaikan diri dengan perceraian ibu bapa atau ibu dan bapa yang berkahwin dengan orang lain.
5. Tidak ambil peduli dengan perasaan dan keperluan orang lain.
6. Kemerosotan dalam pencapaian akademik dan kadar keciran sekolah yang tinggi.

Keperluan Berbeza Anak Lelaki dan Anak Perempuan

Tiada siapa yang tahu sebenarnya, sama ada secara semula jadi atau faktor asuhan mengapa anak lelaki

dan perempuan mempunyai keperluan berbeza. Meskipun begitu, ibu bapa boleh memainkan peranan yang penting dalam membantu anak-anak mereka mencapai keperluan masing-masing. Dalam sesetengah masyarakat, peranan gender dan tingkah laku yang dikaitkan dengannya telah didefinisikan dengan tegas, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang berpendapatan rendah dan miskin. Siapa yang melanggar peraturan-peraturan ini akan berhadapan dengan hukuman.

Berikut Adalah Beberapa Petunjuk Untuk Menggalakkan Anak-Anak Lelaki Dan Perempuan Menjalankan Peranan Mereka

APA YANG DIPERLUKAN ANAK PEREMPUAN



● KEYAKINAN DIRI:

Anak-anak perempuan memerlukan dorongan yang kerap dengan kata-kata yang menggambarkan ciri-ciri yang ingin dibina oleh ibu bapa seperti: "Awak sungguh berani dapat memanjat tangga dengan sendiri". Penting bagi anak-anak perempuan untuk mengetahui bahawa ibu bapa mempunyai keyakinan terhadap mereka dan mereka ini cerdas serta berkebolehan. Anak-anak perempuan seharusnya diberi banyak peluang untuk menjadi pemimpin. Contohnya, membenarkan mereka memilih aktiviti, membuat peraturan dan menyelesaikan pertikaian. Anak perempuan yang belajar untuk memimpin akan lebih bersedia mengurus pendidikan dan kerjayanya sendiri.

● KECUKUPAN DIRI:

Penting untuk anak perempuan berasa kompeten dengan membenarkannya melakukan sendiri apa yang ingin dilakukan seperti memegang gelas berisi air, menyikat rambut atau membina blok menara tanpa sebarang bantuan. Anak-anak perempuan harus diingatkan bahawa ramai wanita perlu bekerja untuk mencari pendapatan sendiri di sepanjang kehidupan mereka. Oleh itu, setiap anak perempuan perlu bersedia untuk menyara hidup sendiri. Ibu bapa boleh bercerita tentang kisah wanita-wanita berkerjaya yang dinamik dan positif, terlibat dalam aktiviti sukarela dan dalam masa yang sama mempunyai keluarga sebagai model contoh.

● PERHUBUNGAN RUANG DAN KOORDINASI

Anak-anak perempuan harus diberikan pelbagai alat permainan termasuklah trak dan kereta, blok bangunan mainan, permainan

air, pelbagai jenis bola dan permainan yang membolehkan mereka menunggang atau memanjat.

● KECERGASAN FIZIKAL:

Ibu bapa boleh bermain permainan aktif dengan anak perempuan (seperti merangkak dan bergasti). Malah anak perempuan yang masih terlalu kecil untuk aktiviti-aktiviti sukan boleh mendapat manfaat daripada bermain gelongsor, lumba lari dan membuat lompatan akrobatik. Ibu bapa tidak perlu membantu, sebaliknya mendorong mereka bermain sepenuh hati seperti memanjat pokok, berlari di atas rumput dan tanah yang merah. Biar mereka kelihatan comot, berpeluh dan berserabut supaya mereka dapat menghilangkan perasaan geli untuk bermain di luar rumah. Mereka perlu didorong untuk bermain dengan lumpur atau terlibat dengan aktiviti sukan luaran.

● KEMAHIRAN MEMBUAT KEPUTUSAN:

Ibu bapa harus membiarkan anak perempuan mereka membuat pilihan dan bertanggungjawab atas keputusannya. Sebagai anak tatih, dia boleh dibenarkan memilih cawan atau pinggan mana yang ingin digunakan ketika waktu makan dan kawan mana yang ingin dijemputnya untuk bermain.

● RASA INGIN TAHU:

Anak-anak perempuan perlu diberi pelbagai peluang untuk meneroka persekitaran mereka. Semasa mereka bayi dan anak tatih, keadaan di dalam rumah mestilah "mesra-bayi" supaya selamat untuk mereka bermain. Ibu bapa juga boleh membawa anak perempuan mereka bersiar-siar di luar seperti ke perpustakaan,

zoo, taman, pasaraya, pasar malam, dan tempat ibadat. Ibu bapa boleh bertanya kepada sekolah anak-anak mereka sekitar mereka menganjurkan aktiviti lawatan ke ladang, kilang, kedai kraftangan, taman permainan, mahkamah, dan pusat-pusat pendidikan yang lain.

● IMEJ TUBUH BADAN:

Ibu bapa harus mengutamakan pencapaian berbanding dengan penampilan fizikal. Lebih baik bercakap dengan anak perempuan tentang apa yang mereka boleh capai daripada betapa cantiknya pakaian mereka. Sebagai contoh, mereka boleh berkata, "kamu lakukan perkara yang hebat hari ini" bukan "kamu kelihatan cantik hari ini."

● KEMAHIRAN ANALISIS KRITIKAL:

Ibu bapa boleh membimbangi anak-anak menonton televisyen dan filem dengan pandangan kritis. Mereka boleh membincangkan apa yang ditonton bersama dan kemudian memikirkan apakah peranan "tradisi". Contohnya, mulakan perbincangan tentang imej tubuh badan. Lihat bagaimana anak perempuan digambarkan di dalam televisyen. Adakah gadis yang gemuk digambarkan sebagai tidak popular? Adakah mereka digunakan sebagai bahan ketawa? Adakah gadis yang bertubuh menarik hanya dijadikan sebagai simbol seksual? Adakah mereka digambarkan sebagai gadis pintar?

● KEMAHIRAN MATEMATIK DAN SAINS:

Anak-anak perempuan mesti diberikan peluang untuk belajar matematik, sains dan teknologi. Walaupun mereka sentiasa bersedia, berkeyakinan dan bersemangat

untuk meneroka dunia, mereka selalunya tidak mendapat pendedahan dan dorongan yang secukupnya.

● MENJADI TELADAN:

Dengan menghormati diri sendiri dan wanita lain, ibu, ibu saudara dan saudara perempuan telah meletakkan satu standard yang boleh diikuti anak-anak perempuan. Oleh itu, mereka mampu mengatasi pandangan stereotaip tradisional yang hanya menggalakkan anak-anak perempuan menjadi anak yang manis, lemah lembut dan baik dan tidak lebih daripada itu.

APA YANG DIPERLUKAN ANAK LELAKI



● IDOLA LELAKI:

Orang lelaki telah mendefinisikan semula gender dalam kehidupan peribadi dan profesional mereka dan bergelut dengan isu-isu identiti, kesaksamaan dan seksualiti. Pada zaman ketika ramai bapa menghilang, anak lelaki yang tidak dapat belajar dari mana-mana lelaki sebagai model ikutan akan belajar menjadi lelaki daripada budaya popular (seperti sukan dan program televisyen). Budaya popular ini mentakrifkan

kelelakian berdasarkan empat perkara iaitu seks, keganasan, sukan dan pemilikan material. Sebagai pengasuh, ibu bapa boleh memikirkan semula perhubungan antara wanita, lelaki dan anak lelaki. Lelaki juga harus melalui perkara-perkara yang secara tradisinya dilakukan oleh wanita seperti berkongsi perasaan, memberi sokongan emosi dan memastikan perbualan berjalan lancar. Sekiranya anak lelaki memaklumkan kepada bapanya bahawa dia dipukul, maka si bapa dapat membayangkan bagaimana kemungkinan perbualan yang berlaku antara ibu dan anak perempuan. Dia kemudiannya boleh memasukkan intipati perbualan ibu-anak perempuan itu ke dalam perbualan antara dia dan anak lelakinya itu.

● KASIH SAYANG FIZIKAL:

Anak-anak lelaki yang masih kecil memerlukan pelukan sama seperti anak perempuan. Maka ibu bapa perlu menenangkan bayi lelaki mereka ketika menangis. Mereka juga harus meluangkan masa bermain dengannya, dan memastikan pelukan kasih sayang untuk anak lelaki mereka tetap ada walaupun mereka semakin membesar.

● KEMAHIRAN VERBAL:

Ibu bapa mesti kerap berbual dengan anak lelaki mereka, walaupun dia masih bayi. Suara mereka akan memberikan keselesaan dan membantu perkembangan bahasanya.

● TIMBANG RASA TERHADAP ORANG LAIN:

Penting bagi ibu bapa menjelaskan kepada anak lelaki mereka bagaimana tindakannya memberi kesan pada orang lain. Apabila anak perempuan berkelakuan tidak sopan, dia

diberitahu bahawa tindakannya itu mungkin mengganggu orang lain, tetapi anak lelaki terus dihukum. Apabila mereka dihukum, anak-anak lebih cenderung memberi tumpuan pada perasaan marah mereka berbanding dengan memahami kesan yang dibawa oleh tingkah laku buruk kepada ibu bapa atau rakan-rakan mereka.

● KEMAHIRAN MENCARI PENYELESAIAN DAMAI:

Anak-anak lelaki perlu diberikan kaedah yang konstruktif untuk menyelesaikan konflik. Sekiranya mereka memukul atau menggigit seperti yang dilakukan oleh banyak anak tatih, ibu bapa harus menjelaskan bahawa menyakiti orang tidak dibenarkan dan tunjukkan cara lain untuk mereka meluahkan perasaan marah.

● BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS TINDAKANNYA:

Penting bagi ibu bapa untuk mengelakkan layanan berbeza kepada anak-anak. Sekiranya mereka mendapati ada tingkah laku anak perempuan yang tidak boleh diterima, maka layanan yang sama juga harus diberikan kepada anak lelaki. Ibu bapa tidak boleh menggunakan alasan “anak lelaki memang begitu” untuk menjustifikasikan kesalahan yang dilakukan.

● EKSPRESI EMOSI:

Anak-anak lelaki perlu digalakkan untuk meluahkan perasaan mereka termasuk menangis. Sekiranya mereka diajar bahawa perasaan sedih tidak sesuai untuk anak lelaki atau mereka tidak boleh merasa sedih, mereka akan belajar memendam perasaan ini ketika dewasa.

Reaksi Rasional Terhadap Perbezaan Gender

Ibu bapa boleh membantu dengan membuatkan anak-anak merasa selesa dengan perbezaan antara anak lelaki dan perempuan.

- Mereka boleh merespons dengan memberi bimbingan yang betul terhadap pemerhatian dan penemuan anak perempuan mereka tentang perbezaan jantina.
- Ibu bapa boleh menunjukkan contoh tingkah laku yang baik supaya dapat diteladani oleh anak-anak. Contohnya, mereka boleh memastikan yang anak lelaki mereka melihat ibu memotong rumput dan memandu kereta manakala bapa mengemas, memasak atau mencuci pinggan mangkuk. Di sesetengah negara, wanita melakukan kebanyakan kerja berat (seperti mengangkat air dari telaga)
- Ibu bapa boleh memberikan permainan yang tidak berdasarkan gender. Anak tatih banyak belajar daripada tingkah laku rakan sebaya sama



seperti mereka belajar daripada ibu bapa mereka. Justeru, ibu bapa perlu berkerjasama dengan ibu bapa lain untuk menunjukkan tingkah laku yang baik untuk dicontohi.

Salah Faham tentang Gender dan Tingkah Laku

Kebanyakan ibu bapa bersetuju dengan ahli psikologi bahawa menjadi terlalu maskulin atau terlalu feminin bukan cara terbaik untuk menghadapi isu gender ini. Anak lelaki dan perempuan perlu mempunyai karakter yang tegas DAN lemah lembut, mengikut gerak hati DAN bersikap analitis. Walaupun begitu, ramai ibu bapa agak bimbang apabila anak mereka terlibat dalam tingkah laku "silang gender". Seorang ayah risau sekiranya anak lelakinya mahukan anak patung Barbie dan ibu akan bimbang apabila anak perempuannya enggan memakai pakaian perempuan (Kessler dan McKenna 1978). Berapa serius perkara ini? Apa maksudnya?

Setiap daripada kita dilahirkan dengan tabiat tertentu. Tabiat adalah cara tertentu untuk bertindak balas terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita. Tabiat menentukan, ke suatu tahap, perkara apa yang kita tertarik dengannya dan apa yang tidak kita sukai. Sebahagian bayi kelihatan seperti semula jadi sensitif dan berminat pada orang lain seperti membuat hubungan mata dan membalaik senyuman. Terdapat juga bayi lain yang lebih berminat terhadap objek visual atau bunyi dan mata mereka terpaku pada alat permainan bergerak yang digantung di katil bayi.

Masalah timbul apabila ibu bapa percaya bahawa beberapa gaya personaliti itu secara semula jadi bersifat maskulin atau feminin. Perkara ini boleh memburukkan keadaan. Contohnya, sekiranya ibu atau bapa berkata

kepada anak lelakinya yang mewarnakan kuku dengan warna merah jambu, "Kamu fikir kamu ini siapa? Budak perempuan?" Anak lelaki tersebut mungkin akan tersalah anggap bahawa jika dia melakukan perkara-perkara bersifat feminin, dia perlu menjadi perempuan. Kemudian, dia akan mula berharap bahawa alangkah baiknya jika dia seorang budak perempuan. Idea ini secara tidak langsung ditanam ke dalam pemikirannya oleh ibu bapanya sendiri. Ramai anak perempuan suka pada bunyi bising atau riuh daripada permainan seperti bergusti dan bertumbuk. Sekiranya anak perempuan berminat pada aktiviti fizikal yang aktif atau gemar permainan yang lasak, ibu bapa akan melihatnya sebagai tidak feminin. Namun isu sebenarnya adalah dia memiliki tabiat yang suka pada rangsangan tahap tinggi dalam persekitaran seperti aktiviti lasak tersebut.

Kekeliruan personaliti dan peranan gender menjadi masalah khususnya pada kanak-kanak lelaki. Ini kerana kanak-kanak lelaki selalunya mendapat lebih banyak reaksi negatif apabila mereka bermain permainan kanak-kanak perempuan, berbanding dengan kanak-kanak perempuan yang bermain permainan kanak-kanak lelaki. Gelaran "pondan" lebih ditakuti daripada gelaran "tomboi". Oleh sebab label maskulin memiliki prestij yang lebih tinggi daripada label feminin dalam masyarakat, penolakan terhadap sifat maskulin seorang lelaki akibat dilabelkan sebagai feminin telah menjadi suatu stigma yang sangat keterlaluan.

Ibu bapa harus menyayangi anak lelaki dan perempuan mereka sepenuh hati. Anak-anak akan membesar dengan baik sekiranya mereka memiliki hubungan yang rapat dan terpelihara dengan ibu bapa, dan ibu bapa itu muh mereka menjadi manusia yang penyayang, produktif, sihat dan bahagia.

Ibu bapa mesti berwaspada dengan perkara-perkara berikut:

- Berasa bimbang sekiranya cara bermain anak anda bersifat kompulsif dan tidak anjal. Tidak mengapa sekiranya sekali-sekali mereka (sama ada anak lelaki atau perempuan) muh bermain dengan anak patung atau mencuba pakaian perempuan. Tetapi bukan sesuatu yang normal sekiranya anak anda hanya muh permainan yang sama atau diulang berkali-kali dengan cara yang tidak normal.
- Dalam beberapa kes yang aneh, anak-anak yang sangat tidak gembira selalu mengharapkan supaya tubuh badan terutamanya alat kelaminnya berbeza daripada apa yang dia miliki sekarang. Ibu bapa harus berwaspada sekiranya anak mereka cuba untuk atau sekadar bercakap untuk mengubah tubuh badannya. Dalam kes seperti ini, rujukan kepada pakar amat perlu disegerakan.
- Ibu bapa tidak perlu menganggap personaliti anak-anak yang berbeza sebagai penyakit. Sekiranya anak lelaki atau perempuan mereka tidak gembira, tertekan atau berasa cemas, bawa mereka segera kepada pakar psikologi kanak-kanak yang mengkhusus dalam bidang kemurungan kanak-kanak.
- Terapi dadah sangat berbahaya. Memberi ubat-ubatan kepada anak tidak digalakkan berbanding dengan berbincang dengan pakar tentang terapi.
- Tidak perlu menyalahkan orang lain. Sebarang tingkah laku yang berbeza daripada kebiasaan yang dilakukan oleh anak tidak ada kaitan khusus dengan apa yang dilakukan oleh ibu bapa mereka.

Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan Belajar dengan Cara Berbeza

“Sejak di prasekolah lagi, kanak-kanak lelaki dan perempuan menyerap maklumat pada kadar yang berbeza, untuk tujuan yang berbeza, dengan kayu ukur kejayaan yang berbeza” (Gurian 2001). Kanak-kanak lelaki lebih berminat pada objek dan benda, manakala kanak-kanak perempuan lebih berfokus kepada orang dan perhubungan. Di sekolah rendah, ketika kanak-kanak lelaki lebih cepat menemui negara Perancis di peta dunia, kanak-kanak perempuan lebih pantas mempelajari bahasa Perancis. Pelajar lelaki lebih baik dalam membulatkan jawapan yang betul, sedangkan pelajar perempuan lebih cemerlang ketika mendengar soalan dan menulis jawapannya. Malangnya, kanak-kanak lelaki dan perempuan diajar seolah-olah mereka belajar dengan cara yang sama dan boleh mengakibatkan salah laku dan kegagalan.

Ramai pelajar yang lemah boleh dipulihkan jika kita mengiktiraf perbezaan yang wujud antara kanak-kanak lelaki dengan perempuan dan mendidik semula diri kita bagaimana untuk membantu mereka berkembang maju. Strategi Michael Gurian yang berjaya ini telah digunakan untuk mengubah pelajar yang gagal menjadi pelajar terbaik. Strategi beliau boleh memanfaatkan semua kelas pembelajaran kerana beliau memanfaatkan kekuatan kanak-kanak lelaki dan perempuan dan meminimumkan kelemahan mereka.

Untuk Anak Perempuan:

Ibu bapa perlu menguatkan peranan kepimpinan mereka, bermain permainan yang berkaitan dengan pergerakan, memanfaatkan kemahiran



menulis mereka, membantu mereka menguasai penggunaan komputer dan menggalakkan mereka memasuki pertandingan yang berkaitan dengan matematik dan sains.

Untuk Anak Lelaki:

Ibu bapa perlu menggalakkan mereka untuk menggunakan tenaga dalam membersihkan rumah dan membantu kerja-kerja di rumah, membantu mereka menghargai perasaan seperti marah, sedih dan gembira, serta berkongsi cerita dan menyuruh mereka bercerita untuk membina daya imaginasi otak dan kemahiran verbal. Mereka juga harus dibenarkan untuk memperbanyak pergerakan fizikal seperti berpelukan dan bergusti. Ajari mereka literasi media dan galakkan mereka untuk berpartisipasi dalam menyelesaikan konflik dan program kemasyarakatan.

Isu tentang pendidikan berasingan mengikut gender adalah suatu yang kontroversial. Walau bagaimanapun, apabila anak lelaki dan perempuan belajar dengan cara yang berbeza, strategi pengajaran yang berbeza di dalam kelas juga harus digunakan. Jadi, mengapa tidak dipisahkan sahaja kelas pembelajaran supaya proses pengajaran menjadi lebih berkesan? Bolehkah kita

menggunakan kaedah pembelajaran yang berbeza di dalam satu kelas yang sama? Bagaimana ia boleh dilaksanakan? Sekiranya boleh, apakah kosnya yang melibatkan masa, wang dan keberkesanan hasilnya?

Michael Gilbert (2007) mencadangkan sekolah satu gender. Artikel atas talian yang ditulis oleh beliau diringkaskan seperti di bawah:

Pelajar lelaki didapati tertinggal jauh di belakang pelajar perempuan dan semakin ramai yang tercicir daripada persekolahan. Pelajar lelaki yang berjaya memasuki universiti mendapati mereka berada dalam kumpulan minoriti kerana jumlah pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki dalam tiga nisbah dua. Pada tahun 1960-an, akibat bimbang dianggap tidak berlaku adil apabila kelas dipisahkan antara pelajar lelaki dengan perempuan dan demi menghentikan stereotaip seksual, pihak pentadbir telah memutuskan untuk menggabungkan pelajar lelaki dan perempuan pada seawal usia yang mungkin. Pada tahun 1965, majoriti sekolah awam di Amerika adalah sekolah satu gender, namun pada tahun 2000, hanya sedikit sahaja sekolah satu gender yang masih wujud.

Sistem persekolahan campur (*co-ed schooling*) menyebabkan wujudnya keperluan untuk bahan pengajaran yang tidak berdasarkan jantina serta keseragaman ujian dan tingkah laku yang standard. Kesannya, dalam usaha untuk mencapai keseimbangan jantina yang sempurna di sekolah, terma "saksama" ditukar kepada "sama seperti". Tetapi wujud masalah kerana anak lelaki dan perempuan tidak pernah sama. Mereka tidak membesar dengan cara yang sama atau pada masa yang sama. Kebanyakan ibu bapa tahu bahawa anak lelaki lebih perlahan dalam banyak perkara, dari segi kosa kata kepada penulisan malah kemampuan untuk duduk diam.

Apabila pelajar-pelajar lelaki di Amerika Syarikat hadir ke sekolah hari ini, mereka memasuki dunia yang didominasi oleh guru dan pentadbir wanita.

Peratus jumlah guru lelaki di sekolah-sekolah di seluruh Amerika Syarikat amat rendah sejak 40 tahun yang lalu. Pelajar-pelajar perempuan didapati lebih pantas membaca, lebih bijak mengawal emosi, dan dilihat lebih selesa dengan penekanan pendidikan hari ini iaitu pembelajaran bersama dan mengekspresi perasaan. Pelajar lelaki lebih menyukai proses visual dan tidak mempunyai kawalan pergerakan tangan yang telah lebih dahulu dikuasai oleh pelajar perempuan sejak awal usia mereka. Hampir tiada aktiviti fizikal, pertandingan atau struktur yang selalu diingini pelajar lelaki. Mereka sanggup berbuat apa sahaja daripada meluahkan perasaan mereka.

Pelajar lelaki bermasalah untuk memberi perhatian di dalam kelas. Mereka selalu tidak mengendahkan arahan dan sering melakukan tugas yang tidak sempurna.

Mereka mempunyai masalah gangguan perkembangan tiga hingga empat kali lebih tinggi dan kecenderungan dua kali lebih tinggi daripada pelajar perempuan dalam masalah yang diklasifikasikan sebagai kurang upaya pembelajaran.

Ramai daripada mereka dihukum akibat kenakalan fizikal. Pelajar lelaki dikawal dan diberi ubat hanya kerana berkelakuan seperti anak lelaki (1 dalam 5 kanak-kanak lelaki bangsa Eropah mengambil sejenis dadah yang sangat berbahaya, Ritalin). Bahkan mereka tidak dibenarkan berlari semasa waktu rehat. Ini bermaksud, pelajar lelaki sering memulakan persekolahan dengan permulaan yang buruk, gagal untuk mengejar pencapaian dan kerap ponteng dari sekolah.

Hampir 50% pelajar lelaki di sekolah rendah berkemungkinan mengulang darjah dan 1/3 lebih

ramai pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan tercincir daripada sekolah menengah. Pelajar lelaki dari kumpulan minoriti dan berpendapatan rendah adalah yang paling banyak terkesan. Akhirnya, sistem pendidikan Amerika Syarikat hanya melahirkan sekumpulan belia lelaki yang tidak bersedia atau berminat untuk meneruskan pendidikan mereka walaupun impak dramatik ke atas pendapatan masa hadapan mereka telah jelas diketahui. Perkara ini memberi kesan buruk kepada semua tidak kira lelaki, perempuan dan masa depan ekonomi negara.

Margaret Mead, seorang antropologis memaklumkan bahawa hampir semua budaya yang berkembang maju telah melatih dan mempersiapkan anak-anak lelaki dan perempuan secara berasingan untuk memimpin masa depan negara.

Daripada 90,000 buah sekolah di Amerika yang menggunakan sistem persekolahan bersama (co-ed schooling), kurang daripada 250 buah sekolah awam memilih sistem persekolahan satu gender di 33 buah negeri. Sistem persekolahan satu gender adalah pilihan yang telah lama popular di sekolah-sekolah swasta dan yang berteraskan agama.

Sekolah-sekolah swasta satu gender telah lama berkembang maju. Di Florida, pelajar-pelajar di tahun empat dipindahkan ke kelas satu gender. Pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan di dalam ujian penulisan. Eksperimen yang sama telah dilakukan di Amerika Syarikat, Kanada dan Ireland.

Para pelajar lelaki dan perempuan lebih cepat berkembang maju apabila tiada persaingan dan tekanan sosial daripada kelas yang mengandungi

jantina yang sama, dan masalah disiplin juga berkurangan.

Terdapat hasil positif daripada pendidikan satu gender ke atas pelajar lelaki dan perempuan seperti pencapaian yang tinggi dalam pembacaan dan penguasaan bahasa asing, lebih banyak masa digunakan untuk melakukan kerja sekolah dan pencapaian inspirasi pendidikan yang lebih tinggi. Laporan daripada The National Association of State Boards of Education's (NASBE) pada tahun 2002 menyatakan bahawa di sekolah satu gender, peningkatan positif yang tinggi telah ditunjukkan di kalangan pelajar perempuan dan pelajar lelaki dan perempuan dari kumpulan minoriti".

Pemisahan Pelajar Lelaki dan Perempuan Dalam Kelas dan Sekolah

Greene County, Georgia, Amerika Syarikat merancang untuk menjadi daerah pertama di Amerika Syarikat yang mempunyai sekolah satu jantina dengan pelajar lelaki dan perempuan diletakkan di kelas yang berbeza. Perkara ini berlaku selepas melihat keputusan ujian yang semakin merosot dari tahun ke tahun, peningkatan jumlah kecinciran pelajar dan peningkatan jumlah remaja perempuan yang hamil. Ramai ibu bapa dan guru membantah perubahan ini kerana tidak dibincangkan terlebih dahulu dan akhirnya perancangan ini dibatalkan.

Pengetua sekolah, McCollough menyatakan bahawa pelajar lelaki dan perempuan belajar dengan cara yang berbeza. Pemisahan kelas ini membolehkan para guru untuk menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut kemampuan pelajar. Dalam masa yang sama, pelajar lelaki tidak akan berkelakuan buruk kerana mereka tidak perlu lagi menarik perhatian pelajar perempuan. Pelajar

perempuan pula akan lebih bebas berpartisipasi di dalam kelas kerana tidak lagi berasa malu di hadapan pelajar lelaki (*India Times 2008*).

Pengasingan kelas membolehkan pengajaran diubah suai mengikut kekuatan dan keperluan para pelajar. Pelajar lelaki dan perempuan belajar dengan cara yang berbeza, dan mereka akan lebih berjaya sekiranya kelas disusun mengikut keperluan mereka. Sax (2006) berpendapat bahawa kita sebagai sebuah bangsa tidak memahami perbezaan gender lalu perbincangan tentangnya dianggap salah dari segi politik. Akibatnya sistem persekolahan tidak membantu para pelajar untuk mencapai potensi mereka. Kita secara tidak sengaja telah mendorong pelajar perempuan keluar daripada bidang sains komputer dan pelajar lelaki daripada bidang sastera dan bahasa. Gurian (2001) mendapatkan pelajar lelaki tidak mendengar sebaik pelajar perempuan manakala pelajar perempuan lebih sensitif kepada cahaya. Pelajar lelaki sering gelisah dan perlu bergerak untuk lebih bersedia manakala pelajar perempuan lebih mudah untuk menjaga tingkah laku dan memberi perhatian. Teknik pengajaran yang berbeza digunakan untuk mengatasi masalah perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan (Chandler dan Glod 2008).

Kami mencadangkan sistem yang telah berjaya dilaksanakan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah dan atas:

1. Dari taman asuhan kanak-kanak sehingga tahun tiga sekolah rendah: tiada pengasingan antara pelajar lelaki dan perempuan dan guru-gurunya adalah wanita.
2. Tahun empat hingga enam: pelajar lelaki dan perempuan diasingkan di kelas yang berbeza

tetapi kekal di sekolah yang sama. Percampuran dibenarkan ketika melakukan aktiviti dan waktu rehat. Walau bagaimanapun, pelajar lelaki dan perempuan boleh berada di dalam satu kelas tetapi duduk di meja yang berasingan seperti berikut:

**Konfigurasi Bilik Darjah yang Disarankan
(Kelas 4-6)**

Lelaki	Perempuan
<input type="text"/>	<input type="text"/>

3. Tingkatan satu dan dua: sekolah berasingan antara pelajar lelaki dan perempuan dan guru-guru digalakkan daripada gender yang sama dengan pelajar. Kumpulan umur ini lebih kurang 13-14 tahun adalah fasa akil baligh dan para pelajar sedang bereksperimen dan belajar untuk matang secara berperingkat. Percampuran antara mereka boleh menjadi perkara yang agak berbahaya sebelum mereka benar-benar memahami keseriusan penderaan seksual.

4. Tingkatan tiga hingga enam: pengasingan sekolah dengan guru sama jantina sahaja.
5. Peringkat universiti: pelajar lelaki dan wanita berada di dalam kelas yang sama tetapi duduk di dalam dua barisan mengikut gender. Pada usia ini, mereka lebih bertanggungjawab dan beradab. Mereka juga mungkin mahu memilih pasangan hidup, terutamanya apabila pihak universiti dan

ibu bapa memberi sokongan dan bimbingan yang sewajarnya. Perkara ini telah berjalan dengan baik di UIAM dengan subjek keibubapaan turut ditawarkan kepada semua pelajar.



Keibubapaan dan Gender: Pandangan Islam

Ketika Islam muncul pada tahun 610M, budaya masyarakat Arab didominasi kaum lelaki dan bersifat cauvinis lelaki. Melahirkan anak perempuan dianggap sebagai suatu keaiban dan memalukan.

Dan apabila dikhabarkan kepada seorang daripada mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya sepanjang hari (kerana menanggung dukacita), sedang ia menahan perasaan marahnya dalam hati.

(Surah al-Nahl: ayat 58)

Al-Quran merespons kepada budaya masyarakat Arab ini dengan menegaskan bahawa Tuhanlah yang mengurniakan keturunan sama ada lelaki atau perempuan atau kedua-duanya sekali.

Dalam satu hadis, Nabi Muhammad ﷺ telah memberikan khabar gembira kepada ibu bapa yang membesarakan anak perempuan mereka dengan sempurna:

Barangsiapa yang mempunyai tiga anak perempuan atau saudara perempuan, atau dua anak perempuan atau dua saudara perempuan, dan hidup bersama mereka dengan cara yang baik dan takut kepada Allah ﷺ akan dimasukkan ke dalam syurga.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan, dan beramah mesra antara satu sama dengan yang lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah adalah orang lebih taqwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Surah al-Hujurat: ayat 13)

Semua manusia berasal daripada keturunan seorang lelaki (Nabi Adam) dan seorang perempuan (Hawa). Apabila bercakap tentang peranan khusus gender, Nabi Muhammad ﷺ telah menetapkan konsep dan amalan yang relevan sepanjang zaman di tengah-tengah masyarakat Arab yang didominasi oleh kaum lelaki iaitu:

Mereka yang terbaik dalam kalangan kamu adalah yang terbaik kepada ahli keluarganya, dan aku adalah yang terbaik dalam kalangan kamu kepada keluargaku.

(Al-Tirmizi dan Ibn Majah)

Nabi Muhammad ﷺ juga melakukan kerja rumah. Dalam satu hadith:

A'ishah dan Umm Salamah telah berkata bahawa Nabi Muhammad ﷺ selalu membetulkan kasutnya sendiri, menjahit pakaianya sendiri dan melakukan kerja-kerja rumah seperti lelaki lain lakukan.

(Riwayat Ahmad)

Nabi Muhammad ﷺ tidak membahagikan peranan yang pelbagai ini kepada dua kumpulan berbeza seperti “tugasan wanita” dan “tugasan lelaki”. Bagi perkara-perkara berkaitan dengan peranan biologikal seperti sifat keibuan, kehamilan dan penyusuan, al-Quran telah menetapkan bahawa tugas bapa adalah memberikan sokongan penuh dari sudut emosi dan keperluan asas kepada ibu dan anak. Bahkan, Nabi Muhammad ﷺ telah mengangkat kehormatan seorang ibu seperti dalam hadis:

Syurga itu terletak di bawah tapak kaki ibu.
(Riwayat Ahmad, Nasa'i, dan Ibn Majah)

Nabi Muhammad ﷺ menggalakkan kesamaan gender dan menunjukkan teladan dengan menjalankan peranan domestik dalam kehidupan baginda sendiri yang boleh diklasifikasikan sebagai suatu transformasi yang berlaku di tengah-tengah budaya masyarakat Arab jahiliyyah yang sangat kuat didominasi oleh kaum lelaki.

Dalam isu penting berkaitan seks, Islam begitu jelas dan tegas menegah sebarang perhubungan antara lelaki dan perempuan di luar ikatan perkahwinan. Peraturan ini adalah untuk melindungi keluarga dan masyarakat daripada penyakit dan perpecahan. Islam tidak akan berkompromi dengan isu seperti ini dan menutup semua jalan menuju perhubungan seksual yang diharamkan (seperti arak, dadah, penggodaan). Apabila adik-beradik lelaki dan perempuan mencapai umur 10 tahun, mereka dikehendaki dipisahkan tempat tidur bagi mengelakkan sebarang masalah seksual.

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Apabila anak-anak kamu mencapai umur tujuh tahun, ajarkan mereka solat, dan apabila mereka berumur 10 tahun, mereka boleh dirotan sekiranya gagal menunaikan solat dan hendaklah dipisahkan tempat tidur mereka.

(Riwayat Ahmad dan Abu Dawud)

Islam menyiapkan anak perempuan untuk peranan sebagai ibu dan penjagaan anak, dan kerjaya di luar rumah dan peranan sebagai ahli masyarakat (termasuk terlibat dengan aktif dalam ketenteraan). Wanita pada zaman Nabi Muhammad ﷺ menyertai peperangan bersama baginda. Selepas anak-anak mereka mencapai umur baligh, para ibu sepatutnya berperanan secara aktif dalam program kemasyarakatan secara formal atau tidak formal, sepenuh masa atau sambilan, membayar atau secara sukarela dan terlibat dalam aktiviti bersifat politik atau sebaiknya. Apa sahaja keadaan yang bersesuaian dengan situasi kehidupan mereka, keperluan profesion, latihan dan pengalaman mereka adalah digalakkan. Perkara ini bukanlah suatu kewajipan tetapi lebih kepada budi bicara mereka. Berbeza dengan tugas dan tanggungjawab lelaki yang wajib menyara seluruh keluarga.

Sebahagian daripada perincian peranan adalah tertakluk kepada budaya kontemporari. Sebagai contoh, ketika zaman Nabi Muhammad ﷺ lelaki boleh berambut panjang. Di Barat pada pertengahan tahun 1900, lelaki yang berambut panjang sukar mendapat pekerjaan. Kini pada abad ke-21, lelaki yang berambut panjang diterima umum. Pada masa dahulu, lelaki yang gagah dan kuat diperlukan dalam sektor pekerjaan pembinaan. Tetapi kini banyak pekerjaan berat tidak lagi memerlukan tenaga atau kekuatan

manusia disebabkan kemajuan di bidang teknologi maklumat, elektronik dan komputer. Kerjaya dalam sektor pembinaan, kejuruteraan dan pengangkutan pada masa kini boleh dilaksanakan dengan mudah oleh kaum wanita. Dalam masa yang sama, kaum lelaki dan wanita juga boleh turut bekerja dalam bidang pendidikan, katering, kejururawatan, kesetiausahaian, teknologi maklumat dan pengurusan hotel. Juga dalam urusan pakaian, lelaki dan perempuan boleh memakai jeans dan seluar dengan syarat ia memperlihatkan kesederhanaan, kehormatan dan maruah (tidak terlalu ketat, tidak jarang menutup aurat dan tidak seksi). Di beberapa negara Islam seperti Malaysia, seluar adalah sebahagian daripada pakaian harian kaum wanita.

Lelaki dan wanita harus saling mempelajari satu sama lain. Boleh dikatakan bahawa terdapat beberapa sifat feminin di dalam diri lelaki dan terdapat juga sifat maskulin di dalam diri wanita. Kedua-duanya mempunyai hormon lelaki dan wanita dalam kadar yang berbeza. Perkara ini tidaklah memerlukan kerana telah disebut dalam al-Quran, seperti berikut:

... kamu (wanita) itu adalah sebagai pakaian bagi kamu (lelaki) dan kamu (lelaki) pula sebagai pakaian bagi mereka (wanita)...

(Surah al-Baqarah: ayat 187)

Sesungguhnya Aku tidak akan mensiasikan amal orang-orang yang beramal daripada kalangan kamu, sama ada lelaki atau perempuan kerana setengah kamu adalah keturunan daripada setengahnya yang lain...

(Surah ali Imran: ayat 195)

Dia yang menciptakan kamu daripada diri yang satu.

(Surah al-Zumar: ayat 6)

Firman Allah ﷺ berkenaan gender adalah:

Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnianya yang Allah telah berikan kepada sebahagian daripada kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). Kerana telah tetap orang-orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan dan orang-orang perempuan pula ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan; (maka, berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

(Surah an-Nisaa: ayat 32)

Al-Quran menujukkan ayat-ayat di atas kepada semua manusia. Dalam beberapa kes, ada ayat-ayat yang ditujukan kepada lelaki atau wanita apabila wujud peranan yang khusus untuk dilaksanakan. Walaupun begitu, dalam semua keadaan, al-Quran membicarakan perihal lelaki dan perempuan dengan penuh hormat dan mulia.

Jalan Tuhan Adalah yang Terbaik: Contoh dari China, Jerman dan India

Tuhan Pencipta alam semesta ini telah meletakkan semua perkara pada ukuran yang tepat dan mengurniakan kita alam sekitar yang seimbang. Pelanggaran terhadap peraturan samawi ini menyebabkan berlakunya kekacauan.

Lihat kepada negara China yang menggubal polisi kontroversial satu orang anak sahaja dalam usaha mereka mengawal pertumbuhan populasi.

Setiap pasangan dihadkan untuk mempunyai seorang anak sahaja. Kegagalan mengikuti polisi ini boleh menyebabkan pasangan kehilangan



manfaat yang disediakan. Keadaan ini membawa kepada masyarakat yang didominasi oleh kaum lelaki sahaja kerana mereka lebih menyukai anak lelaki sebagai anak tunggal mereka. Mereka menganggap anak lelaki boleh membantu keluarga berbanding dengan anak perempuan.

Untuk beberapa dekad, ibu bapa memelihara anak lelaki dan membuang anak perempuan.

Akibatnya masyarakat menghadapi masalah kekurangan wanita yang serius di dalam populasi yang menyebabkan berlakunya jenayah, penculikan dan pelacuran serta kesan-kesan yang merosakkan akibat pengguguran bayi secara rahsia. Ketidakseimbangan yang merosakkan ini memaksa kerajaan akhirnya membatalkan “eksperimen sosial” yang melanggar tabiat alami ini dan membernarkan keluarga kembali kepada keadaan asal mereka. Al-Quran menerangkan hukum penciptaan seperti berikut:

Bagi Allah jualah hak milik segala yang ada di langit dan di bumi. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya. Dia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Atau Dia mengurniakan mereka kedua-duanya – anak-anak lelaki

dan perempuan dan Dia juga menjadikan sesiapa yang dikehendaki-Nya mandul. Sesungguhnya Da Maha Mengetahui lagi Maha Kuasa.

(Surah asy-Syura: ayat 49-50)

Sejak penciptaan Nabi Adam dan Hawa, keseimbangan gender telah wujud secara alami menurut kehendak Sang Pencipta.

Kerajaan Nazi di German pernah bereksperimen dengan kualiti individu. Program eugenik yang dibangunkan untuk menghasilkan “manusia super” dengan beberapa prosedur identifikasi, pengasingan dan latihan telah mengalami kegagalan yang teruk sekali.

Agnivesh et al. (2005) memaklumkan bagaimana di India, pembunuhan janin perempuan, iaitu program pengguguran terpilih janin perempuan telah mengakibatkan jurang perbezaan gender yang menakutkan sehingga terdapat 50 juta orang lelaki lebih ramai daripada wanita.

Ironisnya, perkembangan teknologi telah memudahkan kaedah tersebut. Pada zaman dahulu, bayi perempuan dibunuh selepas dilahirkan. Namun, pada masa kini, perkara tersebut menjadi lebih mudah untuk ibu bapa dan menguntungkan bagi para doktor untuk melakukan pembunuhan janin perempuan melalui pemeriksaan ultrasound tanpa ada risiko tindakan undang-undang. Dalam usaha membendung perkara ini daripada terus berleluasa, kerajaan telah mengharamkan pemeriksaan ultrasound untuk mengetahui jantina janin.

Amalan ini dianggap lazim bagi golongan miskin dan buta huruf di India yang sebahagian besarnya atas faktor tuntutan mahar yang tinggi ke atas pengantin perempuan oleh keluarga

pengantin lelaki dan juga prejudis budaya tradisi yang lain. Namun hari ini, pembunuhan janin perempuan juga kerap berlaku dalam kalangan golongan kaya dan berpendidikan tinggi yang kelihatan semakin meningkat seiring dengan tahap pendidikan yang tinggi dengan bilangan kes terendah berlaku dalam kalangan wanita yang menamatkan pendidikan darjah lima dan kes tertinggi berlaku dalam kalangan wanita lepasan universiti.

Terdapat juga kanak-kanak perempuan yang diperdagangkan daripada keluarga miskin di Bangladesh dan Nepal atau dari daerah-daerah pedalaman di India dan dijual untuk perkahwinan dengan harga sebanyak USD200, jauh lebih murah daripada harga seekor lembu iaitu USD1,000 (Hughes et. al, 1999). Malangnya, dalam banyak budaya di India, kelahiran anak lelaki diraikan manakala kelahiran anak perempuan diratapi.

Aktiviti

AKTIVITI 38: PERBUALAN KEIBUBAPAAN

Kumpulkan beberapa orang ibu bapa untuk membincangkan “Bagaimana membesarkan anak yang baik”, dan bertukar-tukar pengalaman peribadi mereka sama ada yang positif atau negatif.

Selepas majlis makan malam di rumah kami, semua ibu bapa mengambil tempat dan mula berbincang bagaimana membesarkan anak yang baik. Banyak pengalaman berharga yang dikongsikan. Pada akhir perbincangan, seorang bapa yang bijak berkata, “Semua perkara yang diperkatakan adalah penting, tetapi tidak memadai kerana walaupun semua peraturan diikuti, tanpa rahmat dan kasih sayang Allah ﷺ ke atas keluarga anda, anak anda akan mengecewakan anda”. Ibu bapa mencapai kata sepakat seperti berikut:

Tidak kira berapa banyak usaha yang anda lakukan, anda mesti mengiringi ilmu dan kemahiran anda dengan permohonan rahmat daripada Tuhan untuk membantu anda dengan tugas keibubapaan yang mulia dan mencabar ini.

Sebuah keluarga, sebuah komuniti, umat keseluruhan dan rahmat Tuhan diperlukan untuk membesarkan anak-anak. Bekerjasama adalah jawapannya, bukannya pengasingan.

AKTIVITI 39: BERSYUKUR KEPADA ALLAH ﷺ ATAS SEGALA-GALANYA!

Segala puji kepada Allah ﷺ, Alhamdulillah

Ajari anak anda untuk menyebut ucapan berikut berulang kali:

Saya bersyukur kepada Allah ﷺ atas segalanya yang diberikan oleh-Nya kepada saya.

Saya bersyukur kepada Allah ﷺ kerana menciptakan saya sebagai manusia.

Saya bersyukur kepada Allah ﷺ kerana menciptakan saya sebagai perempuan, atau

Saya bersyukur kepada Allah ﷺ kerana menciptakan saya sebagai lelaki.

Saya bersyukur kepada Allah ﷺ kerana menciptakan saya berkulit hitam, putih, coklat atau kuning.

Saya bersyukur kepada Allah ﷺ yang menciptakan saya seadanya begini.

AKTIVITI 40: BARACK OBAMA: CONTOH KEIBUBAPAAN TUNGGAL

Ibu bapa dinasihati supaya duduk bersama anak-anak mereka dan membincangkan bagaimana seorang berbangsa Afrika-Amerika boleh dilantik ke jawatan politik tertinggi di seluruh planet ini. Tidak kira bagaimana akhirnya beliau menjadi Presiden, legasi pencapaian Barack Obama adalah bukti keupayaan manusia mampu mengatasi segala kemungkinan hatta yang paling sukar. Minta anak-anak membaca dua buah buku tentang Obama, *Dreams from My Father: A Story of Race and Inheritance* dan *The Audacity of Hope*. Ibu bapa boleh menjelaskan tentang hikmah dan kebijaksanaan perancangan Tuhan, bagaimana ia boleh berlanjutan mele过i beberapa generasi, jauh mengembara dan walaupun menempuh halangan-halangan dalam perjalannya, perancangan Tuhan itu akhirnya sampai ke destinasinya. Obama dibesarkan oleh ibu tunggal; ibu bapa boleh membincangkan sujek ini bersama dengan anak-anak. Mereka juga boleh membincangkan ibu Nabi Musa a.s. dan ibu Nabi Isa a.s. serta bapa saudara Nabi Muhammad ﷺ ketika membesarkan nabi-nabi yang agung ini.

Merujuk kepada kisah Obama dan perancangan samawi, amat menarik jika diteliti bagaimana drastiknya keputusan yang akan berlaku sekiranya terdapat penyelewengan daripada perkara-perkara berikut yang telah terjadi dalam kehidupannya. Pertimbangkan frasa berikut, "bagaimana jika..."

- Bagaimana jika bapa Obama (Barack Husein Obama) bukan seorang Muslim Kenya dan tidak mendapat biasiswa ke Amerika?
- Bagaimana jika bapa Obama tidak berkahwin dengan ibunya (Ann Dunham) seorang wanita berkulit putih dari Kansas?
- Bagaimana jika bapa Obama tidak meninggalkan isterinya ketika Obama berusia dua tahun dan tidak pernah kembali?
- Bagaimana jika ibunya tidak berkahwin dengan orang Islam Indonesia (Soetoro) dan menetap selama empat tahun di Jakarta di mana Obama berpeluang bersekolah bersama rakan-rakan Muslim?
- Bagaimana jika ibunya tidak diceraikan oleh bapa tirinya (Soetoro) dan kembali ke Amerika Syarikat?
- Bagaimana jika ibunya tidak mati akibat kanser dan kemudian Obama dijaga oleh datuk dan neneknya (Madelyn dan Stanley Dunham) di Hawaii dan bersekolah di sana. Fikirkan tentang kesan keluarga besar dan rahmatnya!
- Bagaimana jika Obama tidak memasuki Universiti Havard dan menjadi pelajar Afrika-Amerika pertama sebagai editor jurnal terkemuka dunia, Harvard Review?
- Bagaimana jika Obama tidak tinggal di Chicago sebagai seorang Kristian dan menghadiri

Christian Trinity Church untuk beberapa dekad.

- Bagaimana jika Obama tidak berkahwin dengan Michelle, keturunan hamba Afrika yang juga seorang graduan Universiti Harvard?

Manusia merancang, Allah ﷺ sebaik-baik perancang!

Ini adalah suatu pencapaian yang memberangsangkan bagi umat manusia melampaui fahaman perkauman, ketaksuban dan menghayati erti kesamaan, kepelbagaihan dan toleransi. Rumah Putih yang dibina oleh hamba-hamba Afrika di antara tahun 1792 dan 1800, akhirnya diduduki oleh salah seorang daripada mereka, sebuah keluarga yang terdiri daripada seorang bapa, ibu dan dua orang anak perempuan. Ia merupakan suatu perubahan yang luar biasa. Apa jua yang dilakukan Obama, yang pasti beliau telah mencipta sejarah!

Dengan tema yang sama, ibu bapa boleh menceritakan pengalaman mereka sendiri dari sudut perancangan Tuhan, dan berkongsi keputusan yang diambil serta takdir yang ditentukan Tuhan pada garis perjalanan kehidupan mereka dan bagaimana ia membawa mereka kepada perkahwinan, memiliki anak dan di mana mereka hari ini.

Ini semua adalah perancangan Allah ﷺ Yang Maha Pencipta.

Apa yang anda rancangkan, tidak akan berlaku tanpa izin Allah ﷺ .

BAB 13

Seks dan Pendidikan Seks: Apa yang Patut Kita Beritahu Anak-Anak Kita?

- Pengenalan **276**
- Apakah Pendidikan Seksual? **276**
- Situasi di Amerika Syarikat **277**
- Persepsi Ibu dan Anak Perempuan di Barat **280**
- Nilai dan Seks: Hari ini dan Semalam **281**
- Mengapa Pendidikan Seks? Patutkah Kita Mengajarnya? **282**
- Apa yang Perlu Diajar kepada Anak? **284**
- Penderaan Seksual! Adakah Begitu Serius? **285**
- Tradisi Nabi Ibrahim Menentang Zina **287**
- Rasional di Sebalik Hukuman Berzina **288**
- Penyakit Jangkitan Seksual **289**
- Hubungan Teman Lelaki-Teman Wanita **290**
- Kanak-kanak Hamil: Pengguguran dan Anak Angkat dalam Islam **293**
 - *Pengguguran*
 - *Anak Angkat dalam Islam*
- Homoseksual dan Ibu bapa **297**
- Pendidikan Seksualiti dalam Islam **301**
- Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak **303**
- Seks dan Kebersihan: Haid, Bulu Kemaluan, Berkhatan dan Air Mani **304**
- Remaja dan Kawalan Diri **305**
- Penyelesaian Islam Terhadap Dilema Seksual: Pendekatan Pencegahan **307**
 - *Kesopanan*
 - *Etika Pemakaian*
 - *Tiada Percampuran Terbuka dan Tiada Khalwat*
 - *Tekanan Rakan Sebaya dan Faktor-faktor Lain*
 - *Apa yang Perlu Dilakukan*
 - *Berkahwin Awal*
- Dilema Sistem Pendidikan Lwn. Perkahwinan Awal **318**
- Melindungi Kanak-kanak daripada Penderaan Seksual oleh Orang Dewasa **321**
 - *Umur yang Sesuai untuk Didedahkan tentang Bahaya Pelacuran*
 - *Apabila Kanak-kanak Menjadi Mangsa Sumbang Mahram atau Rogol*
- Kurikulum Pendidikan Seks Islam **324**
- Aktiviti 41-42 **326**

Pengenalan

Seks dan pendidikan seks adalah topik yang amat penting dan mempunyai kepentingan yang mendalam. Kebanyakan ibu bapa berasa sangat tidak selesa ketika membincangkan perkara tentang seks dan lebih suka menyerahkan pendidikan seks anak-anak mereka kepada sekolah atau orang lain. Untuk menjadi orang yang cergas dan sihat fizikal, minda, tubuh badan, hati dan jiwanya, mereka harus mengendalikan perkara tentang seks dengan betul. Amalan seks yang diharamkan membawa kepada tragedi dan kerosakan jangka masa panjang iaitu penyakit sosial dan fizikal. Tidak hanya orang yang melakukan hubungan terlarang sahaja yang dijangkiti penyakit jangkitan seks. Malah pasangan dan keturunan mereka juga mungkin akan terkesan. Kerosakan tersebut boleh menjadi sangat parah sehingga tidak boleh diubati.

Allah ﷺ mengharamkan zina atau persetubuhan luar nikah. Pergaulan seks bebas membawa bencana. Justeru, salah satu syarat utama bagi mengawal keadaan ini adalah memastikan perhubungan seks hanya dilakukan selepas perkahwinan. Penyakit jangkitan seksual meningkat akibat terlibat dengan perhubungan seks yang diharamkan. Ketika manusia tidak berkelakuan secara semula jadi, pelbagai penyakit baharu akan menyerang. Ibu bapa perlu mengambil peranan aktif mempelajari pendidikan seks sebagai persediaan untuk mereka dan anak-anak mereka.

Apakah Pendidikan Seksual?

MANUSIA MEMPUNYAI PERBEZAAN persepsi terhadap pendidikan seksual. Adakah ia tentang anatomi dan fisiologi tubuh badan manusia, atau perhubungan seksual? Atau adakah ia tentang reproduksi dan kehidupan berkeluarga, atau pencegahan penyakit dan kehamilan tanpa rela? Adakah mendidik kanak-kanak tentang seks seolah-seolah seperti memberitahu mereka melakukan hubungan seks? Seorang guru pernah berkata: "Saya tidak merancang untuk memberitahu anak-anak anda sama ada mereka boleh atau tidak melakukan hubungan seksual, atau bagaimana melakukannya. Tetapi sekiranya mereka memutuskan untuk melakukannya, mereka harus tahu bagaimana untuk mencegah penyakit dan kehamilan." Kebanyakan program pendidikan seksual tidak lengkap dan mengelak daripada membincangkan isu-isu moral, ketidakfungsian seks, penyelewengan dan perkahwinan.

Terdapat dua isu asas. Isu pertama berkait rapat dengan fakta biologi. Ia berkaitan dengan ketakutan remaja yang meningkat apabila mereka

melalui masa kedatangan haid atau mimpi basah tanpa persiapan maklumat yang dibekalkan oleh ibu bapa. Isu asas berikutnya adalah membekalkan maklumat yang secukupnya kepada remaja yang diketahui aktif mengamalkan hubungan seksual. Ini bagi mengelakkan kehamilan yang tidak diingini atau terlibat dalam pengguguran anak. Dengan adanya maklumat, mereka dapat mengelakkan diri daripada sebarang bahaya.

Sebahagian sekolah mengajar sistem reproduktif asas serta tanggungjawab moral yang berkaitan. Terdapat juga sekolah yang menyediakan informasi sewajarnya. Di kebanyakan sekolah, pendidikan seksual terkandung sebahagian besarnya dalam kurikulum Pendidikan Moral and Sosial. Agak merugikan sekiranya anak-anak anda tidak mengambil mata pelajaran ini kerana subjek yang diajarkan juga ada dibincangkan di dalam kelas Bahasa Inggeris atau Sejarah atau Pendidikan Jasmani, atau Seni, atau Pendidikan Agama atau yang boleh didapati secara virtual dari mana-mana sumber. Hubungan seks telah menjadi bahagian yang penting dalam kehidupan kita.

Kebanyakan pendidikan seksual tidak memperlihatkan peranan dalam kebahagiaan dan kesempurnaan kehidupan berumah tangga. Kerana itu, ramai pasangan berhadapan dengan kehidupan rumah tangga yang sangat mengecewakan, biasanya akibat kekurangan ilmu dan kemahiran. Salah faham yang biasa berlaku adalah, "kemampuan seorang suami untuk meningkatkan dan memuaskan kepuasan seksual isterinya akan datang secara semula jadi." Ilmu tentang bagaimana mewujudkan perkahwinan yang bahagia merupakan bahagian yang penting dalam pendidikan seksual. Alangkah sedih sekiranya pendidikan ini tidak diberikan ruang yang sewajarnya dalam kehidupan remaja.

Sekiranya anak remaja kita aktif dalam perhubungan seks, kita mungkin menjadi orang yang terakhir mengetahuinya. Jelas sekali anak remaja akan cuba merahsiakannya. Tambahan pula, para remaja mempunyai rangkaian rahsia dalam kalangan mereka. Mereka tahu banyak perkara tentang rakan sebaya mereka dan sebaliknya. Namun, semua maklumat itu tersebunyi daripada ibu bapa.

Jawapan sebenar kepada isu tersebut tentunya dengan merujuk kepada model Rasulullah ﷺ. Di sekolah, kaedah pengajaran pendidikan seksual mempunyai sisi positif dan negatifnya. Oleh sebab itu, ibu bapa juga harus memikul tanggungjawab untuk membimbing anak-anak mereka. Maklumat tentang seks yang diberikan oleh masyarakat termasuklah sekolah, televisyen, internet dan rakan sebaya telah bercampur aduk antara kebaikan dan keburukan.

Situasi di Amerika Syarikat

Athar (1990) menceritakan bagaimana kanak-kanak yang diberi pendidikan seksual tanpa

dokongan nilai di sekolah sama seperti memberi mesej yang salah daripada media (Lihat *Sex Education: An Islamic Perspective*, dedit oleh Shahid Athar, M.D. <http://www.teachislam.com/dmdocuments/33/BOOK/SexEducation>). Di kebanyakan sekolah, pendidikan seksual diajar dari sekolah rendah dengan menelan kos berbilion dolar Amerika. Guru-guru hanya menerangkan aspek teknikal berkenaan seks tanpa menekankan nilai moral atau bagaimana membuat keputusan yang betul. Selepas menerangkan hal tentang anatomi dan fisiologi reproduktif, penekanan utama adalah pada pencegahan penyakit bawaan seksual dan kehamilan remaja. Dengan peningkatan AIDS, fokus pendidikan tentunya kepada "seks selamat" iaitu kebiasaannya dengan menggunakan kondom. Cukai dibayar kepada sebahagian sekolah bagi tujuan mengedarkan kondom dan alat pencegah kehamilan secara percuma kepada pelajar remaja yang pergi ke klinik kesihatan sekolah. Mesin layan diri kondom juga disediakan di sekolah dan di universiti.

Peranan ibu bapa diminimumkan dan kadangkala menjadi bahan cemuhan. Apabila anak remaja lelaki bertanyakan soalan tentang seks, bapa mereka biasanya akan mengelak dan menukar topik perbualan. Oleh itu, mereka akan belajar tentang seks daripada orang lain.



Sebahagian salah laku yang dicadangkan oleh para pendidik tidak boleh diterima berdasarkan prinsip-prinsip agama. Menurut Dr. Shahid Athar, kepercayaan sebahagian pendidik yang tersasar ini adalah seperti berikut:

(a) Bertelanjang di rumah (di dalam bilik air atau bilik tidur) adalah cara yang baik dan sihat untuk memperkenalkan seksualiti kepada anak kecil (di bawah 5 tahun) untuk memberikan mereka ruang dan peluang untuk bertanya soalan. Bagaimanapun, berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 1997, 75 peratus daripada keseluruhan kes pencabulan terhadap kanak-kanak dan yang terlibat dengan sumbang mahram (500,000 kes setahun) berlaku di kalangan saudara terdekat (ibu atau bapa, ibu bapa tiri atau ahli keluarga lain) dalam persekitaran yang dikenali. (Abel et al. 2001).

(b) Seorang anak yang bermain dengan alat kemaluan kanak-kanak lain dianggap sebagai "eksplorasi yang naif". Oleh itu, ia dibenarkan dan bukan alasan untuk dimarahi atau dihukum. Pendidik ini khususnya juga tahu bahawa ada kanak-kanak lelaki seawal usia 12 tahun telah merogol kanak-kanak perempuan seawal usia 8 tahun. Malangnya pendidik ini tidak memaklumkan kepada kita bilakah "ekplorasi naif" ini boleh berubah menjadi salah laku seks.

(c) Kanak-kanak yang ditangkap membaca majalah lucu tidak sepatutnya dipersalahkan, tetapi ibu bapa harus menggunakan peluang ini untuk memberikan nasihat yang berguna tentang tingkah laku seksual, nilai dan eksloitasi seks. Ini adalah kejahilan yang menakutkan. Kebanyakan majalah ini menyampaikan mesej bahawa seks adalah komoditi dan wanita sebagai alat permainan

untuk lelaki. Malahan, rasa bersalah bukan emosi yang berbahaya selagi ia membuatkan manusia menyesali perbuatannya dan cuba memperbaikinya.

Perasaan sesal melalui rasa bersalah (untuk menilai dan menterbalikkan perbuatan salah) adalah mekanisme untuk mengajar anak-anak untuk mengukur perlakuan mereka dan perasaan bertanggungjawab.

Benar atau Salah?

Lebih banyak yang mereka tahu, lebih banyak mereka melakukannya!

(d) Peranan ibu bapa secara moral adalah untuk melindungi kesihatan dan kerjaya anaknya sekiranya diketahui anaknya telah pun aktif secara seksual dan bukan menggesanya terus untuk berhenti. Ia boleh dilakukan dengan menyampaikan maklumat dan kaedah bagi mencegah kehamilan serta mengelakkan penyakit jangkitan seksual. Pendidik seperti ini tidak percaya bahawa jika kita memberikan informasi seksual bermaksud kita membenarkan anak itu melakukan hubungan seks. Sekiranya ada orang memberitahu kita tentang bentuk, warna, bau, dan rasa sejenis buah yang kita tidak pernah tahu, kemudian dia menceritakan bagaimana nikmat dan sedapnya buah tersebut, bukankah ini secara halusnya memberi isyarat bahawa kita patut cuba memakan buah itu? Ibu bapa perlu memulakan perbincangan yang sesuai tentang hubungan seksual yang tidak betul. Perbincangan boleh berkisar tentang kehamilan yang tidak diingini, iklan lucu, muzik yang cabul atau siaran TV yang mendorong pergaularan bebas.

Pendidikan seksual di sekolah-sekolah awam di Amerika Syarikat tidak mengurangkan insiden penyakit jangkitan seksual atau kehamilan remaja atau mengubah tabiat seksual para remaja. Malangnya, menghadiri gereja juga tidak banyak membantu. (Athar 1990)

Melainkan anak-anak pergi ke sekolah

yang benar-benar cuba untuk menghalang pembelajaran ilmu biologi, mereka tetap akan mempelajari pendidikan seksual. Jadi, ibu bapa harus lebih terlibat. Sekolah-sekolah biasanya memberikan ilmu biologi asas dan maklumat kontraseptif yang relevan. Ramai ibu bapa Muslim, sama seperti penganut kepercayaan agama-agama lain, sangat prihatin bahawa moral seksualiti yang diserapkan di sekolah-sekolah awam tidak mencapai standard kepercayaan mereka. Mereka juga percaya bahawa memberikan anak-anak nasihat tentang penggunaan alat kontraseptif boleh mendorong mereka melakukan hubungan seks. Ini adalah ketakutan yang tidak berasas kerana maklumat yang diberikan adalah fakta dan perlu bagi orang muda.

Ramai lelaki Islam mahupun yang bukan Islam, terkejut melihat keperluan seksual isteri masing-masing. Ini kerana ramai lelaki diberitahu bahawa mudah bagi seorang wanita untuk memuaskan keperluan seksual seorang lelaki. Dia hanya perlu berdiam diri dan memberikan suaminya laluan untuk beberapa ketika. Walau bagaimanapun, lelaki tidak diberitahu bahawa ia merupakan satu kemahiran dan tuntutan agama bagi seorang

lelaki untuk belajar memenuhi keperluan seksual wanita. Mereka perlu mengatasi perasaan malu mereka terhadap bahagian sulit wanita, mempelajari teknik bercumbu dan memahami bahawa jika mereka hanya memuaskan diri sendiri tanpa memenuhi keperluan seksual isteri, mereka sebenarnya telah melakukan penderaan yang besar kepada isteri mereka dan ini adalah satu bentuk kezaliman.

Kebanyakan ibu bapa tidak mahu anak-anak mereka "tidur sembarangan" di mana-mana. Walaupun begitu, apabila anak remaja mula tinggal berjauhan (atas alasan pendidikan atau kerjaya), ibu bapa tidak mampu memantau mereka sepenuhnya. Walaupun kepolosan (*innocence*) adalah salah satu cara untuk melindungi anak, ia sebenarnya telah hilang di taman permainan sebelum anak tersebut berusia 10 tahun. Anak-anak pada masa kini banyak mengambil maklumat daripada sumber internet, televisyen dan filem. Sekiranya mereka mempunyai akses terhadap DVD (kepunyaan keluarga atau kawan), realitinya, ilmu seksual yang diperolehi mereka lebih jauh terkedepan daripada ilmu kita sendiri.

Aids: Satu daripada Penyebab Utama Kematian di Thailand

Menurut Timbalan Menteri Kesihatan Awam Surapong Suebwonglee pada tahun 2001, AIDS telah menjadi penyebab utama kematian di Thailand, mengatasi kemalangan, penyakit jantung dan kanser. Menteri tersebut tidak mendedahkan jumlah yang tepat namun menyatakan jumlah sebenar penghidap HIV-AIDS kurang dilaporkan kerana saudara-mara mangsa di kawasan luar bandar enggan melaporkan penyebab sebenar kematian mangsa.

"Ketua kampung melaporkan kebanyakannya kematian bukan kemalangan sebagai "jantung yang terhenti". Ini membawa kepada salah faham bahawa kebanyakannya rakyat Thailand mati disebabkan penyakit jantung." "Tetapi kami

telah melakukan kaji selidik secara rambang dan mendapati punca terbesar kematian di kawasan luar bandar adalah AIDS," kata beliau selepas kembali daripada mesyuarat Pertubuhan Kesihatan Sedunia di Maldives. Program HIV-AIDS anjuran United Nation (UNAIDS) yang beribu pejabat di Bangkok menyatakan bahawa kematian akibat AIDS akan terus meningkat kerana warga Thailand yang dijangkiti ketika permulaan epidemik ini sejak 10 tahun yang lalu sudah mula sakit dan mati dalam jumlah yang ramai. Dianggarkan semua daripada 60 juta rakyat Thailand telah dijangkiti dengan HIV dan sekitar satu pertiga daripadanya telah meninggal dunia.

Mengapa Seorang Profesor Memilih Untuk Meninggalkan Amerika Syarikat?

Seorang Profesor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pernah menceritakan kisah berikut. Suatu hari, anak lelakinya pelajar tahun tiga di sekolah rendah awam di Michigan kembali ke rumah dan menerangkan dengan terperinci tentang perlakuan seksual rakan sekelasnya bersama rakan perempuan di dalam kelas! Ini menyebabkan Profesor tersebut mengambil keputusan meninggalkan Amerika bersama seluruh ahli keluarganya!

Kesan pendidikan seks tanpa nilai telah menghasilkan generasi yang terbiasa melakukan hubungan seks dengan cara yang tidak bertanggungjawab. Budaya sebegini yang menjadi kelaziman telah menjadikan seks sebagai suatu yang menarik, sedia ada, menyeronokkan, dan mudah diakses. Menghindarinya dilihat sebagai tidak normal bagi kebanyakan orang kerana imej seksual dan pergaulan bebas telah menjadi perkara biasa.

Persepsi Ibu dan Anak Perempuan di Barat

Hari ini, remaja semakin keliru dengan tingkah laku seksual dan kurang panduan yang sesuai daripada ibu bapa dan guru-guru. Di bawah merupakan antara contoh kenyataan yang diucapkan oleh remaja:

- Selma, 16 tahun: "Saya tidak boleh bertanya apa-apa tentang seks kepada ibu saya. Sekiranya saya bertanya, ibu akan mula memikirkan mengapa saya bertanyakan soalan sedemikian. 'Untuk apa kamu mahu tahu tentang itu?' Ibu akan mendesak, 'melainkan...'"
- Juliet, 14 tahun: "Ibu saya percaya 'kejahilan bermaksud tidak tahu apa-apa. Ibu marah apabila saya bertanya tentang seks. Kata ibu, 'Suami kamu akan mengajar kamu apa yang kamu perlu tahu tentang seks.'"
- Louis, 18 tahun: "Saya mendapat pelbagai mesej daripada kedua-dua ibu bapa saya. Seorang berkata, 'Jangan lakukannya, nanti kamu akan susah!' Seorang lagi berkata, 'Semasa muda inilah kamu patut melakukannya.' Saya harap ibu bapa saya ada kata putus. Sekiranya hubungan seks itu baik untuk kami, mereka harus mengatakannya kepada kami. Jika sebaliknya, jangan cuba mempengaruhi, jangan

bangkitkan kemarahan dan jangan kelirukan kami."

- Joshua, 15 tahun: "Bapa saya selalu mahu kami bercakap benar. Tetapi kejujuran bapa terhenti pada topik tentang seks. Inilah satu-satunya topik di mana sikap terus terang saya tidak dilayan."
- Jonathan, 22 tahun: "Untuk pelajar lelaki universiti, seks adalah simbol kematangan dan kelelakian. Untuk pelajar wanita, ia adalah pelindung daripada keadaan tidak popular dan kesepian".
- Dilema seksualiti yang diluahkan oleh remaja: "Sekiranya saya menonton rancangan komedi saya boleh ketawa; menonton rancangan tragedi saya boleh menangis; menonton sesuatu yang boleh membuat saya marah saya boleh menjerit; tetapi sekiranya saya melihat sesuatu yang boleh menaikkan syahwat, apa yang boleh saya lakukan?"

Perbincangan-perbincangan ini menunjukkan bahawa pendidikan seksual yang sesuai, kini diperlukan untuk menjadi penawar kepada kejahilan. Masyarakat tidak lagi boleh secara pasif membenarkan paparan di jalan raya dan layar skrin menetapkan nilai dan standard pendidikan seksual.

Nilai dan Seks: Hari Ini dan Semalam

Terdapat konflik nilai yang cukup besar dalam kalangan masyarakat hari ini. Sebahagian ibu bapa merasakan bahawa sudah tiba masanya untuk menerima realiti baru. Ibu bapa ini bimbang tentang penyakit jangkitan seksual (STD), kehamilan yang tidak diingini dan reputasi yang rosak. Mereka berharap dapat menghalang bahaya tersebut dengan pendidikan seksual secara terbuka. Sebahagian mereka telah membekalkan anak remaja mereka dengan informasi dan alat kontraseptif.

Sekumpulan ibu bapa lain menolak dengan kuat kaedah sebegini. Mereka tahu bahawa alat kontraseptif akan menggalakkan hubungan seksual sebelum berkahwin. Mereka tahu masyarakat tidak boleh menyokong hubungan seksual dalam kalangan remaja kerana hubungan seksual pada awal usia hanya akan membahayakan perhubungan manusia dan tamadun. Tugas utama remaja adalah untuk mencari ilmu dan mempersiapkan diri untuk menjadi orang dewasa yang benar dan kehidupan berkeluarga. Untuk menyempurnakan tugas ini, lebih baik untuk “membiarkan tudung periuk pada tempatnya”. Sebahagian mereka merasakan perbincangan tentang seks itu sendiri adalah suatu yang menjijikkan dan mengundang perasaan yang teruk. Sebahagian yang lain merasakan perbincangan isu seksualiti secara terbuka akan merangsang tingkah laku seksual, walaupun matlamatnya adalah kawalan diri. Seorang bapa bercakap tentang menjadi contoh teladan kepada anak-anak: “Anak-anak kita akan menjadi seperti yang kita harapkan sekiranya kita sebagai orang dewasa menunjukkan contoh yang baik dan kita sendiri berperilaku baik.”

Baik dalam kehidupan mahupun literatur, masih tidak banyak yang membicarakan hal tentang aspek moral dalam seksualiti. Di Amerika Syarikat dan banyak negara lain seks bukan lagi pelajaran yang dilarang, malah diajar di sekolah dan dibincangkan di rumah. Dalam masyarakat sebegini, mereka mengambil mudah dengan menganggap bahawa remaja akan mengalah kepada seks sekiranya mereka terdedah kepada godaan seks. Disebabkan itu, remaja lelaki akan disyaki dan remaja perempuan akan ditemani ke mana-mana.

Ramai remaja lelaki masa kini mempunyai kereta manakala remaja perempuan mempunyai kebebasan. Apabila godaan wujud pada tahap maksimum dengan pengawasan yang minimum, secara realitinya bagaimana kita boleh mengharapkan mereka akan mengikuti peraturan moral?

Pada masa lalu, anak-anak gadis yang baik bertegas dengan soal kesucian diri. Ketika berhadapan dengan teman lelaki yang mendesak, mereka hanya membenarkan pelukan dan ciuman ringan sahaja. Ini adalah tolak ansur anak gadis tersebut mengambil kira kesedarannya dan



pandangan masyarakat. Hari ini, ramai remaja terdorong untuk mempersoalkan kesedaran ini. Remaja lelaki tidak menyukai "kesedaran" ini kerana televisyen, filem, dan majalah selalu menyebabkan mereka terangsang. Sementara remaja perempuan juga tidak bersetuju kerana ia menjadikan mereka hanya sebagai tontonan.

Di negara-negara ini, pelajar-pelajar perempuan di universiti mendapati agak sukar untuk kekal sebagai perawan.

Ramai lelaki tidak mahu berpasangan dengan mereka dan rakan-rakan perempuan menganggap mereka kuno. Golongan yang benar-benar serius "menjaga diri mereka untuk sebuah perkahwinan" mungkin mendapati diri mereka diasingkan secara sosial. Dalam situasi tekanan inilah, seorang gadis perawan mungkin akan mula meragui kenormalan dirinya. Hanya mereka yang benar-benar memiliki keazaman dan moral yang tinggi, mampu mempertahankan standard mereka dalam menghadapi godaan dan ejekan. Malangnya, ramai anak gadis yang terjerumus dengan hubungan seksual bukan kerana keperluan tetapi akibat tekanan. Pada masa lalu, anak gadis boleh menggunakan alasan takutkan kehamilan sebagai cara untuk menjaga kesucian. Namun kini tidak lagi. Profilaksis (sejenis dadah untuk menghalang kehamilan) dijual di pasar raya manakala pil-pil dan diafragma (alat pencegah kehamilan) boleh didapati dengan mudah. Malahan terdapat sekolah-sekolah dan gereja-gereja turut mengedarkan kondom secara percuma.

Sewaktu pulang ke rumah semasa cuti semester, Jason yang berusia 18 tahun berkata kepada bapanya tentang kehidupan dan cinta: "Saya menemui perbezaan sebenar antara lelaki dan perempuan. Remaja perempuan

menggunakan seks untuk mendapatkan cinta. Remaja lelaki pula menggunakan cinta untuk mendapatkan seks. Falsafah saya adalah cintakan mereka kemudian tinggalkan mereka." Bapanya bertanya, "Apa yang akan berlaku kepada budak perempuan itu selepas kamu atau lelaki lain meninggalkannya?" "Bukan urusan saya, dan saya cuba untuk tidak memikirkannya," kata Jason.

"Cuba fikirkan. Di Timur, masyarakat mengatakan sekiranya kamu menyelamatkan seseorang daripada kematian, kamu bertanggungjawab ke atas nyawanya. Sekiranya kamu merancang strategi supaya seorang gadis jatuh cinta kepada kamu, perasaannya menjadi urusan kamu," jawab bapanya.

Bapa Jason menegaskan prinsip asas. Kejujuran dan tanggungjawab mempunyai kaitan dengan semua perhubungan. Dalam semua situasi, sama ada yang ringkas atau kompleks, hubungan sosial atau seksual, memerlukan integriti dan akauntabiliti setiap individu.

Mengapa Pendidikan Seks? Patutkah Kita Mengajarnya?

Para remaja bersemangat untuk mempelajari apa sahaja yang mereka boleh tentang seks. Mereka bermasalah dan bingung serta menuntut jawapan yang realistik dan bersifat peribadi. Apabila diberi ruang untuk berbincang dengan serius tentang seks, remaja akan bercakap dengan bebas dan waras. Mereka mencari standard dan makna untuk disesuaikan dengan seksualiti masing-masing.

Persoalannya adalah patutkah pendidikan seks diajar kepada remaja? Selalunya, persoalan ini datang terlalu lewat. Seks telah pun diajar dengan buruk sekali melalui internet, di dalam kawasan sekolah, dan di jalan-jalan. Dalam bentuk perkataan dan gambar, kanak-kanak

telah didedahkan kepada seks, biasanya berbentuk kotor dan lucuah.

Skrin-skrin dan jalanan menjadi sumber maklumat yang tiada hentinya. Penjual cerita-cerita lucuah tanpa segan silu akan berkongsikan "fakta" seks dan perasaan berkaitan dengannya. Sementara rakan sebaya yang berpengalaman bersedia menceritakan pengalamannya, sama ada yang nyata maupun imaginasinya. Hanya ibu bapa dan guru-guru yang biasanya takut untuk berkongsi informasi yang betul pada masa yang tepat.

Pendidikan seks mengandungi dua bahagian: pengetahuan dan nilai. Nilai paling baik boleh dipelajari ketika berada di rumah. Sementara mereka yang pakar boleh memberikan maklumat yang paling baik di sekolah. Bukan semua persoalan tentang seks timbul semata-mata kerana dahagakan pengetahuan. Sesetengah anak sekadar mahu memalukan ibu bapa mereka yang gagal menjawab soalan provokatif. Ibu bapa tidak diharapkan untuk berlaku jujur, berasa selesa atau tahu semua aspek tentang seksualiti manusia. Hanya maklumat yang dikehendaki dengan jujur harus diberikan manakala pertanyaan lain boleh dirujuk kepada pakar.

Ibu bapa perlu menggalakkan anak remaja mereka supaya berpartisipasi dalam perbincangan seksual yang dianjurkan bukan hanya oleh sekolah, tetapi juga oleh gereja, masjid, dan pusat komuniti.

Maklumat yang disampaikan secara objektif dan jujur dapat mengurangkan permusuhan dan meningkatkan kepercayaan antara generasi. Orang dewasa boleh mendapatkan kembali kepercayaan orang muda manakala orang muda dapat merasakan bahawa walaupun terdapat jurang usia



antara mereka, orang dewasa benar-benar prihatin dengan kesejahteraan mereka dan boleh berkongsi perikemanusiaan yang sama.

Sebaliknya, ada orang mempertikaikan sama ada kanak-kanak memang memerlukan pendidikan seks. Adakah kita mengajar anak itik cara berenang atau hanya meletakkannya di dalam air dan membiarkan ia berenang? Untuk beratus-ratus tahun lamanya lelaki dan wanita melakukan hubungan seks tanpa pendidikan seks yang formal. Dalam banyak tamadun tradisional, pendidikan seks bermula dengan perkahwinan, yang di dalamnya penuh dengan percubaan dan kesilapan. Memiliki sedozen anak bukanlah bukti sebuah percintaan. Namun, pendidikan seks yang sesuai dan sihat penting untuk mendapatkan sebuah rumah tangga yang bahagia.

Siapakah yang patut mengajar pendidikan seks? Semua orang mempunyai peranan yang harus dimainkan. Ibu bapa perlu tahu tentang semua fakta dan isu yang berkenaan dan perlu mengambil lebih tanggungjawab. Seorang bapa harus mampu menjawab persoalan daripada anak lelakinya. Begitu juga dengan ibu yang harus melayan pertanyaan-pertanyaan anak perempuannya. Kita tidak boleh hanya bergantung

pada pendidikan seks yang diajar di sekolah atau daripada laman media.

Tugas kita adalah menampung pendidikan seks tersebut dengan menambah dimensi etika dan moral.

Guru-guru kelas agama atau tuisyen, doktor keluarga, pakar kanak-kanak, para ustaz atau paderi yang berpengetahuan juga boleh memainkan peranan. Di dalam keluarga, seorang kakak atau abang mempunyai tugas terhadap adik-adik mereka.

Ibu bapa tidak seharusnya mendiamkan diri tentang pendidikan seks. Mendiamkan diri menghantar mesej yang salah kepada anak-anak. Mereka keliru dengan "fakta-fakta" yang mereka dengar daripada orang asing dan rakan sebaya. Seterusnya ini akan membentuk sikap yang tidak sepatutnya terhadap seksualiti yang akan memberi kesan negatif apabila mereka dewasa.

Menghindari pendidikan seks bukan lagi satu pilihan. Kita perlu bersifat realistik. Ibu bapa yang cuba menghalang anak-anak mereka daripada mempelajari pendidikan seks sebenarnya sedang mengantukkan kepala ke dinding batu. Sudah pasti, lebih molek sekiranya anak-anak mempelajarinya daripada orang dewasa yang



berpengetahuan, beretika dan bertanggungjawab. Orang ini tentu mampu membetulkan semula sebarang kekeliruan yang mungkin timbul dan pengaruh-pengaruh yang tidak diingini daripada persekitaran mereka.

Al-Qur'an dan Rasulullah ﷺ membincangkan isu seks dengan jelas dan berhikmah. Seks bukan suatu perkataan kotor kerana ia adalah aspek penting dalam kehidupan manusia. Al-Quran membincangkan hal tentang reproduktif, penciptaan, kehidupan berkeluarga, haid, dan ejakulasi dalam bahasa yang penuh bermaruah. Rasulullah ﷺ membincangkan topik yang sama dengan para sahabat baginda melalui cara yang terhormat. Satu sebab mengapa ibu bapa Muslim tidak mahu membincangkan isu seks adalah berkait rapat dengan cara mereka dibesarkan. Ibu bapa mungkin tidak tahu tentang seks atau tidak selesa dengan seksualiti masing-masing atau perbincangan berkaitan dengannya.

Apa yang Perlu Diajar kepada Anak?

Ramai ibu bapa mempersiapkan anak perempuan mereka untuk menghadapi kedatangan haid dan anak lelaki supaya bersedia menghadapi mimpi basah buat kali yang pertama. Namun ada ibu bapa yang tidak melakukan perkara ini untuk anak-anak mereka. Ini menyebabkan ketakutan dan tekanan kepada anak-anak tersebut. Apabila keluar lendiran atau darah, secara automatik anak-anak ini akan berfikir bahawa mereka akan mendapat penyakit atau perkara berbahaya. Sekiranya lendiran atau darah keluar selepas mereka bereksplorasi dengan diri mereka atau beronani, rasa bersalah atau bimbang akan menghantui mereka. Aliran darah atau air mani yang banyak selalunya membuatkan anak-anak percaya

bahawa ada sesuatu yang tidak kena di dalam badan mereka atau mereka dijangkiti penyakit. Mereka malu dan takut untuk membincangkan perkara tersebut. Seorang anak gadis bersungguh-sungguh cuba menahan darahnya yang keluar dengan sapu tangan selama berbulan-bulan. Dia terfikir yang dia mungkin mendapat penyakit yang berat dan dia terlalu takut untuk memberitahu seseapa. Akhirnya, gurunya yang baik menyedari setelah melihat kesan darah di baju dan terus membantunya. Rupanya dia telah berusaha membersihkan kesan-kesan darah di bajunya itu kerana takut ibunya ternampak kesan tersebut.

Sebahagian ibu perlu memikirkan sikap mereka yang salah terhadap haid sebelum mereka menjelaskannya kepada anak perempuan mereka. Ada baiknya juga sekiranya anak lelaki tahu tentang haid. Ini dapat membantu anak lelaki itu berhadapan dengan isteri yang sakit ketika haid, ketegangan sebelum haid, atau perubahan emosi. Tidak wajar untuk seseorang menganggap bahawa haid itu sesuatu yang kotor atau memalukan dan tidak patut memulaukan anak perempuan yang kedatangan haid.

Rasulullah ﷺ menasihati kita untuk tidak menyakiti wanita yang sedang haid dengan mengabaikan mereka atau membuatkan mereka merasa diri mereka kotor. Hanya perhubungan seksual yang perlu dielakkan. Namun demikian, selagi bahagian sulit wanita ini ditutup dan lelaki tidak terkena darah tersebut, pasangan boleh mendapatkan kepuasan dengan apa-apa cara yang disukai oleh mereka.

Dengan beberapa pengecualian, pendidikan seks di banyak sekolah menengah awam di Amerika Syarikat telah menjadi siri pengajaran tentang kondom, mencegah penyakit dan melakukan pengguguran. Di Amerika Syarikat,

amalan lazim yang berlaku adalah orang muda akan tetap melakukan hubungan seksual. Jadi, apa yang perlu diajar adalah seks selamat. Perspektif moral dan etika jarang-jarang diberikan, dan jika ada sekalipun, tiada rujukan diberikan kepada agama, kerohanian dan usaha mencari keredhaan Tuhan. Kelas yang menggabungkan kedua-dua jantina telah membuang perasaan malu semula jadi yang ada pada diri seseorang. Bahkan di dalam kelas sama jantina sekalipun, para pelajar digalakkan untuk bereksperimen dengan seks dan diberikan petua berkaitan teknik ciuman atau masturbasi sebagai sebahagian daripada "eksplorasi semula jadi terhadap seksualiti". Kanak-kanak Muslim yang tidak pernah terdedah kepada topik sebegini, tidak tahu bagaimana untuk merespons dan mungkin terlalu malu untuk bertanya kepada ibu bapa mereka tentang hal tersebut.

Penderaan Seksual! Adakah Begitu Serius?

Menurut Islam, sebarang perhubungan seksual yang dilakukan di luar perkahwinan (zina) adalah suatu bentuk penganiayaan kepada moral dan agama. Sesetengah orang berhujah bahawa apabila penderaan seksual menyebabkan kelahiran anak luar nikah, ia menjadi sesuatu yang lebih buruk, dalam sesetengah kes, kepada masyarakat, dibandingkan dengan pembunuhan. Zina membawa kesan jangka masa panjang kepada keluarga dan masyarakat untuk beberapa generasi akan datang. Kesan zina boleh ditunjukkan melalui salah satu atau lebih daripada cara yang berikut: penyakit, pengguguran, bayi yang cacat atau terencat (sekiranya ibu bayi dijangkiti STD), anak luar nikah, keluarga ibu tunggal, keluarga yang bermasalah, nasab keturunan yang tidak diketahui, pengkhianatan kepercayaan dan pelacuran.

Zina merendahkan maruah dan interaksi manusia. Masyarakat yang membenarkan perlanggaran pantang larang seksual (sexual taboo) seperti zina mungkin berakhir dengan perlanggaran pantang larang seksual yang lebih serius (seperti pelacuran) tanpa mengambil kira ia haram. Sebaik sahaja pantang larang dilanggar pada skala kecil, ia akan lebih mudah untuk dilanggar pada skala yang lebih besar. Persetubuhan dan zina adalah dosa besar yang akan dihukum oleh Allah ﷺ di dunia dan di akhirat.

Islam tidak memandang persetubuhan dan zina sebagai dosa peribadi semata-mata. Malah kedua-dua dosa ini adalah pencerobohan terhadap masyarakat. Jika kedua-duanya diterima, ia akan memusnahkan struktur asas masyarakat, bermula daripada institusi keluarga. Bahkan dalam al-Quran dinyatakan hukuman undang-undang kepada persetubuhan dan zina adalah seratus sebatan di hadapan orang awam. Begitu parahnya bahaya zina sehingga bagi masyarakat zaman dahulu, rejam diperlukan (i.e Injil, Deut. 22: 23-24). Rejam, bagaimanapun tidak disebut dalam al-Quran dan ramai sarjana Muslim menolak terus kesahihan rejam. Melihat kepada keseriusan dan penghinaan yang dikaitkan dengan tuduhan berzina, empat orang saksi Muslim dewasa yang waras hendaklah memberi keterangan di mahkamah tentang perincian perbuatan zina tersebut. Keperluan empat orang saksi itu adalah untuk melindungi kebebasan peribadi dan maruah tertuduh selain menyampaikan mesej bahawa persetubuhan dan zina juga adalah keprihatinan sosial. Tertuduh tidak bersalah kecuali empat orang saksi yang berwibawa ini memberi keterangan sebaliknya. Kurang daripada empat orang saksi menyebabkan bukti itu tidak sah dan para ulama bersetuju

bahawa ujian DNA boleh diterima sebagai bukti. Zina yang dilakukan di hadapan empat orang saksi atau lebih adalah penyebaran kejahatan kepada orang awam dalam masyarakat, bukan sekadar kepuasan nafsu peribadi yang dilakukan secara rahsia.

Sebagai tambahan, zina merupakan pengkhianatan kepada sebuah perkahwinan. Lebih kurang separuh daripada jumlah perkahwinan kali pertama di Amerika Syarikat berakhir dengan perceraian dalam tempoh dua tahun dan alasan utamanya adalah kerana hubungan sulit salah seorang pasangan di luar perkahwinan. Ramai orang tidak merujuk kepada al-Quran atau kitab Injil bagi yang beragama Kristian. Kitab Injil ada mencatatkan, "Janganlah kamu berzina," dan al-Quran menyebut "Jangan dekati zina," yang membawa maksud bahawa zina tidak hanya haram, tetapi kita juga sepatutnya mengelakkan apa-apa perkara yang membawa ke arah zina. Semua perkara yang mendekati zina (seperti bertemu janji, pakaian yang menjolok mata, kelucuan dan pornografi) termasuk dalam perkara yang dikecam. Etika pemakaian lelaki dan wanita telah diatur oleh Tuhan untuk melindungi diri daripada godaan dan keinginan nafsu. Sebilangan lelaki boleh hilang kawalan diri, melakukan dosa besar dan berkemungkinan merogol!



Dalam hal tentang seks, sikap lebih menonjol daripada perkataan. Apakah sikap sebenar masyarakat terhadap seks? Apakah konsep moral kita? Sebagai sebuah masyarakat, kita kekurangan model yang cemerlang moralnya. Remaja yang bijak akan berasa bingung dengan paradoks lazim dalam masyarakat: di satu pihak, masyarakat terlalu asyik dengan seks dan mengejar kemewahan. Untuk keseronokan dan keuntungan, seks digambarkan dalam filem-filem, dibesar-besarkan di papan iklan, dan digunakan untuk daya tarikan komersial. Pada pihak yang lain, masyarakat mengisyiharkan

bahawa mereka percaya kepada amalan menahan diri daripada hubungan seksual sebelum perkahwinan. Situasi ini menimbulkan konflik dan ketegangan. Sekiranya masyarakat membenarkan rangsangan umum ini terus wujud, mereka tidak akan mampu mencegah penderaan dan hubungan seksual bebas daripada berlaku. Ramai orang muda mempunyai idea yang liberal bahawa bercinta itu termasuklah membuat hubungan seksual dengan sesiapa sahaja, tanpa perlu peduli pada komitmen yang harus diberikan oleh mereka. Ini membawa kepada pertembungan seksual dan juga perceraian.

**Natalie, 19 tahun, pelajar tahun dua di sebuah kolej menghuraikan dilemanya
(Faber dan Mazlish, 1982) :**

Saya dan orang tua saya hidup dengan suatu peraturan yang tidak terungkap: tiada soalan yang mendalam dan tiada jawapan sebenar. Mereka benar-benar tidak mahu tahu apa yang sedang berlaku. Dan saya tidak boleh memberitahu mereka. Saya seorang gadis baik yang berpegang teguh dengan moral konvensional. Sebagai permulaan, sukar untuk saya menemui orang yang boleh menyayangi saya dengan mesra. Saya suka berjanji temu. Beberapa pertemuan awal memang menyenangkan. Kemudian datang tekanan: kamu diundang ke pesta-pesta yang ada minuman keras dan dadah. Sudah menjadi perkara biasa jika kamu tidur dengan pasanganmu. Dan mereka akan berkata kepadamu, "Kalau kamu melakukannya, dunia akan tersenyum denganmu. Jika tidak, kamu akan menangis sendirian." Jadi, saya terikat dengan integriti dan juga tangisan!

Akibat yang dahsyat adalah ketika sebahagian kanak-kanak tidak mampu membezakan antara yang betul dengan yang salah. Amerika Syarikat mempunyai masalah penyakit AIDS, dadah, dan keganasan. Tiada satupun daripada masalah-masalah ini akan hilang sehingga sekolah sekali lagi mengambil peranan untuk mengajarkan karakter yang baik kepada para pelajar. Kurikulum sekolah mestilah mencipta persekitaran moral yang mampu melengkapi bimbingan ibu bapa. Sekolah-sekolah yang cukup berani untuk memperkuuh dan mengamalkan akhlak yang baik adalah lebih baik dalam membangunkan masyarakat yang sejahtera daripada membina sepasukan doktor, kaunselor, polis, dan pekerja sosial.

Tradisi Nabi Ibrahim Menentang Zina

Turutan yang berikut, sama ada sebahagian atau keseluruhannya merupakan perkara biasa kepada generasi muda hari ini.

Teman lelaki-Teman wanita ➔ Keinginan dan Godaan ➔ Hubungan Seks Luar Nikah ➔ Hilang dara dan kehomatan diri ➔ Kehamilan yang tidak diingini ➔ (Pengguguran atau kahwin awal secara paksaan atau anak tidak sah taraf diikuti dengan adopsi ➔ Kemiskinan dan penderitaan ➔ Putus hubungan kekeluargaan ➔ Penyakit ➔ Mati!

Mereka yang mengamalkan hubungan seks bebas berkemungkinan mendapat penyakit jangkitan seksual seperti gonorea, sifilis, herpes atau AIDS. Mereka kemudian akan menjangkitkan penyakit-penyakit tersebut kepada pasangan mereka yang tidak bersalah. Jika isterinya hamil, penyakit tersebut boleh membahayakan anak yang dikandung secara kekal. Bayi tersebut mungkin buta atau cacat. Sekiranya dijangkiti AIDS, lelaki itu bertanggungjawab ke atas penderitaan dan kesakitan yang dialami oleh isteri dan anak selain dirinya sendiri! Zina menyebabkan huru-hara apabila ada anak-anak yang terlibat. Seorang lelaki mungkin menjadi bapa kepada anak daripada wanita lain dan enggan bertanggungjawab terhadap anak tersebut kerana dia tidak bernikah secara sah dengan ibu anak tersebut. Dengan penipuan yang dilakukan, dia telah menafikan hak anak tersebut untuk dibesarkan di dalam rumah yang selamat, bermaruah dan stabil. Begitu juga dengan wanita yang melakukan hubungan seks bersama lelaki selain suaminya mungkin akan mengandungkan anak lelaki tersebut. Walaupun dia cuba menyembunyikannya daripada semua orang, dia masih tidak dapat menyembunyikannya daripada nurutnya sendiri. Anak yang lahir juga tidak akan tahu bapa dan ahli keluarganya yang sebenar. Bapa yang sebenar tidak dapat berperanan sebagai bapa kepada anaknya, manakala suami wanita itu telah tertipu dan tanpa sengaja bertanggungjawab terhadap anak yang bukan anaknya sendiri. Dengan penipuan yang dilakukan wanita tersebut, dia telah merampas hak asasi setiap orang yang terlibat untuk mengetahui keluarganya yang sebenar. Bapa dan anak yang ditipu boleh menemui kebenaran melalui ujian darah atau DNA. Wanita ini juga mungkin akan menghidap dan menyebarkan penyakit seperti AIDS, yang mengancam nyawa suami dan anak-anaknya. Hubungan sulit pasangan yang curang pasti akan diketahui sama

ada lambat atau cepat. Ini akan membawa kepada musibah atau perceraian yang memberi kesan buruk kepada anak-anak, keluarga dan masyarakat.

Dalam Islam, hukuman terhadap perlakuan zina hanya boleh dipohon di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa undang-undang Islam.

Individu tidak boleh menjatuhkan hukuman dengan tangannya sendiri. Tetapi dia harus pergi kepada pihak berkuasa dengan bukti yang diperlukan. Malangnya, ada sebilangan bapa hilang sabar dan bertindak membunuh anak perempuan mereka yang hamil luar nikah dengan teman lelaki mereka. Sebahagian daripada pembunuhan hormat (honour killings) ini hanya berdasarkan syak wasangka terhadap salah laku tersebut. Teman lelaki itu yang mempunyai lebih banyak kebebasan, biasanya akan melarikan diri.

Terlalu banyak tekanan sosial untuk remaja menyesuaikan diri dan mendengar daripada rakan sebaya dan media. Kalaulah mereka mendengar daripada hati nurani mereka sendiri, masalah-masalah ini pasti boleh dielakkan. Orang yang belum berkahwin tetapi mengamalkan seks bebas mendapati (meskipun sudah terlalu lewat) bahawa ia langsung tidak berfaedah. Untuk pertukaran dengan beberapa minit keseronokan, mereka akan berdepan dengan kesengsaraan dan kesedihan sepanjang hayat mereka. Ini mungkin keputusan paling buruk yang pernah mereka ambil di sepanjang kehidupan mereka. Dan pada hari pembalasan kelak, mereka harus menjawab di hadapan Allah ﷺ tentang perbuatan mereka sendiri.

Rasional di Sebalik Hukuman Berzina

Walaupun kelihatan pelik untuk dunia moden hari ini menerima zina sebagai satu jenayah, dalam

Islam, ini jelas menggambarkan kesan perbuatan tersebut yang membawa beban mudarat yang sangat besar kepada kehidupan manusia dan masyarakat. Perkara ini memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap sifat semula jadi manusia. Kita akan melihat kepada empat elemen iaitu Ilmu Samawi, taakul, tabiat semula jadi dan tindakan itu sendiri.

Tujuan utama hukuman undang-undang adalah untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan dalam masyarakat. Apabila suatu jenayah dikaitkan dengan kekayaan material atau pembunuhan, undang-undang Islam memerlukan hanya dua orang saksi untuk membuktikan fakta kes. Walau bagaimanapun, jenayah yang berkaitan dengan zina (keghairahan dan nafsu), empat orang saksi diperlukan. Mengapa? Kerana isunya di sini bukan hanya tentang melakukan dosa itu secara individu, tetapi juga kesan perbuatan tersebut kepada masyarakat umum iaitu dengan kehadiran sekurang-kurangnya empat orang. Justeru itu, melakukan perbuatan zina di hadapan orang awam adalah seperti menyebarkan kejahatan dan maksiat di tempat awam.

Terdapat keperluan untuk mengimbangkan kejahatan tersembunyi dengan perlindungan privasi dan maruah. Wujud perbezaan yang besar antara melakukan dosa secara sembunyi untuk memuaskan nafsu manusia dengan melakukan dosa secara terbuka untuk menyebarkan maksiat dalam kalangan masyarakat dan mengancam kehormatan serta keselamatan mereka. Contoh yang baik ditunjukkan oleh Khalifah 'Umar ibn al-Khattab yang melintasi sebuah rumah dan terdengar orang menyanyi dan meminum arak lalu beliau memanjat dinding rumah tersebut untuk menyiasat. Beliau mahu mendakwa mereka tetapi mereka berhujah bahawa Khalifah tidak

berhak untuk memanjat dinding dan mengintai mereka. Beliau mengakui kesilapannya dan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap mereka. Dalam kes zina, sekiranya saksi kurang daripada empat orang, mereka tidak boleh menyebut sepatah perkataan pun tentang apa yang disaksikan oleh mereka. Jika tidak, mereka boleh dijatuhi hukuman kerana fitnah dan membuat skandal dalam masyarakat. Islam tidak menggalakkan perlakuan dosa dan maksiat kerana perlakuan itu akan menjadi kebiasaan yang lama-kelamaan akan diterima secara perlahan-lahan dalam masyarakat.

Penyakit Jangkitan Seksual

Remaja boleh mendapat penyakit yang dikenali sebagai "mono" (mononucleosis) hanya melalui ciuman. Penyakit ini akan menyerang hati dan memerlukan beberapa minggu rehat sepenuhnya di atas katil. Penyakit lain yang berjangkit dan boleh tersebar melalui hubungan seksual adalah:

- Gonorea yang boleh menyebabkan lelaki dan wanita mandul.
- Herpes genital yang boleh menyebabkan lepuh yang sangat sakit di bahagian genital dan boleh berlaku berulang kali di sepanjang hidup.
- Sifilis yang boleh merosakkan hampir keseluruhan bahagian tubuh badan manusia.
- AIDS (Sindrom kurang daya tahan penyakit) yang membawa kepada kematian secara perlahan dan menyakitkan. Rawatan dengan dadah antiretroviral mampu melambatkan serangan AIDS sehingga beberapa dekad.

Pasangan suami isteri yang setia, yang tidak melakukan hubungan seksual selain pasangan sendiri tidak akan mendapat penyakit jangkitan seksual atau *sexually transmitted diseases* (STD).

Penyakit-penyakit ini biasanya tersebar sama ada oleh orang bujang yang mempunyai ramai pasangan atau orang yang telah berkahwin tetapi curang dengan pasangannya dan mempunyai hubungan seksual dengan orang lain secara rahsia. Pada tahun 1940-an, STD yang terkenal adalah sifilis dan gonorea. Kini pelbagai penyakit baru dikenal pasti setiap beberapa tahun dan menjadi semakin sukar untuk diubati. Untuk AIDS dan herpes, sehingga kini masih belum dijumpai penawarnya. Dalam kata lain, penyakit-penyakit ini adalah satu pencegahan untuk menghindari penyelewengan terhadap tabiat semula jadi yang murni, akibat perlakuan dosa secara terbuka dalam masyarakat.

Rasulullah ﷺ bersabda:

“Apabila penyimpangan seksual tersebar dan diterima oleh masyarakat, wabak dan penyakit lain yang sebelumnya tidak diketahui oleh orang yang terdahulu akan muncul dan merebak dalam kalangan mereka.”

(Riwayat Ibnu Majah)

Bahaya terhadap kesihatan akibat melakukan hubungan seks sebelum perkahwinan juga merangkumi trauma seksual, kanser serviks dan kehamilan yang tidak diingini. Pelbagai kecederaan mungkin boleh berlaku apabila organ-organ seksual tidak cukup matang untuk melakukan hubungan seks. Sebahagian kecederaan ini mempunyai kesan jangka masa panjang. Kanser serviks dikaitkan dengan perlakuan seks yang dilakukan ketika usia muda dengan pelbagai pasangan.

Revolusi seksual pada tahun 1960-an di

Amerika Syarikat telah meningkatkan kos penjagaan kesihatan. Pada tahun 1985 sahaja, sepuluh juta kes berkaitan virus Chlamydia, dua juta kes gonorea, satu juta kes jangkitan kutik, setengah juta kes herpes genital dan 900,000 kes sifilis telah didiagnos. Wabak penyakit AIDS telah menambah ketakutan kita.

Faktor-faktor berisiko bagi kanser serviks termasuklah:

Hubungan seks dengan pelbagai pasangan dan merokok. Wanita yang berisiko tinggi seharusnya mendapatkan ujian PAP secara berkala. (Pusat Kajian Kanser, UK).

Amerika Syarikat mempunyai kadar kesembuhan STD paling tinggi berbanding dengan negara-negara maju yang lain. Lebih daripada 12 juta orang, termasuk 3 juta remaja dijangkiti setiap tahun.

(Institut Perubatan, 1997)

Hubungan Teman Lelaki-Teman Wanita

Kanak-kanak kecil tidak peduli dengan siapa mereka bermain. Namun, apabila menjangkau umur lapan tahun, kanak-kanak lelaki cenderung bermain dengan rakan-rakan lelaki sama seperti kanak-kanak perempuan yang lebih suka bermain dengan rakan-rakan perempuan. Kanak-kanak biasanya akan membentuk hubungan “kawan baik” antara usia 10 dan 12 tahun dan mereka terus berkawan rapat di sepanjang usia remaja (D’Oyen 1996). Apabila seorang lelaki menjadi dewasa, hubungan persahabatannya dengan lelaki lain akan menjadi penting. Sekiranya tiada masalah di dalam keluarga, dia mempunyai hubungan yang rapat dengan bapa, abang dan adik lelaki, bapa saudara, sepupu-sepupu lelakinya dan kemudian bersama anak-

anak lelakinya. Wanita yang telah berkahwin akan terus mencari keselesaan dalam hubungan persahabatannya bersama ibu, kakak dan adik perempuannya, saudara-mara dan jiran-jirannya.

Hubungan persahabatan dibenarkan selagi mereka menjaga batasan tertentu. Kanak-kanak lelaki dan perempuan yang tiada kaitan rapat atau bukan mahram (mereka yang tidak dibenarkan untuk berkahwin sesama sendiri) tidak boleh meluangkan masa bersama berdua-duaan di tempat tertutup. Mereka berdua harus bersikap sopan dan segan silu dalam hal berpakaian dan tingkah laku mereka, serta membataskan perbualan mereka pada topik yang sopan. Berjanji temu dan berhubungan intim lelaki-perempuan yang lazim berlaku dalam banyak masyarakat tidak dibenarkan dalam Islam. Pertemuan keluarga, aktiviti di masjid dan ziarah-menziarahi boleh memberikan banyak peluang untuk pertukaran idea dan menghabiskan masa bersama yang baik antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan dalam batas kesopanan.

Dalam banyak masyarakat, telah menjadi kebiasaan pada remaja lelaki dan perempuan keluar bersama untuk janji temu dan mempunyai beberapa orang teman lelaki dan wanita sebelum akhirnya mereka berkahwin. Mereka telah tersalah percaya bahawa mereka mempunyai peluang lebih baik untuk membentuk perkahwinan yang baik sekiranya mereka melakukan hubungan seksual sebelum berkahwin. Atau mereka berfikir bahawa mereka mesti cuba melakukan hubungan seksual dengan pasangan berbeza sebelum menemui pasangan yang tepat. Atau mereka hanya mahu "berseronok-seronok". Kadangkala mereka tinggal bersama dan berlagak seperti suami dan isteri tanpa ikatan perkahwinan. Mereka malah mungkin mempunyai anak sebelum memutuskan

untuk berkahwin atau mereka memutuskan untuk tidak berkahwin.

Perlakuan ini dilarang oleh banyak agama memandangkan ada masalah teruk yang akan timbul. Malangnya, tekanan kepada orang muda untuk terus berkelakuan seperti ini bertambah kuat. Iklan di televisyen, filem-filem, internet, dan buku-buku di sekolah berterusan cuba meyakinkan masyarakat bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan mereka sekiranya mereka tidak mempunyai teman lelaki atau teman wanita! Ada sebilangan kanak-kanak sekolah seawal usia sembilan tahun cuba berlagak dewasa dengan menceritakan apa yang dilakukan mereka bersama teman berlainan jantina dengan bangga seolah-olah mereka melalui pengalaman yang menarik. Mereka cuba membuat kanak-kanak lain merasakan bahawa mereka ketinggalan zaman dan kelihatan bodoh sekiranya tidak melakukan perkara yang sama. Tetapi apakah sebenarnya yang terjadi kepada kanak-kanak ini apabila mereka semakin dewasa?

Orang muda yang aktif secara seksual pada usia muda biasanya datang daripada keluarga yang bermasalah. Ibu bapa mereka mungkin bercerai atau mereka kurang mendapat kasih sayang dan perhatian di rumah. Mereka mula mencari dan membina persahabatan dengan orang yang berlainan jantina, yang boleh memberikan mereka sentuhan dan kasih sayang serta menemani mereka. Keadaan ini berbahaya kerana perasaan mereka boleh menjadi tidak terkawal dan mendorong kepada berlakunya hubungan seksual sebelum mereka bersedia, dan ini hanya akan menambah masalah mereka.

Apabila remaja mempunyai teman lelaki atau teman wanita sebelum berkahwin, menurut pandangan orang Islam, mereka dilihat sebagai



"telah digunakan" seperti pakaian terpakai. Jika mereka melakukan hubungan seksual sebelum berkahwin, mereka kehilangan keperawanannya. Banyak budaya tradisional di seluruh dunia menekankan keperawanannya (khususnya untuk anak perempuan) dalam perkahwinan. Anak-anak perempuan yang cuai dalam pergaulan akan kehilangan maruah dan mereka sukar mencari suami yang dihormati oleh masyarakat. Namun demikian, Islam meletakkan nilai yang tinggi dan sama pada lelaki dan wanita yang boleh mengawal dan menjaga kesucian diri. Kebanyakan ibu bapa dalam budaya yang terjaga ini enggan mengahwinkan anak gadis mereka kepada pemuda yang telah diketahui pernah mengamalkan hubungan seksual bebas dan mempunyai ramai teman wanita. Lelaki seperti itu cepat bosan dengan isterinya dan akan meninggalkan isteri untuk mencari wanita lain, atau dia mungkin tidak menghormati atau memperlakukan isterinya dengan baik.

Hubungan seksual boleh menyebabkan kehamilan kerana alat perancang kehamilan tidak selalunya berkesan. Sekiranya remaja perempuan hamil akibat zina, ia menjadi satu bencana kepada remaja itu dan bayinya serta mendatangkan kaeaikan kepada keluarganya. Menjadi ibu adalah

suatu tanggungjawab yang menakjubkan untuk seorang wanita matang yang mempunyai keluarga yang berfungsi dengan baik. Namun, keadaan boleh menjadi kacau-bilau bagi remaja perempuan berusia 11 tahun yang menjadi ibu tanpa perkahwinan apabila pasangannya yang berusia 14 tahun, ayah kepada anak yang dikandungnya tidak bersedia menjadi bapa. Malah, mereka berdua berada dalam situasi ini tanpa sokongan keluarga. Mereka masih tidak matang dari segi pendidikan, emosi dan ekonomi. Atas alasan ini, mereka tidak mampu menyediakan kehidupan yang baik untuk diri sendiri dan anak mereka. Ini suatu yang tidak adil kepada bayi yang tidak bersalah itu. Kerap kali, remaja lelaki itu akan takut dan enggan mengaku bahawa dia adalah bapa kepada bayi itu, dan tidak mahu mempunyai apa-apa hubungan dengan remaja perempuan tersebut selepas itu. Tinggallah remaja perempuan itu bersendirian bersama bayinya yang telah kehilangan kasih sayang dan sokongan seorang bapa. Mereka berdua akan melalui masa-masa yang sukar. Dia mungkin tidak mampu menamatkan pengajiannya dan melakukan apa sahaja pekerjaan untuk menanggung kehidupan mereka berdua.

Dalam suasana masyarakat yang liberal ini, apa yang boleh dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak

gadis mereka yang mula meminati teman yang berlainan jantina? Semakin mereka membesar, ibu bapa akan menyedari bahawa anak gadis mereka mula memerhatikan budak lelaki. Mereka akan terdengar anak perempuan mereka bercakap tentang budak lelaki yang "hangat". Kali pertama ibu bapa mendengar anak perempuannya bercakap tentang hubungan sulit, mereka mula merasa gementar. Hanya dengan membayangkan budak lelaki (yang diibaratkan sebagai hantu) yang menyukai anak perempuan mereka itu mahu menjalin hubungan fizikal dengannya akan membuatkan ibu bapa merasa loya.

Jadi, penting untuk hati anak perempuan ini dipenuhi dengan kasih sayang bapanya dan dia diajar tentang harga diri, tanggungjawab, dan nilai supaya apabila dia bertemu dengan seorang lelaki yang kurang mulia akhlaknya (dan mempunyai hormon yang aktif), dia tidak mudah tunduk pada tekanan lelaki tersebut. Anak gadis ini akan memberitahu ibu bapanya tentang lelaki tersebut kerana dia telah diajar untuk berbincang dengan mereka tentang perkara itu. Apabila tiada rahsia antara mereka, ketakutan ibu bapa akan reda. Mengajar anak gadis tentang perkataan-perkataan yang sesuai juga akan membantu melindungi dirinya daripada lelaki durjana, kerana dia mempunyai keyakinan dan kemahiran untuk berkata "itu tidak boleh diterima," daripada bersetuju dengan permintaan lelaki itu dalam diam.

Ibu bapa harus menerangkan kepada anak perempuannya tentang mitos jatuh cinta dengan seorang lelaki. Anak lelaki akan cuba berkali-kali untuk memikat anak perempuan. Begitu juga dengan sebilangan anak perempuan yang cuba memperdaya anak lelaki! Anak perempuan yang "baik" boleh menjustifikasi minatnya terhadap hubungan seksual hanya dengan jatuh cinta.

Inilah sebabnya mengapa anak perempuan sangat mudah jatuh cinta dan mudah terpikat dengan kata-kata manis anak lelaki. Kata-kata cinta boleh menjustifikasi perbuatan cinta terhadapnya. Dia menganggap apa yang dirasakan betul adalah perkara yang betul juga bagi anak lelaki tersebut. Sedangkan anak lelaki berbeza dari segi fizikal dan psikologi dan dibesarkan dengan cara yang berbeza. Dia boleh melakukan hubungan seksual tanpa rasa cinta, dan kerap rasa teruja secara seksual, walaupun tanpa kehadiran perempuan. Dia boleh mencari mana-mana gadis untuk melepaskan nafsunya, dan gadis yang dimaksudkan itu boleh jadi sesejapa sahaja. Prinsip dwistandard ini membolehkan anak lelaki ini melakukan hubungan seksual tanpa perlu komitmen. "Kamu boleh berseronok. Cuma, jangan bawa perempuan itu pulang ke rumah," adalah nasihat yang mengelirukan kepada anak-anak lelaki.

Seorang gadis harus memastikan dirinya tidak dipergunakan manakala anak lelaki pula tidak boleh memperalatkan seorang gadis. Kedua-dua anak lelaki dan perempuan perlu tahu bahawa ada peraturan yang ketat untuk sebuah percintaan dan hubungan seksual. Tidak adil jika seorang gadis mengusik dan membuat provokasi kepada anak lelaki. Begitu juga tidak adil jika anak lelaki memberi tekanan kepada seorang gadis. Seorang anak lelaki mungkin akan mengikuti nafsunya dengan membuta tuli dan boleh pergi jauh jika si gadis itu rela tanpa mempersoalkan kesediaannya atau tanggungjawab anak lelaki itu.

Kanak-kanak Hamil: Pengguguran dan Anak Angkat dalam Islam

Persetubuhan sebelum perkahwinan adalah satu bentuk penyalahgunaan seksual yang boleh

mengakibatkan kehamilan. Walaupun para remaja menggunakan pelbagai jenis alat pencegah kehamilan, masih berlaku sejumlah besar kehamilan yang tidak diingini dalam kalangan ibu yang belum berkahwin. Dan ini sangat mengejutkan terutamanya bagi remaja yang belum berkahwin. Selain trauma secara psikologi, ibu muda ini harus membuat keputusan yang mungkin tidak digemarinya: menggugurkan anak itu atau menjadi ibu kepada anak tidak sah taraf tanpa perkahwinan selama-lamanya. Ini bukan kes yang jarang berlaku. Terdapat satu juta gadis

remaja hamil sebelum berkahwin di Amerika Syarikat setiap tahun.

Di Malaysia, statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara mencatatkan pada 2013 sebanyak 510,462 kes kelahiran anak luar nikah. Pada tahun 2017, Kajian Kesihatan Remaja yang dijalankan ke atas 30,496 remaja berusia 13 hingga 17 tahun di bawah Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan menunjukkan bahawa 7.3 peratus daripada mereka pernah melakukan hubungan seks.

AKHIRNYA, DIA MENGAKUI...

KETIKA BELAJAR DI UNIVERSITI LIVERPOOL PADA TAHUN 1962, SAYA MEMPUNYAI SEORANG SAHABAT MUSLIM YANG MEMPUNYAI TEMAN WANITA TEMPAT ANGGU BUKAN MUSLIM. SAYA SERING MENASIHATINYA TENTANG KEBURUKAN MEMPUNYAI HUBUNGAN INTIM DENGAN TEMAN WANITANYA, TETAPI DIA TIDAK MEMPERDULIKAN SAYA. SELEPAS TIGA TAHUN, SUATU HARI DIA DATANG DAN MEMBERITAHU SAYA, "SAYA RASA KAMU AKAN LEBIH BAHAGIA APABILA KAMU BERKAHWIN KERANA KAMU DAN ISTERIMU MASIH PERAWAN SAAT KAMU BERNIKAH. KAMU AKAN MERASAI PENGALAMAN HUBUNGAN KELAMIN BUAT KALI PERTAMA PADA MALAM PERKAHWINAN. DAN INILAH HADIAH YANG PALING BERHARGA. BAGI SAYA, KETIKA SAYA MENGAHWINI ISTERI SAYA, SAYA MERASAKAN HUBUNGANINI SAMA SEPERTI HUBUNGAN DENGAN RAMAI WANITA LAIN YANG SAYA TIDURI. JADI, HUBUNGAN KELAMIN INI PADA SAYA TIDAK LAGI ISTIMEWA DAN TIDAK LAGI BERMARUAH!"



Bagaimana kehidupan remaja hamil di Amerika Syarikat? Hanya 50 peratus daripada mereka berjaya menamatkan sekolah menengah. Daripada jumlah ini, lebih 50 peratus bergantung pada kebajikan. Mereka cenderung menjadi pendera kanak-kanak dan 82 peratus daripada anak-anak mereka mempunyai kecenderungan untuk hamil semasa remaja. Berbilion dolar dibelanjakan setiap tahun untuk bantuan kewangan dan penjagaan kesihatan ibu-ibu remaja di Amerika Syarikat.

Tiada istilah anak haram; yang ada hanya ibu bapa haram dengan bayi yang tidak bersalah!!

(Wesis 2007)

PENGGUGURAN

Sudah terlambat: Ibu bapa baru mendapat tahu bahawa anak gadis mereka hamil. Apa yang boleh dilakukan mereka sebagai ibu bapa untuk menyelesaikan situasi ini? Perkara yang betul adalah melakukan ujian DNA untuk mengenal pasti bapa kepada anak tersebut. Lelaki itu kemudian harus diminta berkahwin dengan anak gadis ini dan menjadikannya seorang wanita yang bermaruah!

Gadis hamil ini yang menyedari bahawa dia tidak mampu menjaga bayinya bersendirian mungkin memilih untuk menggugurkan kandungannya. Dia akan mencari doktor yang boleh melakukan pengguguran sebelum kandungannya semakin membesar. Sebilangan orang percaya bahawa pengguguran adalah suatu perbuatan yang boleh diterima dan bayi yang belum lahir itu bukan manusia yang sempurna bagi tempoh beberapa bulan pada awal kehamilan.

Namun demikian, janin sebenarnya hidup sejak penyatuan sperma dengan ovum dan ia akan membesar menjadi manusia yang sempurna. Telah dinyatakan secara tersirat dalam al-Quran dan secara jelas dalam Hadis bahawa janin tidak ditiupkan rohnya sehingga bulan keempat kehamilan. Janin yang keguguran selepas usia kehamilan empat bulan kerana alasan tertentu, harus diberikan nama, disolatkan dan dikebumikan dengan hormat.

Islam mengajar belas kasihan dan rasa hormat kepada semua nyawa manusia. Setiap manusia mempunyai hak untuk hidup (melainkan mereka melakukan jenayah besar seperti pembunuhan, yang layak mendapat hukuman mati). Inilah yang dipanggil sebagai "hak untuk hidup" yang merupakan hak paling asas yang dikurniakan oleh Yang Maha Pencipta kepada semua manusia. Oleh itu, kebanyakan cerdik pandai Muslim menganggap

pengguguran tanpa alasan yang munasabah sama seperti pembunuhan kerana ia seperti membunuh manusia yang tidak berdosa.

Satu-satunya waktu yang dibenarkan bagi wanita untuk menggugurkan kandungan hanyalah jika nyawanya dalam bahaya kalau dia meneruskan kehamilan dan menurut pandangan sebahagian ulama adalah jika mereka menjadi mangsa rogol atau sumbang mahram. Sebahagian ulama lain meletakkan batasan yang tegas iaitu sehingga kandungan mencecah usia empat bulan dan mempertimbangkan alasan-alasan lain ketika kandungan masih dalam tempoh empat bulan. Walau bagaimanapun, Islam sebenarnya tidak menggalakkan pengguguran pada bila-bila masa dan menghalang pengguguran dilakukan bermula pada bulan keempat kehamilan. Pengguguran dibenarkan pada kes-kes tertentu: untuk menghindari bahaya pada nyawa si ibu, atau untuk mengelakkan maruah keluarga tercilar teruk dan untuk mengelakkan kesan psikologi dan sosial yang buruk kepada si ibu dan seluruh keluarga.

Walaupun pengguguran dibenarkan dalam beberapa keadaan mengikut sebahagian mazhab, ia masih tidak dibenarkan atas sebab mengawal kelahiran atau untuk mengurangkan kos kewangan akibat kehamilan yang tidak dirancang. Sekiranya gadis yang hamil itu membuat keputusan untuk membersarkan bayinya, dia akan menjadi ibu tunggal kepada anak luar nikahnya – situasi yang membawa kesukaran yang amat besar kepada seorang ibu muda yang tidak berkahwin dan kepada anak yang tidak mempunyai bapa.

ANAK ANGKAT DALAM ISLAM

Setelah melakukan segala yang termampu untuk mengelakkan hubungan seksual di luar perkahwinan, apa lagi yang boleh dilakukan oleh

ibu bapa sekiranya mereka melihat cucu sendiri di dalam rumah? Ramai ibu bapa yang mempunyai anak gadis yang hamil sebelum berkahwin merasa sangat malu terhadap apa yang dilakukan oleh anak mereka dan tidak mahu membantu menjaga bayi yang lahir. Dalam hal ini, Islam membenarkan si ibu menyerahkan bayinya untuk dijadikan anak angkat. Islam menggalakkan adopsi sebagai satu cara menjaga anak-anak yatim. Walaupun begitu, harta anak-anak yatim masih perlu dipelihara dan dijaga, begitu juga maklumat tentang susur galur keluarganya. Biasanya, ibu-ibu yang tidak berkahwin terpaksa menyerahkan bayi mereka untuk dijadikan anak angkat dan sejak itu mereka tidak lagi dapat melihat anak mereka. Ibu-ibu ini sentiasa membayangkan dan memikirkan hal tentang anak mereka. Bahkan apabila anak-anak ini semakin dewasa dan menyedari bahawa mereka hanyalah anak angkat, mereka akan mula bertanyakan dan mencari ibu bapa dan saudara kandung mereka.

Tidak semua anak yang dijadikan sebagai anak angkat akhirnya berada dalam keluarga yang baik. Sebahagian daripada mereka tidak pernah dijadikan anak angkat. Ada yang dibesarkan di rumah anak yatim atau dihantar dari satu rumah kebajikan ke satu rumah kebajikan yang lain. Kadangkala mereka tidak dilayan dengan baik. Dalam sesetengah masyarakat, sekiranya diketahui anak tersebut adalah anak luar nikah, dia akan diusik dan diejek serta tidak diterima oleh orang lain. Anak-anak ini yang mempunyai rasa dendam terhadap layanan yang diterima akan membesar menjadi anak yang bermasalah.

Bolehkah anak angkat dipanggil dengan nama ayah angkatnya? Al-Quran melihat keturunan sebagai isu yang serius dan menghalang memalsukan identiti seseorang.

...dan Dia tidak menjadikan anak angkatmu sebagai anak kandungmu (sendiri). Yang demikian itu hanyalah perkataan di mulutmu sahaja.

(Surah al-Ahzab: ayat 4)

Setiap manusia mesti dipanggil dengan dengan nama bapa kandungnya:

Panggillah mereka (anak angkat itu) dengan (memakai) nama bapa-bapa mereka; itulah yang adil di sisi Allah, dan jika kamu tidak mengetahui bapa mereka, maka (panggillah mereka sebagai) saudara-saudaramu seagama dan maula-maulamu.”

(Surah al-Ahzab: ayat 5)

Sekiranya bapa kandung tidak diketahui, al-Quran menetapkan bahawa mereka adalah saudara lelaki dan wanita seagama dan kawan-kawan terdekat, dan boleh menerima nama keluarga orang lain.

Isu besarnya bukanlah nama secara literal, tetapi perbincangan berkaitan penerimaan dan maruah ke atas anak-anak tersebut. Bagi mengesahkan prinsip persaudaraan, Rasulullah ﷺ menunjukkan kepada kita contoh yang praktikal dan bermaruah dengan mengahwini Zaynab (sepupu Rasulullah ﷺ) selepas Zaynab diceraikan oleh anak angkat baginda, Zayd ibn Harithah.

...Maka ketika Zaid telah mengakhiri keperluan terhadap isterinya (menceraikannya), kami nikahkan engku dengan dia (Zaynab) agar tidak ada keberatan bagi orang mukmin untuk (menikah) isteri-isteri anak-anak angkat mereka, apabila anak-anak angkat itu telah menyelesaikan keperluan terhadap isterinya.

(Surah al-Ahzab: ayat 37)

Kita mungkin membayangkan persamaan antara amalan menyembunyikan susur galur keturunan yang banyak berlaku pada zaman jahiliyah dengan amalan yang berlaku pada abad kedua puluh satu ini iaitu memanggil anak angkat dengan nama ayah angkatnya. Amalan-amalan ini harus dihentikan dan nama bapa kandung hendaklah digunakan sekiranya diketahui. Apa yang paling penting adalah melakukan yang terbaik terhadap anak-anak yatim dan memelihara hak-hak mereka. Cara-cara yang terperinci bergantung pada budaya dan amalan pada masa yang berkenaan.

Homoseksualiti dan Ibu Bapa

Seorang homoseksual adalah individu yang secara seksualnya tertarik kepada orang yang sama jantina dan memilih untuk melakukan hubungan seksual dengan mereka. Seorang heteroseksual pula adalah orang yang melakukan hubungan seksual dengan yang berlainan jantina. Wanita yang tertarik dengan wanita lain dikenali sebagai lesbian. "Gay" merupakan panggilan slanga kepada homoseksual lelaki. Hasrat kita sejak awal adalah untuk membincangkan isu yang mempunyai nilai moral dan kepentingan yang besar kepada umat manusia. Walaupun kita secara tegas

menentang segala bentuk tindakan homoseksual dan semua galakan berkaitan dengannya, kita tidak menentang individu homoseksual itu sendiri sebagai manusia kerana semua manusia harus dilayan dengan penuh kemuliaan dan penghormatan. Perbincangan ini adalah untuk membantu ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang merasakan diri mereka homoseksual dalam dunia yang secara teorinya menentang homoseksual tetapi menerima mereka di bawah sistem undang-undang sekular.

Al-Quran dan kitab-kitab suci yang lain mengutuk aktiviti homoseksual berdasarkan ayat berikut:

Mengapa kamu mendatangi jenis laki-laki di antara manusia (berbuat homoseks). Dan kamu tinggalkan (perempuan) yang diciptakan Tuhan untuk menjadi isteri-isteri kamu? Kamu (memang) orang-orang yang melampaui batas.

(Surah asy-Syu'ara: ayat 165-166)

Isu ini merupakan isu yang sangat sensitif dan janggal untuk ibu bapa menghadapinya. Selepas menunaikan semua tanggungjawab sebagai ibu bapa dengan betul, apa yang boleh mereka lakukan jika tiba-tiba mendapat tahu bahawa anak mereka rupanya seorang homoseksual? Sekiranya remaja lelaki mereka mempunyai kecenderungan ke arah homoseksualiti, penting untuk ibu bapanya memastikan dengan teliti dan meminta bantuan yang sewajarnya untuk anak itu.


Homoseksual adalah subjek yang sukar kepada ibu bapa. Sebahagian orang percaya, lebih sedikit mereka tahu tentangnya adalah lebih baik. Ibu bapa merasa bangga melihat anak lelaki mereka membesar menjadi maskulin dalam segala hal, begitu juga anak perempuan mereka



menjadi feminin. Walaupun demikian, kenyataan harus dihadapi. Terdapat lebih sepuluh juta homoseksual di Amerika Syarikat (Smith et al. 2001) dan mereka dahulunya adalah anak kepada sepasang ibu bapa. Dan jumlah mereka kini sedang meningkat.

Golongan homoseksual semakin lama semakin aktif dalam menuntut hak-hak mereka. Mereka menganjurkan perarakan dan demonstrasi dan cuba untuk mengubah undang-undang yang membatasi kebebasan mereka. Di Amerika Syarikat, orang lelaki saling berciuman di tempat awam atau berpakaian dengan pakaian wanita adalah perkara biasa di mana-mana. Orang lelaki yang gemar berpakaian wanita dipanggil pondan (walaupun kebanyakan pondan adalah heteroseksual, gerakan "hak gay" turut meliputi isu transgender). Di beberapa negara, ramai lelaki mengahwini lelaki dan sebaliknya. Pasangan homoseksual ini mahu dilayan seperti pasangan normal yang berkahwin. Walaupun mereka tidak boleh mempunyai anak bersama, kadangkala mereka akan mengambil anak angkat. Sesiapa yang berani mengecam tingkah laku mereka akan dilabel sebagai "homofobia", iaitu orang yang takut, berprasangka/benci kepada golongan homoseksual!

Perkembangan pil pencegah kehamilan di Amerika Syarikat pada tahun 1960-an, pengguguran yang dibenarkan oleh undang-undang dan pengajaran psikologi popular membawa kepada apa yang disebut sebagai "revolusi seksual". Golongan masyarakat liberal sudah mula berani mengeluarkan tuntutan bahawa mereka boleh bebas melakukan hubungan seksual dengan sesiapa yang mereka mahukan, sama ada mereka berkahwin atau tidak, atau berpasangan dengan pasangan sama jantina atau sebaliknya. Mereka mendakwa mereka harus dihormati



dengan orientasi seksual mereka. Ramai orang telah mula menerima idea ini. Akibatnya hari ini, diskriminasi terhadap golongan homoseksual adalah bertentangan dengan undang-undang di banyak negara.

Bagaimana seseorang menjadi homoseksual? Beberapa teori telah dikemukakan. Adakah ia sesuatu yang boleh dipilih atau "lahir" secara semula jadi dan hanya diketahui menjelang dewasa? Sehingga tahun 1970-an, homoseksualiti dilihat oleh ramai pakar sebagai sejenis penyakit atau gangguan mental. Golongan profesional perubatan berpandangan bahawa anak lelaki yang mempunyai ibu yang lemah, kejam dan tidak berperasaan boleh membesar dengan membenci semua wanita. Sementara anak perempuan yang didera oleh bapa mereka membesar dengan membenci semua lelaki. Ini menjelaskan mengapa mereka kemudian berusaha untuk mencintai orang daripada jantina yang sama. Pada tahun 1990-an, sebilangan profesional dalam bidang perubatan dan tingkah laku mula mengembangkan teori yang menyatakan bahawa homoseksual sebenarnya adalah variasi normal daripada orientasi seksual manusia. Mereka mendakwa bahawa homoseksualiti berasal daripada genetik seseorang dan merupakan sifat yang boleh diwarisi (merujuk kepada beberapa keluarga yang mempunyai lebih banyak orang

homoseksual daripada yang lain, walaupun boleh dihujahkan bahawa ini mungkin disebabkan oleh cara keluarga mereka membesarakan anak). Sebagai tambahan, terdapat penemuan beberapa kes yang sangat jarang berlaku pada haiwan tertentu yang terlibat dalam tingkah laku homoseksual. Kesimpulan yang dibuat oleh para pengkaji ini adalah perkara ini juga boleh menjadi sesuatu yang normal kepada manusia. Suatu kesimpulan terhadap penyongsangan yang pelik sehingga orang akan bertanya: adakah aktiviti haiwan liar dijadikan kayu ukur untuk menentukan kebiasaan tindakan manusia? Atau ini hanya alasan kepada penerimaan sosial terhadap tingkah laku tertentu? Adakah manusia mahu menjadikan haiwan sebagai model tingkah laku mereka?

Nilai manusiawi tidak diperolehi daripada tingkah laku haiwan. Manusia berbeza daripada haiwan dan Tuhan memuliakan manusia berbanding dengan segala kejadian yang lain.

Beberapa alasan terjadinya homoseksualiti dibincangkan seperti di bawah. Genetik mungkin boleh menjadi salah satu penyebab. Walau bagaimanapun, pengalaman, faktor persekitaran, dan isu-isu dalam pembinaan hubungan mempunyai pengaruh dan kepentingan yang besar:

- **Kekeliruan tentang persahabatan:** Orang muda yang mempunyai perasaan yang kuat terhadap rakan sama jantina kadangkala keliru dengan semua jenis perbincangan berkaitan dengan homoseksual. Mereka mula tertanya-tanya sama ada mereka juga homoseksual atau lesbian. Seorang gadis berasa sangat gembira berada bersama teman baiknya sehingga dia terdorong untuk memeluk dan menciumnya. Dia akan berasa bersalah dengan dorongan tersebut, dan keliru dengan perasaan seksualnya. Sekiranya dia yakin dia seorang lesbian, dia

akan cuba memujuk teman wanitanya untuk melakukan hubungan seksual dengannya. Jalan penyelesaiannya adalah ibu bapa harus menyediakan pendidikan seks yang mencukupi untuk anak-anak.

- Kurang kasih sayang kepada anak-anak. Ada orang yang tidak mempunyai seseiapa untuk menagih kasih sayang. Remaja yang tidak mempunyai hubungan rapat dengan ibu bapa dan keluarga akan mencari kasih sayang daripada orang lain. Sekiranya teman yang dia ada hanya daripada jantina yang sama, keperluan yang keterlaluan untuk menyentuh dan memegang seseorang mungkin mengatasi rasa kesopanan dan membawa kepada perlakuan seksual. Jalan penyelesaiannya hendaklah berbentuk pencegahan. Penuhi anak-anak dengan kasih sayang bermula dengan penyusuan ketika bayi. Perhubungan penuh kasih sayang perlu berterusan dalam kalangan ahli keluarga untuk selama-lamanya. Dengan cara ini, dia akan menemui kasih sayang semula jadi daripada dalam rumah dan tidak akan mencarinya di luar.

- **Pencabulan kanak-kanak:** Pencabul mengambil kesempatan terhadap kanak-kanak yang dipaksa melakukan perbuatan tersebut tanpa kerelaan mereka sehingga mereka terbiasa dengan perbuatan ini. Dalam satu kajian sistematik terhadap 2,881 lelaki yang mengamalkan hubungan seksual sesama jantina, Paul et al. (2001) mendapati bahawa satu perlama daripada mereka pernah dicabuli semasa kanak-kanak.

Jalan penyelesaiannya adalah pemerhatian dan pengawasan berterusan oleh ibu bapa terhadap anak-anak bagi memastikan mereka sentiasa berada dalam keadaan yang terjaga dan terpelihara.

Sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada kerana pencabul kanak-kanak boleh terdiri daripada kalangan ahli keluarga. Oleh itu, pengawasan adalah sangat penting.

- Kelainan atau tidak normal: Sesetengah orang dilahirkan dengan atau menghidapi penyakit yang jarang berlaku akibat kekurangan hormon lelaki atau wanita yang membolehkan mereka berkelakuan seperti lelaki dan wanita yang normal. Hormon adalah bahan kimia yang dihasilkan dalam pelbagai organ badan yang mempengaruhi ciri-ciri seksual fizikal (seperti pertumbuhan payudara bagi wanita). Hormon juga mempengaruhi ciri-ciri maskulin bagi lelaki (seperti tumbuh janggut dan misai, perkembangan otot, dan keinginan untuk berlawan dan menunjuk-nunjuk) atau feminin bagi seorang wanita (seperti keinginan untuk mendakap bayi). Seorang lelaki muda tanpa hormon kelelakian yang cukup, mungkin tidak mengalami pertumbuhan janggut dan kegarauan suara serta tiada perasaan maskulin dalam dirinya. Penyelesaiannya tentulah merujuk kepada rawatan perubatan.
- Terlalu lama menangguhkan perkahwinan: Lelaki dan wanita yang tidak berkahwin pada usia yang sepatutnya akan merasakan keinginan yang kuat untuk memenuhi keperluan seksual mereka. Sekiranya ia tidak dapat dilaksanakan dengan betul, cara alternatif akan menyelinap masuk ke pemikiran mereka. Berkahwin awal pada usia yang bersesuaian patut digalakkan kerana ia adalah hak anak-anak. Ia juga tanggungjawab ibu bapa untuk memudahkan sesebuah perkahwinan.

Ibu bapa yang mengetahui anak lelaki mereka mempunyai kecenderungan homoseksual harus

bersabar dan cuba memahami serta perlu segera mendapatkan bantuan profesional. Tidak perlu menyekat kasih sayang kepada anak-anak. Meskipun salah di sisi undang-undang untuk mendiskriminasi homoseksual, mereka tidak perlu menerima aktiviti homoseksual walaupun akan menjadi tidak popular kerana mengkritik. Kita semua ada kebebasan untuk tidak bersetuju. Sepertimana undang-undang melindungi hak homoseksual, ia juga melindungi kebebasan beragama.

Ibu bapa mesti mengetahui isu-isu perundungan berkaitan dengan isu homoseksual. Undang-undang Amerika Syarikat menghalang diskriminasi berasaskan jantina, orientasi seksual, bangsa, bahasa dan negara asal. Banyak masyarakat menyampaikan mesej kepada kanak-kanak bahawa menjadi homoseksual adalah sesuatu yang boleh diterima. Golongan masyarakat sebegini sedang mengaburi garisan antara perkara yang normal dengan yang tidak normal.

Kanak-kanak juga diberitahu supaya mengabaikan rasa malu yang ada dalam diri mereka dan menuruti nafsu mereka.

Kita menggalakkan ibu bapa untuk memastikan anak-anak benar-benar faham bahawa tingkah laku homoseksual adalah salah. Ibu bapa harus campur tangan sekiranya mendapati ada guru yang menggalakkan tingkah laku homoseksual.

Lelaki seharusnya menjadi maskulin

Menghormati wanita, membela golongan lemah, tidak memperlihatkan tubuh badan

Wanita seharusnya menjadi feminin

Berpakaian sopan, menundukkan pandangan, mempertahankan maruah diri daripada lelaki durjana

Pendidikan Seksualiti dalam Islam

Islam mengiktiraf bahawa Tuhan Yang Maha Pencipta mencipta keperluan seksual. Seks dibincangkan dengan penuh hormat dalam al-Quran dan Hadis dalam konteks perkahwinan dan kehidupan berkeluarga. Islam tidak melihat wanita (atau lelaki) sebagai objek keseronokan seksual semata-mata tetapi dengan penuh penghormatan dalam kerangka hubungan yang saling melengkapi bagi memenuhi keperluan manusia dan kehendak Tuhan. Seks bersama pasangan yang dikahwini dianggap sebagai ibadah, sedangkan seks di luar perkahwinan adalah salah dan antara dosa besar yang pelakunya boleh dihukum. Undang-undang Islam berkaitan dengan seks adalah jelas dan bersifat alami. Ia tidak berubah mengikut tekanan semasa atau perubahan nilai masyarakat. Keperawanan ketika perkahwinan ibarat satu kemuliaan, tidak seperti bagi sesetengah masyarakat tertentu yang menganggap ia satu kerugian. Hubungan seksual antara lelaki dengan wanita digambarkan daripada ayat-ayat di bawah:

Bukankah telah Kami ciptakan kamu daripada air yang lemah? Lalu Kami jadikan dia dalam penempatan yang kukuh. Sampai waktu yang ditentukan? Lalu Kami tentukan; maka Kamilah yang sebaik-baik menentukan.

(Surah al-Mursalat: ayat 20-23)

Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya ia itu adalah keji dan seburuk-buruk jalan.

(Surah al-Isra': ayat 32)

Berikut merupakan sebahagian rujukan berkaitan dengan hubungan perkahwinan daripada Hadis Rasulullah ﷺ.



Rasulullah ﷺ menyifatkan keintiman dalam rumah tangga sebagai kurniaan kepada sebuah kemuliaan. Rasulullah ﷺ bersabda:

"Menunaikan syahwat juga satu sedekah (amalan baik). Mereka bertanya, "Wahai Rasulullah ﷺ, adakah apabila salah seorang daripada kami menunaikan syahwatnya, dia mendapat pahala kerananya? Baginda menjawab, "Bagaimana pendapat kalian jika dia menunaikannya dengan cara haram, adakah dia akan berdosa? Begitulah juga, kalau dia menunaikannya pada yang halal, dia akan mendapat pahala."

(Hadis Riwayat Muslim)

Rasulullah ﷺ mengajar kita bahawa hubungan intim antara pasangan adalah rahsia dan tidak boleh diceritakan kepada orang lain:

"Manusia yang paling buruk kedudukannya di hari Kiamat: Seorang lelaki bergaul dengan isterinya, dan dia (isterinya) bergaul dengannya, lalu dia pun menyebarkan rahsianya (isterinya itu)."

(Hadis Riwayat Muslim)

Ummu Salamah menceritakan:

Saat daku bersama Rasulullah ﷺ berbaring di dalam selimut, aku didatangi haid, lalu aku pun menyelinap keluar dan membuka

pakaian (yang saya pakai) dalam keadaan haid. Melihat keadaan ini, Rasulullah bertanya, "Adakah kamu didatangi haid?" Aku menjawab: "Ya". Baginda memanggilku dan daku pun baring bersamanya di dalam selimut."

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Ummu Salamah mendedahkan bagaimana beliau menyelinap keluar perlahan-lahan daripada katil dan menjauhkan diri daripada Rasulullah ﷺ pada suatu malam. Namun begitu, ketika Baginda mengetahui bahawa Ummu Salamah didatangi haid, Baginda ﷺ menyuruh beliau menutupi dirinya dan berbaring semula di sebelah Baginda. Beberapa hadis menceritakan Rasulullah ﷺ "tidur bersama dalam satu selimut" dengan isteri baginda Aisyah walaupun ketika Aisyah kedatangan haid. Al-Quran menggambarkan suami dan isteri sebagai pakaian untuk satu sama lain. Pakaian adalah sesuatu yang sangat peribadi dan dekat dengan tubuh seseorang, sama seperti pasangan yang seharusnya dekat antara satu sama lain. Pakaian melindungi dan menjaga kesopanan diri. Begitulah pasangan juga seharusnya melakukan perkara yang sama kepada satu sama lain. Pakaian dipakai pada bila-bila masa seseorang menghendakinya. Justeru, pasangan juga perlu saling bersedia memenuhi keperluan pasangannya. Pakaian menambah kepada kecantikan seseorang, begitulah pasangan juga perlu saling mencantikkan.

Seks adalah ekspresi cinta. Tanpa salah satu, tidak lengkaplah satu yang lain. Tanggungjawab suami adalah untuk mendidik isteri dalam hal berkaitan dengan seksualiti, terutamanya dalam perkara yang disukai dan tidak disukainya. Dan suami tidak seharusnya membandingkan isterinya dengan wanita lain. Isteri juga perlu

melakukan perkara yang sama untuk mencapai kepuasan maksimum dalam perhubungan. Isteri harus sedar bahawa keperluan seksual suami berbeza daripadanya. Tidak hanya menjadi penerima yang pasif, isteri juga boleh berusaha berpartisipasi aktif dan menunjukkan kasih sayang. Kedua-dua mereka terdedah kepada godaan yang besar diluar rumah, yang meletakkan mereka berdua dalam situasi persaingan berterusan dengan pengaruh-pengaruh luar. Oleh itu, untuk kepentingan bersama, isteri harus sentiasa ada untuk menggembirakan suaminya dan tidak meletakkan suami dalam keadaan tertekan atau memberinya alasan untuk membuat pilihan antara dia atau wanita lain. Situasi ini akan boleh menyebabkan suami memusnahkan rumah tangga dan mengundang kemarahan Tuhan. Begitu juga suami harus sentiasa bersedia menggembirakan dan memenuhi semua keperluan isterinya.

Rasulullah ﷺ menjelaskan secara terperinci tentang hubungan intim antara suami dan isteri supaya mereka dapat mencapai kepuasan maksimum. Islam melarang sama sekali hubungan seks anal (melalui dubur) manakala tidak disebut dalam al-Quran dan Hadis tentang larangan seks oral. Organ seksual perlu sentiasa dipastikan bersih dan mandi diwajibkan setiap kali terdapat pancutan air mani atau selepas melakukan hubungan kelamin.

Rasulullah ﷺ bersabda:

"Janganlah ada antara kamu mendatangi isterinya seperti perbuatan binatang dan hendaklah ada perantaraan antara keduanya. Salah seorang sahabat bertanya, 'Apakah perantaraan itu, wahai Rasullullah?' Baginda menjawab, 'Ciuman dan perbualan.'"

(Riwayat al-Zubaydi dan al-Iraqi)

Rasulullah ﷺ juga bersabda:

"Ketika kamu tidur bersama isterimu, kamu seharusnya mempunyai rasa belas kasihan (bertimbang rasa) kepadanya. Sekiranya kamu memuaskan dirimu sebelum dia merasakan yang sama, kamu tidak harus tergesa-gesa sehingga dia benar-benar merasa puas."

(Riwayat Abu Yala)

Setiap lelaki yang bergelar suami bertanggungjawab menjaga pasangan hidupnya dengan baik. Sekiranya dia mengharapkan isteri setia kepadanya, menjadi tanggungjawabnya untuk memberi masa yang cukup kepada isteri supaya mencapai kepuasan seksual sepenuhnya, yang biasanya mengambil masa sekitar 15- 20 minit. Suami tidak seharusnya menerkam isterinya seperti haiwan iaitu melakukan persetubuhan tanpa gurauan dan ciuman serta percakapan. Ini dilarang dalam Islam dan lelaki atau suami perlu bertimbang rasa. Mereka perlu memahami fakta biologi seksualiti wanita, mempelajari teknik untuk memuaskan isteri, dan menikmati kehidupan yang penuh bahagia. Mana-mana lelaki yang tidak boleh memberikan kepada isterinya masa tersebut akan menyebabkan isterinya tertekan dan membuka laluan godaan luar kepada isterinya.

Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak

Penting untuk ibu bapa mendidik anak-anak mereka berfikiran positif terhadap seks. Ia bukan ciptaan syaitan atau sesuatu yang kotor atau jahat (jika dapat diuruskan dengan baik). Ia merupakan satu anugerah dan belas kasihan oleh Yang Maha Penyayang dan sedikit gambaran kenikmatan surga yang akan diperolehi manusia nanti.

Walaupun seks merupakan aktiviti yang menggembirakan dan indah (seperti yang sepatutnya), ia juga sebuah peluang yang boleh disalah guna oleh syaitan untuk merosakkan, memutar belit, menggagalkan dan menyebabkan penderitaan yang sangat besar.

Lebih banyak penderitaan yang dialami di dunia ini akibat seks berbanding dengan peperangan dan kelaparan.

Risiko seks sangat tinggi kerana hanya dengan melakukan satu perlakuan seksual yang salah, seseorang akan berhadapan dengan kemusnahan berterusan di sepanjang kehidupannya. Seks adalah keperluan yang harus dipenuhi menurut panduan Tuhan melalui cara yang benar dan holistik tanpa berlebihan atau kekurangan dan penderitaan.

Nabi Muhammad ﷺ sangat terbuka, baik dan jujur dalam memahami keperluan lelaki dan wanita. Baginda tidak melampau dan fanatik bahkan menikmati semua perkahwinan baginda. Ini sudah pastinya pandangan Aishah yang tanpa ragu, lebih mengenali Nabi Muhammad ﷺ lebih mendalam berbanding dengan orang lain.

Kenikmatan seksual mesti tertakluk kepada pertimbangan moral. Seks bebas membawa kepada perpecahan institusi keluarga, penipuan, kurang rasa bertanggungjawab dan malah pelbagai jenayah seperti rogol, ketagihan dadah, rompakan dan pembunuhan. Sekiranya seseorang itu sangat mengasihi Tuhan, dia seharusnya mampu menahan diri daripada godaan dengan bertanggungjawab dan tahu memilih mana yang betul dan salah. Ramai orang begitu bersederhana dan malu untuk mendapatkan ilmu yang betul bagaimana untuk menikmati hubungan seks dengan cara yang paling memuaskan.

Seks dan Kebersihan: Haid, Bulu Kemaluan, Berkhitan dan Air Mani

SEKS SEMASA HAID:

Amalan orang Yahudi abad pertengahan, semasa wanita kedatangan haid setiap bulan adalah mengelakkan hubungan dengan wanita secara total. Nabi Muhammad ﷺ mengarahkan para sahabat supaya bersama isteri mereka ketika haid dan perlu mengelakkan berlakunya jima' dan sentuhan di kawasan kemaluan.

Anak-anak perempuan perlu diberikan panduan yang praktikal bagaimana menggunakan tuala wanita dan membersihkan serta membuangnya tanpa merosakkan tandas. Alternatif yang lain adalah menggunakan tuala wanita yang boleh dibasuh, dikeringkan dan diguna semula. Kedatangan haid setiap bulan adalah sesuatu yang alami dan bukan perkara yang memalukan serta perlu disorokkan terutamanya jika mereka memerlukan pertolongan akibat kesakitan dan ketidakselesaan yang dialami.

BULU KEMALUAN:

Nabi Muhammad ﷺ mencadangkan supaya bulu kemaluan lelaki dan wanita dibersihkan setiap bulan supaya anggota badan sentiasa bersih dan kemas untuk keselesaan pasangan. Bulu kemaluan adalah sesuatu yang alami dan sihat, dan amalan membersihkannya membawa ketenangan fikiran dan dapat mengekalkan kebersihan.

Anak lelaki gemar menyimpan bulu di dada, kaki dan juga misai. Bagaimanapun anak perempuan tidak menyukainya. Bahkan ada anak perempuan berasa ngeri apabila terdapat bulu di sekitar payudaranya dan amat benci jika kaki dan tangannya dipenuhi dengan bulu romba yang tebal. Ibu-ibu boleh menasihati dan menunjukkan



cara penggunaan krim membuang bulu romba atau kaedah penjagaan diri yang lain supaya kekal menarik dan menawan.

Anak-anak perempuan tidak perlu risau mereka akan bertukar menjadi lelaki sekiranya mereka mendapati ada misai atau beberapa helai bulu tumbuh di muka. Bulu tersebut boleh dibersihkan jika memberi masalah kepada mereka. Anak-anak perempuan mesti berasa selesa dengan tubuh badan mereka dan tidak seharusnya terlalu memikirkan untuk menarik perhatian lelaki di khalayak ramai.

BERKHITAN:

Nabi Muhammad ﷺ sangat mengesyorkan anak lelaki dikhitanan ketika masih kecil. Ini bagi menjamin aspek kebersihan diri yang lebih baik dan meningkatkan kenikmatan hubungan seksual selepas berkahwin. Khitan untuk lelaki mampu mengurangkan kanser, jangkitan penyakit dan mengurangkan kesakitan ketika membuang air kecil. Anak perempuan tidak perlu dikhitanan. Islam melarang pemotongan mana-mana bahagian alat sulit wanita. Tentang khitan ke atas anak-anak perempuan yang disebut sebagai female genital mutilation (FGM), kami merujuk kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Persidangan Dar Al-Ifta Mesir (2006) seperti berikut:

- Anggota tubuh manusia tidak boleh dirosakkan
- Tiada asas daripada al-Quran dan hadis akan perlunya perlaksanaan FGM
- Perlaksanaan FGM mengakibatkan kesakitan kepada tubuh badan perempuan dan memberi kesan psikologi
- Para cendekiawan bersetuju untuk memberhentikan amalan tersebut
- Para cendekiawan menyeru untuk meningkatkan pendidikan kesedaran dalam kalangan wanita
- Para cendekiawan meminta badan perundangan memansuhkan amalan berbahaya ini.

AIR MANI:

Sebahagian remaja berasa sangat malu apabila terdapat apa-apa cecair keluar daripada kemaluannya dan berasa takut jika ibu bapa mereka melihatnya. Mereka perlu diyakinkan bahawa perkara tersebut adalah normal dan sebahagian daripada proses pembesaran mereka. Sekiranya cecair tersebut berbau dan bercampur dengan darah, atau pakaian dalam mereka perlu ditukar lebih daripada sekali dalam satu hari, maka mereka perlu merujuk kepada doktor. Air mani patut dibezakan daripada air kencing. Air kencing adalah najis dan perlu dibersihkan. Manakala air mani adalah sesuatu yang suci dan tidak perlu dicuci seperti air kencing, cukup dengan menitiskan beberapa titisan air dan menggosoknya.

Remaja dan Kawalan Diri

Kanak-kanak Amerika dan Kanada hari ini mencapai umur baligh lebih awal berbanding dengan masa dahulu. Anak perempuan baligh pada usia 8 hingga 13 tahun, manakala anak

lelaki di antara umur 9 dan 14 tahun. Di Britain, sejak 150 tahun yang lalu umur baligh telah jatuh daripada 16.5 tahun kepada 12.8 tahun. Perkara ini mungkin disebabkan peningkatan penggunaan produk daripada haiwan, yang kebanyakannya datang daripada haiwan yang diternak dengan dos-dos antibiotik dan hormon tertentu untuk mempercepat proses pembesaran.

Sebaliknya, usia perkahwinan pertama semakin meningkat. Di Amerika Syarikat, lelaki berkahwin pada umur 29 tahun dan perempuan pada 26 tahun. Di Jordan di mana keadaan ekonomi berbeza, usia purata perkahwinan adalah 35 tahun untuk lelaki dan 30 tahun untuk perempuan. Mereka yang percaya untuk kekal sebagai perawan sebelum perkahwinan meminta anak-anak untuk menahan kemahuan seksual mereka bermula daripada umur baligh sehingga mereka berkahwin. Tempoh menunggu sekitar 16 tahun ini dipercayai adalah tempoh di mana keinginan dan tenaga seksual berada di puncak. Dan tempoh ini merupakan cabaran terbesar kepada anak-anak muda, lelaki dan perempuan.

Sehingga 100 tahun yang lalu kebanyakan pasangan berkahwin selepas umur baligh. Masyarakat terpaksa berusaha dengan keras untuk hidup. Disebabkan purata kematian bayi sangat tinggi dan kekerapan peperangan yang berlaku, perkahwinan lelaki dan perempuan pada usia awal sangat penting ketika keinginan seksual dan kecergasan mereka berada pada tahap tertinggi.

Sebahagian masyarakat dapat menyesuaikan diri dengan perkahwinan yang lewat dengan melepaskankekangan seksual. Mereka yang beragama tidak boleh melakukan perkara tersebut, namun larangan untuk kekal perawan amat sukar untuk golongan remaja. Nampaknya

seperti agak mustahil untuk manusia menahan nafsu seksual daripada umur akil baligh sehingga berkahwin (kemungkinan 20 tahun lagi). Remaja yang memiliki hormon yang sedang meningkat di dalam badan akan menderita berada dalam persekitaran hari ini yang penuh dengan godaan yang berterusan. Masyarakat Muslim mengalakkan perkahwinan awal bagi mengelakkkan perkara-perkara tersebut. Namun galakan ini juga mendatangkan beberapa masalah lain. Walaupun begitu, ibu bapa perlu mencari cara untuk memberitahu remaja mengapa seks di luar perkahwinan dilarang kepada mereka walaupun mereka sangat memerlukannya. Keluarga besar boleh membantu pasangan muda untuk penjagaan anak khususnya jika perancangan keluarga dijalankan dengan bijak.

Sebahagian sarjana Muslim menetapkan bahawa onani perlu dielakkan kecuali jika perbuatan tersebut menahan nafsu seksual yang melampau oleh lelaki bujang. Ia tidak boleh dijadikan tabiat. Onani boleh dianggap sebagai kedurjanaan kecil (*lesser evil*) apabila keinginan seksual tidak lagi boleh terkawal. Dalam kitab *Rudūdun alā Abātīl*, almarhum Syeikh Muhammad al-Hamid menjelaskan bahawa para fuqaha mengharamkan onani sekiranya digunakan untuk membangkitkan keinginan seksual yang pasif. Walau bagaimanapun, sekiranya keinginan seksual menjadi keterlaluan sehingga menguasai pemikiran dan mengganggu kestabilan seseorang (ke tahap menyebabkannya menghampiri zina) onani dibenarkan untuk membantunya menenangkan diri. Aktiviti onani boleh menjadi suatu yang neutral, tidak mendapat ganjaran atau hukuman, tidak dipersalahkan atau dipuji, tidak juga suatu dosa atau perkara baik.

Onani bersifat mementingkan diri sendiri.

Dilakukan secara bersendirian berbanding dengan hubungan intim yang mendalam, onani membolehkan remaja memuaskan keinginan fantasisnya. Walaupun ia mungkin membantu melegakan diri daripada tekanan buat sementara waktu, bagi remaja onani boleh menjadi jalan mudah untuk menggantikan perkahwinan. Apabila kepuasan utama remaja datang daripada perhubungan peribadi, kepuasan diri menjadi suatu masalah kepadanya.

Ibu bapa harus memahami jika anak mereka menggunakan onani untuk melampias nafsu seksual mereka. Biasanya, ia akan hilang apabila mereka mencapai umur matang dan berkahwin. Apa yang lebih penting adalah ibu bapa menggalakkan supaya anak-anak sibuk dengan aktiviti bersukan atau membina tabiat berpuasa sunat Isnin–Khamis setiap minggu, atau mendaftarkan mereka untuk aktiviti berkumpulan bersama komuniti setempat. Ibu bapa juga perlu memberitahu anak remaja mereka bahawa penyalahgunaan onani boleh mendatangkan masalah kesihatan yang serius. Situasi godaan dan tekanan seksual mesti dielakkan. Dengan cara ini, para remaja dapat menghalang onani daripada menjadi suatu obsesi.

Ibu bapa perlu berterus terang dengan anak-anak bagaimana mereka harus menguruskan tubuh badan mereka. Seks memenuhi sejumlah besar pemikiran remaja namun jarang menjadi topik perbincangan antara ibu bapa dan remaja. Jika ada sekalipun, mereka menyatakan perkara ini dengan cara yang tidak realistik. Para ulama' Muslim menjelaskan bahawa beronani dengan sengaja adalah haram walaupun terdapat sebilangan ulama' lain mengharuskannya dengan beberapa syarat. Ramai remaja telah melakukannya dan mereka hidup dengan perasaan

malu atau bersalah. Keseimbangan perlu dicari dan amalan ini hanya boleh digunakan sebagai pilihan terakhir pada tahap paling minimum tanpa membahayakan tubuh badan secara fizikal dan emosi.

Penyelesaian Islam Terhadap Dilema Seksual: Pendekatan Pencegahan

Pendekatan asas adalah menghindari: Lā taqrabū al-zinā, jangan hampiri zina dan maksiat. Jauhkan diri anda dan jangan dekati perkara yang membawa dosa.

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

(Al-Quran: al-Israa: 17: 32)

Frasa penting yang disebut dalam al-Quran adalah “pendekatan jangan menghampiri” (Lā taqrabū) yang bermaksud elakkan dan lindungi diri daripadanya. Jadi dalam kata lain, seseorang mesti menghindari semua jalan yang membawa kepada aktiviti seksual yang dilarang, sehingga ke tahap tidak boleh langsung secara praktikalnya mendekatinya.

Strategi terbaik adalah bersifat pencegahan dan menjadikannya sukar untuk dilakukan dengan mengambil langkah-langkah tertentu supaya seks terlarang ini tidak boleh didapati atau dilakukan dalam masyarakat. Antaranya adalah memutuskan semua jenis urus niaga seksual, menahan bekalan dan meminimumkan permintaan. Dengan ini, masyarakat mampu untuk mengawal tingkah laku ahlinya dan menjaga kesucian sebuah perkahwinan. Konsep moral sebegini bukan perkara baru dan unik dalam

Islam. Bahkan ia juga diajar dalam agama-agama lain seperti Yahudi, Nasrani dan Hindu. Tiada orang waras yang boleh berfikir bahawa ia suatu idea yang baik bagi semua orang, tidak kira tua atau muda untuk menjalani kehidupan seks yang kacau bilau dan menjadi hamba kepada nafsu seks. Orang yang percaya kepada Tuhan melihat tempat terbaik untuk hubungan seksual adalah dalam perkahwinan. Masalahnya, dalam banyak masyarakat, sikap konservatif terhadap perlakuan seksual ini telah ditolak oleh generasi muda hari ini.

Pada masa kini, penyakit seksual amat mudah berjangkit melalui pelbagai cara. Mengelakkan diri daripada penyakit ini memerlukan pengorbanan. Manfaat hasil menahan diri daripada seks bebas sungguh lumayan manakala penderitaan akibat menuruti nafsu tidak mampu diceritakan pahitnya. Apabila kita melihat keseluruhan sistem Islam itu sendiri, jelas kelihatan bahawa ajaran Islam berpaksi pada langkah melindungi dan mempertahankan kesucian institusi keluarga. Penekanan besar diberikan pada hal ehwal kesopanan dalam berpakaian, tiada seks di luar perkahwinan, menahan diri daripada arak dan dadah, tidak berdua-duaan, tiada komunikasi



yang provokatif antara gender, tiada percampuran antara lelaki dan perempuan, tiada pornografi, tiada babak seksual lucah di televisyen dan tiada muzik dan iklan yang boleh membangkitkan keinginan seksual. Kesemua ini adalah usaha serius untuk menghalang jalan ke arah penzinaan. Selain itu, ibu bapa turut bertanggungjawab untuk menerangkan kepada anak-anak mereka tentang bahaya perhubungan seks yang tidak bertanggungjawab.


Pendekatan pencegahan untuk menghalang penzinaan seharusnya bermula di peringkat awal kanak-kanak. Tindakan individu dan kerjasama daripada semua pihak harus dipertingkatkan untuk mengawal desakan keinginan seksual para remaja.

Al-Quran mengakui keinginan seksual yang keterlaluan boleh wujud dalam diri manusia. Malah Nabi Yusuf a.s. ketika berada di bawah tekanan godaan, berkemungkinan jatuh ke lembah zina, jika bukan rahmat Allah ﷺ yang menyelamatkan baginda pada detik kritikal seperti yang terakam dalam al-Quran:

Dan perempuan yang Yusuf tinggal di rumahnya, bersungguh-sungguh memujuk Yusuf berkehendakkan dirinya, dan perempuan itu pun menutup pintu-pintu serta berkata: "Marilah ke mari. Aku bersedia untukmu." Yusuf menjawab: Aku berlindung kepada Allah ﷺ (daripada perbuatan yang keji itu), sesungguhnya Tuhanku telah memeliharaku dengan sebaik-baiknya. Sesungguhnya orang-orang yang zalim tidak akan berjaya. Dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhananya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah

(takdir Kami) untuk menjauhkan daripada Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana sesungguhnya ia daripada hamba-hamba Kami dibersihkan daripada segala dosa.

(Surah Yusuf: ayat 23-24)



Dorongan seksual yang diberikan Tuhan kepada lelaki dan wanita biasanya bersifat pasif dan sepatutnya tidak disuburkan atau dibangkitkan. Keinginan seksual sepatutnya disalurkan melalui perkahwinan yang sah. Jika godaan seksual terlalu banyak, nafsu telah dibangkitkan awal dan ia menjadi sukar untuk dikawal. Walau bagaimanapun, keghairahan seksual lelaki lebih jelas kelihatan dan sukar dikawal berbanding dengan perempuan. Malah, laluan kepada akil baligh untuk lelaki telah membangkitkan perasaan seksual. Wanita lebih mudah mengawal keinginan dan tindak laku seksual berbanding dengan lelaki.

Persekutaran seksual permisif yang jelas kelihatan dalam banyak masyarakat pada abad ke-21 ini bukan perkara yang mengejutkan. Masyarakat tidak banyak membantu remaja dalam hal ini. Seperti melemparkan remaja ke dalam tasik dengan tangan dan kaki terikat, lalu menjerit kepada mereka: "Berhati-hati! Jangan sampai baju kamu basah!" Godaan membakar dorongan seksual dalam diri remaja.

Tetapi dalam masa yang sama masyarakat mengharapkan remaja dapat mengawal diri dan mengenakan halangan untuk diri mereka sendiri.

Ibarat meletakkan seekor ikan segar di hadapan kucing yang lapar dan memberitahunya: "jangan makan!" Menahan diri menjadi lebih mudah dan dapat dicapai tanpa adanya godaan.

Seseorang mengikat tangannya dan melemparkannya ke dalam air sambil memberitahunya: "Berhati-hati! Jangan sampai baju kamu basah!".

Lelaki lebih mudah terangsang nafsu seksualnya melalui sentuhan, penglihatan, pendengaran atau hanya imaginasi semata-mata. Oleh itu, penting untuk membuang semua jenis rangsangan, godaan dan keghairahan sebanyak yang mungkin. Pendekatan yang lebih bijak adalah menggunakan pendekatan pertahanan yang selamat, iaitu mengelakkan masalah berbanding dengan terjatuh ke dalam masalah, kemudian bergelut untuk keluar daripadanya. Sebaik sahaja dorongan seksual seseorang dirangsang, pertahanan diri mereka menjadi lemah secara drastik dan kemungkinan untuk menyerah kepada godaan meningkat.

Pendekatan yang dianjurkan al-Quran adalah bersifat pencegahan dan holistik. Persoalannya adalah bagaimana remaja mampu mengekalkan standard etika yang diingini dalam masyarakat yang membenarkan aktiviti seksual? Adakah dari segi kemanusiaannya perkara ini boleh terjadi? Menurut perundangan Islam, apa sahaja yang membawa kepada perlakuan yang salah adalah salah. Oleh itu, apa sahaja yang memecahkan "hambatan" keinginan seksual dan kehilangan kawalan diri haruslah dielakkan.

Berikut adalah senarai langkah pencegahan untuk menghindari hubungan seksual terlarang. Mengurangkan godaan adalah proses seumur hidup yang memerlukan kerjasama ibu bapa, keluarga besar, sekolah, media dan masyarakat.

KESOPANAN (*HAYA'*)


Mewujudkan konsep kesopanan (*haya'*) dalam keluarga sejak lahir adalah sangat penting. Ibu bapa tidak boleh menyentuh bahagian sulit anak-anak mereka tanpa sebab kecuali ketika memandikan mereka. Alat sulit anak-anak mestilah sentiasa tertutup walaupun ketika mandi mulai umur tiga tahun hingga ke atas. Mengelakkan pendedahan alat sulit anak menambah privasi peribadi anak itu.

Apakah kesopanan (*haya'*)? Kesopanan bermaksud perasaan segan dan perasaan malu daripada sebarang tindakan yang menjatuhkan maruah seseorang. Dalam bahasa Arab ia bermaksud:

suatu sifat atau sikap yang menyebabkan seseorang berasa malu atau takut pada perbuatan yang memalukan

Para fuqaha mendefinisikan kesopanan sebagai suatu sifat perwatakan yang tidak menggalakkan seseorang untuk melakukan maksiat atau perbuatan yang memalukan dan kotor.

Kesopanan adalah kualiti yang mesti disuburkan secara berterusan oleh ibu bapa sehingga menjadi kebiasaan dalam keluarga dan masyarakat. Malah ketika memandikan mayat, tukang mandi tersebut tidak boleh melihat alat sulit si mati atau menyentuhnya tanpa lapis. Mereka perlu menggunakan kain untuk membersihkannya sebagai adab kepada mayat. Dalam satu hadith, Nabi Muhammad ﷺ menerangkan hal tentang tahap dan dimensi kesopanan:



Iman mempunyai lebih daripada 70 cabang. Yang paling baik adalah dengan mengatakan bahawa tiada Tuhan selain Allah ﷺ. Yang paling lemah adalah mengalihka n objek berbahaya di jalan. Dan kesopanan adalah salah satu daripada cabang iman.

(Riwayat Muslim)

Apa yang diwarisi oleh tamadun manusia daripada sejarah kenabian ialah:

Jikalau tiada perasaan malu (haya') di dalam diri kamu, kamu akan melakukan apa sahaja yang kamu inginkan.

(Riwayat Abu Dawud)

Dalam satu Hadis, Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Pencabulan akan melahirkan keburukan, kesopanan (haya') akan melahirkan sifat kebaikan dan kecantikan.

(Riwayat Ibn Majah)

Imam al-Jurnānī mengkategorikan kesopanan (haya') kepada dua seperti berikut:

a) Bahagian psikologi iaitu terdapat dalam diri setiap manusia, seperti tidak mendedahkan aurat, atau tidak mengadakan hubungan seksual di hadapan orang lain. Jenis kesopanan seperti ini telah wujud secara azali dalam diri manusia dan sebahagian daripada sifat semula jadi mereka, dan

b) Kesopanan yang diperoleh daripada asas iman (kepercayaan beragama), yang memelihara diri daripada melakukan sebarang dosa atau maksiat kerana cinta kepada Tuhan dan takut akan azab-Nya.



**Malu adalah
satu cabang
IMAN**

Kanak-kanak perlu diajar sifat-sifat kesopanan seperti berikut:

1. Menundukkan pandangan apabila melihat lelaki/perempuan yang bukan ajnabi atau adegan lucah;
2. Berjalan dengan sopan tanpa provokasi seksual atau meniru gender lain;
3. Bercakap dengan nada hormat dan lembut, bukan nada suara yang menggoda;
4. Berpakaian sopan dan menutup seluruh badan dengan sempurna dan menjaga maruah.

Tiga situasi yang tidak memerlukan sifat malu (haya'):

- 1) Ketika menimba ilmu: menimba ilmu pengetahuan terutamanya dalam bidang agama untuk memahami perihal hubungan intim pasca perkahwinan, haid, kehamilan, dan hal-hal yang berkaitan adalah lebih baik. Dalam konteks pendidikan, ahli fuqaha menyatakan: "Tidak perlu ada perasaan

malu dalam menuntut ilmu agama.” Dalam ungkapan yang lain, “tidak perlu berasa malu dalam mencari ilmu pengetahuan.”

2) Dalam melakukan pembaharuan: menyeru kepada usaha melakukan kebaikan dan melarang kejahanan adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan tegas dan bijak.

3) Dalam perkahwinan: tiada perasaan malu antara pasangan suami isteri ketika di rumah. Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Sembunyikan bahagian sulit (aurat) kamu kecuali kepada pasanganmu.

(Riwayat Ibn Majah, Abū Dāwud dan al-Hākim).

Hubungan seks antara pasangan yang bukan suami isteri adalah dilarang. Namun, tiada batasan untuk berbuat demikian bagi suami isteri di dalam kamar tidur mereka.

Sekiranya ibu bapa gagal mendidik anak-anak mereka untuk mengamalkan sifat malu, masyarakat secara keseluruhannya akan menderita. Sifat malu adalah asas pertahanan yang kuat terhadap godaan dan hasutan untuk berbuat maksiat. Berikut adalah beberapa pemerhatian yang dilakukan ke atas beberapa negara tentang kurangnya sifat malu dalam kalangan mereka:

- Atas alasan kebebasan berkarya dan seni, banyak muzium dan dataran awam di banyak negara telah dibanjiri dengan poster-poster lelaki dan perempuan yang berbogel dan patung-patung ukiran yang mendedahkan alat sulit manusia. Perkara ini juga berlaku di beberapa kuil di India.

Syair Arab tentang Malu

Sekiranya kamu tidak berasa takut akan akibat daripada setiap tindakan kamu dan gagal untuk berkelakuan baik, maka kamu bebas melakukan apa sahaja yang kamu suka.

Tetapi, dengan Tuhan, tiada kebaikan dalam kehidupan yang tidak bermoral! Kita akan hidup dengan selesa selagi kita berkelakuan baik, sama seperti batang pokok yang tetap dilindungi selagi kulit melitupinya



Bagi ramai orang, terdapat garis pemisahan yang jelas antara apa yang dianggap sebagai seni dan pornografi atau kelucuan. Telanjang dalam tradisi kesenian Barat merupakan perkembangan seni yang diminati kerana dianggap sebagai simbol kebaikan, kehormatan dan kemuliaan manusia. Satu contoh yang baik adalah patung lelaki yang sepenuhnya telanjang, ukiran oleh Michael Angelo, bernama David iaitu seorang nabi yang mewakili semua perkara baik. Beberapa kuil di seluruh dunia, contohnya di India, juga meletakkan patung-patung yang tidak berpakaian dalam situasi keagamaan. Walaupun patung David dianggap sebagai simbol manusia zaman Renaisans, penerimaan sosial dan tafsiran tentang telanjang bogel adalah sesuatu yang

perlu difikirkan oleh ibu bapa dengan lebih mendalam, khususnya perkara yang berkaitan dengan kefahaman anak-anak.

- Di sebuah muzium di Santiago, Chile, terdapat sebuah patung ukiran lelaki dan perempuan yang melakukan hubungan seks dipaparkan kepada awam.
- Seorang remaja perempuan di Amerika Syarikat memasang kamera di dalam bilik tidurnya dan bilik mandi yang boleh ditonton secara langsung selama 24 sehari di laman internet tanpa sekat.
- Di Amerika Syarikat, 50,000 orang telah menonton proses melahirkan anak dari bilik bersalin di hospital secara langsung di laman internet dengan perincian grafik penuh. (*Times*, Jun 29, 1998)

Beberapa etika amalan sifat malu disenaraikan di sini:

- Anak-anak perlu diajar supaya mengetuk pintu sebelum masuk ke bilik ibu bapa dan adik-beradik yang lain untuk mengelakkan kemungkinan mereka dilihat tidak berpakaian atau terdedah mana-mana bahagian tubuh mereka.
- Ibu bapa dan anak-anak perlu berpakaian sempurna ketika di dalam atau di luar rumah. Pemakaian alat solek, minyak wangi dan perhiasan badan yang keterlaluan perlu dielakkan. Ibu bapa perlu berwaspada dengan bahasa percakapan mereka di hadapan anak-anak dan mengelakkan percakapan berbau seks. Begitu juga dengan segala aksi romantis antara ibu bapa perlu dielakkan di hadapan anak-anak termasuklah ciuman dan sentuhan bahagian-bahagian sulit.

- Anak-anak perlu dipisahkan tempat tidur apabila berumur 10 tahun.
- Anak lelaki dan perempuan perlu diajar untuk menundukkan pandangan apabila bertemu rakan-rakan yang berlainan jantina.

Allah ﷺ berfirman seperti berikut:

Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji daripada orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi daripada

perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

(Surah al-Nur: ayat 30-31)

Menundukkan pandangan adalah dituntut, seperti sabda Nabi Muhammad ﷺ: Barangsiapa yang memelihara pandangan matanya daripada melihat sesuatu yang tidak halal padanya, Allah ﷺ akan mengurniakan kegembiraan pada hatinya.

(Ibn Masūd)

- Anak perempuan harus diajar cara berjalan yang sopan dan beradab untuk mengelakkan tarikan seksual. Mereka tidak boleh mengangkat baju mereka dan mendedahkan kaki mereka. Mereka juga harus mengelakkan diri daripada bercakap dengan suara yang menggoda:

... Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

(Surah al-Ahzab: ayat 32)

- Anak lelaki dan perempuan tidak boleh keluar berdua sehingga lewat malam. Had masa untuk keluar rumah yang munasabah boleh dibincang dan dipersetujui bersama oleh ibu bapa dan anak-anak.
- Beberapa jenis muzik boleh merosakkan (yang membangkitkan keinginan seksual

dan lirik yang memalukan). Muzik boleh memberi kesan kepada perasaan dengan mengaktifkan hormon melatonin yang berasal daripada kelenjar pineal di dalam otak yang dihidupkan dengan kegelapan dan dimatikan dengan kerlipan lampu. Ia juga adalah kelenjar yang sama yang menyebabkan akil baligh dan ia mempengaruhi kitaran reproduktif dan keinginan seksual. Muzik rock boleh membangkitkan keinginan seksual. Sebahagian jenis muzik rock mengandungi lirik luah, maka anak-anak perlu diajukan daripada mendengarnya agar mereka dapat memelihara diri mereka daripada maksiat.

● Pornografi adalah ancaman terbesar kepada proses pembesaran anak-anak kerana ia menyalakan keinginan seksual ke tahap yang tidak terkawal. Pornografi juga mempunyai kesan jangka panjang terhadap pemikiran anak-anak apabila mereka dapat membayangkan perkara-perkara luah untuk tempoh waktu yang lama dan menyebabkan mereka berangan-angan tentang perlakuan seksual.

● Pornografi merendahkan wanita kepada objek seksual yang wujud hanya untuk memuaskan nafsu lelaki. Sekiranya suami berkeinginan untuk melakukan hubungan seks akibat pornografi, maka dia harus memenuhi keinginan seksualnya bersama isterinya sendiri, bukan dengan orang lain. Orang bujang tidak dapat berbuat sedemikian, jadi mungkin ini satu alasan lagi untuk berkahwin awal.

Lelaki tidak boleh dipersalahkan hanya kerana mempunyai keinginan seksual. Namun, mereka boleh dipersalahkan sekiranya menurut keinginan nafsu dan menyakiti orang lain dalam proses tersebut.

Ramai lelaki menyakiti isteri mereka (tanpa mereka sedari) dengan melihat wanita lain dengan penuh minat. Imej model dan selebriti filem di papan iklan, kulit majalah dan poster boleh menjadi masalah yang besar. Dalam imaginasi mereka, imej-imej ini kekal muda dan cantik berbanding dengan pasangan sebenar mereka yang semakin tua. Pasangan suami isteri harus mempunyai sifat bertimbang rasa dan berlaku baik antara satu sama lain. Mereka akan tetap tua tetapi masih kekal menarik di mata pasangan dengan perancangan yang baik, pengamalan diet yang sihat dan senaman yang sesuai.

Hari ini, ibu bapa perlu lebih berwaspada dengan ancaman bahaya yang dibawa oleh laman sesawang yang bebas akses kepada pronografi, temu janji dan forum seks dan lucuah. Mereka mesti mengawasi anak-anak dengan lebih baik dan meletakkan komputer di ruang keluarga di dalam rumah, bukan di dalam bilik anak-anak.

ETIKA PEMAKAIAN

Anak-anak perempuan dan lelaki perlu berkelakuan baik dan berpakaian sopan. Mereka perlu mengelak daripada berpakaian yang menjolok mata atau menarik perhatian pada rupa fizikal. Mereka juga tidak sepatutnya memakai pakaian yang ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh badan kepada orang lain selain ahli keluarga atau memakai barang perhiasan yang berorientasi seksual. Pakaian yang jarang

atau nipis juga perlu dielakkan. Anak perempuan perlu bertudung ketika berada di khalayak ramai. Anak lelaki dan perempuan tidak sepatutnya terpengaruh dengan cara berpakaian silang jantina. Hadith Nabi Muhammad ﷺ menyatakan:

Abū Hurayrah berkata: Nabi Muhammad ﷺ mencela lelaki yang berpakaian menyerupai wanita, dan wanita yang berpakaian menyerupai lelaki.

(Abū Dāwud)

Apa yang dipakai oleh anak-anak adalah perkara penting. Satu pepatah menyebut, “kamu berkelakuan seperti apa yang kamu pakai”, membawa maksud anak-anak perlu memakai pakaian yang sopan dan dengan hormat. Orang berpakaian mengikut majlis yang dihadiri seperti program keagamaan mingguan, temuduga, majlis ulang tahun, keraian atau bersukan. Mereka berusaha untuk menyesuaikan diri, menarik perhatian dan menambah peluang supaya diterima oleh kumpulan tertentu. Pakaian, gaya rambut dan alat perhiasan diri perlu kelihatan sederhana. Umumnya, ibu bapa tidak suka melihat anak mereka mengenakan pakaian yang keterlaluan seolah-olah mahu memberontak. Jika pakaian yang sederhana dan sopan sentiasa menjadi pilihan, maka individu tersebut telah meninggalkan kesan yang baik. Pakaian, tingkah laku dan gaya yang tidak melampaui dianggap sopan dan beradab.

Seboleh-bolehnya ibu bapa perlu memberi bimbingan kepada anak perempuan tentang pilihan pakaian “yang diperakukan.” Akan tiba pada suatu umur, semuda dua atau tiga tahun, anak perempuan mereka mempunyai pendapatnya sendiri tentang apa yang ingin dipakai. Dia akan menolak pakaian pilihan ibu bapanya. Penyelesaian yang aman dan praktikal adalah



meletakkan dua atau tiga pakaian untuk dipilih supaya dia merasa diberi ruang untuk memilih.

Di sekolah yang menghendaki semua pelajar mengenakan pakaian seragam, ada kemungkinan anak perempuan tidak menyukainya pada peringkat awal. Namun mereka akan segera melupakannya dan perkara itu tidak lagi menjadi isu. Ini dapat mengelakkan perbincangan yang mengecewakan dan tidak perlulah mereka membuat keputusan “apa yang hendak dipakai” setiap pagi. Anak perempuan seharusnya sentiasa diingatkan bahawa walaupun pakaian yang “provokatif” mungkin nampak cantik, ia menghantar isyarat yang salah kepada anak-anak lelaki dan ia mendatangkan akibat-akibat yang tidak diingini.

TIADA PERGAULAN BEBAS DAN TIADA KHALWAH

Khalwah adalah pertemuan rahsia antara seorang lelaki dan wanita di suatu tempat yang sunyi dan tiada siapa boleh melihat apa yang dilakukan mereka (seperti bilik hotel). Ia adalah perangkap seksual syaitan. Jadi, penting untuk mengelakkan khalwah walau dalam keadaan apa sekalipun. Nabi Muhammad ﷺ dengan tegas memberikan amaran dan berkata:

Apabila seorang lelaki dan perempuan berada di tempat tersembunyi sendirian, maka syaitan adalah pihak ketiga yang akan menghasut melakukan kejahanatan.

(Riwayat al-Tirmidhi)

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan mestilah dielakkan. Tetapi pergaulan yang diawasi oleh ibu bapa dan diperhatikan rapat dalam batas kesopanan dan persekitaran yang terkawal adalah dibenarkan. Seorang budak lelaki boleh tertarik kepada budak perempuan yang selalu dilihatnya di

masjid, sekolah, perpustakaan dan pasar raya. Dia mungkin akan cuba mendekatinya dan memulakan perbualan untuk melihat sama ada budak perempuan tersebut meminatiinya atau tidak. Selepas itu, mereka mungkin merancang untuk bertemu di tempat yang lebih tertutup, seperti di taman atau di rumah. Dengan tiada siapa yang memerhatikan mereka, dia mungkin berani menyentuh dan menciumnya. Sekiranya budak perempuan itu membiarkan sahaja budak lelaki itu melakukannya, tanpa menunggu lama dia akan menjadi cukup berani untuk pergi jauh. Ia boleh berakhir dengan mereka melakukan hubungan seks tanpa dirancang yang akan membawa kepada kehancuran.

Perangkap maksiat!

Kontak Mata → Senyuman → Salam Pertemuan → Perbualan → Pertemuan → Sentuhan → Keghairahan → Jalan Yang Tiada Kembali → Dosa Seksual → Masalah!! Akibatnya mungkin termasuk STD, kehamilan, pengguguran anak atau anak tidak sah taraf.

Peraturan-peraturan yang dibincangkan di atas tidak boleh anggap mudah kerana ia adalah preskripsi yang pasti akan terjadi. Malah, mereka yang berpendidikan agama juga tidak akan terlepas daripada godaan maksiat. Semua manusia diciptakan daripada darah dan emosi, bahkan Nabi Yusuf a.s. juga tidak terlepas daripada dugaan seperti ini.

Janji Temu: sistem janji temu adalah “pintu pagar seksual” untuk remaja. Biasanya ia mendatangkan kesakitan dan penderitaan kepada remaja terbabit, keluarga, dan masyarakatnya. Dalam satu kajian pada tahun 1999 di Amerika Syarikat, 25 peratus daripada pelajar lelaki di universiti menyatakan bahawa sekiranya mereka telah membayar untuk makan malam dan teman perempuan itu “tidak mahu pergi lebih jauh”, si lelaki itu berhak untuk

memaksanya melakukan hubungan seks. Banyak kes rogol yang berlaku selepas janji temu pertama tidak dilaporkan (Norris et al. 1999; Bohmer 1993).

Apa sahaja yang memecahkan hambatan seksual dan membawa kepada hilangnya kawalan diri seperti arak, dadah, muzik yang menghairahkan, sentuhan, atau khalwah tidak boleh dibenarkan.

Ciuman dan pelukan menyediakan tubuh badan untuk seks sehingga mereka dibawa ke suatu titik yang tiada jalan pulang. Janji temu dan kebebasan seksual boleh merosakkan perkahwinan. Anggapan bahawa pasangan yang "mencuba antara satu sama lain" sebelum berkahwin akan lebih "memahami pasangannya" adalah pandangan yang tidak berasas. Masyarakat yang membenarkan berlakunya seks bebas akan berhadapan dengan keruntuhan institusi keluarga, pengguguran, kelahiran anak luar nikah dan penceraian pada kadar yang tinggi.

TEKANAN RAKAN SEBAYA DAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

- Terdapat banyak faktor mengapa remaja boleh terjebak melakukan hubungan seks dan faktor paling biasa didengar adalah pengaruh rakan sebaya. Rasional mereka adalah semua orang melakukan hubungan seks.

Sebab lain adalah keinginan mereka untuk dilayan seperti orang dewasa dan sebagai bukti kemajuan bersosial. Bagi sebahagian yang lain, perkara itu berlaku akibat kurangnya harga diri dan mereka harap dapat memperbaikinya apabila menjadi ibu atau ayah. Kadangkala

hal itu disebabkan kekurangan pilihan untuk mengalihkan tenaga seksual mereka. Kurang kasih sayang dan penghargaan di rumah boleh juga menjadi faktor iaitu kerenggangan di rumah boleh membawa kepada keterikatan di tempat lain. Godaan seksual kebanyakannya datang daripada majalah, rakan sebaya dan televisyen. Di Amerika Syarikat, terdapat 20,000 adegan seksual disiarkan setiap tahun di dalam iklan, pementasan opera, dan rancangan-rancangan televisyen pada waktu utama. Para ibu bapa perlu memastikan kasih sayang kepada anak-anak mereka mencukupi dan saksama, masa mereka dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat dan komunikasi terbuka diamalkan dengan mereka.

- Bahan-bahan yang memabukkan: Arak dan dadah adalah berbahaya kerana mengurangkan kawalan diri dan membuang "hambatan" daripada keterlibatan dengan seks.

- Acara tarian yang bercampur antara lelaki dan perempuan yang melibatkan sentuhan antara mereka mesti dielakkan.

Perlakuan-perlakuan yang tidak sesuai termasuklah bercumbuan, bersentuhan, urutan dan pelukan yang menyebabkan dorongan seksual dibangkitkan dan ini membawa kepada berlakunya hubungan seksual.

Satu definisi bagi Menari dengan pasangan berlainan gender adalah:
Menari adalah ekspresi vertikal terhadap keinginan horizontal

APA YANG PERLU DILAKUKAN

Ibu bapa hendaklah memberikan nasihat yang baik kepada anak-anak mereka. Selain menyediakan tempat tinggal, makanan, pakaian dan keperluan material yang diperlukan anak-anak, ibu bapa juga harus menyediakan bimbingan kerohanian dan moral.

- Ibu bapa perlu mengisi minda anak-anak mereka dengan “pemikiran yang baik” dan memenuhi dengan moral dan “makanan untuk minda” yang mencerdaskan. Pendidikan nilai dan kemanusiaan yang tinggi perlu disampaikan pada setiap pengajaran.

Satu model yang baik adalah bagaimana Nabi Muhammad ﷺ menasihati seorang lelaki yang meminta izin daripada baginda untuk melakukan zina kerana dia tidak dapat mengawal keinginan seksualnya.

Lalu Nabi Muhammad ﷺ mengajaknya berfikir dengan bertanya adakah lelaki itu mengizinkan seseorang untuk berzina dengan ibu, adik atau kakak, anak perempuan, ibu saudara atau isterinya sendiri. Lelaki tersebut menjawab semestinya tidak. Jadi, Baginda menjawab bahawa perempuan yang ingin dizinai itu pastinya ibu atau kakak atau isteri seseorang. Maka lelaki tersebut mengangguk faham dan bertaubat. Lalu Nabi Muhammad ﷺ mendoakan keampunan untuknya.

- Penting untuk mengukuhkan identiti diri sendiri dan mengelak daripada mengikuti orang ramai. Perkara ini boleh dicapai oleh ibu bapa dengan mendidik anak-anak mereka tentang sistem nilai yang berbeza, pandangan

jagat dan nilai kehidupan yang tertentu. Dengan cara ini, anak-anak akan sentiasa mengingkatkan diri mereka supaya tidak terjebak dengan pengaruh arak, dadah dan seks bebas. Ibu bapa sendiri tidak sepatutnya terlibat dengan hubungan sulit kerana mereka adalah contoh yang baik kepada anak-anak mereka.

BERKAHWIN AWAL

Tiada umur tertentu yang ditetapkan untuk perkahwinan. Namun, telah menjadi kebiasaan bagi remaja lelaki untuk berkahwin selepas menamatkan pendidikan di peringkat universiti, mendapat kerja atau berusia dalam lingkungan 26 tahun atau lebih. Bagi remaja perempuan, mereka bersedia untuk berkahwin selepas berumur 24 tahun. Walaupun mereka mempunyai organ dan keinginan seksual, mereka sedar bahawa mereka hanya mempunyai dua pilihan yang sah iaitu berkahwin awal atau mengelakkan diri daripada hubungan intim sehingga berkahwin.

Allah ﷺ berfirman:

Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah ﷺ memberi kekayaan kepada mereka daripada limpah kurnia-Nya...

(Surah al-Nur: ayat 33)

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Demi Allah ﷺ, sayalah yang paling ‘alim dalam kalangan kamu, tetapi saya berpuasa dan berbuka, saya solat dan tidur pada malam hari, dan saya berkahwin. Sesiapa yang tidak mengikuti sunnahku, mereka bukan daripada kalangan aku.

(Riwayat al-Bukhari)

Perkahwinan adalah sebahagian daripada iman (agama), sebahagian lagi adalah takut akan Allah ﷺ.

(Riwayat al-Tabrani dan al-Hakim)



Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Sekiranya ada pemuda yang berkemampuan sedia untuk berkahwin, maka kahwinkanlah, jika tidak hendaklah dia berpuasa untuk mengawal keinginannya.

(Riwayat Al-Bukhari)

Apabila anak lelaki dan perempuan merasakan keinginan yang kuat untuk berkahwin dan mereka tidak lagi boleh menunggu, ibu bapa harus berusaha untuk memudahkan urusan perkahwinan anak-anak mereka. Jika tidak, mereka seolah-olah melemparkan anak-anak ini kepada kejahatan. Salah satu tugas ibu bapa adalah seperti yang digariskan oleh Nabi Muhammad ﷺ:

Barangsiapa yang dikurniakan anak oleh Allah ﷺ, hendaklah dia memenuhi tiga hak ke atas anak mereka: memberikan nama yang baik, menyediakan pendidikan agama yang sempurna, dan apabila anak sudah baligh, maka hendaklah mengahwinkan mereka apabila telah tiba masanya.

(Tibrizi 1985)

Sekiranya ibu bapa tidak mengendahkan permintaan anak dan gagal menguruskan perkahwinan tersebut, mereka juga akan bertanggungjawab terhadap dosa anak-anak itu. Walau bagaimanapun, penting untuk tidak memaksa anak-anak supaya segera berkahwin. Sebahagian ibu bapa tersilap apabila memaksa anak-anak mereka untuk berkahwin dengan menentukan pasangan tanpa persetujuan anak-anak. Mereka memutuskan bahawa keturunan mereka harus berkahwin dengan mana-mana ahli keluarga yang sesuai tanpa memberi

kebebasan kepada anak-anak untuk memilih. Mereka merampas hak anak-anak untuk melihat dan mengenali bakal pasangan mereka sebelum berkahwin. Selain itu, perkahwinan yang diatur dengan penglibatan aktif dan persetujuan kedua-dua pihak lelaki dan perempuan adalah tugas ibu bapa kerana ini akan membawa kepada perhubungan yang berpanjangan dan membahagiakan pasangan dan keluarga mereka. Perkahwinan yang diatur ini haruslah menjadikan “kebahagian dan kesejahteraan pasangan” sebagai objektif mereka, bukannya motif kepentingan diri ahli keluarga yang mengatur perkahwinan tersebut.

Masyarakat mempunyai beberapa peranan yang harus dimainkan tentang perkara ini:

- Menyediakan persekitaran yang sihat untuk anak-anak lelaki dan perempuan bertemu dan berkenalan di samping tidak menggalakkan percampuran bebas yang tidak dipantau.
- Menyediakan kursus praperkahwinan dan kaunseling sebagai persediaan awal kepada mereka sebelum menjadi suami isteri dan ibu bapa.

Dilema Sistem Pendidikan Lwn. Perkahwinan Awal

Sistem persekolahan sedia ada telah melahirkan masalah seksual yang kompleks. Mendapatkan ijazah sarjana muda atau pengajian sarjana di universiti menyebabkan perkahwinan perlu ditangguhkan kepada umur pertengahan 20-an hingga 30-an. Namun, keinginan seksual lelaki berada di puncaknya pada usia remaja, manakala anak perempuan ketika lewat remaja memiliki kebergantungan emosi yang kuat yang menyebabkan mereka lebih mudah digoda. Hubungan seks sebelum berkahwin akan

mengakibatkan pengguguran, ibu yang tidak berkahwin, penyakit jangkitan kelamin dan anak tidak sah taraf.

Penyelesaian yang kelihatan adalah perkahwinan awal semasa belajar atau menahan diri sehingga tamat universiti. Perkahwinan awal boleh menjadi penyelesaian yang baik sekiranya masyarakat membimbing para remaja untuk mengurus pasangannya dan mungkin anak-anak dengan cukup bertanggungjawab.

Dalam masyarakat moden hari ini, agak mustahil untuk menuntut anak remaja kekal perawan sehingga usia pertengahan 20-an dalam suasana yang mengandungi godaan dan provokasi seksual yang berterusan. Sejarah memberikan pengajaran yang baik. Pada masa dahulu, masalah ini tidak timbul kerana perkahwinan awal adalah kebiasaan dan jaringan sosial pada waktu itu tercipta untuk menyokong perkara ini. Ketika zaman Nabi Muhammad ﷺ dan berabad-abad zaman kemudiannya, sistem integrasi berikut dilaksanakan:

- a)** Perkahwinan awal digalakkan
- b)** Keluarga besar adalah institusi utama yang sangat membantu dalam menjaga anak-anak dan cucu-cucu. Mempunyai tiga generasi di dalam satu rumah atau tinggal berdekataan adalah perkara biasa dan keluarga nuklear jarang berlaku. Pergerakan ahli keluarga sangat kurang berbanding dengan hari ini.
- c)** Islam membenarkan perancangan keluarga dan populasi untuk membantu ibu muda menangguhkan kehamilan sehingga dia bersedia. Ini bergantung pada kerjasama suami dan pengetahuan mereka berdua.



Pada masa kini, ibu-ibu yang mempunyai ijazah profesional atau berkerjaya masih mampu membesar anak-anak secara sepenuh masa di rumah dan melakukan kerja sampingan sehingga pertengahan usia 30-an. Mereka boleh kembali bekerja sepenuh masa atau sampingan, berbayar atau sukarela, sehingga selepas anak-anak mereka mencapai akil baligh. Keadaan seperti ini tidak membahayakan anak-anak dan masyarakat tidak kehilangan ibu profesional yang berkelayakan, yang kaya dengan pengalaman dan kebijaksanaan.

Anak-anak yang berumur antara 13 dan 19 tahun tidak seharusnya dilihat sebagai tidak cekap atau menganggap mereka hanya sebagai pengguna. Ini seperti menjauhkan mereka daripada kebertanggungjawaban dan produktiviti. Trend kontemporari ini seolah-olah melanjutkan fasa kanak-kanak sehingga ke awal 20-an. Remaja bergantung seluruhnya pada orang lain, berbanding dengan menjadi lebih bertanggungjawab, berautonomi dan manusia yang produktif.

Dalam al-Quran terdapat kisah-kisah Nabi yang berumur muda atau belia seperti Nabi Ibrahim, Nabi Yusuf, Nabi Musa dan Nabi Isa a.s. dan lain-lain yang sepatutnya menjadi contoh teladan kepada kita semua. Mereka ini begitu gagah perkasa dan hebat semasa umur remaja. Begitu juga dengan kisah Ashabul Kahfi yang muda belia, terpimpin dengan hidayah, dan diberkati yang patut dijadikan teladan.

Model semasa yang melewatkannya perkahwinan sehingga pertengahan 20-an adalah suatu keadaan yang tidak boleh dibanggakan.

Sistem perkahwinan awal telah terbukti diamalkan di seluruh dunia pada masa lalu. Dari sudut perubatan, kehamilan dan kelahiran lebih mudah di usia muda, bukan pada lewat 20-an atau awal 30-an (kehamilan pertama menjadi lebih sukar dengan pertambahan usia).

Isu ini serius, relevan dan penting. Kita mestinya mengurus dengan efektif dilema kesukaran mengekang keinginan seksual, keperluan untuk perkahwinan awal serta keperluan membina keluarga dalam usia remaja.

Antara para sahabat Rasulullah ﷺ terdapat ramai remaja yang dipilih sebagai pemimpin. Usamah bin Zayd terlibat dalam peperangan Ahzab ketika berumur 15 tahun. Ketika berumur 18 tahun, beliau mengetuai tentera perang yang terdiri daripada para sahabat yang lebih senior. Dalam peperangan Uhud, beberapa orang belia berumur 15 tahun seperti Samrah ibn Jundub dan Rafi ibn Khudayj mengambil bahagian. Dalam peperangan Ahzab, Abdullah ibn Umar, Zayd bin Tsabit, al-Barra bin Azib, Amr ibn Hazm, dan Asid bin Thahir semuanya berumur 15 tahun. Qutaybah ibn Muslim al-Bahily mengetuai tentera Muslim ke China pada umur 18 tahun. Beberapa contoh yang sama boleh dirujuk untuk sahabat-sahabat perempuan Rasulullah SAW.

Cara yang Tidak Bermoral

Penzinaan itu mudah, menarik dan senang didapati. Seks itu murah, mengakibatkan hubungan seks yang tidak bertanggungjawab

Kesan-Kesan

PSTD
Kehamilan remaja
Pengguguran
Anak luar nikah mempunyai anak
Kemiskinan
Rumah tangga berantakan
Keluarga ibu bapa tunggal
Keributan seksual
Kadar jenayah meningkat
Kes rogol meningkat

Cara yang Bermoral

Jangan dekati zina
Zina menyusahkan, tidak menarik dan sukar didapati
Seks selepas berkahwin lebih mulia
Seks diurus melalui perkahwinan
Seks yang bertanggungjawab dibenarkan

Kesan-Kesan

Ibu bapa yang sihat
Anak-anak yang sihat
Rumah tangga yang ada dua ibu dan bapa
Pemimpin kepada orang beriman
Keluarga yang bahagia
Anak-anak yang bahagia
Kurang kes rogol dalam masyarakat

Melindungi Kanak-kanak daripada Penderaan Seksual oleh Orang Dewasa

Kanak-kanak secara semula jadi akan mempercayai orang dewasa. Kanak-kanak Muslim khususnya, dididik untuk mematuhi orang tua. Mereka akan berasa takut jika tidak menurut arahan orang dewasa.

Orang dewasa yang kasar khususnya boleh menakutkan walaupun kanak-kanak tahu apa yang mesti dilakukan untuk melindungi diri mereka daripada penderaan. Berikut adalah sebahagian panduan untuk disampaikan kepada kanak-kanak apabila berhadapan dengan orang dewasa yang jahat:

- Jika ada orang yang tidak dikenali mendekati kamu, merenung, menghalang jalan atau mengikuti setiap langkah kamu, segera lari dan minta bantuan. Jika kamu pasti dia mengejarmu, segera jerit "Api! Api!" supaya orang ramai datang memberi bantuan dan ini akan mengelirukan penjahat itu.
- Jangan menaiki kendaraan atau mengikut orang yang tidak dikenali. Walaupun dia kelihatan baik dan tahu banyak tentang kamu dan nama ibu bapamu, sekolah atau alamat rumahmu. Jangan takut untuk mengatakan "Tidak!" dengan kuat.
- Elakkan diri daripada berada di tempat yang sunyi atau kejiran yang tidak selamat. Jangan berjalan seorang diri terutamanya di bandar-bandar besar. Kanak-kanak perempuan sebaiknya berjalan ke sekolah dalam kumpulan atau ditemani oleh orang dewasa.
- Hafal nombor telefon kecemasan untuk polis dan tahu bagaimana untuk mendialnya walaupun di dalam gelap. Sentiasa bawa duit
- syiling, kad telefon atau telefon bimbit pada setiap masa untuk menghubungi keluarga atau polis.
- Sekiranya kamu terpaksa menunggu di dalam kereta atau di rumah berseorangan, pastikan pintu dan tingkap berkunci. Sekiranya orang asing mengetuk pintu atau menelefon, jangan biarkan mereka tahu kamu bersendirian. Jangan mudah berkongsi alamat rumah atau maklumat lain di telefon! Beritahu yang ibu bapa kamu sibuk atau mereka tidak mahu diganggu. Berpura-pura bercakap dengan orang lain di dalam rumah.
- Sekiranya kamu tidak selesa dengan seseorang yang telah melihat atau bercakap dengan kamu, beritahu orang dewasa yang kamu percayai.
- Belajar beberapa bentuk seni mempertahankan diri. Kamu tidak perlu menjadi kuat untuk mempertahankan diri, tetapi bertindak bijak dan cepat. Kelas seni mempertahankan diri tidak menekankan hal tentang tindakan bertempur, tetapi bagaimana untuk mempertahankan diri.
- Berhati-hati dengan bahan pornografi kanak-kanak. Kanak-kanak tidak sepatutnya dilihat



berbogel di hadapan orang lain. Undang-undang di banyak negara telah menyekat pornografi dan pornografi kanak-kanak sama sekali dilarang hampir di mana-mana.

- Sekiranya kamu takut kepada seseorang, bacalah beberapa potong ayat al-Quran seperti surah al-Fatihah, ayat al-Kursi, surah tiga Qul; al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nas. Sentiasa ulang ayat-ayat tersebut dan berdoa, memohon pertolongan daripada Allah ﷺ. Allah ﷺ adalah teman, pembimbing dan pelindungi yang terbaik.

UMUR YANG SESUAI UNTUK DIDEADAHKAN TENTANG BAHAYA PELACURAN

Pelacuran adalah topik pendidikan seksual yang patut dijelaskan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka sekiranya konteks perkara ini timbul dengan mengambil kira umur mereka. Kanak-kanak tidak mengetahui sepenuhnya realiti kehidupan pelacur dan mungkin ada pelbagai persoalan tentang mereka. Perkara ini sepatutnya menjadi penghalang kepada mereka yang berfikir untuk meninggalkan keluarga sebagai jalan keluar walau apa pun masalah mereka. Ibu bapa harus menggunakan budi bicara moral dan profesional mereka. Mereka perlu menjelaskan dengan terperinci kepada anak-anak tentang kehidupan pelacur yang teruk untuk menghalang sikap mengambil mudah terhadap hubungan seksual daripada berkembang di samping mengambil kira perasaan malu semula jadi anak. Pelacur mungkin dipaksa mengadakan hubungan seks yang menyakitkan dengan hampir 20 orang lelaki setiap hari, dijangkiti penyakit yang serius seperti AIDS dan meninggal dunia pada usia muda. Hanya sedikit sahaja remaja perempuan yang memilih untuk menjadi pelacur. Kebanyakan

mereka dipaksa menjadi pelacur oleh bapak ayam atau kerana situasi sengsara kehidupan. Mereka terpaksa meninggalkan rumah kerana dipukul berulang kali atau menerima penderaan seksual, atau mereka ini penagih dadah yang memerlukan wang untuk menampung tabiat buruk mereka. Ada juga yang diculik ketika mengembara seorang diri lalu dikurung dan dijual di negara asing yang mereka tidak tahu bahasanya atau tidak tahu bagaimana cara menyelamatkan diri. Mereka tidak mungkin dapat berjumpa dengan keluarga mereka lagi. Ada juga yang diberi dadah ketika hadir temuduga untuk pekerjaan yang baik seperti pembantu rumah atau pengasuh anak. Semua barang peribadi mereka dirampas, diseludup ke negara lain dan mereka dikurung di bilik yang berkunci. "Terdapat sekurang-kurangnya 4,000 orang pelacur yang diperdagangkan di Britain. Menurut kumpulan anti pemerdagangan manusia, angka sebenar adalah lebih tinggi" (Morris 2008). Ada juga remaja perempuan yang melarikan diri dari rumah akibat persekitaran rumah yang sangat menyedihkan dan terasa seperti di neraka. Jadi, mereka mahu mencari keselesaan di luar rumah. Di sinilah bapa-bapa ayam mengambil mereka dan memaksa mereka terjebak ke dalam kancang pelacuran. Mereka hanya mendapat wang yang dibayar terus oleh pelanggan kepada mereka manakala wang selebihnya masuk ke poket bapa ayam ini. Apabila ibu bapa menyusahkan kehidupan anak-anak, mereka sebenarnya membuatkan anak-anak mahu keluar daripada keadaan rumah yang sangat menyiksakan dan tinggal di jalanan.

Kanak-kanak yang mempunyai masalah serius di rumah dan tidak tahu apa yang harus dilakukan hendaklah segera mendapatkan bantuan daripada orang dewasa yang boleh dipercayai

seperti saudara-mara, imam, guru, kaunselor atau pegawai polis. Melarikan diri atau mengambil dadah untuk keluar daripada masalah hanya akan membuatkan situasi menjadi lebih buruk lagi.

Kanak-kanak yang tidak tahu apa-apa tentang pelacuran, akan mencipta imej mental tentangnya dan mula berfantasi. Mereka mungkin berfikir ia adalah sesuatu yang baik, elok dan penuh dengan keseronokan seksual. Atau mereka menyangka ia adalah pekerjaan yang menguntungkan, penuh dengan alat solek dan perhiasan yang diimpikan mereka, mempunyai pakaian yang menarik, menjadi kegilaan ramai lelaki dan menetap di hotel mewah. Kesemua ilusi songsang ini mampu menawan pemikiran kanak-kanak sekiranya ibu bapa gagal menjelaskan perkara sebenar sejak awal lagi. Malangnya, media turut menggalakkan gaya hidup mewah pelacur yang dibiayai lelaki kaya seperti Emma Hamilton, seorang pelacur kepada Horatio Nelson.

APABILA KANAK-KANAK MENJADI MANGSA SUMBANG MAHRAM DAN ROGOL

Ibu bapa sangat sukar menerima hakikat bahawa ada ahli keluarga yang mengambil kesempatan terhadap ahli keluarga yang lebih muda dengan melakukan sumbang mahram. Kadangkala sukar untuk dibuktikan dan ibu atau bapa mungkin tidak mempercayainya atau mereka tidak dapat menerima kenyataan. Dalam situasi seperti ini, mereka dinasihati supaya segera bertemu dengan pihak berwajib seperti imam, kaunselor atau pegawai polis. Sekiranya berlaku kes jenayah, pihak polis hendaklah dimaklumkan. Semua orang mempunyai hak terhadap keselamatan dan perlindungan dirinya dan tiada paksaan untuk melakukan hubungan seksual.

Jenayah rogol telah menjadi suatu kebiasaan

pada hari ini. Seorang daripada setiap empat orang wanita di Amerika Syarikat pernah dirogol sekurang-kurangnya sekali sepanjang hidupnya. Mangsa rogol yang dimaksudkan termasuklah anak lelaki dan perempuan. Wanita tua juga direkodkan menjadi mangsa rogol oleh penceroboh yang menceroboh masuk ke rumah mereka.

Berikut adalah dua contoh yang berlaku: "Mahkamah di Arab Saudi telah menjatuhkan hukuman mati ke atas seorang lelaki yang terbukti merogol lima orang kanak-kanak." Mangsa termuda adalah seorang budak lelaki berumur tiga tahun yang ditinggalkan di padang pasir sehingga mati. (BBC News 2009)

Jabatan Polis London telah menahan seorang lelaki yang dipercayai melakukan lebih daripada 100 serangan ke atas warga emas (berumur antara 68 hingga 93). Lelaki ini dikenali sebagai "Pengintip Malam" yang kebanyakannya mangsanya adalah daripada kalangan wanita dan kebanyakannya serangannya termasuklah serangan seksual dan rogol. (BBC News 2009)


Remaja perempuan yang dirogol akan merasa kesakitan, tidak berdaya, marah dan keliru. Dia akan rasa bersalah dan memikirkan yang dia telah melakukan sesuatu yang salah sehingga membuatkan lelaki itu mahu merogolnya (anggapan ini pastinya salah). Atau dia akan berasa sangat malu dan takut untuk memberitahu sesiapa. Mana-mana remaja perempuan yang menjadi mangsa rogol seharusnya segera melaporkan insiden tersebut kepada polis dan mendapatkan bantuan perubatan dan kaunseling. Perkara ini penting kerana sekiranya dia hamil atau dijangkiti penyakit daripada perogol itu, maka doktor boleh memberi keterangan yang

membuktikan bahawa dia adalah mangsa rogol dan bukan melakukan hubungan seks dengan teman lelakinya. Ini adalah langkah terbaik untuk membersihkan namanya daripada tuduhan zina. Sekiranya dia diserang, dia mesti mlarikan diri atau cuba untuk mencakar penyerang itu dengan kukunya. Polis kemudiannya boleh mengesan DNA yang ada pada celahan kuku mangsa untuk mengenal pasti perogol tersebut. Menjerit tidak akan membantu semasa insiden tersebut kerana penyerang itu akan menjadi panik dan boleh mencekik mangsanya untuk mendiamkan dia. Ramai wanita dan kanak-kanak yang ditemui terbunuh telah diikat dan dicekik. Walaupun menjerit mampu menarik perhatian orang ramai, tetapi amat jarang bantuan diberikan. Lebih baik wanita membawa penggera peribadi yang boleh dihidupkan dan jika boleh, campakkan penggera itu (atau objek lain jika ada) melalui tingkap yang terdekat. Jiran terdekat atau penghuni pasti akan memanggil polis sekiranya berlaku perbuatan vandalisme. Kemudian, jika berkesempatan untuk lari, mangsa harus mengambil sesuatu walau sekecil mana pun, seperti butang atau rambut penyerang untuk membantu pihak polis mengenal pasti penyerang tersebut. Dinasihatkan juga untuk memakai pakaian dan kasut yang memudahkan seseorang untuk mlarikan diri sekiranya perlu seperti seluar longgar dan kasut sukan. Remaja juga perlu sedar tentang insiden rogol selepas janji temu atau insiden rogol selepas mengambil dadah. Dadah boleh dimasukkan ke dalam arak atau minuman biasa.

Sesi kaunseling mesti disediakan kepada mangsa penderaan. Kaunselor boleh

membantu mangsa untuk mengatasi perasaan terkejut, marah, malu, takut dan emosi-emosi yang mengganggu dan perasaan-perasaan yang akan dilalui oleh mangsa.

Kurikulum Pendidikan Seks Islam



Pendidikan seksual Islam hendaklah bermula dari rumah pada awal usia. Sebelum mengajar tentang anatomi dan fisiologi, kepercayaan kepada Allah ﷺ wajib diperkujuh. Tanpa keimanan dan ketakwaan kepada Allah ﷺ yang benar, beberapa jenis perlakuan akan dianggap dibenarkan untuk memuaskan nafsu dan keinginan. Bapa seharusnya mendidik anak lelaki dan ibu mendidik anak perempuan. Sekiranya ibu bapa tidak bersedia untuk mengajar, pilihan terbaik seterusnya adalah guru lelaki untuk murid lelaki dan guru perempuan untuk murid perempuan. Kurikulum pengajaran perlu disesuaikan mengikut tahap umur para pelajar. Pelajar lelaki dan perempuan harus diajar secara berasingan. Contohnya, sekiranya seorang anak berumur enam tahun bertanya soalan, "Bagaimana saya boleh berada di dalam perut ibu?" Jawapannya tidak perlu dijelaskan secara terperinci. Begitu juga tidak perlu untuk memberitahu anak berusia enam tahun bagaimana menggunakan kondom. Subjek seperti ini diajar di dalam kelas praperkahwinan sahaja.

Kurikulum Pendidikan Seksual (Athar 1990) merangkumi:

Ayat-ayat al-Quran dan Hadis

Perkembangan seksual di dalam diri

- Jadual mencapai umur baligh
- Perubahan fizikal selepas mencapai baligh
- Perubahan mental, emosi dan sosial selepas baligh

Fisiologi sistem reproduktif

- Kanak-kanak perempuan: organ, haid dan sindrom prahaid
- Kanak-kanak lelaki: organ dan dorongan seksual

Persenyawaan, perkembangan janin dan kelahiran

Penyakit jangkitan seksual

Etika sosial, moral dan agama

Bagaimana menolak tekanan rakan sebaya

Memberi pendidikan seksual kepada anak-anak sangat penting untuk. Jika tidak, mereka akan menerima maklumat yang salah daripada rakan-rakan dan media. Namun, ia hendaklah diterangkan secara tidak langsung. Penjelasan secara eksplisit tentang seks dan pembuangan semua skrin antara ibu bapa dan anak-anak adalah tidak wajar. Ajar anak-anak tentang perbezaan fizikal antara gender, perlakuan yang betul dan amalan seksual yang penting untuk kehidupan Islam yang sihat.

Objektif dan peranan lelaki dan perempuan yang berbeza hendaklah diterangkan dengan jelas mengikut fasa perkembangan anak. Amat penting untuk ibu bapa menekankan tentang bahaya rakan sebaya yang menyimpang. Mereka sepatutnya menunjukkan ketidakselesaan terhadap tingkah laku yang tidak baik dan perlu sentiasa memerhatikan

kecenderungan tingkah laku anak mereka. Para ibu bapa mestilah menunjukkan kepada anak-anak bagaimana mengesan dan mengelakkan perlakuan yang salah dan membimbing mereka ke arah kesihatan seksual melalui cara yang praktikal.

Telah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan dan membantu anak-anak memilih kawan yang baik. Mereka juga tidak boleh membiarkan anak-anak mereka jahil tentang perlakuan seksual yang betul. Selain itu, mereka perlu menghalang anak-anak daripada pulang lewat malam dan melarang rakan-rakan daripada jantina berlainan bermalam di rumah kecuali ada orang dewasa yang boleh dipercayai dan mampu untuk mengawasi mereka dengan rapat.

Cadangan umur yang sesuai untuk perbincangan antara ibu bapa dan anak-anak tentang seks adalah seperti berikut:

- 5 tahun: membincangkan hal tentang perbezaan fizikal antara lelaki dengan perempuan.
- 10 tahun: membincangkan hal tentang akil baligh, haid dan air mani.
- 15 tahun: membincangkan hal tentang alat pencegahan kehamilan.



[Nota: Pasangan suami dan isteri, Dr. Mohamed Rida Beshir dan Dr. Ekram serta dua orang anak

perempuan mereka, Sumayyah dan Huda telah menulis 15 buah buku tentang keibubapaan dan kekeluargaan dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain.

Tulisan mereka juga boleh dibaca secara dalam talian di www.familydawn.com]

Aktiviti

AKTIVITI 41: PERKAYA DAYA FIKIR OTAK ANAK-ANAKANDA!

Benjamin Franklin pernah menjemput seorang tetamu ke rumahnya untuk makan malam bersama keluarganya. Mereka membincangkan hal tentang perkara intelektual supaya anak-anaknya dapat mendengar dan mendapat manfaat daripada perbualan tersebut tanpa mereka sedar bahawa mereka sebenarnya adalah pendengar yang sebenar kepada perbincangan tersebut (Franklin 1909). Ibu bapa boleh menjemput tetamu dari dalam atau luar komuniti mereka dan meminta mereka terlebih dahulu untuk menyelitkan topik-topik tertentu ke dalam perbualan mereka supaya anak-anak mendapat manfaat daripadanya.

AKTIVITI 42: SISTEM CARTA PERILAKU BAIK UNTUK ANAK-ANAK

Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya daripada waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebaikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahanat. Perintah-perintah Allah ﷺ yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mau beringat.

(Surah Hud: ayat 114)

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Jadilah seorang hamba yang takut kepada Allah ﷺ walau di mana pun berada, dan sekiranya melakukan kesalahan segeralah laksanakan kebaikan agar dapat menghapus dosa kesalahan tadi, dan berbuat baik kepada orang lain.

(Riwayat al-Tirmidhi)

Ibu bapa boleh menggantung di peti sejuk sebuah carta yang mengandungi nama setiap nama anak, dengan tiga kolumn tertulis “Cemerlang”, “Baik” dan “Buruk”. Apabila anak-anak melakukan perkara yang disuruh, tandakan ✓ pada kolumn “Baik” dan tanda X pada kolumn “Buruk”. Sekiranya mereka melakukan perkara baik tanpa disuruh, mereka akan diberi 2 ✓ pada kolumn “Cemerlang”. Markah tersebut akan diberikan walaupun mereka melakukan perkara baik tanpa kehadiran ibu bapa (seperti di sekolah atau di rumah saudara-mara atau kawan); apabila mereka melaporkan perkara-perkara baik kepada ibu bapa yang harus mempercayai mereka. Markah tersebut dikira setiap minggu untuk mendapat ganjaran. Sekiranya tanda ✓ melebihi tanda X, maka anak tersebut diberikan hadiah. Sekiranya tanda X melebihi ✓, tiada hadiah diberikan. Anak yang tidak menerima sebarang hadiah hendaklah digalakkan untuk melakukan yang lebih baik pada minggu atau bulan berikutnya. Mereka mungkin memerlukan lebih daripada seminggu untuk mendapatkan ganjaran. Penting untuk menanda di kolumn “Baik” walaupun perkara baik yang dilakukan itu kecil, untuk memotivasi dan mendidik anak-anak bahawa sekecil mana pun kebaikan itu, ia tetap membawa perbezaan. Walaupun anak-anak tidak sepatutnya diajar untuk berbuat baik semata-mata kerana ganjaran, kaedah ini membantu untuk menerapkan sikap yang yang betul sejak kecil dan mereka menghargai perkara-perkara ketara (seperti hadiah-hadiah kecil dan kata-kata pengiktirafan) melebihi konsep abstrak. Ibu bapa juga sepatutnya menjelaskan kepada anak-anak mereka bahawa perlakuan mereka adalah apa yang “baik” dan yang “buruk”. Anak-anak sendiri tidak dilabelkan sebagai baik atau buruk. Hanya perilaku mereka sahaja yang dilabelkan sedemikian.

CONTOH CARTA PERILAKU BAIK/BURUK

NAMA: IDRIS

	CEMERLANG	BAIK	BURUK
ISNIN	Membantu adik membawa bag	✓ ✓	membuang sampah ✓
SELASA		Menunaikan solat ✓	Meninggikan suara ✗
RABU			Membuang sampah merata-rata ✗
KHAMIS		Bantu cikgu membawa barang ✓	
JUMAAT	Kad laporan sekolah sangat baik ✓ ✓		
SABTU			
AHAD		Menghafaz al-Quran ✓	
JUMLAH	8 ✓		2 ✗
BAKI	6 ✓ Dapat hadiah		

NAMA: ISLAH

	SANGAT BAIK	BAIK	SALAH
ISNIN		Mengemas tempat tidur ✓	
SELASA			Pukul adik ✗
RABU	bantu nenek memakai stoking ✓ ✓		
KHAMIS		mengemas baju sendiri ✓	
JUMAAT			
SABTU		Menghabiskan makanan ✓	
AHAD			
JUMLAH	5 ✓		1 ✗
BAKI	4 ✓ Dapat hadiah		

BAHAGIAN TIGA

PEMBINAAN KARAKTER DAN PERSONALITI

- BAB 14: Pembinaan Karakter dan Personaliti: Mendidik Sifat-sifat Positif
- BAB 15: Sifat-sifat Positif Seterusnya: Mengasuh Anak yang Berdikari, Bertanggungjawab dan Kreatif
- BAB 16: Impak Destruktif Televisyen, Telefon Pintar, Permainan Video dan Komputer

BAB14

Pembinaan Karakter dan Personaliti: Mendidik Sifat-sifat Positif

PEMBINAAN KARAKTER DAN PERSONALITI: MENDIDIK SIFAT-SIFAT POSITIF

- Pengenalan **332**
- Apakah yang Dimaksudkan dengan Karakter? **334**
- Pembentukan Karakter **335**
- Karakter Bukan di Kulit tetapi di Akar yang Dalam **337**
- Apakah Personaliti? **337**

MENGAJARKAN CINTA

- Asas Pemberdayaan Emosi **339**
- Cinta: Konsep Kecerdasan Kreatif dan al-Qur'an **340**
- Petua Penting untuk Ibu Bapa **341**
- Bagaimana Sekiranya Anak Anda Mengatakan: "Saya Benci Pada Ibu/Ayah!" **342**
- Anak Pertama **343**
- Mengapa Ibu Bapa Menyayangi Anak-anak? **344**
- Cinta dan Keyakinan Diri Ibu Bapa **345**
- Cara-cara Praktis Mewujudkan Rasa Belas Kasihan **346**
- Kaji Selidik: Pelbagai Cara Menjadikan Anak-anak Anda Merasa Disayangi **348**
- Patutkah Ibu Bapa Mengajar Kebencian? Kadangkala! **349**

MEMBINA HARGA DIRI

- Bagaimana Mengelak daripada Menjadikan Anak 'Mua' **351**
- Tantrum: Jangan Biarkan Tangisan Dijadikan Senjata **352**

MENGAJARKAN KEJUJURAN DAN SIFAT AMANAH

- Ibu Bapa Perlu Mempercayai Anak-anak Tetapi Pastikan Keberadaan Mereka! **354**
- Prinsip-Prinsip Umum **354**
- Mengintegrasikan Karakter dengan Pandangan Umum Sarwajagat **356**
- Mengapa Anak Berbohong: Bagaimana Merawat Pembohongan **357**
- Cara Nabi Menangani Pembohongan **360**

MEMUPUK KEBERANIAN

- Prinsip-prinsip Asas Keberanian dan Ketakutan **362**
- Memahami Perkembangan Ketakutan Anak **365**
- Anak-anak Perlu Belajar Tentang Emosi dan Keberanian Fizikal **366**
- Antara Keberanian dengan Kepatuhan **366**
- Ibu bapa, Keberanian dan Amalan Budaya **367**
- Tekanan Rakan Sebaya **368**

MEMILIH RAKAN YANG BETUL

- Rakan Anak Anda **370**
- Beberapa Masalah dengan Rakan yang Tidak Baik **371**
- Tekanan Harian Rakan Sebaya di Sekolah **372**
- Memilih Rakan yang Baik **372**
- Bagaimana Jika Anak Anda Memilih Rakan yang Tidak Anda Sukai ? **373**
- Mengapa Wujud Tarikan Kuat dalam Kalangan Remaja? **374**
- Keluarga di Lokasi yang Tidak Diingini **375**
- Aktiviti 43 – 50 **376**

Pengenalan

PENDEKATAN SERAMPANG TIGA MATA KE ARAH PEMBINAAN KARAKTER

Tahu – Cinta – Lakukan

Hati: Menyukai yang baik

Kepala: Mengetahui yang baik

Tabiat: Melakukan yang baik

PEMBANGUNAN KARAKTER adalah komponen penting dalam amalan keibubapaan yang baik. Tanpanya, visi yang lebih besar untuk melihat anak sebagai manusia yang bermoral akan lenyap begitu sahaja. Ia melengkapkan matlamat untuk memberi anak-anak pengarahan dan tujuan dalam hidup dan akhirnya mengatur pembentukan personaliti. Bab ini membincangkan beberapa prinsip paling penting yang perlu diajarkan dan dipupuk serta bagaimana untuk melakukannya.

Pembinaan karakter sepatutnya bermula sejak bayi semasa tahun-tahun pembentukan perkembangan seorang anak. Semasa peringkat perkembangan kanak-kanak yang sangat bernilai ini, aspek-aspek asas sifat peribadi seseorang terbentuk. Walau bagaimanapun, malangnya kebanyakan program latihan kepimpinan yang wujud disasarkan kepada orang dewasa, bukannya kanak-kanak dan literatur tentang pembangunan manusia di negara-negara Islam terutamanya disasarkan kepada orang dewasa di sekolah menengah atau di peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya.

Apa yang dimaksudkan dengan “pembinaan karakter?” Sifat-sifat asas (seperti keberanian, cinta, kebebasan, kejujuran, tanggungjawab dan kreativiti) membentuk komponen-komponen penting kepada keperibadian manusia dan mula berkembang sejak bayi lagi. Sebaik sahaja karakter ini tertanam di dalam diri seseorang, sukar untuk

sifat-sifat ini diundur, diganti atau dibina semula dalam kehidupan. Karakteristik-karakteristik inilah yang membentuk asas peribadi seseorang pada masa hadapan. Oleh itu, ibu bapa perlu menggunakan seluruh masa dan usaha mereka untuk menerapkan karakteristik ini sedaya upaya mengikut kemampuan mereka. Walaupun kesemua ilmu, pengalaman dan kemahiran adalah aspek penting untuk kejayaan, ia boleh dicari kemudian dan boleh dibangunkan sepanjang proses pembesaran kanak-kanak menuju dewasa. Kesemua aspek ini mempunyai fungsi penting yang menyumbang kepada kesempurnaan sifat-sifat asas untuk membimbing dan memperkaya manusia untuk menjadi manusia yang lebih baik dan bijak. Sekiranya karakteristik asas ini membentuk “perkakasan” peribadi seseorang, kita boleh menyebut pendidikan dan keimanan sebagai “perisian.” Individu yang tersalah langkah, namun mempunyai karakter yang kuat boleh diperbetul dengan pujukan yang rasional kerana asas mereka yang mantap. Sebaliknya, mereka yang memiliki karakter yang lemah tidak boleh menjadi pemimpin pelopor dalam masyarakat, walaupun mereka mempunyai nilai spiritual yang kuat. Justeru itu, keibubapaan yang baik perlu berfokus pada pembinaan elemen-elemen karakter ini kepada kanak-kanak pada awal usia mereka kerana ia sukar untuk dilakukan setelah mereka menginjak dewasa. Seseorang yang penakut tidak akan tiba-tiba menjadi berani semasa dewasa

hanya dengan mengambil kursus untuk menjadi berani. Begitu juga dengan seseorang yang penuh dengan kebencian dan kekejaman, tidak akan tiba-tiba menjadi benar-benar penyayang dan mengambil berat hanya dengan membaca buku-buku tentang cinta dan belas kasihan. Seorang penipu tidak secara automatik menjadi jujur dan amanah dengan mendengar nasihat tentang kejujuran.

Inti pati dalam membesarkan anak adalah untuk membina karakter yang kukuh, mendidik mereka dengan konsep yang betul dan menerapkan nilai-nilai yang akan membuatkan sifat adil dan benar menjadi tabiat kepada kanak-kanak.



Untuk kebanyakan orang, sebaik sahaja sifat-sifat asas personaliti mereka terbentuk (yang menentukan siapa diri mereka dan bagaimana mereka berkelakuan), sifat-sifat itu sukar untuk diubah atau dibentuk semula “perkakasannya”. Cara paling mudah dan terbaik untuk menerapkan nilai-nilai terbaik ini adalah semasa tahun-tahun awal pembesaran anak.

Contoh-contoh terkenal boleh diambil daripada Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq, Umar ibn al-Khattab, Khalid ibn al-Walid dan para sahabat yang lain. Mereka mengajar kita bahawa kualiti keberanian, kepercayaan dan kepimpinan yang sudah tersedia ada dalam karakter mereka ini telah diasuh sejak kecil lagi. Islam menyempurnakan

karakter-karakter baik ini dengan membuat penegasan terhadap elemen-elemen terpuji peribadi mereka dan menambahkannya dengan iman, hikmah dan ilmu. Islam mampu menginspirasikan mereka dengan memahami misi ketamadunan dan memberikan mereka makna baharu, pandangan jagat dan tujuan bagi kehidupan mereka. Ketegasan karakter mereka tidak berkurang selepas mereka menganut agama baharu namun terus berkembang dengan kukuh. Al-Qur'an menjelaskan fenomena ini yang berlaku kepada nabi-nabi dan juga manusia lain apabila dinyatakan bahawa ketika seseorang sudah dewasa dan mencapai umur pertengahan, Tuhan akan menganugerahinya dengan ilmu dan kebijaksanaan.

Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Manusia adalah seperti [mineral atau besi, yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri]: yang terbaik di kalangan mereka pada zaman jahiliyyah adalah juga yang terbaik di kalangan mereka pada masa Islamnya, jika mereka memahami dan berfikir.

(Al-Bukhari & Muslim)

Ya Allah! Perkuatkanlah Islam dengan salah seorang daripada dua lelaki, Abu Jahal atau Umar Ibn Al-Khattab. Dan Umar adalah lebih dikasihi.

(Al-Tirmidhi)

Dua lelaki ini mempunyai karakter yang kuat sejak zaman kanak-kanak lagi dan ketokohan mereka telah menjadikan mereka sebagai pemimpin dalam kabilah masing-masing. Mereka memiliki kualiti yang cemerlang sebelum mereka dikurniakan keimanan dan pendidikan. Elemen-

elemen karakter termasuklah aspek lain selain iman dan pendidikan. Bimbingan datang daripada ilmu, iman dan hikmah.

Seorang pegawai polis yang baik dan seorang penjenayah yang jahat, kedua-duanya perlu memiliki keberanian dan kesetiaan untuk menjalankan tugas mereka dengan berkesan dan menjadi orang berguna kepada kumpulan mereka. Walau bagaimanapun, pegawai polis menggunakan ciri-ciri ini untuk berkhidmat kepada masyarakat, sementara penjenayah menggunakannya untuk pengakhiran yang berbahaya. Walaupun keberanian dan kesetiaan memang diperlukan, ia perlu berorientasikan nilai untuk menjadikannya bermanfaat. Jika tidak, ia hanya membahayakan dan merosakkan. Intipati dalam membesarkan anak adalah untuk membina karakter yang kukuh, mendidik mereka dengan konsep yang betul dan menerapkan nilai-nilai yang menjadikan kebaikan sebagai amalan kepada kanak-kanak.

Keibubapaan mesti dianggap sebagai usaha futuristik kerana ia bertanggungjawab menyediakan kader-kader masyarakat yang berkualiti tinggi termasuk para pemikir yang kreatif, cendekiawan yang bijaksana, pekerja yang rajin, askar yang berani, atlit yang kuat dan pemimpin tamadun kemanusiaan berkelas dunia. Dalam buku ini, harapan pertama hamba Tuhan Yang Maha Pengasih untuk menjadi imam kepada orang-orang beriman telah pun dibincangkan. Para pemimpin ini harus menjadi seorang yang cerdik, kuat fizikalnya di samping memiliki “elemen yang betul, mineral atau karakter.” Ciri-ciri ini menjadi tonggak keperibadian seseorang. Sekiranya komponen-komponen karakter ini rosak atau lemah, keseluruhan sistem manusia tidak akan berfungsi.

Selepas daripada ini, kami akan membincangkan elemen-elemen yang khusus: cinta, kejujuran dan amanah, keberanian dan harga diri.

Apakah yang Dimaksudkan dengan Karakter?

Kamus yang relevan mendefinisikan karakter sebagai: kualiti yang tersendiri; salah satu daripada sifat atau ciri-ciri yang membentuk atau membezakan seseorang; rangkaian ciri-ciri mental dan etikal yang membentuk seseorang manusia, kumpulan atau negara; seseorang yang dikenali dengan sifat-sifat yang penting atau terserlah; peribadi; reputasi; dan kecemerlangan dan ketegasan moral.

Matlamat membesarkan anak-anak adalah untuk melahirkan manusia yang berautonomi, benar dan bertanggungjawab.



Maksud karakter dalam bahasa Arab merujuk kepada personaliti – adab yang mantap – moral – reputasi – ciri-ciri – kecemerlangan – karakteristik – deskripsi – perangai yang baik.

Keibubapaan berkait rapat dengan pembinaan ciri-ciri kepimpinan dari kecil. Beberapa ahli psikologi dan pemikir menekankan hal tentang ciri-ciri keberanian, kebebasan, kreativiti, cinta, tanggungjawab, kemurahan hati, kejujuran,

keyakinan diri, mandiri, ketabahan, kemuliaan, keadilan, kebenaran, ketulusan dan kerjasama. Sesetengah ciri mungkin berasal daripada ciri primer atau datang daripada kombinasi beberapa ciri. Sesetengah ciri mungkin boleh diajar kemudian dalam hidup sementara yang lain hendaklah dipupuk ketika masih kecil.

Dalam buku ini, fokusnya adalah terhadap ciri-ciri ini:

Keberanian, Kreativiti, Kejujuran, Amanah, Cinta, Tanggungjawab, Kemandirian dan Kebebasan

Pemimpin-pemimpin dunia yang berpengaruh, sama ada baik atau jahat, memiliki elemen-elemen di atas dalam peribadi mereka. Lihat kepada suri teladan yang bermula dengan Nabi Adam dan isterinya Hawa, kemudian Nabi Nuh, Nabi Ibrahim dan isterinya Sarah dan Hajar, Nabi Musa, Nabi Isa dan ibunya Maryam dan Nabi Muhammad (semoga sejahtera ke atas mereka semua). Fikirkan juga tentang pemimpin-pemimpin lain seperti Napoleon, George Washington, Mao Zedung dan begitu juga dengan para sahabat Rasulullah ﷺ seperti Sumayyah, Khadijah, Aishah, Abu Bakr, Umar ibn al-Khattab, Ali Ibn Abi Talib, Fatimah, Khalid ibn al-Walid dan adiwira Uthmaniyyah, Muhammad al-Fatih. Mereka semuanya berani, kreatif dan bertanggungjawab. Jika tidak, mana mungkin mereka dapat mengekalkan kepimpinan mereka.

Pengajaran seterusnya daripada Nabi Musa dan Bani Israel juga adalah sangat berharga. Selepas Nabi Musa menyelamatkan Bani Israel daripada perhambaan Fir'aun di Mesir, baginda tidak bergantung kepada generasi hamba ini untuk mencapai sesuatu yang penting kerana mereka kekurangan ciri yang diperlukan iaitu keberanian, kebebasan dan kreativiti. Mereka

telah lama hidup sebagai hamba untuk beberapa generasi yang menderita dalam ketakutan dan ancaman. Baginda tidak dapat menukar karakter asas mereka dengan keimanan dan pendidikan kerana sudah terlalu lewat untuk melatih mereka sebagai orang dewasa. "Besi" mereka telah rosak. Nabi Musa menunggu generasi baharu yang akan dilahirkan sebagai orang yang merdeka di padang pasir Sinai, yang boleh dibesarkan dan dibina menjadi sekumpulan pemuda yang berani, bebas, jujur dan bertanggungjawab. Proses pembinaan karakter ini mengambil masa 40 tahun. Nabi Musa dan Nabi Harun menggunakan padang pasir yang terbuka dan bebas di Sinai untuk membina kekuatan dan keimanan bangsa Yahudi yang lahir selepas perpindahan keluar mereka dari Mesir.

Seperti yang telah disebut, ibu bapa perlu memulakan proses pembinaan karakter seawal usia. Syarahan dan seruan tidak banyak menyumbang untuk perubahan karakter semasa mereka sudah dewasa memandangkan banyak ciri personaliti telah pun terbentuk ketika ini. Terdapat banyak panduan yang boleh diikuti oleh ibu bapa. Namun, yang paling penting adalah untuk melaksanakannya dalam suasana yang bahagia dan ceria di rumah. Walaupun pembinaan karakter adalah suatu proses yang berterusan, ia akan lebih berkesan jika dibina semasa pada awal usia.

Pembentukan Karakter

Walaupun pembentukan karakter bermula di peringkat bayi dan berterusan selepas itu, beberapa tahun pertama selepas itu adalah tempoh yang paling berkesan. Pembentukan karakter ini berlaku hari demi hari, bersama pemikiran yang berterusan serta tindakan demi tindakan.

Bilakah karakter dibentuk? Bolehkah apa-apa dibuat tentangnya pada kemudian hari? Kita tidak tahu jawapan yang tepat. Dr. Spock mencadangkan bahawa umur di antara lima bulan dengan setahun setengah adalah kemungkinan tempoh paling signifikan dalam menetapkan asas sikap seseorang terhadap kehidupan. Ketika ini kanak-kanak mula merasakan dirinya sebagai individu yang berasingan dan ingin akan sedikit kebebasan (seperti mahu memegang botol sendiri dan tidak mahu dipeluk terlalu lama). Tingkah laku dan sikap ibu bapa mempengaruhi perspektif dan pandangan, jangkaan dan sikap anak-anak. Sekiranya ibu bapa mereka mesra, mereka menjangkakan orang lain juga sama. Namun sebaliknya, sekiranya ibu bapa bersikap dingin dan penuh prasangka, mereka mempunyai pandangan yang sama. Tentang bagaimana mereka melihat diri mereka sendiri, di peringkat ini bayi-bayi dibawa kepada satu anggapan bahawa mereka sebenarnya sama ada menawan hati atau tidak menarik, baik atau tidak berharga. Daripada umur satu setengah sehingga tiga tahun, kanak-kanak dapat merasakan bahawa mereka adalah individu yang terpisah. Bagaimana keadaan bayi ketika di penghujung usia tiga tahun adalah bergantung pada sejauh mana hangatnya hubungan yang terbina antara mereka dengan ibu bapa mereka. Pembentukan karakter juga bergantung pada cara ibu bapa dan anak-anak menyelesaikan pertikaian dalam tempoh yang terhad ini.

Karakterlah yang akan menjadikan seseorang itu manusia, bukan secara tiba-tiba dan bukan mengikut keadaan

Ketika berusia 18 tahun, pembentukan karakter seseorang secara asasnya telah sempurna dan stabil. Pembinaan karakter berlaku di peringkat taska, prasekolah, sekolah rendah,



menengah dan sekolah tinggi. Pendidikan lanjutan pada usia 20 tahun dan ke atas adalah peringkat perkembangan ilmu dan pendidikan.

Untuk membesarkan anak dengan baik, setiap aspek peribadi yang berikut perlu diambil berat iaitu aspek kerohanian, moral, fizikal, mental, psikologi dan sosial.

Dalam setiap aspek, ibu bapa hendaklah membina ikatan yang kukuh dengan anak-anak mereka. Sebagai contoh, jika ibu bapa terlalu dominan dan anak-anak pula orang yang patuh, anak-anak ini akan menjadi terlalu mudah menyerah. Jika ibu bapa terlalu garang dan tidak peduli, dan memberi ruang untuk anak-anak melawan kembali, anak-anak akan membesar menjadi orang yang suka bermusuhan. Jika ibu bapa sangat bertegas dalam soal kebersihan, anak-anak, jika mereka patuh, akan menjadi terlalu pembersih dan cerewet. Jika ibu bapa terlalu mengongkong dan sentiasa memerhatikan anak mereka, dan anak-anak mudah dipengaruhi, mereka akan menjadi terlalu bergantung.

Walaupun ahli-ahli psikologi menekankan bahawa karakter anak terbentuk ketika usia tiga tahun, beberapa kecenderungan personaliti boleh diubah kemudian jika persekitaran atau tekanan berubah. Sesetengah karakteristik tidak akan

terbentuk sehingga ke peringkat akhir kanak-kanak seperti sikap terhadap sesama jantina atau berbeza jantina.

Yang Kuat Mahukan Keamanan dan Yang Lemah Mahukan Keadilan

Presiden Theodore Roosevelt memberi amaran kepada rakyat Amerika supaya tidak menjadi lembut dan leka: "Perkara yang akan memusnahkan Amerika adalah mengejar kemakmuran dengan cara apa sekalipun, keamanan dengan cara apa sekalipun; mengutamakan keselamatan, bukannya kewajipan, cinta kepada kehidupan yang mudah, dan teori hidup cepat kaya." Beliau mengingatkan bahawa tiada seorang pun yang boleh mengatasi undang-undang, dan kewajaran tidak menghalalkan perbuatan salah. Kebaikan Amerika dibina oleh keberanian, kehormatan, keadilan, kebenaran, dan keikhlasan.

Karakter Bukan di Kulit Tetapi di Akar yang Dalam

Karakter bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipindah milik oleh seseorang kepada anak-anak melalui persekolahan atau pengalaman. Pembinaan karakter mestilah berlaku pada awal pembentukan personaliti. Ibu bapa mengambil masa untuk membina karakter (sama seperti akar sebuah pokok besar yang mengambil masa untuk tumbuh jauh ke dalam tanah). Karakter yang baik memelihara integriti seorang anak, tidak tergugat oleh peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian. Karakter yang telah kukuh terbina tidak akan terganggu seperti daun-daun pokok yang senang berguguran atau seperti sekawan burung yang mengikut kumpulannya ke mana sahaja mereka pergi. Karakter memiliki kekuatan yang tumbuh seperti akar yang mencengkam dalam diri anak-anak. Jika ibu bapa menanamkan asas ini ketika lahir, benih-benih karakter yang baik itu akan bercambah lebih awal.



Pemberian terbaik ibu bapa kepada anak-anak adalah karakter yang baik.

(Tawfiq 1967)

Meruntuhkan karakter anak:



Apakah Personaliti?

Terdapat beberapa teori tentang personaliti.

Majoriti pendidik dan ahli psikologi percaya bahawa terdapat pelbagai pelboleh ubah yang membentuk personaliti: fizikal, mental, sosial, emosional dan spiritual.

Fokus di sini adalah pada asas personaliti iaitu keberanian, cinta, kreativiti, tanggungjawab, kejujuran, amanah, mandiri dan kebebasan.

Menurut pendidik bidang etika Micheal Josephson (di Ferguson et al. 1999), enam rukun

karakter adalah sifat amanah, rasa hormat, tanggungjawab, keadilan, kedulian dan kewarganegaraan.

Kualiti lain yang dinilai oleh pelbagai ilmuwan adalah hikmah, kesabaran, kerendahan hati, kawalan diri, kesopanan, moderasi, kesederhanaan, keyakinan diri, pengorbanan dan kemurahan hati. Karakter adalah sesuatu yang bersifat dalaman dan berkait dengan asas personaliti, sementara perlakuan adalah manifestasi luaran. Tabiat adalah perlakuan yang berterusan dan berulang-kali yang telah menjadi sesuatu di luar sedar selepas satu tempoh masa.

Bunga Mawar, Bayi dan Ibu Bapa

Kita boleh menyamakan seorang bayi dengan sekuntum bunga mawar. Mawar mekar, mengeluarkan wangian yang menyenangkan dan menginspirasikan kecantikan. Walau bagaimanapun, batangnya penuh duri. Ibu bapa yang penyayang memegang mawar dengan lembut pada bahagian batangnya, dengan berhati-hati membiarkan mawar itu terus berkembang, walaupun mungkin sesekali dia akan tertusuk duri. Ibu bapa yang tidak sabar akan cuba menghindari duri dengan memegang mawar itu pada kelopaknya lalu perlahan-lahan merosakkannya. Dia mungkin terselamat daripada kesakitan tertusuk duri namun dia juga yang memusnahkan mawar itu. Ibu bapa hendaklah melayan anak-anak dengan penuh perhatian dan kesabaran seperti menangani mawar yang rapuh itu.



MENGAJARKAN CINTA

Salah satu hadiah terbaik yang boleh diberikan oleh ibu bapa kepada anaknya dalam semua situasi kehidupan adalah **CINTA**. Kuasa cinta ibu bapa yang penyayang adalah kuasa paling berpengaruh.

Kehangatan dan penghargaan daripada penjaga adalah ramuan penting untuk pembangunan emosi yang sihat. Untuk dua ke tiga tahun pertama usia anak, keperibadian dicorakkan oleh ibu bapa dan penjaga. Bayi-bayi yang tinggal di rumah anak yatim yang kekurangan kakitangan atau dibiarkan bersendirian di buaiannya seharian di taska boleh mendatangkan bahaya kepada kehidupannya. Ini berlaku di Kesatuan Soviet yang dahulu. Apabila daya intelek dan emosi bayi diabaikan, mereka tidak dapat membesar dengan sempurna. Manakala bayi yang diasuh oleh ibu bapa yang penyayang melonjak ke hadapan.

Bayi dilahirkan dengan kemampuan untuk mencintai iaitu ciri yang perlu dikembangkan oleh ibu bapa. Seawal usia enam minggu, mereka memberi respons apabila ibu bapa mengagah mereka. Kemampuan ibu bapa untuk mencintai adalah faktor paling berpengaruh dalam perkembangan kemampuan anak-anak untuk mencintai. Ciri ini mula berfungsi ketika bayi berusia enam bulan.

Anak-anak memperoleh persepsi pertama tentang siapa itu manusia daripada ibu bapa mereka. Sekiranya ibu bapa penuh dengan kasih sayang, ciri ini akan membangunkan kebolehan anak-anak untuk mencintai. Anak-anak akan menganggap semua orang suka berkawan dan tidak takut pada orang lain.

Ibu bapa seharusnya menunjukkan kasih sayang, bukan hanya secara tidak langsung tetapi



juga secara langsung dan fizikal. Terdapat satu tradisi dalam kaum Anglo-Saxon, salah satu kaum daripada masyarakat di Amerika Syarikat untuk mengawal aspek fizikal kasih sayang khasnya antara ayah dengan anak lelaki. Ini menjadi sebahagian penjelasan kepada persoalan mengapa anak-anak orang Amerika tertarik pada jantina berlainan lebih awal, disebabkan kekurangan kasih sayang fizikal daripada ibu bapa semasa mereka kecil. Pakar keibubapaan Dr. Spock mengkritik tentang kekurangan kasih sayang antara ayah dengan anak lelaki. Beliau sendiri dibesarkan dalam latar belakang seperti ini dan telah tersilap mengamalkannya ke atas anak-anaknya sendiri. Dalam tradisi Muslim dan tradisi lain, bersalaman, saling bercium dan berpelukan adalah digalakkan.

Pembinaan cinta bermula dengan penyusuan susu ibu. Memeluk, senyum, menyentuh, mencium dan menggosok secara perlahan penting kepada bayi. Anak-anak sepatutnya diberikan ekspresi verbal tentang cinta, penerimaan dan penghargaan. Ibu bapa hendaklah mengelakkan konflik yang tidak perlu bersama anak-anak walaupun mereka berusia satu tahun.

Untuk menghalang anak-anak daripada menyentuh benda-benda berbahaya dan mudah pecah (seperti ubat-ubatan, gelas dan pisau), ibu bapa perlu menjauhkannya daripada capaian bayi.

Ini mengurangkan kekerapan ibu bapa

untuk mengatakan “Tidak! Tidak!” Rumah perlu dijadikan sebagai persekitaran yang mesra dan selamat dari segi fizikal dan emosi.

Cara ibu bapa melayan anak-anak mereka mempengaruhi perspektif, harapan dan sikap anak-anak. Semakin anak-anak membesar, mereka akan menyedari bagaimana ibu bapa berkelakuan terhadap sesama mereka. Adakah mereka saling mencintai atau kejam dan saling membenci? Ini memberi kesan kepada konsep pemahaman anak-anak tentang dunia dan tingkah laku serta sikapnya terhadap orang lain.

Anak-anak juga menyedari bagaimana ibu bapa mengendalikan haiwan kesayangan, haiwan lain, pokok-pokok dan alam sekitar. Ibu bapa sepatutnya menunjukkan penghargaan terhadap hujan, matahari, bulan dan bintang (daripada mengecam perkara-perkara ini apabila ia mengganggu kehidupan mereka). Apabila berhadapan dengan alam semula jadi, kita sepatutnya menunjukkan cinta dan sikap prihatin.

Asas Pemberdayaan Emosi

Ibu bapa menggalakkan kekuatan emosi apabila mereka mencerahkan kasih sayang yang boleh dilihat oleh anak-anak. Berikan bayi anda kebanggaan dan keriangan dalam setiap pencapaian kecil mereka, permainan yang mencerdikkan dan jawab soalan-soalan mereka. Biarkan mereka bermain semahunnya tetapi dengan selamat, bacakan buku cerita dan tunjukkan gambar kepada mereka. Anak-anak tahu bahawa mereka lemah, tiada pengalaman dan memerlukan orang lain. Jadi, mereka bergantung kepada ibu bapa mereka untuk memimpin, disayangi dan rasa selamat. Anak-anak terus memerhati ibu bapa dan tanpa sedar membentuk diri mereka seperti ibu bapa mereka.



Inilah caranya mereka memperoleh personaliti mereka, kekuatan karakter dan kemampuan untuk menyesuaikan diri. Mereka belajar dari kecil bagaimana menjadi orang dewasa, pekerja, pasangan dan ibu bapa dengan mengikuti ibu bapa mereka.

Ibu bapa boleh meluahkan cinta melalui pelbagai cara: ekspresi wajah yang gembira, penzahiran kasih sayang secara fizikal, kegembiraan dengan pencapaian anak-anak, pernyataan yang mententeramkan apabila mereka terluka atau takut dan jaminan keselamatan apabila mereka diugut. Kasih sayang ibu bapa mewujudkan kasih sayang dalam diri anak-anak. Daripada kecintaan terhadap ibu bapa inilah, anak-anak melangkah untuk membentuk hubungan positif dalam kehidupan bersama rakan-rakan, guru-guru, pasangan, keturunan, jiran tetangga dan rakan sekerja.

Anak-anak memperoleh kepercayaan diri sendiri daripada perasaan dicintai dan dihormati oleh ibu bapa. Keyakinan diri ini membantu mereka untuk berasa selesa dengan diri mereka sendiri dan dengan semua jenis orang di sepanjang kehidupan mereka. Hormat dan cinta daripada ibu bapa adalah perkara yang mengajar anak-anak untuk memberi hormat dan cinta kepada ibu bapa dan orang lain sebagai balasan.

Dalam masyarakat yang kejam, anak-anak perlu diajar tentang cinta dengan cara yang lebih kuat untuk mengimbangi keganasan yang berada di mana-mana. Sekiranya ibu bapa tidak mengajar anak-anak tentang cinta, bagaimana mereka boleh mempelajarinya di tempat lain?

Cinta: Konsep Kecerdasan Kreatif dan al-Qur'an

Al-Qur'an menggambarkan hati sebagai tempat terletaknya naluri, kefahaman, kasih sayang dan empati. Institute of Heart Math di Boulder Creek, California, Amerika Syarikat menunjukkan bahawa hati adalah ejen yang berkuasa untuk menukar persepsi, menyelesaikan cabaran dan menunjukkan nilai. Mengharmonikan hati dan otak dengan cinta boleh membangunkan kecerdasan yang sempurna iaitu diri yang sempurna. Jiwa (*fū'ād*) dan hati (*qalb*) adalah pusat spiritual dan emosi tubuh badan.

Apabila "berada di dalam hati", seseorang mahu untuk bereksplorasi, belajar dan menjadi kreatif. Anak-anak lebih responsif dan mendengar dengan lebih baik apabila "berada di dalam hati." Apabila "berada di luar hati", kekecewaan, kemarahan, kebosanan, rendah diri atau kebimbangan boleh mengambil alih dan masalah kelihatan seperti tidak boleh diselesaikan.

Anak-anak yang belajar untuk mencintai kekal mantap dan seimbang, boleh membangunkan perspektif kehidupan yang lebih sempurna, mampu membuat keputusan yang lebih bijak, serta lebih pandai menjaga diri sendiri dan orang lain. Mereka juga boleh menyampaikan pemahaman tentang bagaimana untuk mencintai anak-anak mereka sendiri. (Bradley et al. 2009)

Di dalam bukunya, *Emotional Intelligence*, Goleman menunjukkan bahawa pelajaran emosi yang diperolehi oleh anak-anak membentuk

peredaran otaknya. Mereka yang cemerlang dalam hidup biasanya bukan orang yang mempunyai kecerdikan logik yang paling tinggi, tetapi memiliki kecerdikan emosi yang paling tinggi. Kecerdikan emosi termasuklah kawalan naluri, karakter dan disiplin diri, sedia berkorban dan mempunyai rasa belas kasihan. (Goleman 2005)

Mitos bahawa kemampuan intelektual kanak-kanak bergantung pada kemampuan mereka memberi dan menerima cinta adalah tidak benar. Persepsi, sikap mental dan emosi, tempoh reaksi dan kebolehan membuat keputusan kesemuanya berkait rapat dengan kesihatan hati kita. Persepsi akal yang lebih tinggi di dalam otak berfungsi dengan lebih baik apabila ritma elektrik yang dihasilkan oleh jantung berada dalam keadaan seimbang dan harmoni. Cinta, keprihatinan, penghargaan dan belas kasihan mewujudkan ritma jantung yang seimbang dan harmoni. Dengan menyeimbangi kepala dan hati, manusia membangunkan kebijaksanaan, kuasa dan integriti dalam membuat pilihan dan berkomunikasi. Dengan cinta, sensitiviti meningkat, komunikasi bertambah jelas dan pemahaman terbina. Cinta, belas kasihan dan penghargaan mengukuhkan kreativiti, memperbaiki solusi masalah dan memperteguh kemampuan kita untuk membuat pilihan yang terbaik.

Apabila kanak-kanak kekurangan kasih sayang dan berterusan takut atau bimbang, mereka akan merasa tertekan dan kemampuan untuk menyesuaikan diri akan musnah. Sekiranya mereka sudah terbiasa dengan tekanan, corak sel neuron otak akan ditetapkan pada corak respons tekanan. Jadi, kanak-kanak yang kekurangan kasih sayang melalui masa sukar untuk belajar. Kanak-kanak akan suka belajar dalam suasana yang penuh dengan keprihatinan dan cinta.

Jantung secara fizikalnya merespons kepada cinta dan ini boleh diukur melalui ECG (elektrokardiogram) dan melalui ritma HRV (heart rate variability). Perasaan marah, bimbang, kecewa atau tertekan menyebabkan ritma jantung tidak seimbang dan tidak teratur. Untuk mengekalkan perasaan positif dan penuh pengharapan tentang masa hadapan, anak-anak memerlukan cinta.

Dr. Ilham Altalib (ADAM Center Seminar 2008) menjelaskan bahawa perkataan “Saya cinta pada kamu sepenuh hati saya” atau “Saya mencintai kamu dari lubuk hati saya yang paling dalam” sebenarnya betul kerana hati juga adalah pusat kepada emosi, cinta dan perasan manusia.



**KANAK-KANAK LEBIH
RESPONSIF DAN MENDENGAR
DENGAN LEBIH BAIK APABILA
“BERADA DI DALAM HATI.”**

Petua Penting untuk Ibu Bapa

Anak-anak dilahirkan untuk mencintai. Terpulang kepada ibu bapa untuk mengasuh dan menyempurnakan kualiti tersebut. Sekiranya ibu bapa mempamerkan rasa cinta kepada anak-anak, mereka akan terdorong untuk mencintai sebagai balasan. Berikut adalah beberapa langkah yang praktikal untuk membantu anak-anak mencapai peribadi yang penyayang.

- **BERMULA SEMASA MEREKA MASIH SANGAT KECIL**

Terapkan cinta kepada bayi anda. Mendukung bayi semasa menyusu mengajar mereka tentang cinta. Memegang, memeluk, mencium dan bercakap kepada bayi mendidik mereka tentang keselamatan dan cinta.

- **DIDIK ANAK-ANAK SUPAYA “BERBUAT BAIK KEPADA ORANG LAIN SEBAGAIMANA ANDA MAHU ORANG LAIN BERBUAT BAIK KEPADA ANDA”.**

Didik anak-anak anda bagaimana melayan orang lain tanpa mementingkan dan memfokuskan diri sendiri. Mengambil kira bagaimana mereka mahu orang lain melayan mereka membuatkan anak-anak berhenti dan berfikir sebelum melakukan apa-apa. Mereka sedar bahawa bagaimana mereka melayan orang lain adalah bagaimana mereka akan dilayan. Peraturannya adalah merespons melalui “cara yang lebih baik” akan memastikan persahabatan terjalin bukannya permusuhan.

Apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah penghormatan itu (dengan yang serupa). Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu.

(Surah an-Nisa: ayat 86)

- **CINTA WUJUD MELALUI TELADAN**

Apa sebenarnya yang penting kepada anak-anak adalah bagaimana ibu bapa menunjukkan cinta mereka terhadap anak-anak, terhadap sesama mereka dan terhadap ahli keluarga yang lain. Pamerkan cinta anda secukupnya. Anak-anak anda akan menunjukkan cinta dengan cara yang sama.

Bagaimana Sekiranya Anak Anda Mengatakan “Saya Benci pada Ibu/Ayah!”

Selepas semua cinta telah anda berikan kepada anak-anak, begitu juga dengan pelukan dan ciuman, hadiah, perjumpaan dengan doktor dan ketenteraman yang tidak berkesudahan yang anda berikan, anak-anak anda yang sangat bernilai itu tiba-tiba mengatakan: “Saya benci pada ibu/ayah!” Adakah mereka benar-benar membenci ibu bapa mereka? Sudah semestinya tidak! Mereka membenci fakta bahawa ibu bapa mereka tidak membenarkan mereka makan gula-gula getah untuk sarapan atau pergi ke parti. Mereka hanya meluahkan kemarahan dan kekecewaan, bukan kebencian. Sejak kecil lagi, anak-anak belajar bahawa mereka akan mendapat banyak perhatian apabila mereka mengatakan “Saya benci pada ibu/ayah” kerana ibu bapa akan memberi perhatian segera kepada tingkah laku walaupun negatif. Provokasi negatif juga selalu membuatkan ibu bapa berasa jengkel, marah dan terluka yang menyebabkan mereka akhirnya akan mengalah pada permintaan anak-anak. Anak-anak cuba untuk melangkaui sempadan yang ada dan menarik perhatian. Justeru, penting untuk ibu bapa mengawal kemarahan mereka. Walaupun mereka mungkin akan dibenci seketika, anak-anak hanya mahu melihat reaksi ibu bapa mereka. Mereka lama-kelamaan akan belajar bahawa pernyataan “Saya benci pada ibu/ayah” tidak akan menghasilkan reaksi yang diharapkan dan mereka tidak akan mampu memanipulasi ibu bapa mereka pada masa hadapan. Sebaliknya, ibu bapa patut mengiktiraf perasaan di sebalik pernyataan itu. Mereka boleh memberitahu anak-anak mereka, “Kamu nampak agak marah,” daripada mengatakan sesuatu yang akan melukakan. Apa

yang boleh membantu ibu bapa adalah mereka harus meninggalkan situasi itu seketika. Pergi ke ruang tamu, duduk di bangku dan menarik nafas dalam-dalam. Minta bantuan pasangan anda untuk memberi anda sedikit motivasi dan ketenangan. Bersedia untuk perbincangan lanjut bersama anak-anak pada masa lain yang lebih tenang: "Kita boleh berbincang tentang perkara ini kemudian apabila kita sudah tidak marah lagi."

Anak Pertama

Ibu bapa yang mempunyai aspirasi yang tinggi mahu anak-anak mereka juga mempunyai aspirasi yang tinggi. Apa yang telah dicapai oleh ibu bapa dalam kehidupan mereka, mereka mahu anak pertama mereka mencapainya juga. Sekiranya ada perkara gagal dicapainya, mereka berharap anak pertama mereka akan berjaya mencapainya. Apa-apa juga kesilapan yang dilakukan menyebabkan mereka bimbang anak pertama mereka akan membuat kesilapan yang sama. Sebaliknya, ibu bapa yang cermat ini kelihatan agak berlembut dengan anak kedua mereka. Jadi, anak kedua secara relatifnya lebih berdikari dalam tindakan dan perasaan mereka berbanding dengan dengan anak pertama.



Memang mudah untuk memberitahu ibu bapa baharu, "Usah terlalu keras dengan anak sulung anda. Biarkan dia menjadi dirinya sendiri." Ini seperti memberitahu orang yang baharu pertama kali belajar menunggang kuda atau memandu kereta supaya jangan bimbang. Mungkin boleh membantu jika ibu bapa membawa anak pertama ke tempat-tempat di mana anak-anak lain bermain. Bermain adalah peluang yang baik untuk belajar bagaimana untuk bersama dengan orang lain dan belajar saling memberi dan menerima. Melawat orang lain dan menerima anak-anak lain datang berziarah juga bermanfaat. Menghabiskan masa bersama adalah intipati untuk mampu menyayangi.

Sebahagian ahli sosiologi menasihati ibu bapa supaya melahirkan anak-anak dalam suatu tempoh masa yang pendek. Ini memudahkan anak-anak untuk menjalani kehidupan sosial bersama-sama, daripada dibesarkan berseorangan dan membesar menjadi orang yang kesunyian. Malah mudah untuk ibu bapa membesarkan satu generasi sekali gus dan kemudian berpindah kepada fasa baharu dalam hidup mereka. Sekiranya ada jarak yang panjang antara anak-anak mereka, mereka akan hidup bersama bayi, remaja dan anak muda. Menjaga tiga generasi sekaligus merupakan beban yang agak berat kepada ibu bapa kerana seluruh masa mereka dihabiskan dengan "menjaga anak". Mereka tidak mempunyai banyak masa untuk diri sendiri dalam tempoh persaraan mereka.

Cemburu adalah sikap yang berlawanan dengan cinta. Cemburu membuatkan seseorang mahukan perkara baik yang didapat oleh orang lain hilang dan datang kepada dia. Hal ini adalah masalah serius yang perlu dibuang oleh ibu bapa daripada anak pada awal kehidupan mereka.

Rasulullah ﷺ menganggapnya sebagai kejahanan sosial. Baginda bersabda:

Manusia akan hidup dengan baik selagi mereka tidak cemburu terhadap satu sama lain.

(Al-Tabrani)

Bayi baharu dalam keluarga selalunya akan menarik seluruh perhatian ibu bapa. Ramai orang datang berziarah dan selalunya membawa hadiah bersama. Mereka akan memberi komen betapa comelnya bayi tersebut. Ibu mungkin terlalu lelah dan ayah terlalu sibuk melakukan pelbagai pekerjaan rumah daripada memberi perhatian yang cukup kepada anak-anak yang lain. Adik-beradik yang lebih tua boleh merasa diabaikan khasnya yang paling muda yang mungkin merasa marah atau keliru kerana dia tidak lagi menjadi anak bongsu. Merasa cemburu dengan adik yang mendapat paling banyak perhatian adalah perasaan semula jadi.

Untuk menghalang atau meminimumkan rasa cemburu, ibu bapa boleh melakukan perkara-perkara berikut:

- Buat semua anak merasa bahawa mereka dicintai dan diperlukan.
- Pastikan anak-anak lain tidak merasa kurang disayangi dan diambil berat. Memberikan perhatian yang mencukupi dan membuat mereka merasa berguna adalah perkara yang penting ketika ini.
- Elakkan perbandingan dan persaingan antara adik-beradik.
- Toleransi, ganjaran dan disiplin mesti adil
- Semua anak perlu dicium dan dipeluk sekirap mungkin.

- Ibu bapa boleh memberi anak-anak yang lebih tua perasaan berkongsi tanggungjawab untuk menjaga bayi baharu dan memasukkan mereka ketika membuat keputusan.

Mengapa Ibu Bapa Menyayangi Anak-anak?

Menurut Euripides, "Di sini, semua manusia adalah sama, sama ada kaya atau miskin. Mereka semuanya mencintai anak-anak mereka." Rabindranath Tagore berkata: "Saya tidak mencintainya kerana dia baik tetapi kerana dia anak kecil saya."

Suatu fakta yang menyedihkan apabila ramai anak-anak tidak disayangi kerana:

- 1) Mereka merupakan akibat daripada "ketidaksengajaan", tekanan sosial atau rogol;
- 2) Mereka dilihat sebagai punca kematian isteri semasa melahirkan anak;
- 3) Mereka adalah keturunan ibu atau bapa yang menjadi penjenayah;
- 4) Bayi tersebut perempuan dalam masyarakat yang melebihkan lelaki (di sebahagian negara, ibu bapa menerima ucapan tahniah hanya sekiranya bayi tersebut lelaki).

Mengapa anak-anak dianiaya bukan kerana kesalahan mereka sendiri?

Jangan kaitkan cinta kepada perlakuan. Tanpa sebarang konteks, seolah-olahnya ibu bapa meletakkan syarat untuk cinta mereka. Ibu bapa tidak sepatutnya mengatakan: "Saya akan sayang kamu lebih kalau kamu berkelakuan baik."

Anak-anak memerlukan cinta, khasnya apabila mereka berasa seolah-olah tidak layak mendapatkannya. Ibu bapa perlu meyakinkan anak-anak bahawa cinta mereka untuk anak-anak tidak berasaskan prestasi dan ia bebas

daripadanya. Mereka menyayangi anak-anak kerana diri anak-anak sendiri. Kejayaan sebagai ibu bapa dinilai oleh sebanyak mana anak-anak berasa selamat, dikehendaki dan atas semua itu, disayangi. Walaupun pujian dan sanjungan diingini oleh anak-anak, perkara yang paling mereka mahukan adalah kasih sayang. Mark Twain berkata: "Pujian adalah baik, sanjungan adalah perkara baik, tetapi kasih sayang – itulah perkara terakhir dan ganjaran paling berharga yang boleh dimenangi oleh seseorang."

Sayangilah Pelakunya, Tetapi Bencilah Tindakan Jahatnya

Hubungan cinta antara ibu bapa dan anak-anak seharusnya berlaku tanpa syarat. Mereka harus menerima antara satu sama lain tanpa syarat. Anak-anak perlu diterima sebagai diri mereka, bersama ketakutan, kebimbangan dan tingkah laku mereka sendiri (tabiat, ekspresi dan perilaku). Tanpa syarat bermaksud tanpa prejudis atau penilaian. Anak-anak anda mungkin bukan anak yang paling menarik, berpelajaran tinggi atau popular. Bagaimanapun (dengan pertolongan Tuhan) mereka telah hadir ke dunia dan ini melayakkan mereka untuk mendapatkan penerimaan dan cinta tanpa syarat.



TIDAK CUKUP UNTUK MENYAYANGI ANAK-ANAK DALAM DIAM:

LUAHKAN CINTA ANDA KEPADA MEREKA

Nabi Muhammad ﷺ mengajar para sahabat untuk mengungkapkan cinta kepada sesama mereka.

Suatu hari semasa Nabi Muhammad ﷺ sedang duduk bersama para sahabat, seorang lelaki melintas di hadapan mereka. Salah seorang daripada para sahabat itu berkata, "Saya mencintai lelaki ini." Rasulullah ﷺ bertanya kepadanya, "Adakah anda memberitahunya?" Lelaki itu menjawab, "Tidak." Rasulullah ﷺ berkata, "Pergi beritahu dia." Lelaki itu bangun dan bergegas kepada lelaki tadi dan berkata kepadanya, "Saya sayangkan awak kerana Allah." Lelaki itu menjawab, "Semoga Allah menyayangi awak seperti mana awak menyayangi saya kerana-Nya."

(Abu Daud)

Cinta dan Keyakinan Diri Ibu Bapa

Keyakinan diri ibu bapa adalah kunci kepada hubungan ibu bapa-anak yang bahagia. Sekiranya ibu bapa gagal menyakinkan anak-anak bahawa mereka tahu apakah sikap mereka dan apakah yang diingini mereka tentang sikap anak mereka, anak-anak akan menguji mereka dan berterusan menguji mereka. Ujian-ujian berterusan untuk menjatuhkan ibu bapa akan meningkatkan tahap tekanan dalam sesebuah hubungan. Tekanan menyakitkan kasih sayang. Mengurangkan tekanan akan melancarkan perjalanan kasih sayang dalam perhubungan. Dengan ketiadaan cinta, autoriti menjadi zalim atau tidak terlibat. Ibu bapa yang yakin diri berupaya memberikan autoriti dan cinta. Dengan menjadi orang berautoriti yang penyayang dan orang penyayang yang berautoriti, ibu bapa mengekalkan keseimbangan mereka.

Dengan melakukannya, mereka menjamin keselamatan kepada anak-anak dan memastikan anak-anak tenang dan gembira. Apabila bebas daripada keperluan untuk menyalahkan ibu bapa, anak-anak tidak akan terlibat dengan banyak masalah disiplin. Apabila anak-anak tersilap laku, peringatan ringkas tentang siapa yang bertanggungjawab sudah mencukupi.

Cara-Cara Praktis Mewujudkan Rasa Belas Kasihan

Ibu bapa menyayangi anak-anak supaya mereka merasa mereka disayangi. Tetapi kasih sayang harus diluahkan melalui pelbagai cara. Ibu bapa yang tidak kerap bercakap tentang kasih sayang akan terkejut apabila mendapati anak-anak tidak menganggap bahawa ibu bapa menyayangi mereka.

Perasaan belas kasihan boleh dibina melalui amalan. Perkara ini memerlukan niat dan tindakan. Niat adalah memiliki hasrat untuk membuka hati seseorang kepada orang lain dan menunjukkan kepada mereka bahawa mereka penting. Tindakan adalah melakukan sesuatu yang berkait rapat dengan niat seseorang. Contohnya, ibu bapa boleh secara konsisten memberi sumbangan wang atau masa (atau kedua-duanya) kepada kumpulan yang disukai

oleh mereka atau memberikan senyuman dan ucapan selamat kepada orang yang ditemui mereka di jalan. Tidak kira berapa banyak yang dilakukan oleh ibu bapa, cuma lakukan sesuatu. Mother Teresa menjelaskan: "Kita tidak mampu melakukan perkara-perkara besar di dunia ini. Kita hanya boleh melakukan perkara kecil dengan cinta yang besar."



Berikut adalah antara cara-cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa bersama anak-anak untuk membina kasih sayang:

- Fokus pada "perkara besar" dan abaikan "perkara kecil".
- Belas kasihan membina kesyukuran. Apabila anda merenung hadiah terbesar kehidupan, contohnya kemampuan anda membaca buku ini, anda boleh membina cinta.
- Berkongsi dengan anak-anak anda kerana mencintai adalah berkongsi dan mengambil berat. Kongsi makanan, wang, pen, kertas, komputer, kereta, kerusi, buku, lawatan dan pemikiran bersama anak-anak.
- Beritahu ahli keluarga bahawa anda menyayangi mereka terutama sebelum anda pergi jauh untuk beberapa hari.
- Karang sebuah lagu istimewa bersama anak-anak yang menyatakan "Saya sayang padamu".

Penting untuk kita amalkan kasih sayang. Walaupun menghadiahkan harta benda itu baik, ia tidak sama dengan kasih sayang yang sejati.



CINTA ITU SEBUAH PERKONGSIAN

Seorang anak harus memiliki cinta dan rasa peduli di dalam hatinya untuk orang lain; dia harus mencintai orang lain seperti mana dia mencintai dirinya sendiri. Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Kamu tidak beriman sehingga kamu menyayangi saudaramu sebagaimana kamu menyayangi dirimu sendiri.

(Al- Bukhari)



Cinta adalah...

Perkongsian...harapan terindah kita, ketakutan terdalam kita, ketawa terkuat kita, air mata terlembut kita, impian termanis kita, duka terburuk kita, kejayaan tertinggi kita, cinta yang sedang berkembang, sentiasa sedar, lebih banyak kita berkongsi lebih banyak kita mengasihi.

Cara terbaik melupakan masalah kita adalah dengan membantu orang lain menyelesaikan masalah mereka. Anda mungkin lupa dengan siapa anda bergelak ketawa, tetapi anda tidak akan lupa dengan siapa anda menangis.

Kisah daripada Buku John Gray: *Truly Mars and Venus*

Seorang kenalan yang kesihatannya semakin merosot memberitahu saya bahawa dia sudah tidak bercakap dengan anak lelakinya selama tiga tahun kerana berselisih faham tentang menantunya (isteri anaknya). Dia tidak akan bercakap dengan anaknya kecuali anaknya itu yang menghubunginya terlebih dahulu. Saya mencadangkan supaya dia yang memulakan langkah pertama tetapi dia berkeras, "Saya tidak boleh melakukannya. Dia yang sepatutnya meminta maaf." Dia sanggup mati daripada bercakap dengan satu-satu anaknya itu. Selepas sedikit pujukan, dia memutuskan untuk menghubungi anaknya. Dia terkejut, anaknya sangat bersyukur atas panggilan itu dan meminta maaf daripadanya. Apabila seseorang mengambil peluang dan memulakan langkah, semua orang menang.

Kebencian itu seperti asid. Ia boleh merosakkan bekas di mana ia ditempatkan seperti mana ia memusnahkan tempat di mana ia dituang.

Berapa banyak cinta yang mencukupi? Ibu bapa boleh meletakkan banyak deposit di dalam bank cinta sebagai demonstrasi kasih sayang kepada anak-anak mereka. Tiada siapa pun yang peduli jika terlalu banyak menerima deposit ini.

Lebih banyak yang diberi oleh ibu bapa, lebih banyak yang akan diterima oleh mereka. Menjadi orang yang penyayang adalah sifat

yang boleh dikawal. Namun menerima cinta adalah di luar kawalan seseorang. Ibu bapa tidak boleh mengharapkan balasan daripada anak-anak kerana cinta itu adalah ganjarannya yang tersendiri. Anak-anak tidak mampu memahami sepenuhnya sejauh mana ibu bapa menyayangi mereka sehingga mereka sendiri menjadi ibu bapa.

Ibu bapa harus beralah terlebih dahulu apabila berselisih faham dengan anak mereka. Ramai orang menahan kemarahan akibat sesuatu perbalahan atau salah faham dan mereka dengan degilnya menunggu orang lain beralah. Mereka percaya inilah satu-satunya cara kesalahan boleh dimaafkan atau persahabatan atau perhubungan keluarga boleh dipulihkan.

Apabila orang menahan perasaan marah, "perkara kecil" akan ditukar kepada "perkara yang betul-betul besar" dalam minda mereka. Mereka menganggap posisi mereka lebih penting daripada kebahagiaan mereka. Orang yang tenang memahami bahawa menjadi betul tidaklah lebih penting daripada hidup bahagia. Perasaan marah mesti dilerakan, dan mengalahlah. Membiarkan orang lain menjadi betul tidak bermakna seseorang itu salah. Kita akan merasa lebih baik apabila kita merasai ketenangan dengan melepaskan kemarahan sebagaimana menikmati kebahagiaan dengan membiarkan orang lain betul. Balasannya, orang lain akan menjadi kurang defensif dan lebih penyayang kepada bekas lawannya.

Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dengan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahanatan) dengan cara yang lebih baik: apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

(Surah Fussilat: ayat 34)



- **Penting untuk mengorbankan masa, usaha dan wang demi anak-anak. Cinta itu kumulatif sifatnya, seperti tindak balas positif yang menutup kekurangan. Lebih banyak ibu bapa mencintai anak-anak, lebih banyak mereka berkurban; dan lebih banyak mereka berkurban, lebih banyak mereka mencintai.**

- **Setiap pagi, ibu bapa boleh bertanya kepada diri mereka sendiri: Kepada siapa patut saya berikan cinta teristimewa dalam keluarga saya hari ini? Mereka boleh luaskan skop pertanyaan ini untuk memasukkan seseorang di luar keluarga. Memberi cinta setiap hari, perasaan benci dapat dihindari.**

Kaji Selidik: Banyak Cara Menjadikan Anak-Anak Anda Berasa Disayangi

Samon (1999) bertanya kepada 55 orang ibu dan ayah yang mempunyai anak berusia dari 1 hingga 16 tahun bagaimana mereka dapat berhubung dengan anak-anak mereka.

Dalam setiap kes, jawapannya adalah menghabiskan masa bersama anak-anak dengan melakukan sesuatu.

Ini termasuklah menonton, membaca, memasak, bercakap tentang sesuatu, saling berkongsi dan duduk bersama. Habiskan masa melakukan aktiviti bersama dengan anak-anak anda. Di bawah adalah senarai aktiviti yang boleh dilakukan ibu bapa bersama dengan anak-anak yang dapat meningkatkan kasih sayang:

- Berjalan bersama-sama
- Mencari bentuk-bentuk pada awan/memerhati langit malam
- Menonton video di rumah/ mendengar program radio/membaca sajak atau drama bersama-sama

- Memberikan mereka menyisir rambut anda
- Bergusti bersama-sama
- Memenuhi buku nota dengan gambar-gambar dan stiker
- Membawa mereka ke kedai runcit dan biarkan mereka bersama-sama menentukan apa yang hendak dibeli untuk makan malam
- Bermain permainan bersama seperti Scrabble, Saidina dan I Spy. Semua permainan ini murah, mesra alam (tidak memerlukan elektrik atau bateri), lebih merangsang minda, boleh dimainkan dalam apa-apa bahasa dan lebih baik bagi mata berbanding dengan skrin video
- Melakukan kerja rumah dengan mereka, bukan untuk mereka
- Membaca al-Qur'an atau bernasyid dan mendengar musik dan lagu bersama-sama
- Membasuh dan melipat kain bersama-sama
- Mengecat bersama-sama
- Memeluk, mencium (bukan di mulut) dan berpegang tangan
- Pergi ke muzium bersama-sama
- Bersolat bersama-sama
- Memakai pakaian lama bersama-sama
- Membawa mereka ke tempat kerja
- Memukul periuk dan kuali (tanpa mengganggu jiran)
- Membawa anak-anak ke pertandingan sukan, panggung wayang, menunggang kuda, menyertai perhimpunan aman, bersiar-siar di taman dan berkelah (di pinggiran hutan, di tepi sungai, di pantai)
- Berada di rumah, mendengarkan mereka sepenuhnya tanpa menjawab panggilan telefon atau membuka surat atau emel
- Menziarahi datuk, nenek dan saudara mara bersama-sama
- Membersihkan dan menvakum rumah bersama-sama
- Membuat biskut, kuih-muih dan kek cawan bersama-sama
- Melihat album gambar keluarga bersama-sama
- Memetik buah-buahan di kebun bersama-sama
- Berkebun bersama-sama

Patutkah Ibu Bapa Mengajar Kebencian? Kadangkala!

Walaupun fokus diletakkan kepada cinta, benci tidak boleh dilupakan kerana kedua-duanya penting. Sekiranya seseorang mencintai Tuhan, nabi-nabi, ibu bapa, sanak-saudara, manusia lain, haiwan, tumbuh-tumbuhan, alam sekitar dan alam semesta, mereka juga perlu berasa benci kepada syaitan, kejahanan, rasuah, menipu, mencuri, penderaan seksual, dadah, minum arak, merokok, cemburu, rasis, fanatik, diskriminasi dan marah.

Bagaimanapun, tindakan jahat yang mestilah dibenci, bukan pelakunya. Benci pada kejahanan bukan pelaku kejahanan.

Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh kerana sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala.

(Surah Fathir: ayat 6)

MEMBINA HARGA DIRI

Rasa disayangi dan rasa berkebolehan adalah keperluan asas psikologi yang menjadi asas kepada pembinaan harga diri. Harga diri membolehkan kanak-kanak berkembang menjadi individu yang bahagia dan berkeyakinan dan ia penting untuk kesihatan emosi.

Kanak-kanak memerlukan sokongan apabila mereka melakukan kesilapan sama seperti sokongan yang diperlukan ketika menemui cara menyelesaikan masalah. Memandangkan kesilapan adalah sebahagian daripada kehidupan, penting bagi kanak-kanak diajar supaya mereka

melihat kesilapan itu sebagai suatu proses pembelajaran daripada menganggapnya sebagai suatu kegagalan. Jangan biarkan kegagalan melemahkan anak-anak. Gunakan kegagalan itu sebagai peluang untuk memotivasi mereka. Terdapat perbezaan besar antara pernyataan, "Bagaimana kamu boleh menjadi terlalu bodoh?" dengan "Ibu tahu kamu bijak dan berkemampuan!" Galakan membantu kanak-kanak untuk belajar dan melakukan yang terbaik pada masa hadapan. Kanak-kanak yang diberitahu bahawa mereka adalah orang yang gagal oleh orang yang paling dikaguminya akan menjadi orang yang gagal.

Pemikiran yang bersifat tidak menggalakkan seperti "Saya gagal, jadi saya memang tidak berguna," akan merosakkan kegembiraan hidup kanak-kanak, melemahkan tenaga emosi mereka dan menambahkan kecenderungan untuk mengambil jalan mudah apabila tertekan. Kanak-kanak tanpa harga diri tidak akan cuba berusaha untuk mencapai matlamat mereka dan merasakan matlamat mereka tidak mungkin tercapai. Kejayaan yang diperolehi dalam tempoh masa yang panjang (melalui pembelajaran dan menahan diri daripada pengaruh rakan sebaya) memerlukan harga diri. Anak-anak yang kurang harga diri lebih

impulsif dan kurang mengambil berat tentang akibat daripada tindakan mereka. Mereka kurang berkeyakinan untuk mengejar matlamat mereka. Kanak-kanak yang memiliki harga diri yang rendah lebih terdedah pada kepuasan sementara melalui arak, dadah, seks dan keganasan.

Kanak-kanak harus diingatkan bahawa tiada apa yang kurang pada diri mereka. Mereka juga harus diajar untuk melihat kesilapan sebagai suatu peluang untuk belajar. Kanak-kanak ini mempunyai tenaga yang diperlukan untuk memilih mana yang lebih baik (mengulang kaji untuk peperiksaan berbanding dengan keluar bersama rakan-rakan). Mereka mempunyai harapan dan mereka optimis bahawa mereka akan berjaya (melalui kerja keras dan usaha mereka). Mereka memerhatikan hasil usaha mereka dan menganggap diri mereka sebagai pemenang. Kebahagiaan yang mengiringi kejayaan menjadikan mereka yakin bahawa mereka akan berjaya pada masa akan datang.

Harga diri ibu bapa berkait rapat dengan harga diri anak mereka kerana anak-anak belajar melalui pemerhatian terhadap ibu bapa mereka. Apabila ibu bapa bimbang tentang bagaimana sesuatu mungkin memberi impak negatif kepada mereka, anak-anak diajar bahawa perkara ini adalah sesuatu yang perlu dibimbangkan. Sebaliknya, apabila ibu bapa menggunakan pendekatan untuk menyelesaikan masalah, keyakinan dan keberanian anak-anak untuk mengatasi apa-apa isu yang datang akan bertambah.

Ibu bapa hendaklah sensitif terhadap perkembangan psikologi dan emosi anak-anak. Contohnya jika ibu bapa terlupa pada janji temu dengan rakan mereka, mereka boleh meminta maaf dan perkara itu akan selesai di situ. Namun, jika mereka terlupa akan janji temu dengan anak-anak, impak yang lebih mendalam akan dirasai



anak-anak kerana berasa mereka tidak penting dan tidak signifikan. Kekuatan perasaan mereka terhadap janji temu itu boleh menjadi sangat besar dan mereka berasa dikhianati atau dikecewakan. Dalam usia kanak-kanak yang masih muda, tindakan ibu bapa ini boleh mewujudkankan rasa tidak percaya atau tidak jujur.

Kasih sayang, keberanian, kreativiti, kejujuran dan rasa tanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, membina keyakinan dan harga diri yang kuat. Semua sifat ini saling berinteraksi dan saling menyokong antara satu sama lain. Kesemuanya menambahkan kekuatan emosi dan modal psikologi dalam diri seorang kanak-kanak. Harga diri yang sihat membawa maksud kanak-kanak mempunyai keupayaan yang lebih baik untuk mengendalikan pelbagai masalah, cabaran dan tekanan rakan sebaya.

Bagaimana Mengelak daripada Menjadikan Anak ‘Mua’

Dalam usaha membina harga diri anak-anak, sebahagian ibu bapa memuji-muji dan memberi ganjaran kepada anak mereka tanpa henti, tanpa mengira apa yang dilakukan. Pendekatan ini membantu menghasilkan anak-anak yang mua.

Kanak-kanak perlu dididik untuk menghadapi kata-kata “tidak” daripada ibu bapa, kawan-kawan, guru, jiran tetangga dan orang yang tidak dikenali. Latih anak anda untuk menghadapi kekecewaan, penafian dan penolakan. Anak-anak harus belajar menangani persaingan dan tekanan. Berikut merupakan cara untuk mengelakkan daripada memanjakan anak:

- **JANGAN ABAIKAN DISIPLIN**

Sebilangan ibu bapa cenderung untuk memanjakan anak-anak. Melimpahkan segala-

galanya, sama ada alat mainan, permainan, wang atau coklat merosakkan kanak-kanak pada usia yang sangat muda. Anak-anak yang dibesarkan dalam sebuah keluarga yang mewah akan menjadi rosak sekiranya mereka diberikan segala-galanya tanpa had. Ibu bapa tidak seharusnya memberi anak-anak lebih daripada apa yang bersesuaian dan menyediakan mereka untuk menghadapi masa senang dan susah dalam kehidupan.

- **JANGAN PENUHI SETIAP PERMINTAAN**

Ibu bapa mendapat kepuasan apabila dapat memenuhi setiap permintaan anak-anak. Bagaimanapun, mereka perlu membiarkan beberapa permintaan anak-anak tidak dipenuhi. Sekiranya setiap kehendak dan keinginan anak dipenuhi, mereka akan membesar menjadi seorang yang narsistik. Anak-anak ini kadangkala bertindak secara tidak logik, kejam dan mengecewakan. Mereka mungkin tidak dapat menerima penolakan dalam temuduga kerjaya dalam hidup mereka kelak. Mereka lebih terdedah kepada kemurungan berbanding dengan orang lain dan tidak dapat menangani kekecewaan dengan mudah.

- **ELAK PERBANDINGAN**

Ibu bapa tidak sepatutnya menggalakkan kecenderungan anak-anak mereka untuk membandingkan apa yang dimiliki mereka dengan anak-anak lain.

Jika anak-anak meminta permainan baru semata-mata kerana anak jiran mempunyai permainan baru, permintaan mereka tidak perlu dilayan.

Kanak-kanak sebegini akan senantiasa membanding-bandtingkan diri mereka dengan

orang yang memiliki lebih daripada apa yang dimiliki mereka.

• ELAK AMALAN UNTUK MENYENANGKAN ANAK

Untuk mengelakkan konflik, sesetengah ibu bapa cenderung untuk sentiasa menyenangkan hati anak. Menyenangkan hati anak membawa keuntungan jangka pendek tetapi kerugian jangka panjang. Anak akan hilang hormat terhadap ibu bapa sebegini. Ibu bapa perlu jujur dan mengatakan “tidak” kepada tuntutan-tuntutan yang tidak munasabah oleh anak mereka. Anda tidak boleh berterusan menuruti semua permintaan anak di sepanjang kehidupan anda.

• JANGAN MENGALAH KERANA RASA BERSALAH

Segelintir ibu bapa cenderung untuk menyenangkan hati anak-anak disebabkan rasa bersalah. Misalnya ramai ibu bekerja pulang lewat ke rumah dan tidak mempunyai masa untuk membantu anak menyelesaikan kerja sekolahnya. Anak kemudiannya meminta ais krim sebelum makan malam dan ibu menuruti kemahuannya. Anak ini sudah cukup pintar untuk memahami alasan di sebalik tindakan ibu memberi rasuah. Ibu bapa perlu berani mengatakan “tidak” terhadap anak walaupun anak sedang tantrum.

Anak-anak perlu diajar untuk menerima kenyataan “tidak” daripada ibu bapa dan daripada rakan-rakan, guru-guru atau jiran tetangga.

Tantrum: Jangan Biarkan Tangisan Dijadikan Senjata

Ada tangisan yang berlaku kerana keperluan sebenar seperti lapar, demam, sakit dan takut. Ini



memerlukan perhatian ibu bapa. Terdapat sejenis tangisan lain yang dikenali sebagai tangisan tantrum. Anak ini mahukan sesuatu yang tidak perlu lalu dia menangis dan menjerit dengan kuat. Tangisan jenis ini harus diabaikan. Jika tidak, ia akan memulakan satu corak: tangisan akan semakin kuat hingga ibu bapa mengalah dan menurut kehendak anak. Anak ini akan belajar cara mengawal ibu bapa melalui tangisan yang tidak perlu. Apabila tangisan dijadikan sebahagian daripada tantrum, abaikan sahaja. Jangan menengking anak. Bertenang dan kawal diri. Jangan mengalah. Apabila tantrum reda, anak akan belajar bahawa tangisan yang tidak perlu bukan satu tingkah laku yang boleh diterima.

MENGAJARKAN KEJUJURAN DAN SIFAT AMANAH

Kejujuran dan sifat amanah merupakan ciri sifat positif yang fundamental bagi ibu bapa untuk membantu diperkuuh dalam diri anak-anak.

Kebanyakan ibu bapa bimbang apabila anak mereka berbohong untuk pertama kali. Namun bagi kebanyakan anak, berbohong adalah fasa sementara yang berlaku dalam perkembangan anak yang normal. Sebahagiannya adalah reaksi semula jadi (seperti takut pada hukuman) dan

sebahagian lagi adalah perlakuan yang dipelajari. Walaupun berbohong pada amnya adalah sesuatu yang tidak membimbangkan untuk kebanyakan anak, ibu bapa perlu bersungguh-sungguh mengajar tentang kejujuran. Berbohong adalah respons anak terhadap banyak faktor termasuklah faktor mempertahankan diri.

Kanak-kanak terkeliru antara realiti dan fantasi serta impian dan imaginasi mereka. Penting untuk ibu bapa tidak merendah-rendahkan fantasi anak-anak. Berangan-angan dan berimaginasi adalah elemen penting dari segi siapa seseorang itu, walaupun sebagai orang dewasa. Mampu untuk berpura-pura bahawa dirinya adalah orang lain atau berada di tempat lain selalunya melegakan dan menjadi jalan keluar daripada tekanan. Jangan menjadi terlalu kritikal. Sekiranya anak-anak berasa bahawa mereka harus selalu menjustifikasi diri mereka di hadapan ibu bapa, ini akan meningkatkan tahap ketidakjujuran mereka demi mengelakkan hukuman.

Masyarakat Arab jahiliyyah Quraisy memanggil Nabi Muhammad ﷺ sejak kecil dengan panggilan “Yang Jujur dan Amanah” (*al-sādiq al-amīn*). Amanah dalam bahasa Arab mempunyai banyak makna iaitu kepercayaan, keyakinan, tanggungjawab, keprihatinan dan kepenjagaan.

Jujur dan amanah adalah bahagian karakter yang penting bagi pemimpin yang benar. Ibu bapa perlu menyeru, mengamalkan dan menghidupkan sifat “jujur dan amanah” sehingga ia tertanam ke dalam diri anak-anak. Anak-anak menjadi orang yang boleh dipercayai apabila mereka melihat orang lain mempercayai ibu bapa mereka dan merasakan bahawa wang, harta dan rahsia mereka selamat bersama ibu bapa anak ini. Ibu bapa yang boleh dipercayai selalunya akan dipilih sebagai pemimpin oleh masyarakat mereka.

Malah, salah satu kualiti orang Islam yang diajar oleh Nabi Muhammad ﷺ adalah amanah:

“Muslim adalah seseorang yang orang lain merasa selamat daripada lidahnya (percakapan) dan tangannya (tindakan) dan orang beriman yang dirahmati adalah orang yang menghindari perkara yang telah dilarang Tuhan untuk dia mendekatinya.”

(Al-Bukhari)

Kepercayaan antara ibu bapa dan anak adalah suatu perkara yang penting. Binalah kepercayaan, kekalkannya dan kembangkannya. Walaupun sesetengah anak sukar untuk dipercayai, ibu bapa harus bertindak seolah-olah mereka mempercayai anak itu. Sekiranya dia tidak bercakap benar, ibu bapa perlu berhati-hati dan tidak terus membuat tuduhan. Jika terjadi konfrontasi, anak itu pasti bertanya kepada ibu bapanya, “Ibu ayah tidak percayakah pada saya?”

Ibu bapa boleh berpura-pura mempercayai anak sehingga mereka menemui cara yang mudah dan berkesan untuk menangani ketidakjujuran tersebut. Anak-anak hendaklah diajar bahawa dengan adanya kuasa datanglah tanggungjawab dan dengan adanya tanggungjawab adanya kepercayaan. Untuk anak-anak membina kepercayaan ibu bapa, mereka perlu belajar bagaimana orang lain mendapat kepercayaan ibu bapa mereka dan perlakuan apa yang menyebabkan rasa tidak percaya timbul.

Memperoleh kepercayaan adalah proses yang berterusan. Walaupun anak-anak mempunyai perhubungan yang baik dengan ibu bapa mereka, adakalanya perkara yang tidak baik boleh berlaku. Ini menyebabkan ibu bapa berasa ragu untuk mempercayai anak-anak mereka lagi. Meskipun

begitu, apa yang penting adalah mereka kekal yakin! Mereka perlu bersabar.

Ibu Bapa Perlu Mempercayai Anak-anak Tetapi Pastikan Keberadaan Mereka!

Ibu bapa boleh mempercayai anak-anak apabila mereka keluar tetapi dalam masa yang sama, mereka hendaklah memastikan di mana anak mereka berada. Ibu bapa perlu tahu di mana anak mereka dan dengan siapa mereka berada. Ini boleh dilakukan tanpa perasaan tidak percaya atau keperluan melalui penapisan. Ibu bapa tidak sepatutnya mengandaikan bahawa apabila mereka meninggalkan anak mereka di sekolah pada waktu pagi, mereka akan tetap berada di sekolah sepanjang hari. Ada anak yang melarikan diri dari sekolah tanpa pengetahuan guru atau ibu bapa. Ibu bapa perlu memeriksa keadaan anak-anak dari semasa ke semasa (melalui rekod sekolah, kawan-kawan dan jiran mereka secara langsung mahupun tidak langsung). Beberapa orang kanak-kanak mendapat masalah dengan melarikan diri semasa waktu persekolahan dan melakukan jenayah. Pemeriksaan bilik dan pakaian mereka dari semasa ke semasa juga penting untuk memastikan mereka tidak terjebak dengan dadah atau kegiatan mencuri. Jelaskan kepada anak-anak apa yang anda lakukan dan alasannya.



Layan orang lain seperti siapa mereka sepatutnya jadi dan anda boleh membantu mereka menjadi apa yang mereka mampu jadi.

(Johann Wolfgang Von Goethe)

Percaya pada orang lain dan mereka akan bersikap benar kehadamu. Layan mereka dengan hebat dan mereka akan menunjukkan bahawa mereka hebat.

(Ralph Waldo Emerson). (Exley 1997)

Prinsip-prinsip Umum

Berikut adalah beberapa perkara yang penting untuk diperhatikan apabila menangani anak-anak:

- **NILAI-NILAI KELUARGA**

Anak-anak mesti faham bahawa berbohong adalah perbuatan yang tidak beretika dan tidak bermoral. Tunjukkan kepada mereka bahawa berbohong akan membawa akibat-akibat yang negatif. Asuh mereka dengan kejujuran dan sifat amanah melalui perkataan dan perbuatan. Ibu bapa perlu untuk berbincang dengan anak-anak mereka tentang ketidakjujuran. Kongsi contoh-contoh ketidakjujuran yang sesuai dengan umur mereka. Masukkan polisi "kebenaran" dalam senarai nilai keluarga. Berikan anak-anak definisi kebenaran dan kepercayaan yang boleh difahami dan dipatuhi mereka.

- **CONTOH IKUTAN**

Ajar tentang kejujuran kepada anak-anak. Jangan berbohong tentang di mana anda berada, jangan mencuri dari tempat kerja anda dan jangan menipu penyata cukai anda dan pasangan anda.

Ibu bapa perlu bertanya kepada diri mereka, "Apa mesej yang sedang diberikan?" Penting

untuk menghindari ketidakjujuran terutama di hadapan anak-anak. Ibu bapa tidak sepatutnya berbohong tentang umur anak-anak seperti "Berikan tiket kanak-kanak. Umurnya baru 11 tahun." Ibu bapa tidak sepatutnya meminta anak-anak untuk berbohong bagi pihak mereka seperti "Beritahu nenek yang ibu sedang mandi." Ibu bapa hendaklah berusaha untuk memberikan komitmen.

Menepati masa, lakukan apa yang mereka katakan dan hanya berjanji perkara yang mereka pasti boleh ditunaikan terutamanya jika berkaitan dengan anak-anak mereka. Sekiranya situasi berubah di luar kawalan ibu bapa, berikan penjelasan dan berusaha untuk tidak membuat alasan dan menyalahkan orang lain. Jangan bermain dengan kata-kata seperti ahli politik yang mengatakan, "Saya berjanji tetapi saya tidak berjanji untuk menunaikan janji saya."

- **AJARI MEREKA PERBEZAAN ANTARA BOHONG SUNAT, BOHONG JAHAT DAN BOHONG PALSU YANG LAIN**

Penting untuk dijelaskan kepada anak-anak tentang perbezaan antara pembohongan jahat yang menyakitkan dengan sesuatu yang diberitahu untuk menjaga suasana. Walaupun orang menafikan bahawa mereka berbohong, semua orang sebenarnya pernah berbohong. Apa maksudnya dengan memberitahu jiran kita dia seorang yang hodoh? Atau memberitahu posmen yang bertanya khabar kepada seseorang, bahawa seseorang itu sedang dalam kesusahan dan memerlukan bantuan ahli psikologi? Kadangkala kita berbohong kerana hendak memberi penghormatan. Ajari anak-anak bagaimana untuk membezakan antara pembohongan, berlebih-lebihan, bercerita, metafora dan penipuan.

- **AJARKAN PERBEZAAN ANTARA FANTASI DAN REALITI**

Kenal pasti perbezaan antara apa yang sebenarnya dengan apa yang tidak. Bincangkan mimpi selepas tidur dengan anak anda. Bincangkan apa yang ada dalam filem dan apa yang sebenarnya di luar filem. Juga bincangkan apa yang ada di dalam cerita dan apa yang sebenar-benarnya berlaku.

- **BERI GANJARAN KERANA KEJUJURAN**

Sekiranya anak-anak sukar untuk memberitahu perkara yang benar, penting untuk memuji mereka setiap kali mereka berkata benar. Mereka suka pada perhatian. Jadi, kejujuran perlu digalakkan walaupun mungkin menyebabkan mereka berada dalam kesulitan. Ibu bapa perlu memuji usaha yang jujur dan tunjukkan contoh yang baik pada bila-bila masa yang mungkin sambil meluahkan rasa kecewa atas ketidakjujuran.

- **MINTA IZIN SEBELUM MENGAMBIL SESUATU**

Ibu bapa boleh membuat peraturan di dalam rumah iaitu semua orang mesti meminta izin sebelum mengambil sesuatu yang menjadi kepunyaan orang lain di dalam rumah. Ini mengajar anak-anak supaya mengambil berat tentang barang yang menjadi milik orang lain dan menghormati barang orang lain. Ia juga mengajar mereka bahawa mencuri daripada orang lain adalah salah.

- **SELESAIKAN MASALAH SEBELUM TIMBUL**

Kepuasan yang dapat dinikmati dengan segera telah menjadi masalah serius sehingga menyebabkan banyak orang mempunyai wang

simpanan yang sedikit, terlebih berat badan dan sukar menolak pembelian yang tidak perlu. Begitu juga dengan anak-anak yang sukar untuk menangguhkan keinginan dan mengakui kesilapan mereka. Didik anak untuk mengakui kesilapan dan menangguhkan kepuasan. Anak-anak tidak perlu mencuri sebelum mereka belajar tentang akibat-akibat buruk daripada perbuatan mencuri. Bincang bersama anak-anak perlakuan yang tidak boleh diterima sebelum mereka melakukannya.

• ANAK-ANAK YANG LEBIH TUA

Sekiranya ibu bapa mempunyai anak yang lebih tua yang selalu berbohong dan tidak jujur, bantuan profesional diperlukan. Banyak orang dewasa telah berbohong ketika remaja kerana mahukan privasi. Remaja selalunya tidak bersedia untuk berkongsi rahsia dengan ibu bapa dan ini boleh difahami. Itulah masanya mereka berubah dengan cepat dan bergelut dengan idea tentang kedewasaan walaupun mereka masih dianggap sebagai kanak-kanak oleh kebanyakan orang. Itulah masanya apabila menyimpan rahsia dianggap perkara biasa. Privasi perlu dihormati. Walau bagaimanapun, harapan ibu bapa juga mesti dihormati oleh remaja. Akibat-akibat berbohong mesti diterangkan dengan jelas dan dipersetujui bersama. Remaja mesti memahami akibat-akibat ketidakjujuran. Sekiranya remaja anda berkawan dengan remaja yang juga berbohong, pisahkan mereka dan halang mereka daripada berkawan.

Anak-anak mesti diajar tentang pentingnya kepercayaan dalam perhubungan termasuk kepercayaan yang mesti ada dalam diri mereka. Jadi, mereka tidak sepatutnya diletakkan dalam keadaan yang

menbenarkan berlakunya penipuan atau perbuatan membesar-besarkan sesuatu perkara (contohnya perjudian, permainan palsu, pemasaran pelbagai tingkat dan jualan bertekanan tinggi). Mereka juga tidak boleh dipersalahkan kerana berbohong kecuali memang jelas mereka bertanggungjawab terhadap situasi yang terjadi. Perbincangan tentang ketidakjujuran sepatutnya diadakan secara tertutup supaya anak-anak tidak takut untuk bercakap benar.

Mengintegrasikan Karakter dengan Pandangan Umum Sarwajagat

Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

(Surah as-Saff: ayat 2-3)

**Pamerkan definisi kejujuran,
sifat amanah dan penunaian janji
di dalam rumah anda**

Masukkan nilai-nilai seperti jujur dan amanah ke dalam perbincangan tentang pelbagai topik (seperti politik, agama, sejarah, sains, sastera, bahasa dan matematik). Contohnya, adakah kemampuan matematik seorang pegawai bank untuk menyembunyikan kecurian mempunyai apa-apa kaitan dengan etika? Adakah ahli sains mempunyai tanggungjawab etika untuk menggunakan penemuan mereka demi kepentingan seluruh manusia? Adakah semua orang yang dinyatakan dalam sejarah itu beretika? Adakah semua karakter dalam sastera dramatic merupakan orang-orang yang berintegriti?

Berbohong adalah masalah yang serius yang tidak boleh diabaikan dan hendaklah ditangani dengan segera tetapi bijaksana. Berbohong sangat berbahaya sehingga Rasulullah ﷺ menyatakan seperti berikut:

Rasulullah ﷺ ditanya, "Bolehkah seorang yang beriman itu menipu? Baginda menjawab, "Seorang yang beriman itu tidak pernah menipu."

(Kanz al-Ummal)

Hampir semua perbuatan berkata benar yang ada di dunia ini dilakukan oleh kanak-kanak.

(Oliver Wendell Holmes di Brown 1994)

**Seorang anak berusia 9 tahun berkata:
Memang susah untuk berbohong
jika awak melihat ke dalam mata ibu awak!**



Walaupun bayi dilahirkan dengan sifat jujur, mereka biasanya akan belajar berbohong secara sedar dan tidak sedar, daripada tingkah laku ibu bapa dan adik-beradiknya. Berbohong adalah perlakuan yang dipelajari bukan sifat yang diwarisi. Sedikit demi sedikit, kanak-kanak belajar untuk berbohong dan ia menjadi sebahagian daripada karakter mereka. Para remaja selalu memilih untuk berbohong bagi menjustifikasi kesalahan mereka, menutup rahsia mereka dan mengelakkan situasi yang memalukan. Lebih banyak mereka berbohong, lebih kuat pembohongan akan berakar umbi dalam karakter mereka. Penipuan membiakkan penipuan, seperti kejujuran membiakkan kejujuran sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis Rasulullah ﷺ:

Kebenaran membuatkan kebaikan dan kebaikan membawa ke Syurga. Seorang lelaki menyatakan kebenaran sehingga dia direkodkan sebagai orang yang benar. Penipuan membuatkan maksiat dan maksiat membawa ke Neraka. Seorang lelaki menyatakan perkara penipuan sehingga dia direkodkan sebagai penipu.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Mengapa Anak Berbohong: Bagaimana Merawat Pembohongan

Berikut merupakan sebahagian alasan mengapa kanak-kanak berbohong:

- Mereka mahu mengelakkan hukuman
- Mereka menuntut sebagai pemilik ke atas barang orang lain
- Mereka menganggap seperti diabaikan, ditinggalkan dan dibiarkan

- Mereka mahu menunjuk-nunjuk tentang diri mereka kepada kawan-kawan, menegaskan apa yang bukan diri mereka
- Mereka mahu menuntut pengiktirafan untuk perkara-perkara yang tidak pernah dilakukan mereka
- Mereka menganggap bahawa berbohong dibenarkan kerana ibu bapa mereka juga berbohong

Alasan utama kanak-kanak berbohong adalah untuk melepaskan diri daripada hukuman. Mereka banyak termotivasi sama ada dengan kesenangan atau kesakitan. Sedapat yang mungkin, ibu bapa harus mendidik anak-anak mereka untuk mengakui kesalahan mereka dan memohon maaf. Sekiranya anak mereka mengambil sesuatu daripada kedai tanpa membayarnya, ibu bapa patut memastikan anak itu memulangkannya dan menemui pengurus kedai secara langsung dan meminta maaf.

Sekiranya anak-anak sudah terbiasa dengan perbuatan berbohong, ibu bapa perlu menyiasat penyebabnya. Anak-anak selalu terlibat dengan pelbagai aktiviti yang mereka tidak mampu untuk mengikutinya dan tekanan untuk melaksanakannya terlalu tinggi. Mereka mungkin berbohong kerana mereka tidak mampu mengendalikan tekanan tersebut. Anak-anak yang lain mungkin berbohong kerana mereka bosan atau berasa tidak mendapat perhatian yang cukup. Kanak-kanak yang mendapat perhatian kerana bercerita berlebih-lebihan atau cerita yang tidak benar, mungkin akan terus melakukan sedemikian bagi mendapatkan perhatian.

Memerhatikan tingkah laku anak termasuk masa dan tempat di mana mereka banyak berbohong mungkin membantu untuk

menentukan sama ada wujud masalah yang serius. Mungkin anak-anak hanya berbohong semasa mereka asyik bermain atau ketika mereka melakukan sesuatu yang nakal atau ketika mereka bersama rakan-rakan dan cuba untuk menjadi pusat perhatian. Setiap peristiwa ini memerlukan respons yang berbeza.

Pembohongan perlu dihentikan mulai pembohongan yang pertama. Orang yang membesar dengan berbohong akan hidup dalam penderitaan. Anak-anak perlu diajar bahawa ketidakjujuran sudah semestinya tidak dapat diterima. Jangan menghukum anak kerana kesilapannya sekiranya dia bercakap benar. Bagaimanapun, dia harus diberikan akibat untuk apa yang telah dilakukannya. Contohnya, sekiranya dia menyakiti budak lain, dia hendaklah dibawa kepada ibu bapa budak itu dan disuruh untuk meminta maaf. Sekiranya mereka ditangkap menipu ujian di sekolah, mereka mesti digagalkan serta-merta. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka memberitahu perkara yang sebenarnya, maka hukuman secara langsung tidak patut diberikan. Ibu bapa tidak seharusnya merespons dengan kemarahan yang beremosi dan tidak panik apabila mereka memberitahu perkara yang benar. Ibu bapa perlu bertindak balas dengan rasional dan menangani masalah tersebut dengan bijaksana.



- “Tali pembohongan itu pendek”
- Pembohongan membuatkan orang kurang mempercayai anda dan mereka berasa dikhianati dan dimanipulasi
- Apabila anda memberitahu perkara yang benar, anda akan selamat. Anda tidak perlu mengingati apa yang telah anda katakan dan anda tidak melupai apa yang telah anda katakan.
- Kejujuran akan mendatangkan kuasa yang akan membawa anda ke arah kejayaan yang lebih besar. Apabila anda berbohong, akan ada kuasa yang menolak anda ke arah kegagalan.

Perkara ini menyebabkan tercapainya dua matlamat penting. Pertama, ia memastikan garis komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak terbuka luas. Mereka akan diberi ganjaran kerana berlaku benar memandangkan pembohongan terjadi kerana takut akan hukuman.

Kedua, kerana perhubungan baik yang dibina antara ibu bapa dan anak (dengan perbualan, kepercayaan dan kasih sayang), anak-anak mahu mengelak daripada mengecewakan ibu bapa mereka. Perhubungan cinta antara mereka secara semula jadinya akan mempunyai kesan “menangkap” dan “meluruskan” tingkah laku mereka. Ibu bapa tidak perlu takut jika peraturan “tiada hukuman untuk kebenaran” akan bertukar menjadi tingkah laku yang melulu. Kasih sayang antara mereka akan menyediakan banyak kawalan.

Rawatan untuk pembohongan diberikan di dalam buku *al-Khuluq al-Kamil* (Akhlak yang Sempurna) tulisan Muhammad Jad Almawla (2004 dalam bahasa Arab) seperti berikut:

- Sekiranya kanak-kanak itu berbohong kerana terlalu banyak bercakap, arahkan mereka untuk berdiam diri.

- Sekiranya kanak-kanak itu berbohong kerana dia takut pada hukuman yang kejam, berbuat baik dan berbelas kasihan kepadanya.
- Sekiranya dia berbohong kerana tamak atau mahu mendapatkan sesuatu, jangan halang dia daripada mendapat sesuatu yang dia mahukan.
- Sekiranya dia berbohong untuk mempermainkan dan memperbodoh orang lain, maka hukumlah dia.
- Sekiranya dia berbohong kerana pengaruh kawan-kawan yang nakal, carikan kawan yang lebih baik untuknya.
- Hadapi dia dengan kebalikan daripada apa yang ingin dicapai melalui pembohongannya.

Para remaja perlu diingatkan bahawa berbohong adalah sesuatu yang memalukan dan ia berlawanan dengan kebaikan, kejujuran, keadilan dan penghormatan. Ibn Khaldun menasihati kita:

Penuhi kehidupan anak-anak dengan belas kasihan dan keprihatinan. Sebaik-baik sahaja orang lain menemui ketidakjujuran, mereka akan hilang kepercayaan mereka terhadap anda dan tidak lagi menyukai anda.



Apabila ibu bapa meminta anak-anak mereka bercakap benar tanpa mengira situasi, ibu bapa sendiri mesti bercakap benar supaya mereka dilihat jujur dan dianggap sebagai orang yang berintegriti. Warganegara yang benar dan jujur memperoleh penghormatan, kerjasama dan kepercayaan orang lain.

Ceritakan kepada Anak-anak Kisah yang Beriktibar

Syiekh Abd al-Qadir al-Jailani dari Baghdad menceritakan: "Saya berjanji kepada ibu saya untuk sentiasa bercakap benar. Saya meninggalkan Makkah dan pergi ke Baghdad untuk menuntut ilmu. Ibu memberi saya 40 dinar untuk perjalanan tersebut. Sekumpulan penyamun menyerang kafilah kami berdekatan dengan Hamdan. Seorang penyamun bertanya kepada saya, "Berapa banyak duit yang kamu ada?" Saya memberitahunya, "40 dinar." Dia meninggalkan saya kerana berfikir saya hanya berjenaka. Kemudian, penyamun kedua bertanya sekali dan saya memberitahunya 40 dinar. Dia membawa saya kepada ketuanya yang bertanya kepada saya, "Mengapa kamu memberitahu perkara yang sebenar?" Saya menjawab, "Saya telah berjanji kepada ibu saya untuk sentiasa bercakap benar dan saya tidak mahu melanggar janji itu." Ketua penyamun ketakutan. Dia panik dan menjerit, "Kamu takut untuk melanggar janjimu kepada ibumu dan saya tidak takut melanggar janji saya kepada Tuhan?" Dia mengarahkan ahli kumpulannya memberikan semua barang kami dan berkata, "Saya akan bertaubat kepada Allah di tangan kamu." Ahli-ahli kumpulannya menjawab, "Anda ketua kami dalam menyamun. Hari ini anda adalah ketua kami dalam bertaubat." Mereka semua bertaubat hasil daripada rahmat kerana bercakap benar." Ibu bapa: Ini adalah cerita beriktibar tanpa mengira keasliannya. Moral cerita ini untuk anak-anak adalah kejujuran boleh menyelamatkan anda dan orang lain juga.

Cara Nabi Menangani Pembohongan

1) *Seorang pemuda datang kepada Rasulullah ﷺ dan berkata: "Wahai Rasulullah ﷺ, saya tidak solat, saya berzina dan saya berbohong. Apakah yang patut saya tinggalkan dahulu untuk bertaubat?" Rasulullah ﷺ bersabda, "Berbohong." Jadi, pemuda itu berjanji untuk tidak berbohong. Kemudian, selepas dia pergi, dia cuba untuk berzina tetapi dia berkata kepada dirinya, "Rasulullah ﷺ mungkin akan bertanya adakah saya telah melakukan dosa. Jika saya mengatakan tidak, saya telah berbohong dan jika saya mengatakan ya, saya akan dihukum atas dosa saya."*

(Tibrisi 1991)

Apabila anda menghindari pembohongan yang merupakan dosa besar, anda juga menghindari dosa dan maksiat lain.

2) Bercakap benar adalah isu yang serius walau dalam situasi yang kelihatan remeh. Rasulullah ﷺ memberi arahan berikut:

Barangsiapa yang menyuruh seorang anak kecil datang dan mengambil gula-gula daripada genggaman tangannya tetapi tidak memberinya apa-apa dianggap telah berbohong.

(Ahmad)

Rasulullah ﷺ juga bersabda:

Orang yang paling teruk adalah dalam dua muka. Dia memperlihatkan satu wajah kepada seseorang dan memperlihatkan wajahnya yang lain kepada orang yang lain pula.

(Al-Bukhari)

Jujur dan amanah sebagai tambahan kepada cinta dan keberanian adalah sifat-sifat karakter yang ditemui dalam diri anak-anak yang membawa kebahagiaan kepada ibu bapa mereka.

MEMUPUK KEBERANIAN

Keberanian adalah bahagian penting kepada perkembangan karakter kanak-kanak. Keberanian adalah menghadapi dan menangani secara langsung apa sahaja perkara yang berbahaya, sukar atau menyakitkan (berbanding dengan melarikan diri daripadanya). Kualiti orang yang berani meliputi pelbagai elemen: kehandalan, keberanian, ketegasan dan kepahlawanan.

Keberanian mesti digalakkan pada kanak-kanak kecil. Kita boleh mengasuh kualiti seperti keberanian dengan memperkuuh harapan, menjangkakan kejayaan dan menggalakkan impian bahawa kanak-kanak mempunyai kebolehan untuk menjadi apa-apa yang diingini oleh mereka.

Kita boleh mengajar kanak-kanak untuk mengawal keadaan dengan tetap tenang, peduli dan tidak panik.

Ibu bapa boleh mengasuh kepahlawanan (didefinisikan sebagai keberanian yang diangkat kepada kemuliaan) dengan mengambil berat, menyelamatkan dan menghormati orang lain.

Berikut adalah definisi tingkah laku bagi keberanian:

- 1) Berdiri teguh untuk apa yang benar walaupun terpaksa bersendirian.
- 2) Tolak tekanan rakan sebaya yang negatif
- 3) Cuba berbuat sesuatu walaupun anda bimbangkan gagal atau melakukan kesilapan
- 4) Luahkan pendirian anda walaupun sebahagian orang mungkin tidak menyukainya

Sebahagian situasi paling lazim yang memerlukan keberanian dalam diri kanak-kanak adalah:

- 1) Bercakap benar walaupun ia menyebabkan anda berada dalam keadaan sukar
- 2) Menangani pembuli
- 3) Menangani tekanan rakan sebaya
- 4) Memulakan persekolahan
- 5) Menjadi seseorang yang berbeza (bagi anak perempuan Muslim, memakai tudung atau bagi anak lelaki Muslim, memakai kopiah)
- 6) Mencapai sesuatu yang lebih baik daripada pencapaian sebelumnya
- 7) Menyatakan pendapat yang tidak popular.

Bagaimanapun, terdapat situasi apabila keberanian menjadi keangkuhan seperti tidak taat kepada ibu bapa, guru-guru, peraturan dan undang-undang. Tergopoh-gapah dan melawan secara tidak rasional terhadap adat resam dan agama juga tidak digalakkan. Sangat penting untuk tidak terkeliru dengan pelbagai budaya daripada pelbagai negara kerana sebahagian adat resam memang bertentangan dengan undang-undang Islam. Contoh, perkahwinan paksa, memberi hak penjagaan anak secara automatik kepada ayah tanpa mengambil kira tingkah lakunya, menafikan hak anak-anak (terutamanya anak perempuan) dalam pendidikan dan menafikan hak pewarisan kepada kaum wanita adalah perlanggaran kepada undang-undang Islam. Wanita dan anak-anak perempuan diasingkan di suatu tempat manakala golongan lelaki dan kanak-kanak lelaki boleh pergi ke mana sahaja, pada bila-bila masa dan dengan siapa mereka suka tanpa ditemani dan hukuman ke atas kaum wanita dan anak-anak perempuan kerana sedikit syak wasangka adalah juga dilarang dalam Islam. Kebanyakan amalan ini telah disalah

anggap sebagai "agama". Bagi ibu bapa untuk memaksa anak-anak mereka bercakap bohong dan berlaku tidak jujur juga adalah salah.

Kenyataan Keberanian

Nabi Muhammad ﷺ telah bersabda:

"Penghulu para syahid adalah Hamzah ibn Abd al-Muttalib (bapa saudara Nabi ﷺ) dan lelaki yang berani berhadapan dengan pemerintah yang zalim berkata benar dan kemudian pemerintah itu membunuhnya."

(al-Nisaburi 1990)

Apabila Hamzah memeluk Islam, beliau mencabar penyembah-penyeimbah berhala untuk menyakiti Nabi. Beliau memperoleh gelaran "Penghulu Para Syahid" apabila beliau terbunuh dalam perang akibat diserang dari belakang oleh seorang lelaki pengecut. Beliau adalah lelaki yang sangat berani.

- "Keberanian adalah nilai yang terutama daripada segala nilai kerana sekiranya anda tidak berani anda tidak mempunyai peluang untuk menggunakan apa-apa nilai lain." (Samuel Jackson)
- Thomas Jefferson berkata, "Hanya seorang sahaja dengan keberanian adalah majoriti."
- Anda tidak akan menemui benua baru tanpa melihat tanahnya.
- Kejadian akan bermaharajalela selagi orang-orang baik tidak bertindak berani.

Prinsip-prinsip Asas Keberanian dan Ketakutan

Perkataan lawan bagi berani adalah takut iaitu salah satu naluri paling asas bagi manusia. Takut adalah reaksi tindak balas yang dipelajari atau respons protektif naluri. Ibu bapa hendaklah memerhatikan ketakutan tetap dan ketakutan



tidak tetap yang mungkin ada pada anak. Ketakutan tidak tetap datang dan pergi (ia boleh berada dalam diri untuk tempoh tertentu dan kemudian ia mulai pudar). Ini dianggap normal. Ketakutan tetap pula sentiasa berada dalam diri atau boleh bertambah teruk. Tidak normal bagi anak-anak untuk mempunyai ketakutan tetap pada kapal terbang, ketinggian, anjing, labah-labah dan tempat-tempat sesak. Ketakutan tetap memerlukan kesabaran yang tiada had untuk membolehkannya diatasi dan mungkin memerlukan rawatan profesional. Ketakutan yang sihat adalah sebahagian daripada kehidupan setiap hari kerana ia membantu orang dewasa dan anak-anak merespons segera perkara yang berbahaya. Sebahagian ketakutan yang sihat adalah takut pada ular berbisa, kebakaran dan asid hidroklorik yang disalah guna. Ketakutan menjadi tidak sihat apabila ia menghalang seseorang daripada melakukan aktiviti seharian.

Berikut adalah sedikit cadangan untuk membantu anak-anak menangani ketakutan:

- Ibu bapa perlu memuji percubaan anak-anak mereka. Apabila anak-anak membuat percubaan, mereka patut dipuji atas usaha mereka walaupun tidak berjaya. Yang paling penting adalah memuji keberanian moral iaitu tidak mengikut orang-orang yang membuat perkara yang tidak betul atau bercakap benar apabila berbohong lebih mudah.

- Penggalak keberanian terbaik adalah contoh daripada ibu bapa. Apabila ibu bapa memperlihatkan keberanian, anak-anak akan mengikutinya. Anak-anak adalah peniru yang bersemangat kerana mereka mahu berkelakuan seperti orang dewasa khasnya ibu bapa mereka sendiri. Selalunya, ketakutan anak-anak adalah sama seperti ketakutan ibu bapa mereka.
- Ibu bapa perlu menjelaskan perbezaan antara keberanian (kualiti terpuji) dan “kelantangan” atau “suka menunjuk-nunjuk”. Ibu bapa tidak sepatutnya keliru antara kurang berani, malu dan mengalah. Anak-anak perlu diajar untuk mempertahankan hak mereka dan juga hak orang lain. Ibu bapa boleh memberi penjelasan kepada mereka tentang “keberanian senyap” iaitu keberanian untuk mengatakan “Tidak” pada perkara yang salah.
- Ibu bapa mesti mewujudkan suasana penerimaan dan hormat di dalam rumah. Anak-anak memerlukan tempat yang selamat untuk meluahkan ketakutan mereka secara terbuka. Apa-apa ketakutan adalah perkara yang benar kepada anak-anak, tidak kira bagaimana tidak munasabah pun kepada orang dewasa. Ibu bapa perlu mengelakkan persendaan atau mengabaikan ketakutan anak-anak. Anak yang penakut tidak patut dimalukan, dihukum atau terlalu dilindungi.
- Rutin harian yang konsisten dan boleh dijangka mewujudkan perasaan bahawa mereka mempunyai kuasa dan kawalan. Ketakutan anak-anak selalunya timbul daripada kurang informasi tentang apa yang sedang berlaku dalam kehidupan mereka. Apabila perubahan dalam sesuatu rutin diperlukan, perbincangan awal akan membantu anak-anak bersedia untuk perubahan itu.

Lawatan, pelawat atau latihan kebakaran

boleh menjadi sesuatu yang menakutkan kepada anak-anak kerana mereka tidak tahu apa yang hendak dijangkakan.

Minta mereka untuk menceritakan apa yang mereka fikir akan berlaku dan selepas peristiwa itu berlaku, bincangkan bersama-sama tentang peristiwa itu dan pengalaman mereka. Perkataan-perkataan seperti “takut”, “bimbang” dan “risau” boleh digunakan untuk memperkatakan perasaan anak-anak.

● Jangan memaksa anak-anak untuk menghadapi sesuatu yang ditakuti mereka atau sebelum mereka bersedia. Apabila mereka kelihatan mampu untuk mengendalikannya, galakkan mereka secara lembut untuk berhadapan dengan ketakutan itu melalui pendedahan sedikit demi sedikit tentang apa yang ditakuti. Contohnya, jika anak takut kepada bunyi penyedut sampah mereka boleh menyentuhnya apabila ia ditutup atau seseorang membuka suisnya sementara ibu bapa memegang dan menenangkan anak. Membiarakan anak memutuskan bila dia hendak meletakkan mukanya ke dalam air ketika berenang dapat memberikannya perasaan boleh mengawal dan mengurangkan ketakutan.





- Tidak menunjukkan keimbangan yang berlebihan apabila anak-anak anda terganggu perasaannya. Anda mungkin secara tidak sengaja mengukuhkan ketakutan mereka, memberi gambaran bahawa ada asasnya untuk berasa takut.

Anak-anak boleh diberi informasi yang sesuai dengan umur mereka dalam nada yang tenang dan menyamankan.

Contohnya, ibu boleh berkata, "Bunyi itu sangat kuat, bukan? Itu ambulans. Ia tentu dalam perjalanannya untuk membantu seseorang."

- Anak-anak perlu diingatkan dengan kebaikan dan belas kasihan tentang perkara-perkara yang tidak lagi menakutkan mereka. Ini akan memberdayakan mereka untuk menangani ketakutan yang lain.

- Bantu anak-anak memahami ketakutannya. Contohnya, "Bunyi bising seperti bunga api dan guruh boleh menakutkan." "Anjing menyalak kerana itulah caranya bercakap dan kadangkala bunyinya kuat apabila anjing itu gembira melihat seseorang." Jangan mengharapkan ketakutan anak akan hilang semalam, bersabarlah.

Anak-anak memahami secara literal apa yang mereka dengar seperti "Polis akan menangkap awak kalau awak tidak duduk di kerusi", atau apabila orang asing berkata, "Awak ini comellah. Saya muhu bawa awak balik ke rumah." Kematian tidak sepatutnya digambarkan sebagai tidur kerana anak-anak mungkin takut untuk tidur. Atau anak-anak tidak sepatutnya diberitahu mereka akan menjadi budak besar apabila mereka tidak lagi takut. Ini meletakkan tekanan yang berat kepada anak.



Memahami Perkembangan Ketakutan Anak

UMUR	KETAKUTAN PALING BIASA PADA PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK
6 bulan	Orang asing
8 bulan	Berpisah daripada ibu bapa, jatuh
1 tahun	Berpisah daripada ibu bapa, bunyi bising, haiwan, doktor, mandi
2 tahun	Berpisah daripada ibu bapa, latihan tandas, waktu tidur, doktor, mandi
3 tahun	Kehilangan ibu atau bapa, latihan tandas, waktu tidur, raksasa dan hantu, orang yang kelihatan berbeza daripada ahli keluarga [seperti orang cacat, berjanggut, berbeza warna kulit atau pakaian]
4 tahun	Bunyi bising, haiwan, waktu tidur, raksasa dan hantu, orang yang kelihatan berbeza daripada ahli keluarga, kehilangan, kematian atau perceraian ibu atau bapa
5 tahun	Bunyi bising, haiwan, raksasa dan hantu, hilang, pergi ke taska, cedera, kehilangan, kematian atau perceraian ibu bapa

Dianggap normal bagi anak-anak kecil untuk takut pada sesuatu perkara, sama ada guruh, anjing, lebah, kegelapan atau perkara-perkara imaginasi seperti raksasa hodoh di bawah katil. Ketakutan adalah perkara biasa khususnya pada anak daripada usia tiga hingga enam tahun kerana kemampuan anak untuk berfikir dan mengingat perkara-perkara yang menakutkan semakin bertambah. Sebahagian tabiat anak-anak membuatkan mereka menjadi lebih penakut secara semula jadi berbanding dengan yang lain. Apabila ibu bapa menenangkan ketakutan anak, mereka membantu anak untuk berasa selamat. Perasaan selamat ini memberi kekuatan yang diperlukan untuk mereka menghadapi dan menguasai ketakutan.

Bayi takut kepada bunyi-bunyi yang kuat, orang asing dan perpisahan daripada ibu bapa.

Anak tetih takut akan orang asing, perpisahan dengan ibu bapa dan perkara-perkara yang tidak diketahui oleh mereka.

Seiring dengan imaginasi mereka yang semakin bertambah, anak-anak prasekolah dan yang sudah bersekolah takut pada kegelapan, kecederaan, haiwan, keadaan ditinggalkan sendirian dan kematian. Sebagai tambahan kepada ketakutan-ketakutan ini, anak-anak yang lebih besar yang sudah bersekolah, bimbang mereka tidak dapat memenuhi harapan ibu bapa dan guru-guru. Semasa remaja, mereka selalu bimbang tentang perperangan nuklear, bencana alam dan keganasan teroris.

Anak-anak mungkin takut pada perkara-perkara yang paling tidak dapat dibayangkan oleh mereka. Contohnya, apabila anak-anak mula berjalan dan memahami bahawa mereka boleh meninggalkan ibu mereka, mereka sedar yang ibu boleh meninggalkan mereka juga. Atau ada air yang mengalir di longkang (atau tandas), jadi mereka mungkin boleh hilang di dalam longkang juga. Persekutaran anak seperti tempat-tempat yang asing, orang ramai dan bayang-bayang

daripada lampu malam boleh menambahkan ketakutan mereka.

Apabila ketakutan anak jelas berlebih-lebihan dan mengganggu kehidupan mereka, ibu bapa patut mempertimbangkan untuk mendapatkan bantuan profesional. Semasa membuat keputusan ini, ibu bapa perlu bertanya kepada mereka soalan-soalan berikut. Berapa lama ketakutan itu telah berlanjutan? Adakah ketakutan itu membahayakan mereka? Adakah ketakutan itu mengganggu perlakuan normal atau hubungan mereka? Adakah ketakutan itu menghalang anak-anak daripada bermain dan tidur?

Anak-anak Perlu Belajar tentang Keberanian Emosi dan Keberanian Fizikal

Keberanian emosi adalah apabila kita tidak takut untuk mengatakan sesuatu, menulis sesuatu atau melakukan sesuatu yang emosional (seperti menangis). Keberanian emosi adalah keberanian sebenar dan sumber kekuatan dalam hidup. Filem-filem popular yang ditujukan kepada anak lelaki nampaknya hanya mengiktiraf satu jenis keberanian sahaja iaitu berhadapan dengan musuh yang secara fizikalnya lebih besar. Kerelaan berlawan dengan musuh, mengalahkan haiwan yang lebih besar, mengalahkan raksasa asing dan bersemuka dengan penjahat dengan pistol adalah cara-cara yang dipaparkan oleh pihak media untuk menunjukkan keberanian lelaki. Anak-anak lelaki memerlukan model keberanian emosi. Mereka perlu melihat keberanian di dalam keluarga mereka dan dalam kehidupan orang-orang di sekeliling mereka. Masyarakat perlu menyediakan model “kepahlawanan” yang melebihi kekuatan otot.

Walaupun banyak orang dewasa menunjukkan keberanian emosi dalam kehidupan kerjaya dan peribadi mereka, jarang yang membenarkan anak menyaksikan detik-detik peribadi tentang suara nurani atau keberanian mereka.

Kita perlu memperkatakan perkara ini. Ibu bapa patut memuji keberanian emosi mereka yang mempamerkan keberanian untuk berucap, aktif walaupun kurang upaya, belajar bahasa baru dan membantu apabila lebih mudah untuk berbuat sebaliknya. Apabila keberanian emosi diberi perhatian dan dibentuk, pandangan yang positif akan terbentuk pada anak-anak.

Dimensi lain bagi keberanian moral adalah keberanian mengawal emosi dan perkataan apabila marah. Perkara ini bertentangan dengan kekuatan fizikal seperti yang dijelaskan oleh Nabi Muhammad ﷺ :

Orang yang kuat bukan orang yang pandai beradu tetapi yang mengawal dirinya ketika marah.

(Al-Bukhari).

Antara Keberanian dengan Kepatuhan

Ramai orang dewasa menceritakan bagaimana respons ketakutan mereka berkembang semasa kecil apabila ibu bapa dan guru-guru menggunakan taktik ugutan dan helah. Anak-anak diajar bahawa mereka lebih baik menurut “atau kalau tidak!” dan mereka diaibkan secara terbuka, diugut dan dimalukan jika tidak patuh pada apa yang orang lain mahu mereka lakukan. Anak-anak perlu menuruti kehendak orang dewasa secara membuta tuli. Mereka diberitahu: “Anak-anak perlu dilihat bukan perlu didengar!” atau “Diam, kalau tidak saya akan buat awak menyesal!”

Kenyataan-kenyataan ini mencipta ketakutan dan memusnahkan keberanian. Anak-anak yang berasa takut dan tidak selamat memerlukan "keselamatan" dengan tetap bertahan dalam pekerjaan atau persahabatan yang tidak sesuai. Ketakutan telah menghalang kemampuan mereka untuk berjaya. Oleh itu, mereka tidak mampu untuk mencari pekerjaan yang lebih sesuai. Mereka takut pada penolakan. Mereka mempamerkan perasaan bersalah, malu dan rendah diri. Mereka tidak berkeyakinan, merasa tidak layak untuk mendapat keadaan yang lebih baik dan mereka tidak berjuang untuk kebebasan. Kebebasan memerlukan keberanian. Orang-orang seperti ini diajar sejak kecil bahawa mereka tidak selamat untuk berbuat sesuatu sendirian dan memerlukan pertolongan orang lain. Mereka tidak diajar bagaimana untuk mencipta tetapi berterusan "diragut" kreativiti mereka dan sebaliknya diajar untuk patuh.

Ibu bapa, Keberanian dan Amalan Budaya

Keberanian banyak berkait dengan persiapan seorang pemimpin. Meningkatkan keberanian dalam diri anak perlu bermula lebih awal. Umumnya, ia mungkin lebih mudah daripada apa yang difikirkan. Hal ini kerana kajian menunjukkan bahawa bayi dilahirkan secara semula jadinya berani, tidak takut dengan persekitaran mereka. Biasanya ibu bapa yang memberihkan rasa takut dalam minda anak-anak. Ibu bapa menyebabkan anak-anak takut dengan haiwan, kegelapan, ketinggian, hantu, raksasa, ular, anjing dan air. Cara anak dibesarkan akan memberi pengaruh yang kuat kepada sejauh mana mereka menjadi berani. Menjadi satu kebiasaan dalam sebahagian budaya untuk menggunakan ancaman dan menakut-nakutkan anak sehingga membuatkan

mereka mengikut dan mematuhi kata-kata. Pendekatan ini memberi kesan ketika anak-anak diajar tentang iman, agama, menghafaz al-Qur'an dan nama-nama Allah. Cara yang betul adalah memulakan dengan ayat-ayat yang mengandungi kasih sayang dan rahmat, dan sifat-sifat Allah. Sebagai permulaan, penekanan seharusnya diberikan kepada ayat-ayat yang menyentuh kasih sayang, bukannya hukuman dan neraka.

Ceritakan kisah keberanian Nabi-nabi dan Rasul-rasul. Nabi Ibrahim masuk ke dalam kuil, memecahkan patung-patung dengan kapaknya, kemudian menggantung kapaknya di leher patung yang paling besar. Nabi Musa dan Nabi Harun pula menentang Fir'aun tanpa rasa takut. Manakala Nabi Muhammad ﷺ tetap menunaikan solat di hadapan Ka'abah di Makkah walaupun diancam orang Yahudi dengan dibaling batu dan sampah. Gunakan kisah-kisah benar tentang orang-orang yang berani sepanjang kehidupan. Penting untuk mendidik anak-anak supaya merasakan bahawa Allah sentiasa ada di sepanjang hidup mereka. Ajar anak-anak untuk menjadi orang yang berani, selamat dan benar; tidak takut kepada selain Allah yang sangat menyayangi mereka.

Malangnya sebahagian ibu bapa mengasingkan anak-anak dan tidak memberarkan mereka bermain serta bercampur dengan kanak-kanak lain. Ibu bapa memberitahu anak-anak bahawa berenang boleh menyebabkan mereka lemas, berkuda boleh mencederakan, dan sukan boleh menyebabkan anggota badan mereka patah. Ibu bapa menanamkan rasa penakut dengan tidak memberikan pilihan atau melenyapkan fasa membuat keputusan dalam diri anak-anak.

Ibu bapa merosakkan anak-anak dengan menyediakan segala-galanya untuk mereka. Ibu bapa menghalang anak-anak daripada

mengambil sebarang risiko dalam hidup mereka, dan mengajar anak-anak supaya tidak perlu bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Ibu bapa juga melakukan kesilapan dengan menjadi terlalu melindungi dan terlalu sensitif. Anak-anak tidak dibawa keluar kerana takut mereka jatuh sakit atau selesema. Mereka meninggatkan bahawa anak-anak tidak boleh dipercayai dan tidak boleh dibenarkan sama sekali mengambil sebarang risiko. Penyelesaiannya

adalah dengan mengajar anak-anak supaya berani dengan meletakkan mereka dalam situasi yang memerlukan keberanian dan pengambilan risiko yang munasabah. Ajar anak-anak cara untuk selamat dalam suasana yang tidak selamat. Terangkan kepada mereka, sama ada di dalam hutan, kilang atau bot, tentang apa yang selamat dan tidak selamat, dan bagaimana untuk membezakannya.

Keberanian harus menjadi sebahagian daripada budaya kita. Ingat: Allah sentiasa bersama orang yang berani!

- Bapa saudara Rasulullah ﷺ dinamakan Hamzah yang membawa maksud “Singa”.

Disebabkan keberanian dan kekuatannya, beliau diberikan gelaran “Asadu Allāhi wa Rasūluh,” yang bermaksud Singa Allah dan Rasulullah ﷺ.

- Kita boleh menceritakan kisah keberanian daripada dunia haiwan:

Di dalam jerumun singa ada bauan yang membuatkan musang takut untuk mendekatinya walaupun singa berada jauh dari tempatnya. Terdapat ketakutan semula jadi bagi burung-burung tertentu (contohnya burung-burung kecil) walaupun ketika burung-burung itu terbang tinggi. Sementara itu keberanian dan kebanggaan tetap ada dalam diri burung helang walaupun ketika sedang mati.

- “Kita harus membina tembok keberanian untuk menahan banjir ketakutan.” Martin Luther King, Jr.

Tekanan Rakan Sebaya

Semasa anak-anak masih kecil, ibu bapa atau penjaga membuat keputusan yang penting untuk mereka. Semakin mereka dewasa, anak-anak mesti belajar untuk membuat keputusan mereka sendiri. Para remaja berhadapan dengan situasi sosial yang sukar apabila mereka harus membuat keputusan mereka sendiri. Kawan-kawan dan kenalan mungkin memberi mereka tekanan untuk mencuba sedikit arak, dadah atau seks. Sukar untuk mereka mengatakan “Tidak” dan bersikap yang bertentangan dengan kumpulan tersebut.

Anak-anak mahu diterima dan menjadi sebahagian daripada sesuatu kumpulan dan mereka suka kelihatan lebih anggun daripada siapa mereka sebenarnya. Mereka tidak mahu

dilihat sebagai “anak kecil”. Tidak mudah bagi mereka untuk berpegang pada prinsip sendiri dan melakukan apa yang mereka rasakan benar (khasnya apabila kawan-kawan menggalakkan mereka untuk mencuba minuman keras atau rokok). Kumpulan itu mungkin memilih seorang anak atau meninggalkan seorang anak yang lain dalam sesuatu situasi. Anak-anak kadangkala terlibat dengan perebutan kuasa dalam kalangan kumpulan kecil kawan-kawan. “Saya tidak mahu menjadi kawan awak lagi” adalah senjata biasa yang digunakan oleh anak-anak kecil terhadap sesama mereka.

Bahkan anak-anak kecil mahu menjadi sebahagian daripada kumpulan, dan ibu bapa mesti menjelaskan tentang isu tekanan rakan

sebaya. Ibu bapa boleh bercakap kepada anak-anak tentang apa yang berlaku di dalam kumpulan. Sekiranya sekumpulan anak-anak bermain sorok-sorok, penting bagi semua orang untuk bermain mengikut peraturannya. Jika tidak, salah seorang akan merosakkan permainan tersebut. Bagaimanapun, sekiranya kumpulan tersebut mahu membuat sesuatu yang berisiko atau berbahaya, mengundurkan diri daripada kumpulan tersebut adalah perkara yang patut dilakukan. Seorang anak yang enggan untuk bersama kumpulan seperti ini akan memberi keberanian kepada yang lain untuk mengatakan "Tidak" kepada kumpulan ini juga.

Ibu bapa boleh membincangkan hal tentang perbezaan individu bersama anak-anak mereka. Adakah semua orang perlu sama dengan orang lain yang ada di dalam kumpulan? Sekiranya anak-anak boleh menghormati perbezaan individu, mereka akan mempunyai kehidupan yang lebih "kaya" dalam tempoh remaja dan dewasa mereka. Ibu bapa boleh bercakap tentang hal menjadi pemimpin atau pengikut. Mereka harus mendengar anak mereka dan memberitahunya bahawa mereka memahami kesukaran untuk mengatasi tekanan rakan sebaya. Sekiranya ibu bapa boleh mendengar anak-anak mereka dan membincangkan isu ini tanpa bersikap berat sebelah, anak-anak biasanya akan terus bercakap kepada ibu bapa di sepanjang proses pembesaran mereka.

Rakan sebaya boleh menjadi sesuatu yang baik. Namun, "tekanan rakan sebaya" boleh menjadi sebaliknya. Walau bagaimanapun, ada rakan sebaya yang mempengaruhi rakan yang lain dengan cara yang sihat, positif dan memahami. Apabila ibu bapa melayan kawan-kawan anak mereka dengan hormat dan mesra, anak-anak mereka akan melihat dan belajar sesuatu yang bernilai tentang bagaimana berperilaku terhadap orang lain.

Apabila ibu bapa boleh menerima perbezaan orang lain dan menghargai nilai-nilai individu yang mungkin kelihatan aneh atau luar biasa, anak-anak juga akan belajar bagaimana untuk bertoleransi dengan orang lain. Apabila ibu bapa tidak menilai orang lain berdasarkan pendapatan, pakaian, agama atau asal keturunan, anak-anak mereka akan menyedari bahawa tiada apa pun sebenarnya yang patut dimalukan apabila seseorang itu berlainan. Walaupun rakan sebaya mungkin mempunyai pengaruh yang kuat terhadap anak yang sedang membesar, pengaruh ibu bapa sebenarnya lebih besar.

Kawan-kawan adalah elemen penting di sepanjang kehidupan seseorang. Belajar bersosial dengan orang lain adalah sebahagian daripada perkembangan anak-anak yang normal. Semua anak harus belajar bagaimana untuk menyesuaikan diri dalam sesebuah kumpulan namun masih berpegang teguh pada nilai-nilai dan identiti sendiri. Apabila ibu bapa membantu anak-anak membangunkan keyakinan dan keberanian, anak-anak akan lebih bersedia untuk menangani tekanan daripada kumpulan mereka. Mereka mempunyai kekuatan untuk mengatakan "Tidak" kepada perkara-perkara yang membuatkan mereka tidak selesa atau yang mereka percaya tidak benar.



MEMILIH RAKAN YANG BETUL

Walaupun ibu bapa memiliki pengaruh yang signifikan ke atas kepribadian anak-anak, perkembangan emosi dan tingkah laku serta sikap dan tingkah laku mereka juga dipengaruhi oleh rakan-rakan sebaya.

Rakan Anak Anda

Dalam bidang fizik, caj serupa (kekutuhan) menolak antara satu sama lain. Manakala caj yang bertentangan akan saling menarik. Bagi haiwan, "Burung-burung yang berbulu akan berkumpul bersama." Kita cuba membina hubungan persahabatan dengan orang yang kita temui seperti jiran tetangga, kanak-kanak di sekolah, penjual di pasar, dan sebagainya. Kita mesti melayan semua orang dengan baik dan penuh hormat. Pada masa yang sama, sebaik-baiknya elakkan persahabatan yang terlalu rapat dengan orang yang tidak menjalani kehidupan yang bermakna. Pilih orang yang beriman sebagai teman. Teman teman sedemikian tidak keberatan untuk berhenti beberapa minit ketika sedang asyik bermain untuk menuaikan solat bersama anda. Mereka juga memahami mengapa anda tidak minum arak atau mengambil dada.

Adakalanya, sukar bagi anda untuk berkawan dengan seseorang yang berkongsi nilai yang sama kerana anda tinggal berjauhan daripada mereka. Anak-anak mereka tidak belajar di sekolah yang sama dengan anak-anak anda. Walau bagaimanapun, tidak mustahil untuk mendapat teman yang berdekatan, daripada keluarga yang baik, dan tidak mengira kepercayaan agama mereka namun masih berkongsi nilai yang sama dan menghormati adat anda. Organisasi masyarakat seperti kelab-kelab sukan, pengakap dan kumpulan alam sekitar boleh menjadi tempat

yang baik untuk mencari teman dalam kalangan orang muda yang berkongsi minat yang sama dan ingin menikmati keseronokan dengan cara yang sihat dan bersih.

Rakan yang baik adalah seseorang yang boleh berkongsi nilai kesetiaan, kemurahan hati, serta bersimpati dan memahami.

Sebagai orang dewasa, anda memiliki standard yang khusus, tetapi anak remaja mungkin tidak bersetuju dengan standard anda. Rakan mempunyai pengaruh paling besar kepada remaja. Mereka akan bereksperimen dengan cara berpakaian, berkelakuan dan mengaitkan diri mereka dengan orang lain.

Anak gadis cenderung mempunyai persahabatan yang istimewa dengan seorang atau sekumpuan kecil gadis. Kanak-kanak lelaki cenderung bergerak dalam kumpulan yang besar atau memilih rakan-rakan yang berkait rapat dengan sukan atau hobi tertentu. Persahabatan ini penting dan boleh menjadi sangat intim. Mereka juga boleh berpecah secara tiba-tiba jika ada yang "melanggar peraturan" kesetiaan.

**Kawan biarlah seribu,
Musuh jangan dicari!**

S: Apakah persamaan antara permainan bola sepak Amerika dengan pemimpin yang baik?

J: Kedua-duanya memiliki kekuatan, keberanian, semangat berpasukan dan harapan.

S: Apakah persamaan antara tentera dengan ahli kumpulan Mafia?

J: Kedua-duanya menunjukkan kesetiaan dan keberanian yang luar biasa terhadap organisasi. Tentera terhadap negara mereka dan Mafia terhadap kumpulan mereka. Tentera bekerja demi tujuan yang baik manakala Mafia bekerja demi tujuan yang jahat.

Jangan berasa sakit hati jika anak-anak anda kelihatan lebih prihatin terhadap rakan-rakan mereka berbanding dengan keluarga mereka. Anda tidak perlu bekerja keras untuk menjaga adik-beradik anda kerana anda dilahirkan bersama mereka. Apa yang perlu anda lakukan adalah bagaimana untuk hidup bahagia bersama mereka, kerana mereka sudah pun menyayangi anda dan prihatin terhadap anda. Bagi rakan pula, anda yang perlu mencari mereka. Mereka harus dipujuk supaya dapat menerima anda sebagai rakan yang menyenangkan. Anda harus berusaha untuk mendapatkan persahabatan mereka.

Ingatlah, rakan-rakan adalah sumber keluarga masa hadapan. Pepatah lama Itali mengatakan, "Beli lembu daripada kandang sendiri" yang bermakna lebih baik untuk bersama dengan sesuatu yang anda kenal.

Terdapat pelbagai jenis rakan:

- Rakan sekerja - Orang yang sama-sama bekerja atau yang bekerjasama dalam sesuatu aktiviti. Mereka mungkin tidak menyukai kita tetapi kita masih perlu bersahabat untuk menyiapkan kerja.
- Kenalan - Orang yang tidak begitu dikenali dan tiada perasaan yang kuat terhadap mereka.
- Kawan biasa - Kita kenal dan suka pada orang ini kerana telah menjadi sebahagian daripada kawan di sekolah dan jiran kita.
- Kawan rapat - orang yang kita kenal rapat dan kita peduli iaitu mereka yang kita percaya dan boleh bergantung harap.
- Kawan baik - Perasaan kita terhadap kawan baik lebih pada sayang berbanding dengan suka. Kita berkongsi segala-galanya dengan mereka. Walaupun tidak sependapat, tetapi kita kekal bersahabat dengan mereka.

Persahabatan merupakan tali yang mempunyai dua penghujung. Sukar untuk berhubung dengan seseorang yang tidak ada hubungan dengan anda. Anda perlu memberi sebanyak yang anda terima dalam sebuah persahabatan seperti toleransi, kasih sayang, jenaka, ambil berat dan pengorbanan. Anda perlu untuk terus berhubung.

Kebanyakan orang berubah. Jelaskan kepada anak remaja anda bahawa mereka tidak sepatutnya menyalahkan diri jika rakan mereka sedang melalui situasi yang buruk, atau kelihatan kurang bersemangat daripada biasa. Persahabatan memerlukan anda berkongsi. Ibu bapa akan kecewa jika anak remaja mereka berkawan dengan rakan-rakan yang "tidak diingini" (anak-anak remaja yang memiliki nilai yang bertentangan dengan apa yang cuba anda ajarkan). "Rakan-rakan yang tidak diingini" adalah mereka yang tidak takut akan Tuhan, merokok atau mengambil dadah, menggunakan bahasa yang tidak menyenangkan, bermasalah dengan pihak polis atau menggalakkan tingkah laku berbahaya. Perlu diingat bahawa segelintir "rakan-rakan yang tidak diingini" mungkin tertarik dengan nilai-nilai anak atau keluarga anda.

Beberapa Masalah Dengan Rakan yang Tidak Baik

- Mereka merosakkan barang-barang milik anda atau harta benda anda.
- Mereka kasar dan tidak menyenangkan.
- Mereka mengambil alih rumah anda.
- Mereka menakutkan anda dan mengabaikan anda.
- Anda bersedih kerana mereka mengambil anak lelaki atau anak perempuan anda dan membawa mereka ke arah kejahatan.

Tekanan Harian Rakan Sebaya di Sekolah

Sistem persekolahan menimbulkan tekanan supaya seorang kanak-kanak diterima oleh semua rakan sekelas. Seorang anak beragama Islam dalam persekitaran bukan Islam mungkin berada dalam situasi yang kurang menyebelahinya kerana perbezaan bahasa, etika berpakaian (terutamanya untuk perempuan), dan tabiat pemakanan. Kepercayaan agama yang berbeza biasanya diterjemahkan ke dalam tindakan yang berbeza. Perbezaan-perbezaan ini mungkin dianggap sebagai ancaman oleh rakan sekelas yang lain. Terdapat juga perbezaan warna kulit yang boleh menimbulkan kesulitan bagi kanak-kanak dalam persekitaran yang bersifat perkauman.

Memilih Rakan yang Baik

Anda perlu mengetahui siapa teman-teman anak anda. Pelawa mereka semua ke rumah untuk mengenali siapa mereka dan apa pengaruh yang mereka miliki, yang mungkin memberi kesan kepada anak anda. Menjemput orang lain ke rumah mungkin satu-satunya peluang untuk mereka melihat keadaan rumah orang yang beragama. Bayangkan impak besar yang boleh keluarga anda berikan kepada beberapa orang anak muda!

Berbual dengan anak tentang rakan pilihan mereka, terutamanya jika pilihan mereka membimbangkan anda. Tangani dengan cermat. Anak anda mesti mula membuat keputusan sendiri dalam hal persahabatan. Sekiranya anda membuat keputusan bagi pihak mereka, anda mengajar mereka untuk sentiasa bergantung kepada anda. Ini tidak membantu ketika mereka sendirian, kerana anda tidak sentiasa ada bersama mereka.



Apabila membincangkan hal tentang rakan bersama anak anda, lakukan dua perkara penting ini:

- **Gunakan kata ganti diri “saya”.** Beritahu anak-anak tentang perasaan anda ketika anda berada di sekeliling rakan-rakannya. Sebagai contoh, “Ketika kamu sedang bermain dengan Yasmin, ibu/ayah lihat dia suka mengambil barang orang lain. Melihat kanak-kanak yang bersikap mementingkan diri sendiri membuatkan ibu/ayah merasa sedih.” Atau, “Apabila ibu/ayah berbual dengan Sara, ibu/ayah perhatikan dia menceritakan sesuatu yang buruk tentang ibunya. Itu membuatkan ibu/ayah berasa sedih.”

Di sini, anda memberi peluang kepada anak anda untuk membuat beberapa pemerhatian yang sama seperti yang anda lakukan tanpa kedengaran defensif. Anda tidak harus mengatakan, “Kamu pilih kawan yang mementingkan diri sendiri dan tidak berakhlik untuk bermain dengan kamu?”

- **Bertanya soalan.** Tanya kepada anak anda jika dia menyedari ada masalah yang sama dan bagaimana perasaannya. Dengan jawapan mereka dengan cermat. Apa yang anda harapkan adalah penilaian jujur mereka. Sekiranya mereka berkongsi kebimbangan yang sama, anda boleh katakan kepadanya,

"Adakah kamu rasa baik jika kamu lebih banyak bermain dengan rakan-rakan yang dan kurangkan masa bersama Yasmin atau Sara?"

Mulakan proses ini seawal yang mungkin. Izinkan anak anda untuk membincangkan perihal rakan-rakan mereka bersama anda secara terbuka. Ini merupakan "jambatan" berharga yang anda boleh gunakan apabila mereka semakin membesar dan kepentingannya jauh lebih tinggi.

Bagaimana Jika Anak Anda Memilih Rakan yang Tidak Anda Sukai?

Imam el-Kadi (seorang pekerja sosial) berkata:

"Jangan terkejut sekiranya anak anda memilih kawan yang tidak sopan dan kurang beradab. Ini berlaku kerana anak-anak secara semulajadinya tertarik kepada perkara-perkara yang mereka tidak ketahui, disebabkan perasaan ingin tahu. Sebaik sahaja perasaan ingin tahu ini hilang, kebiasaannya minat mereka juga akan hilang. Sekiranya kita cuba menghalang anak kita daripada berkawan dengan kawan ini dengan tergesa-gesa menggunakan kuasa kita sebagai ibu bapa, persahabatan mereka akan menjadi lebih rapat. Apatah lagi sekiranya kita tetap berkeras dengan prinsip kita. Apabila kawan tersebut berada di rumah anda, katakanlah kepadanya, "kamu boleh bermain di sini tetapi peraturan dalam rumah ini mesti dipatuhi."


Mungkin pengaruh yang paling berbahaya terhadap seorang anak adalah rakan yang mempunyai kepercayaan agama yang sama tetapi tidak menghayati amalan kepercayaan tersebut dan melakukan salah laku. Salah seorang penulis teringat ketika bersama dua anak lelakinya (berumur 7 dan 9 tahun) melawat Istanbul buat kali pertama, mereka berhadapan dengan pengalaman yang

mengejutkan. Dibesarkan dalam persekitaran orang beragama di Amerika, mereka tidak pernah membayangkan bahawa ada segelintir orang di Istanbul boleh minum arak, menayangkan pornografi di jalanan dan secara terbuka tidak berpuasa di bulan Ramadhan. Saya bantu mereka menyedari bahawa seseorang mungkin dilahirkan sebagai Muslim, tetapi mereka tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

Kanak-kanak terpengaruuh dengan pandangan dan prinsip pegangan ibu bapa mereka. Penting untuk ibu bapa mengambil tahu sekiranya anak mereka tidak lagi mengikut prinsip tersebut. Apakah faktor yang menarik anak-anak kepada rakan yang merosakkan ini? Mengapakah kita boleh melihat seorang kanak-kanak merokok dan seorang lagi tidak? Apakah yang diperolehi daripada seorang rakan yang tidak terdapat di rumah?

Menggalakkan kanak-kanak untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang berfaedah adalah penting seperti pemilihan rakan sebaya untuk mereka. Di sini disertakan beberapa lagi petua:

- Jika rakan yang anda tidak suka datang, cadangkan supaya anak anda mempelawa rakan-rakan lain yang anda sukai untuk hadir bersama. Ini akan membawa pengaruh yang lebih baik.
- Sentiasa sibukkan anak anda dengan perkara-perkara lain (seperti menziarahi saudara mara).
- Wujudkan beberapa peraturan yang terpakai kepada semua (contohnya jangan menjerit, mencarut atau memukul).



ANDA PERLU KENAL SIAPA RAKAN-RAKAN ANAK ANDA



Mengapa Wujud Tarikan Kuat dalam Kalangan Remaja?

Remaja terpengaruh dengan rakan sebaya atas dua sebab:

- Mereka memilih rakan mereka sendiri, tidak seperti keluarga dan saudara mara yang telah ditentukan hubungan mereka.

- Hubungan rapat mereka dengan rakan sebaya adalah disebabkan persamaan pada umur, pengalaman, perasaan, hobi, cabaran, masalah, peristiwa dan persekitaran sekolah.

Remaja membentuk kumpulan sosial mereka sendiri dengan budaya, simbol, bahasa, nilai dan norma tersendiri.

Remaja daripada keluarga yang tidak berfungsi cenderung untuk berbincang dengan rakan sebaya berbanding dengan ibu bapa terutama apabila umur semakin meningkat. Kurangnya interaksi bersama ibu bapa, guru-guru dan orang yang lebih tua membuatkan mereka lebih gemar berinteraksi dengan rakan sebaya. Dari sudut kewangan, remaja banyak dipengaruhi oleh ibu bapa. Namun dari sudut hobi, pakaian, aktiviti masa lapang, pengembalaan, pelancongan dan jenis kereta, mereka cenderung mengikuti rakan-rakan mereka.

Pelbagai Jenis Interaksi Sosial

- Anak-anak muda dengan rakan mereka
- Penjahat dengan penjahat
- Remaja dengan remaja
- Perokok dengan perokok
- Orang tua dengan orang tua
- Penagih dadah dengan penagih dadah
- Orang yang benar dengan orang yang jujur
- Profesional dengan profesional

Seorang rakan akan mempengaruhi rakan-rakannya. Nabi Muhammad ﷺ menjelaskan:

Seseorang itu dipengaruhi oleh cara sahabatnya, maka hendaklah setiap orang melihat dengan siapa dia berkawan.

(Al-Tirmidhi dan Muslim)

Seseorang lelaki akan bersama dengan sesiapa yang dia cintai.

(Al-Bukhari dan Muslim).

Contoh rakan yang baik dan rakan yang jahat adalah seumpama penjual minyak wangi dan tukang besi. Bagi penjual minyak wangi, sama ada dia akan memberikan minyak wangi itu kepada anda, atau anda membelinya daripada si penjual, atau sekurang-kurangnya anda dapat menikmati bau wangi daripadanya. Manakala bagi tukang besi pula, sama ada dia akan membakar pakaian anda atau anda akan mendapat bau yang tidak menyenangkan daripadanya.

(Al-Bukhari dan Muslim).

Ayat berikut menjelaskan tentang kesan pengaruh yang buruk:

Dan ingatlah pada hari ketika orang-orang zalim menggigit dua jarinya, seraya berkata, "Wahai! Sekiranya dulu aku mengambil jalan bersama Rasul. Wahai, celaka aku! Sekiranya dulu aku tidak menjadikan si fulan itu teman akrabku! Sungguh, dia telah menyesatkan aku daripada mengingati Allah ketika peringatan itu telah datang kepadaku. Dan syaitan memang pengkhianat manusia.

(Surah al-Furqan: ayat 27-29)

Keluarga di Lokasi yang Tidak Diingini

Rakan-rakan yang jahat membawa masalah yang serius, jelas dan tidak dapat dibendung. Rakan sekolah dan kanak-kanak dalam kejiranannya boleh merosakkan sebuah keluarga. Jika sesebuah keluarga tinggal di suatu tempat di mana mereka


tidak dapat mencari rakan yang sesuai untuk anak-anak, mereka harus berpindah ke tempat di mana anak-anak mereka boleh mendapat rakan yang baik. Ramai ibu bapa menukar sekolah anak mereka bahkan berpindah ke bandar lain jika mereka tidak dapat menjamin anak mereka akan mendapat rakan-rakan yang baik. Ini merupakan pengobanan kecil yang dilakukan oleh ibu bapa berbanding dengan faedah besar yang akan dikecapi mereka pada masa hadapan.



Para nabi berpindah dari satu komuniti ke satunya yang lain, sebagaimana dinyatakan dalam kitab suci.

Ibu bapa: Biarkan anda mengundang kawannya ke rumah dan perhatikan mereka. Kaji perilaku mereka secara telus dan adil. Cuba berkawan dengan kawan anak anda.

Dr. James S. Coleman, mantan Presiden Persatuan Sosiologi Amerika, dan merupakan salah seorang ahli sosiologi yang paling terkenal di dunia mempromosikan penutupan jurang antara generasi. Ini bermakna bahawa ibu bapa seorang anak mengenali ibu bapa kawan-kawan anak mereka. Perhubungan seperti ini akan menggalakkan penutupan dalam masyarakat iaitu kebolehan untuk menggalakkan tingkah laku yang baik dan menghindari tingkah laku yang buruk.



Aktiviti

AKTIVITI 43: MENGHAFAZ DOA

Hafalkan doa ini bersama seluruh ahli keluarga sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْهُمْمَ وَالْحُزْنِ، وَأَعُوذُ
بِكَ مِنْ الْعَجْزِ وَالْكَسْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُنُونِ
وَالْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ
الرِّجَالِ

“Nabi Muhammad ﷺ bersabda: Ya Allah, aku berlindung dengan-Mu daripada gundah gulana dan kesedihan, aku berlindung dengan-Mu daripada kelemahan dan kemalasan, aku berlindung dengan-Mu daripada sifat pengecut dan tidak tentu hala, dan aku berlindung dengan-Mu daripada berada dalam hutang dan ditindas orang lain.”

(Abu Dawud)

Bincang dan kenal pasti sifat-sifat yang disebut dalam hadis tersebut. Mengapa sifat-sifat negatif ini perlu dihapuskan dalam proses pembinaan peribadi? Bolehkah ibu bapa menangguhkan pengajaran kepada anak-anak tentang sifat-sifat baik yang boleh mengatasi kualiti-kualiti negatif sehingga dewasa? Apakah pengalaman peribadi yang praktikal yang dapat anda kaitkan dan ceritakan kepada anak anda? Perhatikan isu-isu yang digambarkan dalam hadis itu:

- Tekanan dan Kemurungan
- Ketidakmampuan dan Kemalasan
- Sifat pengecut dan Kesengsaraan
- Hutang yang Melampau dan Penindasan oleh Orang Lain

AKTIVITI 44: RITUAL CINTA HARIAN

Seorang anak berusia 17 tahun berkata: “Saya tidak kisah apabila ibu memeriksa saya di bilik sebelum dia tidur.”

Ibu bapa: bincangkan ritual cinta harian anda bersama anak anda. Jangan lupa berdoa setiap hari!

AKTIVITI 45: BERKONGSI PENGALAMAN

Kongsi bersama anak-anak anda situasi apabila anda bercakap benar ketika anda boleh sahaja berbohong. Apa akibatnya, penawarnya dan pengajaran yang boleh dipelajari daripada perbuatan berbohong? Anak-anak juga boleh berkongsi kisah-kisah benar mereka.

AKTIVITI 46: SALAH SATU MAKSIAT PALING MEROSAKKAN YANG ANDA MAHU ANAK ANDA ELAKKAN

Apakah satu-satunya maksiat yang paling berbahaya yang anda mahu anak-anak anda elakkan? Jawapan: Berbohong

- Ceritakan kepada anak-anak anda kisah benar orang yang telah merosakkan hidup mereka dengan berbohong. Jika mereka berlaku jujur, mereka mungkin telah menjalani kehidupan yang berjaya dan bahagia.
- Ingatkan anak-anak anda dan berbincang dengan mereka fakta bahawa orang Arab jahiliyyah di Makkah menggelar Nabi Muhammad ﷺ dengan gelaran “Yang Jujur dan Amanah” sebelum kenabian lagi.

AKTIVITI 47: BERKONGSI PENGALAMAN TENTANG KETAKUTAN

Bincang dengan anak-anak anda tentang sebahagian ketakutan yang anda rasai dalam hidup dan apa yang anda lakukan apabila anda

takut. Anak-anak boleh berkongsi komen dan pengalaman mereka.

AKTIVITI 48: SEMBILAN CARA MEMBESARKAN SI PENGECUT

Bincangkan amalan-amalan keibubapaan buruk yang berikut dengan keluarga anda dan sebutkan beberapa contoh dan cerita daripada pengalaman anda. Sekiranya kesilapan itu benar-benar berlaku, bagaimana anda membetulkannya?

- Memperkecil dan menghina anak anda terutamanya di hadapan kawan-kawannya.
- Panggil anak dengan gelaran yang buruk. Beritahu kepadanya bahawa dia memang tidak berguna.
- Jangan percaya kepada anak anda dan apa yang dikatakan. Beritahu dia bahawa dia tidak pernah betul dan orang lain lebih tahu daripadanya.
- Abaikan apa yang baik tentang dirinya; fokus pada kesalahannya.
- Layan adik-beradik dan sepupunya dengan lebih baik. Selalu bandingkan mereka dengannya; bagaimana hodoh dan malasnya dia dan betapa cantik dan rajinnya mereka itu.
- Pastikan anak anda sentiasa di samping anda untuk membuatkannya rasa selamat.
- Manjakan anak anda dengan hadiah-hadiah yang berlebihan.
- Jangan benarkan anak anda bercakap di hadapan orang lain. Dia sepatutnya berdiam diri di hadapan orang lain.
- Jangan beri apa-apa tanggungjawab kepada anak anda walaupun kecil. Didik dia untuk bergantung kepada orang lain dan mengelakkan semua risiko.

AKTIVITI 49: KEBERANIAN DAN KEIMANAN

Bincangkan bersama anak-anak anda cerita bagaimana orang-orang Quraisy cuba untuk menghalang Rasulullah ﷺ. Rasulullah ﷺ bersabda:

Wahai bapa saudaraku, dengan nama Allah, sekiranya mereka (orang-orang Quraisy) meletakkan matahari di tangan kananku dan bulan di tangan kiriku untuk aku tinggalkan ajaran Allah, tidak akan aku tinggalkannya sehingga Allah yang menyuruhnya atau aku mati mempertahankannya.

- 1) Apakah elemen keberanian yang dapat anda kenal pasti daripada peristiwa Rasulullah ﷺ memberitahu bapa saudaranya Abu Talib bahawa baginda tidak akan keluar daripada Islam?
- 2) Ceritakan peristiwa-peristiwa keberanian lain dalam kehidupan Rasulullah ﷺ.
- 3) Ceritakan hal tentang kisah-kisah keberanian para sahabat Rasulullah ﷺ.
- 4) Ceritakan situasi keberanian terkini oleh adiwira daripada pelbagai kepercayaan di seluruh dunia.
- 5) Gambarkan situasi ketika anda menunjukkan keberanian. Apakah yang sukar tentangnya? Apakah yang anda capai daripada peristiwa itu? Bagaimana orang lain merespons anda?
- 6) Minta anak-anak untuk menceritakan kisah-kisah mereka sendiri.

AKTIVITI 50: KEBERANIAN: UJIAN UNTUK PARA REMAJA

Adakah anda seorang yang berani? Berikan contoh.

BENAR	SALAH	
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Saya mempertahankan apa yang benar walaupun saya berseorangan
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Saya tidak mengikut tekanan rakan sebaya yang negatif
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Takut akan kegagalan tidak menghalang saya daripada mencuba perkara-perkara lain.
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Saya tidak takut untuk meluahkan perasaan walaupun orang lain tidak menyukainya.
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	Saya bersedia mengambil risiko dan membuat keputusan

Saya fikir saya seorang yang berani/tidak berani kerana: _____

AKTIVITI 51: MENGURANGKAN KETAKUTAN ANAK-ANAK SEMASA PEPERANGAN DAN KEMUSNAHAN

Bincangkan perkara berikut bersama anak-anak anda dan laksanakan sebahagian daripadanya bersama-sama.

Ramai anak terdedah pada peperangan dan kemusnahan sekarang ini. Ibu bapa boleh melakukan perkara-perkara berikut untuk mengurangkan ketakutan mereka tentang kemusnahan:

- A) Tutup saluran berita di televisyen. Bagaimanapun, berikan mereka ringkasan peristiwa tersebut.
- B) Kekalkan rutin harian mereka seperti waktu tidur, latihan bola, waktu makan dan waktu solat.
- C) Fokus dalam mendidik anak-anak anda. Pegang dan peluk mereka. Habiskan waktu bersama mereka dan berikan mereka lebih perhatian dan kehangatan. Galakkan komunikasi dengan mendengar dan mengesahkan perasaan mereka.
- D) Berikan respons yang menenangkan terhadap peristiwa-peristiwa yang menakutkan.

Jangan takut atau tertekan dan elakkan menjadi terlalu obses dengan berita-berita tersebut.

E) Benarkan anak-anak anda mendapat pemahaman yang lebih baik tentang peperangan melalui permainan olok-olok seperti membuat hospital untuk askar dan orang awam yang tercedera, membuat tempat untuk tawanan perang, menentukan di mana, bagaimana dan apa yang perlu diberikan kepada pelarian perang, menubuhkan sebuah agensi perlindungan untuk mangsa dan menubuhkan pusat khidmat doa khas untuk orang-orang yang menderita.

F) Berhubung dengan emel atau surat dengan anak-anak di negara lain yang telah melalui bencana dan bertukar mesej dan hadiah dengan mereka.

G) Tulis surat (yang mengandungi doa kepada Tuhan) kepada seseorang: presiden negara yang dilanda peperangan, musuh atau mangsa yang selamat dalam sesuatu bencana. Lukis gambar keamanan untuk askar, buat kuih untuk orang-orang yang tercedera atau kutip sumbangan wang tunai untuk dihantar kepada tabung bencana yang diiktiraf.

AKTIVITI 52: BAGAIMANA MENGATAKAN “TIDAK” DAN MASIH BERSAHABAT

Amalkan strategi empat langkah ini bersama anak-anak anda supaya mereka berasa selesa untuk mengatakan “Tidak”. Anda boleh melakonkan mana-mana situasi yang berikut mengikut kesesuaian umur anak-anak anda. Contohnya, kawan anak anda mahu agar dia cuba merokok, minum arak, ambil dadah atau terlibat dengan seks.

- **Katakan “Tidak! Terima kasih sajalah. Saya tidak mahukannya.”**

Strategi pertama untuk menolak tekanan daripada kawan-kawan dan kenalan adalah mudah “Terima kasih sajalah. Saya tidak mahukannya.” Selalunya, ia akan menjadi pengakhiran suatu insiden. Anda telah membuat keputusan dan orang lain sepatutnya menghormati pilihan anda.

- **Kerap ulangi “Tidak, terima kasih”.**

Adakalanya, anak lain yang akan meningkatkan tekanan, memujuk anda berkali-kali untuk mencubanya hanya sekali. Hanya ulangi jawapan pertama anda berkali-kali. Katakan “Tidak, terima kasih. Saya tidak memerlukannya” sebanyak mana yang mungkin. Dalam kes-kes tertentu yang bersesuaian, mungkin boleh anda katakan “ia bertentangan dengan agama kita.” Jangan bimbang sekiranya anda perlu mengulanginya dan tidak perlu menjustifikasi keputusan anda. Akhirnya, anak yang meletakkan tekanan ini akan letih mendengar jawapan anda dan mengalah. Sekiranya masih belum berkesan, berikan alasan anda dengan suara yang jelas dan menyakinkan.

- **Terbalikkan tekanan: “Mengapa anda memberi tekanan kepada saya!?”**

Sekiranya seseorang berulang kali berleter kepada anda, pusingkan tekanan tersebut sebaliknya. Katakan kepada orang itu, “Mengapa anda selalu mengenakan saya?” Ini akan menterbalikkan tekanan, memaksa orang itu menjelaskan perlakuan tersebut. Ini menunjukkan bahawa dia adalah yang ada masalah, bukannya anda. Anda boleh juga mencadangkan alternatif lain untuk menjaga perhubungan baik.

- **Minta diri dan tinggalkan: “Minta maaf, saya perlu bergegas.”**

Dalam nada persahabatan, cuma katakan, “Maaf, saya perlu bergegas,” dan kemudian pergi tanpa berbalah. Anda tidak perlu menjustifikasi tindakan anda kepada sesiapa, atau bertolak ansur dengan tekanan yang membuatkan anda rasa tidak selesa.

- **Galakkkan anak-anak anda untuk memikirkan cara lain untuk mengatakan “Tidak” apabila rakan sekelas mahu dia melakukan sesuatu yang tidak munasabah. Apabila anak-anak belajar bahawa mereka boleh mengatakan “Tidak” dan masih boleh berkawan, ia melepaskan mereka daripada banyak tekanan.**

(diadaptasi daripada www.wikihow.com)

AKTIVITI 53: KEBERANIAN ADALAH

Berikan contoh dan karang cerita untuk anak-anak anda seperti berikut:

Keberanian adalah:

- Mengikut naluri anda, bukan mengikut naluri orang ramai.

- Enggan mengambil bahagian dalam perilaku yang menyakitkan hati dan tidak beradab.
- Mengorbankan kepentingan peribadi demi kepentingan orang lain.
- Menyatakan pendirian anda walaupun orang lain tidak setuju.
- Mengambil tanggungjawab penuh terhadap tindakan dan kesalahan anda.
- Mengikut peraturan – dan memastikan orang lain juga melakukan perkara yang sama.
- Melakukan apa yang anda tahu betul – tanpa mengira risiko dan kesan potensinya.
- Berhadapan dengan pesalah dan menyokong orang yang berbuat baik.

AKTIVITI 54: SURI TELADAN ANAK ANDA

Minta anak anda untuk memberikan tiga nama orang yang paling dia ingini untuk bertemu dan nyatakan sebabnya. Ini dapat mendedahkan banyak tentang persepsi mereka berkaitan dengan suri teladan. Buat perbincangan dengan anak-anak anda tentang suri teladan yang baik dan yang buruk.

AKTIVITI 55: ANAK YANG MEMBAWA PENGARUH BURUK

Bincangkan situasi berikut dan kemudian bincangkan pilihan yang diberikan di bawah.

Anak perempuan jiran anda yang berusia sembilan tahun membawa pengaruh buruk kepada anak perempuan anda yang berusia tujuh tahun. Mereka berdua sentiasa bersama hampir setiap hari dan anda berhasrat untuk mengurangkan hubungan antara mereka. Adakah anda:

- 1) Menyuruh anak perempuan anda memberitahu gadis itu bahawa dia tidak

boleh bermain dengannya dan dia tidak boleh berjumpa dengannya lagi.

2) Memberitahu anak jiran bahawa dia tidak lagi boleh berkawan dengan anak anda dan tidak boleh datang ke rumah anda. Begitu juga dengan anak anda yang tidak boleh pergi ke rumahnya.

3) Membiarkan kedua-dua mereka bersama hanya semasa anda berpeluang memerhatikan tingkah laku mereka.

4) Bercakap kepada jiran anda dan menerangkan keimbangan anda apabila mereka sentiasa bersama.

Anak yang membawa pengaruh buruk menimbulkan keimbangan banyak ibu bapa. Berikut adalah komen-komen bagi setiap jawapan di atas:

1) Jangan biarkan anak anda menerangkan masalah ini kepada anak jiran itu. Mereka terlalu muda untuk memahami keimbangan anda dan anda pastinya kelihatan seperti “penjahat” pada mata semua orang jika menggunakan pendekatan ini.

2) Cuba untuk menjelaskan keimbangan anda atau menetapkan peraturan untuk anak orang lain adalah tidak sesuai.

3) Perkara ini memerlukan banyak kerja. Anda menjadi penyelia sepenuh masa dan tugas anda diperlukan setiap kali anak-anak bersama mereka. Ini boleh menjadi terlalu memenatkan untuk satu tempoh yang panjang.

4) Bukan tugas yang mudah untuk berhadapan dengan jiran tentang apa yang anda fikir sebagai tingkah laku yang tidak sesuai untuk anak mereka. Walau bagaimanapun, ini adalah jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini.

AKTIVITI 56: UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN

Pelbagai sifat keperibadian yang baik bertindih antara satu sama lain. Dalam suasana keluarga, semua ahli keluarga perlu berbincang tentang kepentingan kebolehpercayaan dan jawab semua soalan berikut:

- Adakah saya menepati janji?
- Adakah saya menghormati orang yang lebih tua?
- Adakah saya memenuhi komitmen saya?
- Adakah saya membayar hutang tepat pada masanya?
- Adakah saya memulangkan barang yang saya pinjam dengan segera?
- Adakah saya mematuhi tarikh akhir?
- Adakah saya solat tepat pada waktunya?
- Adakah saya menepati masa?

AKTIVITI 57: BERSYUKUR

Baca cerita ini dan renungi amalan yang dijalankan oleh keluarga anda, saudara mara anda dan rakan anda.

Rasulullah ﷺ bersabda:

"Bersyukurlah dengan apa yang diberikan Tuhan untuk kamu dan kamu akan menjadi orang yang paling kaya."

Salah seorang sahabat yang sering bersolat di belakang Rasulullah ﷺ memakai jubah yang koyak. Rasulullah ﷺ menyedari bahawa beliau segera beredar setiap kali selesai solat. Rasulullah ﷺ bertanya tentang lelaki ini: "Ke mana dia?" Sahabat memberitahu, "beliau pulang ke rumah." Rasulullah ﷺ memanggil lelaki itu dan beliau datang bertemu Rasulullah ﷺ. Rasulullah ﷺ bertanya, "Mengapa kamu beredar begitu cepat

dan tidak menyempurnakan solatmu? Sahabat itu menjawab, "Kerana saya dan isteri hanya memiliki sehelai jubah sahaja, kerana itu saya pulang segera untuk menyerahkan jubah itu kepada isteri saya supaya dia dapat menunaikan solat sebelum lalut waktu." Kemudian Rasulullah ﷺ menyerahkan baju baginda kepada sahabat tadi. Beliau menerima pemberian Rasulullah ﷺ dengan gembira dan menyerahkan kepada isterinya, yang kemudiannya bertanya: "Baju siapakah ini?" Beliau menjawab: "Baju Rasulullah ﷺ. Baginda memberi baju itu kepada kita." Isterinya membala: "Adakah kamu mengadu tentang Allah kepada nabi Pesuruh Allah?" Beliau menjawab: "Demi Allah, aku sekali-kali tidak mengadu! Demi Allah aku menerima baju itu supaya ia menjadi kain kafanku di kubur.

AKTIVITI 58: PENGLIBATAN AKTIF

Baca teks berikut bersama anak anda, kemudian kaitkan dengan pengalaman mereka sendiri.

Proses pembelajaran yang paling berkesan berlaku apabila anak-anak terlibat secara aktif meneroka dunia di sekeliling mereka: cuba untuk mencari sesuatu, jatuh dan kemudian cuba untuk bangkit kembali, menyatakan pendapat mereka, idea dan emosi sebagai tindak balas kepada apa yang mereka lihat. Ibu bapa sepatutnya memberikan idea dan pengajaran ketika sesi penerokaan anak-anak berlangsung. Beri peluang kepada anak-anak untuk menguji dan menggunakan pengetahuan mereka semasa "teaching moments" ini iaitu satu frasa yang sering digunakan oleh Presiden Obama untuk menggambarkan pengalaman tersebut.

Berikan seorang anak masa untuk berdiam diri, memerhatikan sekeliling, menarik nafas dalam-dalam, meluahkan kekecewaan dan berfikir. Ini bukan petanda mereka itu lemah.

Mereka sebenarnya sedang berfikir dan cuba untuk menentukan apa yang perlu dilakukan dengan apa yang mereka miliki. Malangnya, ramai ibu bapa akan menjawab persoalan bagi pihak anak, melindungi mereka daripada situasi yang sukar, dan menjadi pengganti anak-anak untuk berhadapan dengan situasi pada saat anak berusaha mencari sesuatu jawapan. Keadaan ini akan memberikan kesan negatif ke atas keyakinan diri anak, kebolehan menyelesaikan masalah, kesabaran dan kemahiran berunding. Mereka telah diajar supaya bergantung kepada orang lain untuk menyelesaikan masalah mereka.

Ibu bapa perlu memainkan peranan seperti seorang pakar, jurulatih dan mentor. Beri peluang kepada anak untuk memanfaatkan ilmu, kemahiran serta keupayaan mereka. Ibu bapa perlu memandu dan membantu anak-anak mereka berfikir dalam situasi yang sukar dengan menggunakan kebolehan mereka sendiri.

Ibu bapa mesti memberi ruang kepada anak-anak untuk melakukan kesilapan. Bantu anak memahami dan meneroka apa yang benar, apa yang salah, kenapa mereka melakukannya, bagaimana mereka boleh melakukan dengan lebih baik pada

masa akan datang, apa yang mereka pelajari melalui pengalaman ini, dan apa tindakan berbeza yang akan dilakukan pada masa hadapan. Ini bukan hanya tugas hakiki yang penting. Usaha dari sudut mental untuk menyiapkan tugasan dan mengelakkan kesilapan daripada berulang juga amat penting.

Melalui penglibatan aktif ibu bapa-anak, hubungan anak-ibu bapa menjadi bertambah kuat dan hubungan erat akan terbentuk. Apabila hubungan ini terbentuk, anak akan lebih gemar mendapatkan nasihat daripada ibu bapa apabila mereka berhadapan dengan cabaran hidup yang semakin besar tahun demi tahun.

AKTIVITI 59: JIKA SAYA TAHU LEBIH BANYAK, SAYA AKAN BERTINDAK DENGAN CARA YANG BERBEZA

Dalam satu sesi kekeluargaan, ibu bapa harus menjawab persoalan, "Sekiranya saya boleh memulakan hidup saya semula, apa yang akan saya lakukan dengan cara yang berbeza?" Akui kesilapan anda kepada anak-anak anda. Galakkan anak-anak anda untuk berkongsi kesilapan mereka juga.

BAB 15

Sifat-Sifat Positif Seterusnya: Mengasuh Anak yang Berdikari, Bertanggungjawab dan Kreatif

MENGAJAR BERDIKARI

- Pengenalan **385**
- Membesar di Amerika Syarikat dengan “Bergantung pada Orang Lain” **386**
- Suatu Mitos **388**
- Pencapaian Khusus Mengikut Umur **389**
- Biar Anak Tatih Melakukannya Sendiri **390**
- Kegelisahan Terhadap Perpisahan: Menangani Sikap Suka Melekap **391**
- Remaja – Realitinya **392**
- Impak Gaya Keibubapaan: Berasaskan Autoriti Iwn. Berasaskan Kuasa **394**
- Kemahiran Membina Autonomi dalam Diri Anak-anak **396**
- Petua untuk Ibu Bapa **400**
- Nasihat Iwn. Autonomi: Anak Perempuan dan Ibunya **402**
- Sekiranya Ibu Bapa Tidak Menyukai Rakan-rakan Anak **405**
- Membantu Anak-anak Membuat Keputusan Mengukuhkan Autonomi **405**
- Langkah Membuat Keputusan **406**

MENGAJAR TANGGUNGJAWAB

- Meletakkan Asas: Sikap dan Pandangan Sarwajagat **408**
- Peluang di Setiap Peringkat Perkembangan **409**
- Prinsip-prinsip untuk Dibangunkan **411**
- Cadangan Praktikal **414**
- Kaitkan Keistimewaan dengan Tanggungjawab: Contoh-contoh **416**

MEMUPUK KREATIVITI

- Konsep Umum Kreativiti **419**
- Penemuan Bersejarah yang Nyata **420**
- Menyekat Kreativiti Anak-anak **421**
- Sikap Negatif yang Menghalang Kreativiti **422**
- Cara Mengembangkan Kreativiti **424**
 - *Pertanyaan Kreatif*
 - *Aktiviti-aktiviti Fizikal*
 - *Pengalaman yang Pelbagai*
 - *Aktiviti Sumbang Saran*
 - *Permainan Kreatif*
 - *Penulisan Anak-anak*
 - *Karya Seni Anak-anak*
- Salah Faham: Idea-Idea “Pelik” atau “Tidak Produktif” **426**
- Apa yang Boleh Diakukan Ibu Bapa? **427**
- Nota tentang Permainan **428**
- Aktiviti 60–68 **429**

MENGAJAR BERDIKARI:

Pengenalan

APAKAH CARA TERBAIK untuk mendidik anak-anak supaya berdikari dan bertanggungjawab di samping mengasuh kreativiti mereka? Sebagai ibu bapa, tentu kita mahu memberikan bentuk sokongan yang sesuai. Kita tidak mahu terlalu melindungi anak-anak namun kita juga tidak seharusnya mengabaikan keperluan mereka yang sepatutnya dan tidak memberikan jaminan emosi yang diperlukan mereka. Carabagaimana mencapai keseimbangan yang sebenar boleh menjadi suatu yang mengelirukan. Bab ini menyediakan panduan bagaimana untuk membesarkan anak-anak yang berdikari, bertanggungjawab dan kreatif dengan berkesan. Perbincangan juga termasuk bagaimana untuk memenuhi keperluan emosi mereka dan seterusnya membantu mereka memenuhi potensi diri.

Gaya keibubapaan memang memberi kesan yang besar yang mempengaruhi beberapa faktor contohnya persepsi, emosi, tingkah laku dan kejayaan akademik anak. Dalam kata lain, ia mempunyai implikasi psikologi, sosial dan akademik.

Pelbagai faktor mempengaruhi gaya keibubapaan anda termasuklah ibu bapa anda sendiri dan cara anda dibesarkan, peribadi anda, tekanan luaran, gaya hidup, nasihat keibubapaan yang diikuti dan tingkah laku serta personaliti anak anda.

Gaya keibubapaan juga mempengaruhi kreativiti anak-anak. Apabila anak-anak dibesarkan dalam persekitaran yang terlalu dikawal dengan terlalu banyak larangan, kreativiti semula jadi mereka boleh merosot dan menekan kecenderungan alami mereka yang

suka meneroka. Kajian yang diterbitkan pada tahun 2015 mendapat terdapat perhubungan positif yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritatif dengan kreativiti dan terdapat perhubungan negatif yang signifikan antara gaya keibubapaan autoritarian dengan kreativiti. (*Procedia – Social and Behavioral Sciences*).

Ibu bapa autoritatif menggalakkan sikap berdikari dan membiarkan anak-anak menyelesaikan masalah mereka sendiri. Ini membantu anak-anak belajar bahawa mereka mampu untuk mencapai sesuatu dengan usaha mereka sendiri dan lebih berkeyakinan dengan kemampuan diri sendiri. Ibu bapa jenis ini memiliki komunikasi yang baik dengan anak-anak mereka, penyayang dan prihatin, memberikan anak-anak harapan yang munasabah, menetapkan peraturan yang jelas dan mendisiplinkan anak-anak apabila perlu. Mereka konsisten tetapi juga fleksibel dan responsif terhadap keperluan anak-anak mereka. Mereka adalah suri teladan yang baik dan sering memuji usaha anak-anak.

Bagaimanapun, anak-anak yang dibesarkan dalam suasana authoritarian, lebih berkemungkinan mengikut arus perdana apabila dewasa dan tidak terlibat dengan pemikiran mandiri. (Lihat Bab 1 untuk maklumat lanjut tentang gaya keibubapaan)

Membesarkan anak yang berdikari dan boleh diharapkan adalah salah satu matlamat besar menjadi ibu bapa. Berdikari adalah kemahiran yang dapat membantu anak-anak berjaya pada masa hadapan juga.


Anak-anak yang berdikari percaya bahawa mereka berkebolehan dan ini membuatkan mereka lebih cekal. Dengan membantu anak-anak membangunkan kemahiran emosi, sosial

dan penyelesaian masalah, ibu bapa membantu mempersiapkan mereka untuk masa hadapan yang sihat.



Gaya keibubapaan yang mesra, autoritatif dan responsif penting untuk membina kecekalan. Ibu bapa yang membangunkan komunikasi yang terbuka dan bersifat partisipatif mampu mencari solusi masalah yang sesuai, berkeyakinan dan fleksibel cenderung untuk menguruskan tekanan dengan baik dan dapat membantu keluarga mereka melakukan perkara yang sama.

Yayasan Joseph Rowntree.



Membesar di Amerika Syarikat dengan “Bergantung pada Orang Lain”

Ibu bapa di Amerika Syarikat mengadu bahawa anak-anak masih terus mengharap terlalu banyak daripada mereka untuk jangka masa yang panjang. Sebagai sebuah masyarakat, Amerika gagal menyiapkan anak-anak untuk meninggalkan rumah dan untuk berdikari.

TERDAPAT PERCANGGAHAN yang keterlaluan dalam hal ini. Walaupun ibu bapa ingin agar anak-anak mereka gembira, formula yang digunakan oleh ibu bapa untuk membesarkan anak-anak ini adalah suatu preskripsi untuk penderitaan. Anak-anak tidak belajar menjadi orang yang berautonomi kerana mereka tidak pernah dididik untuk bertindak sedemikian. Ibu bapa tidak pernah berkira, sama ada dari sudut komitmen kewangan mahupun emosi, demi kesejahteraan anak-anak. Mereka ikhlas dalam usaha mereka,

cuba menjalankan tugas dengan baik supaya cita-cita mereka yang mendalam untuk anak-anak mereka tercapai.

Ibu bapa hebat dapat dikenal pasti melalui dua cara utama iaitu melalui apa yang mereka buat untuk anak-anak dan melalui apa yang mereka beri kepada anak-anak.

Secara tipikalnya, mereka akan melakukan apa sahaja yang mereka mampu untuk memastikan anak-anak mendapat semua manfaat. Mereka menghias bilik anak-anak dengan warna yang merangsang minda, membeli pelbagai permainan berbentuk pendidikan dan membawa bayi mereka untuk merasai khidmat urutan bayi yang mahal. Mereka menjarakkan kelahiran anak berdasarkan nasihat pakar perkembangan kanak-kanak. Mereka mendaftarkan anak-anak untuk kelas gimnastik dan kemudian ke tadika paling progresif dan mendaftarkan mereka ke kelas bola sepak pada umur empat tahun. Mereka mengorbankan

masa, persahabatan dan minat mereka, malah adakalanya kehidupan seksual mereka. Mereka tidak kisah diganggu dan meninggalkan semua perkara hanya untuk meraih semua peluang yang ada untuk mengajar anak-anak. Paling utama adalah mereka seboleh yang mungkin, berusaha untuk membina keyakinan diri anak (dengan memuji betapa bijak, pandai bersukan, pandai berkarya, berbakat dan cantik atau kacaknya anak mereka itu). Mereka merancang sambutan hari ulang tahun kelahiran anak secara besar-besaran seolah-olah anak itu putera atau puteri raja. Malah, apabila anak-anak tersebut akhirnya "tidak menjadi", ibu bapa tetap memberi mereka hadiah dan memenuhi semua permintaan mereka. Ibu bapa seperti ini tidak mahu menyusahkan anak-anak mereka dalam apa cara, namun malangnya, tindakan ini membawa kepada kerosakan yang lebih besar kepada anak-anak. Kekurangan

sebenar anak-anak ini terletak pada harapan tersirat ibu bapa yang tidak mahu anak mereka meninggalkan rumah atau merasai pengalaman berdikari.

Ramai ibu bapa kepada para remaja di Amerika Syarikat dibesarkan dengan cara yang agak berbeza. Pada masa itu, anak-anak hanya bergaul dengan anak-anak yang lain, dan ibu bapa dengan ibu bapa yang lain. Sesetengah ibu akan memberitahu anak mereka: "Jangan ganggu ibu kecuali jika kamu cedera." Sukan adalah aktiviti yang dilakukan selepas waktu sekolah, bukan di hujung minggu. Ibu bapa selalunya tidak hadir pun ke mana-mana pertandingan sukan yang disertai anak mereka. Kebiasaannya mereka meninggalkan hal-hal persekolahan anak kepada para guru. Ibu bapa tidak begitu ambil peduli sama ada anak-anak gembira atau tidak. Yang penting, ibu bapa itu sendiri gembira.

ADAKAH YANG KITA MAKSUDKAN ITU KEBERGANTUNGAN ATAU SALING BERGANTUNG?

Mengajar kemandirian kepada anak-anak bukan bermaksud memisahkan terus hubungan dengan ibu bapa sepenuhnya. Mesti ada kedua-duanya iaitu autonomi sekaligus saling bergantung antara semua ahli keluarga.

Ketika ibu bapa hari ini menjadi anak-anak pada masa dahulu di Amerika Syarikat, saiz keluarga adalah besar tetapi rumah mereka kecil dan perkhidmatan awam terhad. Ramai anak-anak bekerja separuh masa ketika masih belajar sama ada di sekolah tinggi atau kolej untuk menyara kehidupan mereka sendiri. Mereka membeli kereta hanya apabila mampu membayarnya sendiri. Pemahaman mereka dan ibu bapa mereka adalah sebaik-baik sahaja anak-anak menamatkan pendidikan tinggi dan mendapat pekerjaan, mereka mampu untuk menyara diri sendiri. Pemahaman atau andaian ini membawa kepada kemandirian anak-anak.

Ibu bapa kini nampaknya terlalu mengambil berat tentang anak-anak mereka dan mahu anak-anak mendapat kehidupan yang selesa. Namun, ibu bapa terlupa untuk mendidik mereka menjadi orang yang baik. Tiada penekanan yang cukup kepada anak-anak untuk menjadi manusia baik yang mengambil berat tentang orang lain, bukan hanya diri mereka sendiri. Anak-anak yang diberikan sesuatu terlalu banyak memiliki empati yang kurang untuk orang lain dan lebih suka mementingkan diri sendiri. Anak-anak yang rosak akan menjadi teman sebilik yang menjengkelkan, dan mungkin menjadi pasangan yang teruk juga. Apabila mereka telah

membesar, tugas ibu bapa masih belum berakhir. Permintaan akan bertambah banyak dan ibu bapa tidak boleh berkata tidak. Sekiranya mereka mengatakan tidak sekalipun, mereka masih menurut kehendak anak tersebut. Mereka masih mahukan anak-anak mereka gembira walau apa pun keadaannya. Ibu bapa ini juga percaya bahawa jika mereka memberi lebih banyak, anak-anak akan lebih gembira. Namun, hasilnya adalah anak-anak yang tidak bertangungjawab dan tidak boleh berdikari. Justeru, bilangan ibu bapa yang kesal dengan keadaan ini meningkat. Mereka sakit dan kepenatan dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan tentangnya.

Fenomena ini adalah tidaklah terhad pada keluarga yang mewah sahaja. Malah, terdapat anak-anak daripada pelbagai tahap pendapatan melihat ibu bapa mereka sebagai sumber kewangan. Ramai ibu bapa yang berjimat dan hidup bersederhana semata-mata untuk memberikan apa yang mereka ada untuk anak-anak. Anak-anak pula hanya tahu membazirkan wang tersebut dan terlalu bergantung pada ibu bapa.

Apabila pencapaian anak-anak menjadi sesuatu yang penting sehingga membuatkan ibu bapa sentiasa campur tangan, sempadan penting antara "diri sendiri" dan "orang lain" menjadi kabur dan kemampuan anak-anak untuk belajar terbantut. Bantuan keibubapaan yang sesuai, perlu dan penting. Namun, memberi bantuan yang keterlaluan dan melayan anak-anak dewasa seperti kanak-kanak kecil adalah salah, walaupun di dalam kes anak-anak yang menderita penyakit mental atau fizikal. Anak-anak yang sudah terlalu "dimanjakan" ini adakalanya sukar untuk membuat keputusan, daripada persoalan "Apa yang perlu saya pakai?" kepada "Patutkah saya menerima kerja ini?" atau "Patutkah saya

mengahwini orang ini?" Anak-anak seperti ini akan besar menjadi orang dewasa yang marah kepada peranan ibu bapa dalam kehidupan mereka sebelum ini walaupun mereka masih mengharapkan penglibatan orang tua.



"Membina kemandirian dan keyakinan, bukan kebergantungan total dan takut untuk mengambil keputusan,"

SESETENGAH IBU BERTEKAD UNTUK MENJALANKAN "MISI MUSTAHIL"!

SESETENGAH IBU BERHASRAT UNTUK MELINDUNGI ANAK-ANAK KESAYANGAN MEREKA DARIPADA SESIAPA SAHAJA DAN APA SAHAJA YANG AKAN MENYAKITI ATAU MENGECEWAKAN ANAK-ANAK.

INI ADALAH SATU MISI YANG MUSTAHIL



Suatu Mitos KES BAYI MENANGIS

Menurut ahli psikologi Jeffry Simpson: "Jika anda merasa tidak selamat ketika berusia satu tahun, anda cenderung untuk mengalami emosi negatif

dalam hubungan anda dengan pasangan anda ketika berusia 21 tahun."

Simpson dan rakan sekerjanya telah mengesan rapat lebih 78 orang selama lebih 25 tahun, bermula sejak mereka masih bayi. Ibu-ibu meletakkan bayi mereka di makmal, dan mereka diminta untuk meninggalkan bayi-bayi ini sebentar. Bayi-bayi tersebut menjadi tidak keruan. Apabila ibu-ibu ini kembali, sebahagian bayi memeluk erat ibu mereka untuk mencari ketenangan dan dalam masa yang singkat, mereka mula menjadi tenang. Yang lain enggan untuk bertenang walaupun telah lama dipujuk. Manakala kumpulan bayi ketiga, langsung tidak mencari ibu mereka untuk ditenangkan.

Anak yang merasa selamat belajar bahawa, "aku boleh bergantung kepada ibu bapaku untuk membuatku tenang" dan selepas itu, mereka juga tahu bahawa orang lain juga boleh dipercayai. Anak yang berasa tidak selamat belajar bahawa, "ibu bapaku menolakku" atau "ibu bapaku tidak mempedulikanku," atau "aku perlu protes untuk

mendapat perhatian." Apabila anak-anak tidak berasa selamat pada umur satu tahun, mereka mungkin akan membesar menjadi orang yang lemah dan suka bergantung. Bayi yang dijaga dengan teratur berasa selamat dan boleh berdikari. Manakala bayi yang dibiarkan atau tidak dipedulikan merasa tidak selamat dan kurang mampu untuk berdikari.

Bayi yang menangis mesti mendapatkan sokongan yang diperlukan daripada ibunya dengan mengembalikannya ke dalam pelukan ibu. Setelah ditenangkan, dia akan kembali bermain dan meneroka dunia. Begitu juga dengan ibu bapa yang romantik, yang menjadi lebih saling bergantung apabila keperluan emosi mereka dipenuhi. Seseorang itu lebih mudah untuk mengambil risiko dan menerima cabaran sekiranya mereka tahu ada seseorang yang akan menolong dan menenangkan mereka jika ada sesuatu yang tidak kena berlaku. Semakin seseorang itu berasa selamat, semakin mudah untuk dia mendapatkan bantuan dan sokongan orang lain.

"Orang yang cukup yakin untuk meminta bantuan orang lain – dan kepada siapa pertolongan itu diberi - benar-benar mampu untuk saling bergantung."

Pencapaian Khusus Mengikut Umur

Anak-anak muda berfikir bahawa mereka berkemampuan dan boleh berdikari sekiranya ibu bapa mereka mengajar mereka untuk berbuat demikian. Anak-anak belajar untuk bersifat autonomi apabila ibu bapa mereka mencurahkan kasih sayang dan sokongan, menggalakkan mereka meneroka dan memupuk rasa ingin tahu, mengajar kemahiran dan membenarkan anak-anak untuk membuat pilihan yang sesuai. Semangat ibu bapa terhadap penerokaan kanak-kanak memberi suatu mesej

bahawa mereka sememangnya menghargai aktiviti-aktiviti seperti ini.

"Aku boleh melakukannya sendiri!"



Tugas yang dilakukan sendiri membawa kepada kemandirian. Usaha seorang bayi untuk mengangkat leher, bergolek atau duduk adalah satu langkah yang signifikan ke arah kemandirian. Kasih sayang, kemesraan dan pengasuhan membantu mereka mencapai matlamat tersebut.

Persekutuan yang selamat sangat penting sebaik-baik sahaja anak-anak mulai bergerak. Anak-anak tatih tidak langsung menghiraukan keselamatan mereka. Kemandirian boleh digalakkan dengan memberi mereka beberapa pilihan kecil. Beri anak tatih kawalan yang sewajarnya terhadap kehidupan mereka sendiri seperti memilih buku mana yang ingin dibaca, lagu apa yang ingin dinyanyikan, atau pakaian mana yang ingin dipakai. Kanak-kanak prasekolah pula boleh menzahirkan banyak fikiran, perasaan dan keperluan, dan mereka bersedia untuk mengambil langkah yang lebih besar ke arah kemandirian. Galakkkan anak tatih untuk mengemas pakaian dan permainan mereka, menyiapkan meja, melipat tuala, atau membantu menyiapkan makanan. Ini akan membina perasaan bahawa mereka berkemampuan dan berdikari.

Apabila anak-anak mencapai umur persekolahan, terdapat banyak peluang yang membantu sifat mandiri. Keputusan tentang kawan-kawan, projek sekolah dan bermain semuanya akan menjadi sebahagian daripada pilihan kehidupan sehari-hari mereka. Kemahiran membuat keputusan tentang kewangan boleh diajar dengan memberi anak-anak yang lebih tua tanggungjawab kewangan (contohnya, memperuntukkan eluan mingguan atau melantik anak sebagai bendahari rumah). Penting untuk menghormati pilihan anak-anak pada bila-bila masa. Dengan menunjukkan semangat yang

murni dan mengiktiraf banyak tugas kecil yang telah dicapai oleh mereka, ibu bapa membantu mengawal dunia mereka, dan menyediakan mereka untuk satu kehidupan yang sihat dan berdikari.

Biar Anak Tatih Melakukannya Sendiri

Kanak-kanak mahu mencuba sesuatu sendiri. Mungkin anda merasakan sukar untuk menjalankan tugas anda apabila anak-anak berubah daripada sikap "biar saya buat sendiri" pada satu masa, dan bergantung dan takut untuk melepaskan anda pergi dalam satu masa yang lain. Perkara-perkara berikut dapat membantu dalam mengendalikan anak tatih:

"....lakukan sebanyak yang mungkin untuk membina perasaan selamat dalam diri anak-anak dengan memberi sebanyak-banyaknya perhatian yang penuh kasih sayang..."

- Membantah dan tidak patuh (enggan untuk patuh kepada permintaan orang dewasa) adalah bahagian penting kepada keinginan anak tatih untuk berdikari.
- Mengikut keinginan anak tatih akan menghilangkan rasa sakit hati. Jika mereka mahu berpaut pada ibu bapa, biarkan mereka. Jika mereka ingin melakukan sesuatu sendiri, ibu bapa hendaklah menurutinya sahaja selagi cara tersebut munasabah.
- Gangguan adalah taktik yang khususnya berguna apabila kanak-kanak tidak mahu mengikut arahan. Selain itu, mereka boleh dibenarkan untuk membuat pilihan dengan sedikit kawalan.
- Arahan dan ultimatum sepatutnya dielakkan. Ia memprovokasi pergelutan kuasa dan

pertelingkahan yang tiada berkesudahan dengan kebanyakan anak tatih. Mengajar secara terpimpin lebih mendatangkan hasil. Anak tatih dilihat enggan patuh kepada apa jua bentuk kawalan daripada orang dewasa. Mereka mahu berpakaian dan makan sendiri tanpa bantuan ibu bapa. Tingkah laku yang berlawanan ini adalah sesuatu yang normal, walaupun ibu bapa mendapatinya agak menjengkelkan.

Kegelisahan Terhadap Perpisahan: Menangani Sikap Suka Melekap

Ibu bapa adalah orang yang penting kepada anak-anak mereka. Inilah mengapa ketakutan anak-anak kecil kepada orang yang tidak dikenali dan perpisahan daripada keluarga adalah perkara normal. Mereka menghabiskan satu atau dua tahun “melekap” kepada ibu bapa, maka tidak hairanlah apabila mereka tidak boleh melepaskan ibu bapa hilang daripada pandangan mereka. Perpisahan merupakan sesuatu yang sukar kepada ibu bapa dan anak-anak. Di sini dititipkan beberapa panduan untuk menangani perpisahan.

- Ibu bapa seharusnya membuat pelbagai usaha untuk membina rasa selamat dengan memberi sepenuh kasih sayang dan perhatian, memeluk dan bermain dengan anak-anak mereka. Membina rasa yang selamat memerlukan kesabaran dan perlu berterusan sehingga berasa bersedia untuk berdikari.



- Perpisahan hendaklah dipendekkan apabila perlu untuk meninggalkan anak-anak tersebut, terutamanya untuk beberapa siri perpisahan awal. Memberikan masa yang cukup penting kepada anak-anak supaya mereka dapat mengenali pengasuh baharu sebelum perpisahan berlaku.
- Penting untuk ibu bapa meyakinkan anak bahawa mereka akan pulang semula. Bagi anak-anak yang sensitif, perpisahan walaupun singkat, seperti pergi ke taska pada waktu pagi, adalah sesuatu yang sukar. Ibu bapa perlu mengambil masa untuk bercakap dengan anak mereka terlebih dahulu tentang perubahan dalam penjagaannya. Penyerahan tersebut tidak boleh berlaku secara tergesa-gesa.
- Ibu bapa tidak boleh terus hilang di belakang anak-anak. Walaupun mengucapkan selamat tinggal boleh menjadi sesuatu yang menyedihkan, anak-anak akan kurang risau berbanding dengan keadaan apabila ibu bapa hilang begitu sahaja. Penting untuk kelihatan gembira dan elakkan daripada melengah-lengahkan pemergian. Menunjukkan rasa tertekan hanya menyebabkan anak berasa gelisah.
- “Anak tatih yang melekap” – Sekiranya anak melekap kepada ibu bapa meskipun ketika melalui rutin harian di rumah atau di pasar raya, ibu bapa perlu cuba bertengang dan meneruskan kehidupan seperti biasa. Walaupun bukan mudah untuk menyediakan makan tengah hari atau bercakap dengan seseorang dalam keadaan anak yang sentiasa melekat dengan ibu bapa sebegini, pada akhirnya suatu masa nanti, anak akan berasa selamat dan dapat melepaskan ibu bapa.

Menjadi perkara biasa bagi ibu bapa jika mereka berasa agak sedih apabila bayi mereka meningkat kepada suatu perkembangan yang seterusnya.

Remaja – Realitinya

Anak-anak kecil perlu dijaga dengan penuh perlindungan dan sifat autoritarian kerana mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cetek. Saiz mereka yang lebih kecil menyebabkan mereka perlu sentiasa dilindungi dan diberi bantuan Kadangkala, ibu bapa tidak dapat menjelaskan dengan betul mengapa mereka harus berperilaku dengan tingkah laku tertentu. Mereka hanya perlu memberitahu anak-anak mereka untuk mengikut apa yang mereka arahkan.

Namun dengan anak remaja, pendekatannya berbeza. Daripada menjadi “komandor” ibu bapa harus menjadi perunding yang mahir dan boleh berkompromi.

Remaja perlu belajar bagaimana untuk hidup sendiri. Mereka akan meninggalkan rumah suatu hari nanti dan harus meneruskan hidup tanpa ibu dan ayah. Ini juga tugas ibu bapa untuk tidak bergantung kepada anak-anak yang mereka

kasihi, dan yang mungkin telah dimanjakan. Mereka perlu membantu anak-anak untuk bergantung pada diri sendiri. Ibu bapa perlu berubah daripada kawalan yang ketat kepada kawalan yang longgar dan bersedia untuk menyerahkan kawalan tersebut sepenuhnya. Remaja perlu belajar bagaimana untuk tidak terlalu bergantung kepada ibu bapa. Hal ini agak sukar terutamanya apabila ada konflik antara remaja dan ibu bapa mereka.

Remaja menjadi malas apabila ibu memilih untuk menjadi “hamba” kepada rumah tangga. Mereka tidak pandai berdikari sama sekali dan mereka membesar dengan mengharapkan seseorang untuk menunggu mereka.

Perkara yang sukar untuk disedari oleh seorang ibu yang sentiasa menjadi hamba adalah di sebalik niat baiknya, berlaku kekesalan dan kekecewaan anak-anak remaja terhadap dirinya, berbanding dengan perasaan sayang dan menghargainya seperti yang diharapkan oleh si ibu. Rasa kekesalan ini terbina kerana anak-anak ini membesar dengan merasakan bahawa mereka boleh melakukan sesuatu yang lebih atau kurang, atau apa sahaja yang mereka mahu



sesuka hati mereka. Sempadan di antara apa yang dibenarkan dengan yang tidak mestilah jelas. Sekiranya tidak jelas, para remaja ini mungkin tidak pasti apa sebenarnya yang harus dilakukan oleh mereka. Dan sebagai manusia biasa, mereka pada kebiasaannya akan menolak sempadan tersebut dengan melebihi hadnya.

Sesetengah ibu bapa bersikap agresif dan mahu mengawal setiap situasi. Sikap ini membawa kepada konflik dengan anak-anak muda yang sedang belajar untuk berdikari. Memang tugas ibu bapa untuk membantu anak-anak remaja mengawal kehidupan mereka. Ibu bapa sendiri akan hilang sebahagian kawalan terhadap mereka. Apabila ibu bapa berbincang tentang apa-apa isu dengan teman dewasa mereka, banyak perbezaan pandangan akan berlaku kerana pemikiran mereka tidak sama. Justeru, ibu bapa juga hendaklah membenarkan anak-anak menikmati kebebasan untuk berbeza pandangan. Mereka tidak boleh mengawal pemikiran anak-anak. Mereka hanya boleh menggalakkan anak-anak untuk melihat sisi pandang yang berbeza dan tidak boleh memaksa mereka. Ibu bapa yang mengalami kejutan kerana perkara ini, harus belajar menanganinya. Jika mereka berasa kecewa, mereka perlu belajar untuk hidup dengan keadaan tersebut. Reaksi-reaksi ini adalah masalah ibu bapa, bukan masalah anak-anak.

Walau bagaimanapun, terdapat masalah yang kian meningkat berkaitan dengan AIDS, dadah dan keganasan. Bahaya masalah ini kepada anak-anak lebih menakutkan berbanding dengan yang sebelum ini, dan “belajar daripada kesilapan diri” boleh membawa harga yang tinggi. “Apa yang telah terjadi kepada anakku?” dan “Mengapa kamu tidak faham-faham lagi?” adalah ekspresi biasa sebahagian ibu bapa.

Zaman remaja adalah suatu tempoh apabila ibu bapa dan anak-anak mendefinisikan semula hubungan mereka untuk pergi ke arah yang lebih baik. Apabila ada orang dewasa datang memberikan remaja panduan dan keselesaan, mereka akan menghargai dan mengingati kebaikan ini sentiasa.

Kebanyakan ibu bapa menyedari bahawa mereka tidak dapat berkata dengan banyak tentang perkara yang dilakukan oleh anak-anak. Begitu juga dengan kesan yang dialami oleh anak-anak ini akibat tindakan mereka yang berlebihan. Ibu bapa mesti menerima bahawa anak mereka ingin memecat mereka sebagai “pengurus”. Jadi, mereka harus mencuba untuk dilantik semula sebagai “penasihat” yang menawarkan panduan supaya dapat terus untuk mempengaruhi anak. Di samping itu, mereka harus belajar untuk menyerahkan kawalan. Sekiranya ibu bapa tetap ingin mengawal, perhubungan mereka akan berakhir dengan pergaduhan yang berpanjangan.

Meskipun para remaja sering menyuruh ibu bapa supaya meninggalkan mereka bersendirian, kebanyakan remaja bersetuju bahawa mereka sebenarnya masih berharap ibu bapa mengambil berat tentang mereka walaupun mereka bersikap sedemikian.

Sebagai contoh, walaupun Faruk membesar di kawasan kongsi gelap yang aktif, ibu bapanya sering memberi amaran supaya dia tidak terlibat dengan kumpulan ini. Dia berkata, “Aku tahu ibu bapaku mengambil berat tentangku, jadi aku tidak memerlukan struktur keluarga yang diberikan oleh kumpulan ini. Ibu bapaku mengajar aku untuk berfikir secara mandiri dan tidak mengikut orang lain.”

Kepada sebahagian bapa, membiarkan anak perempuan mereka untuk "melompat ke dalam" adalah sesuatu yang sukar. Mereka terlalu melindungi, maka anak-anak perempuan mereka membentuk kebergantungan yang berpanjangan kepada mereka. Mereka ini kemudian tidak belajar untuk membuat keputusan mereka sendiri. Mereka tidak pandai membaharu lesen memandu, mengisi borang insurans kereta, membuka akaun bank atau memandu dua jam perjalanan sendiri. Ibu bapa tidak sepatutnya membiarkan hal ini berlaku. Mereka boleh memberi anak perempuan mereka autonomi ketika mereka masih kecil. Tidur di rumah kawan atau menyertai perkhemahan pandu puteri anjuran sekolah boleh membantu menangani hal ini.

Satu definisi kemandirian

Kemandirian adalah antara pilihan atau alternatif yang diberi oleh ibu bapa kepada anak mereka.

Remaja yang mempunyai tanggungjawab sebenar yang mencukupi dan autonomi dalam kehidupan mereka akan kurang mencari perkara sedemikian melalui cara yang berisiko.

Impak Gaya Keibubapaan: Berasaskan Autoriti Iwn. Berasaskan Kuasa

Keibubapaan berdasarkan autoriti bermaksud keibubapaan yang memupuk dan menggalakkan sikap berdikari. Manakala keibubapaan berdasarkan kuasa bermaksud keibubapaan yang memupuk dan menggalakkan kebergantungan. Walaupun ramai orang dewasa sukar membuat keputusan dari semasa ke semasa, untuk sebahagian orang, ini adalah masalah kronik yang mengganggu kehidupan harian mereka. Memutuskan ke mana mahu makan malam, apa yang mahu dibeli, atau kelas apa yang perlu diambil kadang-kadang boleh menjadi sesuatu yang menyakitkan. Ada juga yang selalu merasakan lebih baik untuk menunggu orang lain membuat keputusan daripada membuat keputusan mereka sendiri.

Terdapat dua ketakutan biasa yang terbina dalam diri kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa yang mengasuh berdasarkan kuasa. Ketakutan pertama adalah ketakutan untuk gagal. Untuk orang dewasa yang "takut membuat keputusan", kesukaran mereka selalunya disebabkan semasa kecil mereka ada seseorang yang sentiasa membuat keputusan untuk mereka. Terlalu

kerap juga, ada sahaja seseorang yang sentiasa sanggup melindungi mereka daripada apa-apa kemungkinan untuk gagal atau lebih mudah untuk membuat keputusan yang cepat untuk mereka. Anak-anak yang dididik oleh ibu bapa yang berdasarkan kuasa berkata, "mengapa mahu mengambil risiko untuk gagal jika ada orang lain yang akan melakukannya untuk saya?" Anak-anak ini membesar dengan kurang kemampuan untuk berfikir dan mengelak untuk membuat keputusan. Sebagai tambahan, dengan dilindungi daripada kegagalan, mereka juga tidak merasakan ada "perasaan puas hati" setiap kali mereka membuat keputusan yang berjaya.

Ketakutan kedua adalah ketakutan kerana ditolak. Anak-anak yang dibesarkan dengan kebergantungan kesan daripada keibubapaan yang berdasarkan kuasa, cenderung untuk memerlukan pengiktirafan daripada ibu bapa. Walaupun dalam tahun-tahun pertama, perkara ini adalah sesuatu yang sihat dan diinginkan, akhirnya penilaian terhadap diri mereka dan pengiktirafan merosot. Apabila pengiktiraafan itu lemah, mereka akan memindahkan keperluan pengiktirafan daripada ibu dan ayah kepada orang lain dalam hidup mereka.

Sikap mereka adalah: "Memandangkan keputusan yang silap boleh membawa kepada ketidaksetujuan dan penolakan, lebih baik saya kekal bersikap pasif dan bergantung pada orang lain."

Pada sisi yang lain, ibu bapa yang mengambil pendekatan berdasarkan autoriti mengajar anak-anak mereka supaya berani menghadapi kegagalan dan penolakan. Pada masa yang sama, mereka membantu anak-anak untuk mengambil risiko secara bijak, yang sangat berguna untuk membuat keputusan yang baik. Dengan menggalakkan sikap berdikari, ibu bapa memberi peluang kepada anak-anak untuk belajar dan berjaya dengan memberi mereka peluang untuk betul-betul gagal. Kata-kata: "tunjukkan saya kejayaan dan akan saya tunjukkan kamu kegagalan" menunjukkan bahawa banyak kejayaan yang akan datang akibat daripada kegagalan hari ini. Anak-anak akan belajar daripada kegagalan tersebut dengan menilai apa yang telah silap, memutuskan apa yang perlu dielakkan pada masa akan datang dan selepas itu mencuba lagi.

Tetapkan garis panduan tetapi jangan keliru dengan aspek fleksibiliti dan sikap tidak konsisten. Bersikap konsisten menjamin keselamatan, kemampuan untuk meramal dan memahami sebab dan kesan. Ini adalah ciri-ciri penting keibubapaan. Kuncinya adalah kesanggupan dan kemampuan untuk bersifat fleksibel dan dalam masa yang sama konsisten. Anjal yang merupakan karakteristik keibubapaan berdasarkan autoriti merujuk kepada keadilan dan keinginan untuk menilai semula keputusan, berdasarkan pencerahan maklumat baru. Garis panduan yang berdasarkan ibu bapa berdasarkan autorti adakalanya berubah, tetapi hanya dengan alasan yang kukuh.

Kekakuan, sebaliknya, adalah keengganannya untuk berubah walaupun keadaan baru menuntut



anda untuk berubah. Mesej yang diterima oleh anak daripada ibu bapa berdasarkan kuasa adalah "kerana saya mengatakan demikian," atau, "kerana saya adalah ibu bapamu," atau "buat seperti yang saya suruh" (tanpa apa-apa penjelasan logik). Anak-anak akhirnya akan mencapai satu tahap kekecewaan yang membuatkan mereka membelakangi peraturan ibu bapa mereka yang kaku. Mereka mula melakukan perkara "dengan cara saya dan untuk diri saya" tanpa memikirkan "sebab dan akibat". Memandangkan mereka tidak belajar bagaimana untuk menangani kegagalan dan penolakan, pemberontakan mereka membawa kepada lebih banyak kesilapan yang tidak mampu lagi untuk ditangani. Hasil yang tidak dapat dielakkan adalah kekecewaan, kekalahan dan rasa rendah diri. Kita melihat tanda-tanda ini dalam masyarakat pada hari ini dalam bentuk kenakalan dan kerosakan remaja.

Akibat malang yang lain bagi keibubapaan yang berdasarkan kuasa ini adalah sebahagian anak bertindak balas dengan cara yang berlawanan daripada apa yang telah digambarkan di atas. Mereka menjadi orang dewasa yang lemah yang

membenarkan orang lain mengawal mereka. Ini menghasilkan perkahwinan yang terdiri daripada seseorang yang mahu mengawal dan mendominasi yang memerlukan orang yang mahu dikawal dan didominasi. Padanan sebegini menyebabkan perhubungan yang tidak bahagia yang biasanya berakhir dengan kesakitan dan kesedihan.

Kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa berasaskan kuasa mungkin mengalami kesukaran dengan pasangan mereka dalam tempoh perkahwinan; terlalu gelisah atau terlalu argumentatif



Kemahiran Membina Autonomi dalam Diri Anak-anak

Isu-isu seperti gengsterisme, dadah atau seks melibatkan bahaya yang sebenar dan kesan yang berpanjangan. Bahaya-bahaya ini kadangkala mendorong ibu bapa menjadi diktator berbanding dengan penasihat. Orang muda mengatakan bahawa pada masa-masa sukar inilah amat penting untuk mempercayai anak-anak sendiri (Faber and Mazlish 1982).

Liz, 20 tahun, yang membesar di California berkata dia menghargai fakta bahawa ibu bapanya membincangkan secara terbuka apa-apa sahaja soalan tentang seks dan dadah.

Mereka menyedari bahawa anak-anak suka mencuba sesuatu yang baharu, tetapi dalam masa yang sama mereka juga memberinya mesej yang jelas supaya jauhi seks dan dadah. Ada antara rakan-rakan sekelasnya yang ibu bapa mereka melarang perbincangan tentang dadah dan arak, namun mereka juga yang sentiasa minum arak di belakang ibu bapa mereka. Menggalakkan anak-anak untuk membuat keputusan sendiri adalah lebih bijak daripada membuat semua keputusan untuk mereka, tidak kira berapa banyak

pengetahuan yang dimiliki oleh ibu atau ayah. Remaja yang bertanggungjawab dan mempunyai autonomi yang cukup kurang untuk melakukan sesuatu yang berisiko.

Apabila manusia berada pada posisi yang bergantung kepada orang lain, mereka mengalami perasaan tidak berdaya, rasa tidak berharga, kekesalan dan kemarahan. Keadaan ini mendorong mereka untuk menggalakkan autonomi anak-anak sentiasa ada pada setiap hari. Di sini ada beberapa kemahiran yang dapat membantu anak-anak bergantung pada diri mereka (Faber and Mazlish 1982)

- Apabila ibu bapa mendengar luahan perasaan anak-anak mereka, atau berkongsi perasaan dengan mereka, atau mengajak mereka untuk menyelesaikan masalah bersama mereka, mereka ini menggalakkan sikap berdikari dalam diri anak-anak. Seorang ibu berkata: "Terngiang-ngiang di telinga nenek saya memuji jirannya: Dia adalah ibu yang sangat

hebat. Dia melakukan semua perkara untuk anaknya!" Ramai orang membesar dengan kepercayaan bahawa ibu yang baik melakukan hampir kesemua untuk anak-anak mereka. Perkara yang lebih teruk, mereka juga berfikir untuk anak-anak. Kawalan yang berlebihan menyebabkan pertelingkahan tentang isu-isu remeh, pertikaian tentang wasiat dan membawa banyak penyesalan.

- Ibu bapa perlu secara beransur-ansur mengembalikan tanggungjawab anak yang sebenarnya adalah milik mereka. Apabila ibu

bapa mula mahu campur tangan, mereka harus bertanya kepada diri mereka, "Adakah saya ada pilihan di sini? Mestikah saya mengambil alih? Bolehkah saya membiarkan anak-anak untuk bertanggungjawab melaksanakannya?"

- Satu tabiat yang baik bagi ibu bapa adalah sentiasa bertanya pada diri mereka: Apakah yang saya katakan atau lakukan ini yang akan membuatkan anak saya bergantung kepada saya? Dan jauhi perkara tersebut. Apakah yang boleh saya katakan atau lakukan untuk menggalakkan sikap autonomi anak saya?" Dan lakukannya.

Cuba untuk melindungi anak daripada kekecewaan juga menghalang mereka daripada berharap, berusaha bersungguh-sungguh, mempunyai impian dan mencapai impian tersebut.

KISAH BENAR YANG SUKAR DIPERCAYAI

Seorang ibu menceritakan kisah ini. Saya masih ingat kepuasan hati saya apabila saya benar-benar diperlukan oleh ketiga-tiga anak saya. Namun, perasaan saya bercampur baur apabila mendapat jam loceng mekanikal boleh mengejutkan mereka dari tidur dengan lebih berkesan. Perasaan saya juga berbaur apabila saya tidak lagi diperlukan untuk membacakan mereka buku cerita sebelum tidur. Anak-anak sudah boleh membaca sendiri.

Konflik emosi yang saya alami ini tentang diri anak-anak yang sedang belajar berdikari membantu saya memahami satu kisah yang diceritakan oleh seorang guru tadika, bagaimana dia berusaha untuk meyakinkan seorang ibu muda bahawa anaknya akan baik-baik sahaja walaupun dia tiada di dalam kelas bersama anaknya. Selepas lima minit ibu tersebut pergi, si anak perlu ke bilik air. Apabila guru menyuruhnya pergi, dia merungut dengan sedih, "Saya tidak boleh pergi kerana ibu tidak ada di sini. Dia akan bertepuk tangan kepada saya apabila saya selesai." Guru itu berkata: "Kamu boleh pergi ke bilik air dan bertepuk tangan kepada diri sendiri." Anak itu kelihatan keliru, tetapi guru itu membawanya ke bilik air dan menunggu di luar. Selang beberapa minit, dia mendengar bunyi tepukan tangan.

Petang itu ibu tersebut menghubungi guru itu dan memberitahu bahawa anaknya pulang ke rumah dan berkata: "Ibu, saya boleh tepuk untuk diri sendiri. Saya tidak perlukan ibu lagi di bilik air."

"Bolehkah kamu bayangkan," ujar guru tersebut, "ibu itu berkata sebenarnya dia agak tertekan dengan hal tersebut."

BIARKAN ANAK MEMBUAT PILIHAN

Tanya kepada anak sama ada dia mahu separuh gelas susu atau segelas penuh susu, atau sama ada dia mahu rotinya dibakar sederhana warnanya atau gelap. Bagi anak, setiap pilihan yang kecil membawa satu lagi peluang untuk mengawal

hidupnya. Dia boleh menjadi orang yang penuh penyesalan dan degil jika dia tidak pernah diberi pilihan.

Dia sentiasa mendengar arahan:

"Kamu mesti makan ubat."

“Berhenti mengetuk meja.”

“Pergi tidur sekarang.”

Kita boleh memberinya pilihan, selalunya pilihan tersebut cukup untuk mengurangkan rasa kesalnya.

“Ibu nampak kamu tidak suka ubat ini. Kamu mahu makan ubat itu dengan jus epal atau jus oren?”

“Ketukan kamu itu mengganggu ibu. Kamu mesti berhenti mengetuk meja itu dan duduk di situ atau kamu boleh ketuk meja di bilik kamu. Kamu pilih.”

“Sekarang masa ibu dan ayah untuk bercakap dan masa kamu untuk tidur. Kamu mahu tidur sekarang atau kamu mahu bermain dahulu di atas katil dan panggil kami apabila kamu bersedia untuk tidur?”

Manusia yang paling sukar untuk diyakini bahawa mereka sudah bersara adalah anak-anak ketika masa hendak masuk tidur.

(Brown 1994)

Pilihan yang dipaksa bukanlah satu pilihan yang sebenarnya dan ia hanyalah cara untuk mengawal anak. Satu alternatifnya adalah untuk mengajak anak mencadangkan pilihan-pilihan yang boleh diterima oleh semua orang. Seorang bapa pernah berkata: “Saya dan isteri saya sedang bersedia untuk melintas jalan bersama Hany yang berusia tiga tahun dan bayi kami. Dia cukup tidak suka apabila kami memegang tangannya dan berusaha untuk melepaskan diri; kadangkala ia berlaku di tengah jalan. Sebelum kami melintas, saya berkata kepadanya, ‘Hany, kamu boleh memegang tangan ayah atau ibu. Atau mungkin kamu ada idea lain yang lebih selamat?’ Dia

berfikir dan berkata, ‘Saya akan pegang kereta bayi.’ Kami bersetuju dengan pilihannya.”

HORMATI USAHA ANAK

Apabila anak-anak diberitahu bahawa sesuatu itu “mudah”, perkara tersebut mungkin tidak membantu mereka. Sekiranya mereka berjaya melakukan sesuatu yang mudah, mereka berasa bahawa mereka tidak terlalu berjaya. Sekiranya mereka gagal, mereka berasa gagal untuk membuat sesuatu yang mudah. Walau bagaimanapun, jika mereka diberitahu, “Kamu boleh melakukannya, dan ia mudah” atau “Ini boleh jadi susah,” mereka mendapat mesej yang berbeza. Jika mereka berjaya, mereka boleh berbangga kerana melakukan sesuatu yang susah. Jika mereka gagal, mereka berpuas hati kerana tugasani ini sangat sukar.

Ada sebahagian yang berfikir bahawa ibu bapa tidak jujur apabila mereka mengatakan “Ini boleh jadi sukar.” Walau bagaimanapun, sekiranya mereka melihat tugasani tersebut daripada kaca mata seorang anak yang tidak berpengalaman, mereka akan menyedari bahawa untuk kali pertama seseorang membuat sesuatu yang baharu, ia sememangnya sukar. (Elakkan daripada berkata, “Kerja itu mesti susah untuk kamu.” Anak tersebut akan berfikir “Kenapa untuk saya? Kenapa bukan orang lain?”).

Sesetengah ibu bapa tidak sanggup melihat anak mereka bertungkus lumus (hanya menunjukkan empati sahaja). Namun begitu, daripada ibu bapa tersebut membuatkan kerja untuk si anak, lebih baik mereka memberi kepada anak itu maklumat yang berguna: “Kadangkala, ia mungkin membantu jika kamu tolak hujung zip ke bawah dalam ruang kecil sebelum kamu menariknya ke atas.” Atau “Mungkin membantu

jika kamu pusingkan tombol kunci itu beberapa kali sebelum kamu cuba kombinasi itu sekali lagi.” Frasa “kadang-kadang ia membantu” berguna di sini kerana jika ia tidak membantu, anak itu akan merasa tidak berkemampuan.

JANGAN BERTANYA TERLALU BANYAK

“Ke mana kamu pergi?”... “Keluar.” “Apa yang kamu buat?”... “Tidak ada apa-apa.” Anak-anak menggunakan cara mempertahankan diri untuk mengabaikan soalan-soalan yang mereka tidak mahu dan tidak bersedia untuk menjawabnya. “Saya tidak tahu” atau “Tinggalkan saya sendirian.” Ini tidak bermakna bahawa ibu bapa tidak boleh langsung bertanya soalan kepada anak-anak. Perkara paling penting adalah bersikap sensitif terhadap kesan yang mungkin timbul daripada soalan tersebut.

Satu soalan yang biasanya ditanya ibu bapa yang agak mengganggu adalah “Adakah kamu gembira hari ini?” Ini adalah tuntutan yang tidak munasabah untuk dibuat terhadap anak-anak. Bukan sahaja mereka perlu ke parti (atau ke sekolah, bermain, kem motivasi dan sebagainya) tetapi juga harapan supaya mereka dapat menggembirakan diri mereka sendiri. Sekiranya mereka tidak gembira pergi ke tempat-tempat itu, mereka harus menangani kekecewaan sendiri termasuk kekecewaan ibu bapa mereka. Anak-anak merasakan bahawa mereka telah mengecewakan ibu bapa mereka sekiranya mereka tidak berasa gembira dengan apa yang berlaku dalam kehidupan mereka.

JANGAN GOPOH MENJAWAB SOALAN

Dalam proses pembesaran, anak-anak bertanya pelbagai soalan yang membingungkan: “Apa itu pelangi?” “Mengapa bayi tidak boleh kembali ke tempat dari mana ia datang?” “Adakah kita

perlu pergi ke kolej?” Ibu bapa selalu termanggu-manggu seketika mencari jawapan yang cepat dan sesuai. Kebiasaannya, anak-anak telah berfikir tentang jawapannya dan hanya mahu meneroka fikiran ibu bapa dengan lebih lanjut. Jadi, masa sentiasa ada bagi orang dewasa untuk memberikan jawapan yang betul kemudian, jika ia masih dilihat penting. Terus memberikan jawapan adakalanya tidak membantu anak itu. Keadaan itu adalah seperti ibu bapa melakukan latihan mental atau memikirkan secara luas untuk mereka. Lebih baik bagi anak-anak jika persoalan tersebut dikembalikan semula kepada mereka untuk difikirkan dengan lebih mendalam:

“Kamu hairan tentang itu. Apa pandangan kamu?”

Ibu bapa mungkin boleh sahaja mengulang soalan itu.

“Mengapa orang tidak boleh buat apa yang mereka mahu?”

Mereka boleh juga memuji anak yang bertanya:

“Kamu bertanya soalan penting yang ditanya oleh ahli-ahli falsafah berkurun-kurun lamanya.”

Tidak perlu bersegera kerana proses mencari jawapan itu sendiri sebenarnya lebih bermakna.

GALAKKAN ANAK-ANAK MENGGUNAKAN SUMBER YANG ADA DI LUAR RUMAH

Salah satu cara untuk mengurangkan perasaan kebergantungan anak-anak kepada ahli keluarga mereka adalah dengan menunjukkan kepada mereka bahawa ada masyarakat yang lebih besar di luar sana dengan pelbagai sumber yang menanti

untuk digunakan. Dunia ini bukanlah tempat yang asing. Pertolongan ada di mana-mana apabila diperlukan.

Selain daripada manfaat yang jelas kepada anak-anak, perkara ini juga melegakan ibu bapa daripada terus menjadi pengawal setiap masa. Jururawat sekolah boleh berbincang tentang tabiat makan yang betul kepada anak-anak yang mempunyai berat badan yang berlebihan; penjual kasut boleh menjelaskan bagaimana penggunaan kasut ketat yang berterusan memberi kesan kepada kaki; pustakawan boleh membantu anak muda yang sedang bergelut dengan kertas kajian; dan doktor gigi boleh menjelaskan apa yang berlaku kepada gigi jika tidak diberus atau kesan makan gula-gula terlalu banyak. Semua sumber dari luar ini boleh menggantikan begitu banyak “syarahan” daripada ibu dan ayah.

JANGAN LENYAPKAN HARAPAN

Banyak kegembiraan di dunia ada pada mimpi, fantasi, ramalan dan perancangan. Dengan menghalang anak-anak daripada mengalami rasa kecawa, ibu bapa boleh menyebabkan mereka tidak merasai pengalaman perasaan yang penting ini.

Petua untuk Ibu Bapa

Berikut adalah beberapa cara tambahan untuk membina sifat berdikari pada anak-anak:



BIARKAN MEREKA M E M I L I K I TUBUH MEREKA SENDIRI

Ibu bapa mesti menahan diri daripada selalu menyikatkan rambut anak, meluruskan

bahu mereka, memasukkan baju mereka ke dalam seluar dan membetulkan kolar baju mereka. Anak-anak menganggap tingkah laku yang berlebihan ini sebagai pencerobohan privasi fizikal mereka.

USAH BERCAKAP TENTANG ANAK DI HADAPAN MEREKA TIDAK KIRA BETAPA MUDA PUN UMUR MEREKA

Ibu bapa sepatutnya membayangkan anak-anak ini berdiri di sebelah ibu mereka apabila ibu bapa bercerita kepada kawan ibu bapa seperti berikut:

“Semasa dia di Tahun Satu, dia nampak tidak gembira kerana masalah bacaannya. Sekarang dia nampak lebih baik.” Atau, “Jangan kisahkan dia. Dia agak pemalu.”

Apabila anak-anak mendengar diri mereka diperkatakan seperti ini, mereka akan berasa malu. Mereka dilayan seperti objek dan barang pemilikan.

BIARKAN ANAK-ANAK MENJAWAB SENDIRI

Sekali lagi, ibu bapa di hadapan anak mereka ditanya soalan berikut:

“Adakah dia suka adik baharunya?”
“Mengapa dia tidak bermain dengan permainan baharunya?” Tanda hormat yang sebenar pada autonomi anak adalah dengan mengatakan kepada orang yang bertanya, “Amir boleh beritahu sendiri. Dia sendiri yang tahu kenapa.”

TUNJUKKAN RASA HORMAT PADA KESEDIAAN ANAK

Adakalanya anak teringin untuk melakukan sesuatu tetapi tidak secara fizikal dan emosinya tidak bersedia untuk melakukannya. Contohnya, dia mahu menggunakan tandas

seperti budak besar tetapi dia masih tidak boleh.

Dia mahu berenang seperti abangnya tetapi dia takut akan air. Dia mahu berhenti menghisap ibu jari tetapi apabila dia penat, dia berasa seronok menghisapnya.

Daripada memaksa, memujuk atau memalukan anak-anak kecil ini, ibu bapa boleh meluahkan keyakinan mereka dalam cara yang positif, seperti:

“Satu hari nanti, kamu pasti boleh menggunakan tandas seperti ibu dan ayah.”

“Ibu tidak bimbang. Bila kamu bersedia nanti, kamu pasti akan dapat berenang seperti abang.”

“Bila kamu mahu berhenti, kamu akan berhenti menghisap ibu jari kamu.”

BERWASPADA DENGAN TERLALU BANYAK KATA “TIDAK”.

Akan berlaku dalam banyak keadaan apabila ibu bapa perlu menafikan keinginan anak-anak. Namun, anak-anak menerima jawapan “Tidak” semata-mata sebagai serangan terus terhadap autonomi mereka. Mereka menjerit, bertantrum atau merajuk. Mereka menyerang ibu bapa mereka dengan, “Mengapa tidak...? Ayah jahat... Saya benci pada ayah!” Perkara ini memenatkan walaupun kepada ibu bapa yang paling sabar. Patutkah ibu bapa mengalah dan mengatakan “Ya” kepada semua perkara? Jelasnya tidak. Mujurlah ada beberapa alternatif yang membenarkan ibu bapa untuk bertegas tanpa perlu berkonfrantasi. Contoh-contohnya adalah menjadikan rumah selamat untuk anak-anak bergerak atau menarik perhatian mereka kepada perkara lain tanpa perlu mengatakan “Tidak”.

MINTA PANDANGAN ANAK ANDA

Ramai ibu bapa tidak berbincang dengan anak-anak mereka tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan mereka. Sekiranya mereka mahu memberi ganjaran kepada anak kerana dia lulus peperiksaan, berilah anak itu memilih restoran kegemarannya. Ini adalah majlis mereka, bukan majlis anda. Juga, sekiranya ibu bapa mahu membelikan mereka permainan, mereka perlu ditanya. Jika tidak ibu bapa akan membeli mengikut cita rasa mereka dan bukan cita rasa anak-anak. Akhirnya, ibu bapa yang bermain dengan permainan tersebut dan anak akan berasa bosan memerhatikannya atau menangis. Penting untuk anak-anak dilibatkan dalam urusan ibu bapa daripada memaksa mereka menerima apa yang disukai atau tidak disukai ibu bapa. Apabila anak-anak dilayan seperti rakan kongsi, ini akan membantu memperbaiki sikap kedua-dua pihak.

Umar ibn al-Khattab pernah berkata:

Bermainlah dengan anak anda pada tujuh tahun pertama, ajar dan disiplinkan mereka pada tujuh tahun kedua, dan jadikannya sahabat untuk tujuh tahun ketiga. Kemudian biarkan mereka bebas.



Untuk memanggil sebahagian sifat karakter itu sebagai suatu nilai tersendiri adalah seperti mengambil tulang rangka daripada jasad yang hidup... Moral adalah tentang keseluruhan karakter, dan keseluruhan karakter itu adalah sama dengan seorang manusia yang lengkap dengan tubuh badan dan manifestasi moralnya. Untuk memiliki nilai bukan bermaksud pemupukan beberapa sifat yang boleh dikenali dan eksklusif. Ia bermaksud memiliki nilai yang menyeluruh dan melengkapinya kemenjadian seorang insan melalui penyatuan bersama orang lain dalam segala aspek kehidupan.

(John Dewey)

AJAR ANAK-ANAK ANDA BERDIKARI SECARA BERTANGGUNGJAWAB

Berdikari seperti yang dianjurkan di sini adalah berdikari yang bertanggungjawab, sarat dengan nilai dan dipandu dengan betul. Ia bukanlah untuk tujuan kecelaruan dan kurang hala tuju yang membebaskan seseorang daripada prinsip, etika dan moral. Ibu bapa digalakkan untuk membina sikap baik bersama autonomi supaya anak-anak boleh membuat keputusan sendiri dengan betul. Lengkapkan anak-anak dengan autonomi dan kebaikan supaya mereka boleh menghadapi apa-apa sahaja cabaran.



Nasihat Iwn. Autonomi: Anak Perempuan dan Ibunya

Apabila ibu bapa diberitahu bahawa memberi nasihat kepada anak-anak adalah seperti ibu bapa campur tangan terhadap autonomi anak-anak, banyak ibu bapa berasa tidak senang dengan kenyataan itu. Mereka merasakan, "Ini sudah melampau!" Mereka tidak faham mengapa mereka patut dilucutkan hak untuk berkongsi hikmah dan pengalaman keibubapaan mereka.

CONTOH #1

Perhatikan kes seorang ibu yang gigih dengan anak perempuannya.

"Mengapakah anak saya tidak boleh mendapat manfaat daripada nasihat saya apabila dia mempunyai masalah? Anak perempuan saya tidak pasti sama ada mahu pergi ke majlis graduasi kawannya kerana dia tidak suka pada sebahagian budak-budak perempuan yang lain. Mereka selalu

berbisik dan mengejeknya. Apalah salahnya jika saya memberitahunya bahawa dia patut pergi, kerana jika tidak, dia akan mengecewakan kawannya?"

Apabila ibu bapa memberi nasihat yang spontan, anak-anak akan berasa bodoh ("Kenapa saya tidak berfikir tentang itu sendiri?"), kesal ("Jangan beritahu saya bagaimana saya patut menjalani hidup saya!"), atau berasa jengkel ("Apa yang membuat mereka fikir saya tidak memikirkan tentang itu juga?"). Apabila anak-anak membuat keputusan untuk diri mereka tentang apa yang ingin dilakukan, mereka akan membesar dengan yakin dan sanggup mengambil tanggungjawab terhadap keputusan mereka.

"Adakah saya tidak perlu berbuat apa-apa apabila anak saya ada masalah? Sudah beberapa kali saya memaklumkan kepadanya, "Itu adalah masalahmu, kamu perlu menanganinya," dan dia kelihatan tidak gembira."

Anak-anak akan berasa terluka dan tersinggung sekiranya ibu bapa mengabaikan masalah mereka.

Walau bagaimanapun, antara dua ekstrim iaitu tidak menghiraukan langsung atau menasihati secara terus, ada banyak lagi yang boleh dilakukan ibu bapa, contohnya:

- Ibu bapa boleh membantu meleraikan fikiran dan perasaan anaknya yang kusut. "Daripada apa yang kamu ceritakan, kamu nampaknya ada dua perasaan: Kamu hendak pergi, tetapi kamu tidak mahu bersengketa

dengan budak-budak perempuan yang kamu tidak suka.”

- Mereka boleh memudahkan masalah tersebut dengan satu persoalan. “Jadi persoalannya adalah, ‘Bagaimana kamu mahu berada di majlis tersebut dan berhadapan dengan budak-budak perempuan yang suka mengejek itu?’” Ibu bapa kemudiannya hendaklah diam selepas bertanyakan soalan ini. Keadaan berdiam mereka itu akan membolehkan anak mencari penyelesaiannya sendiri.
- Menunjukkan sumber-sumber yang ada kepada anak-anak di luar rumah. “Saya perasan bahawa bahagian ‘Dewasa Muda’ di perpustakaan ada beberapa buku tentang bagaimana remaja menangani pelbagai masalah sosial. Mungkin kamu ingin membaca apa yang ada di dalam buku itu.”

“Katakan saya melakukan kesemua itu dan kemudian saya terfikir satu penyelesaian yang saya pasti tidak difikirkannya. Bolehkah saya memberitahunya?” Ya, tetapi selepas dia mempunyai ruang untuk berfikir. Dia boleh mendengar idea daripada ibu bapanya, khususnya jika soalan itu dilontarkan melalui cara yang menghormati autonominya: “Bagaimana pandangan kamu jika kamu membawa CD yang mengandungi cerita-cerita komedi yang terbaru? Mungkin budak-budak perempuan itu akan terlalu sibuk ketawa sehingga tidak menghiraukan kamu.”

Mulakan cadangan dengan “Bagaimana kamu rasa jika...” atau “Mungkin kamu boleh fikir...” Nasihat yang kelihatan masuk akal kepada kita mungkin boleh jadi “tidak masuk akal” kepada anak.



“Katakan saya percaya bahawa dia patut pergi ke majlis itu. Adakah saya patut berdiam diri?” Setelah anak itu melihat masalahnya dengan lebih dalam, mungkin baik juga sekiranya dia mendengar pandangan ibu bapanya:

“Saya akan sedih jika tidak berasa seronok di majlis itu hanya kerana sebahagian tindakan budak-budak perempuan itu. Saya rasa penting untuk saya hadir dan tidak mengecewakan kawan saya pada hari graduasinya, walaupun mungkin saya perlu berkorban sedikit.”

Orang muda berhak untuk tahu akan nilai ibu bapa mereka. Walaupun mereka memilih untuk tidak mengikut pandangan ibu bapa mereka ketika ini, ibu bapa memberi mereka sesuatu untuk difikirkan dan suatu pengajaran untuk dipelajari.

CONTOH#2

Seorang ibu pernah berkata: “Dulu, selalu ada pertikaian antara saya dengan anak perempuan saya tentang pakaian. Sekarang, saya membenarkan dia untuk memakai apa sahaja yang diinginkan apabila tidak ke sekolah. Pada hari sekolah, saya meletakkan dua pakaian di atas katilnya dan membiarkan dia membuat keputusan.” Kelebihan tentang pakaian seragam sekolah adalah bahawa tiada pilihan – oleh itu, tiada pertikaian tentang apa yang hendak dipakai.

CONTOH#3

Ibu Samy: "Akhirnya saya dapat menamatkan perbalahan setiap hari dengan anak saya tentang sama ada dia patut memakai baju sejuk atau jaket. Saya berkata, "Samy, ibu telah memikirkannya. Daripada ibu memberitahu kamu apa yang patut kamu pakai setiap hari, ibu rasa kamu sendiri tahu apa yang patut kamu pakai. Mari kita buat satu carta dan buat keputusan tentang pakaian apa bergantung pada suhu di luar sana." Kami kemudian melukis carta bersama: Kami telah membeli termometer yang besar dan dia menyangkutnya pada pokok di luar rumah. Dia akan melihat termometer tersebut setiap pagi dan tiada lagi perbalahan. Saya berasa seperti orang bijak!"

Suhu di luar	Pakaian yang sesuai
69 darjah Fahrenheit (20 celsius) dan lebih:	Tiada baju sejuk
Di antara 50-68 darjah Fahrenheit (10- 20 celsius)	Baju sejuk
49 darjah Fahrenheit (9 celsius) dan ke bawah	Jaket tebal



CONTOH #4

Muna bertanya kepada ibunya, "Mengapa kita tidak pernah pergi ke tempat-tempat yang bagus untuk bercuti, seperti Bermuda dan Florida?" "Saya hampir mahu menjawab tetapi kemudian teringat ia tidak perlu. Saya bertanya semula: "Mengapa agaknya kita tidak pergi?" Muna berpusing di sekitar dapur dan berkata, "Saya tahu...saya tahu... Kerana ia terlalu mahal...Baiklah, paling kurang, bolehkah kita ke zoo?"

Adakah Anda Memaksa Anak Perempuan Anda Bertudung? Oleh Noha Beshir

Ibu bapa saya tidak memaksa saya berbuat sesuatu. Saya tidak ingat bila mereka tidak membenarkan saya membuat pilihan. Ketika saya mahu memakai tudung, ibu tidak berkata, "Kamu harus memakainya kerana ia adalah tuntutan agama." Dia menjelaskan mengapa kita harus memakainya dan kadangkala ia mungkin tidak selesa. Memakainya pada musim panas tidaklah bermakna hanya memakai baju sejuk atau jeans. "Tidak, kamu boleh memakai seluar yang ringan yang membolehkan angin melaluiinya dan baju yang ringan berbutang ke atas. Dengan cara ini, apabila kawanmu bertanya mengapa kamu pakai begini, kamu boleh memberitahu mereka alasan yang kamu rasakan sesuai, bukan kerana agama atau ibu bapa saya yang mahu saya memakainya." Sebenarnya ada beberapa orang telah memberitahu saya bahawa "saya patut memakai salah satu daripada pakaian tersebut" selepas saya memberitahu mereka alasan saya berpakaian begitu. Saya rasa sangat selesa dengan ibu bapa saya. Itu tidak bermakna saya tidak boleh hidup tanpa mereka. Atas alasan yang tertentu, saya selalu rasa lebih hormat kepada mereka. Saya sangat menyayangi keluarga saya dan gembira kerana saya boleh bercerita dengan mereka tentang apa sahaja. Saya dan kakak mempunyai hubungan yang rapat bersama. Tetapi, apa yang terbaik dalam keluarga saya adalah, walaupun Amirah adalah yang paling tua dan saya yang paling muda, dalam keluarga kami semua adalah sama.

(Beshir dan Rida 1998)

Sekiranya Ibu Bapa Tidak Menyukai Rakan-rakan Anak

Ibu bapa mahu anak-anak mereka mempunyai rakan-rakan yang sopan, jujur dan bijak, dan tidak minum arak mahupun merokok dan mengambil dadah. Ibu bapa mahu melindungi anak mereka, dan pada masa yang sama menggalakkan autonomi. Kebanyakan persahabatan yang dirisaukan oleh ibu bapa tidak bertahan lama. Biasanya, anak-anak akan sedar bahawa rakan yang mereka pandang tinggi pada mulanya bukanlah terlalu hebat. Membenarkan persahabatan yang tidak menyenangkan berjalan seperti biasa mungkin lebih baik daripada cuba bersungguh-sungguh untuk menghalangnya. Di sini, penting untuk memahami apa sebenarnya keperluan persahabatan anak-anak dengan rakan. Ibu bapa boleh bertanya kepada anak-anak apa yang mereka suka tentang rakan tersebut. Jawapan yang diberikan dapat memberitahu ibu bapa sebahagian petanda tentang alasan sebenar mereka tertarik pada rakan tersebut.

Anak-anak harus belajar untuk berhadapan dengan pelbagai jenis orang. Kadangkala persahabatan boleh mengancam dan berpotensi menjadi suatu yang berbahaya, seperti apabila anak-anak terlibat dengan kawan-kawan yang menyeleweng dan terlibat dalam tindakan antisosial dan jenayah juvana. Ibu bapa bertanggungjawab untuk tidak menggalakkan persahabatan dengan kawan-kawan sebegini.

Sokongan, kepercayaan dan kesabaran ibu bapa akan membantu anak-anak memperbaiki interaksi sosial mereka. Anak-anak memerlukan panduan untuk membantu mereka bergaul dengan orang lain, selesa dengan diri mereka sendiri dan bertanggungjawab terhadap tindakan mereka.

Membantu Anak-anak Membuat Keputusan Mengukuhkan Autonomi

Ibu bapa boleh mengajar kemandirian dengan melakukan perkara-perkara berikut:

- Memberi anak-anak peluang untuk membuat keputusan seperti memilih tempat untuk keluarga bersiar-siar atau membahagikan tugas rumah dengan adil.
- Menunjukkan anak-anak bagaimana untuk berfikir dengan cermat, mengumpul maklumat yang diperlukan, dan mengambil kira potensi hasil daripada keputusan mereka (contohnya memutuskan apa yang hendak dipakai)
- Mengajar anak-anak bahawa keputusan mempunyai akibat kepada diri mereka sendiri dan orang lain. Contohnya merokok. Seseorang remaja merokok kerana mahu kelihatan “matang” tanpa mengambil kira akibat merokok seperti gigi kuning, nafas berbau busuk, dan meningkatkan risiko kanser dan penyakit jantung. Penanaman tembakau pula adalah merosakkan. Ia akan menghilangkan nutrien daripada tanah. Tambahan pula, tanah yang digunakan untuk penanaman tembakau boleh digunakan untuk menghasilkan makanan dan pakaian untuk mereka yang memerlukan.
- Kanak-kanak perlu ditunjukkan bahawa tidak membuat keputusan apabila keputusan diperlukan boleh menjadi seterus membuat keputusan yang “silap”.
- Ibu bapa hendaklah menerima keputusan anak-anak seboleh mungkin. Tiada keputusan yang sempurna. Jadi, ibu bapa perlu menyokong kemampuan anak untuk membuat keputusan dan memperbaikinya.

- Keputusan anak-anak adalah berasaskan selera dan keperluan mereka dan mungkin tidak selari dengan keputusan ibu bapa.
- Peraturan dan batasan untuk membuat keputusan patut ditetapkan. Keputusan yang jelas memudarangkan tidak boleh diterima. Oleh itu, ibu bapa perlu menjelaskan alasan mengapa ia tidak dapat dibenarkan.

Langkah Membuat Keputusan

Kemampuan membuat keputusan membantu untuk memperbaiki harga diri. Anak-anak yang boleh mengawal hidup mereka dapat menyediakan mereka untuk berdikari, bertanggungjawab dan menjadi orang dewasa yang lebih gembira. Anak-anak yang berdikari boleh melalui langkah-langkah berikut:

- Mengakui bahawa satu keputusan perlu dibuat.
- Mengumpul maklumat untuk membantu membuat keputusan.
- Mengenal pasti keputusan alternatif.
- Memeriksa potensi hasil daripada keputusan tersebut.
- Mengambil kira bagaimana pilihan-pilihan yang ada boleh disesuaikan dengan nilai peribadi dan matlamat.
- Mengakui alasan-alasan yang lemah seperti tekanan rakan sebaya, keinginan untuk membuktikan kematangan atau perasaan memberontak dalam memilih keputusan tertentu.
- Melaksanakan keputusan tersebut. Berikan masa yang cukup untuk anak membuat keputusan. Kepantasan membuat keputusan seharusnya sebanding dengan usia anak tersebut.

MENGAJAR TANGGUNGJAWAB

MENJADI BERTANGGUNGJAWAB BERMAKSUD bertindak dengan bijak tanpa perlu disuruh, ditekan atau diugut untuk melakukannya. Ia adalah kemampuan untuk membuat keputusan dan bertanggungjawab ke atas keputusan tersebut. Nabi Muhammad ﷺ bersabda:

Mereka yang tidak mengambil berat tentang urusan orang Islam adalah bukan salah seorang daripada mereka

(Ahmad)

Bukanlah orang beriman siapa yang tidur dengan kekenyangan sementara jiran tidur dalam kelaparan dan dia mengetahuinya.

(Al-Tabrani)

Mengajar tanggungjawab kepada anak-anak adalah suatu perkara yang penting. Anak-anak hendaklah dilatih untuk memikul tanggungjawab mereka tanpa perlu diberitahu atau diingatkan.



Anak-anak yang bertanggungjawab menawarkan diri untuk berkhidmat dan membantu tanpa disuruh atau ditugaskan.

Anak-anak yang bertanggungjawab juga mempunyai dorongan untuk mencapai sesuatu dan cemerlang.

Satu cara untuk menerapkan rasa tanggungjawab dalam diri anak-anak adalah dengan mengajar pemantauan kendiri. Anak-anak yang bertanggungjawab memahami kepentingan tindakan mereka dan kesan-kesannya. Tabiat yang baik untuk diamalkan oleh anak-anak sebelum tidur pada malam hari adalah bermuhasabah diri tentang apa yang mereka lakukan sepanjang hari. Bina sistem "kepolisian dan pengauditan". Ibu bapa hendaklah menanamkan rasa cinta dan takut pada Tuhan dalam hati dan minda anak-anak mereka untuk memastikan mereka sedar dan berada pada jalan yang lurus pada setiap masa. Memberitahu anak-anak bahawa Tuhan ada bersama mereka di mana sahaja mereka berada dapat menguatkan rasa tanggungjawab dalam diri mereka.

Tanggungjawab adalah lebih daripada hanya ingat untuk melakukan kerja-kerja rumah atau menjadi orang yang patuh. Ia juga adalah sikap peduli pada apa yang betul dan yang salah, bagaimana tindakan seseorang memberi kesan kepada orang lain dan memahami mengapa peraturan itu penting. Untuk mengajar tanggungjawab, ibu bapa sendiri mesti bertanggungjawab.

Contoh yang baik: Seorang ayah dan anaknya sedang bergegas ke sebuah kedai sebelum ia tutup. Di pertengahan jalan, mereka berhenti untuk membantu seorang wanita mengangkat kereta bayi untuk menaiki tangga. Anak itu belajar bahawa ia suatu perkara yang baik untuk keluar daripada tujuan kita demi membantu orang lain walaupun anda mungkin kehilangan manfaat kewangan untuk diri anda sendiri.

Apabila anak mengambil tanggungjawab, ibu bapa patut menyedarinya dan meluahkan penghargaan. Memberi ganjaran pada tingkah laku yang baik menggalakkan lebih banyak tingkah laku baik yang lain. Orang selalu terlepas pandang peristiwa-peristiwa apabila anak berkelakuan dengan bertanggungjawab atau mengambil lewat akan peristiwa tersebut. Yang lebih buruk, ramai ibu bapa memberi komen hanya apabila anak mereka tidak bertanggungjawab. Akibatnya, anak-anak akan berkata kepada diri sendiri, "Ketika saya betul, tiada siapa pun ingat. Namun, ketika saya salah, tiada siapa pun lupa." Ibu bapa perlu mengatakan, "Terima kasih kerana banyak membantu ibu." Mereka perlu berhati-hati terutamanya apabila menerima tingkah laku yang penting kepada mereka tetapi mungkin tidak begitu penting kepada anak-anak, seperti: "Ibu nampak kamu letakkan buku-buku kamu di bilik daripada meninggalkannya di meja makan. Itu bagus. Ibu boleh siapkan meja untuk makan malam." Atau, "Ibu menghargai kamu menyangkut jaket kamu di tempatnya bila kamu balik."

Membuat keputusan yang baik adalah prasyarat kepada tingkah laku yang bertanggungjawab. Anak-anak yang hanya diberitahu apa yang harus dibuat setiap masa jarang belajar untuk membuat keputusan yang bermaklumat. Mereka tidak akan dilatih untuk menjadi bertanggungjawab. Jadi, penting untuk anak-anak diberi pilihan kerana zaman dewasa terdiri daripada membuat satu pilihan selepas satu pilihan.

Daripada hanya memberi tugas untuk melakukan kerja-kerja rumah, senaraikan semua kerja yang perlu dilakukan di dalam rumah dan bincangkan semasa mesyuarat keluarga siapa akan buat apa. Bersama-sama mereka membahagikan

tugas supaya setiap orang diberikan tugas yang dia mahu lakukan. Kemudian buat sistem penggiliran supaya tiada siapa “tersangkut” dengan tugas yang paling membosankan. Melibatkan anak-anak di dalam proses ini menunjukkan kepada mereka bahawa ibu bapa mempercayai mereka dan menghargai pandangan mereka. Ini membantu menjadikan mereka rakan kongsi yang bertanggungjawab. Ia juga menjadikan mereka sebahagian daripada kumpulan dengan setiap ahlinya saling bergantung antara satu sama lain demi memastikan kelancaran di dalam rumah tangga. Ini adalah cara yang praktikal untuk mengajar mereka tentang membuat keputusan, bermesyuarat dan juga tanggungjawab.

Meletakkan Asas: Sikap dan Pandangan Sarwajagat

Sekiranya kita adalah ibu bapa yang bertanggungjawab, separuh daripada tugas telah terlaksana. Separuh lagi adalah membantu anak-anak mengikuti jejak langkah kita.

Anak-anak memerlukan pengetahuan yang mencukupi, begitu juga dengan karakter yang baik untuk menyediakan mereka kepada kehidupan dewasa. Tanggungjawab adalah satu daripada elemen karakter baik yang paling penting. Tanggungjawab bermula dengan mentaliti atau satu set anggapan yang diturunkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka. Sekiranya pandangan sarwajagat ibu bapa adalah anak-anak sepatutnya hanya bermain dan menggembirakan diri mereka, anak-anak akan memenuhi jangkaan itu dan mengadu tentang kerja-kerja rumah. Sekiranya ibu bapa percaya bahawa anak-anak akan sentiasa mementingkan diri sendiri, jangkaan tersebut akan menjadi jelas kepada anak-anak. Salah satu

cara paling pasti untuk membesarkan anak-anak yang mementingkan diri, sering bertengkar dan tidak suka membantu adalah dengan meletakkan harapan yang rendah terhadap mereka. Walau bagaimanapun, sekiranya pandangan sarwajagat ibu bapa adalah setiap orang, tidak mengira umur dan kemampuan, sepatutnya menyumbang kepada kesejahteraan semua, maka tindakan, sikap dan harapan mereka akan membayangkan perkara tersebut dan anak-anak mereka akan belajar tentang nilai tanggungjawab.

Kita mahu membesarkan anak-anak yang berjaya dalam hidup. Anak-anak yang belajar bertanggungjawab cenderung untuk menjadi kurang bergantung dan akan mengambil tanggungjawab terhadap tindakan mereka sendiri semasa mereka menginjak dewasa nanti. Tanggungjawab adalah kemahiran yang boleh dipelajari dan anak-anak perlu dibekalkan dengan semua peralatan untuk mempelajari kemahiran yang penting ini.

Seorang anak sepatutnya mula mempelajari tanggungjawab pada usia muda. Anak-anak yang dibesarkan dalam persekitaran yang bebas daripada akibat akan hilang peluang untuk mempelajari tanggungjawab. Sebahagian ibu bapa telah pergi jauh apabila cuba untuk mencipta syurga yang selamat bagi anak-anak mereka. Ibu bapa ini tidak memberarkan anak-anak mereka merasai akibat daripada tindakan-tindakan negatif yang mungkin dilakukan oleh anak-anak. Ibu bapa ini adalah “pemberar” (mereka memberarkan anak-anak mereka menjadi terlalu bergantung dan tidak bertanggungjawab). Anak-anak ini membesar dengan “rasa layak”.

Mereka mengamalkan sikap yang bermasalah iaitu “dunia berhutang dengan saya” berbanding dengan sikap yang sihat iaitu “dunia akan melihat

saya sebagai orang yang bertanggungjawab sekiranya saya bertindak dengan penuh tanggungjawab terhadap dunia.”

Anak-anak tidak boleh bertanggungjawab sekiranya mereka tidak tahu bagaimana dan jika mereka boleh belajar hanya apabila mereka diajar tentangnya. Pengajaran dan latihan adalah bahagian yang penting dalam perhubungan antara ibu bapa dan anak. Menjadi bertanggungjawab adalah suatu sikap dan juga satu kemahiran. Anak-anak tidak akan mengemaskan permainan mereka kecuali mereka diajar untuk berbuat demikian. Orang dewasa tidak tahu bagaimana untuk memulangkan barang yang mereka pinjam atau tiba di pejabat tepat pada waktunya kecuali mereka dilatih untuk itu. Cara terbaik untuk ibu bapa mengajar anak-anak tentang tanggungjawab adalah sedikit demi sedikit, hari demi hari.

Jangan menggalakkan kecenderungan bersikap malas. Ini dapat dilakukan dengan memberikan remaja tanggungjawab. Berikan remaja lebih banyak tanggungjawab daripada hanya mencuci pinggan mangkuk dua malam seminggu dan membuang sampah. Apabila anak-anak yang kurang rasa tanggungjawab ini perlu menyesuaikan diri dengan pekerjaan 40-jam seminggu untuk kehidupan di universiti atau kerja sambilan, mereka akan berasa tidak bersedia. Kerja keras dan tanggungjawab diperlukan untuk kehidupan dewasa yang produktif dan berjaya.

Mulakan Daripada Muda

Dahan-dahan kecil akan dapat diluruskan sekiranya anda cuba meluruskannya.

Tetapi mereka tidak akan lurus sekiranya mereka telah membesar dan menjadi kayu yang keras.

(Puisi Arab)

Mulakan pada usia prasekolah. Anak-anak hendaklah diberitahu apabila bayi baru akan hadir, “Kita akan seronok menjaga bayi baru bersama-sama.” Mereka akan teruja tentang idea menjadi rakan kongsi yang bertanggungjawab dalam projek istimewa ini. Anak boleh membantu menjaga adiknya dengan mengambil lampin yang bersih, meletakkan pakaian kotor bayi ke dalam bakul dan mengambil mainan yang dijatuhkan bayi. Didik anak (dengan melibatkannya, kerjasama dan komunikasi) bahawa bekerja bersama dan membantu adalah suatu keistimewaan. Muslihatnya adalah “Penglibatan Aktif dalam Aktiviti.” Daripada hanya melihat ibu bapa mereka, anak-anak sepatutnya turut membantu.

Peluang di Setiap Peringkat Perkembangan

BAYI DAN ANAK TATIH

Pada peringkat ini, anak-anak mula menguji had ibu bapa mereka. Contohnya anak berusia dua tahun belajar untuk menarik perhatian dengan membaling permainannya berulang kali, kemudian belajar membuang permainan dengan kemarahan dan belajar untuk memprovokasi tindak balas daripada orang dewasa. Pada tahap ini, ibu bapa sepatutnya meletakkan had pada anak mereka daripada membiarkan anak itu yang meletakkan sempadan. Sekiranya dia membaling permainannya sekali, ibu bapa boleh mengambil dan memberikannya semula. Bagaimanapun, sekiranya dia sengaja membuangnya berkali-kali, sudah tiba masanya untuk menyimpan permainan tersebut. Jadi, anak akan tahu bahawa tingkah laku negatif tidak akan mendapat ganjaran. Umur ini dikenali sebagai “dua tahun yang teruk”.

Apabila bayi tersebut membesar menjadi anak tatih, mereka akan belajar tindakan mana

yang paling banyak menguji kesabaran ibu bapa mereka. Pada peringkat ini, anak-anak perlu belajar bahawa akan ada akibat daripada tingkah laku yang buruk. Sekiranya ibu bapa memberitahu anak mereka, "jika kamu tidak berhenti...kita akan pulang ke rumah sahaja," maka mereka harus benar-benar menjalankan ugutan mereka itu. Sekiranya ibu bapa mengajar anak bahawa mereka membuat ugutan yang serius, kata-kata mereka akan membawa pertimbangan yang lebih berat. Penting untuk kedua-dua ibu bapa melakukan ini bersama-sama.

AWAL KANAK-KANAK

Pada tahun-tahun awal, anak-anak perlu belajar untuk menjaga diri mereka. Mereka sepatutnya menyikat rambut, memberus gigi dan bersiap dengan sendiri. Memberi anak-anak kecil sedikit kerja rumah akan membantu memupuk harga diri mereka dan meningkatkan perasaan mahu menyumbang kepada rumah tangga. Anak-anak yang enggan melakukan tugas mereka, perlu tahu tentang akibat yang harus dihadapi oleh mereka.

Sekiranya tugas tidak sempurna, mereka tidak boleh pergi bermain atau menonton televisyen atau melakukan sesuatu yang menyeronokkan. Sebaik sahaja tugas selesai, mereka boleh melakukan apa sahaja yang mereka mahukan.



DARI UMUR PERSEKOLAHAN HINGGA PRAREMAJA

Semakin anak-anak membesar, tanggungjawab mereka bertambah. Memberikan mereka elauan tetap akan membantu meningkatkan rasa diri dihargai. Beri ganjaran kerana bertanggungjawab seperti elauan tambahan kerana menjaga haiwan kesayangan dengan baik dapat makan di restoren kegemaran kerana mendapat kad laporan yang memberangsangkan atau nota yang mengatakan bagaimana bangganya ibu ayah terhadap mereka kerana bertanggungjawab.

Sekiranya anak-anak tidak menunjukkan prestasi yang baik di sekolah, atau tidak banyak membantu di rumah, maka penting untuk mencari akar masalah tersebut. Anak-anak akan melakukan yang lebih baik apabila berhadapan dengan had yang dikenali. Anak-anak tersebut yang tidak sampai kepada standard prestasi sama ada di rumah atau di sekolah, akan gagal memenuhi apa-apa jangkaan. Menyediakan anak-anak dengan rasa bertanggungjawab terhadap tindakan mereka memerlukan persekitaran yang memberangsangkan. Anak-anak harus dibenarkan untuk gagal seperti mana mereka juga harus dibenarkan untuk berjaya.

Anak-anak praremaja paling banyak berhadapan secara agresif dengan tekanan rakan sebaya.

Anak-anak yang dibesarkan di dalam rumah tangga yang mengajar tanggungjawab berkemungkinan besar dapat mengelakkan masalah tingkah laku dan pengaruh negatif daripada rakan sebaya. Membuka jalan komunikasi akan memberi anak-anak tempat untuk membincangkan ketakutan mereka bersama ibu bapa dan memberi mereka pandangan tentang perasaan mereka.



REMAJA

Remaja berhadapan dengan banyak peluang untuk membuat pilihan yang salah. Seorang remaja yang tahu baik dan buruk dan memahami tindakan buruk membawa kepada akibat yang buruk akan membuat pilihan yang betul.

Teruskan menanam perasaan tanggungjawab ke dalam diri remaja anda. Sekiranya asas untuk tanggungjawab telah pun disediakan, ibu bapa mempunyai peluang yang lebih baik untuk membincangkan masa hadapan anak-anak bersama mereka. Anak-anak perlu tahu bahawa tanggungjawab diperlukan untuk kejayaan mereka. Bantu anak-anak membangunkan sasaran yang boleh dicapai.

DEWASA MUDA

Sekiranya anda telah mengajar anak-anak anda rasa bertanggungjawab, mereka kini boleh berdikari dan menuju pada kehidupan yang berasingan daripada keluarga. Ibu bapa yang mengasuh kebergantungan akan mendapati anak-anak mereka tidak mahu berpisah dan orang dewasa seperti ini mahu kekal bergantung pada keluarga untuk membantu mereka terus hidup. Orang dewasa yang tidak pernah belajar akibat-akibat daripada tindakan negatif mereka akan mendapati diri mereka berada dalam situasi yang sukar. Mereka akan mencari

sesuatu untuk dipersalahkan ke atas kesusahan mereka. Perhubungan akan sentiasa menjadi suatu cabaran kepada orang dewasa yang tidak bertanggungjawab.

Prinsip-prinsip untuk Dibangunkan

JADIKAN KERJA SESUATU YANG MENYERONOKKAN

Anak tatih dan prasekolah percaya kepada apa sahaja yang ibu bapa mereka katakan. Jadi, mereka boleh diajar bahawa kerja juga sesuatu yang menyeronokkan. Ibu bapa boleh menjadikan aktiviti mengemas permainan dan barang dapur sebagai suatu permainan. Bagi anak remaja, mereka akan bekerja keras dan membantu di dalam rumah. Ibu bapa mesti berhati-hati tentang apa yang mereka katakan di hadapan anak-anak. Sekiranya anak-anak mendengar, "Ibu mahu berseronok dengan kamu tetapi ibu kena bekerja sekarang" maka ibu bapa menghantar mesej bahawa kerja itu negatif dan tidak diingini. Sebaliknya, kita boleh mengatakan, "Kita boleh berseronok semasa ibu menyapu lantai. Kamu boleh memegang penyodok sampah ini untuk ibu. Seronok bukan?"

Didik anak-anak bahawa tiada pekerjaan rumah atau kerja-kerja di kebun yang rendah kedudukannya kerana semua pekerjaan itu adalah pekerjaan yang terhormat.

Penting untuk dinyatakan bahawa kerja adalah keistimewaan bukan hak. Ibu bapa harus berkongsi dengan anak-anak tentang rahmat yang dibawa oleh pekerjaan fizikal. Bagaimana jika mereka tidak dapat melakukan aktiviti yang biasa dilakukan kerana mereka cacat atau dibuang kerja atau tercedera? Semua orang harus sedar akan rahmat mempunyai tubuh badan yang sihat.

Ibu bapa tidak boleh melepaskan peluang untuk menyampaikan kepada anak-anak mereka tentang semangat kerja fizikal dan tanggungjawab.

Ibu bapa sepatutnya cuba untuk menjadikan kerja-kerja rumah sebagai sesuatu yang menyeronokkan, dengan lagu-lagu yang ceria, jenaka yang lucu atau perbualan yang menarik. Persekitaran yang ceria membantu memperbaiki sikap anak-anak terhadap kerja dan tanggungjawab. Sekiranya keseluruhan kerja rumah dan permainan boleh dijadualkan pada waktu yang sama, ia dapat mengelakkan perasaan kesal daripada anak yang harus bekerja sedangkan ahli keluarga yang lain sedang berseronok. Sekiranya kerja-kerja di halaman rumah perlu dilakukan, ia akan menjadi lebih menyeronokkan sekiranya semua ahli keluarga melakukannya bersama-sama.

LAKUKAN KERJA BERSAMA-SAMA

Ibu bapa mungkin mendapati bahawa penting untuk menggunakan perkataan "kita" semasa melatih anak. Contohnya, mereka boleh mengatakan kepada anak-anak, "Kita selalu meletakkan bajubaju kotor ke dalam bakul, seperti ini, daripada membiarkannya di atas lantai." Anak-anak suka dilibatkan dan penggunaan perkataan "kita" kerana dapat menggalakkan tingkah laku yang betul dalam diri mereka tanpa perlu berleter. Daripada mengatakan kepada anak, "Bersihkan bilik kamu!" ibu bapa boleh mengatakan, "Mari kita bersihkan bilik kamu bersama-sama."

Anak-anak belajar pada tahap terbaik dan dapat membangunkan tabiat bertanggungjawab apabila mereka bekerja bersama ibu bapa mereka. Mereka berasa disayangi dan mampu mengaitkan kerja dan tanggungjawab dengan kasih sayang ibu

bapa. Ini memberi mereka sikap yang lebih positif terhadap pekerjaan kemudian nanti.

Anak-anak prasekolah sepatutnya dibenarkan untuk membuat pilihan. Ada juga masa apabila anak perlu mendengar, "Ini yang harus kamu lakukan." Jangan membuat kesilapan dengan melatih mereka menjadi orang yang malas atau gagal membuat mereka melakukan apa yang mereka tidak mahu melakukan. Bahagian penting kepada tanggungjawab adalah belajar melakukan apa yang perlu dilakukan mereka, tidak kira apa yang seseorang itu rasakan. Jadilah ibu bapa yang penyayang dan tegas pada masa yang sama.



SEPULUH PERATURAN UNTUK MENERUSKAN KERJA-KERJA DI HALAMAN RUMAH

Apabila anak-anak pergi keluar rumah, mereka diminta untuk melakukan sepuluh tugas kecil sebelum mereka boleh bermain. Ini termasuk mengutip sepuluh biji batu atau rumpai, mencabut sepuluh kuntum bunga yang telah mati, membuang sepuluh helai daun kering ke dalam tong sampah atau mencabut sepuluh helai daun yang berulat. Atau dia boleh melakukan satu tugas besar seperti menyapu daun-daun gugur atau menyiram pokok. Ini mengajar mereka untuk membantu menjaga aset yang mereka ada.

Ibu bapa sepatutnya menggalakkan anak-anak mereka menanam makanan mereka sendiri sedaya mungkin.

Seorang warga Libya menceritakan kepada saya bagaimana dia membahagikan kebunnya kepada enam batas dan memberikan satu batas seorang kepada setiap enam orang anaknya. Mereka boleh menanam apa sahaja yang mereka suka. Sekiranya isterinya memerlukan sayuran untuk makanan keluarga, dia akan meminta daripada anak-anaknya. Kebun tersebut sangat terjaga dan sistem ini menamatkan perbalahan tentang pembahagian tugas di kebun!

Sylvia Hunt

MEMBINA TANGGUNGJAWAB SEDIKIT DEMI SEDIKIT

Satu kesilapan yang dilakukan ibu bapa adalah membiarkan anak-anak bermain (tanpa apa-apa kerja) sehingga mereka mencapai umur "bertanggungjawab". Tiba-tiba, terdapat banyak pekerjaan yang harus dilakukan dan terlalu banyak tanggungjawab untuk dipenuhi. Bantu anak-anak untuk melakukan lebih banyak kerja dan tanggungjawab setiap tahun. Di sebahagian negara membangun, anak-anak perempuan terutamanya, diharapkan untuk menjaga bayi dan mengangkat minyak dan air begitu juga dengan tanggungjawab domestik yang lain. Anak-anak semuda 8 tahun dihantar untuk bekerja sebagai pembantu rumah, tidak lelaki mahupun perempuan. Bayi bermula dengan tiada pekerjaan apa pun manakala remaja berusia 19 tahun bekerja 40 jam seminggu. Tugas ibu bapa adalah membina tanggungjawab secara berperingkat. Anak-anak yang biasa meningkatkan tahap tanggungjawab akan melakukan lebih baik semasa menyesuaikan diri kepada pekerjaan sepenuh masa ketika mereka dewasa nanti.

Jadual boleh bermula pada tahun prasekolah dengan tugas seperti meletakkan baju kotor di dalam bakul dan mengutip permainan. Tugas lain yang sesuai dengan umur dan kemampuan anak boleh ditambah secara berperingkat. Anak-anak berusia enam tahun boleh menyiapkan meja makan setiap hari, mengemas katil, mengelap pinggan mangkuk, memberi makan haiwan peliharaan, mengemas meja selepas makan dan meletakkan baju kotor ke dalam mesin basuh dengan sedikit bimbingan. Secara berperingkat, tanggungjawab baharu boleh diperkenalkan setiap tahun. Remaja boleh membasuh kain dan mencuci pinggan secara penggiliran dengan adik-beradik yang lain, memotong rumput, memangkas semak dan menjaga adik-adik kecil. Remaja juga

boleh bekerja secara sampingan dan kerja-kerja sukarela yang ditawarkan dalam masyarakat.

TIDAK MENGGALAKKAN "SIKAP ITU BUKAN KERJA SAYA"

Anak-anak perlu dididik bahawa tanggungjawab sepatutnya dipikul oleh semua ahli keluarga bersama-sama. Anak-anak yang dibenarkan untuk bertelahah tentang keadilan, tidak memahami kepentingan untuk membantu antara satu sama lain. Sekiranya fokus diletakkan kepada siapa yang mencabut lebih banyak rumpai atau sama ada dua orang anak mengeringkan jumlah pinggan mangkuk yang sama, anak-anak membina sikap suka berbalah yang tidak kondusif kepada keharmonian keluarga. Bina mentaliti kerja berpasukan. Ibu bapa boleh beritahu anak-anak, "Apabila meja sudah dibersihkan dan dilap, kita semua boleh menonton video atau pergi ke taman," atau "Jika kita dapat membersihkan halaman rumah hari ini, kita boleh pergi makan aiskrim atau bertih jagung malam ini" "Selepas kita selesai membersihkan rumah, kita boleh meraikannya dengan pergi berjalan-jalan ke mana yang kita suka." Ganjaran berkumpulan menggalakkan keharmonian, kerja berpasukan dan tanggungjawab. Anak-anak boleh diminta untuk menggantikan sesama mereka sekiranya ada yang jatuh sakit. Penting untuk menggalakkan mereka membantu sesama mereka dengan kerja-



kerja yang ada dan sama-sama menanggung bebanan orang lain. Anak-anak yang lebih tua hendaklah membantu yang lebih muda dengan kerja sekolah mereka dan anak-anak yang lebih muda sepatutnya membantu yang lebih tua dengan kerja-kerja rumah.

Cadangan Praktikal

- Jangan memberikan kepada anak-anak terlalu banyak tugas. Ibu bapa perlu mengambil kira tabiat dan kemampuan anak-anak dan memberi mereka tugas yang boleh dilakukan mereka dengan jayanya. Kejayaan dan pujian akan memotivasi mereka untuk melakukan lebih banyak manakala tugas melampau boleh menyebabkan kegagalan dan menghancurkan motivasi.
- Harapkan anak-anak untuk bertanggungjawab. Harapan ibu bapa memotivasi anak-anak. Apabila mereka memberikan tugas kepada anak, mereka boleh berbincang tentang masa yang sesuai untuk mereka melakukan tugas itu. Kemudian, mereka harus membiarkan anak-anak melukannya dan andaikan bahawa ia akan dilakukan. Benarkan mereka menyelesaikan tugas mengikut cara mereka sendiri tanpa perlu diperhatikan atau sentiasa mengingatkan mereka tentangnya. Sekiranya mereka tidak mampu menyelesaikan tugas itu, barulah ibu bapa boleh membantu mereka.
- Jangan memanggil mereka “tidak bertanggungjawab”. Walaupun anak-anak melakukan sesuatu yang tidak bertanggungjawab seperti pergi panggung wayang apabila mereka berjanji untuk membantu rakan mereka belajar untuk ujian, ibu bapa sepatutnya menahan diri daripada melabelkan mereka. Sebaliknya, lebih baik menggalakkan mereka untuk meminta maaf kepada rakan mereka secepat mungkin. Sekiranya anak itu selalu lupa, ibu bapa harus mengelakkan diri daripada membuat komen seperti “jika kepala kamu tidak melekat di badan kamu, tentu kamu lupakannya juga.” Komen-komen sebegini menyakitkan dan melemahkan semangat. Labelkan tingkah laku, bukan orangnya.
- Anak-anak memerlukan bantuan untuk mengurus jadual mereka. Tunjukkan kepada mereka bagaimana untuk menganggarkan berapa banyak masa yang diperlukan untuk melakukan kerja sekolah dan memperuntukkannya dengan baik. Bantu anak-anak untuk membuat jadual selepas sekolah. Tunjukkan mereka bagaimana masa yang ada mencukupi untuk melakukan semua perkara termasuklah mandi, bersantai dan bermain di luar rumah.
- Bahagikan tugas kepada tugas-tugas yang lebih kecil. Apabila anak diberikan tugas untuk membuat laporan bertulis oleh guru, ibu bapa boleh berbincang lebih awal tentang berapa banyak masa yang diperlukan untuk pergi ke perpustakaan dan membuat kajian di internet serta menulis pelbagai bahagian laporan. Anak-anak memerlukan bantuan untuk memecahkan projek kepada beberapa bahagian yang mampu diurus dan membuat rancangan untuk menyelesaikan setiap bahagian.
- Ibu bapa tidak sepatutnya melakukan kerja sekolah anak-anak. Ramai ibu bapa tertangkap kerana melakukan kerja sekolah anak mereka sama ada bersama mereka atau untuk mereka. Anak-anak hendaklah diberitahu bahawa kerja sekolah adalah tanggungjawab mereka, bukan tanggungjawab ibu bapa kerana ia adalah tugas yang boleh dilakukan oleh anak-anak

sendiri. Bagaimanapun, adakalanya anak-anak perlukan sedikit bantuan dan perlu diuji untuk ejaan dan kosa kata.

- Anak-anak hendaklah belajar mengambil tanggungjawab terhadap kesalahan mereka sendiri. Ibu bapa tidak sepatutnya bergegas untuk menyelamatkan mereka.
- Anak-anak perlu diajar untuk menguruskan wang. Mereka tidak sepatutnya berbelanja lebih daripada apa yang mereka ada, sama ada ia elaun, hadiah daripada nenek dan datuk atau gaji kerana bekerja. Mereka tidak boleh meminjam wang apabila mereka mahukan sesuatu dan membayarnya sekiranya mereka ada wang lebih. Ini adalah latihan yang teruk. Sebaliknya, mereka hendaklah menunggu sehingga mempunyai wang yang cukup di dalam tabung supaya tidak terseret ke lembah hutang. Anak-anak yang mempunyai pekerjaan perlu mengetepikan sedikit wang untuk tujuan sedekah dan simpanan. Semakin anak-anak membesar, ibu bapa boleh berbincang dengan mereka bagaimana orang dewasa menguruskan wang mereka, jenis-jenis simpanan dan pelan pelaburan yang digunakan oleh orang ramai. Ini adalah peluang terbaik untuk menerangkan kepada anak-anak bahawa riba dilarang di dalam semua kitab suci bagi agama-agama yang ada dan mengajar mereka tentang perbankan Islam.
- Galakkkan anak-anak untuk mencari kerja, sama ada kerja sukarela atau kerja selepas sekolah ketika musim cuti persekolahan. Anak-anak yang ibu bapa mereka menjalankan bisnes seperti kedai runcit, hotel, restoren, ladang atau pasaraya harus membantu bines ibu bapa mereka sejak awal usia. Anak-anak akan belajar untuk sampai tepat pada masanya, berperlakuan menyenangkan walau apa pun yang mereka rasa dan memastikan kerja-kerja mereka dilakukan.

Nasihat Umum

- Anak-anak tidak sepatutnya diajar ketika mereka penat atau lapar
- Kritikan adalah racun apabila digabungkan dengan pengajaran.
- Tanggungjawab memerlukan kesabaran.



Sama seperti di tempat kerja sebenar... tetapi ibu bapa tidak boleh memberhentikan anak mereka!

Tingkah laku yang tidak bertanggungjawab tidak dapat diterima sama sekali di tempat kerja. Semua pekerja tahu akan tugas masing-masing dan mereka diminta untuk melaksanakannya pada masa yang telah ditetapkan atau menanggung risiko diberhentikan. Walaupun ibu bapa tidak boleh memberhentikan anak-anak, mereka boleh memberikan anak-anak ini bimbingan dan melatih mereka untuk bertanggungjawab.

Ada hari-harinya anak-anak tidak dapat melakukan kerja mereka kerana mereka bermalam di rumah kawan atau pergi ke sesuatu lawatan. Bagaimanapun, seperti pekerjaan yang sebenar, mereka boleh meminta pelepasan pada waktu pagi atau cuti satu hari dengan syarat mereka memohonnya lebih awal. Mereka tidak boleh datang kepada ibu bapa mereka pada awal pagi dan berkata, "Saya muhku bercuti hari ini kerana semalam saya tidur lewat."

Kaitkan Keistimewaan dengan Tanggungjawab: Contoh-contoh

Ramai anak yang percaya bahawa mereka berhak mendapat apa sahaja kelebihan yang mereka ada, seolah-olah ibu bapa dicipta untuk berkhidmat kepada mereka. Anak-anak seperti ini mempunyai masa yang sukar untuk menerima tanggungjawab sebagai orang dewasa. Satu keluarga mempunyai ritual tahunan mereka sendiri. Setiap tahun, setiap anak diberikan keistimewaan dan tanggungjawab baru. Setiap orang adalah kontinen kepada yang lain. Anak-anak berbincang tentang pilihan mereka dengan ibu bapa yang seterusnya akan mengambil keprihatinan mereka dengan serius.

CONTOH 1:

Anak perempuan anda sudah lama mahukan kucing. Dia bersetuju untuk menjaga adiknya seminggu sekali. Untuk tugas ini, dia mendapat keistimewaan untuk mempunyai kucing walaupun dia perlulah menjaga kucing tersebut sendiri. Dan dia seharusnya diingatkan bahawa sekiranya dia mengabaikannya, kucing itu akan diberi kepada orang lain.

Ibu bapa sepatutnya mengenakan akibat-akibat yang sesuai yang bermaksud bahawa ibu bapa tidak membantu anak-anak sekiranya mereka “diselamatkan” terlalu cepat ketika mereka melakukan kesilapan. Ibu bapa sering berleter dan kemudian menyelamatkan mereka walau apa pun. Salah satu cara terbaik anak-anak belajar bertanggungjawab adalah melalui impak hukuman yang munasabah. Sekiranya akibat-akibat tersebut sesuai, anak-anak tidak akan melupakannya dan lebih bertanggungjawab pada masa hadapan. Contohnya, membayarkan saman tiket atas kesalahan parkir yang dilakukan

oleh anak remaja adalah salah dan ibu bapa tidak sepatutnya melakukan itu.

CONTOH 2:

Anak lelaki anda diminta untuk mengambil sekotak susu dalam perjalannya pulang ke rumah dari sekolah dan dia terlupa. Daripada bergegas ke kedai sendiri, ibu menghidangkan makan malam tanpa susu. Begitu juga dengan sarapan bijiran keesokan harinya adalah tanpa susu.

CONTOH 3:

Anak perempuan lewat keluar dari rumah beberapa kali dan ketinggalan bas sekolah walaupun ibu sudah cuba berkali-kali untuk mengejutkannya awal. Setiap kali dia tertinggal bas, ibunya harus menghantarnya ke sekolah sambil berleter tentang sikapnya yang tidak menepati masa.

Bagaimanapun, anak perempuan itu mungkin akan mengubah tingkah laku sekiranya ibu berhenti berleter dan membiarkannya berjalan kaki ke sekolah. Sekiranya ini tidak selamat, ibu perlu memberitahunya yang dia akan menghantarnya ke sekolah tetapi selepas dia menyelesaikan beberapa kerja di rumah. Anak itu akan malu kerana sampai lewat ke sekolah, selepas kelas bermula. Situasi ini akan memberinya peluang untuk membetulkan kesilapannya kerana kesilapan boleh menjadi peluang untuk belajar. Tidak ada gunanya ibu bapa hilang sabar terhadap kegagalan anak kerana menjerit jarang dapat mencapai apa-apa malah membuatkan semua orang berasa lebih teruk. Sebaliknya, mereka seharusnya mencari cara untuk memperbaiki situasi kerana anak-anak akan belajar lebih banyak daripada dimarahi dan ibu bapa merasa lebih baik juga.

CONTOH 4:

Hari ini adalah giliran anak lelaki untuk menyiapkan makan malam. Dia terlupa dan berada di sekolah lebih lama yang menyebabkannya sampai lewat ke rumah. Daripada menjerit kepadanya atau mula menyiapkan makan malam sendiri, ibu boleh berkata, "Kita ada masalah sekarang. Kamu fikir, apa yang boleh kita lakukan sekarang?" Anak lelaki itu mungkin memutuskan untuk merebus telur dan membuat sandwic keju dengan segera atau bertukar giliran dengan orang yang mempunyai giliran malam berikutnya. Apa yang lebih penting daripada itu, dia akan bermotivasi untuk mengambil serius tentang komitmennya.

Sebahagian anak-anak mempunyai tabiat untuk menyalahkan orang lain atau menyalahkan keadaan atas kesalahan mereka. Walau bagaimanapun, ini akan manafikan peluang mereka untuk menjadi yang terbaik yang dia boleh.

Ibu bapa boleh memikirkan situasi di mana mereka sebagai anak mungkin enggan menerima tanggungjawab keseluruhannya.

Kebiasaannya, situasi ini membuatkan ibu bapa kecewa dengan anak-anak disebabkan sikap mereka yang tidak bertanggungjawab.

Anak-anak mungkin berfikiran bahawa ibu bapa selalu memberitahu mereka apa yang hendak dilakukan. Mungkin ini kerana anak-anak tidak mengambil inisiatif untuk menerima tanggungjawab secara keseluruhannya. Anak-anak hendaklah mengambil inisiatif tersebut dan mengubah perkara yang negatif kepada positif dan barulah ibu bapa akan berhenti menyuruh mereka.

Al-Qur'an membincangkan perkara tentang tidakan dan akibat-akibatnya:

Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!

(Surah al-Zalzalah: ayat 7-8)

Tanggungjawab adalah prinsip asas yang mesti diajarkan kepada anak-anak kita.

Minta anak-anak anda melakukan kerja rumah yang ditugaskan kepada mereka dan minta mereka bertanggungjawab. Mereka mungkin kecewa sekiranya tidak berjaya tetapi mereka pasti gagal sekiranya mereka tidak mencuba.

MEMUPUK KREATIVITI

KREATIVITI ADALAH SUATU bentuk ekspresi diri. Wujud rasa kepuasan yang hebat apabila anak-anak dapat mengekspresikan diri mereka secara terbuka dan tanpa penilaian. Kemampuan mencipta sesuatu yang asli adalah suatu bahagian penting pada karakter yang baik. Pengalaman dengan pelbagai jenis kesenian boleh meningkatkan perkembangan kreativiti anak-anak dengan signifikan. Anak-anak yang kreatif boleh meluahkan dan menyesuaikan perasaan mereka sambil mengembangkan bakat mereka.

Mencuba cara-cara baharu tentang pemikiran dan penyelesaian masalah adalah kualiti anak yang kreatif.

Kita boleh mencirikan orang yang kreatif sebagai seseorang yang ingin tahu, suka akan cabaran, optimistik, mampu menangguhkan penilaian dan memiliki imaginasi. Orang yang kreatif melihat masalah sebagai peluang, cabaran, kerja keras, tidak mudah mengalah dan cekal. Ramai orang gagal kerana mereka menghabiskan hanya sembilan minit bagi masalah yang memerlukan 10 minit untuk diselesaikan.

Anak-anak memerlukan masa lanjutan dan tidak tergesa-gesa untuk meneroka dan menuangi karya terbaik mereka. Mereka tidak boleh diberhentikan dan diminta untuk berpindah kepada aktiviti lain apabila mereka masih secara produktifnya terlibat dan termotivasi dengan sebuah karya kreatif. Mereka memerlukan tempat untuk meninggalkan kerja yang masih belum selesai untuk disambung kemudian. Mereka juga memerlukan ruang yang dapat menginspirasikan mereka untuk menghasilkan karya terbaik mereka. Persekitaran rumah yang muram tidak kondusif kepada karya kreatif. Anak-anak memerlukan ruang yang mempunyai cahaya semula jadi, warna yang harmoni, kerusi yang selesa dan tempat bersaiz anak-anak. Bilik tersebut haruslah mempamerkan contoh-contoh karya mereka dan orang lain. Ibu bapa sepatutnya menerima kesalahan, menggalakkan pengambilan risiko dan mempromosi keunikan. Kreativiti memerlukan sejumlah keserabutan tertentu, bunyi bising dan kebebasan tanpa kekacauan dan kawalan ketat.

Sebagai ibu bapa, anda mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas kreativiti anak-anak anda. Pemahaman yang jelas dan kemahiran penyelesaian masalah boleh dibangunkan bersama

keaslian dan keseronokan. Untuk anak-anak kecil, "melakukan" aktiviti adalah perkara penting manakala hasilnya tidaklah begitu menarik minat mereka. Elakkan komen-komen seperti, "Itu nampak seperti menyeronokkan." Atau "Kamu bekerja keras untuk ini". Banyakkan komen-komen yang berkaitan dengan persepsi anak itu sendiri tentang aktiviti tersebut dan keunikan produk mereka. Ramai anak yang sensitif "lari" daripada aktiviti kreatif apabila mereka diharapkan untuk menghasilkan "sesuatu". Anak yang mula melukis atau membina atau mereka-reka lagu untuk mengambil hati orang dewasa hilang sebahagian semangat untuk kreativiti. Benarkan dan hargai penggunaan kreatif pada peralatan biasa rumah tangga seperti kuali, periuk, pinggan mangkuk dan kusyen. Berikan anak prasekolah bahan-bahan seni secepat yang mungkin. Seorang anak berusia $2 \frac{1}{2}$ tahun yang mempunyai laci seni di tingkat bawah kabinet dapur boleh menjadi lebih kreatif daripada seorang anak seusia yang harus menunggu seseorang membawakan kepadanya sekotak krayon daripada rak teratas kabinet dapur. Jangan membuat peraturan yang terlalu sukar sehingga aktiviti seni menjadi lebih bermasalah daripada nilai karya itu sendiri. Kesederhanaan adalah kunci kejayaan kepada seni anak tatih. Apabila anak semakin membesar, anda boleh mengharapkan karyanya menjadi lebih kemas.

Tenaga yang digunakan untuk menepati peraturan kekemasan akan mengambil semua tenaga eksplorasi dan keaslian. Setiap anak perlu belajar hak orang lain dan peraturan keselamatan. Tanpa kerangka harapan yang munasabah, eksplorasi dan keaslian akan condong ke arah kekacauan.

Anak yang terlalu dikawal bagaimanapun, akan mengorbankan keaslian dan eksplorasi

demi mendapatkan persetujuan daripada orang lain. Sekiranya seorang anak berasa bahawa keseluruhan harga dirinya adalah berdasarkan menjadi orang yang bersih dan teratur, maka hanya ada sedikit sahaja tenaga yang tinggal untuk kreativiti. Kreativiti boleh hancur sekiranya respons biasa yang didengar adalah “berhati-hati, bersihkan semua itu!”



Konsep Umum Kreativiti

Di sini ada beberapa nasihat untuk memupuk kreativiti:

- Menyesuaikan diri dengan idea anak-anak daripada cuba untuk membuatkan anak-anak menyesuaikan idea mereka kepada anda. Terima idea-idea yang luar biasa daripada anak-anak dan bincangkan bersama mereka.
- Gunakan penyelesaian masalah yang kreatif untuk masalah yang berlaku dalam kehidupan seharian. Berikan anak-anak kebebasan untuk membuat kesilapan. Biarkan mereka bereksperimen tanpa takut akan kegagalan.

- Berikan masa kepada anak-anak untuk bereksplorasi dengan semua kemungkinan.
- Galakkan anak-anak untuk bereksperimen dengan objek-objek yang luar biasa. Dengari soalan-soalan dan komen mereka. Jelaskan apa yang telah diperhatikan oleh anak-anak dengan mengulang apa yang anda dengar dan bertanya soalan-soalan lanjut tentang pengalaman yang dirasai mereka.
- Sediakan persekitaran yang memberangsangkan yang disukai anak-anak. Berikan mereka pelbagai jenis bahan, buku dan permainan serta peluang yang banyak untuk bereksperimen dengan bahan-bahan tersebut.
- Dedahkan anak-anak anda kepada kepelbagaiannya budaya, pengalaman, manusia, agama dan cara pemikiran. Biarkan mereka melihat bahawa terdapat banyak cara yang berbeza untuk berfikir tentang sesuatu masalah.

Galakkan mereka untuk mencuba pengalaman-pengalaman baharu mengikut kemampuan mereka. Lawati muzium kanak-kanak.

- Hargai cara baharu berfikir. Kongsi projek-projek seni, saintifik dan kreatif anda dengan anak anda. Penglibatan dalam sesuatu projek yang anda benar-benar minati akan menggalakkan minat dalam diri anak-anak anda.
- Beri contoh tentang kecekalan. Galakkan anak-anak untuk menyelesaikan sesuatu projek dengan mengikuti setiap langkah dalam proses tersebut dan bantu mereka memahami kekuatan dan kelemahan mereka sendiri.
- Bertolak ansur dengan perkara “luar biasa”. Biarkan anak-anak tahu bahawa tiada

keperluan untuk mempunyai jawapan yang "betul" kepada sesuatu masalah setiap masa. Inovasi dan pendekatan yang unik juga dinilai.

- Sokong imaginasi anak-anak. Orang yang kreatif selesa dengan pemikiran yang pelik, liar atau aneh. Sesi ribut otak akan menggalakkan pemikiran unik yang pelbagai dan juga idea-idea yang menarik.

Pelajar Kreatif: Kompleksiti lwn. Simplicity

Seorang pelajar ditemu bual untuk kemasukan ke sebuah Institusi Pengurusan yang berprestij. Penemu bual berkata: "Saya beri anda pilihan, sepuluh soalan senang atau satu soalan yang sangat sukar. Yang manakah satu pilihan anda? Fikirkan dengan baik."

Pelajar itu berkata, "Satu soalan yang sangat sukar Tuan."

"Baik, sekarang beritahu saya, apakah yang datang dahulu, Siang atau Malam?"

"Jawapannya Siang, tuan!"

"Bagaimana boleh jadi begitu?" soal penemu bual.

"Maaf tuan. Tuan berjanji bahawa tuan tidak akan bertanya soalan KEDUA yang sukar."

Dia terpilih!

Kemahiran teknikal adalah menguasai perkara yang kompleks sementara kreativiti adalah menguasai perkara yang mudah!

- Pupuk kepercayaan bahawa kesilapan dialu-alukan. Kegagalan bukanlah suatu bencana. Malah ia adalah peluang pendidikan dan boleh membawa kepada kejayaan. Seorang ketua eksekutif memberi amaran kepada pengurus baharunya, "Pastikan anda membuat sejumlah kesilapan yang munasabah."

- Lihat perkara baik dalam keburukan. Pemikir yang kreatif, apabila berhadapan dengan penyelesaian yang buruk, akan bertanya, "Apakah yang bagus tentang perkara ini?"

Mungkin ada sesuatu yang berguna walaupun dalam idea-idea yang paling buruk.

Lihat Perkara Baik dalam Perkara Buruk

Bagaimana kita boleh memujuk pelajar untuk belajar dengan lebih baik? Solusinya: Pukul punggungnya dengan kayu! Ini bukanlah solusi yang baik kerana tindakan ini tidak dibenarkan oleh undang-undang. Jadi, patutkah kita buang sahaja idea ini?

Mengapa tidak bertanya: "Apakah yang baik tentang idea ini?" Solusi ini memberi perhatian individu kepada pelajar yang lemah. Memotivasikan pelajar lain sama seperti pelajar yang dipukul itu. Ia mudah dan tidak mempunyai apa-apa kos. Soalan berikutnya adalah, "Bolehkah kita menyesuaikan atau memasukkan perkara-perkara yang baik ke dalam satu solusi yang boleh diterima, sama ada imitasi daripada solusi asal atau solusi baharu yang berbeza sama sekali?"

Kita dengan mudah memikirkan atau percaya bahawa solusi yang buruk sememangnya buruk dalam semua aspek. Sebenarnya, mungkin ada bahagian yang baik yang boleh kita pinjam daripada solusi tersebut atau ia dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan bermanfaat. Dan selalunya, solusi yang buruk hanya ada satu bahagian yang benar-benar buruk yang apabila diperbetulkan menjadi solusi yang lebih baik.

Penemuan Bersejarah yang Nyata

- 1) Orang kreatif melihat kepada penambahbaikan. Contohnya, marjerin pertama dibuat daripada lemak lembu, air dan hempedu lembu cincang. Ia tidak sedap dan tidak sihat. Jadi, pada permulaan kurun ke-20, berlaku kekurangan bekalan lemak lembu.

Apa yang boleh digunakan? Pembuat marjerin bertukar kepada lemak sayuran. Minyak daripada kacang soya, jagung dan bunga matahari yang dipilih mereka masih digunakan sehingga ke hari ini. Marjerin menjadi lebih sihat dan lebih sedap rasanya.

2) Anda tidak perlu menjadi genius untuk menjadi kreatif. Ahli sains yang berkemahiran tinggi dan terlatih yang bekerja dalam industri angkasa lepas pada awalnya tidak mampu untuk membangunkan pen bergraviti kosong yang dapat digunakan di angkasa lepas. Solusinya: gunakan pensil. Akhirnya, sebuah syarikat berjaya mencipta sebatang pen yang tiada kaitan dengan program angkasa lepas dan meminta NASA untuk mencubanya. Ia berjaya dan telah diguna pakai oleh agensi-agensi angkasa lepas di Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet.

3) Masalah juga boleh menjadi solusi. Sesuatu yang mungkin digambarkan oleh seseorang sebagai "halangan" boleh kadangkala menjadi "peluang" kepada orang lain. Contohnya, tidak lama selepas penciptaan gam super (atau gam gajah), kita diberitahu bahawa sekiranya kita tidak berhati-hati, kita boleh mencantumkan jari-jari kita dengan gam itu. Masalah ini iaitu cantuman kulit yang kekal, dilihat sebagai solusi juga tidak lama selepas itu. Pakar-pakar bedah di Vietnam mula menggunakan gam super ini untuk menutup luka pembedahan.

Contoh gam lain: Seorang ahli kimia yang bekerja di syarikat 3M di Amerika Syarikat sedang membuat eksperimen dengan pelekat dan menghasilkan pelekat yang sangat lemah sehingga kita boleh menanggalkannya. Gam yang tidak boleh melekat? Masalah juga. Apa pun, masalah ini bertukar menjadi solusi. Pada

tahun 1980, satu produk yang dikenali sebagai Post-It Notes diluncurkan dan digunakan di seluruh dunia sehingga ke hari ini.

Menyekat Kreativiti Anak-anak

Mungkin sesuatu yang ironis apabila kita meletakkan nilai yang tinggi kepada kreativiti tetapi kemudian menghancurnya dalam diri anak-anak. Amabile dan Hennessey (1992) mengenal pasti "pembunuhan kreativiti" ini seperti berikut:

- Pemantauan yang Terlalu Banyak – Berlegar-legar di atas anak-anak dan membuatkan mereka berasa sentiasa diperhatikan menyebabkan menghilangnya keberanian mengambil risiko dan kreativiti.
- Penilaian yang Keras – Apabila kita sentiasa membuat anak-anak bimbang tentang pencapaian mereka, kreativiti mereka melemah.
- Terlalu Banyak Ganjaran -Pemberian hadiah yang berlebihan dapat mengurangkan kegembiraan hakiki anak terhadap aktiviti kreatif. Apabila orang tidak mengharapkan ganjaran, mereka menjadi lebih kreatif dan lebih menikmati proses kreativiti tersebut.



Ganjaran yang datang tanpa disangka selepas sesuatu projek itu selesai amat berharga tetapi tidak semestinya juga bernilai kepada kreativiti tersebut.

Terlalu banyak motivasi hakiki (seperti wang dan keistimewaan khas) akan merendahkan kreativiti.

- Persaingan Melampau – Meletakkan anak-anak dalam persaingan yang tidak adil dengan orang lain menghancurkan motivasi dan kreativiti mereka.
- Pilihan yang Terbatas – Memberitahu anak-anak aktiviti apa yang boleh disertai merek berbanding dengan membiarkan mereka mengikut perasaan ingin tahu dan minat mereka akan menghancurkan kreativiti.
- Tekanan – Meletakkan pengharapan yang sangat tinggi terhadap prestasi anak-anak membawa kepada penurunan dalam kreativiti.

Sikap Negatif yang Menghalang Kreativiti

Terdapat banyak cara lain untuk menghalang kreativiti. Berikut adalah frasa-frasa yang biasa digunakan untuk menghalang kreativiti dalam diri anak-anak:

- ***Oh tidak! Itu masalah!***

Adakalanya, reaksi kepada sesuatu masalah boleh menjadi lebih besar daripada masalah itu sendiri. Masalah tidak sepatutnya menjadi lebih besar daripada masalah sebenarnya. Orang yang gembira mengalau-alukan masalah dan melihatnya sebagai peluang untuk penambahbaikan. Masalah adalah perbezaan antara apa yang kita ada dengan apa yang kita mahukan. Ada sesuatu yang lebih baik daripada situasi terkini dan kreativiti boleh membantu.

- ***Ia tidak dapat dilakukan.***

Ini seperti menyerah kalah sebelum berperang. Dengan menganggap sesuatu tidak boleh dilakukan, seseorang itu memberi kuasa kepada masalah, sesuatu yang ia tidak pernah ada sebelum ini. Mengalah sebelum bermula adalah penyakit yang paling teruk. Bayangkan sekiranya kita semua menyerah kalah untuk mencuba, manusia tidak akan boleh terbang, penyakit tidak boleh ditakluki dan roket tidak akan pernah meninggalkan bumi. Sikap yang sepatutnya adalah, “Perkara yang sukar akan dilakukan dengan segera, perkara yang mustahil mengambil sedikit masa.”

- ***Kamu tidak boleh melakukaninya.***

Atau Tiada apa yang boleh kita lakukan. Sesetengah orang berfikir, “Mungkin masalah ini boleh diselesaikan oleh orang-orang yang pakar kerana saya tidak begitu pandai.” “Saya tidak boleh menyelesaikannya kerana saya bukan pakar.” Sebenarnya, kebanyakan penemuan di dalam industri datang daripada individu, bukannya kumpulan kajian, di luar bidang penemuan tersebut. Sikap yang positif dan kemahiran yang bagus boleh menyelesaikan apa jua masalah. Komitmen kepada masalah tersebut adalah kuncinya. Walaupun mungkin kita tidak dapat menghapuskan masalah itu sekali gus daripada bumi ini, kita sentiasa boleh memperbaiki keadaan.

- ***Itu kebudak-budakan.***

Dalam usaha kita untuk sentiasa kelihatan matang dan anggun, kita selalu mempermudahkan kreativiti dan merendahkan “sikap suka bermain”. Walau bagaimanapun, sekiranya anda mampu menyelesaikan masalah

yang dapat menyelamatkan perkahwinan anda atau menyebabkan kenaikan pangkat atau menghalang kawan anda daripada membunuh diri, adakah anda kisah sama ada orang lain melihat cara anda menyelesaiannya sebagai “kebudak-budakan?” Lagipun, bukankah bermain itu suatu yang menyeronokkan?

● ***Apakah akan dikatakan oleh orang lain?***

Terdapat tekanan sosial yang kuat yang mesti kita patuhi untuk menjadi orang biasa dan normal. Di sini ada contoh-contohnya:

Orang kreatif : Saya mahu menambah air ke dalam jus saya ini supaya ia kurang manis.”

Orang biasa : Kamu ini pelik!

Orang kreatif : Kami memasak di tengah malam

Orang biasa : Gilakah?

Orang kreatif : Mengapa tidak kita tambahkan sedikit garam atau kicap?

Orang biasa : Kerana dalam resepi tidak disebut tentang garam atau kicap!

Kemajuan dibuat oleh mereka yang cukup kuat untuk bertahan apabila diketawakan. Kesilapan bukanlah suatu yang menyeronokkan tetapi ia mendidik.



Thomas Edison dalam kajiannya untuk mencari filamen lampu pijar, pernah cuba menggunakan misai dari janggut seorang kawan dan 1,800 cara yang lain. Selepas lebih kurang 1,000 percubaan, seseorang bertanya kepadanya sama ada dia kecewa dengan kegagalan itu. Dia berkata, “Saya mendapat banyak ilmu. Saya sekarang tahu 1,000 perkara yang tidak boleh menyebabkan lampu itu menyala.”



Genius yang Bukan Pakar!

- Adik-beradik Wright yang mencipta kapal terbang bukan jurutera terbang; mereka hanyalah mekanik basikal.
- Pen dicipta oleh Ladisloa, seorang pembaca pruf kepada pencetak, bukan jurutera mekanikal.
- Kemajuan besar dalam reka bentuk kapal selam dibuat oleh paderi Inggeris, G.W.Garrett dan guru besar Irish, John Holland.
- Mesin pemisah kapas dicipta oleh seorang peguam dan tutor, Eli Whitney.
- Pemadam api dicipta oleh pegawai tentera, George Manby.
- Filem berwarna atau Kodachrome dicipta oleh dua orang pemuzik.
- Proses penuangan keluli yang berterusan dicipta oleh seorang pembuat jam (yang sedang bermain dengan penuangan tembaga).
- Ahli kimia pembuatan sabun menolak bahan pencuci sintetik: bahan pencuci tersebut dicipta oleh ahli kimia pembuatan pewarna.

● ***Anda mungkin gagal.***

Andaikan anda membiarkan perasaan takut gagal untuk memandu usaha anda mengambil risiko dan mencuba. Anda mencuba hanya 3 perkara setahun kerana anda pasti akan kejayaannya. Pada penghujung tahun, markah anda adalah Kejayaan 3, Kegagalan 0. Andaikan pada tahun hadapan anda tidak lagi takut dengan kegagalan, jadi anda mencuba 12 perkara. Anda gagal 6 daripadanya. Markah anda adalah Kejayaan 6 Kegagalan 6. Manakah yang lebih anda sukai – 3 kejayaan atau 6?

Dan bayangkan apa yang pengajaran yang anda dapat daripada 6 kegagalan.

Cara Mengembangkan Kreativiti

Terdapat beberapa teknik untuk membangunkan kreativiti seperti berikut:

PERTANYAAN KREATIF

Tanya kepada anak anda beberapa soalan aras tinggi. Soalan-soalan ini melibatkan keseluruhan otak kerana ia menggabungkan kecerdikan logikal dan kecerdikan spasial:

- Yang manakah yang lebih kreatif – kereta paling hebat, lancar dan efektif yang dapat dibayangkan, atau kubah, menara atau katedral yang mampu menghimpunkan intipati kesenian dan keimanan dalam cara yang paling unik?
- Adakah manusia mencipta idea baru atau manusia hanya menemui semula idea lama?
- Yang manakah yang lebih susah – memulakan projek kreatif atau menyelesaikannya? Mengapa?
- Adakah jenis kreativiti yang menyebabkan manusia menyelesaikan masalah pada asasnya berbeza dengan kreativiti untuk membuat kesenian?

AKTIVITI-AKTIVITI FIZIKAL

- Jalani hari mengundur, bermula dengan makan malam semasa sarapan.
- Gunakan mesin fotostat atau pencetak komputer untuk membesaraskan objek yang kecil dan mengecilkan objek yang besar. Buat kolaj.
- Buat permainan kad. Anda boleh memulakan dengan menukar permainan yang anda tahu dan tukarkannya semula: domino, dam haji dan dua set domino yang digabungkan.
- Cuba masak dengan menggunakan rempah ratus yang baharu dan yang tidak biasa anda

gunakan sebelum ini. Gunakan baunya untuk memandu eksplorasi masakan anda.

- Buka internet dan bermain permainan di mana anda mengikut pautan tidak berdasarkan informasi yang diberi tetapi huruf pertama pautan tersebut. Lihat apakah laman web rawak dan menarik yang anda temui.
- Cipta model persekitaran yang ingin anda huni di dalamnya. Gunakan hanya objek-objek di dalam rumah anda dan bahan-bahan semula jadi.
- Karang puisi anda sendiri dengan menggunakan perkataan-perkataan rawak.

PENGALAMAN YANG PELBAGAI

- Gabungkan percutian yang mengandungi elemen kepelbagaian etnik, budaya dan agama dengan cara yang kreatif.
- Bayangkan anda daripada planet lain. Anggap yang anda sedang melawat planet lain. Berimajinasi dan berpura-pura dapat menggalakkan kreativiti.

AKTIVITI SUMBANG SARAN

- Berikan anak anda sepotong tanah liat pemodelan dan minta dia membayangkan bahawa dia adalah tanah liat pemodelan.
- Letakkan anak pada masa dan tempat yang berbeza. Contohnya, minta dia menceritakan bagaimana dia memasak makanan tanpa dapur gas, pinggan mangkuk dan periuk belanga.
- Buat senarai soalan-soalan anda fikir yang tidak boleh dijawab.

PERMAINAN KREATIF

Minta anak anda menggunakan bahan-bahan biasa untuk cara yang baharu atau yang tidak



biasa dilakukan. Bermain dengan permainan olok-olok dan lakonan spontan yang diarah sendiri sepanjang hari.

Seawal usia bayi, bermain dapat memupuk perkembangan fizikal dengan menggalakkan perkembangan eksplorasi sensori dan kemahiran motor. Dengan bermain dan pengulangan kemahiran asas fizikal, anak-anak menjadi kompeten pada tugas-tugas fizikal yang semakin sukar. Anak-anak yang bermain dengan blok berhadapan dengan cabaran yang berkait dengan pengukuran, kesaksamaan, keseimbangan, bentuk dan perhubungan spasial.

Berlakon bermaksud meniru orang-orang dalam masyarakat. Ia membantu anak-anak berekspeten dengan peranan sosial. Dalam permainan lakonan, anak-anak belajar secara berperingkat untuk mengambil berat tentang keperluan orang lain dan menghargai nilai-nilai yang berbeza.

Dengan bermain, anak-anak mampu untuk meluahkan dan menyesuaikan perasaan mereka. Bermain juga membantu melegakan tekanan. Mereka boleh bebas daripada sekatan orang dewasa. Tiada keperluan untuk memenuhi standard orang dewasa semasa bermain.

Sebagai penjaga, kita hendaklah berhati-hati untuk mengelakkan diri daripada mendominasi permainan itu sendiri. Bermain sepatutnya datang daripada idea anak-anak bukan diarahkan oleh orang dewasa. Kita perlu memupuk inspirasi mereka, bukannya inspirasi kita.

Untuk memudahkan beberapa kemahiran termasuk membaca dan memahami manusia, anda mungkin boleh mereka cipta skrip lakonan bertulis bersama anak anda. Setiap orang mendapat watak yang akan dilakonkan. Dia mesti meneroka watak itu dan memahami perasaannya. Kemudian belajar bagaimana melakonkan watak itu dengan membaca bahagian skrip yang berkaitan dengan wataknya. Minta anak-anak membuat persembahan sepenuhnya di hadapan anda, yang kesemuanya dianjurkan oleh mereka sendiri dengan kostum yang ringkas.

PENULISAN ANAK-ANAK

Para pembaca boleh mereka suatu cerita untuk anda tulisnya. Kemudian dia boleh melukiskan cerita itu. Sebaik-baik sahaja anak anda mampu mengungkapkan sedikit perkataan, dia boleh mula menulis cerita itu. Jangan risau tentang ejaan pada masa ini. Itu boleh diselesaikan nanti. Sebaik-baik sahaja anak anda bersemangat untuk menulis, anda boleh mengajarnya kaedah penulisan yang digunakan oleh penulis-penulis buku. Biasanya, seorang penulis memulakan dengan draf kasar dan secara berperingkat menggilapnya sehingga sedia untuk diterbitkan. Cara yang baik untuk mengajar perkara ini adalah meminta anak anda memilih satu cerita kesukaannya, kemudian bantu dia melihat bagaimana untuk menulis cerita itu dengan lebih jelas. Cerita ini kemudiannya boleh ditulis tangan dan dijadikan "buku kecil buatan sendiri". Anak-anak yang

lebih tua boleh melakukan kerja yang lebih hebat dengan menggunakan komputer. Jangan lupa nilai membaca. Penulis yang baik adalah pembaca yang baik dan membaca akan memberi anak anda banyak idea imaginasi untuk penulisannya.

KARYA SENI ANAK-ANAK

- **Sediakan aktiviti seni terbuka untuk anak-anak.**

Daripada mempamerkan model projek seni supaya dapat ditiru oleh anak-anak, galakkan mereka menggunakan daya imaginasi mereka. Daripada memberikan mereka buku mewarna yang mempunyai lukisan yang sama bentuknya, buka muzik yang lembut dan minta anak melukis apa yang mereka dengar!

- **Cipta persekitaran yang dapat merangsang lima deria mereka.**

Biarkan mereka merasa tekstur kertas, menghidu krayon, mendengar bunyi krayon diasah dan melihat perubahan warna apabila cat dicampurkan.

- **Galakkan eksplorasi spontan.**

Sediakan bekalan bahan-bahan asas yang sentiasa ada dan yang mudah dicapai seperti krayon, pen penanda, gam, kertas, berus dan cat warna. Bantu anak-anak untuk belajar tentang sifat bahan-bahan ini dan bagaimana menggunakan jari-jemari mereka sebagai

berus lukisan? Bolehkah anak-anak melukis gambar di dalam debu menggunakan kayu? Jadikan badan mereka sama seperti bentuk pokok? Gambarkan bagaimana keadaan warna ungu itu? Berarak di dalam bilik dengan cara yang gembira, sedih atau lucu?

- **Menahan diri daripada mengkritik karya yang anda anggap buruk.** Kita harus melindungi anak-anak daripada kritikan dan penilaian oleh rakan sebaya, orang dewasa malah diri mereka sendiri. Tidak ada yang buruk atau baik kerana setiap ciptaan adalah unik. Ini penting walaupun di peringkat prasekolah. Dalam seni, semua orang adalah ketua kepada karyanya sendiri dan boleh melakukannya dengan cara apa sahaja yang dia mahukan. Anak-anak menjadi tertekan dan ragu-ragu sekiranya karya mereka sentiasa diperkatakan sebagai hodoh atau tidak lengkap.

Salah Faham: Idea-idea “Pelik” atau “Tidak Produktif”

Sebahagian sifat peribadi anak-anak yang kreatif boleh dilihat oleh orang lain sebagai sesuatu yang pelik atau tidak produktif. Berikut adalah beberapa contoh tentangnya:

- **Pemikiran bebas:** Apabila anak-anak yang kreatif bercakap tentang idea, ia kelihatan tidak teratur dan kelam-kabut;

- **Mudah dimanipulasi:** Anak-anak yang kreatif selalu teruja tentang idea-idea pelik dan mungkin tidak melihat kekurangan pada idea itu yang mudah dilihat oleh orang dewasa;

- **Kelucuan:** Anak-anak yang kreatif mendapat ada kelucuan dalam idea-idea yang dianggap sebagai serius oleh orang dewasa. Kemampuan



untuk menyoal dan melihat perspektif lain dalam idea itu mungkin diterjemah sebagai mengejek dan menjengkelkan.

- **Berangan-angan:** Anak-anak yang kreatif belajar daripada fantasi dan menyelesaikan banyak masalah mereka dengan berangan-angan. Membiarkan minda seseorang melayang boleh membantu imaginasi membentuk kaitan baharu walaupun ia mungkin dilihat sebagai tidak memberi perhatian atau terganggu;
- **Bersendirian:** Kreativiti berkembang daripada idea-idea yang mudah dan abstrak. Anak-anak mungkin perlu bersendirian sementara idea mereka muncul;
- **Aktiviti:** Idea mungkin datang ketika mereka tidak berbuat apa-apa. Sebaik-baik sahaja idea hadir, anak yang kreatif itu akan “terserap” dalam aktiviti tersebut. Amalan yang baik adalah meletakkan pensil dan kertas di tempat yang strategik di rumah supaya mereka dapat merekodkan pemikiran mereka.

Hadiyah fantasi memberi makna yang lebih kepada saya berbanding dengan bakat saya menyerap ilmu-ilmu yang positif.

ALBERT EINSTEIN



● **Percaya pada Anak Anda:** Anak-anak yang berasa disayangi dan dipercayai mendapat keyakinan untuk berbeza dan keberanian untuk mencipta. Terlalu bimbang tentang norma-norma masyarakat atau stereotaip peranan gender boleh menghalang kreativiti.

● **Galakkan Anak Anda:** Galakkan eksperimen dan eksplorasi. Berlatih untuk mendengar anak anda tanpa perlu penilaian awal. Beri sokongan kepada anak-anak anda ketika mereka gagal. Elakkan “pujian kosong”.

● **Memperkaya Persekutaran:** Sediakan bahan-bahan yang menggalakkan imaginasi dan membolehkan anak-anak mencipta karya seni mereka sendiri. Majalah, buku, surat khabar, permainan, pakaian dan perhiasan lama boleh digunakan untuk pelbagai projek. Kain perca boleh digunakan untuk mereka cipta selimut dan sarung bantal atau tilam.

● **Menonton TV Bersama-sama:** Idea ini suatu yang kontroversi kerana pengaruh negatif TV ke atas kanak-kanak. Fokus kepada dokumentari dan libatkan imaginasi mereka dalam perbincangan.

Apa yang Boleh Dilakukan Ibu Bapa?

- **Jadilah Contoh Teladan:** Layan perasaan ingin tahu keanak-anak, semangat dan idea-idea “gila” anda. Buka diri anda kepada pengalaman baharu, kongsikan minat kreatif anda dan ambil berat tentang minat anak anda.

- Bantu Anak Anda untuk Merekod Idea:** Anak-anak suka mengecat dan melukis sejak kecil. Sebelum mereka mula menulis, mereka boleh memberitahu idea mereka kepada orang dewasa atau anak-anak yang lain. Kemudian, anda boleh menggalakkan anak anda untuk menyimpan diari atau jurnal.


Nota tentang Permainan

Fikirkan tentang permainan yang anda belikan untuk anak-anak anda. Permainan mestilah yang menggalakkan kreativiti dan bersifat mendidik. Membina blok seperti Lego merangsang pemikiran. Sebahagian anak patung boleh mengelirukan peranan gender. Bermain dengan anak patung adalah perkara yang sihat untuk anak-anak. Ia memberikan anak-anak teman dan mereka boleh berlakon olok-olok dengan anak patung itu dengan menjadi ibu atau kawan. Mereka juga boleh melepaskan kekecwaan terhadap anak patung itu. Belikan permainan yang mengajar menyulam, mengait, menjahit dan kerja kayu. Pita ukur dan tukul kecil yang digunakan

dengan pemantauan juga permainan yang bagus. Permainan yang banyak diiklankan di TV atau yang paling mahal tidak semestinya permainan yang terbaik. Sekiranya anda mempunyai lebih daripada seorang anak, cuba belikan permainan yang boleh dimainkan bersama-sama seperti permainan papan catur, congkak, dam, monopoli, scrabble dan lain-lain.

Fikirkan tentang permainan yang anda belikan untuk anak-anak anda. Permainan itu mestilah yang menggalakkan kreativiti dan bersifat mendidik. Membina blok seperti Lego merangsang pemikiran.

Terdapat juga permainan yang khusus untuk anak-anak yang mempunyai keupayaan yang berbeza dan anak-anak autistik. Permainan ini direka oleh pakar untuk memenuhi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh anak-anak seperti ini.



Aktiviti

AKTIVITI 60: MENGUJI FAKTOR DOMINASI IBU BAPA

Cuba bertanya kepada seorang anak di hadapan ibu bapanya 10 soalan mudah tentang apa-apa topik. Perhatikan jika anak itu yang menjawab atau ibu bapanya yang mencelah dan menjawab bagi pihak anak itu. Jumlah soalan yang dijawab oleh ibu bapa adalah indikasi jelas tentang "Faktor Dominasi" ibu bapa. Juga perhatikan bagaimana gelisah dan tegangnya ibu bapa itu apabila anaknya bergelut untuk menjawab soalan yang sukar!

Ibu bapa hendaklah mengubah diri mereka daripada menjadi pengurus yang mendominasi kepada penasihat yang membimbing untuk memudahkan perkembangan autonomi yang betul dalam diri anak-anak mereka.

AKTIVITI 61: JELASKAN SISTEM NILAI KELUARGA KEPADA ANAK-ANAK ANDA

Menjadi suatu kesalahan jika kita memaksa anak-anak untuk mengambil kerjaya tertentu atau menjadi salinan kepada diri kita sebagai cita-cita mereka pada masa hadapan. Tanamkan dalam diri mereka akidah, sistem nilai dan pandangan sarwajagat yang diperlukan mereka. Juga kongsi bersama mereka nilai-nilai anda tentang cinta pada manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan persekitaran.

Anak-anak hari ini mengejutkan ibu bapa dengan cara-cara kreatif mereka untuk mencapai matlamat dan objektif hidup mereka. Bincangkan bersama-sama dengan keluarga dan tanya kepada anak-anak bagaimana mereka mahu mewujudkan nilai-nilai ini.

AKTIVITI 62: ADAKAH ANDA IBU BAPA YANG MENYOKONG ATAU MENGGANGGU?

Kita bermula sebagai orang bujang, kemudian berkahwin dan memiliki anak-anak. Dua dekad kemudian, anak-anak meninggalkan rumah dan pergi ke universiti.

Jeneral MacArthur dan Presiden Roosevelt mempunyai ibu-ibu yang berpindah untuk berada berdekatan dengan mereka apabila mereka memasuki universiti. Mereka tidak mempunyai telefon bimbit atau emel yang boleh diperiksa 24/7.

Kebanyakan ibu bapa menyatakan bahawa mereka menghormati sempadan di antara diri mereka dengan anak-anak dan mereka tidak mengganggu kehidupan anak-anak mereka. Berikut adalah beberapa soalan yang boleh dijawab oleh ibu bapa untuk mengetahui niat sebenar mereka:

- Berapa kerap anda berkomunikasi bersama-sama dengan anak anda semasa mereka berada di universiti? Setiap hari, setiap minggu atau setiap bulan?
- Adakah anda menghubungi profesor anak anda?
- Adakah anda mengambil bahagian secara langsung dalam tugas anak anda sekiranya dia mengalami masalah dengan tugasannya?
- Apabila anda melawat anak anda; adakah anda melakukan tugas kendiri mereka seperti membersihkan bilik, mencuci pakaian dan membuang sampah?

- Sekiranya anak anda mengalami masalah dengan teman sebiliknya, adakah anda akan masuk campur?

Bincangkan jawapan anda bersama-sama dengan keluarga anda. Di sini disertakan beberapa cadangan untuk menangani pelajar-pelajar yang tinggal berjauhan dari rumah:

- Minta anak anda mula menghubungi anda. Hal ini membantu mendidik sikap berdikari.
- Tugasan dan tesis sepatutnya dilakukan oleh pelajar.
- Anak anda sebagai mahasiswa adalah seorang dewasa yang mampu menjaga keperluan dirinya, jadi mereka sepatutnya yang membuat semua tugas kendiri tersebut dengan sendiri.

AKTIVITI 63: TUHAN MELIHAT SEMUA KUMPULAN

Minta seorang anak membaca cerita-cerita berikut dan kemudian minta semua orang memberikan ulasan:

A) Semasa makan malam di sebuah perkhemahan pengakap, ada satu nota ditampal berdekatan dengan buah epal yang berbunyi: "Ambil satu sahaja. Tuhan sedang melihat kita." Pada akhir tulisan terdapat biskut yang tidak mengandungi sebarang nota. Seorang anak menulis sesuatu dan menampalnya pada biskut: "Ambil sebanyak mana yang anda suka kerana Tuhan sedang sibuk memerhatikan buah epal." (Paderi Pete Martin di Jamuan Iftar Ramadan IIIT, Oktober 2007)

B) Semasa Umar ibn al-Khattab menjadi khalifah, beliau melihat seorang saudagar

menipu pembelinya. Beliau memberitahu pembantunya supaya memberitahu rakyat umum dengan kuat tentang perkara berikut: "Barangsiapa yang menipu, maka dia bukanlah daripada kalangan kami. Dilarang menambah air ke dalam susu sebelum menjualnya."

Kemudian, berlakulah perbualan berikut di sebuah rumah di kota Madinah:

Ibu : Anakku, bangunlah dan tambah air ke dalam susu untuk mendapat wang lebih.

Anak perempuan: (dengan lembut dia berkata) Tidakkah ibu tahu bahawa Khalifah Umar telah mengumumkan bahawa air tidak boleh ditambah ke dalam susu.

Ibu : Buat sahaja apa yang ibu suruh. Khalifah Umar tiada pun di sini untuk melihat kita!

Anak perempuan: Bagaimana boleh saya patuh kepada pemerintah di tempat awam dan melawannya di tempat persendirian? Jika Umar tidak melihat kita, Tuhan Umar sentiasa melihat kita, Ibu!

AKTIVITI 64: PELAJARAN TENTANG KEMALANGAN DAN TANGGUNGJAWAB

Jawab soalan-soalan berikut, kemudian fikirkan tentang ulasan-ulasan di bawah:

Anak anda yang berusia 12 tahun sedang bermain bola di halaman rumah anda. Namun tiba-tiba, tendangannya tersasar dan terkena tingkap rumah jiran dan pecah. Anda:

A) Menelefon jiran untuk memberitahu mereka bahawa anda akan membayar harga tingkap tersebut, kemudian hukum anak anda.

B) Suruh anak anda pergi ke rumah jiran dan jelaskan kepadanya bahawa dia telah tidak sengaja memecahkan tingkap jiran dan dia

akan membayar harganya. Anda membayar harga tingkap itu dan menolaknya daripada elauan anak anda.

C) Suruh anak anda pergi ke rumah jiran dan mengaku yang dia telah tidak sengaja memecahkan tingkap dan dia akan membayar untuk pembaikan tingkap itu daripada simpanan (jika ada) atau dia akan mencari wang lebih untuk segera membayar pembaikan tersebut.

Ulasan: Ini adalah situasi yang ideal untuk mengajar anak mengambil tanggungjawab terhadap tindakannya, tanpa memarahinya atau perlu menghukumnya. Sekiranya anda menjawab:

A) Apabila anda yang menelefon jiran anda, anak anda tidak belajar apa-apa kecuali mengetahui bahawa ada seseorang yang akan menjaminnya semasa berlaku krisis. Mengapa perlu menghukumnya? Ia suatu kemalangan.

B) Langkah pertama yang bagus (menghantar anak untuk memberitahu jiran tentang tingkap yang pecah)

C) Cemerlang! Sekarang anak anda mengambil tanggungjawab penuh terhadap tindakannya. Kaedah ini lebih baik daripada jawapan (b).

AKTIVITI 65: SENAMAN KELUARGA UNTUK MEMUPUK KREATIVITI

Cuba perkara-perkara kreatif berikut bersama dengan anak-anak anda:

1) Permainan kreatif: Aktiviti seperti "mengikut pemimpin" menggalakkan anak untuk berfikir tentang pergerakan kreatif dan merasai ganjaran orang lain mengikuti contoh teladan daripadanya. Aktiviti pembinaan boleh menggunakan bahan-bahan yang mudah

seperti blok, lumpur, pasir, tanah liat dan air yang membolehkan anak-anak membina dan mereka bentuk pelbagai struktur.

2) Konsep sambung cerita: Seseorang memulakan cerita, kemudian orang lain menyambung cerita itu sehingga selesai giliran setiap orang. Bacakan sebuah cerita dan lakonkan. Gunakan boneka tangan untuk melakonkan apa-apa cerita.

3) Gunakan objek untuk mencipta idea baharu: Cuba permainan keropok haiwan: seorang anak memilih sekeping keropok, lihat pada keropok itu dan memakannya. Selepas makan keropok itu, dia berlakon menjadi haiwan itu untuk 1-2 minit. Gunakan pergerakan kreatif untuk melakonkan kelakuan haiwan itu dan cara dia bergerak.

4) Permainan olok-olok: Permainan rangsangan membantu anak-anak melihat pandangan orang lain dan meneroka perasaan mereka.

5) Bertanya soalan terbuka: Tunjukkan kepada anak satu gambar dan kemudian tanyakan soalan. Contohnya; "Apakah yang dilakukan oleh orang-orang di dalam gambar ini?" "Apakah yang mereka katakan?" "Apakah perkara menarik yang berlaku kepada anda hari ini?" Daripada bertanya: "Adakah anda gembira pada hari ini?"

6) Minta anak-anak menggunakan deria mereka:

- Minta anak menutup mata dan meneka apa yang anda letak di dalam tangan mereka seperti getah gelang atau batu kecil.
- Minta anak menutup mata dan meneka apa yang mereka dengar (gunakan bunyi

seperti mengocak kad, memutar syiling, menggosok kertas pasir dan mengoyak kertas).

7) Tanyakan kepada anak tentang perubahan: Minta mereka untuk mengubah perkara-perkara seperti yang mereka mahu perkara tersebut terjadi. Contoh:

- Apakah perkara yang rasanya lebih baik jika ia lebih manis?
- Apakah perkara yang akan lebih baik jika ia lebih kecil?
- Apakah perkara yang lebih baik jika ia menyeronokkan jika ia lebih laju?
- Apakah perkara yang lebih baik jika ia lebih sunyi?
- Apakah perkara yang lebih membagiakan jika ia lebih besar?

● Bagaimana ejaan bahasa Inggeris jika kita menulis perkataan itu seperti mana sebutannya?

Cuba tulis sebuah perenggan dengan menggunakan kaedah fonetik. Memang ada bahasa yang menggunakan kaedah seperti itu. Bolehkah anda namakan beberapa contohnya?

8) Tanya soalan yang mempunyai banyak jawapan: Berikut adalah beberapa contoh menggunakan konsep air (boleh menggunakan konsep lain termasuklah api, angin, pasir, kereta, rokok dan ais):

- Apakah sebahagian daripada kegunaan air?
- Apakah yang terapung dalam air?
- Bagaimanakah air membantu kita?
- Mengapakah air sejuk itu sejuk?

● Apakah yang sentiasa berada di bawah air?

● Apakah warna lain yang air boleh jadi?

9) Tanya soalan "Apa akan terjadi sekiranya...":

- Apakah yang akan terjadi jika semua pokok di dunia ini berwarna biru?
- Apakah yang akan terjadi sekiranya tiada kereta di muka bumi ini?
- Apakah yang akan terjadi sekiranya semua orang memakai pakaian yang sama? Dan mempunyai nama yang sama?
- Apakah yang akan terjadi sekiranya anda boleh terbang?
- Apakah yang akan terjadi sekiranya tiada orang yang membersihkan rumah?
- Apakah yang akan terjadi sekiranya semua orang menjadi orang baik atau orang jahat?
- Apakah yang akan terjadi sekiranya semua orang sakit atau sihat?

10) Tanya soalan "Dalam berapa banyak cara yang berbeza...":

- Dalam berapa banyakkah cara yang berbeza sudu boleh digunakan?
- Dalam berapa banyakkah cara yang berbeza butang boleh digunakan?
- Dalam berapa banyakkah cara yang berbeza tali boleh digunakan?
- Dalam berapa banyakkah cara yang berbeza klip kertas boleh digunakan?

AKTIVITI 66: KARAKTER-KARAKTER YANG TERPUJI

Apabila wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ, baginda ketakutan dan terus pulang ke rumahnya menemui isteri baginda Khadijah a.s. Beliau menenangkan baginda dan

menyenaraikan sebahagian perlakuan baik baginda:

- Mendekati saudara mara dan membantu mereka
- Membantu orang yang lemah
- Memberi sedekah kepada orang yang mlarat
- Bersikap ramah kepada tetamu
- Menolong orang sakit

Bincangkan bersama dengan anak-anak anda tentang kepentingan setiap perlakuan tersebut. Tulis sebuah cerita bersama-sama yang mengandungi kesemua perlakuan itu.

AKTIVITI 67: MENERANGKAN SOALAN-SOALAN YANG SUKAR

Kumpulkan beberapa orang ibu bapa untuk berbincang tentang bagaimana untuk menjawab soalan-soalan ini, yang sering ditanya oleh anak-anak (minta bantuan orang lain sekiranya perlu):

- “Siapakah yang mencipta Tuhan?”, “Mengapakah Tuhan menghukum orang yang tidak percaya pada-Nya?”, “Mengapakah begitu ramai manusia yang tidak pernah menerima hidayah?”, “Bagaimanakah kita boleh hidup di Syurga tanpa berasa bosan?”
- Bagaimana kita menerangkan konsep “kehendak sendiri” dan “takdir” dalam cara yang menggalakkan pemikiran proaktif pada satu sisi dan penerimaan terhadap kehendak Tuhan pada sisi yang lain? Dari manakah kita datang? Di manakah kita akan berakhir? Bagaimanakah keadaan Hari Akhirat nanti? Bolehkah kita melihat Tuhan? Mengapa tidak? Tuhan boleh membuatkan semua orang percaya kepada-Nya, tetapi mengapakah Dia

tidak berbuat demikian?

Inilah soalan-soalan yang sukar untuk anak-anak. Kita perlu menerangkannya kepada mereka mengikut umur dan kematangan mereka.

Dalam membayangkan Syurga, Nabi Muhammad ﷺ menjelaskan bahawa Syurga itu sangat indah dan unik sehingga tiada mata yang pernah melihatnya, tiada telinga pernah mendengarkannya dan tiada hati atau minda pernah membayangkannya! Ia adalah sebuah sistem kewujudan abadi yang sama sekali tidak pernah terfikir dan dapat difahami oleh manusia.

AKTIVITI 68: YANG PENTING ADALAH PERSEPSI SI PENCURI! SEBUAH PENYELESAIAN KREATIF

Minta anak-anak membaca kisah benar berikut. Kemudian, fikirkan bersama akan masalah-masalah yang dihadapi oleh keluarga dan bagaimana untuk menyelesaikannya.

Apabila seorang Ketua Eksekutif American Airlines melihat seorang pengawal berdiri di lapangan terbang, dia bertanya kepada pengurusnya, “Bolehkah kita mengurangkan kos?” Pengurus tersebut merespons dengan bertanya, “Bagaimana?” Eksekutif berkata sekiranya mereka mempunyai pengawal untuk tiga malam sahaja secara rawak, pencuri tidak tahu malam mana yang akan ada pengawal bertugas. Tahun hadapan, persoalan yang sama timbul tentang penjimatan kos dan respons yang sama diberikan. “Bagaimana?” Eksekutif tersebut mencadangkan supaya para pengawal diganti dengan seorang anjing yang garang. Tahun ketiga, persoalan yang sama ditanya. Penyelesaiannya adalah meletakkan anjing secara sambilan.

Tahun keempat, Eksekutif tersebut

memberitahu Pengurus, "Memandangkan persepsi pencuri itu penting, cuba anda buatkan anjing itu menjadi sangat lapar dan rekodkan suara salakan anjing yang kuat itu. Kemudian, mainkan rekod itu secara rawak pada waktu malam?" Kaedah itu berkesan! Mereka dapat menjimatkan kos kerana tidak perlu lagi menggunakan pengawal.

(MSNBC, November 3, 2007)

BAB 16

Impak Destruktif Televisyen, Telefon Pintar, Permainan Video dan Komputer

- Pengenalan **436**
- Soal Selidik untuk Ibu Bapa **436**
- Kesan Negatif TV **437**
- Fakta Ringkas TV **443**
- Orang Asing **443**
- Senarai Alternatif Keluarga Selain Menonton TV **445**
- Pilihan yang Lebih Serius **448**
- Keburukan Penggunaan Internet yang Berlebihan **450**
- Permainan Komputer **450**
- Permainan Video dan Kanak-kanak **451**
- Kesimpulan **452**
- Ringkasan **453**
- Aktiviti 69–73 **454**

Pengenalan

Ada sesuatu di dalam rumah kita yang memainkan peranan besar dalam hidup kita walaupun ia hanya duduk diam di sudut rumah. Ia meluangkan lebih banyak masa dengan anak-anak berbanding dengan kita tanpa kita sedari. Ia juga boleh memusnahkan seluruh keluarga namun tidak pernah dilihat sebagai penyebabnya. Ia adalah televisyen. Jangan memandang rendah pada TV atau kesannya yang besar dalam kehidupan kita! Dan bukan hanya TV tetapi dengan munculnya teknologi baru pada abad ke-21 ini, kesan buruk skrin telah berkembang merangkumi internet, telefon bimbit, ipad, tablet dan lain-lain. Kemampuan telefon pintar sahaja sudah merangkumi hampir semua kaedah komunikasi termasuk TV. Oleh itu, bab ini akan membincangkan semua bentuk budaya digital baharu dan kesannya terhadap perkembangan kanak-kanak.

Soal Selidik untuk Ibu Bapa

- Adakah anak-anak anda menonton TV semasa bersarapan dan sebelum pergi ke sekolah?
- Adakah anak anda menonton TV sebaik sahaja pulang ke rumah dari sekolah? Sambil membuat kerja rumah?
- Adakah keluarga anda menonton TV semasa makan?
- Berapa banyak perbualan dan permainan anak anda yang berkaitan dengan TV?
- Adakah TV dihidupkan semasa anak anda bermain dengan kawan-kawannya dan permainan mereka?
- Adakah mereka meminta makanan ringan dan mainan yang mereka lihat melalui iklan di TV?

- Adakah jadual keluarga bergantung pada apa yang ditayangkan di TV?
- Bolehkah anak anda menutup TV pada akhir rancangan yang dia tonton atau dia terus menonton TV?
- Adakah anak anda kerap kepenatan kerana menonton TV sehingga lewat malam?
- Adakah anak anda berasa takut atau mengalami mimpi buruk disebabkan apa yang ditonton di TV?
- Adakah anak anda lebih memilih untuk menonton TV berbanding dengan bermain?
- Adakah anak anda tidak mengendahkan kedatangan tetamu ketika dia sedang menonton TV?
- Adakah anak anda menangguhan solat kerana TV?



Terlalu banyak menonton TV adalah satu bentuk ketagihan dan mempunyai banyak persamaan dengan pengambilan dadah. Ramai kanak-kanak mengalami keadaan seperti khayal ketika menonton TV. Perhatian mereka benar-benar diserap sehingga tidak menyedari perkara lain di sekitarnya. Sekiranya anda bercakap dengan mereka, mereka tidak mendengar, dan jika telefon berdering di sebelah mereka, mereka tidak memberi tindak balas. Malah, ekspresi



wajah mereka juga mengalami perubahan ketika menonton TV. Rahang dibiarkan longgar dan terbuka, lidah terletak di gigi depan, dan mata dalam keadaan berkhayal. Berbanding dengan bersikap aktif dan berwaspada secara mental, kanak-kanak ini terperangkap dalam keadaan tidak sedar (berasa kosong, tidak bersemangat dan fikiran terhenti), terpukau dengan skrin yang berada di hadapan mereka.

Kandungan program-program TV boleh dibahaskan tanpa henti, dengan sebahagian program-program ini bermanfaat atau berbahaya buat penontonnya. Walau bagaimanapun, isu berkaitan dengan pengisian rancangan TV kurang penting berbanding dengan isu sama ada pengalaman menonton TV itu sendiri dan masa yang dihabiskan untuk itu bermanfaat atau merosakkan.

Sebilangan kanak-kanak menonton televisyen tanpa henti, sehingga aktiviti ini menjadi rakan pengganti dan pembaziran masa.

Seorang kanak-kanak dengan ketagihan TV cenderung menghadapi lebih banyak masalah daripada kanak-kanak lain. Dia mungkin menjadi seorang yang terlalu pemalu, agresif, rentan dan tidak mampu bergaul dengan orang lain.

Satu ketagihan televisyen di dalam sebuah

keluarga sudah cukup untuk menimbulkan masalah yang serius. Usaha menyusun dan menikmati aktiviti keluarga menjadi lebih sukar apabila terdapat seorang ahlinya lebih suka menonton TV. Lebih mudah untuk menukar aktiviti yang tidak berkaitan dengan TV (seperti membaca, bermain dan melukis) kepada aktiviti menonton televisyen, berbanding dengan untuk menukar aktiviti menonton televisyen kepada aktiviti yang lain. Kanak-kanak yang sudah ketagihan TV akan mendapati bahawa tarikan TV memang sangat kuat.

Menurut Marie Winn (2002), TV memiliki kesan hipnosis atau pukauan pada kebanyakan orang. Mereka menjadi seperti zombie (makhluk yang kusam, bodoh, dan mudah dikawal). Masalah yang lebih kecil adalah apa yang akan berlaku apabila seseorang menonton TV manakala masalah yang lebih besar adalah apa yang tidak akan berlaku ketika seseorang menonton TV. Kanak-kanak yang menghabiskan ratusan jam menonton TV merosakkan perkembangan intelektual dan sosial mereka. Akan ada ratusan ribu perkataan yang tidak diucapkan dan diberi maklum balas oleh manusia lain, dan ribuan soalan yang tidak diajukan dan dijawab oleh manusia lain.

Kesan Negatif TV

Ketika membuat penilaian terhadap aktiviti menonton televisyen, ibu bapa lebih cenderung memusatkan perhatian mereka pada pengisian dan kandungan daripada jumlah masa yang dihabiskan oleh anak-anak untuk menonton TV. Mereka lebih mementingkan keperluan mereka sendiri daripada keperluan anak-anak mereka. Ibu bapa memerlukan sumber hiburan untuk anak-anak mereka. Mereka memerlukan ketenangan dan kesenyapan di dalam rumah. Ibu bapa memerlukan pengasuh elektronik yang

percuma, tidak mengeluh, boleh dipercayai, dan sentiasa ada pada setiap masa. Ini berbeza dengan keperluan anak-anak mereka. TV tidak memenuhi keperluan kanak-kanak untuk berdikari, mengetahui kekuatan dan kelemahan mereka dan belajar bagaimana untuk berkomunikasi (untuk bercakap dan menulis dengan baik). Anak-anak perlu terlibat dalam kisah fantasi yang dicipta sendiri oleh mereka, bukannya yang dicipta oleh orang dewasa untuk mereka. Anak-anak juga memerlukan rangsangan intelektual yang datang daripada aktiviti memanipulasi, menyentuh, dan melakukan, bukan hanya dengan menonton layar TV secara pasif.

Ramai ibu bapa menggunakan televisyen untuk menenangkan anak yang terlalu aktif kerana ia merangsang keadaan yang lebih santai dan tenang berbanding dengan penumpuan mental yang kuat. Pemfokusan mata yang sedikit ketika menonton televisyen adalah serupa dengan apa yang berlaku pada mata ketika dalam keadaan mengelamun. Bahan-bahan tontonan TV tidak menggambarkan keadaan sebenar dan lebih kepada khayalan.

Ketidakseimbangan dalam kehidupan seorang penonton TV tegar dengan rutin TV mereka adalah sama seperti ketidakseimbangan dalam hidup seorang penagih dadah atau seorang penggemar arak.

Mereka mengetepikan aktiviti-aktiviti yang membawa kepada pertumbuhan atau perkembangan atau pencapaian dalam kehidupan. TV adalah pengalaman yang tidak produktif berbanding dengan hampir semua aktiviti lain yang lebih bermanfaat jika dilakukan. Walaupun TV tidak memberikan kepuasan kepada anak-anak, mereka masih tetap memilih untuk menonton daripada membaca, berkebun, menjahit, bermain

atau berbual. Aktiviti-aktiviti yang bermakna ini tidak lagi diinginkan seperti mana kanak-kanak ingin menonton TV. Televisyen boleh "menangkap" kanak-kanak kerana ia adalah pengalaman yang sangat menyenangkan. Walaupun tidak mencapai tahap menyenangkan seperti makan atau dipeluk, namun TV boleh menjadi sangat menarik. Ia "palsu" dalam erti bahawa ia tidak "memberi" apa-apa seperti makanan dan ahli keluarga yang penyayang memberikan sesuatu. Namun, ia begitu menarik kerana ia mengumpulkan sejumlah besar kegembiraan ke dalam satu sumber iaitu gambar yang terang, bunyi dan muzik yang pelbagai, dan babak-babak yang biasa dilihat dan begitu juga dengan babak-babak fantasi. Lebih separuh daripada semua ibu bapa di Amerika menggunakan pengurangan masa menonton televisyen sebagai satu bentuk hukuman dan ia menjadi bentuk hukuman yang paling banyak digunakan di Amerika.

Televisyen membebankan kanak-kanak yang hanya akan membuatkan mereka bertindak balas terhadapnya dengan mematikan TV namun menjadikan mereka lebih pasif, pendiam, dan tidak aktif. Peralihan gambar yang berterusan, perubahan sudut dan fokus kamera, dan perubahan pada titik rujukan penonton setiap beberapa saat, boleh menyebabkan terjadinya masalah penumpuan yang singkat. Pelajar sekolah yang hiperaktif mungkin berusaha untuk menangkap semula kualiti gambar TV yang dinamik dengan mengubah orientasi persepsi mereka dengan pantas. Malah rancangan TV untuk kanak-kanak telah menjadi suatu rangsangan yang keterlaluan. Ia adalah "sensori yang membunuh" bagi sebilangan kanak-kanak prasekolah yang masih belum dilengkapi dengan keupayaan dalam aspek perkembangan mereka untuk menghadapi


rangsangan elektronik yang pantas. Ini mungkin berkaitan dengan tingkah laku panik yang dilihat berlaku dengan kekerapan yang lebih besar dalam kalangan kanak-kanak hari ini.

Mungkin juga berkaitan dengan epidemik ADHD (Attention Deficit Hyperactivity Disorder) iaitu suatu kecelaruan hiperaktif kurang daya tumpuan dalam kalangan kanak-kanak. Buka rancangan TV kanak-kanak dan hitung berapa cepat setiap babak berubah dan berapa banyak perubahan sudut kamera berlaku.

PENGALAMAN THE SESAME STREET

Sesame Street adalah rancangan TV kanak-kanak antarabangsa yang mengajar abjad dan banyak perkataan kepada anak-anak. Penerbit *Sesame Street* mendakwa bahawa program mereka adalah suatu pengalaman pendidikan yang penting bagi anak-anak kecil. Namun, ada perkara lain yang juga betul berkenaan *Sesame Street*. Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebabkan ketagihan TV dalam kalangan kanak-kanak. Guru-guru mendapati bahawa sebilangan kanak-kanak yang memasuki tadika dan taman asuhan berupaya mengenali abjad hasil menonton *Sesame Street*. Namun, kanak-kanak yang ketagihan TV ini didapati kurang mampu bermain permainan imaginasi, sangat suka berlari dan berkeliaran tanpa tujuan, tidak menggunakan bahan permainan dan material rangsangan, tidak berupaya menangani kekecewaan, kurang gigih, dan terkeliru antara realiti dengan fantasi.

Pembelajaran yang berjaya memerlukan pengalaman praktikal yang aktif. *Sesame Street* dan program jenis “pendidikan” seperti ini adalah penggantian yang lemah jika dibandingkan dengan pengalaman pengajaran yang sebenar dan bersemuka. Sesungguhnya, mana-mana buku adalah lebih baik daripada *Sesame Street*.



Guru-guru di sekolah rendah menjadi kecewa dengan ramai pelajar kerana mereka tidak mahu membaca dan memberi perhatian. Walaupun televisyen mungkin dapat meningkatkan kemahiran berfikir bukan lisan, ia tidak membantu dengan kemahiran lain, yang sangat diperlukan untuk berjaya di sekolah.

Menonton *Sesame Street* selama 100 jam memberikan nilai pendidikan yang lebih rendah daripada menghabiskan 10 jam untuk buku yang bagus. Ibu bapa dan buku dapat menjalankan tugas yang lebih baik dalam masa yang lebih sedikit daripada *Sesame Street*, dengan lebih banyak kelebihan untuk perkembangan intelektual anak dan tiada kekurangan seperti yang diberikan oleh TV (seperti pasif, kegagapan, terlalu banyak rangsangan, dan kehilangan perkembangan perbendaharaan kata).

Lebih banyak rancangan televisyen yang ditonton oleh kanak-kanak, lebih buruk keadaan dan prestasi mereka di sekolah. Kejayaan di sekolah memerlukan minat membaca, kemampuan untuk bergaul dengan orang lain, dan tabiat menumpukan perhatian pada tugas yang membosankan dan berulang (seperti menghafal sifir). Semua kemahiran ini dikurangkan atau dirosakkan oleh tontonan televisyen yang berlebihan.

SEBELUM ADANYA TELEVISYEN

Sebelum adanya televisyen, ibu bapa lebih tegas dengan anak-anak mereka, bukan kerana mereka percaya bahawa ini adalah cara yang lebih baik untuk membesarakan anak-anak, tetapi kerana ketegasan diperlukan untuk kelangsungan hidup ibu bapa. Mereka memberikan perhatian terhadap anak-anak mereka dan melatih mereka bermain sendiri selama beberapa waktu di samping sentiasa memantau perkembangan mereka. Mereka membantu anak-anak belajar untuk menghiburkan diri sendiri dengan jayanya dan boleh dipercayai. Mereka melatih anak-anak untuk tidur sekejap pada waktu siang kerana rehat yang tenang baik untuk anak-anak. Ibu bapa juga memastikan anak-anak tidur atau diam di dalam bilik mereka, bermain atau mendengar muzik atau bergerak dalam keadaan senyap.

Selepas munculnya televisyen, banyak amalan ini telah hilang. Sekarang, kanak-kanak tidak tahu bagaimana untuk menghiburkan diri. Apabila TV dimatikan, mereka tidak melakukan apa-apa walaupun mereka mempunyai hobi atau peluang untuk mengembara. Mereka menolak keseronokan, aktiviti kreatif, membaca dan mengalami kebosanan.

Sebelum adanya televisyen, kanak-kanak dapat mengembangkan kemandirian dalam diri mereka dan berubah daripada berpusatkan ibu bapa (semasa bayi) kepada berpusatkan persekitaran dan menjadi aktif. Untuk terus hidup dalam masyarakat, seseorang harus dapat menyesuaikan diri. Ketika kanak-kanak berumur tiga tahun, mereka mula saling bergantung dan berinteraksi dengan dunia di sekitar mereka.

Walau bagaimanapun, TV sering digunakan sebagai pengasuh semasa kanak-kanak berada di peringkat bayi. Semasa menonton TV, anak-anak

kecil ini selamat, terjamin, dan mudah menerima, seperti berada dalam pelukan ibu mereka. Pengasuh tidak perlu berbuat apa-apa, seperti yang harus dilakukan mereka ketika bermain dengan kanak-kanak yang lebih besar. Bagi anak-anak ini, menonton TV tidak mempunyai risiko seperti permainan biasa. Mereka tidak akan menyakiti diri sendiri atau menghadapi masalah, dan mereka tidak akan membuat ibu bapa marah. Namun, ketika mereka baru sahaja muh keluar daripada keadaan tidak berdaya sebagai seorang bayi menjadi seorang kanak-kanak yang aktif, televisyen mengembalikan mereka pada keadaan “terikat dan bergantung”.

Sebelum adanya televisyen, kanak-kanak membina minat mereka dan mencuba banyak perkara baru. Mereka mengatasi kebosanan dengan mencipta permainan, berlakon atau main olok-olok, membaca, membaca semula, menulis surat dan melayan hobi. Selepas munculnya televisyen, kanak-kanak mengadu bahawa mereka tidak mempunyai “apa-apa yang boleh dilakukan”, dan segala yang lain kelihatan kurang menarik. Tidak pernah mereka begitu terhibur dan berasa begitu bosan! Menonton TV telah menjadi cara menjalani hidup dan menghabiskan masa yang selamat, mudah dan menghiburkan manakala mencari sesuatu yang menyeronokkan telah menjadi seperti sebuah pekerjaan! Filem-filem TV yang diadaptasi daripada buku cerita telah mencuri imaginasi kanak-kanak dan memberi mereka pengalaman yang tidak memerlukan pemikiran dan bukannya pengalaman intelektual. Mereka tidak berkembang dengan watak-watak dalam cerita, atau memahami wawasan dan perjuangan serta nilai-nilai watak-watak tersebut. Daripada menghabiskan masa berhari-hari untuk membaca sebuah buku


cerita sehingga akhir, keseluruhan cerita berakhir dalam tempoh 90 minit. Selepas menonton filem tersebut, kanak-kanak memang berasa terhibur tetapi mereka tidak puas. Sekurang-kurangnya semasa membaca buku, mereka akan “hidup” dalam sebahagian pengalaman yang dilalui oleh watak-watak, berkawan dengan watak-watak, dan menggunakan imaginasi mereka menjalani semula pengalaman watak-watak cerita itu. Aspek sentuhan, bau, dan nuansa buku membolehkan kanak-kanak berhubung dengan cerita, dan dapat membaca petikan menarik berulang kali. TV melibatkan perasaan “menarik diri”, semacam kemurungan ketika sebuah filem berakhir secara tiba-tiba dan mereka harus pergi. Wujud ikatan yang mendalam antara kita dengan buku yang tidak dapat dipelajari, dikuantifikasi atau dijelaskan. Hubungan emosi yang penting itu dinafikan oleh TV.

TV mengukuhkan rasa tidak berdaya dan kebergantungan pada orang dewasa. Pada masa lalu, masa lapang memberikan kanak-kanak peluang yang diperlukan untuk mengurangkan kebergantungan mereka pada orang dewasa. Hari ini, bagi ramai kanak-kanak masa lapang adalah sebuah sumpahan. Satu-satunya perkara yang seronok dilakukan oleh mereka ketika masa lapang adalah menonton TV. Malah sebilangan kanak-kanak ketika makan, menghabiskan masa dengan rakan-rakan, dan membuat kerja rumah mereka di hadapan TV.

Kehidupan berkeluarga telah terjejas teruk dengan tontonan televisyen. Rutin harian sering berjalan di sekitar TV dan ritual keluarga telah pun mati. Penyertaan dalam kegiatan keagamaan dan masyarakat telah menurun, dan televisyen adalah penyebab utama. Ramai ibu bapa mengadu bahawa rumah mereka telah menjadi seperti

sebuah hotel dan restoran, hanya tempat untuk makan dan tidur. Mereka sering tidak menyedari bahawa ketika TV menguasai kehidupan keluarga, ini adalah kesan yang tidak dapat dielakkan. Agar keluarga mempunyai hubungan yang sihat, banyak pengalaman yang dilalui bersama diperlukan. Sebilangan besar aktiviti sehari-hari yang berlaku, berulang, berubah dan berkembang selama bertahun-tahun dalam sebuah keluarga adalah ramuan yang melahirkan hubungan keluarga yang kuat. Jika tidak, ibu bapa hanya menjadi penjaga, terlibat dalam menyediakan makanan, pakaian, dan tempat tinggal, dan sekadar itu sahaja. Ibu bapa hanya sekadar menjadi orang-orang di sebalik tabir kehidupan anak-anak.

Televisyen melemahkan institusi keluarga dengan mencuri masa ahli-ahlinya daripada berurusan dengan orang-orang yang sebenar. Sebilangan besar keluarga di Amerika menonton televisyen semasa makan, dan tidak selalu berada di set TV yang sama! Walaupun mereka semua menonton rancangan TV yang sangat baik tentang alam sekitar, moral dan peristiwa-peristiwa semasa, mereka masih akan kehilangan sesuatu yang lebih penting. Adakah mereka saling berkongsi apa yang mereka lakukan pada hari itu? Adakah mereka membuat rancangan, bertukar pandangan, berkongsi lawak jenaka, dan berbicara tentang pencapaian dan kegagalan mereka? Dari segi apakah mereka menjadi keluarga sebenar? Walaupun televisyen itu sendiri tidaklah menghancurkan kehidupan keluarga, sudah pasti ia tidak mengukuhkan kehidupan keluarga. Namun, ia telah mengambil masa yang diperlukan untuk mencipta hubungan kepercayaan dan jaminan emosi antara ahli keluarga. Bahkan, ia menghalang ibu bapa untuk mendidik dan menikmati masa bersama dengan anak-anak mereka.



Khayalan yang Dibentuk oleh Televisyen

Pernah pada satu masa saya dihubungi oleh pasangan yang mempunyai dua orang anak yang meminta nasihat tentang masalah keluarga mereka. Kedua-dua ibu bapa adalah doktor. Yang mengejutkan saya, ibu itu berkata, "Sebelum berkahwin, saya fikir perkahwinan itu penuh dengan keseronokan tanpa tanggungjawab, seperti yang digambarkan di TV oleh pelakon Hollywood." Sekiranya para profesional juga boleh tertipu dengan gambaran hidup di televisyen, maka bagaimana pula dengan anak-anak kita?

Semasa kita berada di Tahun Dua sekolah rendah, guru-guru membacakan kita sebuah kisah lampau tentang pasangan tua yang baik yang mempunyai kucing dan anjing. Kucing itu telah mengkhianati pasangan tersebut sementara anjing tetap setia kepada mereka. Anjing itu mengejar kucing yang mlarikan diri dan memanjat pokok untuk keselamatan. Kisahnya berakhiran dengan pernyataan: "Sejak hari itu, ketika anjing melihat kucing, ia akan berlari mengejarnya untuk mengigitnya." Selama bertahun-tahun, saya benar-benar percaya bahawa alasan anjing memerangi kucing adalah dosa asal pengkhianatan kucing terhadap orang tua yang baik. Para guru seharusnya menjelaskan bahawa cerita-cerita ini adalah fiksyen kerana kanak-kanak mempercayai apa yang mereka dengar dan lihat. Begitu juga, ibu bapa harus memberitahu anak-anak mereka bahawa apa yang mereka lihat di TV adalah tidak nyata.

Menonton banyak TV boleh:

- Menyumbang pada berat badan berlebihan dan obesiti
- Melemahkan pencapaian akademik
- Merosakkan ikatan keluarga, dan
- Menggalakkan tingkah laku antisosial

Bekas Ketua Pakar Bedah C. Everett Koop, USA



Fakta Ringkas TV

- Orang Amerika menonton TV selama lebih daripada empat jam sehari, atau dua bulan penuh menonton TV dalam setahun.
- 86% peratus pelajar tingkatan 6 di Amerika Syarikat yang menonton TV selama enam jam sehari menunjukkan prestasi buruk dalam ujian membaca.

Petikan Kata-kata Terkenal tentang Televisyen

Televisyen telah mengubah anak daripada kuasa yang tidak mampu dikawal kepada objek yang tidak bergerak.

Pengarang Tidak Diketahui

Sekiranya anda pulang dan menemui seorang lelaki asing yang sedang mengajar anak-anak anda bertumbuk antara satu sama lain, atau cuba menjual semua jenis produk kepada mereka, anda pasti akan menendangnya keluar dari rumah. Tetapi itulah anda. Apabila anda masuk ke dalam rumah dan melihat TV sedang terpasang, dan anda tidak pernah memikirkan tentangnya sekalipun.

Jerome Singer

Tidakkah anda mahu ada punat di TV untuk saluran 'meningkatkan kecerdasan'? Memang ada satu punat yang tertulis 'kecerahan' tetapi ia tidak berfungsi sebegitu.

Gallagher

Televisyen telah banyak membantu bidang psikiatri dengan menyebarkan maklumat tentangnya. Namun, ia juga menyumbang pada keperluan terhadapnya.

Alfred Hitchcock

TV. Sekiranya kanak-kanak terhibur dengan dua huruf ini, bayangkan keseronokan yang akan dialami mereka dengan dua puluh enam abjad. Buka imaginasi anak anda. Bukanlah buku.

Pengarang Tidak Diketahui

(Sumber: www.quotegarden.com)

- Pada usia 18 tahun, remaja Amerika sudah menonton lebih daripada 200,000 aksi keganasan, termasuk 16,000 pembunuhan di TV.
- Kanak-kanak Amerika yang berlebihan berat badan meningkat dua kali ganda sejak tahun 1980, sebahagianya disebabkan oleh kegiatan menonton TV dan diet yang buruk.

Orang Asing

"Beberapa bulan sebelum saya dilahirkan, ayah saya bertemu dengan orang asing yang masih baru di bandar kecil kami. Sejak awal, ayah sudah terpesona dengan pendatang baru ini, dan kemudian mengajaknya tinggal bersama keluarga kami. Orang asing itu cepat diterima dan menyambut saya ke dunia beberapa bulan kemudian. Semasa membesar, saya tidak pernah mempersoalkan tempatnya dalam keluarga kami.

Ibu mengajar saya untuk mencintai kata-kata Tuhan dan ayah mengajar saya untuk mentaati Tuhan.

Tetapi orang asing itu sangat pandai bercerita. Dia dapat menenunkan kisah-kisah yang paling mempesonakan. Dan banyak kisah pengembalaan, misteri dan komedi yang diceritakan kepada kami. Dia dapat menampung perhatian keluarga kami selama berjam-jam setiap malam. Dia seperti seorang rakan kepada seisi keluarga. Dia membawa saya dan bapa saya ke permainan besbol pertama kami. Dia selalu mendorong kami untuk menonton filem dan dia juga mengatur untuk memperkenalkan kami kepada beberapa orang bintang filem. Orang asing itu selalu berbicara tanpa henti. Ayah nampaknya tidak keberatan, tetapi kadangkala Ibu diam-diam bangun dan masuk ke biliknya untuk membaca

Bible dan berdoa, sementara kami yang lain mendengar salah satu kisah dongengnya. Saya tertanya-tanya apakah Ibu pernah berdoa agar orang asing itu pergi. Ayah memenuhi rumah tangga kami dengan moral. Tetapi orang asing ini tidak pernah merasakan kewajipan untuk menghormati mereka. Perkataan-perkataan yang tidak senonoh tidak dibenarkan di rumah kami, bukan hanya daripada kami, malah rakan kami atau orang dewasa yang lain. Namun, pengunjung lama kami ini bebas menggunakan kata-kata buruk yang membakar telinga saya dan membuat Ayah berasa tidak selesa. Tiada siapa antara kami yang mahu berhadapan dengan orang asing ini tentang perbuatannya itu. Ayah saya tidak membenarkan arak di rumahnya walaupun untuk masakan. Tetapi orang asing itu sering menawarkan kami bir dan arak yang lain. Dia membuatkan rokok kelihatan enak, cerut kelihatan menarik, dan rokok paip dimuliakan. Dia bebas bercakap tentang seks. Komennya kadangkala tidak sopan, kadangkala bagus, dan adakalanya memalukan. Sekarang saya tahu bahawa konsep awal hubungan lelaki/wanita saya dipengaruhi oleh orang asing ini. Ketika saya menoleh ke belakang, saya percaya bahawa rahmat Tuhanlah yang menghalang orang asing ini daripada mempengaruhi kami. Berkali-kali dia menentang nilai-nilai ibu dan ayah saya. Namun

dia jarang ditegur dan tidak pernah diminta untuk pergi. Lebih daripada tiga puluh tahun telah berlalu sejak orang asing itu pindah masuk bersama kami. Tetapi jika saya pergi ke rumah orang tua saya hari ini, saya masih melihat dia duduk di sudut, menunggu seseorang untuk mendengarkannya bercakap dan melihatnya melukis gambarinya. Namanya? Kami selalu memanggilnya TV. “

(Penulis Tidak Diketahui)

TETAPKAN HAD PADA JUMLAH DAN KANDUNGAN TELEVISYEN YANG DITONTON ANAK ANDA

Pam memutuskan untuk mengambil bahagian dalam Minggu Tutup TV Kebangsaan. Anak-anaknya, yang ketika itu berusia 13, 11, dan 4 tidak bersetuju pada mulanya, tetapi berhenti mengeluh kerana mereka menjumpai perkara lain yang boleh dilakukan pada minggu itu. Anak-anak lelaki yang lebih tua membaca lebih banyak dan bermain bersama, bahkan mengajar adik perempuan mereka bermain bola sepak. Anak-anak mengadakan aktiviti keluarga dan bersikap baik antara satu sama lain. Tidak mempunyai TV membawa perbezaan besar. Kini mereka ada masa untuk keluarga.

JANGAN TONTON FILEM YANG MENUNJUKKAN AKTIVITI YANG ANDA TIDAK MAHU DILAKUKAN ANAK-ANAK



Beberapa orang ibu bapa menutup TV buat selama-lamanya dan mereka bersetuju bahawa ia suatu yang bermanfaat. Keluarga Kane telah membuat peralihan ketika bercuti:

Tidak ada TV selama kami bercuti. Jadi, inilah masa yang wajar untuk membuat perubahan. Pada mulanya, anak perempuan kami agak terganggu tetapi kami hanya mengalihkan perhatiannya setiap kali dia bertanya.

Ibu bapa berpendapat anak-anak mesti sentiasa dihiburkan. Ibu bapa merasa wajib untuk menolong anak mereka: "Oh, ibu akan mencari sesuatu untuk awak lakukan." Namun setelah beberapa lama, mereka selesa membiarkan anak-anak mereka mencari aktiviti sendiri.

Anak-anak kecil khususnya sangat mendapat manfaat daripada menolong ibu bapa mereka melakukan kerja-kerja rumah. Ajak anak-anak untuk membantu memasak. Bukanakah sepatutnya ibu bapa menjadi contoh teladan kepada anak-anak mereka? Sekiranya anak-anak melihat ibu bapa bersantai atau sibuk tanpa televisyen, maka anak-anak juga akan belajar melakukannya.

Pakar-pakar dan Penyelidikan Tentang Televisyen untuk Kanak-kanak

Spock (1998) dan Akademi Kanak-Kanak Amerika (1999) mengatakan bahawa kanak-kanak tidak patut menonton TV sama sekali kerana "tontonan TV semasa seorang bayi membesar mempunyai kaitan dengan kelewatan dalam kemahiran bahasa, tempoh pemerhatian yang pendek dan perkembangan kognitif yang tertunda." Tidak ada bukti saintifik tentang faedah menonton TV semasa bayi. Yang ada hanyalah bukti terbaik yang menunjukkan bahayanya."

Spock menyedari bahawa strategi ini "terlalu melampau" bagi kebanyakan ibu bapa.

Rosemond (1993) mencadangkan agar ibu bapa melarang tontonan TV sehingga seorang kanak-kanak dapat membaca dan menikmati pembacaan buku. Malah selepas itu pun, bataskan tontonan TV hanya kepada lima jam seminggu.

Rankin (2006) menyatakan beberapa kajian utama menunjukkan bahawa menonton TV tiga jam atau lebih sehari menjatuhkan prestasi di sekolah, tetapi rancangan pendidikan terpilih dapat membantu. Rancangan pendidikan seperti ini juga dikaitkan dengan peningkatan kreativiti.

Kongsikan bersama anak anda cerita-cerita dan sajak-sajak yang menginspirasi dan berwawasan
(Bennet 1996)

Senarai Alternatif Keluarga Selain Menonton TV

Sebilangan besar ibu bapa membenarkan anak-anak mereka menonton TV kerana kekurangan pilihan untuk mengisi masa anak-anak. Ibu bapa sangat letih sehingga TV memberi mereka masa untuk berehat dengan menjauhkan anak-anak daripada mereka buat seketika. Penyelesaiannya adalah dengan mula terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Kami telah menyebutkan banyak keburukan menonton televisyen untuk kanak-kanak dan ibu bapa.

Mungkin bahaya terbesar yang dilakukan TV pada kehidupan keluarga adalah meremehkannya, dan ini adalah bahaya yang tidak disedari oleh banyak pihak.

Keluarga tidak berinteraksi sesama mereka kerana TV menghalang mereka untuk bersama dalam erti kata sebenar. Pertimbangkan beberapa alternatif lain daripada menonton TV.

Bagaimakah anda memperlakukan pencuri yang mencuri wang anda? Bagaimana pula dengan pencuri yang mencuri masa anda, dan kehidupan keluarga anda?

TV menyebabkan lebih banyak kerugian kepada anda daripada kecurian wang. Ia mengambil kebahagiaan anda. Walaupun anda mungkin boleh mengembalikan wang anda yang hilang, anda masih tidak akan mampu mengembalikan masa dan kebahagiaan anda.

BEBERAPA ALTERNATIF KEPADA AKTIVITI MENONTON TV

Aktiviti-aktiviti yang sesuai boleh dipilih bergantung pada usia kanak-kanak. Terdapat buku-buku yang menyenaraikan berbil-bilu jenis aktiviti untuk dipilih oleh keluarga antaranya:

1. Membina kubu
2. Mengajurkan aktiviti bergotong-royong dan pembersihan dalam kawasan kejiranan
3. Pergi ke perpustakaan, meminjam buku, menghadiri aktiviti perpustakaan
4. Mendengar radio
5. Melawat zoo atau muzium
6. Melukis gambar
7. Pergi ke pusat kegiatan komuniti
8. Berenang
9. Membaca buku dengan kuat kepada adik lelaki/perempuan
10. Merancang perkelahan
11. Berjalan, berlari, atau berbasikal
12. Menyanyi, atau mengingati puisi
13. Pergi melihat burung
14. Lompat tali
15. Menjadi sukarelawan untuk organisasi masyarakat atau badan amal
16. Berkhemah (walaupun hanya di laman belakang rumah)
17. Menulis surat untuk rakan, saudara atau datuk dan nenek
18. Menanam bunga, sayur-sayuran atau taman herba
19. Membaca majalah atau surat khabar
20. Bermain catur
21. Membuat gelang persahabatan; letakkan satu di pergelangan tangan seseorang, dan satu di pergelangan tangan seorang lagi
22. Menyumbang lebihan barang kepada pelarian atau badan amal
23. Mula menulis diari
24. Melawati kedai buku tempatan
25. Mengkaji sejarah keluarga
26. Belajar bertukang dan membina rak buku
27. Membuat kraf untuk diberikan sebagai hadiah
28. Mengarang cerita dan menuliskannya
29. Pergi mendaki. Mengumpulkan bijian dan dedaunan. membuat kolaj dengan bahan yang anda kumpulkan dan letakkan di peti sejuk
30. Melihat langit malam melalui teropong. Mengenal pasti buruj bintang yang berbeza. Memerhatikan bulan. Membaca sesuatu tentang astronomi
31. Membuat biskut untuk jiran anda
32. Meminta seorang ahli keluarga yang lebih tua untuk bercerita tentang zaman kanak-kanaknya. Tulis tentang perkara itu
33. Membuat jem
34. Membuat yogurt
35. Bersenam
36. Berjalan ke tempat kerja atau ke sekolah
37. Bermain bowling
38. Bermain bola
39. Menghadiri upacara keagamaan pelbagai kepercayaan
40. Mengadakan perlumbaan berlari dalam guni
41. Bermain bola sepak, bola tampar dan bola keranjang

- 42. Belajar menaip
- 43. Belajar menggunakan komputer
- 44. Belajar memandu
- 45. Bermain ping pong
- 46. Menganjurkan aktiviti mencari harta karun di dalam kawasan perumahan
- 47. Membasuh baju menggunakan tangan
- 48. Membersihkan rumah menggunakan pembersih vakum
- 49. Membersihkan tingkap
- 50. Memasak makan malam untuk kawan-kawan dan keluarga
- 51. Menyelaraskan penyata bank
- 52. Menulis ulasan buku
- 53. Berbincang tentang bajet bulanan keluarga
- 54. Merancang sebuah parti
- 55. Bertukar majalah dengan rakan
- 56. Membersihkan bilik
- 57. Bermain hoki
- 58. Menulis sepucuk surat kepada penulis kegemaran anda, sama ada masih hidup atau tidak
- 59. Bermain dengan haiwan peliharaan anda atau jiran anda
- 60. Membersihkan halaman rumah
- 61. Bermain layang-layang
- 62. Pergi bercuti bersama keluarga
- 63. Mengantung termometer dan barometer di anjung atau di pokok
- 64. Merancang sebuah persembahan
- 65. Bermain hujan
- 66. Membuat kolaj menggunakan gambar-gambar dari majalah lama
- 67. Melawat rumah jagaan
- 68. Mengasuh bagi pihak ibu bapa baharu
- 69. Pergi mendaki
- 70. Menyelesaikan teka-teki jigsaw
- 71. Membuat kawan baharu dengan seseorang
- 72. Memulakan kumpulan membaca
- 73. Bermain permainan papan dengan keluarga dan rakan-rakan
- 74. Membuat ladang semut
- 75. Mengadakan sebuah parti di taman
- 76. Membuat kapal kecil dan biarkan ia terapung di dalam air
- 77. Melukis gambar ahli keluarga anda
- 78. Belajar menggunakan kompas dan peta
- 79. Belajar sistem metrik
- 80. Berbual dengan seseorang yang lebih tua
- 81. Bermain dam
- 82. Belajar menjahit
- 83. Melawat ke kawasan luar bandar
- 84. Memerah susu lembu
- 85. Memanjat pokok
- 86. Mengumpul lawak jenaka, merekodkan dalam sebuah buku dan bergurau dengan rakan-rakan dan keluarga menggunakanannya
- 87. Belajar beberapa teka-teki
- 88. Melihat matahari terbit dan terbenam
- 89. Menyediakan senarai keperluan dapur
- 90. Belajar untuk menuturkan frasa-frasa mudah dalam beberapa bahasa yang berbeza (Terima kasih, selamat pagi/malam, ya, tidak, bilangan 1 hingga 10, hari-hari dalam seminggu)

Pilihan yang Lebih Serius

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang lebih serius untuk dilakukan oleh kanak-kanak (diadaptasi dari Beshir et al. 1998).

AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN

- Pelajari bahasa lain sebagai tambahan kepada dua bahasa yang penting iaitu bahasa ibunda dan bahasa Arab al-Quran.
- Menghadiri perkhemahan belia. Pastikan terdapat aktiviti-aktiviti bermanfaat yang cukup diatur untuk anak-anak, terutamanya semasa percutian panjang. Selain kandungan intelektual dan kerohanian, program perkhemahan harus merangkumi permainan, sukan, sandiwara, dan pertandingan.
- Menyertai kelab lelaki dan perempuan.
- Menyertai kumpulan nasyid. Pilih lagu-lagu yang sesuai dan senang untuk dipelajari oleh kanak-kanak dan biarkan mereka membuat persembahan dalam majlis keraian masyarakat.
- Menghadiri “parti bermalam”. Aktiviti tidur bermalam yang dianjurkan oleh anak-anak dan diawasi oleh ibu bapa memberikan keseronokan kepada mereka dan membantu mewujudkan ikatan yang kuat antara mereka.
- Bermain hujan, dengan perlindungan yang sewajarnya.

'Umar bin al-Khattab berkata:

“Ajarkan anak-anak anda berenang, memanah, dan menunggang kuda.”

- Belajar teknik mempertahankan diri.
- Menyertai kelas tajwid dan puisi.
- Belajar peraturan keselamatan sekiranya berlaku kebakaran.
- Belajar pengucapan awam.
- Belajar teknik perdebatan.
- Belajar kaligrafi bahasa Inggeris, bahasa Arab dan tulisan jawi.

- Pergi memancing.
- Belajar teknik bantuan pernafasan (CPR).
- Belajar teknik kecemasan manuver Heimlich.

AKTIVITI-AKTIVITI ALAM SEKITAR

● Terokai Alam dengan Kelajuan Anda Sendiri.

Gunakan laluan pendakian yang sedia ada supaya ahli keluarga dapat berjalan-jalan secara santai atau mendaki dengan lebih bertenaga untuk melihat keajaiban alam seperti burung, serangga, ular, bunga, dan pokok. Kanak-kanak dapat menghabiskan berjam-jam mencari batu di sungai. Mereka juga boleh berbasikal.

● Menatap Bintang.

Aktiviti menatap bintang adalah aktiviti yang sangat bagus. Gunakan peta buruj. Ambil selimut dan buah-buahan dan pergi ke suatu tempat yang mempunyai cahaya yang sangat sedikit. Boleh jadi di halaman rumah atau di mana-mana puncak bukit. Apabila gelap sepenuhnya, cuba tunjuk buruj yang berbeza kepada satu sama lain. Tunjukkan Little Dipper, dan kemudian cari Leo, buruj Singa. Akhirnya, anak-anak anda akan mula menemui bentuk mereka sendiri pada bintang-bintang, sama seperti yang mereka lakukan pada awan.

PERMAINAN

- Main permainan jari kaki dan jari tangan iaitu membandingkan panjang relatif jari-jari anda. Setiap orang mengangkat tangannya dengan jari dirapatkan. Anda akan dapati jari telunjuk lebih pendek daripada jari manis anda, dan jari tengah anda adalah yang terpanjang, tetapi coraknya berbeza pada setiap orang. Kemudian periksa jari kaki anda. Baring terlentang rapat antara satu sama lain, dan perhatikan kaki anda. Jari kaki juga berbeza.
- Menghitung tulang rusuk anak-anak anda boleh jadi menyeronokkan, terutamanya jika dilakukan oleh datuk dan nenek.

- Main permainan abjad. Setiap orang di dalam kereta mengumpulkan setiap huruf abjad dari papan tanda jalan. Semua huruf abjad itu hendaklah dikumpulkan mengikut susunan abjad. Tidak ada siapa dibenarkan berpusing untuk melihat papan tanda di seberang jalan. Orang pertama yang melihat "z" menang.
- Dalam perjalanan ke mana-mana, "kumpulkan" plat nombor kereta dari seberapa banyak negeri dan negara yang mungkin.
- Bermain "B.B. Bumblebee, saya nampak sesuatu yang anda tidak nampak." Buat anak yang berusia dua tahun sibuk untuk beberapa minit. Kemudian anda pergi dulu dan katakan, "B.B. Bumblebee, saya nampak sesuatu yang anda tidak nampak dan ia berwarna merah." Kemudian anda beri peluang kepada anak untuk melihat sekeliling bilik dan meneka benda merah apa yang mungkin anda lihat. Jika dia memberikan jawapan yang tepat, dia pula yang mengambil gilirannya. Atau "Saya nampak dengan mata kecil saya sesuatu yang bermula dengan huruf A" dan anak harus meneka objek apa yang anda lihat bermula dengan huruf, dalam kes ini A.
- Bermain catur. Salah satu kaedah yang berkesan untuk melatih anak-anak anda berfikir dan menjadi kreatif adalah bermain catur. Ia mengajar kesabaran dan mendisiplinkan akal. Anda juga dapat mempelajari sesuatu tentang keperibadian lawan dengan menganalisis strategi mereka dalam permainan. Adakah mereka agresif atau bertahan? Adakah mereka mengambil risiko atau tidak?



Suara Alam

Minta anak-anak untuk duduk, memejamkan mata, dan duduk dalam keadaan paling diam yang mereka boleh sambil menghitung semua bunyi yang berbeza yang boleh mereka dengar. Dengarlah suara burung, unggas dan katak.

Dedahkan mereka kepada alam semula jadi

Anak-anak kita telah pergi jauh dari dunia hutan, sungai dan gunung dan masuk ke dunia TV, komputer, dan permainan video. Kembalikan mereka ke alam semula jadi.



MAKAN DENGAN ANAK ANDA

Menurut tinjauan oleh Pusat Kebangsaan Ketagihan dan Penyalahgunaan Bahan di Universiti Columbia:

- Anak-anak yang makan malam bersama keluarga boleh berkomunikasi dengan lebih baik dengan keluarga mereka. Makan malam bersama keluarga lebih daripada sekadar berkongsi makanan. Perbualan yang berlaku semasa makan malam

membantu ibu bapa belajar tentang kehidupan anak-anak mereka, cabaran yang mereka hadapi, dan aktiviti yang suka dilakukan oleh anak-anak.

- Remaja di Amerika Syarikat yang tidak pernah makan malam bersama keluarga adalah 72 peratus lebih cenderung mengambil dadah, arak dan rokok.
- Anak-anak yang sering makan malam bersama keluarga mendapat keputusan yang lebih baik di sekolah, kurang menghadapi tekanan di rumah, dan lebih mempercayai ibu bapa mereka.

Keburukan Penggunaan Internet yang Berlebihan

Sebilangan besar perbincangan tentang kesan negatif TV juga dapat digunakan kepada Internet dan permainan komputer. Ibu bapa sering mendorong penggunaan komputer secara berlebihan. Sebilangan ibu bapa menganggap komputer adalah alat yang hanya dapat memberi manfaat kepada kehidupan kita. Tidak begitu! Ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka menggunakan komputer secara sederhana dan bertanggungjawab. Namun, kenyataannya adalah terdapat kanak-kanak yang menggunakan komputer untuk membuang masa di ruang sembang, mengakses laman web yang tidak berguna, dan menonton pornografi.

Seperti televisyen, penggunaan Internet yang berlebihan boleh memupuk sikap tidak peduli, mengganggu kerja-kerja yang sebenar, meningkatkan kadar obesiti, dan menghalang proses sosialisasi yang normal antara kanak-kanak. Kanak-kanak juga terdedah kepada idea-idea buruk dan iklan-iklan yang banyak.

Komputer adalah alat yang hebat, yang berupaya membawa faedah dan maklumat yang sangat diperlukan. Namun, ibu bapa harus mengawasi penggunaannya, memperkenalkan

kata laluan, menyekat laman web tertentu, menggunakan langkah keselamatan, dan belajar supaya pandai menggunakan medium tersebut. Jangan biarkan anak-anak meluangkan masa yang berlebihan di Internet dan letakkan komputer di ruang tamu yang boleh dilihat oleh seluruh keluarga.

Permainan Komputer

Permainan komputer juga memakan banyak masa terutamanya bagi kanak-kanak lelaki. Apa yang nampak seperti permainan yang tidak berbahaya dan tidak bersalah, sebenarnya boleh membahayakan kanak-kanak.

Permainan komputer mengandungi keganasan dan juga boleh menyebabkan ketagihan. Kes ketagihan yang melampau juga menyebabkan kehilangan nyawa (beberapa kematian berlaku di Korea Selatan akibat ketagihan permainan) (BBC News 2005).

Permainan ini mengurangkan sensitiviti kepada realiti supaya sebahagian besar dunia nyata dikurangkan menjadi sebuah permainan dan arena "keseronokan". Permainan yang mendorong perlawanan tempur dan pembunuhan gaya komando merendahkan nilai kehidupan manusia. Badan tentera melatih askar mereka untuk membunuh menggunakan permainan komputer seperti yang dimainkan oleh kanak-kanak. Tema lain termasuk sihir, syaitan dan dunia ghaib. Sihir dan mantera telah menjadi perkara biasa dalam permainan komputer.

Malangnya, dengan kemajuan teknologi, permainan-permainan ini menjadi lebih nyata dan seolah-olah "hidup". Mengadun dunia nyata ke dalam fantasi adalah suatu perkara yang sangat berbahaya. Anak-anak tidak sepatutnya digalakkan untuk mlarikan diri daripada realiti

tetapi menghadapi kehidupan dengan semua cabarannya.

Ibu bapa perlu membataskan jumlah masa yang diluangkan oleh anak-anak dalam permainan komputer dan mengawal permainan yang mereka pilih untuk bermain.

Tontonan televisyen yang berlebihan dikaitkan dengan tingkah laku agresif, prestasi akademik yang buruk, seksualiti sebelum waktunya, obesiti, dan pengambilan dadah atau arak. Permainan yang ganas dikaitkan dengan permusuhan dan pergaduhan fizikal.

Bermain permainan ganas membawa kepada:

- 1) Peningkatan rangsangan fisiologi,
- 2) Peningkatan pemikiran agresif,
- 3) Peningkatan perasaan agresif,
- 4) Peningkatan tingkah laku agresif, dan
- 5) Berkurangnya tingkah laku menolong prososial



Permainan Video dan Kanak-kanak

Permainan video diperkenalkan pada tahun 1970-an. Sejak itu ia menjadi sangat popular dalam kalangan kanak-kanak. Kekerasan, penyalahgunaan bahan, dan seks menjadi lebih biasa dalam permainan video.

Paducah (Kentucky), Jonesboro (Arkansas), Littleton (Colorado), dan Blacksburg (Virginia) adalah empat bandar Amerika yang mengalami

peristiwa tembakan di sekolah yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang sering bermain permainan video ganas. Dalam pembunuhan beramai-ramai di Sekolah Tinggi Columbine pada tahun 1999 (Gibbs 1999), remaja Eric Harris dan Dylan Klebold menembak 13 orang dan mencederakan 23 orang sebelum membunuh diri.

Kedua-dua remaja ini bermain permainan video Doom, permainan menembak berdarah yang melatih tentera untuk membunuh.

Harris telah membuat versi permainan yang disesuaikan dengan dua penembak, senjata tambahan, peluru tanpa had, dan mangsa yang tidak dapat melawan iaitu ciri-ciri yang serupa dengan tembakan sebenar yang hendak dilakukannya. (Anderson dan Dill 2000). Semakin banyak anak-anak berlatih melakukan tindakan ganas, semakin besar kemungkinan mereka melakukan perbuatan tersebut. (Clark 1993)

Terdapat hubungan antara tingkah laku agresif oleh kanak-kanak dan pendedahan mereka terhadap pencerobohan dalam permainan video. Semakin banyak kanak-kanak terlibat dalam tingkah laku ganas dalam permainan video, semakin besar kemungkinan kanak-kanak tersebut akan terlibat dalam kelakuan ganas terhadap orang lain.

Lelaki bermain permainan video lebih kerap berbanding dengan wanita. Permainan video menggalakkan tingkah laku antisosial dan antiagama seperti pembunuhan, penderaan secara lisan dan pencurian.

Kandungan sosial permainan video mempunyai gambaran negatif terhadap wanita. Dalam permainan Nintendo, wanita biasanya dipilih sebagai orang yang dianiaya dan bukan sebagai pemula tindakan dan dalam kes yang

melampau, mereka digambarkan sebagai mangsa. Banyak permainan adalah berdasarkan senario di mana seorang wanita diculik atau harus diselamatkan. (Funk 1993)



GAMBARAN PERBEZAAN JANTINA DALAM PERMAINAN VIDEO DAN TELEVISYEN:

- 1)** Dalam interaksi lelaki-wanita di TV dan permainan video, lelaki biasanya lebih dominan.
- 2)** Lelaki di TV dan dalam permainan video biasanya rasional, bercita-cita tinggi, pintar, kompetitif, kuat, stabil, dan bertolak ansur; sedangkan wanita dilihat romantis, tunduk dan pemalu kecuali mereka yang digambarkan sebagai penjahat yang manipulatif.
- 3)** Bagi lelaki, penekanan adalah pada kekuatan, prestasi, dan kemahiran manakala bagi wanita pula adalah pada daya tarikan dan keinginan.
- 4)** Perkahwinan dan keluarga tidak penting kepada lelaki dalam banyak rancangan TV. Bagi hampir separuh lelaki, tidak dapat diketahui sama ada mereka sudah berkahwin atau belum, suatu fakta yang berlaku hanya untuk 11 peratus wanita.

Sebilangan besar wanita dalam rancangan televisyen pada waktu malam adalah muda, menarik, kurus, dan dilihat sebagai hiasan. Wanita biasanya ditempatkan dalam situasi di mana penampilan mendapat lebih banyak kredit daripada kecerdasan otak, dan tingkah laku tidak

berdaya dan tidak kompeten adalah dijangkakan. Lelaki digambarkan sebagai dua kali lebih kompeten dan dapat menyelesaikan masalah daripada wanita. Wanita lebih kerap digambarkan sebagai objek seks berbanding dengan lelaki, dan lelaki digambarkan sebagai tidak cekap ketika menangani keperluan anak-anak. (Seidman 1999; Davis 1990; Beal 1994)

Dalam televisyen muzik Amerika, wanita sering diperlihatkan sebagai objek seks yang cuba mendapatkan perhatian lelaki. Dalam video muzik rap, wanita digambarkan sebagai objek nafsu. Wanita empat kali lebih cenderung daripada lelaki memakai pakaian yang sangat sedikit, sedangkan lelaki hampir selalu berpakaian lengkap.

GANGGUAN BAGI KELUARGA:

Permainan video lebih menekankan aksi solo dan bukannya kerjasama. Senario permainan biasa adalah watak tanpa nama yang melakukan tindakan agresif terhadap musuh tanpa nama. Dunia permainan video mempunyai hanya sedikit rasa bermasyarakat dan beberapa orang pemain pada satu-satu masa. Institut Kebangsaan Media dan Keluarga telah mengkaji dan melaporkan pengaruh permainan video selama bertahun-tahun. Kami mendapati bahawa banyak permainan video mengangkat budaya kumpulan geng, meraikan kekejaman, menggalakkan kekasaran, dan menyokong keganasan serta kekejaman terhadap wanita!

Kesimpulan

Secara keseluruhan, jika kita bandingkan antara kelebihan dan kekurangan semua penemuan teknologi moden ini yang menjadi sebahagian daripada budaya digital baru kita (TV, telefon bimbit, tablet dan lain-lain), kita dapat secara umum bahawa kehidupan untuk generasi muda

lebih murni, lebih indah dan lebih bermanfaat tanpa semua penemuan ini. Sesungguhnya, ia telah menjadi suatu keburukan yang tidak dapat kita elakkan. Walaupun ia telah memendekkan jarak komunikasi antara saudara-mara dan meletakkan ensiklopedia pengetahuan di hujung jari kita, pada akhirnya ada harga yang harus dibayar.

Sisi yang lebih gelap adalah anak-anak kita menjadi mangsa ketagihan, keluarga yang tidak berfungsi dan penyebaran idea-idea yang bersifat sekular dan ekstrem.

Penggunaan gajet-gajet tanpa kawalan menjadikan anak-anak kita diperhamba oleh skrin bersama dengan ketakutan bahawa perkembangan mereka sedang dirosakkan. Tugas ibu bapa adalah membimbing generasi baru untuk menggunakan semua instrumen ini dengan bijak, dan memantau penggunaannya dari segi nilai pendidikan, bukannya permainan yang menghabiskan banyak masa anak-anak. Kita perlu mengawal mereka, dan bukannya mereka yang mengawal kita.



Ringkasan

- Kanak-kanak yang kurang bermain permainan video mempunyai prestasi yang lebih baik di sekolah dan juga kurang terlibat dalam pergaduhan.
- Galakkkan permainan yang bersifat ilmiah dan halang permainan yang bersifat ganas.
- TV dan permainan video mempunyai pengaruh yang kurang ke atas kanak-kanak yang mempunyai karakter yang baik.
- Ibu bapa mesti menetapkan had masa yang diluangkan oleh anak-anak untuk permainan video.

Tutup TV dan Hidupkan Kehidupan

Luangkan masa bersama anak-anak dan nikmati detik-detik tersebut. Menjadi ibu bapa adalah pekerjaan yang paling mencabar dan paling bermanfaat; ia memerlukan sains, seni dan iman. Nikmati anak-anak anda setiap hari (bukannya TV).

Aktiviti

ALTERNATIF KEPADA TELEVISYEN DAN PERMAINAN VIDEO

AKTIVITI 69: LAWATAN ILMIAH

Dedahkan kanak-kanak kepada pelbagai institusi yang berbeza. “Beritahu saya dan saya akan lupa. Tunjukkan kepada saya dan saya akan ingat. Libatkan saya dan saya akan faham.”

- Bawa anak-anak anda ke mahkamah untuk berjumpa dengan hakim dan peguam.
- Bawa anak-anak anda ke balai polis dan penjara.
- Kunjungi tempat-tempat ibadat agama lain bersama anak-anak anda.
- Lawati muzium, taman, perpustakaan dan ladang.

AKTIVITI 70: JADIKAN MEREKA SEDAR TENTANG MAKANAN

Tanyakan kepada kanak-kanak tentang ramuan makanan dan bagaimana makanan disediakan. Contohnya sup, piza, roti, kuih-muih, lauk-pauk, kek, madu, bertih jagung, mayonis, sos tomato, teh dan kopi.

Tunjukkan kepada mereka ramuan dan persediaan untuk membuat sabun, syampu, kertas, dakwat, pakaian, plastik, kasut, perabot, dan permaidani.

Biarkan setiap anak memilih satu jenis makanan dan resipi dan cuba memasaknya dengan bantuan anda.

AKTIVITI 71: APA YANG PALING ANDA HARGAI?

Dalam mesyuarat keluarga, tanyakan kepada setiap ahli: “Sekiranya anda hanya ada satu hari, apa yang

akan anda lakukan? Kenapa?” Kemudian biarkan setiap seorang membincangkan jawapannya.

AKTIVITI 72: BERKONGSI KATA-KATA HIKMAH YANG BERHARGA DENGAN ANAK-ANAK!

Kumpulkan keluarga dan minta anak membaca dengan kuat petikan berikut. Terangkan makna dan kongsi contoh daripada pengalaman anda. Galakkan anak-anak untuk berkongsi pendapat.

Anakku: Berhati-hati dengan...

Orang mulia jika anda menghinanya,

Orang bijak jika anda memalukannya,

Orang yang tercela jika kamu bersikap ramah kepadanya,

Orang bodoh jika anda bergurau dengannya, dan

Orang yang tidak sopan jika anda bergaul dengannya.

Wahai Anakku yang tersayang;

Aku menikmati semua jenis nikmat dan tidak ada yang manis seperti kesihatan.

Aku menderita segala kepahitan dan tidak ada yang lebih pahit daripada keperluan pada orang lain.

Aku membawa banyak besi dan batu dan tiada yang seberat hutang.

Ketahuilah bahawa di sepanjang hayatmu hanya ada dua jenis hari...satu yang akan berpihak kepadamu dan satu lagi akan bertentangan dengamu,

Apabila ia adalah harimu, jangan sompong dan tidak tahu berterima kasih,

Apabila ia bertentangan denganmu, bersabarlah.

(‘Ali Ibn Abu Talib)

AKTIVITI 73: ADAKAH ANDA MENGURUSKAN KELUARGA ANDA DENGAN BAIK?

Sebuah Senarai Semak: Bagaimana Prestasi Saya Sebagai Seorang Ibu Bapa?

Menjadi ibu bapa adalah tugas yang mencabar dan bermanfaat. Ibu bapa terlibat dalam mengasuh, mendisiplin, mengurus, memimpin, dan kaunseling. Ibu bapa terlibat dalam pengajaran, latihan, dan bimbingan. Mereka adalah seperti seorang doktor penyayang yang tujuannya selalu membantu meningkatkan prestasi dan memastikan anak-anak jauh daripada bahaya. Ibu bapa memberdaya, mendorong, meningkatkan, dan menghulurkan bantuan kepada anak-anak.

Semak amalan keibubapaan anda satu persatu. Mungkin anda memerlukan beberapa sesi untuk menjawab semua yang berada dalam senarai.

Sebagai seorang ibu bapa:

- Adakah saya memilih pasangan saya dengan bijak?
- Masa dan usaha yang saya habiskan untuk mencari pasangan yang tepat tidak bermakna apa-apa dibandingkan dengan masa yang akan saya habiskan jika saya terpilih pasangan yang salah. Cari dan pilih dengan teliti supaya anda dan pasangan boleh mempunyai hubungan yang baik.
- Adakah saya menerangkan misi keluarga kepada anak-anak dengan jelas?
- Adakah saya mengajar nilai yang betul? Yang menjadikan sebuah kediaman indah bukanlah dinding dan siling tetapi nilai dan moral.
- Adakah saya menggalakkan kebolehan terbaik setiap anak saya? Setiap kanak-kanak mempunyai minat dan hobi yang berbeza. Kita perlu mengukuhkan bakat mereka.
- Adakah saya menggunakan sumber keluarga iaitu masa, wang dan material dengan sebaik-baiknya?
- Adakah saya memberi perhatian kepada perasaan dan persepsi anak-anak saya? Persepsi mereka penting. Saya perlu “berjalan sebentar dengan kasut mereka.”
- Adakah saya melatih anak-anak saya? Anak-anak tidak suka diabaikan, walaupun mereka melakukan kesalahan. Mereka perlu bekerja bersama kita, dilibatkan, dikenali, dan diberi ganjaran.
- Adakah saya memberikan panduan yang betul kepada anak-anak saya? Ibu bapa perlu memberikan disiplin, maklum balas, dan peraturan.
- Adakah saya memberikan contoh yang baik? Cara anda bercakap antara satu sama lain dan tentang satu sama lain, jenis lawak jenaka yang anda kongsi, janji-janji yang anda tepati, rakan-rakan yang anda miliki, dan kredit yang anda berikan dengan tepat... semuanya penting.
- Adakah saya melakukan semua tugas keibubapaan saya demi Pencipta saya, Tuhan saya, yang memberi anugerah dan mempercayai saya untuk menjaga keluarga ini?
- Adakah saya membuat rancangan untuk mencapai matlamat keluarga kami? Rancangan keluarga anda haruslah menjawab soalan berikut:

- Apa yang perlu dicapai?
- Mengapa perlu dilakukan? Bagaimana ia menyumbang kepada keseluruhan misi kita?
- Bilakah ia perlu dilaksanakan?
- Di manakah kita sekarang berkaitan dengan matlamat ini?
- Siapa yang akan diperlukan untuk mencapai rancangan ini?
- Bagaimana dapat dicapai? Apakah aktiviti khusus yang diperlukan, dan apakah sumber yang diperlukan?

Anak-anak dan pasangan anda bergantung kepada anda sepetimana anda bergantung kepada mereka. Jangan kecewakan mereka.



KESIMPULAN

Kesimpulan

KITA PERCAYA BAHAWA keluarga berkemampuan bermaksud untuk menghasilkan warganegara yang benar dan efektif. Tugas ini paling baik dilakukan di dalam rumah tangga yang bahagia dan memberi sokongan. Ibu bapa adalah guru pertama dan terbaik untuk anak-anak mereka. Mereka perlu bertindak sebagai ikutan, gembala, ketua agama, pendidik, jurulatih, pendisiplin dan mentor.

Hari ini, tiada siapa pun yang menawarkan model keibubapaan yang memuaskan, baik di Barat maupun di dunia Islam. Kita perlu belajar daripada satu sama lain. Dunia Barat telah menerima pakai gaya hidup yang berfokus kepada kepuasan diri. Moraliti dan nilai telah menjadi semakin lemah. Sistem nilai-neutral telah menderita akibat penyalahgunaan dadah, ketagihan arak, pergaulan seksual dan institusi keluarga yang semakin lemah.

Dunia Islam pula dipenuhi dengan penindasan, paksaan, ketakutan, rasuah dan intimidasi.

Ramai orang Islam memiliki mentaliti hamba yang menghalang keberanian, kreativiti dan pemikiran bebas. Dunia Islam telah menghasilkan generasi anak-anak yang tidak rasional, percaya pada perkara tahuul dan tidak pandai berdikari, yang membesar tanpa rasa peduli pada kepentingan masyarakat.

Orang bukan Muslim perlu meletakkan kembali Tuhan ke dalam kehidupan mereka dan melengkapkan pencapaian hebat mereka dalam bidang sains dan teknologi dengan nilai keagamaan yang mengiktiraf kebesaran Tuhan (*Allahu Akbar*) dan ilmu Tuhan yang lebih tahu akan segala-galanya (*Allahu A'lam*). Orang Islam pula, perlu mencari semula Tuhan dan

menggalakkan masyarakat aman dan bebas yang mengamalkan toleransi dan demokrasi (*shura*).

Pada tahap mikro, keibubapaan yang baik adalah benih yang boleh membiakkan segala kebaikan ini. Menjadi ibu bapa adalah tugas 24/7, 365 hari setahun. Ia adalah sebuah usaha tanpa percutian dan tidak boleh diwakilkan yang dilakukan bersama-sama gangguan yang tidak terkira banyaknya dan tekanan yang besar. Ia menuntut pasukan ibu dan ayah dengan rasionaliti dan ilmu yang dilengkapi dengan emosi dan perasaan. Psikologi, sosiologi, sains perubatan, komunikasi dan keimanan adalah keperluan yang penting untuk keibubapaan. Kita tidak boleh memenangi peperangan dengan anak-anak kita; kita harus memenangi mereka dengan cinta, kesabaran dan komunikasi dua hala. Jangan lupa yang setiap anak sedang menjerit: "Tolong buatkan saya rasa penting."

Ramai ibu bapa berfikir bahawa mereka tahu tentang anak mereka dengan baik dan begitu juga sebaliknya tetapi ini jarang berlaku. Anak-anak mungkin melihat bantuan sebagai gangguan, nasihat sebagai arahan dan kasih sayang sebagai tindakan menjadikan mereka seolah-olah masih bayi. Wujud persepsi yang mengelirukan dalam kalangan ramai anak bahawa ibu bapa tidak menyayangi mereka.

Kurangkan aspek negatif dan tingkatkan sifat-sifat positif dalam personaliti anak anda.

Ibu bapa perlu mengenal pasti gaya keibubapaan yang mereka perlihatkan sama ada autokratik, permisif, demokratik atau autoritatif. Mereka hendaklah bertanya kepada diri sendiri: "Adakah kita benar-benar melakukan perkara yang betul?" Jawapannya boleh dicari daripada sebanyak mana sumber yang mungkin.

Pelajari fasa perkembangan fizikal dan emosi anak. Capai potensi maksimum untuk setiap anak pada masa yang betul. Contohnya, anak-anak boleh menghafaz dengan baik, mempelajari bahasa dan muzik dengan agak mudah sebelum usia 10 tahun.

Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang sangat besar ke atas anak-anak. Ibu bapa hendaklah menyediakan suasana yang mesra di rumah kepada rakan anak-anak dan ibu bapa mereka dalam usaha mencari rakan yang baik untuk anak.

Ibu bapa perlu mendapatkan kemahiran, pendidikan dan peralatan yang diperlukan untuk membesarkan anak-anak dengan betul.

Pembinaan karakter mempunyai batasan masa. Penyusuan susu ibu menghalang banyak penyakit dan menyediakan bayi dengan 'modal' psikologi dan emosi. Ajari anak-anak tentang cinta, keberanian, kreativiti, kejujuran, kebebasan, keyakinan diri, kemurahan hati dan kepercayaan.

Ibu bapa perlu mendidik setiap anak tentang pengurusan masa, wang, etika berbeza pandangan, membuat keputusan, seni berdoa, penyelesaian masalah, perilaku baik (sopan, hormat, sabar, rendah hati), seni mendengar dan perasaan malu.

Anak-anak yang mempunyai ibu dan ayah yang tiada masa untuk mereka seumpama anak

yatim. Kebanyakan ibu bapa tidak menghabiskan masa yang cukup bersama dengan anak-anak mereka. Jadi, mereka menggantikannya dengan televisyen, pengasuh dan hadiah. Menonton terlalu banyak televisyen adalah suatu yang berbahaya. Penyelesaiannya adalah menghabiskan kuantiti masa yang berkualiti bersama dengan keluarga.

Keluarga besar (datuk dan nenek, emak saudara, bapa saudara dan sepupu) adalah pengasuh, mentor dan suri teladan yang terbaik.

Bina sifat-sifat karakter seperti cinta, keberanian, kejujuran, kreativiti, tanggungjawab dan berdikari.

Kesemua ini perlu dilakukan dalam suasana rumah tangga yang bahagia berdasarkan komunikasi dua hala yang berterusan antara ibu bapa dengan anak-anak. Pujian ikhlas adalah ramuan asas apabila memuji anak-anak anda pada perkara-perkara yang dilakukan mereka dengan betul. Menganjurkan mesyuarat keluarga secara bulanan adalah amalan yang sangat baik dan kondusif untuk membina keluarga yang harmoni. Menyentuh, mencium, memeluk dan tersenyum membina kasih sayang antara ibu bapa dengan anak-anak. Ibu bapa perlu untuk menguasai seni mendengar anak-anak.

Anak-anak adalah pemerhati yang baik tetapi penterjemah yang buruk. Mereka melihat



dan memerhati bagaimana ibu dan ayah mereka melayan antara satu sama lain dan bagaimana mereka melayan nenek dan datuk, saudara mara, adik-beradik, tetamu, yang kaya dan yang tua, pembantu rumah dan jiran tetangga. Mereka melihat bagaimana ibu dan ayah melayan haiwan peliharaan, haiwan lain, tumbuh-tumbuhan, bunga dan persekitaran. Mereka membandingkan antara perkataan ibu bapa dengan perbuatan mereka dan membongkar kebenaran dan hipokrasi. "Lakukan apa yang saya katakan, bukan apa yang saya buat" tidak dapat diterima. Ibu bapa harus melakukan apa yang mereka katakan. Walau bagaimanapun, sekiranya ibu bapa melakukan kesilapan, apa yang mereka boleh lakukan sekurang-kurangnya adalah mengakui kekurangan mereka dengan ikhlas kepada anak-anak.

Anak-anak memerlukan suri teladan. Sekiranya ibu bapa tidak dapat menyediakan suri teladan yang baik untuk mereka, mereka cenderung memilih model yang salah. Suri teladan terbaik adalah Nabi-nabi Allah dan diikuti oleh para pemimpin di seluruh dunia yang mengamalkan moraliti dan nilai keluarga.

Ibu-ibu memainkan peranan paling penting dalam pembesaran anak. Bukan suatu kebetulan bahawa Nabi Ismail, Musa, Isa dan Muhammad (selamat sejahtera bagi mereka semua) dibesarkan oleh ibu mereka. Untuk menghormati wanita dalam kehidupan kita, orang lelaki hendaklah

menunjukkan rasa hormat kepada para wanita melalui perkataan dan tindakan mereka.

Seorang ayah berhenti sebentar dan berkata: "Saya bukanlah orang yang penting untuk melakukan perbezaan!" Perkara ini tidak benar. Keibubapaan adalah suatu tugas yang terlalu penting untuk dilakukan secara berasingan. Membentuk kumpulan sokongan adalah sangat bermanfaat. Kita tidak boleh mengubah nenek moyang kita tetapi kita pastinya boleh memperbaiki anak cucu kita.

Sebagai ibu bapa, kita boleh membuat perbezaan di dunia ini. Oleh itu, jangan putus harapan. Langkah yang kita mulakan tidak pernah terlalu lewat!

Keperibadian anak-anak dipengaruhi oleh alam semula jadi, pengasuhan dan atas semua itu, kehendak Yang Maha Pencipta! Keibubapaan adalah suatu sains dan juga seni.

Buku ini adalah yang pertama dalam siri ini dan Insya-Allah, buku-buku lain akan menyusul. Kami menjemput para cendekiawan dan para pakar untuk memperkaya bidang keibubapaan dengan sumbangan mereka yang amat bernilai.

Pada akhir hidup anda, tanyakan kepada diri sendiri soalan ini: "Sudahkah saya menjadi ibu bapa yang baik yang mencuba untuk memperbaiki dunia ini?"

Lakukanlah Yang Terbaik. Percayalah kepada Tuhan dan Berserah!

Apa yang penting pada akhirnya adalah bukan jenis kereta, rumah atau akaun bank yang ada, tetapi betapa bagusnya anda sebagai ibu bapa!

Jangan menunggu sehingga terlalu lewat!

INDEKS

INDEKS

A

- Abū Bakr, 110, 197
 Abu-Talib, 63
ādāb (adab/moral), 85, 97, 179, 182, 305, 431
adhān (seruan untuk bersolat), 95, 160
 ke telinga anak yang baru lahir, 25, 165
ADHD (Attention Deficit Hyperactivity Disorder) / Sindrom Kurang Daya Tumpuan dan Hiperaktif, 126, 410
'adl (keadilan), 41, 53, 59–60, 86, 98, 305, 307, 329–330
 Adler, Alfred, 52
 Afghanistan, 147
 Agnivesh, 248
 Ahsan, Dr. Manazir, 14
 AIDS, 255, 262, 264
 Āishah, 160–161, 274, 275
 Al-alwani, Shaykh Taha Jabir, 62, 220–221
 alkohol, impaknya, 60, 77, 215–221, 287
 'Alī, Yūsuf, 14, 143
 'Alī ibn Abi Tālib, 15, 143
 Allah
 Cinta kepada, 42–43
 Keesaan, 56, 188
 Mendidik anak-anak tentang cinta kepada, 84–98
 Dua konsep yang hilang dalam pemikiran Barat, 62–63
 alahan, 140, 141, 195
 Al-mawla, Muhammad Jad, 329
 Al-talib, Dr. Ilham, 311
 Al-talib, Hasan, 13, 311
 penyakit Alzheimer's, 186
 Amabile, 393
 Amerika Syarikat
 kadar alkohol, 219
 trend penyusuan susu ibu, 141, 143
 epidemik kokain, 218
 pembunuhan beramai-ramai di Sekolah Tinggi Columbine, 53–54
 kebergantungan anak-anak, 358–359
 pendidikan dan gender, 241–243
 unit keluarga, 29–30, 48–49
 perbezaan gender, 225, 231–232, 235
 'budak jahat yang baik', 50
 Program Prasekolah Head Start (Head Start Preschool Programme), 158
 homoseksualiti, 271, 273
 tabiat kebersihan, 196
 'perceraian tanpa kesalahan', 31
 nutrisi anak-anak, 202–208
 kadar obesiti, 200–201, 209
 mitos keibubapaan, 49–52
 peranan ibu bapa, 235–237
 masalah dalam budaya bandar, 55
 pendidikan seks, 253–256
 kadar penyakit bawaan seksual, 264
 kadar kehamilan remaja, 267–268
 impak televisyen, 286, 414
 laporan UNICEF (2007), 57
 vaksinasi, 193
 keganasan, 53–54, 423
American Academy for Pediatricians (AAP), 143
American Heart Association, 211
American Sociological Association, 346
 'Amru ibn al-Ās., 75
 amigdala, 156
 Anwar, Professor Mumtaz, 15–16
 'aqīdah (kepercayaan), 63–64. Lihat juga keimanan
 'aqiqah (keraian kelahiran), 25, 165
 anak-anak

- penderaan, 291–292, 293–295
 model pertanian, 65
 dan alkohol, 217–219
 bukan orang dewasa kecil, 116
 pembinaan karakter, 12, 45–46, 77, 303–308, 312
 pembinaan harga diri, 32–33, 320–322
- Atatürk, Mustapha Kemal, 57
- Athar; Dr. Shahid, 253–255
- Autoriti/kekuasaan
 dalam budaya orang Amerika, 49–50
 dalam rumah tangga orang beragama, 52
- autism, permainan untuk, 401
- autonomi
Lihat kemandirian
 al-Fātih, Muhammad, 306
 Avicenna, 162, 166, 182
 ‘aqiqah (sambutan kelahiran), 25, 165
 arahan perubatan dalam Islam, 198–199 69
- anak lelaki
 sikap terhadap konsep dara, 257
 berkhatan, 193, 198, 276
 pakaian, 282, 285, 375
 pendidikan, 241–245
 emosi, 227–228, 239, 241–242, 336
 persahabatan, 340–341
 ‘budak jahat yang baik’ dalam budaya orang Amerika, 50
 dan homoseksualiti, 272–273
 kepentingan kasih sayang secara fizikal terhadap, 309
 haid, pendidikan tentang, 260
 kesederhanaan, 281–285
 keperluan nutrisi, 202–203
 aqil baligh, 181–182, 206, 276
 keperluan khas untuk, 239
- anak tatih
 perkembangan otak, 157–160, 163–164
 kreativiti dalam, 389–399
 keperluan senaman harian, 211
 perkembangan, 175–178
 perbezaan gender dalam, 232
 kebimbangan perpisahan, 362–363
 tantrums, 123, 322
 mendidik berdikari kepada, 361–362
 mendidik tanggungjawab kepada, 381, 384
- akibat, sebagai alat disiplin, 123
 anak sulung, 24, 105, 313–314
- anak-anak perempuan
 sikap terhadap konsep dara, 257
 pakaian, 233, 282, 285, 374–375
 pendidikan, 241–245
 emosi, 227–228
 persahabatan, 340
 dan homoseksualiti, 272
 haid, mengajar mengenai, 259–260, 276
 kesederhanaan, 281–285
 keperluan nutrisi, 202–203
 aqil baligh, 180–181, 206, 276
 imej diri, 206
 keperluan khusus, 238–239
 mengajar berdikari kepada, 364
- asid lemak LCPUFA dalam susu manusia, 142–143
 alam semula jadi nature, penghargaan, 310, 420–421
 aktiviti-aktiviti luar outdoor, 418–421
 aqil baligh, 180–182, 206, 276
- Amerika Syarikat
 Budaya bandar, 55
 air, doa sebelum minum, 100
 akhirat, kepercayaan kepada, 56, 63, 72, 78, 90,

- 183, 187, 260, 405
- 'Aidilfitri, sambutan dengan muzik, 161
- B**
- bertanggungjawab terhadap tindakan, 10, 53–54, 56, 58, 85, 257, 378, 381, 388
- bahasa Arab, mempelajari, 94–95, 155, 182
- bedah siasat, 198
- bayi
- aqiqah* (sambutan kelahiran), 25, 165
 - penyusuan susu ibu, 136–147, 187, 309
 - komunikasi dengan, 106
 - perkembangan, 152–160, 175
 - perbezaan gender dalam, 227
 - kepentingan kasih sayang untuk, 309–310, 312, 360
 - dan adik-beradik, 314
- al-Bähily, Qutaybah ibn Muslim, 290
- bilik air/tandas
- kebersihan dalam, 196–197
 - latihan tandas, 177
 - kepercayaan karut tentang, 109
 - doa masuk dan keluar, 100
- Beshir, Noha, 375
- Better Sleep Council*, 212
- Biro, Ladislao, 395
- birr* (penghargaan), 42
- Bismillah* (Dengan Nama Allah), 95
- Blair, Tony, 159
- Biro, Ladislao, 395
- birr* (penghargaan), 42
- Bismillah* (Dengan Nama Allah), 95
- Blair, Tony, 159
- Britain
- peningkatan dalam kadar alkohol di kalangan anak-anak, 217
 - kursus keibubapaan di sekolah, 17–18
 - laporan UNICEF (2007), 57
- Brooks, Arthur, 28
- buli, 124–125
- oleh ibu bapa, 115–116
- Byrne, Tracy, 209–210
- berkhemah, 122, 364, 403, 418, 419
- berkhatan, 193, 198, 276
- belas kasihan, 90, 308, 316–317
- bertemujanji, 257, 262, 265–267, 286
- bermimpi di siang hari, 184, 323, 398, 409–410
- bapa
- kehilangan, kesannya, 237
 - dan pengangkatan 269–270
 - keperluan empati, 105
 - peranan khusus, 28, 35, 239
 - bermain fizikal dan kasih sayang daripada, 9, 28, 309
 - sebagai pelindung, 28
 - tanggungjawab kepada ibu, 138–139, 175
 - sebagai contoh ikutan kepada anak-anak lelaki, 232–233, 239
 - berkongsi peranan keibubapaan, 235–237
 - sebagai ibu atau bapa tunggal, 32
 - bercakap kepada bayi, 164
 - mengajar anak-anak berdikari, 364
- buah-buahan, menggalakkan anak-anak makan, 204–205
- berjudi, 216, 217
- berkebun bersama anak-anak, 383
- bawang putih, untuk menambah bekalan susu ibu, 144
- benci
- respon terhadap perasaan anak-anak, 313
 - mendidik tentang, 109, 320
- buta huruf, 8, 15–16, 44

- berdikari, 5, 11
 mendidik tentang, 357–377
- bahan-bahan yang memabukkan (intoxicants), risiko, 215–221, 287
- bahan-bahan rujukan tentang keibubapaan, 14–16
- belas kasihan (rahmah), 269
- Allah, 63, 93, 96, 100, 173, 249, 275, 280, 337
 - dalam agama Kristian, 63
 - sebagai nilai keluarga, 38, 41–42, 94
- bayi yang baru dilahirkan. Lihat juga bayi
- penyusuan susu ibu, 136–147, 187, 309
 - tradisi untuk, 25, 165
- bulu pubik, penjagaan, 197
- bertaubat (tawbah), 96, 184, 330
- bahasa kedua, manfaat mempelajari, 94–95, 153, 154–155, 157, 160, 188
- bunuh diri
- euthanasia dilarang dalam Islam, 198
 - impak, 48, 60, 423
 - pencegahan, 128, 394
- bangun tidur, doa apabila, 100
- berperang dengan anak sendiri, 115
- berat badan
- pada remaja perempuan, 180
 - pada bayi, 144, 218, 227
 - kehilangan dibantu melalui penyusuan susu ibu, 139
 - mengekalkan berat badan yang sihat, 209, 371, 414
 - obesiti di Amerika Syarikat, 48, 200–201
 - semasa kehamilan, 202
- batuk kokol, 193
- beribadah (*'ibādāt*), 41, 85
- di rumah, 51
 - mengajar anak-anak, 92–93
- bermain
- alternatif kepada televisyen, 418–421
- dan perkembangan otak, 158–159
- dan kerja-kerja rumah chores, 382–383
- kreativiti dalam anak-anak, 396
- kepentingan permainan fizikal, 9, 236
- kepentingannya untuk anak anda, 12
- peranan ibu bapa dalam, 28
- bertudung (*hijāb*), 136, 284, 375
- C**
- China, polisi satu anak, 248
- Chugani, Dr. Harry, 154
- Clans, Battle of the, 290
- Clinton, Hillary, 48
- Cohen, Rona, 141
- Coleman, Dr. James S., 346
- cumbuan, 255, 275
- Carta Keibubapaan Yang Baik, 73
- cemburu, pada anak-anak kecil, 179
- cinta
- dalam komunikasi, 129
 - terkeliru dengan seks, 257, 258, 261, 267–268, 272
 - cinta Tuhan kepada kita, 94, 97–98
 - dalam hubungan perkahwinan, 274
 - perlu untuk tidak bersyarat needs to be unconditional, 315
 - cinta kita kepada Tuhan, 42–43, 94, 97
 - dalam keibubapaan, 309–320
 - mitos keibubapaan, 50
 - dan peraturan, 110
- cuti bersalin, 141, 146
- campak, 193
- cermin, doa ketika melihat, 100
- contoh ikutan,
- untuk anak-anak lelaki, 35, 239

- untuk keberanian, 332–333
 dan perbezaan gender, 232–233, 235–237, 240
 untuk moraliti, 261
 nama-nama yang diinspirasi daripada, 25
 ibu bapa sebagai, 11, 211, 220, 416
 Rasul-rasul sebagai, 16
 untuk tanggungjawab, 378–379
 tentang kejujuran, 325
- cerita-cerita, Lihat juga membaca
 untuk pembinaan karakter, 330
 dan kreativiti pada anak-anak, 397
 salahguna, 108–109
- cinta tanpa syarat, 315
- D**
- daya saing
 antara orang-orang lelaki, 232, 424
 antara adik-beradik, 106, 211, 314
 mengajar anak-anak mengendalikan, 321
 sebagai tidak membantu, 243, 274, 314, 393
 permainan komputer, 422–425
- dentate gyrus, 158
- Dewey, John, 372
- dhikr* (mengingati Allah), 85, 92, 95
- diet
Lihat nutrisi
- difteria, 193
- Dirks, Dr. Jerald F, 60
- dominasi, keibubapaan, 6–8, 178
- D’Oyen, F, 14, 174, 265
- datuk dan nenek. Lihat juga warga emas
 peranan, 29
 pandangan terhadap perubahan dalam keibubapaan, 9
- doa pagi, 100
- dunia Muslim
 kemunduran dan kepercayaan karut dalam, 8,
- 44, 90
 penurunan, 8, 43–45
 perpecahan dalam, 87–88
- duit poket, 381, 385–386
- doa/solat
 menggalakkan remaja untuk, 180
 pada telinga bayi yang baharu dilahirkan, 25, 165
- doa untuk diajar kepada anak-anak, 95
- doa (du’a), 95, 100, 180
- dara, 55, 257, 265–266, 273
- E**
- elaun
Lihat duit poket
- emosi
 dalam remaja, 180, 182, 183–185, 188
 dan perkembangan otak, 156, 164, 309
 perbezaan gender terhadap, 226–227
 kepentingan kasih sayang, 310–311
 dan keselamatan dalam anak-anak, 360
 mengajar anak-anak lelaki untuk meluahkan, 227–228, 239, 241–242
 dalam anak-anak kecil, 179
- empati, keperluan untuk, 105, 359
- euthanasia, dilarang dalam Islam, 198
- ekspresti muka, respon kepada, 228
- F**
- feminism, 234
- FGM, 276–277
- fiber, kepentingan dalam pemakanan, 205
- fiqh* (legal rules), 86, 88
- fitrah* (naluri dalaman), 59
- Franklin, Benjamin, 214, 297
- fu’ād* (tempat letaknya perasaan, alasan dan emosi), 152, 186, 311
- fasa-fasa perkembangan

- remaja, 179–185
 dewasa, 185–186
 bayi dan anak kecil, 5, 152–160, 163–164, 175–179, 309–310
 memanfaatkan, 159–160, 187–189
 ketakutan biasa zaman anak-anak, 335
 persenyawaan dan kehamilan, 10, 76–77, 164, 165, 172–174
 al-Qur'an tentang, 172–174
 mengajar tanggungjawab pada, 381–382
- G**
- gaya keibubapaan, 6–9, 357, 365–366
 gaya keibubapaan permisif, 6
 gaya keibubapaan authoritarian, 6–8, 357, 365–366
 gaya keibubapaan autoritatif, 357
 gaya keibubapaan demokratik, 6
 geng, 365, 367
 Garrett, G. W., 395
 genetik
 kejuruteraan genetik, 199
 dan homoseksualiti, 272
 batasan untuk menjelaskan tentang personaliti, 170–171
 genital herpes, 264
 genograms
 Germany, 50, 248
 al-Ghazālī, Imam, 202, 352
 al-Ghazaly, Shaykh Muhammad, 187
ghusl (berwuduk), bila perlu mengambilnya, 181, 275
 Gilbert, Michael, 242
 Goleman, 311
 gonorea, 264
 Gray, John, 318
 Gur, 226
 Gurian, Michael, 241, 243
 gambar dan ukiran dalam Islam pictures and
- sculptures in Islam, 162
 ganjaran psikologi untuk unit keluarga, 39–40
 ganjaran
 dan kreativiti, 393
 sebagai alat disiplin, 123
 dalam mengajar tanggungjawab, 384
- H**
- hidup bersama, 30
 hubungan mata, kepentingan, 123
 hadith
 tentang ambil terhadap orang lain, 6, 42, 76, 88, 316, 317, 378
 tentang karakter, 45, 92, 146, 156, 212, 304, 314, 323, 332, 336
 tentang memilih kawan, 345
 tentang isu gender, 224, 234, 245–247
 tentang perhubungan perkahwinan, 119, 274, 275, 282, 288
 tentang nilai-nilai moral, 281, 285, 327–328, 330–331
 tentang muzik, 160–161
 tentang usia tua, 186
 tentang keibubapaan, 25, 73, 76–78, 144
 tentang gambar dan ukiran, 162
 tentang penjagaan sendiri, 195–197, 201
 tentang perhubungan seksual, 264, 287
 tentang isu-isu wanita, 231, 260
 al-Hamid, Shaykh Muhammad, 278
 Hamilton, Emma, 293
 Hamzah ibn 'Abd al-Mutalib, 332
 Harris, Eric, 423
 Harris, Judith, 170–171
 hati, 310–311. Lihat juga cinta
hijāb (veiling), 136, 284, 375
 Hollywood, 109, 414
 Holmes, Oliver Wendell, 327
 homoseksualiti, 55, 199, 270–273

hormon. *Lihat juga aqil baligh*
 dan perkembangan otak, 228
 dan perbezaan gender, 247, 272
 melatonin dan serotonin, 212–214, 284

Hunt, Sylvia, 205, 383

hiperaktiviti, 410

hiper-maskuliniti, 237

hubungan kekeluargaan melalui penyusuan susu ibu, 136–137, 139, 144

hafalan, 157, 187
 untuk remaja, 185
 dalam pendidikan, 7
 al-Qur'an, 166, 187, 188–189

haid, 180–181, 198, 229, 259–260, 274, 276

haiwan peliharaan, 381, 387

hubungan intim sebelum perkahwinan, 126, 246, 257, 260–267, 277, 286

hukuman
 terhadap zina dalam Islam, 260–261, 263–264
 di Amerika Syarikat, 410
 dan kreativiti, 392
 berbeza dari disiplin, 123
 menipu untuk mengelak, 327–329
 fizikal, 46
 mendidik tentang, 93–94

hubungan seks sejenis, 55, 199, 270–273, 385

harga diri, 125, 320–322
 dalam rumah tangga ibu bapa tunggal, 32–33

hubungan adik-beradik, 106

I

iri hati, kesan-kesan berbahaya, 314

identiti gender dalam anak-anak, 232

'ibādāt (ibadah), 85, 92

Ibn al-Jazzār, 15

Ibn Hazm, tentang penyusuan susu ibu, 143

Ibn Khaldun, 329–330

Ibn Sahnūn, 15

idealism pada remaja, 184–185

IgA (immunoglobulin A), 140

ihsān (pembaikan), 8

imaginasi pada anak-anak, 187, 323, 391, 396, 397, 398, 399, 412, 415

imam
Lihat pemimpin

immunisasi, 193–195

immunoglobulin A (IgA), 140

'imrān (pembinaan tamadun), 7–8, 43, 47, 56, 188
 Kepercayaan umum lawan kepercayaan individu, 85–86, 88

India, 248

individualism, 49–50, 52, 85–86

informasi, sumber, 14–16, 371

Institute of Heart Math, 310–311

internet, cabaran, 106, 422

interpretasi Al-Qur'an (tafsīr), 14, 94, 187

iqāmah, ke telinga bayi yang baru dilahirkan, 25

al-Ishbeely, 15

Ismail, Nabi, 77

Isa, Nabi
 Sifat-sifat karakter, 76–77

Tentang perilaku lelaki terhadap wanita, 234
 dalam rumah ibu tunggal, 34

ibu
 kehamilan remaja, 48, 55, 266
 penyusuan susu ibu, 136–147, 187, 309
 dan kelelahan, 26
 dalam Islam, 246–247
 dalam literatur, 15
 cinta kepada, 42
 menguruskan peranan yang berlainan, 25
 keperluan untuk empati, 105
 tidak bertindak sebagai hamba kepada anak-anak, 119
 nutrisi, 145, 202

- peranan-peranan tertentu, 28, 35, 227, 230
 kehamilan dan kelahiran, 174–175, 192–193
 keutamaan, 164
 sebagai ibu tunggal, 34
 waktu-waktu untuk seksual abstinence for, 198
 bekerja, 141, 164, 230
imej diri yang positif
Lihat imej diri
 imej diri, 109, 176, 182, 188, 206, 238–239
impak sosial
 ke atas gaya keibubapaan autoritarian, 6–8
 ke atas keimanan, 85–89
 ke atas kehidupan keluarga, 17–19
isu-isu transgender, 271
ibu bekerja, 141, 164, 230
inai (henna), kegunaan yang dibenarkan, 197
Ibu Nabi Isa AS, 34
- J**
- Jurang umur dalam keluarga**, 314
Jackson, Samuel, 332
Jepun, 57, 154–155
al-Jarajrah, 116
al-Jaylāny, Shaykh 'Abd al-Qādir, 330
Jefferson, Thomas, 332
Jenner, Dr. Edward, 194
jin, kerasukan, 8, 90, 109, 129
Josephson, Michael, 308
al-Jurjānī, 281
jururawat-jururawat basah, 34, 138, 142, 144, 162
- K**
- keguguran**, 48, 199, 248, 267–269
ketagihan, 59–60, 425
 permainan komputer, 422
 hiburan, 58
 minuman yang memabukkan, 215–221, 292
 televisyen, 408–410, 413
kasih sayang, ibu bapa berikan kepada anak-anak, 28, 68, 129, 272, 309–310, 315–318, 431
 kepentingannya untuk anak lelaki, 228, 239
 dalam Al-Qur'an, 152–153, 172, 186, 228, 310
keimbangan alkohol, 217
ketenangan, seperti berbahaya, 322
kesombongan, dalam pemikiran Barat, 62–64
kreativiti pada anak-anak, 389–399
 dalam Islam, 96, 162
keterikatan dan keselamatan pada kanak-kanak, 360
keseimbangan
 dalam penciptaan, 59
 tanggungjawab, 119
 antara kehidupan dunia dan kehidupan abadi, 63
 al-Bar, 139–141
keindahan, pemandangan, 49, 109
kepercayaan, pendidikan tentang
Lihat iman
keberanian
Lihat berani, pendidikan tentang
kalsium, kepentingan, 203, 204
kanser
 kepentingan keluarga semasa, 228
 mengurangkan risiko, 141, 143, 205, 276
 faktor risiko untuk, 192, 198, 209, 213–214, 264, 376
kapitalism, 63–64
karakter
 pembinaan, 12, 45–46, 77, 303–308, 312
 sifat-sifat karakter yang baik, 76–77
 mitos keibubapaan tentang, 49–51, 118
 pendidikan keberanian, 331–338
 mendidik kejujuran, 323–331
kebijakan, pemberian kepada, 78, 386
kesucian
Lihat dara
ketakutan biasa zaman anak-anak, 335

- dan pendidikan, 45–46
- dan pembentukan karakter, 45–48
- perbezaan gender dalam, 226–229
- kepentingan kasih sayang dalam, 309–310, 312
- fasa-fasa, 5, 152–160, 163–164, 175–179, 309–310
- kreativiti dalam. Lihat kreativiti dalam anak-anak mendisiplinkan, 123, 175–176
- ketakutan dan keberanian dalam, 179, 331–338
- persahabatan, 265, 340–346, 376
- memenuhi hasrat melalui, 114–115
- identiti gender, 232
- kepentingan senaman untuk, 157, 158, 211–212
- dan kesederhanaan, 282–284
- tidak memanjakan, 27, 44, 97, 116, 321–322
- keperluan nutrisi, 199–208
- tekanan rakan sebaya, 215, 338–339, 342
- persepsi ibu bapa, 107, 108
- masa berkualiti dengan, 319
- memberi penjelasan kepada, 115
- sekuriti dan attachment in, 360
- pendidikan seks, 252–260
- tantrum, 123, 322
- mendidik kemandirian kepada, 357–377
- mendidik tanggungjawab, 372, 378–388
- dan kejujuran, 323–331, 367
- keunikan setiap anak, 116
- kolesterol, 140, 208–209
- kerja-kerja rumah, pendekatan kepada, 378–388, 416
- kepercayaan awam lawan kepercayaan individu, 85–86, 88
- kokain, 215, 218
- kisah balang kopi, 78
- kolektivism, masalah tentang, 89
- komunikasi
 - tentang persahabatan, 342
 - seni perbualan, 12, 129, 267–268
 - untuk perkembangan otak, 158
 - kepentingan ibu bapa-anak, 4, 12, 32, 107–108, 124, 128–129, 267–268
 - dalam hubungan perkahwinan, 27
 - dalam mendidik anak-anak kemandirian, 367–368, 373–375
 - dan kejujuran, 323–331
- komunism, 63–64, 108
- kawan, 45, 94, 160–161, 290, 304, 305–306
- konsultasi (*shūra*), 5–7, 60, 86, 138, 234, 379
- kontraseptif, 253, 254–255
- keberanian, mendidik, 331–338
- kreativiti dalam anak-anak
 - perkembangan, 303, 305–306, 308, 310–311, 321, 357, 389–399
 - menyesakkan daripada, 98, 187, 336
 - kadar jenayah dan rumah ibu bapa tunggal, 32
 - berpakaian silang, 271, 285
- kebudayaan, bukan Islam, amalan, 332
- kejutan budaya akibat perpindahan Timur-Barat, 60–62
- kematian
 - sebab-sebab, 201, 255, 262, 315
 - ketakutan anak-anak tentang, 179, 335
 - dalam Islam, 173
 - mendidik anak-anak tentang, 334
- kebergantungan anak-anak, 358–359. Lihat juga kemandirian
- ketidakjujuran, 323–331
- ketidakpatuhan, sebagai keinginan anak tatih untuk berdikari, 362
- keberanian emosi, 336
- kecerdikan emosi, 311
- kelayakan, children's sense of, 117
- keletihan, ibu bapa, 18, 26, 31, 230, 372
- keluarga besar; kelebihan, 33, 35, 40
- kegagalan, belajar mengendalikan, 365–366, 392–395

- kepercayaan/keimanan
 kepentingan mengelakkan ketagihan, 217, 220
 membesarkan/mengasuh anak-anak, 52–54, 84–99
 saiz keluarga, 29
 salasilah keluarga, 69
 unit keluarga, 24
 model pertanian, 65
 autonomi, 17
 penurunan di kalangan Muslim, 8, 43–44
 impak penzinaan ke atas, 262–263
 kepentingannya dalam Islam, 38–39, 59
 sifat keunikan setiap anak dalam, 116
- ketakutan
 hubungan dengan marah, 127
 dan keberanian, 331–338
 dan gaya keibubapaan, 365
 penggunaannya sebagai penguasaan, 129
 pada anak-anak kecil, 179, 334–335
- ketakutan, budaya, 6–8, 93–94, 115–116
- kaki, penjagaan kaki anak-anak, 209–210
- kewangan
 tanggungjawab remaja terhadap, 126
 kos penyusuan susu botol, 142
 dan kepercayaan, 86–87
 dalam keibubapaan, 358–359
 duit poket, 381, 385–386
 tekanan dalam perkahwinan, 26–27
- kemaafan, 123, 186, 318
- kebebasan
 dan keberanian, 336, 431
- perspektif Islam, 58–60
 batasan di kalangan Muslims, 44
- kebenaran ibu bapa, 363–364, 389–390
- kisah balang penuh, 78
- keseronokan, kepentingannya, 12
- kepuasan, kepentingan menangguhkan, 320, 326
- kata-kata sambutan, kepentingannya, 97
 kesedihan, respon terhadap, 229
 kesihatan dan kecergasan
 penyusuan susu ibu, 136–147, 187
 nutrisi anak-anak, 199–208
 senaman untuk anak-anak, 157, 158, 211–212
 kepentingan umum, 192
 impak seks terhadap, 260, 262
 semasa kehamilan, 175, 192–193
 dan pendidikan seks, 252–253
 penyakit-penyakit bawaan seksual, 252, 260, 264, 279
 vaksinasi, 193–195
 nilai kekuatan dalam Islam, 145–147
- kerja rumah, 385
 kejujuran, mendidik tentang, 323–331
 kebersihan, 276
ghusl (berwuduk), 181, 275
 dalam Islam, 195–198
 dan kesederhanaan, 281
 kecerdikan, emosi, 311
 keintiman, kepentingan, 39
 kesenian Islam, 96, 162
 kisah balang, 78
 keadilan ('adl), 41, 53, 59–60, 86, 98, 305, 307, 329–330
 Kandil, 139
 Keller, Nuh Ha Mim, 61
 Khadijah (isteri Nabi Muhammad SAW), 46, 306, 405
 Khaleefa, Dr. Yusuf, 189
khalifah / khulafā' (pemegang amanah dan khalifah)
Lihat khalifah kepada manusia (istikhłāf)
khalwah, bahaya, 285–286
 Kilpatrick, William, 49–51
 Klebold, Dylan, 423
 Kohn, Alfie, 54
 Kuhl, Patricia, 154

- kemalasan, 19, 363, 384, 413
 kepercayaan legalistik, 85–86
 kekurangan nutrisi pada bayi, 142
 kematangan, semasa remaja, 125–126
 kesilapan
 membenarkan anak-anak melakukan, 365–366, 387, 392–395
 kepentingan mengakui, 219–220
 kesalahfahaman pengajaran tentang, 109
 kebaikan semulajadi, mitos, 50
 Keesaan Tuhan, 56, 188
 keibubapaan. Lihat juga perceraian
 kasih sayang dan cinta dalam, 28, 68, 129, 152–153, 172, 186, 228, 239, 272, 309–320, 431
 menjadi contoh ikutan, 11, 211, 220, 416
 membuli, 115–116
 delegasi dalam, 4, 108, 115. Lihat juga pengasuh
 dominasi, 6–8, 178
 tahap pendidikan ibu bapa, 9, 44
 menikmati, 12
 keletihan, 18, 26, 31, 230, 372
 dan pengurusan kewangan, 358–359
 memberi kebebasan kepada anak-anak, 363–364, 389–390
 matlamat dalam, 11, 72, 73
 dan datuk nenek, 9, 29
 kepentingan komunikasi dalam, 4, 12, 32, 107–108, 124, 128–129, 267–268
 dan naluri intuition, 17
 literatur tentang, 14–16
 perspektif jangka panjang dalam, 106
 kesalahfahaman tentang, 49–52, 114–119, 235–237
 persediaan untuk, 10
 tekanan dalam, 105
 agama dalam, 52. Lihat juga keimanan
 kemarahan dalam, 359
 peranan bapa dan ibu dalam, 28, 35, 227, 230, 235–237, 239
 pengorbanan dalam, 119
 kursus keibubapaan di sekolah, 16–18
 keyakinan diri dalam self-confidence in, 316
 rumah tangga ibu atau bapa tunggal, 30–34, 38, 51, 237
 kesabaran, keperluan untuk, 105
 kebebasan berpolitik, 44
 keibubapaan berasaskan kuasa
 Lihat gaya keibubapaan autoritarian
 kehamilan dan kelahiran, 10, 76–77, 164, 165, 172–175, 192–193
 keutamaan
 Lihat masa, memberi keutamaan penggunaannya
 kepercayaan umum lawan kepercayaan persendirian, 85–89
 keibubapaan yang kuat beragama, 52. Lihat juga iman
 kemarahan, alasan untuk
 pada remaja, 359, 363
 pada anak-anak, 367, 369, 383
 pada ibu bapa, 359
 pada anak tatih, 362
 kesucian sebuah rumah tangga, 51
 kursus keibubapaan di sekolah, 16–18
 keyakinan diri. *Lihat* juga berdikari
 pada anak-anak perempuan, 238
 pada ibu bapa, 316
 kawalan diri, 58, 60, 182, 336
 pandangan Islam tentang/untuk, 183, 261, 280–288
 keimbangan perpisahan, 360, 362–363
 kasut, risiko terhadap anak-anak, 209–210
 keibubapaan tunggal, 30–34, 38, 51, 237
 Korea Selatan, 422
 keperluan khas, permainan untuk, 401
 keluarga tiri, 36–37
 kekuanan, nilainya dalam Islam, 145–147, 212
 kerja berpasukan, bapa-ibu, 107

- kehamilan remaja, 48, 55, 266–270
 kekemasan, 68, 97, 390
 kejujuran, 323–331, 367
 kebenaran, dibandingkan dengan kebebasan, 58–60
 keunikan setiap anak, 116
 khalifah umat manusia (*istikhlāf*), 38, 41, 56, 72, 86, 188
 keganasan, pendedahan kepada
 - dalam kalangan lelaki, 233, 237, 239
 - dan isu-isu kemarahan, 127–128
 - dalam permainan komputer, 422–425
 - di sekolah, 52–53
 - di televisyen, 55, 414
 keterlaluan, kepentingan menjauhinya, 32, 200, 207
- L**
- Laporan Perkembangan Manusia Arab, 98
 lemak, kepentingan dalam pemakanan anak-anak, 202, 203
 lonjakan pertumbuhan, 178, 182
 Lane, Rose Wilder, 195
 Lebelle, Linda, 127
 Loomans, 430
 lelaki. *Lihat juga bapa*
 - tabiat kebersihan, 196
 - dan keserدهanaan, 281–285
 - tanggungjawab dalam Islam, 139, 234
 - keperluan seksual, 229–231, 255, 274–275, 280
 - dalam tayangan di dan permainan komputer, 423–425
 - kegunaan pewangi 197
 latihan tandas, 177
- M**
- menasihati anak-anak lawan autonomi, 373–375
 menua, 55, 173, 186
 model keluarga pertanian, 65
 marah
- menghadapi, 123, 127–128, 318
 impak ke atas perkembangan otak, 156
 memaafkan
 - Lihat kemaafan*
 memanfaatkan pembangunan, 159–160, 187
 mendidik anak-anak tentang, 96
mawaddah dalam perkahwinan, 38
 menari, kepentingan mengelakkan, 287
 membuat keputusan, menggalakkan anak-anak, 337–338, 342, 359, 361, 364–365, 367, 372–373, 376–379, 431
 mendelegasi keibubapaan, 4, 108, 115. *Lihat juga pengasuh*
 mendisiplinkan anak anda, 123, 175–176
 Mesir, 137
 menikmati keibubapaan, kepentingan, 12
 makanan
 - Lihat waktu makan; nutrisi*
 memenuhi hasrat melalui anak-anak kita, 114–115
 matlamat, kepentingannya kepada ibu bapa, 11, 72
 membasuh tangan, 195–198
 madu, kelebihan, 199, 208
 manusia, peranan di atas muka bumi, 38, 41, 56, 72, 86, 188
 merendah diri, hilang dalam pemikiran Barat, 62–64
 meniru gaya keibubapaan, 114
 menipu, 323–331
 Malaysia, 142
 - Universiti Islam Antarabangsa (IIU), 243–244, 255
 Manby, George, 395
 marjerin, 207, 392
 Martin, Pastor Pete, 403
 maskulinity, hiper-, 237
 materialism, masalah dengan, 116, 117
 matematik dan perkembangan otak, 152, 153, 155–156, 158–159
 - mawaddah* (compassion), 38

- al-Mawardy, 15
- Mazrui, Professor Ali, 57
- McCollough, 243
- Mead, Margaret, 242
- media, seksualisasi, 109, 110
- mediasi, kepentingannya, 36
- Malu (*hayā'*), 281–285
- mononucleosis, 264
- moraliti. Lihat juga seks
- Diwarisi oleh semua orang inherent in everyone, 11–12
 - Dan pendidikan seks, 252–260
 - Pendidikan teaching ḍādāb (manners), 97
 - Mengajar, 53–54, 57
- Musa, Nabi
- Sifat karakter, 76–77, 147, 306
 - Pelajaran dari, 110
 - Dalam rumah tangga ibu atau bapa tunggal, 34
- masjid
- Persediaan menghadiri, 197
 - Doa masuk, 100
 - Wanita memasuki, 181, 230–231
- Mother Teresa, 316
- Mu'ādh ibn Jabal, 75–76
- murabbī* (jurulatih/pendidik), 75
- Murphy, Sam, 209
- Mus'ab ibn 'Umair, 75
- Muzik
- dan perkembangan otak, 155–156, 160
 - dalam Islam, 160–162
 - sexualization of, 160–161, 284
- mitos
- Lihat* kepercayaan karut
- Menamakan bayi, 25
- malam, sebagai waktu terbaik untuk tidur, 212–213
- Minyak zaitun, manfaatnya, 208
- Minyak wangi, kegunaannya perfume, use of, 197
- Masa berkualiti bersama anak-anak, 13, 73, 352–353, 380
- Mempersoalkan anak-anak, 370–371, 395
- membaca
- Kepada bayi, 106
 - Bersama anak-anak, 96
 - kepentingan, 412–413, 417
- Memahamkan anak-anak, reasoning with children, 115
- memberontak, menangani, 123
- Mementingkan diri sendiri, mengelakkan daripada, 12, 38, 58, 86, 312, 342, 379
- Menjerit, mengelakkan daripada, 123
- Malu, shyness, 180, 255, 260, 265, 281–282, 333, 338, 371, 409
- menyanyi
- Lihat* muzik
 - 'mentaliti hamba', 6–8
- merokok, impaknya, 77, 109, 146, 192–193, 215, 219, 376
- Manjakan anak-anak, mengelakkan daripada, 27, 44, 97, 116, 321–322
- masa, keutamaan penggunaan, 78, 108, 110, 319
- Masa berkualiti bersama anak-anak, 13, 73, 352–353, 380
- Mimpi basah, 181, 259–260, 277
- N**
- nilai-nilai agama Kristian, 52, 63–64, 234
- nilai-nilai keluarga, 50–52
- dan persahabatan, 340–346
 - kepentingan mengajar, 53–54, 110, 118
 - belas kasihan (*rahmah*), 38, 41–42, 94
 - dan pendidikan seks, 256–258
 - lawan televisyen, 409–422
 - kejujuran, 323–331
- neraka, mendidik tentang, 93–94
- naluri, keibubapaan, 17
- al-Nadwi, Abu al-Hasan, 56–57

- nama, dan pengangkatan, 269–270
- National Association for Sport and Physical Education* (NASPE), 211
- Nazism, 248
- Nelson, Horatio, 293
- neocortex, 156
- neuron, dalam perkembangan otak, 153–156, 187–188, 311
- nutrisi. *Lihat juga* kesihatan dan kecergasan penyusuan susu ibu, 136–147
anak-anak, 199–208
untuk ibu-ibu yang menyusu, 145, 202
- Nabi Muhammad, *Lihat juga* hadith karakter, 77
pemilihan pemimpin choice of leaders, 75–76
tabiat kebersihan, 195–197
kasih sayang kepada anak-anak, 15
dan muzik, 160–161
pembesaran, 32, 34
- nabi-nabi
sifat-sifat karakter, 76–77, 305–306
ibu-ibu, 34
kualiti, 16
mengajari anak tentang, 96
- nilai, keluarga, 50–52
dan persahabatan, 340–346
kepentingan mengajarinya, 53–54, 110
belas kasihan (*rahmah*) as a, 38, 41–42, 94
dan pendidikan seks, 256–258
lawan televisyen, 409–422
kejujuran, 323–331
- O**
- onani, 181, 253, 277–279
- Obama, Barack, 249–250, 352
- obesiti, 200–201, 209, 213
- objektif keluarga, dalam al-Qur'an, 41–43.
- Lihat juga* matlamat, kepentingannya kepada ibu bapa
- Olasky, Professor, 55
- osteoporosis, 141, 143, 203
- oleh ibu bapa, 115–116
- P**
- pendidikan Arab, 98
- Projek Abecedarian, 158–159
- pengangkatan, 269–270
- penyalahgunaan FGM, 276–277
minuman yang memabukkan, 49, 215–221, 287, 293, 294
seksual, 272, 291–295
dan rumah tangga ibu atau bapa tunggal, 32, 38
- englitan aktif bersama anak-anak, 13, 73, 352–353, 380
- perkahwinan yang diatur, 288
- pengasuh bayi, 4, 27, 115, 138, 219, 235–236, 409, 431
- petikan dari Kitab Injil
tentang zina, 261
tentang model keluarga pertanian, 65
tentang pembinaan karakter, 79
- pelajaran dari Nabi Musa AS, 110
- penyusuan susu botol
kekurangan, 138, 139–140, 142
menggunakan susu ibu untuk, 144
- perkembangan otak
bayi, 152–160, 175, 177, 187
dan penyusuan susu ibu, 140, 142–143, 162, 187
dan senaman, 157, 158, 211–212
janin, 202
- perbezaan gender, 224–226, 228
- mengharmonikan dengan hati, 311
dan bahasa, 157–159, 188

meminimumkan, 159–160, 163–164, 177, 187
 dan penghafalan, 157, 166, 187, 188–189
 muzik untuk, 155–156, 160–162, 284
 dan gaya keibubapaan, 9
 risiko potensi kepada, 156, 164, 193, 194,
 215–216, 311
 dan kasut-kasut, 209–210
 dan tidur, 212–213
 tentang anak-anak tatih, 157–160, 163–164
 percambahan idea, 391, 396
 penyusuan susu ibu, 136–147, 187, 309
 perkembangan anak, 5
 pilihan, pemberian kepada anak-anak, 369, 374–
 377
 pakaian
 anak-anak, 233, 374–375
 dan kesederhanaan, 247, 282, 285
 persekolahan bersama (*co-ed schooling*), 242–243
 paksaan, 6–8, 115–116, 330
 perkembangan kognitif
 Lihat perkembangan otak
 pembunuhan beramai-ramai di Sekolah Tinggi
 Columbine, 53–54, 423
 persenyawaan dan kehamilan, 10, 76–77, 164, 165,
 172–175, 192–193.
 Lihat juga ibu
 penyelesaian konflik, kepentingan pembelajaran,
 5, 18, 27, 228, 235, 239, 242, 306, 322
 pematuhan, tekanan and kekurangan, 54, 336, 390,
 394
 perbualan, seni, 12, 129, 267–268
 penurunan dalam keluarga Muslim, 8, 43–44
 perpecahan antara orang Islam, 87
 perceraian
 nasihat untuk ibu bapa, 38
 kesan-kesan, 36
 dalam Islam, 36–37
 ‘perceraian tanpa kesalahan’, 31
 kadar di Amerika Syarikat, 261

pakaian, doa apabila memakai, 100
 penyalahgunaan dadah, 49, 215–221, 287, 293, 294
du’ā’ (supplication), 95, 100, 180
 perkahwinan awal, 142, 272–273, 277, 287–290
 pemakanan
 Lihat waktu makan; nutrisi
 pendidikan
 pergelutan anak remaja, 126
 sistem autoritarian, 7, 98
 untuk pembinaan karakter, 45
 dan perbezaan gender, 241–245
 dan individualism, 52
 dan perkahwinan, 288–290
 dalam dunia Muslim, 45–46, 89–91, 98
 pengajaran yang ketinggalan zaman, 89–90
 tahap keibubapaan, 9, 44
 kursus-kursus keibubapaan di sekolah, 16–18
 pendidikan seks, 252–260
 dan televisyen, 410–411
 wanita, 231
 lelaki pondan, 232, 234
 pekerjaan, kepentingan kepada anak remaja, 126
 pergaulan dengan anak-anak, 13, 73, 352–353, 380
 persekitaran, penghargaan terhadap, 62–63, 310
 pengalaman, kekurangan dengan anak pertama,
 105, 118, 119
 pakar bidang, mitos tentang, 50, 64, 207
 penerokaan (*tafakkur*), 8
 pembunuhan bayi perempuan, 248
 perkahwinan paksa, 262, 332
 penzinaan, dalam Islam, 260–264.
 percampuran/pergaulan bebas, dilarang dalam
 Islam, 285
 persahabatan(*friendships*)
 dan buli, 124
 memilih dengan bijak, 217, 326, 329, 340–346,
 376
 perbezaan gender dalam, 226–227, 265,

- 340–341
dan tekanan rakan sebaya, 106, 122, 215, 338–339
dan tekanan seksual, 56, 257–267, 272, 294
sebagai sumber informasi, 179–180
permainan, di rumah dan di dalam kereta, 420
pandangan, merendahkan, 183, 229, 273, 282, 283–284
perbezaan gender, 224–237
 remaja, 179–182
 bayi, 175–176
 pendidikan, 241–245
persahabatan, 226–227, 265, 340–341
tabiat kebersihan, 196
Islam pada, 245–248
keperluan nutrisi, 202–203
dalam keibubapaan, 28, 35, 227, 230, 235–237, 239
permainan fizikal, 9
keperluan seksual, 229–231, 255, 268, 274, 280
lawan kemarahan, 240–241
anak tatih, 177, 178
tayangan TV dan permainan komputer, 423–425
penggunaan pewangi/minyak wangi, 197
anak-anak kecil, 179
perasaan bersalah, kegunaannya sebagai alat pengajaran, 253–254
pendengaran, perkembangan, 154–156
percutian, keagamaan, 52, 396
pemerdagangan manusia, 294
pernyataan 'I', 342
perekacipta, 392, 394–395
pembelajaran bahasa, 94–95, 153–155, 157, 160, 163, 176, 188
pematuhan undang-undang (law-keeping), Islam on, 220–221
pemimpin
 sifat-sifat karakter, 323
berani dalam, 336–337
pendidikan, 46, 57
membesarkan anak-anak menjadi, 8, 11, 15, 34, 43, 73–76, 238, 241, 305
orang muda sebagai, 290
perkembangan otak logik 152, 153, 155–156, 159, 176
perspektif jangka panjang tentang keibubapaan, 106
perilaku (*ādāb*), 85, 97, 179, 182, 305, 431
perkahwinan
 umur yang sesuai untuk, 142, 272–273, 277, 287–290
 konflik dalam, 27, 228
 kesan ke atas kestabilan anak-anak, 26–28
 impak zina ke atas, 260–264
 dalam Islam, 38, 230
 dan hubungan susuan, 136–137, 139, 144
 diperlihatkan di televisyen, 414
 hubungan seksual dalam, 255, 258, 273–274, 282, 283
pemeriksaan kesihatan, 195
pengurusan kewangan
 tanggungjawab remaja untuk, 126
 kos penyusuan susu botol, 142
 dan keimanan, 86–87
 dalam keibubapaan, 358–359
 duit poket, 381, 385–386
 tekanan ke atas perkahwinan, 26–27
perubahan perasaan (*mood*)
 pada remaja, 179–182
 kesan muzik ke atas, 284
 semasa haid, 181, 229
 sebagai tanda pembulian, 124
pergerakan dan perkembangan otak, 156–157
pembaharuan Muslim, pendidikan sebagai jalan, 45–48, 90–91
polisi satu anak di China, 248
pemindahan organ, 136, 199

- pendeta, 75–76
 pemerdagangan manusia, 294
 persepsi, anak-anak terhadap ibu bapa mereka, 107, 108
 personaliti, dan karakter, 308. *Lihat juga* karakter permainan fizikal, 9, 236
 pemilih makan, 206
 polio, 193
 pornografi, 284, 292
 persediaan sebelum kelahiran, 10, 76–77, 164, 202, 218
 persediaan untuk keibubapaan, 10
 privasi anak-anak, 217–218
 pendidikan swasta, 46–47
 penyelesaian masalah, 391–395
 pelacuran, 292–293
 psikologi
 perkembangan remaja, 183–185
 teori perkembangan anak, 170–171
 pembaikan
 Lihat pembaikan orang Muslim
 penolakan, belajar menghadapi, 321–322, 365–366
 peranan bapa dan ibu, 28, 35, 227, 230, 235–237, 239
 peranan manusia, 41
 peraturan lawan perhubungan, 110
 pengorbanan ibu bapa, 119
 pengasingan di sekolah, 242–244
 pendidikan seks, 252–260, 292–293
 dalam Islam, 259, 273–288, 295–296
 pekerja seks, 293–294
 penderaan seksual, 272, 291–295
 penyakit bawaan seksual (STDs), 252, 260, 264, 279
 pemimpin-pengembala, 75–76
 penglihatan, perkembangan, 154
 perhubungan suami isteri, 41–42, 107, 119, 284–285.
 Lihat juga perceraian; perkahwinan
- perkara tahuyl, 8, 44, 90, 108–109, 129
 panas baran, temper tantrums, 123, 322
 perangai dan gender, 240–241
 permainan, pemilihan, 399, 401
 pemindahan darah, 136, 198–199
 pemindahan, organ, 136, 199
 permainan video, 422–425
 penglihatan, perkembangan, 154
 pemerolehan kosa kata, 153, 155, 157–158, 160, 163, 178, 189, 242, 385, 411
 pembaratan, kesan-kesannya, 56–57
 dua konsep yang hilang dalam, 62–63
 pandangan sarwa, Muslim lawan sekular, 56, 92–93
 pelepasan nokturnal daripada, 181, 259–260, 277
 Program Prasekolah ‘*Head Start*’ di Amerika Syarikat, 158
 ‘pembunuhan kehormatan’, 263
 penyembahan berhala, 162
- ## Q
- Qabil dan Habil, 59
 al-Qabsy, ‘Alī, 15
 al-Qaradawai, Yusuf, 161
 Al-Qur'an
 hafalan, 157, 166, 187, 188–189
 membacakan kepada bayi, 106
 mendidik anak-anak mencintai, 93–95, 110, 182
 Al-Qur'an, petikan daripada
 tentang pengangkatan, 269–270
 tentang zina, 261, 274
 tentang alkohol, 216
 tentang bayi, 152, 153
 tentang keseimbangan pada alam semesta, 59
 tentang penyusuan susu ibu, 137–139
 seruan terhadap sains dan alasannya, 90–91
 tentang mengambil berat terhadap yang lain, 88, 312

tentang mengubah diri sendiri, 19, 88
tentang memilih kawan, 345
tentang pandangan sarwa yang betul, 92–93
tentang amalan yang benar, 147
tentang perkembangan tubuh manusia, 172–174
tentang perceraian, 37
tentang objektif keluarga, 41–43
tentang makanan, 207–208
tentang kemaafan, 318
tentang perbezaan gender, 234
tentang kesaksamaan gender, 224
tentang anugerah anak-anak, 39
tentang matlamat keibubapaan, 73–74
tentang ilmu Tuhan, 63
tentang sifat-sifat karakter yang baik, 77
tentang kesusahan dan kesenangan, 29
tentang membenci Syaitan, 320
tentang homoseksualiti, 270
tentang manusia biasa, 39
tentang keintiman perkahwinan, 39
tentang kegembiraan mempunyai anak-anak, 119
tentang perhubungan darah, 136
tentang pemimpin, 75–76
tentang hubungan perkahwinan, 230, 273
tentang malu, 284
tentang ibu Nabi Musa, 34
tentang makan berlebihan, 200, 207
tentang konsultasi participative consultation, 7
tentang tanggungjawab peribadi, 58, 119, 388
doa untuk rumah tangga yang bahagia, 39
tentang kualiti-kualiti para Rasul, 16
tentang hubungan seksual, 287
tentang tidur, 212
kisah Nabi Yusuf AS, 280
tentang kejujuran, 327

tentang kekuatan nilai, 145–146
tentang hikmah atas kematangan, 147

R

remaja
pengurusan marah, 127–128
memanfaatkan perkembangan, 187–188
bersaing untuk kuasa dengan, 5
berjanji temu, 265–267
dadah, 215–221. *Lihat* juga penyalahgunaan dadah
persahabatan. *Lihat* persahabatan dan homoseksualiti, 272
kepentingan tanggungjawab dalam, 125–126, 181, 183, 381–382, 384
sebagai pemimpin, 290
perkahwinan, 287–290
nutrisi, 202–203
tekanan rakan sebaya, 215, 338–339, 342
perkembangan fizikal, 179–182
perkembangan psikologi, 183–185
akil baligh, 180–182, 206, 276
pendidikan seks untuk, 252–260
aktiviti seksual dan menahan diri, 277–280, 286, 287–290
dalam rumah tangga ibu atau bapa tunggal, 32
mendidik berdikari kepada, 363–367
dan kejujuran, 326–327, 329–330

rambut
penjagaan kemaluan, 197
mencukur rambut bayi, 25
rumah orang-orang tua, 55
rahmah (belas kasihan)
 See belas kasihan (*rahmah*)

Ramadan, 212
Rankin, Jane, 64
rogol, 294–295
Reagan, Ronald, 31

- relativism, masalah dengan, 53, 60
- rutin keagamaan, 85–86
- dimudahkan untuk wanita, 138, 174–175
 - dan kebersihan, 195–198
 - tanggungjawab peribadi untuk, 181
 - mendidik anak-anak, 187–188
- Roosevelt, Theodore, 105, 307, 402
- Rousseau, Jean-Jacques, 50
- rempah ratus, manfaat, 207
- rangkaian sokongan, dalam rumah tangga ibu bapa tunggal, 33
- rasa tidak selamat pada anak-anak, 360
-
- S**
- sikap tidak peduli, 44, 85–86, 422
- seks anal, 275
- serangan, 294–295. *Lihat juga* penderaan
- sistem autoritarian, 44, 60
- sarapan, kepentingan, 205, 206
- seruan untuk bersolat (*adhān*), 95, 160
 - di telinga anak yang baru lahir, 25, 165
- susunan penjagaan anak-anak, 26–27. *Lihat juga* pengasuh bayi
- senaman, kepentingan, 157, 158, 209–212
- susu formula, 139, 140–141, 142–143, 147
- sejarah, keluarga, 69
- sistem imunisasi, 228
- sumbang mahram, 294
- susu formula, 139, 140–141, 142–143, 147
- saudara sesusan, 136–137, 139, 144
- salah tanggapan tentang keibubapaan, 49–52, 114–119, 235–237
- seks oral, 275
- senggugut, 181, 229, 276. *Lihat juga* haid
- sajak, 225, 232, 283, 396, 419. See also memorization
- salah (solat rutin), 85, 95
- Samon, 319

- Santa Claus, 109
- Sax, 243
- Schernhammer, Eva, 214
- sekolah
- Lihat* pendidikan
 - sains
 - mengembangkan mentaliti, 8
 - batasan, 64
 - seruan al-Qur'an untuk, 90–91
 - mendidik anak-anak tentang pencapaian Islam dalam, 96
- sekularisasi, impaknya, 51, 55–57, 96
- sekuriti dan pegangan berkaitan anak-anak, 360
- Sesame Street (TV show), 410–411
- seks. Lihat juga zina
 - dalam kalangan remaja, 126, 257, 263, 265–267, 277, 286
 - perbezaan gender terhadap, 229–231
 - Islam tentang, 246
 - dalam muzik yang tidak dibenarkan, 160–161, 284
 - tempoh masa menahan diri daripada, 198
- Shatz, Carla, 154
- Shaw, Gordon, 155
- Shghalah, Abdullah Ahmad, 189
- shūrā* (konsultasi), 60, 379
- Siddiqui, Professor Dilnawaz, 53–54
- Simpson, Jeffry, 360
- Simpsons, The, 50, 52
- Sekolah sama jantina, 242–244
- Smalley, 224
- snek, pengurusan, 204
- Spock, Dr Benjamin, 67–68, 306, 309, 417
- siflis, 264
- sayur-sayuran, menggalakkan anak-anak untuk makan, 204–205
- suara, penggunaannya apabila mendisiplinkan anak-anak, 123

- sifat semulajadi atau mengasuh perdebatan, 170, 228, 237, 432
- sekolah *kuttāb*, 46
- T**
- tamadun, pembinaan (*'imrān*), 6–8, 12, 43, 47
- tangisan
- anak-anak, 239, 322, 336
 - bayi, 144, 175, 360
- teknik gangguan bersama anak tatih, 362
- teh halba, untuk menambah bekalan susu ibu, 144
- Tuhan
- Lihat Allah*
- telanjang (*'awrah*), 49, 55, 56, 67, 282–283, 292
- tidur sebentar, 213–214, 411
- ‘tidak’, mengajar anak-anak berhadapan dengan, 321–322, 372
- tekanan rakan sebaya, 106, 122, 215, 286, 287, 338–339, 342
- tanggungjawab peribadi, 53–54, 58
- kepentingannya untuk remaja, 125–126, 181, 183
 - kekurangannya hari ini, 86–89
 - mengajarinya kepada anak-anak, 372, 378–388, 384
- tekanan
- ke atas ibu bapaifling creativity, 393
- tafsiran al-Qur'an (*tafsīr*), 14, 94, 187
- tanggungjawab, peribadi, 53–54, 58
- kepentingan kepada remaja, 125–126, 181, 183
 - kekurangannya hari ini, 86–89
 - mendidik anak-anak, 372, 378–388, 384
- tidur, kepentingan, 212–214
- tekanan, stress
- dan perkembangan otak, 156
 - dalam hubungan perkahwinan, 26–28
 - melegakan melalui permainan, 12
- Tabatabai, Sayyid Mohammad Husayn, 188
- tafakkur* (explorasi), 8
- Tagore, Rabindranath, 315
- tantrum, 123, 322
- Tanveer, Dr. Sardar, 52
- tawbah* (taubat), 96, 184, 330
- tawhīd* (Keesaan Tuhan), 56, 188
- teknologi, impak, 106, 422
- televisyen
- lawan senaman, 210
 - kesan di Amerika Syarikat, 48, 286
 - kesan ke atas kehidupan berkeluarga, 412–418
 - pengaruh ke atas anak-anak, 106, 399, 408–422
- tetanus, 193
- Thailand, 255
- tandas
- Lihat bilik air*
- tradisi
- ‘Aidilfitri, 161
 - untuk bayi yang baru dilahirkan, 25, 165
 - cuti keagamaan, 52, 396
- transvestites, 271
- tuberkulosis, 193
- Turkey, 57
- TV
- Lihat televisyen*
- U**
- ujian DNA, 261, 263, 268, 294
- Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia (UIAM), 243–244, 255
- usia tua, 55, 173, 186
- ‘Ubaydah ibn al-Jarrāh, 75
- UK
- Lihat Britain*
- ‘Umar ibn al-Khattāb, 52, 139, 175, 185, 263, 304, 372, 419
- Umm Kulthūm, 15
- Ummah

- kemunduran dan perkara tahyul, 8, 44, 90
 decline of, 8, 43–45
 perpecahan dalam, 87–88
- UNICEF**
 Laporan 2007, 57
 tentang penyusuan susu ibu, 141, 142
 tentang nutrisi untuk anak-anak, 201
- Usāmah ibn Zayd, 290
- ‘Uthmān ibn ‘Afffān, 218
- V**
 vaksinasi, 193–195
 vegetarianism, 204
 bertudung (*hijāb*), 136, 284, 375
 Ibu Nabi Isa AS, 34
- W**
 warisan, Islam, 96
 wanita maskulin, 232, 234
 waktu makan, 129, 206, 422
 warga emas, 55, 173, 186
walīmah (kenduri kahwin), 25
 Warren, Dr, 226
wudu’ (ghusl), apabila mengambil, 181, 275
 Whitney, Eli, 395
 Winn, Marie, 409
 Winnicott, Donald, 17
 wanita
 dan pengguguran, 267–269
 sikap-sikap budaya terhadap, 231
 dan feminism, 234
 FGM, 276–277
 tabiat kebersihan 5
 keperluan seksual, 255, 274–275, 280
 dalam rancangan TV dan permainan komputer,
 423–425
 penggunaan minyak wangi oleh, 197
- Wright bersaudara, 395
- Y**
 Yusuf, Nabi, 77, 279–280
- Z**
 zakat, 85, 89–90
 Zayd ibn Hārithah, 15, 270
 Zayd ibn Thābit, 290
 Zaynab (isteri Rasulullah SAW) 15, 270
zinā (hubungan seksual yang haram dalam Islam),
 30–31, 252, 260–264, 274, 279
 zink, dalam susu ibu, 140
 zaman dewasa, memasuki, 125–126, 173
 Zorn, Eric, 54

BIBLIOGRAFI

Bibliography

ENGLISH

- Abd al-Ati , Hammudah. *The Family Structure in Islam*. Indianapolis, IN: America Trust Publication, 1997.
- _____. *Islam in Focus*, 3rd rev.edn. Beltsville, MD: Amana Publications, 1998.
- Abdul Hye, Hamid. "Islam pn the Rearing of Children." *The Muslim World Journal*. Vol. 18 (issues 11 & 12) India, May/ June 1991.
- Abdullah Nina. "Qur'an Memorization and Memory." Unpublished paper. Reston, Virginia, 1994.
- Abel, Gene and Nora Harlow. *The Stop Child Molestation Book*. La Vergne, Tennessee: Ingram Content Group,2001.
- AbuSulayman, AbdulHamid. "Islam and the Family". Unpublished paper presented at the Conference on 'Youth'. Brunei, April 4, 1984.
- _____. "Islamic Educational Reform: Top Priority in Intellectual Islamic Work." Editorial. *The American Journal of Islamic Social Sciences (AJISS)*, vol. 15, issue 1 USA, Spring 1998.
- _____. *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*. Herndon, VA : IIIT, 1995.
- Abu- Talib, Ali. *Nahjul Balagha (Peak of Eloquence)*. Elmhurst, New York: Tahrike Tarsile Qur'an, 1996.
- Adler, Jerry. "Building a Better Dad". *Newsweek*, June 17, 1996.
- Agnivesh, Swami et al. "Missing: 50 Million Indian Girls". *International Herald Tribune*, November 25, 2005.
- Ahmad, Imad-ad-Dean. *Islam and the Discovery of Freedom* . Beltsville, MD: Amana Publication; 1st edn., 1997.
- Aids Education Global Information System (AEGIS), (website article dated August 31, 2001):<http://www.aegis.com/news/afp/2001/af010886.html>
- Akhta, et al. "Views on Breastfeeding in Medical Science and Islam." *Journal of Islamic Medical Association (JIMA)*, vol.30, 1998.
- Alcohol Concern. Factsheet: Young People and Alcohol.September 2009. <http://www.alcoholconcern.org.uk/publications/factsheets-and-booklets/factsheet-young-people>
- 'Ali, 'Abdullah Yusuf. *Translation of the Meaning of the Holy Qur'an*. Beltsville, MD: Amana Publications, 2004.
- Allain, Annelies. *Protecting Infant Health*. Penang , Malaysia: International Baby Food Action Network, 1993.
- Altalib, Ilham. *The Muslim Family in North America*. Ten Unpublished Articles. Reston, Virginia: 1984.
- _____. *The Human Heart in the Qur'an*, Seminar at ADAMS Center, Herndon, Virginia, September 2008.
- Amabile, T.M.& B.A. Hennessey. "The Motivation For Creativity in Children" in T. Pittman & A.Boggiano (Eds.) *Achievement And Motivation: A Social Developmental Perspective*. New York: Cambridge University Press, 1992.
- Athar, Shahid. "Sex Education for Muslim Youth and Their Parents." *Journal of Islamic Medical Association (JIMA)*, vol. 22, USA, 1990.
- _____. *Reflections of an American Muslim*. Chicago, IL: Kazi Publications, 1994 .
- _____. (ed.) *Sex Education : An Islamic Perspective*. <http://www.teachislam.com/dmdocuments/33/BOOK/>
- Atkins, Andrea. "The Gender Divide." *Parenting Magazine*, August 1998.
- Badaraco, Joseph. *Leading Quietly*. Harvard Business Review Press. 2002.
- Badi, Jamal and Mustapha Tajudin. *Creative Thinking: An Islamic Perspective*, 2nd edn. International Islamic University Malaysia: Kuala Lumpur, Malaysia, 2005.
- Bailey, Joseph. *The Serenity Principle*. San Francisco, CA: Harper & Row, 1990.

- Al-Bar, Mohammad Ali, and Osama Kandil. "Breastfeeding and Islamic Teaching". *Islamic World Medical Journal*, July/August 1986.
- Barazangi, Nimat Hafez. "The Education of North American Muslim Parents and Children: Conceptual Change as a Contribution to the Islamization of Education." *AJISS*. 7(3), 1990.
- Baron-Cohen, Simon. "The Extreme Male Brain Theory of Autism." *Trends in Cognitive Sciences*, vol.6, issue 6, June 2002.
- Barzini, Jamal. "The Prophet as a Farther" Lecture at ADAMS Center, Herndon, VA, April , 11, 1993.
- Bashir, Askia H. *How to Manage Your Parents (Without Manipulation)*. Atlanta, GA: KYD Publishers, 1995.
- Baumrind, Diana et al. Parenting for Character: Five Experts, Five Cases. Portland, Oregon: Center for Spiritual and Ethical Education, 2008.
- BBC News. "Breast Milk 'Boosts Babies' Brainpower." 8 May 2002. <http://news.bbc.co.uk/1/hi/health/1974976.stm>
- BBC News. "South Korean Dies after Games Session." 10 August 2005. <http://news.bbc.co.uk/1/hi/technology/4137782.stm>
- Beal,C. *Boys And Girls: The Development of Gender Roles*. New York: McGraw-Hill, Inc., 1994.
- Begley, Sharon. "Child's Brain: Use It or Lose It." *Newsweek*, June 17, 1996.
- _____. "A Mother's Cocaine Use: They Call Them Snowbabies." *Newsweek*, September 29, 1998.
- _____. "Tuning Up the Brain." *Newsweek*, Fall/Winter 2000.
- _____. and Pat Wingert."Teach Your Parents Well." *Newsweek*, April 28, 1997.
- _____. "Your Child's Brain", *Newsweek*, vol.127, no.8,p.54, February 19,1996.
- Bennett, William. *The Book of Virtues*. New York: Simon & Schuster, 1996.
- Beshir, Ekram and Mohamed Rida. *Meeting the Challenge of Parenting in the West: An Islamic Perspective*. Beltsville, MD: Amana Publications, 1998.
- Biller, Henry. "The Father Factor in Building a Better Dad." *Newsweek*, June 17, 1996.
- _____. *Fathers and Families: Paternal Factors in Child Development*.Westport, Connecticut: Auburn House, 1993.
- Blum, Deborah. *Sex on the Brain: The Biological Differences Between Men and Women*. New York: Penguin Books, 1998.
- Bohmer, Carol and Andrea Parrot. *Sexual Assault on Campus: The Problem and the Solution*. New York: Lexington Books, 1993.
- Boorstein, Sylvia. *It's Easier Than You Think*. San Francisco, CA: Harper Collins, 1996.
- Booth, Caroline and Mindy Henderson. *I Love My Grandmother Because.....*Nashville, TN: Rutledge Hill Press, 1998.
- Boydston, Jo Ann (editor). *The Collected Works of John Dewey*. Carbondale and Edwardsville: Southern Illinois University Press, 1969-1991.
- Bradley, Raymond et al. *Facilitating Emotional Self-Regulation in Preschool Children*. Boulder Creek, California: Institute of HeartMath, 2009.
- Branden,Nathaniel, *The Psychology of Self-Esteem: A Revolutionary Approach to Self-Understanding that Launched a New Era in Modern Psychology*.San Francisco, CA: Jossey-Bass, 2001
- Brawer, Barney. "Raising Sons in a World of Changing Gender Roles." *Women in Higher Education*, November 1998.
- Brazelton, Leach; Lemonick, Micheal."War of the Diapers." *Time*, January 25,1999, vol. 153, no.3.
- Brizendine, Louann. *The Female Brain*. New York: Morgan Road Books, 2006.

- Brooks, Arthur. *Gross National Happiness*. New York: Basic Books, 2008.
- Brown, H. Jackson, Jr. *Life's Little Treasure Book On Success*. Nashville, TN: Rutledge Hill Press, 1994.
- _____. *Life's Little Treasure Book On Marriage and the Family*. Nashville, TN: Rutledge Hill Press, 1995.
- _____. *Life's Little Treasure Book On Friendship*. Nashville, TN: Rutledge Hill Press, 1996.
- _____. *Life's Little Treasure Book On Parenting*. Nashville, TN: Rutledge Hill Press, 1995.
- Burgess. *Fathers and Parenting Interventions*. London: Farherhood Institute, 2009.
- Burt, Sandra and Linda Perlis. *Parents as Mentors: A New Perspective on Parenting that Can Change Your Child's Life*. Rocklin, CA: Prima Publishing, 1999.
- Campo, Juan. *Encyclopedia of Islam*. New York: Infobase Publishing, 2009.
- Canadian Child Care Federation. "Children and Creativity." Resources Sheet no.15, http://www.cccfcsg.ca/docs/cccfrso15_en.htm
- Cancer Research UK. <http://info.cancerresearchuk.org/cancerstats/types/cervix/riskfactors/>
- Canfield, Jack and Mark Victor Hansen. *Another Sip of Chicken Soup for the Soul*. Kansas City , MO: Andrews McMeel Publishing, 1997.
- _____. *Chicken Soup for the Father's Soul*. Deerfield Beach, Florida: Health Communications,2001
- Carlson, Richard. *Don't Sweat the Small Stuff and It's All Small Stuff: Simple Ways to Keep the Little Things from Taking over Your Life*. New York:Hyperion , 1997.
- Carmichael, Mary. "A Shot of Hope." *Newsweek*, October 1,2007.
- _____. "Stronger, Faster,Smarter," *Newsweek*, March 26, 2007.
- Cassidy, Anne. "Take Charge of Your Time." *Working Mother*, May 1998.
- Cassidy, Jude and Philip Shaver. *Handbook of Attachment: Theory, Research and Clinical Applications*. New York: Guilford Press, 1999.
- Cesarone, Bernard. "Video Games and Children." Urbana, Illinois: ERIC Clearinghouse on Elementary and Early Childhood Education, University of Illinois, 1994.
- Chandler, Michael Alison and Maria Glod. "More Schools Trying Separation of the Sexes." *Washington Post*, June,15, 2008.
- Clark,C.S. "TV Violence." *CQ Researcher*, (3), March 26, 1993.
- Clark, Reginald. *Family Life and School Achievement*.Chicago, IL: University of Chicago Press. 1983.
- Clinton, Hillary R. *It Takes a Village To Raise a Child*. New York: Simon & Schuster, 1996.
- Coleman, James Samuel. *Adolescent Society: The Social Life of the Teenager and Its Impact on Education*. New York: The Free Press, 1961; Macmillan, 1963.
- Coloroso, Barbara. *Kids are Worth it! Giving Your Child the Gift of Inner Discipline*.New York: Harper Collins, 2002.
- Covey, Stephen R."Secrets of Much, Much Better Family Relationship." *Bottom Line*, July 30, 1992.
- Davidson, Maurice et al. *Working with Fathers: Methods and Perspective*. Stillwater, Minnesota: Nu Ink, 1992.
- Davis,D. "Portrayals of Women in Prime Time Network Television: Some Demographic Characteristics." *Sex Roles*, vol.23, pp.325-332, 1990.
- Davis, William et al. *An Introduction to Music Therapy*. Silver Spring,

- Maryland: American Music Therapy Association, 2008.
- Dawson, Geraldine. "Imitation and Social Responsiveness in Autistic Children." *Journal of Abnormal Child Psychology*, vol.12,1984, pp.209-225.
- Dodd, Virginia. "Implications of Kangaroo Care For Growth and Development in Preterm Infants." *Journal of Obstetric, Gynecologic, and Neonatal Nursing*, vol.34,n0.2, March 2005, pp.218-232.
- D'Oyen, Fatima M. *The Miracle of Life*. Leicester, UK: Islamic Foundation, 1996.
- The Economist*. "Arab Learning Know Thyself". October 25, 2003.
- eHow Website. How to Teach Kids to Say No to Peer Pressure. http://www.ehow.com/how_6108016_teach-kids-say-peer-pressure.html
- Elbert, Thomas et al. "Increased Cortical Representation of the Fingers of the Left Hand in String Players." *Science Journal*, vol. 270,no. 5234, pp. 305-307,13 October 1995
- Elias, Maurice , Steven Tobias and Brian Friedlander. *Emotionally Intelligent Parenting, How to Raise A Self-Disciplined, Responsible, Socially Skilled Child*. London: Hodder and Stoughton, 2000.
- Eliot, Lise. *Pink Brain, Blue Brain* .New York: Houghton Mifflin Harcourt,2009.
- Elkadi, Iman."Construction of Muslim Communities: Raising Children." Al Ittihad. Gary, Indiana: The MSA of the US and Canada, spring 1972.
- Elkind,David. "The Family in the Postmodern World." *Phi Kappa Phi Journal*. 1995.
- Elmore, Tim. *Nurturing the Leader within Your Child: What Every Parent Needs to Know*. Nashville, TN: Thomas Nelson Publishers, 2001.
- Epinions. "Teaching our Children to Love ." January 2001. <http://www.epinions.com/kifm-review-3EoB-2F84CB47-3A52CFB3-prod2>
- Exley, Helen. *Words of Wisdom*. New York: Exley, 1997.
- _____ *Words of Calm*. New York: Exley,1998.
- Eyre, Linda and Richard. *3 Steps to a Strong Family*. New York: Simon & Schuster. 1994.
- _____ *Teaching Your Children Values*. Sounnd recording: 2 cassettes. New York:Simon & Schuster Audio, 1994.
- Faber, Adele and Elaine Mazlish. *How to Talk so Kids Will Listen and Listen so Kids Will Talk*. New York: Avon Books 1998.
- Fannoun, Kathy. *Our Loving Grandparents*. Chicago, Illinois: Iqra, 1994.
- Ferguson, Andrew et al. *Time*, May, 24, 1999, vol.153,no.20, p.68.
- Field, et al. "Infants of Depressed Mothers Shows Depressed Behaviour Even with Non-Depressed Adults." *Child Development journal* , vol.59, issue 6, December 1988, pp. 1569-1579.
- Fisher, et al. " Sex on the Brain." *Journal of Sex Research*, vol.49, issue 1, 2012, pp. 69-77.
- Fowler, Lynda. "Encouraging Creativity in Children." Department of Family & Consumer Sciences,Ohio State University. <http://www.ohioline.osu.edu/flm97/nr04.html>
- Franklin, Benjamin, *The Autobiography of Benjamin Franklin*. New York: P.F.Collier and Son, 1909.
- Freedman, Joshua. Creativity for Emotional Intelligence: Ideas and Activities. <http://www.kidsource.com/kidsource.com/kidsource/content4/creativity.eq.html>
- Friedman, Jenny. "Avoiding Gender Stereotypes: Learn How to Overcome the Typical Stereo-types in Raising Your Son or Daughter." 1998. <http://www.americanbaby.com/ab/story,jhtml?storyid=/templatedata/>

- hk/story/data/1172.xml
- Funk, J.B. "Reevaluating the Impact of Video Games." *Clinical Pediatrics*, vol.32 (Feb.2, 1993), pp.86-90.
- Geoparent, <http://geoparent.com/family/growth/independence.htm>
- Gibbs,Nancy. "In Sorrow and Disbelief- Special Report: The Littleton Massacre." *Time*, May 3, 1999.
- Gilbert, Michael. "Single-sex Schools Help Children Thrive: Bleaching Out Gender Differences Hampers the Education of Both Girls and Boys." September 20, 2007. <http://www.csmonitor.com/2007/0920/p09s01-coop.html>.
- Gilmartin, Patricia and Jeffrey Patton. "Comparing the Sexes on Spatial Abilities." *Annals of the Association of American Geographers*, vol.74, issue 4, 1984.
- Ginott, G. Haim. *Between Parent and Teenager*. New York: Avon Books, 1971.
- Glod, Marie. "Schools Try Elementary Approach to Teaching Foreign Languages." *Washington Post*, August 8, 2006.
- Godfrey, Neale and Carolina Edwards. *Money Doesn't Grow on Trees: A Parent's Guide to Raising Financially Responsible Children*.A Fireside Book. New York: Simon & Schuster, 1994.
- Goldscheider, Frances K, and Linda J. Waite. *New Families, No Families? The Transformation of the American Home*. Berkeley, CA: University of California Press,1991.
- Goleman, Daniel. *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Doubleday Dell Publishing Group, 1996.
- Gookin, Dan and Sandy. *Parenting for Dummies*, 2nd edn. New York: HarperCollins, 2002.
- Gordon, Thomas. *Parent Effectiveness Training: The No-Lose Program for Raising Responsible Children*. New York: Three Rivers Press, 2000.
- Gray,John. *Truly Mars and Venus: Men are from Mars,Women are from Venus: A Practical Guide for Improving Communication and Getting What You Want in Your Relationships*. New York: HarperCollins, 2003.
- Gur, Ruben and Raquel Gur et al. "Sex Differences in Brain Gray and White Matter in Healthy Young Adults." *The Journal of Neuroscience*, vol.19,no.10,pp.4065-4072,15 May 1999.
- Gurian, Anita and Alice Pope. "Do Kids Need Friends?" March 21 , 2001.http://www.aboutourkids.org/articles/do_kids_need_friends
- Gurian, Michael. *Boys and Girls Learn Differently: A Guide for Teachers and Parents*. San Fransisco , CA: Jossey- Bass, 2001.
- Haq,S.Moinul. Trans., Ibn Saad's *Kitab al-Tabaqat* (The Book of V Classes).India: Islamic Book Service 1967
- Harper, Cynthia C. and Sara S.McLanahan. "Father Absence and Youth Incarceration." *Journal of Research on Adolescence*, vol 14,no3, pp.369-397, September 2004
- Harris, Judith. *The Nurture Assumption*.New York: Free Press, 1998.
- Harris, Robert."Introduction to Creative Thinking ." Virtual Salt, July 1, 1998 <http://www.virtualsalt.com/crebook1.htm>
- Harrison, Harry H., Jr. *Father to Son: Life Lesson on Raising a Boy*. New York : Workman Publishing, 2000.
- Hart, Micheal H. *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*. New York : Hart Publishing, 1978.
- Harvey, Eric et al. *The Leadership Secrets of Santa Clause*. Dallas, Texas : The Walk the Talk Company, 2003.
- Al- Hashmi, Muhammad. *The Ideal Muslim*. (Arabic) Riyadh, Saudi Arabia:International Islamic Publishing House, 1999.
- Al-Hassani, Salim. 1001 Inventions: *Muslim*

- Heritage in Our World.* Manchester, UK: Foundation for Science , Technology and Civilizations, 2011.
- Head, Christina. *An Educated Decision: One Approach to the Vaccination Problem Using Homeopathy.* London: Lavendar Hill Homeopathic Centre, 1999.
- Al-Hewar, vol. 13,no. 4, Spring 2002.
- Hicks, Felicity. "The Role of Music Therapy in the Care of the Newborn," *Nursing Times* journal, vol.91, issue 38, pp. 31-33.
- Holy Bible: *New King James Version.* Austin, TX: National Publishing Company, 1982.
- Hughes, et al. *The Factbook on Global Sexual Exploitation.* New York: Coalition Against Trafficking in Women, 1999.
- Hwedy Fahmy. "Islam is Greater than Waging a Battle against an Instrument or Art." (In Arabic). *Al-Mujtama*, vol. 933, January 1, 1998.
- Hyde, Barbara and Brian Sansoni."Women Better at Hand Habits, Hands Down" *American Society for Microbiology*, Washington DC. 2005. http://www.eurekalert.org/pub_releases/2005-09/asfm-wba091905.php
- Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, Beirut : Dar al-Qalam, 1992.
- Institute of Medicine. *The Hidden Epidemic. Confronting Sexually Transmitted Diseases.* Washington, DC: National Academy Press, 1997.
- Islamic Schools Department. "Homework: Your Child and You ." (Pamphlet). Plainfield, IN: Islamic Society of North America, 1994.
- Islamic Society of North America. "Greatest Obstacles Confronting Muslim Children Raised in America." *Islamic Horizons*, vol. 11,no.11, November 1986.
- Ja'fari, Suzanne Fatimah. *Muslim Names.* Beltsville, MD: Amana Publications, 1998.
- Jaffe, Charles A. "Your Money." *Chicago Tribune*, April 2, 1998.
- Jameelah, Maryam. *The Generation Gap: Its Causes and Consequences.* Lahore, Pakistan: Muhammad Yusuf Khan, 1981.
- Johnson, Anne. "Exploring Women's Creativity: The No-Push Method for Developing Creativity," 1999. <http://www.womenfolk.com/creativity/kids.htm>.
- Josephson, Michael S; Val J. Peter and Tom Dowd. *Parenting to Built Character in Your Teen. Boys Town*, NB: Boys Town Press, 2001.
- Kalb, Claudia. "Farewell to Aunt Flo." *Newsweek*, February 3, 2003.
- Kane, Frank L. and Bathke, Leigh Anne Nicholson." "Parenting and Child Care." *Newsweek*, September 29, 1997.
- Kantrowitz, Barbara and Wingert, Pat "How Well do You Know Your Kid?" *Newsweek*, May 10, 1999.
- Kantrowitz, Barbara and Peg Tyre. "The Fine Art of Letting Go " *Newsweek*, May 22, 2006.
- Karp, Miriam. "Make Room for Your Child's Creativity." *Natural Jewish Parenting*, issue 3, <http://www.jewishholiday.com/creativity.html>
- Kasule Omar. "Character- Building," Unpublished paper presented at the Third International Seminar on "Medical Curriculum: The Holistic Approach," Kuala Lumpur Malaysia, February 1999.
- Keller,Nuh. *Becoming Muslim.* Jordon: Wakeel Books.2001.
- Kendall, Francis. *Super Parents, Super Kids.* Johannesburg: Delta Books. 1983.
- Kessler, Suzanne J. and Wendy McKenna. "Some Children are Gender Nonconformists." <http://www.webwhave.com/hottopic.htm>
- Kilpatrick, William. *Why Johnny Can't Tell Right from Wrong and What We Can Do About It.* New York: Simon & Schuster, 1993.
- Kindlon, Daniel J. and Michael Thompson.

- Raising Cain: Protecting the Emotional Life of Boys.* New York: Ballantine Books, 1999.
- Knox, David and Caroline Schacht. *Parenting Choices in Relationship: An Introduction to Marriage and the Family*, 5th edn. Belmont, CA: Wadsworth Publishing, 1997.
- Komurcu, Nuran. "Effect of music therapy on anxiety in pregnant women during labor" (in Turkish). *Hemsirelik Forumu*, 1999, vol.2, pp.89-96.
- Kotulak, Ron. cited in: "Unlocking the Mind." *Chicago Tribune*, 1993.
- Kuczmarski, Robert J.: Flegal ,Katherine M.: Campbell, Stephen M.: and Johnson, Clifford L. "ncreasing Prevalence of Overweight Among US Adults." *American Medical Association*, vol.272. no.3.1994.
- Kulkarni, Chaya and Lynn Oldershaw. *Helping Children Overcome Their Fears. Comfort, Play and Teach: A Positive Approach to Parenting* (Get Set for Life. program). Toronto, Ontario, Canada:2005.
- Lazear, Jonathon and Wendy. *Meditations for Parents who do too Much.* New York: Simon & Schuster, 1993.
- Lebelle, Linda. Focus Adolescent Services. <http://www.focusas.com>.
- Leland, John. "Tightening the Knot." *Newsweek*, February 19, 1996.
- Lemonick, Michael D. "Eat Your Heart Out." *Time*, July 19, 1999.
- _____. "War of the Diapers." *Time*, January 25, 1999, vol.153, no.3.
- Leonhardt, Mary. "It is Never Too Soon to Foster a Love of Reading in Young Children or Too Late to help an Older Child Gain a Love of Books." *Bottom Line*, May 5, 1991.
- Longfield, Anne and Mike Fitzpatrick. "Should Parenting be Taught?" *The Independent*, December 4, 1999.
- Maier, Thomas. "On the Life of Dr.Spock." *Biography Magazine*, April 1998.
- _____. "Raised by Dr Spock" *Newsweek* March 30, 1998.
- Maqsood, Ruqaiyyah Waris. *Living with Teenagers: A Guide for Muslim Parents*. London: Ta-Ha Publishers, 1995.
- Martin, Daniel. "Schoolgirls. Aged Just Ten Falling Pregnant As Underage Pregnancies Continue To Rise." *Daily Mail*, 8th February 2010.
- Maternal and Child Health (MCH) Early Childhood Development and Parent Education Program. http://www.ok.gov/health/Child_and_Family_Health/Maternal_and_Child_Health_Service/
- Matthews, Andrew. *Making Friends*. Singapore: Media Masters, 1990: Princes Risborough, UK:J. Wilson Booksales, 1998.
- Mayhew, Mary M. *Your Star Child: Attracting, Birthting and Parenting and Evolved Soul*. Fairfield, IA: Sunstar Publishing, 1995.
- Mazrui, Ali. "North American Muslims: Rising to the Challenge of Dual Identity." *Islamic Horizons*, March-April 1996.
- Meiji, Stewart. *Parenting: Part Joy, Part Guerrilla Warfare*. Novata, CA: Portal Publications, 1999.
- Minawi, Kawther M. et al. *The Child's Rights in Islam*. Riyadh: Safir Press, 1992.
- Mirza, Tanveer Ahmad. «Parenting.» Weekly Parenting Workshops at ADAMS Center, Herndon, VA, 1994-1999.
- Moir, Anne and David Jessel. *The Real Difference Between Men and Women*. New York: Delta Books, 1991.
- Moran, James D. III. Creativity in Young

- Children, http://www.kidsource.com/kid-source/content2/Creativity_in_kids.html
- Morgan, Michael Hamilton. *Lost History: The Enduring Legacy of Muslim Scientist, Thinkers and Artists*. Washington, DC: National Geographic Books, 2007.
- Morris, Sophie. "Sex for Sale: The Truth About Prostitution in Britain." *Independent*. 26 November 2008.
- Murad, Abdul Hakim. "Ramadan in Istanbul." *Meeting Point*, August 2009.
- Murphy, Sam. "Why Barefoot Is Best For Children." *The Guardian newspaper*. August 9, 2010.
<http://www.guardian.co.uk/lifeandstyle/2010/aug/09/barefoot-best-for-children>
- Nash, J. Madeleine. "How a Child's Brain Develops." *Time*, February 3, 1997.
 — "Fertile Minds." *Time*, February 3, 1997.
 — "The Personality Genes." *Time*, April 27, 1998.
- National Association for the Education of Young Children. www.naeyc.org
- The National Center on Addiction and Substance Abuse, www.casacolombia.org.
 Family Day- A Date to Eat Dinner with your Children. www.casafamilydat.org
- National PTA Parenting Guide,
http://www.lausd.k12.ca.us/Haskell_EL/parent%20information/decision.htm, 1994.
- Natural Resources Defense Council.
 "Benefits of Breastfeeding", 2010. <http://www.nrdc.org/breastmilk/benefits.asp>
- Norris, Jeannette: Nurius, Paula: Graham, Thomas. "When a Date Changes from Fun to Dangerous." *Violence Against Women*, vol.5 no.3 pp.230-250, March 1999.
- Olasky, Marvin. *The Tragedy of American Compassion*. Regnery Publishing: 1994.
- Osman, Fathi. *Concepts of the Qur'an*. Los Angeles, CA: Multimedia Vera International, 1997.
- Parke, Ross (ed.). *Review of Child Development Research*, vol.7. Chicago, Illinois: University of Chicago Press, 1984.
- *Fatherhood*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1996.
- Parkers, Peter. "Milk Kinship in Islam." *Social Anthropology*, vol.13, issue 3, 2005.
- Paul, J.P., et al. "Understanding Childhood Sexual Abuse as a Predictor of Sexual Risk-taking Among Men who have Sex with Men." *Child Abuse & Neglect*, vol.25, issue 4, April 2001, pp.557-584.
- Piotrowski, Caroline. "Rules of Everyday Family Life." *International Journal of Behavioral Development*, vol. 21, no.3, pp.571-598, October 1997.
- Porter, Dalia and Gabriel Cervantes. *All About Dad: Insights, Thoughts, and Life Lessons on Fatherhood*. Cincinnati, Ohio: Adams Media Corporation, 2007
- Positive Parenting www.webehave.com
- Preschool Education. *Encouraging Creativity in Children*, 1997-2006,
<http://www.preschooleducation.com/art60.shtml>
- Pryor, Fred. *How to Manage Conflict, Anger, and Emotion*. Fred Pryor Seminars, 1994, 3- volume video set (6 audio cassettes).
- al-Qaradawi, Yusuf. *The Lawful and the Prohibited in Islam*. Trans. Kamal el-Helbawy et al. New Revised Edition by Zaynab Alawiye. London: Al-Birr Foundation, 2003.

- Qutb, Sayyid. *In the Shade of the Qur'an*. Trans.and ed.Asil Salahi and Ashur Shamis. Leicester,UK: The Islamic Foundation and Islamonline.net,2011.
- Ramey, C.T. The Abecedarian Project. *Encyclopedia of Human Intelligence*. Ed.R.J.Sternberg. New York: Macmillan, 1994.
- Rankin, Jane. *Parenting Experts: Their Advice, the Research and Getting it Right*. Westport, CT: Praeger, 2006.
- Ricks, Shirley. "Father-Infant Interactions: A Review of Empirical Research." *Family Relations*, vol.34,no. 4, October 1985, pp. 505-511.
- Riera, Michael. "Uncommon Sense with Parents of Teenagers." *Target The Family*, August 1996.
- Robins, Joyce. *Naming Your Body*. London, UK: Chancellor Press, 1996.
- Robinson, Holly. "The Working Mother's Guide to Breastfeeding." *Working Mother*, May 1998.
- Rosemond, John. "Tender Loving Discipline." *Hemisphere* (United Air Lines), June 1993, p.67.
_____. "Is Your Family a Healthy One? Family Counselor" *Hemisphere* (United Air Lines), December 1994.
- Rycus, Judith: Hughes, Ronald. *Child Development and Child Welfare*. Washington, DC: Child Welfare League of America, 1998.
- Samalin, Nancy. "Personal Responsibility: How to Teach Children Responsibility." *Bottom Line*, February 15, 1994.
- Samon, Katherine Ann. "55 Ways to Make Your Kid Feel Loved." *Parents' Magazine*, January 1999.
- Sample, Steven. *The Contrarian's Guide to Leadership*. San Francisco.CA: Jossey-Bass,2001.
- Sax, Leonard. *Why Gender Matters: What Parents and Teachers Need to Know about the Emerging Science of Sex Differences*. New York: Broadway, 2006.
- Schachter, Robert and Carole Spearin McCauley. *When Your Child Is Afraid*. New York:Simon & Schuster, 1988.
- Schirra, Walter. *Chicken Soup For the Father's Soul*. Deerfield Beach, Florida: Health Communications, 2001.
- Scott, Buddy. *Relieffor Hurting Parents: What to Do and How to Think*. Nashville,TN:Oliver Nelson Books,1989.
- Sears, William. *Keys to Calming the Fussy Baby*. New York: Barron's, 1991.
- Seidman, S.A. "Revisiting Sex Role Streotyping in MTV videos." *International Journal of Instructional Media*, vol. 26,pp.11-22,1999.
- Shamma, Freda. Literature for Muslim American Students in K-12 Islamic Schools and Homeschoolers. Presented at the Islamic Education Conference, Georgetown University, Washington, DC, April 2006.
- Shapiro, Laura."The Myth of Quality Time." *Newsweek*, May 12, 1997.
- Shaw, Eva, *For the Love of Children*. Deerfield Beach, Florida: Health Communications, 1998.
- Sherman, Paul: Billing, Jennifer. "Antimicrobial Functions of Spices," *Quarterly Review of Biology*, vol.73, issue 3, 1998.
- Siddiqui, Dilnawaz. *The Muslim Observer*. April 30, 1999.
- Silverstein,Shel. *The Giving Tree*.New York: HarperCollins Publishers, 1986.

- Sinclair, Ian. *Health: The Only Immunity: The Alternative to Vaccination*. The Informed Parent Publications, 2009.
- Smalley, Gary. "Hidden Keys to Loving Relationship." 16 video cassettes, 1995.
- Smith, Charles. *Mighty Hearts: 8 Steps to Raising Kids with Courage*. Paper presented at a Workshop held by the Parenting Education Institute, State College, Pennsylvania, June 2004
- Smith, David: Gates, Gary. *Gay and Lesbian Families in the United States*. Washington, DC: Human Rights Campaign, 2001.
- Spock, Benjamin. *Raising Children in a Difficult Time: A Philosophy of Parental Leadership and High Ideals*. New York: Norton, 1974.
- Stanley, Gary, *What My Dog has Taught Me about Life: Meditations for Dog Lovers*. Tulsa, OK: Honor Books, 1999.
- Staso, William. "Toddler Brain Development." *Washington Families*, July 1998.
- Stein, Rob. "Scientists Finding Out What Losing Sleep Does to a Body." *The Washington Post*, Oct. 9, 2005.
- Sutherland, John and Jane Stoever. "Important Facts about Children and Nutrition." Special Advertising Section, *Newsweek*, September 29, 1997.
- _____. "Parenting: Child Care." Special Advertising Section, *Newsweek*, September 29, 1997.
- Taffel, Ron. *Why Parents Disagree: How Women and Men Parent Differently and How We Can Work Together*. New York: William Morrow, 1994.
- _____. *Getting Through to Difficult Kids and Parents*. New York: Guilford Press, 2001.
- Takim, Liyakatali. Overcoming Dualities: Muslim Youth in North America. Unpublished paper presented at the ISNA Conference, Indianapolis, IN, July 5, 1997.
- Time*, June 29, 1998. "Giving Birth Online." <http://www.time.com/time/community/transcripts/chattro61798.html>
- Tremblay, George, Allen Israel. "Children's Adjustment to Parental Death." *Clinical Psychology: Science and Practices*, vol. 5, issue 4, 1998.
- Turecki, Stanley and Sarah Wernick. "How to Put Your Foot Down without Squashing Your Child." *Family Circle*, March 16, 1994.
- Underwood, Anne and Kuchment, Anna. "Fussy Kids, Flustered Mom." *Newsweek*, August 18, 2008, vol. 152, no. 7, pp. 60-62.
- UNICEF. *The State of the World's Children* 2007. New York: United Nations International Children's Emergency Fund, 2006.
- United Nations. *Arab Human Development Report*. New York: United Nations Development Program, 2009.
- United Nations. *World Population Prospects*. New York: UN Department of Economic and Social Affairs, 2010.
- Unus, Iqbal. "A-Z Guide for Muslim Fathers," pamphlet. Herndon, VA: IIIT, 1994.
- U.S. Census Bureau, Current Population Survey, Washington DC: March 2002.
- Versi, Ahmed. "Wonder Boy in UK." *The Muslim News*, February, 1998.
- Villani, S. "Violence in the Media." *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 38, 1208, 1999.
- Weiss, Rick. "Study Debunks Theory On Teen Sex, Delinquency." *The Washington Post*. Nov 11, 2007. p.A.3
- Willatts, P. et al. "Effect of long-chain

- polyunsaturated fatty acids in infant formula on problem solving at 10 months of age." *The Lancet*, vol.352,no 9129, pp.688-691, August 29, 1998.
- Williams, Rowan. "Archbishop Damns Disney." *Daily Mail*, July 23, 2002, http://www.dailymail.co.uk/news/article-129452/Arch-bishop-damns-Disney.html#ixzzorfbjTvIV
- Wimberly, Ed. *A Parents' Guide to Raising Great Kids*. http://www.raisinggreatkids.com/
- Wingert, Pat et al. "Building a Better Dad." *Newsweek*, June 17, 1996
- Winn, Marie. *The Plug-in Drug*. New York: Penguin, 2002.
- Winnicott, D.W. *Babies and Their Mothers*. MA: De Capo Press, 1992.
- Wolgemuth, Robert D. *She Calls Me Daddy: Seven Things Every Man Needs to Know about Building a Complete Daughter*. Colorado Springs, CO: Focus on the Family Publishing, 1996.
- The Women's Committee of the Muslim Students Association of the United States and Canada, *Parents' Manual: A Guide for Muslim Parents*. Baltimore, MD: American Trust Publications, 1976.
- Wood, Joyce. "Quality Time." *Family Circle*, March 16,1994.
- Woolf, Marie. "Children to Learn Pitfalls of Being a Parent." *Daily Telegraph*, December 30,1999.
- Wright, Robert. "The Power of Their Peers." *Time*, vol.152,no.8, August 24,1998.
- Wulf, Steve. "What Makes a Good School." *Time*, October 27, 1997.
- Yogman, Michael. "Games Fathers and Mothers Play with their Infants." *Infant Mental Health Journal*, vol.2, pp.241-248, 1981.
- Zogby International. December 15, 2006
- Zorn, Eric. "Only Way to Teach Values: Help Kids Discover Them." *Chicago Tribune*, April 7, 1998.

HUBUNGAN IBU BAPA & ANAK



Dia datang kepada saya sambil menangis....

Dengan linangan air mata, dia berkata kepada saya, "Dr At-Talib, tolonglah saya. Anak perempuan saya. Sekarang usianya 19 tahun. Saya besarkannya dengan penuh kasih sayang. Saya berikan apa sahaja yang dia inginkan. Tetapi malam tadi, dia lari dari rumah bersama teman lelakinya. Saya tidak tahu di mana dia sekarang..."

Simpati. Namun, sedikit hairan terbit di hati saya.

"Puan, apa maksud puan sudah berikan anak puan itu segalanya?"

"Semuanya Dr. Makanan, pakaian, permainan, wang ringgit – semua yang dia perlukan!"

"Sudahkah puan mengenalkannya kepada agama, al-Qur'an, kehidupan para Rasul dan Nabi kita dan budaya hidup Muslim?"

"Tidak pernah. Tetapi saya sudah memenuhi segala keperluan dan keinginannya." Kemudian dia terdiam. Lama.

Saya menggumam sendirian. "Bagaimana mungkin! Kita membesarakan anak-anak kita jauh dari ajaran Allah. Kurang penekanan terhadap akhlak mulia. Namun kita berharap dia akan membesar menjadi seperti Abu Bakar as-Siddiq, Umar al-Faruq dan Ali!"

Seandainya kita mahu anak-anak mendengar nasihat kita, kita perlu menyemai 'hubungan intim' bersama mereka. Mereka perlu tahu bahawa mereka boleh bergantung harap dengan kita. Mereka perlu yakin bahawa kita sentiasa ada

untuk mereka bila-bila masa yang mereka perlukan kita. Masa, wang ringgit dan usaha yang kita peruntukan untuk pendidikan anak-anak, itulah pelaburan terbaik yang boleh kita lakukan untuk mereka.

Anak-anak kita sedang menyeru kita dengan lantangnya, "Ibu, Ayah, tolonglah:

Janganlah berjalan di hadapan saya, saya tidak dapat mengikutimu,

Janganlah berjalan di belakang saya, saya tidak mampu untuk mencontohimu

Berjalanlah di sisi saya. Jadilah sahabat saya, sampai bila-bila..." (Albert Camus)

Adakah kita semua mendengar seruan itu?

Buku ini ditulis untuk semua ibu bapa di dunia ini. Muslim maupun bukan Muslim. Memberikan dimensi baru dalam dunia keibubapaan. Memfokuskan kepada intipati sebenar peranan ibu bapa dalam melahirkan generasi baru yang segar keintelikualannya, dinamis ideologinya dan membumi peranannya sebagai hamba Tuhan dan Khalifah di bumi.

.....

Anak-anak adalah amanah. Bukan ringan tanggungjawab yang harus digalas oleh kita yang diberi pangkat sebagai ibu bapa. Buku ini Insya Allah mampu membimbing ibu bapa dan siapa yang bergelar pendidik untuk melihat jauh ke dalam. Bahawa tugas membesarakan anak bukan sekadar memberi makan pakai dan tempat tinggal. Ini adalah tugas yang diwariskan oleh para Anbiya' dalam melahirkan generasi Rabbani yang kukuh ikatannya dengan Tuhan namun sedar diri akan peranannya untuk memakmurkan bumi dalam mencipta semua peradaban Islam yang gemilang!

